SEERAH NABAWIYYAH

Al-Raheeq al-Makhtum

Syeikh Safy al-Rahman al-Mubarakfuriyy
India

Pemenang Hadiah Pertama
Pertandingan Seerah Rabitah Alam Islam, Mekkah

PERANAN & PERLUNYA RIWAYAT HIDUP RASULULLAH DALAM MEMAHAMI ISLAM

Tujuan mengkaji riwayat hidup RasuluLlah dan penganalisaannya bukanlah semata-mata untuk melihat kejadian-kejadian dan episod-episod yang bersejarah ataupun memaparkan cerita-cerita yang indah sahaja. Oleh yang demikian tidak seharusnya kita menganggap kajian sejarah hidup Rasulullah ini sama dengan membaca dan menala'ah sejarah para pemerintah (khalifah) di zaman purbakala.

Tujuan pokok dari kajian yang dimaksudkan ialah supaya setiap Muslim dapat memahami, menganggap dan menggambarkan bahawa hakikat zahir dan batin Islam semuanya teradun di dalam penghidupan Rasulullah itu sendiri. Gambaran dan anggapan ini akan timbul dan wujud setelah seseorang Muslim itu dapat memahami dengan benar segala hikmah dan keistimewaan prinsip-prinsip dan dasar-dasar Islam satu persatu terlebih dahulu.

Tegasnya kajian riwayat hidup Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam ini adalah suatu usaha mengumpul hakikat dan intisari dasar-dasar Islam kemudian memadan dan menyesuaikan dengan contoh Islam iaitu Nabi Muhammad Sallallahu 'alahi Wasallam.

Sekiranya perlu kita bahagikan tujuan-tujuan ini maka bolehlah dibahagikan seperti berikut:

1. Memahami peribadi Nabi Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam menerusi penghidupan dan suasana hidup Baginda sendiri. Ini adalah untuk menentukan Muhammad Sallallahu 'alaihi Wasallam itu bukan sebagai manusia pintar tetapi dianya adalah pesuruh Allah Subhanahu Wata'ala yang menerima Wahyu dan taufiq dariNya. Supaya manusia seluruhnya dapat meniru dan mengikut suatu contoh yang unggul dalam segenap lapangan hidup yang harmoni, dari itu juga dapat dijadikan sebagai dasar-dasar hidupnya. Andaikata manusia ingin mencari suatu contoh terbaik bersifat universal, mereka akan dapat semuanya di dalam kehidupan Muhammad Sallallahu 'alaihi Wasallam,

maka tidak hairanlah mengapa Allah menjadikan Muhammad Sallallahu 'alaihi Wasallam itu sebagai contoh kepada umat manusia. Untuk demikian maka Allah telahpun menegaskan dalam Kitab SuciNya yang bermaksud:

"Sesungguhnya pada (diri) RasuluLlah itu menjadi contoh yang paling baik untuk (menjadi ikutan) kamu".

(Al-Ahzab 33 :21)

Semoga kupasan tentang kehidupan Muhammad Salla lahu 'alaihi Wasallam boleh menolong manusia memahami dan mengecapi isi kandungan Al-Qur'an lantaran banyaknya ayat-ayat Al-Qur'an yang dihurai dan ditafsir-kan oleh kejadian dan peristiwa-peristiwa sejarah hidup Nabi Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam. Agar setiap Muslim dapat mengumpulkan seberapa banyak yang boleh perbendaharaan kebudayaan dan pengetahuan Islam yang sebenar samada pengetahuan bersangkutan dengan 'aqidah kepercayaan, hukum hakam' dalam Islam atau tatasusilanya. Lebih tegas lagi penghidupan Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam adalah satu gambaran dengan dimensinya yang jelas bagi prinsip-prinsip dan hukum-hukum Islam.

2. Membolehkan para pendidik penda'wah Islam mencontohi dan mengajar, mengikut sistcm pendidikan dan pengajaran yang sihat kerana Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam sendiri adalah sebagai pendidik, penasihat, guru dan pertunjuk yang utama, tidak pemah membuang masa begitu sahaja malah sentiasa mencari dan menyiasat jalan-jalan dan sistem-sistem pengajaran yang terbaik semasa baginda (SallaLlahu 'alaihi Wasallam) berda'wah.

Antara faktor yang menjadikan sejarah Nabi Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam ini mampu dan berupaya untuk sampai ke matlamat-matlamat tadi ialah kerana sejarahnya lengkap meliputi segenap bidang kehidupan sama ada segi kemanusiaan mahupun kemasyarakatan yang terdapat di kalangan manusia lain samada ianya sebagai seorang individu yang bebas dengan faham pembawaannya atau sebagai seorang anggota masyarakat yang cergas dan terpengaruh oleh unsur-unsur yang terdapat di dalam masyarakatnya.

Sejarah Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasalam menghidangkan kepada kita sejarnbak contoh utama bagi seorang pemuda yang waras; peribadinya yang dipercayai orang di kalangan keluarga dan sahabat; seorang manusia yang menyeru uniat manusia ke jalan Allah secara lemah-lembut dan bersopan-santun; seorang pejuang yang mengorbankan sepenuh usaha dan tenaga demi menyampaikan seruan Allah, seorang ketua negara yang mendayung bahtera pemerintahan dengan cekap dan pintar seorang suami yang halus pergaulannya, seorang bapa yang teliti dan bijak menyempurnakan kewajipan terhadap anak dan isteri, seorang ketua turus agung peperangan yang cergas, penuh dengan tektik strategi persediaannya dan seorang Muslim yang waras lagi bijak membahagikan dedikasinya kepada Allah, keluarga dan sahabat handai (Radiyallahu 'anhum ajma'in). Tidak syak lagi bahawa mempelajari sejarah hidup Muhammad Sallallahu 'alaihi Wasallam ialah memahami semua sudut kemanusiaan.

SUMBER-SUMBER SEJARAH RASULULLAH

Berhubung dengan sumber-sumber sejarah Rasulullah bolehlah kita bahagikan seperti berikut:

Pertama: Kitabullah (AI-Qur'an)

Ianya merupakan sumber utama untuk memahami garis-garis kasar penghidupan Muhammad Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam. Pendedahan sejarah hidup Rasulullah dalam al-Qur'an melalui salah satu aliran berikut:

a. Memaparkan beberapa bahagian dari penghidupan baginda, seperti ayat-ayat yang diturunkan mengenai peperangan Badar, Uhud, al Khandaq atau al Ahzab .Juga seperti kisah perkahwinannya dengan Zainab binti Jahsy.

Mengulas pertempuran-pertempuran dan kejadian-kejadian ini adalah untuk memberi penjelasan selanjutnya kepada apa yang dimusykilkan

atau untuk menerangkan beberapa kesamaran tentang pertempuran dan peristiwa-peristiwa atau untuk menarik perhatian umat Islam terhadap sesuatu iktibar. Sebenarnya segala-galanya ini mempunyai makna dan hubung kait yang amat rapat dan mesra dengan sejarah dan riwayat hidup Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam. Kesemuanya ini menampakkan kepada kita sebahagian besar daripada aspek-aspek penghidupan Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam dan hal ehwal yang bersangkutan dengannya.

Sebenarnya pendedahan Al-Qur'an Al-Karim tentang segala-galanya ini adalah terlalu ringkas dan padat, meskipun cara dan aliran pendedahan tadi kadang kalanya berlainan di antara satu sama lain namun begitu kesemuanya ini tetap memaparkan cebisan-cebisan dan penerangan secara ringkas terhadap pertempuran dan kejadian yang bersejarah. Memang ini adalah jalan dan aliran Al-Qur'an Al-Karim di dalam menceritakan perihal-perihal para Anbiya' yang terdahulu dan umat manusia di zaman silam.

Kedua: Kitab Al-Sunnah Al-Nabawiyyah (Hadith-hadith).

Hadith-hadith Nabi yang sahih. Hadith yang dimaksud-kan di sini ialah isi kandungan Kitab-kitab Hadith yang terkenal dengan kebenaran dan amanahnya, seperti Kitab Hadith Al Muwatta' oleh Imam Malik, Al Musnad oleh Imam Ahmad dan lain-lainnya.

Sumber yang kedua ini lebih luas dan terperinci dari yang pertama. Sungguhpun begitu mungkin kita tidak dapat memberikan suatu gambaran yang lengkap tentang kehidupan Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam sejak dilahirkan hingga wafat-nya kerana beberapa sebab:

a. Oleh kerana Kitab-kitab Hadith ini disusun mengikut maudu' atau tajuk-tajuk fiqah ataupun mengikut unit-unit kajian yang bersangkut dengan syari'at Islam maka hadith-hadith yang menceritakan tentang penghidupan RasuluL-lah berselerak dan berkecamuk dalam maudu'-maudu' fiqah.

b. Oleh kerana para ahli hadith, terutamanya penyusun kitab hadith yang enam tidak memerhatikan soal ini ketika mengumpulkannya untuk disusun mengikut sejarah hidup RasuluLlah, apa yang mereka

titik beratkan ialah penyusunan mengikut maudu' atau tajuk-tajuk fiqah seperti yang disebut tadi.

Ketiga: Kitab-kitab Sejarah RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi Wasallam.

Perihal riwayat hidup Muhamrnad RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi Wasallam di zaman silam adalah melalui dari mulut ke mulut tanpa mendapat perhatian untuk dibukukan, walaupun terdapat sebilangan kedl yang cuba menitikberatkan perhatiannya terhadap kejadian dan peristiwa-peristiwa dalam sejarahnya itu. Setelah beberapa ketika terdapat beberapa orang cuba mencatit riwayat hidup Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam ala kadar yang sampai ke pengetahuannya antara mereka seperti Urwah Ibnu Al Zubair (wafat, 92H), Abari bin 'Othman (wafat, 105H), Wahb in Manbah (wafat, 110H), Syarbabil bin Sa'd (wafat. 123H) dan Ibnu "Syibab Al Zuhri (wafat,124H).

Sayangnya apa yang dituliskan oleh mereka ini telah hilang. Hanya tinggal beberapa bahagian yang tercerai, setengahnya terdapat dalam kitab Al-Tabari manakala sebahagian yang lain pula tersimpan di bandar Heidelberg di Jerman. Bahagian yang tersimpan di Jerman ini ialah sebahagian dari tulisan Wahb bin Manbah (110H). Kemudian timbul pula satu angkatan penyusun riwayat hidup Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam yang terkemuka antara mereka ialah Muhammad bin Ishaq (wafat, 152H) kemudian lapisan kedua, antara mereka ialah Al Waqidi (wafat, 207H) dan Muhammad bin Sa'ad (wafat pada tahun 230H) penyusun kitab Al-Tabaqat Al-Kubra.

Ahli sejarah sebulat suara mengatakan bahawa apa yang ditulis oleh Muhammad bin Ishaq merupakan satu-satunya maklumat (dokumen) sejarah Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam yang paling benar dan boleh dipegang. Tetapi malangnya kitab beliau yang berjudul Al Maghazi Wa Al Siyar telah hilang dan kehilangannya mengakibatkan hilangnya intisari perpustakaan di zaman itu. Setelah masa beredar setengah abad lamanya barulah timbul seorang jaguh yang lain iaitu Abu Muhammad Abdul Malek yang lebih dikenal dengan Ibnu Hisyam, beliau telah menghidangkan kepada kita saringan sejarah Rasulullah Sallalahu 'alaihi Wasallam dengan cara yang menarik sekali.

Sebenarya apa yang dikarang oleh Ibnu Hisyam itu adalah kandungan "Al Maghazi Wa Al Siyar" yang dikarang oleh Ibnu Ishaq dalam bentuk ringkasan. Ibnu Khillikan telah menegaskan dalam bukunya begini:

"Ibnu Hisyam ini ialah orang yang mengumpulkan Riwayat Rasulullah daripada Kitab "Al Maghazi Wa Al Siyar" yang dikarang oleh Ibnu Ishaq setelah disaring dan dibuat beberapa pembaharuan, tambahan dan ringkasan. Kemudian hasil itu dikenali dengan nama "Sirah Ibnu Hisyam". Akhimya barulah orang lain cuba mengikuti jejak langkah mereka ini dalam usaha mengarang dan menyusun sejarah hidup RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi Wasallam, terdapat antara mereka yang cuba membentangkan pelbagai aspek hidup RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi Wasallam. Sebahagian dari mereka yang lain pula cuba mengkaji sudut- sudut hidup Baginda yang tertentu, seperti Al Asfahani dalam bukunya "Dala'il Al Nu-buwwah" dan "Tanda-tanda Kenabian". Imam Tarmidzi pula dalam kitabnya (Al Asy Syamail) cuba menyingkap aspek yang tertentu dan begitu juga Ibn Al Qayyim Al Jauziy dengan bukunya "Zad Al Ma'ad".

RAHSIA PEMILIHAN SEMENANJUNG ARAB SEBAGAI TAPAK PANCARAN ISLAM

Sebelum kita memperkatakan sesuatu tentang sejarah hidup RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi Wasallam dan Semenan-jung 'Arab di mana baginda hidup dan dipilih sebagai Rasul, ada baiknya kalau kita cuba menyingkap hikmat-hikmat Allah, mengapa terpilihnya Rasulullah dari bumi ini dan bangsa 'Arab pula sebagai pembawa obor da'wah Islamiyyah.

Untuk mengetahui segala-segalanya pertama kita mesti mengetahui keistimewaan bangsa 'Arab dan perangai serta tata penghidupannya sebelum Islam dan keadaan muka bumi (geografi) dan persekitarannya.

Kemudian barulah kita membuat perbandingan dengan bangsa-bangsa yang hidup sezaman de-ngannya seperti Romawi, Greek dan India termasuk adat resam, tatasusila dan keistimewaan tamaddun mereka.

Pertamanya, marilah kita mengkaji secara sepintas lalu bangsa-bangsa yang hidup di sekitar tanah 'Arab sebelum Islam: Dunia di kala itu boleh dikatakan telah dikuasai dan dikepalai oleh dua negara yang gagah iaitu Parsi dan Romawi dan disenarai yang kedua pula ialah Greek dan India. Parsi di kala itu merupakan arena pertarungan agama dan falsafah yang beranika corak. Pembesar dan pemerintah pada keseluruhannya menganut agama Majusi (Zuradisy) yang mana antara ajarannya menggalakkan lelaki berkahwin dengan ibu nya, anak perempuannya atau adik dan saudara perempuannya.

Empayar Yazdajrid kedua yang memerintah di pertengahan abad kelima Masihi telah berkahwin dengan anak perempuannya. Bukan setakat itu sahaja malah tatasusila dan sopan-santun telahpun terpesong dari garis-garis yang bersifat kemanusiaan. Mengikut apa yang ditegaskan oleh Al Imam Al Shahras-tani dalam kitabnya yang berjudul Al-Milal Wa Al-Nihal, terdapat antara ajaran agama Mazdak yang menyebut bahawa kebebasan kaum wanita tiada hadnya. Begitu juga dengan kebebasan menggunakan harta benda dan seterusnya menjadikan wanita dan harta benda ini kepunyaan dan hak milik bersama, tidak ubah seperti air, api dan rumput di mana semua manusia boleh berkongsi tanpa sekatan. Seruan ini telah mendapat sambutan yang begitu hangat dari karangan mereka yang memang berhaluan demikian.

Kerajaan Romawi (Rome) pula begitu meluap-luap dengan jiwa dan semangat penjajahan dan bergelut dalam persengketaan agama dengan pihak Kristian negeri Syam (Syria) dan Mesir. la bergantung penuh kepada kekuatan angkatan ten-teranya dan cita-cita penjajahannya yang berkobar-kobar dalam rangka percubaan memodenisasikan agama Kristian untuk disesuaikan dengan matlamat mencapai cita-cita dan kemahuannya.

Negara ini juga berada dalam keadaan huru-hara dan kucar-kacir dari

negara Parsi, yang hidup dengan segala kemewahan iaitu kemewahan dalam kemerosotan ekonomi dan pemerasan terhadap rakyat jelata. Kenaikan cukai yang begitu melambung tinggi merupakan suatu gejala yang biasa dan telah menjadi satu lumrah.

Greek tua pula tenggelam ke dasar lautan khurafat dan dongeng yang tidak memberi sebarang faedah dan natijah yang berguna sama sekali. Negara India pula di kala itu menurut Professor Abul Hassan Al Nadwi telah menegaskan bahawa ahli sejarah dan pengarang sebulat suara mengatakan yang India di permulaan abad keenam Masihi telah terlantar ke lembah kemeroosotan agama, akhlak dan kemasyarakatan. India bersama jiran tetangga dan saudaranya turut serta mengambil bahagian dalam memerosotkan akhlak dan kemasyarakatan.

Perlu kita ketahui bahawa anasir-anasir yang menyeret bangsa-bangsa ini ke lembah kerosakan dan perpecahan ialah kemajuan dan tamaddun yang berasaskan kepada mata benda (material) semata-mata. Tamaddun ini telah tidak mengambil contoh-contoh ma'nawi dan akhlak yang sempuma sebagai landasan dan asas kemajuan. Tamaddun dan kemajuan kebendaan dengan anika sebab-akibat yang timbul darinya hanyalah tidak lebih dari satu jalan semata-mata iaitu satujalan yang tidak dapat memberikan apa-apa erti. Lantaran ketandusan fikiran yang waras dan contoh sempurna yang benar-benar dapat dihayatii

maka tamaddun dan kemajuan yang dicapai itu telah membawa kehidupan manusia mengalir ke tasik kecelakaan dan huru-hara. Sebaliknya jika ahli fikirnya mempunyai akal fikiran yang waras dan pertimbangan yang saksama maka tamaddun dan kemajuan tadi merupakan jalan-jalan yang indah serta mudah pula menuju ke arah kesenangan dalam semua corak dan aspek hidup. Biasanya perkara ini tidak akan lahir kecuali melalui agama dan wahyu Ilahi sahaja.

Semenanjung 'Arab di masa itu merupakan suatu kawasan yang tenang, jauh dan terpencil dari gejala-gejala huru-hara tadi. Bangsanya langsung tidak pemah merasai kemewahan dan kemajuan seperti Parsi; yang boleh membawa mereka ke arah kerosakan dan keruntuhan akhlak dan tidak pula mengagung-agungkan kekuatan tentera yang

membolehkan mereka menjajah negara-negara di sekitamya. Mereka juga tidak menganut falsafah dan ideologi yang beranika ragam seperti Greek Tua yang menyebabkan mereka menjadi mangsa kepada dongengan dan khurafat.

Tabi'at semulajadi mereka ini tidak ubah seperti suatu "bahan yang mentah" yang belum pernah dilebur di mana-mana dapur dan dicorak di mana-mana acuan seolah-olah terbayang di layar penghidupan rnereka seorang manusia semulajadi yang bersih rnempunyai kemahuan yang kuat ke arah pembentukan manusia yang terpuji yang rnempunyai sifat-sifat amanah, pemurah, suka menolong dan bencikan kezaliman. Apa yang mereka perlu hanyalah pengetahuan yang dapat menyinari jalan-jalan ke arah tersebut kerana mereka ini hidup dalam kejahilan yang gelap memekat. Kebanyakan mereka telah sesat untuk sampai ke arah kemanusiaan yang sebenamya. Mereka membunuh anak perempuan kerana mahu menjaga maruah, membelanjakan wang yang banyak dengan harapan mahukan kemuliaan dan berperang sama sendiri dengan tujuan mempertahankan kehormatan.

Segala-galanya ini telah diterangkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Al-Qur'an:

Yang bermaksud;

"Dan sesungguhnya kamu sebelum hari ini adalah dan golongan orang-orang yang telah sesat".

(Al-Baqarah Ayat 198)

Penegasan ini lebih merupakan keuzuran dan kemaafan bagi mereka daripada penghinaan ke atas mereka.

Ini adalah memandangkan bangsa-bangsa lain telah menggunakan tamaddun dan kemajuan mereka sebagai alat ke arah kerosakan sedangkan mereka ini sedar malah merancang sedemikian. Di samping semuanya ini, Semenanjung 'Arab di segi kedudukan muka buminya pula terletak di pertengahan bangsa-bangsa tersebut (iaitu Parsi dan Rome) yang bergolak di sekelilingnya.

Muhammad Al Mubarak seorang professor Mesir telah mengutarakan

pendapat dengan katanya:

'"Orang yang memerhati dan memandang kepada bangsa 'Arab akan dapat melihat bagaimanakah bangsa Arab boleh berdiri di masa silam di tengah-tengah dua tamaddun yang melebar di kiri kanan. Di sebelah kirinya tamaddun barat yang keterlaluan telah cuba mendapatkan gambaran dan imej manusia dengan alirannya yang kering pucat tak berhias dan tidak berjejas dengan hakikat keinsanannya. Di sebelah kanannya pula tamaddun kerohanian dan kejiwaan yang melambung ke alam khayalan seperti yang terdapat di India, China dan sebagainya."

Setelah kita dapat menggambarkan hal keadaan bangsa 'Arab dan semenanjungnya sebelum Islam juga hal keadaan bangsa-bangsa lain yang mengelilinginya maka mudahlah bagi kita menyingkap di sebaliknya apakah hikmat-hikmat Allah mengutuskan Rasul utusan di Semenanjung 'Arab itu dan bangsa 'Arab pula merupakan golongan pertama buat merintis jalan-jalan ke arah penyebaran obor seruan da'wah Islamiyyah yang kini telah dianuti oleh umat manusia di seluruh pelusuk alam.

Bukanlah sepertimana yang disangka oleh setengah-se-tengah golongan yang mengatakan bahawa pengikut-pengikut agama yang sesat adalah sukar untuk mengubati jiwa mereka dan sukar memberi tunjuk ajar kerana mereka ini ta'sub (fanatik) dan membanggakan keburukan, kehancuran dan kemusnahan yang pada sangkaan mereka semuanya baik. Sedangkan mengubah dan memberi tunjuk ajar kepada mereka yang sedang mencari-cari kebenaran lebih mudah kerana mereka ini sama sekali tidak menafikan kejahilan mereka sendiri dan tidak pula membanggakan atau bermegah-megah dengan hasil tamaddun kerana mereka langsung tidak mempunyai tamaddun. Golongan ini paling mudah sekali untuk diperbaiki dan diberi dorongan kepada mereka. Bagi kita bukanlah ini yang dikatakan hikmat Ilahi, kerana penganalisaan yang seumpama ini hanya tepat kepada mereka yang mempunyai daya dan tenaga yang terbatas sahaja, memilih yang senang dan meninggalkan yang susah kerana tidak mahukan penat lelah.

Andaikata Allah mahu menjadikan pancaran da'wah Islamiyyah di

mana-mana bahagian di Parsi atau di Rome atau di India bersinar cemerlang maka sudah pasti pula Allah akan menyediakan kemudahan dan cara-cara sehingga berjaya da'wahnya seperti mana yang berlaku di Semenanjung 'Arab. Soal ini tidak pula menjadi bebanan, kerana Allah Subhanahu Wata'alah Pencipta 'alam semesta. Namun hikmah Allah memilih Semenanjung 'Arab dan Rasul utusan itu tadi (seorang yang buta huruf - tidak boleh membaca dan menulis seperti mana yang diterangkan oleh Allah dalam Kitab SudNya) agar manusia seluruhnya tidak merasa syak wasangka terhadap keNabian dan keRasulanNya.

Sebagai penutup dan epilog kepada hikmah Allah ialah suasana persekitaran tempat Rasulullah diutuskan di mana di dalamnya wujud suatu biah (suasana) buta huruf juga dan jika dibandingkan dengan bangsa-bangsa lain yang hidup di sekelilingnya mereka juga belum pernah dimasuki dan diracuni oleh sebarang tamaddun, pemikiran dan kerumitan falsafah yang berserabut.

Di antara hikmat Ilahi juga ialah menghindarkan perasaan syak wasangka manusia apakah Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam ini boleh membaca dan mempelajari kitab-kitab lama yang mengandungi sejarah manusia purba dan tamaddun negara tetangga dan menghindarkan juga sangkaan buruk terhadap Muhammad sekiranya dakwah Islamiyyah ini timbul di kalangan umat manusia yang bertamaddun dan mempunyai falsafah seperti Parsi, Greek Tua atau Romawi. Sebabnya ialah sangkaan buruk ini akan memberi suatu gambaran yang buruk iaitu dari siri tamaddun dan falsafah yang terakhir dalam bentuk tamaddun yang tulen serta kemas dengan perundangan yang lengkap. Hikmah-hikmah Ilahi ini telahpun diterangkan dengan tegas danjelasnya dalam Al-Qur'an:

Yang bermaksud:

"Dialah (Allah) yang telah mengutuskan di kelompok buta huruf seorang utusan daripada kalangan mereka (untuk) menyampaikan kepada mereka ayat-ayatNya dan menjauhkan mereka daripada syirik dan mengajar mereka kitab-kitab dan hikmat, dan sesungguhnya mereka itu dahulunya dalam kesesatan yang amat sangat. "

(Al-Jumu'ah 62 : 2)

Sudah kehendak Allah mengutuskan utusanNya yang buta huruf, begitu juga bangsa yang akan timbul Rasul di ka-langannya juga satu bangsa yang kebanyakannya buta huruf, agar mukjizat keNabian dan syari'at Islam itu terjulang nampak dan jelas di antara dogma-dogma dan seruan manusia lain yang beranika corak.

Di sana terdapat hikmat Ilahi yang lain, dan boleh diringkaskan seperti berikut:

1. Seperti yang diketahui di mana Allah Subhanahu Wata'ala telah menjadikan Baitui Haram itu tumpuan dan kesejahteraan untuk umat manusia seluruhnya dan merupakan rumah yang pertama untuk manusia beribadat serta mempraktikkan rukun-rukun agama. Sesungguhnya lembah Makkah ini telah menjalankan dan melaksanakan seruan bapa para Anbiya' iaitu Sayyidina Ibrahim 'Alaihi sallam. Tepat dan kena pada tempatnya di mana kawasan yang mulia ini menjadi muara seruan agama Islam yang pertama iaitu| agama Nabi Ibrahim dan juga tempat pengutusan Nabi yang terakhir .

2. Di segi kedudukan ilmu alam maka semenanjung 'Arab ini telah dipilih untuk bebanan tanggungjawab da'wah Islamiyyah, kerana situasi dan kedudukannya di tengah-tengah berbagai bangsa. Ini menyebabkan penyebaran da'wah Islamiyyah di kalangan bangsa-bangsa dan negara yang di sekelilingnya tersebar dengan mudah. Ini temyati sekali bila kita mengkaji semula perjalanan da'wah Islamiyyah di zaman permulaannya dan di zaman khulafa al-Rashidin. Memang tepat seperti yang ditegaskan tadi.

3. Dan sebagai hikmat Ilahi juga yang menjadikan bahasa 'Arab itu sebagai media da'wah Islamiyyah dan bahasa yang pertama buat menerang dan mentafsirkan percakap-an atau kalam Allah 'Azza wa jalla untuk disampaikan kepada kita.

Kalau kita perhatikan dengan teliri tentang keistimewaan bahasa-bahasa diikuti dengan satu perbandingan dengan bahasa 'Arab maka dengan jelas kita dapati yang bahasa 'Arab mempunyai banyak keistimewaan yang sukar didapati dalam bahasa-bahasa lain. Maka

sudah layak baginya untuk menjadi bahasa yang pertama dan utama untuk umat Islam di mana mereka berada.

KELAHIRAN RASULULLAH dan EMPAT PULUH TAHUN SEBELUM PENGUTUSAN

Rasulullah (s.a.w) penghulu para Rasul telah dilahirkan di Syuaib Bani Hashim di Makkah pada pagi hari Isnin 9 Haribulan Rabiulawwal dipermulaan Tahun Gajah, dan tahun keempat puluh dalam pemerintahan Raja Kisra Anu Syirwan bersamaan 20 atau 22 April tahun 571 Masihi mengikut perkiraan Ulama Agong Muhammad Sulaiman al-Mansurpuri dan pentakhkik Falak Mahmud Basya.

Ibn Sa'd meriwayatkan bahawa ibu Rasulullah (s.a.w) menceritakan: " Ketika ku melahirkannya, satu cahaya telah keluar dari farajku, menerangi mahligai-mahligai di negeri Syam" , periwayatannya hampir sama dengan apa yang diriwayatkan oleh al-Irbadh bin Sariah. Beberapa irhasat (petanda-petanda) kebangkitan seorang rasul telah berlaku beberapa ketika, sebelum kelahiran Rasulullah, di antaranya runtuhan empat belas anjung dewan Kisra Parsi, terpadamnya api yang disembah penganut agama majusi, robohnya gereja-gereja di sekitar Tasik Sawah yang sebelum ini penuh sesak dengan para pengunjung. Ia diriwayat oleh al-Baihaqi. Tetapi tidak dipersetujui oleh Muhammad al-Ghazali.

Sebaik sahaja Baginda dilahirkan, ibunya Aminah segera memberi tahu kepada datuk Baginda Abdul Mutalib, mengenai perkhabaran yang baik itu, dengan itu Abdul Mutalib terus mengambil dan membawa Baginda kedalam Kaabah, untuk berdoa dan bersyukur kepada Allah, beliau telah memilih nama "Muhammad" sebagai nama kepada cucunya, nama itu tidak pernah dinamakan kepada sesiapa pun oleh bangsa Arab sebelum ini, Nabi Muhammad (s.a.w) telah berkhatan ketika berada di dalam kandungan ibunya lagi.

Penyusuannya yang pertama selepas ibunya, ialah daripada Thuwaibah hamba Abu Lahab bersama anaknya bemama Masruh dengan itu beliau menjadi saudara sepenyusuan dengan Baginda, sebelum ini Thuwaibah juga telah menyusukan Hamzah bin Abdul Mutalib selepas beliau Abu

Salamah bin Abdul al-Asad al-Makhzumi.

DIPERSADA BANI SA'AD

Mengikut resam bangsa Arab Hadhar (bandar), bahawa usaha memperolehi penyusu-penyusu untuk anak-anak mereka dari pendalaman, sebagai usaha mencegah dari penyakit-penyakit yang terdapat di bandar, di samping menguatkan pembinaan jasad anak-anak, mengemaskan otot-otot, malah ianya juga sebagai cara untuk membantu lisan bahasa Arab dengan bahasa yang baik sejak dalam buaian lagi, untuk itu Abdul Mutalib telah berusaha mencari penyusu-penyusu untuk Rasulullah, dengan itu beliau menyerahkan Muhammad kepada Bani Sa'ad bin Bakr, iaitu Halimah binti Abi Zuaib suaminya dikenali sebagai al-Harith bin Abd al-Qira bergelar Abu Kabsyah dari Qabilah yang sama.

Adapun saudaranya yang sepenyusuan di Bani Sa'ad adalah Abdullah bin al-Harith, Anisah binti al-Harith, Huzafah atau Jazimah binti al-Harith (iaitu al-Syaima', gelarannya lebih di kenali, beliaulah yang mengasuh Rasulullah, dan Abu Sufian Ibn al-Harith bin Abdul Mutalib, anak bapa saudara Rasulullah itu pun sepenyusuan dengan Baginda juga.

Bapa saudara Rasulullah Hamzah bin Abdul Mutalib pun pernah menyusu di Bani Sa'd bin Bakr, maka Hamzah menjadi saudara sepenyusuan dengan Rasulullah dari dua orang ibu; Thuwaibah dan Halimah al-Sa'diah, kerana ibu susuan Hamzah di suatu hari telah memberi susuannya kepada Rasulullah. Semasa Baginda bersama Halimah, beliau telah menyaksikan banyak keberkatan-keberkatan Rasulullah.

Ibn Ishaq telah menyebut: Halimah telah berkata yang ianya telah keluar dari kampung bersama suaminya dan disertai oleh anak kecil yang masih menyusu, beliau keluar bersama-sama wanita-wanita Bani Sa'd, dalam rangka mencari anak-anak susuan dengan katanya: Ini

berlaku di tahun kedua di mana kami tidak memiliki apa-apa pun katanya lagi: Aku telah keluar dengan menunggangi kaldai betina "Qamra" panggilannya, bersama kami unta-unta, demi Allah unta kami itu tidak mengeluar susu setitik pun. Malah pada masanya kami tidak dapat tidur kerana anak kecil kami menangis disepanjang malam lantaran kelaparan, dadaku tidak dapat mengenyangkan, unta kami tidak dapat memberi makanan, namun demikian kami masih tetap mengharapkan hujan, daku keluar dengan kaldai betinaku itu, hingga pecah-pecah dan berdarah kaki kerana muatan berat, seluruh yang bermusafir itu terasa berat, lemah dan kekurusan, akhirnya sampai juga kami di Kota Makkah mencari anak-anak susuan, setiap dari kami telah diajukan Rasulullah untuk penyusuannya maka setiap orang pula menolaknya iaitu apabila diceritakan tentang keyatimannya, kerana setiap kami sebagai ibu susu mengharapkan budi baik dari si bapa, setiap kami menyebut-menyebut yatim!!

Apa yang akan boleh dilakukan oleh si ibu dan si datuknya maka setiap kami membencinya kerana keyatimannya. Setiap yang datang bersama denganku telah membawa pulang bayi susuannya kecuali ku seorang sahaja bila kami telah bersiap untuk pulang, ku pun menyebut kepada suamiku: Demi Allah aku tidak sukalah untuk pulang bersama-sama dengan teman-temanku yang lain tanpa membawa bersamaku seorang bayi susuan pun, demi Allah aku mesti ambil si yatim tadi. Jawab suamiku: tidak mengapalah untuk kau berbuat demikian, semoga Allah jua akan memberikan kita keberkatan kerananya. Katanya! Aku pergi ambil si yatim itu, yang mendesak ku mengambilnya, kerana tidak ada yang lain untuk ku ambil, katanya, setelah ku dukung ke tunggangan ku, dan sebaik sahaja ku letakkannya ke ribaku, terasa dadaku dipenuh susu, maka si yatim pun menghisapnya hingga puas, saudaranya pun menyusu juga hingga puas dan tertidur, sebelum ini kami tidak pernah tidur bersamanya, kemudian suami ku pergi ke unta kami, dan didapati uncang susunya penuh dengan susu, beliau memerahnya lalu diminumnya dan diberi kepada yang lain-lain kiranya kami semua puas dan kenyang, malam itu kami dapat tidur dengan nyenyak, Halimah

berkata: Suamiku telah berkata bila kami bangun di pagi harl: Demi Allah, tahu tak wahai Halimah, sebenarnya tiupan bayu keberkatan mula menghembus nafasnya, kata Halimah: Ku menjawab: Demi Allah sesungguhnya ku mengharapkan demikian, dan katanya lagi:

Setelah itu kami pun bergerak keluar dari daerah Makkah, aku menunggangi kaldai betina ku itu, di atasnya juga ku membawa Rasulullah, demi Allah binatang tungganganku merentasi perjalanan kiranya tidak dapat disaingi oleh kaldai-kaldai mereka yang lain, hinggakan teman-teman ku yang lain, tertanya-tanya dan berkata: Wahai puteri Abu Zuaib apa kamu ini? perlahanlah sedikit, tidakkah tunggangan kamu itu yang naik ke sini dulu, jawabku kepada mereka: Bahkan demi Allah yang itu itulah: jawab mereka: Demi Allah, ianya ada keistimewaan, kata Halimah:

Setelah itu kami semua pun sampailah ke kampung kami iaitu persada Bani Sa'd, ku tidak pernah melihat sebuah bumi yang paling kontang dari bumi Bani Sa'd, namun setelah kami pulang dari mengambil bayi susuan kami itu nampaknya kambing-kambing kami sarat perut kekenyangan, uncang-susu dipenuh susu, kami memerahnya dan meminumnya, sedang ternakan orang lain tetap tidak menghasilkan setitik susu pun, uncang susu kekeringan, menyebabkan penduduk-penduduk yang lain menyuruh penternak-penternak mereka dengan berkata: Binasa kamu, cubalah bawa ternakan-ternakan ke tempat yang selalu puteri Abu Zuaib berternak itu, namun kambing-kambing mereka tetap kelaparan tidak mengeluar walau setitik susu pun, sedangkan ternakan kami kekenyangan uncangnya sarat dengan susu. Beginilah seterusnya kami terus menerima limpahan kurnia dari Allah hingga berlalu dua tahun umur Baginda di mana Baginda pun tinggal susu, Baginda membesar tidak seperti kanak-kanak lain, seblum sampai usia dua tahun Baginda telah menjadi besar segar, kata Halimah: Setelah beberapa masa kami bawa Baginda pulang kepangkuan ibunya, walau macam mana pun kami tetap prihatin agar Baginda terus tinggal bersama kami, kerana kami dapat menikmati keberkatannya, untuk itu kami pun mengemukakan harapan ini kepada ibunya, dan ku berkata

kepadanya: Kalaulah puan benarkan anakku ini terus tinggal bersamaku hingga meningkat tampan, pun ada baiknya, kerana ku takut wabak-wabak di Makkah akan menyeranginya nanti, katanya lagi. Masih lagi kami merayu-rayu hingga ibunya pun membenarkannya pulang bersama kami.

Demikianlah halnya Rasulullah kembali tinggal kepangkuan Bani Sa'ad, hinggalah apabila Baginda meningkat empat atau lima tahun, di mana berlakunya peristiwa pembedahan dada Baginda, Imam Muslim telah meriwayatkan sebuah hadith dari Anas (r.a) bahawa Rasulullah telah didatangi Jibril (a.s), di ketika Baginda sedang bermain-main dengan anak-anak lain, Jibril memegang Baginda dan merebahkannya lalu dibelah dadanya dan dibawa keluar hati dan dikeluarkan segumpal darah dari dalamnya, dengan berkata: Inilah bahagian tempat syaitan bersarang, setelah itu dicucikan hati Baginda di dalam sebuah talam emas dengan air Zamzam setelah itu disembuhkan semula badannya dan dibawa semula Rasulullah ke tempat anak-anak tadi, manakala anak-anak lain berlarian pergi menemui ibunya Halimah menceritakan, dengan kata mereka, "Muhammad telah dibunuh". Apabila mereka menemuinya semula didapati Baginda kepucatan.

KE PANGKUAN IBUNYA YANG PENYAYANG

Halimah al-Sa'diah terasa takut dengan peristiwa tersebut, dengan itu beliau memulangkan Rasulullah kepangkuan ibunya, Baginda tinggal bersama ibunya hingga meningkat usia enam tahun. Aminah teringat untuk ke Yathrib menziarahi kubur suaminya, sebagai mengenang dan mengingati kematian itu. Untuk itu beliau keluar dari Makkah, merentas lima ratus kilometer menuju ke destinasi bersama-sama anak lelakinya yang keyatiman itu, di iringi khadamnya Ummu Aiman dan ayah mertuanya Abdul Mutalib, di sana beliau tinggal untuk selama sebulan, setelah itu beliau berpatah balik, semasa perjalanannya dari sana, beliau telah diserang penyakit dan semakin berat, sejak di awal perjalanan lagi, berakhir dengan hembusan nafas terakhir di tempat

bernama "al-Abwa' " yang terletak di antara Makkah dan Madinah.

KE PANGKUAN DATUK PEMBELAS KASIHAN

Abdul Mutalib membawa Baginda pulang ke Makkah, dengan perasaan kasih sayang menepu didadanya terhadap cucundanya yang kini yatim piatu, duka lamanya kembali menusuk perasaan, membawa beliau mengasihani cucunya melebihi kasih sayangnya ke atas anak-anak cucunya yang lain. Beliau tidak pernah tinggalkan Baginda keseorangan, meskipun yang dalam keadaan terpaksa, sebaliknya beliau sentiasa mendampinginya dan mengutamakan Baginda lebih dari cucunya yang lain. Ibnu Hashim menceritakan: Biasanya dihampar di lindungan Kaabah sebidang tikar khusus untuk Abdul Mutalib, anak-anak dan cucunya akan bersila di sekeliling tikar itu, tak seorang pun akan duduk di atas tikar itu hanya Abdul Mutalib seorang, kerana menghormati beliau, namun bila Rasulullah datang ketika itu Baginda masih kanak-kanak, Baginda akan duduk di atas hamparan itu, di masa itu bapa-bapa saudaranya akan menarik Rasulullah ke tepi untuk memberi tempat kepada Abdul Mutalib, bila beliau melihat Rasulullah di situ Abdul Mutalib pun menyeru: Biarkan anakku itu demi Allah dia mempunyai kedudukannya, kemudian beliau duduk disampingnya di atas hamparan itu, dengan menyapu-nyapu di belakang Baginda dan beliau sentiasa senang dengan segala peri laku Baginda.

Pada usia lapan tahun dua bulan sepuluh hari Datuknya Abdul Mutalib pun meninggal dunia di Makkah, walau bagaimanapun sebelum wafat, beliau telah sempat berwasiat dan menyerah pemeliharaan Rasulullah kepada bapa saudaranya Abu Talib saudara kandung ayahnya.

Ke Pangkuan Bapa Saudara Yang Mengasihani

Abu Talib selaku bapa saudara, telah memikul tanggungjawab menjaga anak saudaranya dengan sebaik-baiknya, beliau meletakkan Baginda bersama-sama dengan anak-anaknya malah memberi keutamaan ke atas

anak-anaknya dengan keistimewaan, penghormatan dan sanjungan, dalam tempoh empat puluh tahun beliau menyokong Baginda, melindungi, membenarkan Baginda malah sanggup berkelahi untuk Baginda.

Bertemu Pendeta Buhaira

Setelah usia Rasulullah meningkat dua belas tahun, ada yang mengatakan dua belas tahun dua bulan sepuluh hari, Baginda keluar belayar bersama Abu Talib untuk berniaga di negeri Syam, sehingga apabila sampai ke Basrah, yang merupakan sebahagian dari Syam di dalam daerah Hawran, namun pada ketika itu Basrah adalah salah sebuah negeri, di daerah negeri Arab di bawah taklukan Rom, di sana terdapat seorang paderi bernama Jarjis yang dikenali sebagai Buhaira.

Setibanya rombongan ke sana,"Buhaira" keluar untuk menemui mereka, dan memuliakan mereka sebagai tetamu, tapi ini bukan satu kebiasaannya, kerana sebelum ini beliau tidak pernah keluar untuk menemui sesiapa, beliau mengenali Rasulullah dengan segala sifat-sifatnya. Semasa beliau memegang tangan Baginda, terus beliau berkata: Inilah penghulu dunia sejagat, inilah orang yang diutuskan Allah sebagai rahmat untuk sekelian alam. Kata Abu Talib: Dari mana maklumat ini tuan perolehi? Jawab beliau: Tahukah kamu, bahawa semasa kamu mendekati "al-Aqabah" tidak ada batu dan pokok-pokok pun yang tidak tunduk sujud kepadanya, sujud seperti ini hanya berlaku kepada seorang nabi sahaja, dan aku kenali pada Baginda "Khatam al-Nubuwah" penutup kenabian, ianya terletak di belakang Baginda di bawah tulang dayung bentuknya seperti epal, semua sifat-sifat Baginda tersebut di dalam kitab-kitab kami, seterusnya beliau meminta supaya Abu Talib membawa Muhammad (s.a.w) pulang ke Makkah, dan jangan dibawanya ke negeri Syam kerana ditakuti tindakan jahat Yahudi, oleh itu Abu Talib mengirim Rasulullah untuk berpatah balik ke Makkah bersama-sama dengan beberapa orang suruhannya.

PEPERANGAN AL-FUJJAR

Semasa usia Baginda lima belas tahun, berlaku satu peperangan, terkenal sebagai peperangan al-Fujjar, (peperangan penjahat) kerana jenayah perlanggaran di bulan-bulan haram. Pihak pertama ialah Quraisy dan Kinanah, yang kedua ialah Qais bin Ilan. Tuan agong bagi Quraisy dan Kinanah ialah Harb bin Umaiyah kerana status beliau di kalangan masyarakat, Quraisy di samping faktor umur. Di awal hari kemenangan berpihak kepada Qais namun bila hari beralih ketengah hari Kinanah sudahpun menguasai medan pertempuran, di ceritakan bahawa Rasulullah telah turut serta di dalam peperangan ini, di mana Baginda menyediakan anak-anak panah untuk bapa saudaranya.

PERJANJIAN AL-FUDUL

Ekoran kepada peperangan al-Fujjar, telah diadakan satu perjanjian di dalam bulan Zulkaedah. Salah satu bulan Haram, padanya dijemput qabilah-qabilah Quraisy seperti Banu Hashim, Abu Abdul Mutalib, Asad bin Abdul al-Uzza, Zuhrah bin Kilab, Taiyim bin Murrah. Kesemua mereka berlaimpul di kediaman Abdullah bin Jadaan al-Taiyimi kerana faktor kedudukan yang disanjung dan juga faktor umur, memandangkan beliau tertua di antara.

Di dalam perjanjian ini semua mereka bersetuju dan berjanji untuk memihak kepada sesiapa sahaja yang dianiayai, dan bertindak terhadap penganiaya, hingga dapat dikembalikan hak kepada tuannya, Rasulullah telah ulrut serta di dalam perjanjian ini setelah Baginda diutuskan dan memuji perjanjian berkenaan, dengan sabdanya: Daku telah menyertai satu perjanjian yang dilangsungkan di rumah Abdullah bin al-Jadaan. Perjanjian yang menyenangkan hatiku, lebih dari kesenanganku kepada unta-unta gemuk, sekiranya aku dijemput semasa di dalam Islam nescaya daku beri persetujuan segera.

Perjanjian ini menafikan semangat kefanatikan Jahiliah yang biasanya dimarakkan oleh perasaan asabiah kebangsaan atau perkabilahan, dikatakan bahawa dorongan yang mengarahkan kepada termeterainya

perjanjian ini, ialah lantaran seorang lelaki dari Zubaid memasuki Kota Makkah dengan barangan perniagaannya, barangan itu telah dibeli oleh al-As ibnu Wail al-Sahmi, namun harganya tidak diselesaikan. Sebagai tindakbalas darinya, beliau telah meminta pertolongan dari sekutunya Abdul al-Dar, Makhzum, Jumah, 'Adi, malangnya pihak sekutunya tidak memenuhi permintaannya itu, untuk selanjutnya beliau mendaki bukit Abi Qubis dengan menyuarakan peri penganiayaan terhadapnya, disuarakan di dalam madah syairnya, al-Zubair bin Abdul Mutalib bangun bertindak dengan katanya: Apa cerita ini semua membisu belaka? Dengan itu mereka yang telah mengikat janji al-fudhul tadi menyokongnya, mereka semua segera menemui al-A'as bin Wail dan mengambil barangan lelaki Zubaid tadi dan dipulangkan kepadanya, setelah mereka memeterai perjanjian al-Fudhul itu.

HIDUP PENUH KEPERITAN

Rasulullah (s.a.w) tidak mempunyai satu pekerjaan yang tetap dipermulaan mudanya, namun demikian beberapa riwayat sering mengaitkan kerja Rasulullah di permulaan usia remajanya, sebagai penternak, mengembala kambing keluarga Banu Sa'd, dan di Makkah pula mengambil upah dari penduduk Makkah dengan beberapa qirat, bila Baginda meningkat dua puluh lima tahun, Baginda keluar ke negeri Syam sebagai peniaga dengan modal Khadijah (r.a).

Ibn Ishak menceritakan: Khadijah binti Khuwailid, adalah seorang wanita peniaga, mempunyai kedudukan termulia dan pelbagai harta, biasanya beliau menawar peniaga-peniaga untuk berniaga dengan hartanya, dengan berkongsi keuntungan, terutamanya orang-orang Quraisy memang terkenal sebagai ahli perniagaan. Sebaik sahaja perkhabaran mengenai diri Rasulululllah dengan keimanan dan kebenaran pertuturan Baginda, serta ketinggian akhlak mulia, tanpa berlengah beliau mengantar utusan, menawarkan kepada Baginda untuk keluar berniaga dengan hartanya ke negeri Syam, beliau menjanjikan Baginda untuk memberi kongsian lebih lumayan dari yang ,biasa diberi

kepada peniaga-peniaga lain, untuk ke sana beliau telah menghantar budak suruhannya mengiringi Rasulullah, tawaran itu telah diterima oleh Rasulullah dengan baik. Baginda pun keluar ke sana bersama Maisarah budak suruhan Khadijah hingga tiba ke negeri Syam.

PERKAHWINAN BAGINDA DENGAN KHADIJAH (R.A)

Sekembalinya Rasulullah ke Makkah dari perjalanannya, Khadijah mendapati hartanya terjaga dengan penuh amanah dan berkat, yang hingga kini belum pernah dilihatnya, tambahan dengan cerita-cerita yang dilaporkan oleh budak suruhannya Maisarah, mengenai segala sesuatu yang diperhatinya di s'epanjang pergaulannya dengan Rasulullah di sana, dengan perangai-perangai yang lemah lembut, pekerti-pekerti yang mulia, fikiran waras, minda penuh kepintaran dan perwatakan yang lurus, kini beliau sudah berjumpa dengan mutiara kehilangannya. Sebelum ini pembesar-pembesar dan pemuka-pemuka Quraisy amat perihatin untuk mengawini beliau, namun kesemua lamaran dan permintaan mereka ditolak, kini hasrat dan cita-citanya itu didedahnya kepada sahabat karibnya Nafisah binti Manyah, Nafisah bertanggungjawab menemui Rasulullah untuk merestui hasrat Khadijah kepada Baginda, untuk mengahwininya, Rasulullah pun mempersetujui hasrat Khadijah dan menerima untuk berkahwin dengannya. Baginda pun memberitahu persetujuan tadi kepada bapa-bapa saudaranya, dengan itu mereka semua telah datang menemui bapa-bapa saudara Khadijah dan terus meminang Khadijah untuk Rasulullah (s.a.w), tidak berapa lama upacara perkahwinan pun dilangsungkan, upacara akad nikah ini telah dihadiri oleh Banu Hashim dan kepala-kepala Bani Mudhar. Perkahwinan terlaksana selepas dua bulan kepulangan Baginda dari negeri Syam, Mahar perkahwinan ialah dua puluh ekor unta betina, usianya dimasa itu sudah meningkat empat puloh tahun namun di ketika itu beliaulah seafdal-afdal wanita pilihannya dari segi nasab keturunannya, harta dan pemikiran.

Beliau merupakan isteri pertama kepada Rasulullah. Dan Baginda tidak

mengahwini mana-mana perempuan pun semasa hayatnya, hinggalah beliau meninggal.

Kesemua anak-anak Baginda adalah dari Khadijah (r.a) kecuali Ibrahim dari Mariah al-Qibtiyah, anak pertamanya bernama Qasim, dengannya Rasulullah digelar Abu al-Qasim, kemudian Zainab, Rukiah, Umi Kalthum, Fatimah dan Abdullah, beliau bergelar sebagai al-Tayyib dan al-Tahir, anak lelakinya kesemuanya meninggal semasa kecil, manakala anak-anak perempuannya kesemuanya sempat dengan kebangkitan Baginda sebagai Rasul utusan Allah, kesemua mereka memeluk Islam dan kesemua mereka berhijrah, semua mereka ini wafat semasa hayat Baginda kecuali Fatimah seorang sahaja yang wafat selepas kewafatan Baginda enam bulan kemudian.

PEMBINAAN SEMULA KAABAH DAN PERMASALAHAN AL-TAHKIM

Dalam usia Baginda tiga puluh lima tahun (35) Quraisy telah bertindak mendirikan semula Kaabah, kerana berlaku keruntuhan pada strukturnya, Kaabah ini sebenarnya satu bangunan tinggi sembilan hasta, sejak zaman Ismail (a.s) tidak berbumbung, pencuri-pencuri telah melarikan harta khazanah di dalamnya. Kaabah telah beberapa kali mengalami kerosakan kerana bangunannya terlalu usang, dindingnya sering retak dan pecah, lima tahun sebelum kebangkitan Rasulullah banjir besar melanda Makkah, airnya yang mengalir deras menuju ke Kaabah, hampir merobohkan bangunan Kaabah itu. Disebabkan oleh kejadian pihak Quraisy terpaksa memperbaharui bangunannya. Demi menjaga kedudukannya, maka mereka bersetuju untuk membangunkannya. Namun tugas tersebut hanya diserahkan kepada mereka yang hanya dikenali sebagai golongan baik, tidak memasukkan perbelanjaan haram, penjualan riba dan orang yang tidak menzalimi orang lain.

Mereka takut merobohnya, namun al-Walid bin al-Mughirah al-

Mukhzumi memulakan dan setelah mereka melihat beliau tidak terkena sebarang bala, barulah orang-orang lain berani bertindak merobohkannya, dan terus mereka merobohkan bangunan yang lama ini hinggalah sampai ke asas yang dibina oleh Saidina Ibrahim, setelah itu mereka memulakan pembinaan Kaabah, di mana mereka membahagikan ruang-ruang kepada setiap qabilah, setiap qabilah bertanggungjawab membereskan pembinaan bahagian yang dipertanggungjawab kepadannya, semua kerja adalah di bawah seliaan seorang arkitek berbangsa Rom bernama Baqum, setelah bangunan selesai disiapkan ke peringkat "Hajar al-Aswad", sekali lagi mereka berselisih pendapat siapa orangnya yang berkeistimewaan untuk mengangkat dan meletakkannya ke tempatnya, perbalahan berlarutan hingga ke malam keempat atau kelima, hampir-hampir membawa kepada pertumpahan darah dan peperangan sengit di bumi haram itu, hinggalah Abu Umaiyah bin al-Mughirah al-Makhzumi mengemukakan cadangan kepada mereka, iaitu untuk menerima penyelesaian dari orang yang pertama memasuki ke dalam masjid, melalui pintu besar dan beliaulah orang yang akan menjadi hakim, dengan itu mereka yang terlibat pun bersetuju dengan cadangan itu, dengan kehendak Allah, Rasulullahlah orang yang pertama memasuki masjid menerusi pintunya itu, mereka pun melaung itu pun al-Amin, kami semua bersetuju dengan penyelesaian Muhammad.

Setibanya Baginda ke majlis mereka, mereka pun menceritakan peristiwa sebenarnya yang terjadi lantas Baginda meminta sehelai kain, lalu diletaknya "Hajar al-Aswad" di atas hamparan kain dan meminta setiap kepala qabilah memegang hujung kain seterusnya meminta mereka mengangkatnya, sehingga apabila sampai ke tempatnya maka Baginda sendiri sekali lagi meletakkan dengan tangan Baginda ke tempatnya yang asal, demikianlah penyelesaian masalah dengan cara yang bijak yang dapat diterima oleh semua kaum.

Kerana kesuntukan perbelanjaan pihak Quraisy terpaksa menangguhkan pembinaan yang disebelah utara, lebih kurang enam hasta, kawasan yang dikenali sebagai "Hijr" dan "al-Hutaim" buat

sementara dipasang pintu disitu supaya tidak ada orang memasuki ke dalamnya, kecuali yang berhajat, setelah bangunan mencecah lima belas hasta maka di dirikan enam tiang untuk meletak atapnya. Apabila selesai pembinaan Kaabah, maka kelihatanlah bentuknya yang seakan-akan empat segi padu dengan ketinggian lima belas meter, panjang sudut di mana terletaknya Hajar al-Aswad dan yang setentang dengannya lalah sepuluh meter kali sepuluh meter ketinggian aras letaknya Hajar al-Aswad dari dataran bertawaf setinggi satu perpuluhan lima puluh meter (1.50 meter) manakala lawang pintu setinggi dua betas meter, samalah dengan pintu berukuran dua belas meter ianya dilingkungi dengan tembok dari bawah purata tingginya perpuluhan dua puluh lima meter, lebarnya perpuluhan tiga puluh lima meter, tembok berkenaan dikenali sebagai al-Shazarwan yang merupakan dasar asal al-Kaabah, tetapi Quraisy mengabaikannya.

SEJARAH R1NGKAS SEBELUM KEBANGK1TAN

Diri Rasulullah merupakan jambangan yang tersusun padanya seluruh keistimewaan dan kebaikan yang terdapat pada manusia, Baginda adalah contoh pemikiran unggul lagi jitu, dengan pandangan yang waras, kecerdikan dan kebijaksanaan tersendiri, ketepatan mencari jalan dan sasaran, urusan Baginda digarapkan melalui sifat berdiam yang panjang disokong dengan pengamatan dan keseriusan berfikir serta sentiasa berpihakkan kebenaran. Kesuburan berfikir dan keheningan naluri semulajadi memampukan Baginda membaca dan mencerakinkan pita-pita hidup, pergolakan manusia dan arus-arus perjalanan jamaah-jamaah. Baginda menolak segala bentuk khurafat dan menghindar diri darinya, namun Baginda tetap berinteraksi dengan manusia ramai dengan kewaspadaan dan basirah terhadap sebarang tindakan Baginda dan tindakan mereka.

Sekiranya didapati kebaikan tanpa teragak-agak Baginda menyertai mereka, kalau tidak Baginda akan menyusur suasana uzlahnya. Tidak pernah Baginda menjamah khamar, tidak pernah memakan sembelihan

berhala. Tidak pernah menyertai perayaan-perayaan berhala atau eksponya, sejak awal-awal lagi Baginda memang membencikan penyembahan-penyembahan yang karut dan batil ini, hingga tidak ada suatu pun yang paling dibenci Baginda selain dari berhala-berhala. Baginda tidak dapat menahan kesabarannya untuk mendengar orang bersumpah dengan berhala al-Lata dan al-Uzza.

Tidak syak lagi kuasa takdir Allah memagar Rasulullah dengan inayah jagaanNya, diketika mana naluri keinginan kemanusiaan Baginda merangsang Baginda dari dalam untuk mengambil habuannya dari kelazatan duniawi. Jika perasaan Baginda senang menerima sebahagian dari resam-resam yang tercela, di ketika itu pula penjagaan Ilahi akan berperanan menghalang perasaan tadi, mengikut riwayat Ibn al-Athir "Sabda Baginda: Aku tidak pernah berhasrat dengan apa yang dilakukan oleh orang jahiliah selain dua kali sahaja, namun kesemuanya Allah s.w.t menghalang daku dari meneruskannya, lepas itu tidak pernah aku idam-idamkan lagi, hinggalah Allah mengurniakan daku dengan risalahNya. Di suatu malam ku telah berkata kepada budak suruhan yang mengembala ternakan bersama ku di pinggir Makkah: Boleh tak kalau kamu tolong menjaga kambing-kambingku ini, sehingga dapat ku masuk ke kota Makkah dan berjaga malam seperti pemuda-pemuda lain. Jawab budak itu, Ya! kau boleh pergi. Daku pun keluar sehingga apabila aku sampai ke rumah pertama ku pun mendengar alunan alat permainan, ku bertanya orang di situ: Apa keramaian semua itu? Jawab mereka itulah keramaian majlis perkahwinan Si Fulan dengan perempuan Fulan. Daku pun duduk mendengarnya, tetapi Allah telah menutupkan telingaku dan daku pun terlena. Kepanasan matahari telah mengejutkan ku dari tidur tadi. Bila ku pulang menemui teman ku, di mana beliau bertanya apa ceritanya, ku pun mencerita segala-galanya, hal yang sama ku cuba di suatu malam yang lain, namun setelah ku sampai ke Kota Makkah hal yang sama terjadi pada ku selepas itu daku tidak pernah mencuba lagi.

Al-Bukhari telah meriwayatkan dari Jabir bin Abdullah dengan katanya: Ketika pembinaan semula Kaabah, Rasulullah telah turut serta

bersama al-Abbas, kerja mereka mengangkut batu-batu. Al-Abbas berkata kepada Rasulullah: Sangkutkan kain kau itu ke tengkok supaya dapat menghindar dari terkena batu-batu, bila Baginda berbuat demikian Baginda terus pengsan dan jatuh ke tanah, dua matanya terjegil ke langit, setelah sedar terus Baginda melaung, kain ku! kain ku! lalu dipakaikan kainnya ke badannya, dalam satu riwayat lain mengatakan: Selepas kejadian itu tidak lagi dilihat aurat Baginda.

Rasulullah mempunyai keistimewaan di kalangan kaumnya, dengan akhlak-akhlak terpuji, pekerti-pekerti mulia dan sifat-sifat terpuji. Baginda tokoh termulia di kalangan bangsanya, elok perangai, tinggi sikap kejiranan, lapang kesabarannya, benar percakapan, lemah lembut pergaulan, bersih jiwa, murah pemberian, mulia pekerjaan, menepati janji, beramanah dan bertanggungjawab hingga mereka menggelarnya sebagai "al-Amin " kerana Baginda memiliki pekerti dan sifat-sifat yang disenangi. Baginda adalah sepertimana yang disifatkan oleh Khadijah sebagai:

"Seorang yang sentiasa menanggung beban, membantu orang yang kesempitan, memberi makan kepada tetamu dan menolong menegak kebenaran ".

SEMASA KERASULAN

Turunnya wahyu pertama merupakan detik paling bersejarah dalam kehidupan Muhammad S.A.W, bermulanya tugas mencabar sebagai Rasul Allah yang bertanggungjawab menyelamatkan manusia dari kesesatan. Ia lebih mencabar apabila wahyu yang diterimanya itu menjadi bahan pertikaian di kalangan Quraisy Mekah yang selama ini memuji-muji keperibadian Muhammad bin Abdullah.

DIBAWAH NAUNGAN AL- NUBUWAH DAN AL-RISALAH

DI GUA HIRA

Bila usia Baginda meningkat empat puluh tahun, renungan dan pengamatan Baginda di masanya yang silam, membawa Baginda semakin jauh lagi jurang dan cara pemikiran Baginda dari kaumnya, membawa Baginda gemar untuk mengasingkan diri berikhtila', untuk itu Baginda membawa bekalan dan air untuk maksud ke gua Hira di bukit al-Nur dengan jarak dua batu ke bandar Makkah, ianya adalah sebuah gua yang selesa (panjangnya empat hasta).

Turut bersama, keluarga Baginda, di sana Baginda tinggal selama sebulan Ramadhan. Baginda memberi jamuan kepada fakir miskin yang menziarahinya, di samping Baginda menghabiskan masanya di sana untuk beribadat dan berfikir mengenai alam semesta sekelilingnya, kudrat disebalik penciptaannya, Baginda tidak senang dengan akidah pegangan syirik kaumnya, yang terlalu rapuh dan reput itu, serta tasawurnya yang tidak bertunjang. Baginda mempunyai satujalan keluar yang jelas, atau satu program yang padu dan haluan arah-tuju yang boleh Baginda berpuas hati dengannya. Pemilihan Baginda untuk beruzlah itu merupakan sebahagian dari program yang disusun oleh Allah s.w.t untuk Baginda sebagai persiapan untuk menangani persoalan agung. Malah ianya suatu yang tidak dapat tidak

bagi mana-manajiwa agung untuk berperanan membentuk perjalanan hidup manusia. Jiwa seperti ini hams berikhtila' dan beruzlah untuk beberapa ketika memutus hubungan dari kesibukan bumi, kebisingan hidup dan kegawatan manusia yang memilih perjalanan hidup duniawi.

Demikian Allah menyusun program untuk Muhammad sebagai persiapan untuk memikul amanah agung di muka bumi ini, dalam rangka untuk merombak dan merubah sistem yang sedemikian lama bermaharaja di bumi ini dan demi untuk membetulkan landasan sejarah yang diselewengkan. Allah menyusun program al-Uzlah ini, tiga tahun sebelum Baginda memikul amanah dan risalah Ilahi ini, di dalam beruzlah ini Baginda mengambil masa selama beberapa bulan, menghayati kehadiran bayu maya pada yang serba bebas dan merdeka. Di sampingnya Baginda mengamati alam di sebalik maya pada ini, sehingga tiba masanya untuk bermuamalah dan berinteraksi dengan alam ghaib itu, iaitu pada ketika yang dikehendaki Allah.

DIBAWAH NAUNGAN AL- NUBUWAH DAN AL-RISALAH

Dl GUA HIRA

Bila usia Baginda meningkat empat puluh tahun, renungan dan pengamatan Baginda di masanya yang silam, membawa Baginda semakin jauh lagi jurang dan cara pemikiran Baginda dari kaumnya, membawa Baginda gemar untuk mengasingkan diri berikhtila', untuk itu Baginda membawa bekalan dan air untuk maksud ke gua Hira di bukit al-Nur dengan jarak dua batu ke bandar Makkah, ianya adalah sebuah gua yang selesa (panjangnya empat hasta).

Turut bersama, keluarga Baginda, di sana Baginda tinggal selama sebulan Ramadhan. Baginda memberi jamuan kepada fakir miskin yang menziarahinya, di samping Baginda menghabiskan masanya di sana untuk beribadat dan berfikir mengenai alam semesta sekelilingnya, kudrat disebalik penciptaannya, Baginda tidak senang dengan akidah pegangan syirik kaumnya, yang terlalu rapuh dan reput

itu, serta tasawurnya yang tidak bertunjang. Baginda mempunyai satujalan keluar yang jelas, atau satu program yang padu dan haluan arah-tuju yang boleh Baginda berpuas hati dengannya. Pemilihan Baginda untuk beruzlah itu merupakan sebahagian dari program yang disusun oleh Allah s.w.t untuk Baginda sebagai persiapan untuk menangani persoalan agung. Malah ianya suatu yang tidak dapat tidak bagi mana-manajiwa agung untuk berperanan membentuk perjalanan hidup manusia. Jiwa seperti ini hams berikhtila' dan beruzlah untuk beberapa ketika memutus hubungan dari kesibukan bumi, kebisingan hidup dan kegawatan manusia yang memilih perjalanan hidup duniawi.

Demikian Allah menyusun program untuk Muhammad sebagai persiapan untuk memikul amanah agung di muka bumi ini, dalam rangka untuk merombak dan merubah sistem yang sedemikian lama bermaharaja di bumi ini dan demi untuk membetulkan landasan sejarah yang diselewengkan. Allah menyusun program al-Uzlah ini, tiga tahun sebelum Baginda memikul amanah dan risalah Ilahi ini, di dalam beruzlah ini Baginda mengambil masa selama beberapa bulan, menghayati kehadiran bayu maya pada yang serba bebas dan merdeka. Di sampingnya Baginda mengamati alam di sebalik maya pada ini, sehingga tiba masanya untuk bermuamalah dan berinteraksi dengan alam ghaib itu, iaitu pada ketika yang dikehendaki Allah.

……..

penurunan wahyu

PENANGGUHAN WAHYU

Adapun tempoh penangguhan wahyu, mengikut riwayat Ibn Saad daripada Ibn Abbas yang bermaksud bahawa penangguhan itu adalah beberapa hari, pendapat yang rajih (berat) malah itulah pendapat yang tepat, iaitu setelah dilihat dari beberapa aspek. Manakala pendapat yang masyhur mengatakan yang ianya berlarutan hingga tiga tahun atau dua

tahun setengah, ini bukan pendapat yang sahih dari mana-mana sudut pun. Namun bukan di sini ruang untuk kita perlihatkan pendapat tersebut.

Di hari-hari penangguhan wahyu Rasulullah hidup dalam keadaan muram dan berduka, Baginda dilanda kehairanan dan kebimbangan, hal ini telah diriwayatkan oleh al-Bukhari di dalam bahagian kitab al-Tabir dengan nasnya yang bermaksud: Dan Wahyu pun tertangguh beberapa ketika menyebabkan Baginda berduka, mengikut maklumat yang sampai kepada kita, bahawa Baginda tersangat berdukacita, hingga mendorong Baginda berkejar, berkali-kali ke kemuncak bukit, hendak menghumban diri, namun apabila sampai ke kemuncak sana untuk mencampak dirinya, Jibril pun menampilkan diri sambil berkata: Wahai Muhammad! Sesungguhnya engkau adalah utusan Allah yang sebenar. Dengan itu gelora dalam hatinya pun kembali tenang danjiwa kembali tenteram, dengan itu Baginda pulang semula ke rumah, sekali lagi bila wahyu tertangguh kembali pula Baginda dilanda perasaan gundah dan dukacita, berulang pula Baginda ke kemuncak bukit dan sekali lagi Jibril menampakkan dirinya seraya melaung ungkapan yang sama kepada Rasulullah.

JIBRIL MEMBAWA WAHYU DI KALI KEDUA

Ibnu Hajar menceritakan penangguhan wahyu pun sudah berlalu, itu adalah dengan tujuan untuk membuang perasaan gerun dari hati Baginda dan untuk membangkit perasaan merindukan wahyu, setelah mana perasaan kehairanan sudah tiada lagi, disebaliknya tertegak pula tunggak hakikat. Kini Rasulullah sudah arif dengan penuh keyakinan bahawa Baginda adalah nabi utusan Allah s.w.t, yang datang menemui itu adalah duta wahyu membekal Baginda warta dan perkhabaran langit, hingga dengan itu Baginda sudah kepiftginan dengan Jibril dan wahyu Ilahi, sikap inilah yang membawa Baginda cekal dan sanggup menerima dan memikul tugas dakwah, ketika Jibril kembali datang menemui Baginda iaitu dikali kedua. Al-Bukhari telah meriwayatkan dari Jabir bin Abdullah bahawa beliau telah mendengar Rasulullah menceritakan mengenai penangguhan wahyu dengan sabdanya yang

bermaksud:

"Di ketika daku sedang berjalan tiba-tibaku terdengar satu suara dari langit maka ku pun mengangkat pandanganku ke arah langit, tiba-tiba malaikat yang mendatangi daku di gua Hira dahulu sekali lagi ku lihatnya sedang duduk di atas kursi di antara langit dan bumi, daku terkejut dan tergamam hingga terjatuh ke bumi, kemudian aku segera pulang menemui keluarga dengan meminta: Selimutkanlah daku, selimutkanlah daku, selimutkanlah daku", disusuli dengan turunnya ayat Allah:

Wahai orang yang berselimut! Bangunlah serta berilah peringatan dan amaran (kepada umat .manusia). Dan Tuhanmu, maka ucaplah dan ingatlah kebesaran-Nya! Dan pakaianmu, maka hendaklah engkau bersihkan. Dan segala kejahatan, maka hendaklah engkau jauhi.

(al-Muddadstsir: 1-5)

PENJELASAN LANJUT MENGENAI JENIS-JENIS WAHYU

Sebelum kita menghuraikan secara terperinci mengenai penghidupan sebagai seorang rasul dan nabi, kita berpendapat ada baiknya terlebih dahulu kita mengenali jenis-jenis wahyu yang merupakan sumber risalah dan bekalan dakwah, Ibnu al-Qayyim telah menyebut peringkat-peringkat wahyu:

Pertama: Mimpi benar, ianya adalah permulan wahyu kepada Rasulullah.

Kedua: Sesuatu yang dicampakkan oleh Malaikat ke dalam dadanya dan hati naluri Rasulullah tanpa melihatnya, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Rasulullah (s.a.w): Sesungguhnya Jibril telah mencampak ke dalam hatiku bahawa: Sesuatu jiwa itu tidak akan mati kecuali setelah genap rezekinya, hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah, dan berusahalah dengan baik di dalam usaha mencari rezeki, dan jangan sekali-kali dek kelewatan rezeki itu ianya mendesak kamu berusaha secara memaksiati Allah, kerana sesungguhnya sesuatu di sisi Allah itu tidak boleh diperolehi kecuali dengan mentaatinya.

Ketiga: Rasulullah didatangi Jibril yang menjelma dirinya sebagai

seorang lelaki, dan berblcara dengan Baginda di mana Rasulullah menyedari dan mengingati segala apa yang diperkatakan kepadanya, di dalam peringkat ini para sahabat pun turut dapat melihat Jibril pada ketika-ketikanya.

Keempat: Rasulullah didatangi melalui bunyian seperti deringan loceng, cara ini yang paling berat bagi Rasulullah untuk menerimanya, melaluinya Jibril turut menyertainya, hinggakan dahi Baginda mencucur keringat walaupun di hari yang terlalu dingin, malah tunggangannya sekali turut bersimpuh ke bumi. Di suatu ketika wahyu dalam bentuk ini turun kepada Rasulullah (s.a.w) sedang pahanya di atas paha Zaid bin Thabit, Zaid terasa berat bagaikan nak pecah.

Kelima: Baginda melihat malaikat Jibril dalam bentuk parasnya yang di ciptakan, lalu diwahyukan kepadanya sekehendak Allah, cara ini terjadi kepada Baginda dua kali, seperti mana Allah menyebutnya di dalam surah al-Najm.

Keenam: Tanpa hijab: sebagaimana yang diwahyukan kepada Baginda semasa Baginda berada di petala langit di malam Mikraj, Baginda menerima perintah solat dan sebagainya.

Ketujuh: Percakapan Allah secara langsung kepadanya tanpa perantaraan Malaikat seperti mana Allah berbicara dengan Musa bin Imran, jenis ini sabit kepada Musa a.s di dalam al-Quran, juga sabit kepada Rasulullah di dalam peristiwa al-Isra'.

Sesetengah ulama menambahkan peringkat kelapan iaitu percakapan Allah bersemuka dengan rasulnya tanpa hijab, ini adalah masalah khilafiah di antara salaf dan khalaf.' Berakhir sudah, dengan ringkasan singkat mengenai peringkat permulaan hingga kelapan penurunan wahyu.

SELEPAS KERASULAN

Kemunculan dakwah Rasulullah S.A.W. di tengah kegelapan jahiliyah, mendorong dakwah itu dilaksanakan secara berhati-hati dan berperingkat.

Permulaan dakwah nabi secara rahsia, sebagai strategi dakwah nabi yang sangat cermat. Ia mengambil masa yang panjang dan penuh berhati-hati kerana apa yang hendak disampaikan adalah bercanggah secara total dengan kepercayaan dan amalan harian kaum jahiliyah Arab.

PERINGKAT-PERINGKAT DAKWAH DAN TAHAP-TAHAPNYA

Tempoh dakwah Rasulullah s.a.w boleh dibahagikan kepada dua peringkat, kedua-duanya itu berbeza di antara satu sama lain:

1. Peringkat Makkah selama tiga belas tahun.

2. Peringkat Madinah selama sepuluh tahun genap.

Setiap peringkat ini ada ciri-cirinya yang tersendiri, ciri-ciri ini dapat dilihat dengan jelas pada setiap zuruf dan persekitaran yang dilaluinya.

Peringkat Makkah boleh dibahagikan kepada tahap-tahap berikut:

1. Tahap dakwah secara rahsia tiga tahun.

2 .Tahap iklan dan keterbukaan dakwah penduduk Makkah. Bermula dari tahun keempat tarikh kebangkitan hinggalah ke kemuncak tahun kesepuluh.

3. Tahap ketiga keluar ke kota Makkah dan penyebaran di kalangan mereka, bermula dari penghujung tahun kesepuluh hingga ke hijrah Rasulullah.

Manakala tahap-tahap diperingkat Madinah akan kita jelaskan di tempatnya nanti.

TAHAP PERTAMA

JIHAD MELALUI DAKWAH

Tiga tahun berdakwah secara rahsia.

Seperti yang diketahui, Makkah merupakan pusat agama bangsa Arab dan kecergasannya, pegawai dan pengumpul agama bertempat di Kota Makkah. Mereka juga penyelia dan pengawal, berhala-berhala seluruh

bangsa Arab di masa itu, untuk sampai kepada sasaran pengislahan amat sukar sekiranya jauh dari Makkah itu sendiri, kerja ini memerlukan kepada kecekalan hati dan ketabahan yang tidak boleh digugat oleh dugaan dan bencana.

Adalah bijak dan hikmah dakwah di masa ini secara rahsia, supaya tidak mengejutkan penduduk Makkah dengan suatu yang boleh membangkitkan kemarahan mereka.

GENERASI PERTAMA

Suatu hal yang biasa dan tabi'i di mana Rasulullah cuba memperkenalkan Islam untuk kali pertama kepada orang-orang yang terdekat dengan Baginda, keluarga dan kawan-kawan Baginda. Mereka inilah yang paling awal didakwahkan, didakwahkan juga orang-orang yang dikenali dengan kebaikan mereka, dikenali mereka sebagai golongan mencintai kebenaran dan kebaikan dan sebaliknya mereka pula mengenal Rasulullah sebagai individu yang mengutamakan kebenaran dan kebaikan. Antara mereka memang ada yang menyahut seruan Baginda itu tanpa meragui sesuatu pun mengenai peribadi Rasulullah dan mengenal maksud dan tujuan Rasulullah berdakwah dengan risalahnya itu, golongan ini dikenal dalam sejarah Islam sebagai generasi al-Sabiqun al-Awwalun. Mereka ini terdiri dari isteri Baginda Saidah Khadijah r.anha, Ummu al-Mukminin sebagai orang yang terawal menganut Islam. Orang suruhannya Zaid bin Harithah bin Syurahbil al-Kalabi, anak saudaranya Ali Ibni Abu Talib yang masih kanak-kanak lagi, di bawahjagaan Rasulullah, kawannya yang terdekat Abu Bakr al-Siddiq, kesemua mereka ini mengucap Kalimah Syahadah di hari pertama Rasulullah memperkenalkan dakwahnya.

Abu Bakr menyusul pula sebagai penggerak dan pendakwah yang aktif, beliau merupakan tokoh yang disenangi dan mudah berkomunikasi dengan orang ramai lagi berakhlak mulia. Anggota kaumnya sentiasa mendatangi beliau dan berdamping dengannya, kerana ilmu pengetahuan, perniagaan dan mulia pergaulannya. Beliau bertugas mengajak orang yang dipercayai yang sentiasa berhubungan

dengannya, mereka itu seperti Uthman bin Affan al-Umawi, al-Zubair bin al-Awam al-Usdi, Abdul Rahman bin Auf al-Zuhri, Sa'd Ibn Abi Waqqas al-Zuhri dan Talhah bin Abdullah al-Tayyimi. Mereka ini seramai lapan orang adalah generasi peneroka dan terawal menganut Islam.

Di antara yang terawal juga ialah, Bilal bin Rabah al-Habsyi, kemudian disusuli pula oleh Amin al-Ummah orang kepercayaan umat iaitu Abu Ubaidah 'Amir bin al-Jarah dari Bani al-Harith bin Fihr, Abu Salamah bin Abdul al-Asad al-Makhzumi, al-Arqam bin Abu al-Arqam al-Makhuzmi, Uthman bin Maz'un dan dua saudaranya Qudamah dan Abdullah, Ubaidah bin al-Harith bin al-Mutalib bin Abdul Manaf, Said bin Zaid al-Adawi al-Urus dan isterinya Fatimah bin al-Khattab al-Adwiah adik perempuan Umar Ibni al-Khatab, Khabbab bin al-Arat, Abdullah bin Mas'ud al-Huzali dan ramai lagi selain mereka ini, mereka adalah dianggap sebagai lapisan terawal menganut Islam al-Sabiqun al-Awwalun. Mereka ini dari seluruh keturunan Quraisy, Ibnu Hisham telah menghitung mereka seramai empat puloh orang. Menyebut sebahagian mereka sebagai golongan al-Sabiqun al-Awwalun sekadar sepintas lalu. Ibn Ishak telah menyebut: Kemudian maka masuklah bilangan yang ramai ke dalam Islam bertali arus tidak putus-putus menyebabkan keriuhan di Kota Makkah dan diperkatakan orang.

Namun kesemua mereka ini memeluk Islam secara rahsia, Rasulullah terus membuat pertemuan dengan mereka member! pertunjuk kepada mereka mengenai hal agama secara bersembunyi, kerana dakwah masih lagi dalam bentuk individu dan rahsia. Wahyu turun tanpa putus-putus lagi, iaitu selepas terturunnya awalan surah al-Muddasir, bahagian-bahagian surah yang turun di masa-masa ini merupakan ayat-ayat yang pendek-pendek, struktur ayatnya indah dan kemas, rentak-rentaknya adalah lembut, seni susunannya sesuai dengan tuntutan suasana yang damai, bertemakan pembersihanjiwa dan mengecam kerja-kerja pencemaran diri dengan noda-noda dunia. Mengambarkan keindahan syurga dan keburukan neraka bagaikan tertera di hadapan mata kepala,

membimbing manusia mukmin dalam satu suasana yang berbeza dari suasana masyarakat manusia di ketika itu.

SOLAT

Perintah yang terawal sekali diturunkan ialah solat, Muqatil bin Sulaiman telah menyebut: Allah Subhanahu Wa Taala telah memfardukan solat di permulaan Islam dengan dua rakaat di pagi hari dan dua rakaat di malam hari, berdasarkan firman Allah:

"Dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu di waktu malam dan di waktu pagi".

(al-Mu'min: 55)

Ibn Hajar telah berkata: Dengan jelas Rasulullah sebelum Isra' bersembahyang, demikianjuga para sahabat Baginda, cuma yang diikhtilafkan apakah difardhukan solat-solat yang dilakukan sebelum kefardhuan solat lima waktu itu, atau apakah ianya bukan fardhu? Ada pendapat mengatakan yang difardhukan itu ialah solat sebelum naik matahari dan sebelum terbenamnya. Al-Harith bin Usamah katanya: Bahawa Rasulullah (s.a.w) dipermulaan penurunan wahyu, Baginda telah didatangi Jibril (a.s), beliau mengajar Baginda cara berwudhuk setelah selesai berwudhuk diambilnya air secebok, maka dibasuh kemaluannya, Ibnu Majah meriwayat hadith yang sama dengannya, juga hadith yang diriwayat dari al-Bara' bin al 'Azib dan Ibnu Abbas, dan tersebut di dalam hadith Ibn Abbas yang bermaksud:

"am adalah dipermulaan fardhu solat"

Ibnu Hisham menyebut bahawa Rasulullah (s.a.w) dan para sahabat Baginda, mereka semua apabila tibanya waktu solat, mereka keluar ke lorong tertentu untuk menunaikan solat, bersembunyi dari kaum mereka, di suatu ketika Abu Talib pernah ternampak Rasulullah dan Saidina Ali sedarig bersembahyang lalu beliau menanyakan kepada mereka berdua, mengenai sembahyang yang mereka lakukan itu, bila beliau memastikan jelas amal ibadat ini, beliau menyuruh mereka beristiqamah dengannya.

MAKLUMAT TELAH SAMPAI KE PENGETAHUAN QURAISY.

Setelah dilihat dari berbagai aspek yang berlainan terhadap peristiwa-peristiwa yang berlaku, nampaknya dakwah di dalam tahap ini, meskipun bersifat rahsia dan individu namun beritanya sudah pun tersibar kepengetahuan Quraisy, tetapi ianya tidak dipedulikan sangat.

Al-Syeikh Muhammad al-Ghazali r.a. menyebut: Berita dakwah Rasulullah ini telahpun sampai ke pengetahuan Quraisy, tetapi mereka tidak mengambil endah sangat. Kemungkinan pihak Quraisy menyangka Muhammad ini salah seorang jenis manusia yang kuat beragama, yang bercakap mengenai ketuhanan dan tugasnya, amalan seperti ini sama seperti amalan Umaiyah bin Abi al-Salt, Quis bin Sa'idah, Amru bin Nufail dan lain-lain lagi, walau macam mana sekalipun pihak Quraisy tetap mencurigai kesannya. Oleh itu mereka memerhati hari demi hari, perkembangan lanjut dan kesudahan dakwahnya ini.

Berlalu tiga tahun dakwah Rasulullah, ianya masih lagi rahsia dan dalam konteks individu. Apa yang berlaku ialah tertegaknya sebuah jamaah golongan mukmin yang bertunggakkan persaudaraan dan sanggup tolong menolong, bekerja menyampaikan risalah Muhammad dan mengemaskan tapak perjuangannya. Namun selepas tiga tahun kini Rasulullah diminta supaya mengisytiharkan dakwahnya kepada kaumnya dan menghadapi kepalsuan mereka, menentang serta mengecam berhala-berhala mereka.

TAHAP KEDUA

DAKWAH SECARA TERANG-TERANGAN

Arahan awal menggerakkan dakwah:

Arahan awal supaya digerakkan dakwah secara terang-terangan adalah berdasarkan ayat terawal diturunkan mengenainya yang bermaksud:

"Dan berilah peringatan kepada keluarga mu yang terdekat. "

Surah yang termuatnya ayat ini ialah surah al-Syuara', diawalnya dikisahkan Musa a.s, bermula dari kebangkitan sebagai nabi hinggalah

hijrahnya bersama Bani Israel, kejayaan mereka terlepas dari Firaun dan petualang-petualangnya dan penenggelaman Firaun bersama-sama orangnya ke dalam laut, kisah ini mengandungi tahap-tahap dakwah nabi Musa yang dilaluinya dalam usaha mengajak Firaun dan kaumnya untuk beriman dengan Allah. Pada saya pengisahan Musa secara terurai ini bertujuan untuk mengiringi sumhan Allah kepada nabi Muhammad s.a.w untuk berdakwah kepada kaumnya, agar kisah ini menjadi teladan tertera dihadapan mata kepala mereka, di mana mereka akan menghadapi pendustaan dan penyiksaan semasa mereka mengisytiharkan dakwah secara terbuka dan supaya dari awal-awal lagi mereka mempunyai ain basirah terhadap kerja yang bakal mereka laksanakan nanti.

Dari sudut yang lain surah ini juga menyebut kesudahan mereka yang engkar dengan utusan Allah, mereka terdiri dari kaum Nuh, 'Aad, Thamud, kaum Ibrahim, kaum Lut, penghuni al-Aikah - selain dari Firaun dan kaumnya, agar mereka mengambil periktibaran, bahawa kesudahan mereka pun sama juga sekiranya mereka terus mendustai Rasulullah dan kaum Mukminin akan mengetahui bahawa balasan yang baik sedang menunggu mereka.

SERUAN KEPADA KELUARGA TERDEKAT

Tindakan awal yang dilakukan oleh Rasulullah sebaik sahaja turun ayat mengenai seruan cara ini ialah dengan menjemput anggota Bani Hasyim, mereka seramai empat puluh lima orang, yang juga terdiri dari keluarga Bani al-Mutalib bin Abdul Manaf. Dalam majlis ini Abu Lahab memulakan percakapan dengan katanya: Mereka ini semua bapa-bapa saudara dan anak-anak saudara kamu, ayuh bercakaplah tetapi tinggalkan persoalan al-Saba 'ah keluar agama, kau mesti tahu di mana seluruh bangsa Arab bangsa kamu juga, mereka ini tidak berkuasa, dan aku lebih berhak memegang kamu, untuk kamu memadai setakat anak pinak bapa kamu, sekiranya kau berhenti setakat yang telah kamu lakukan itu, maka itu lebih senang diterima oleh kesemua qabilah-qabilah Quraisy, dan disokong oleh bangsa-bangsa Arab.

Setakat hari ini aku belum pernah bertemu dengan seorang lelaki yang telah membawa keburukan ke atas kaumnya, seperti yang kau lakukan ini. Rasulullah s.a.w berdiam diri dan langsung tidak berkata-kata sebarang apa pun, di dalam majlis itu. Kemudian, sekali lagi Rasulullah menjemput mereka dan berkata:

Segala puji-pujian bagi Allah daku lafazkanm, denganNya laku memohon pertolongan, denganNya daku beriman, ke itasNya daku bertawakkal, daku bersaksi sesungguhnya tiada luhan melainkan Allah yang Esa, tiada sekutu bagiNya. Katanya iagi: Sesungguhnya pemimpin tidak mendustai, demi Allah tiada I\ihan melainkan Dia, sesungguhnya daku adalah pesuruh Allah, kepada kamu secara khusus dan untuk manusia secara umum. Demi Allah sesungguhnya kematian kamu itu tidak lebih seperti tidur kamu dan kamu akan dibangkitkan semula sama seperti kamu dijagakan dari tidur ini. Sesungguhnya kamu akan dihitung di atas segala amalan yang kamu lakukan, balasannya itu samada ke syurga selama-lamanya atau ke neraka selama-lamanya. Abu Talib bangun menyahut Rasulullah dengan berkata: Tidak ada suatu pun yang Allah suka bagi kami selain dari membantu kamu, menerima nasihat kamu, mempercayai kata-kata kamu itu, mereka yang berkumpul ini adalah anak keluarga bapa engkau, aku ini cuma salah seorang dari mereka tetapi aku lebih segera untuk menerima apa yang kamu senangi itu. Ayuh, teruslah dengan sesuatu yang telah diperintahkan ke atas kamu itu, demi Allah aku ini masih Iagi menjaga dan mempertengahkan kamu, namun jiwaku masih tidak berupaya dan sanggup untuk berpisah dengan agama Abdul Muttalib itu. Segera dicelah oleh Abu Lahab dengan katanya: Demi Allah ini adalah salah satu keretakan, pegang tangannya sebelum dia dipertahankan oleh orang lain. Jawab Abu Talib, demi Allah kami akan mempertahankannya selagi hayat dikandung badan.

DI BUKIT AL-SAFA

Setelah Rasul memperolehi kepastian dari penjagaan Abu Talib terhadap dirinya semasa Baginda menyampaikan risalah Tuhannya,

maka Rasulullah di suatu hari telah berdiri di Bukit

al-Safa dan menyeru: Ayuh berkumpullah kamu di pagi hari ini. Maka bergegaslah keluarga qabilah Quraisy ke hadapan Rasulullah. Di sana Rasulullahmengajak mereka untuk beriman dengan Allah Yang Esa, dengan risalahnya dan dengan hari akhirat. Mengenai kisah ini Imam al-Bukhari meriwayatkan sebahagian darinya, iaitu melalui Ibnu Abbas dengan katanya:

"Dan berilah peringatan kepada keluarga mu yang terdekat. "

Setelah turunnya ayat ini, maka Rasulullah pun segera ke bukit Safa dan menyeru dengan katanya: Wahai Bani Fihr, Bani Aud, keluarga keturunan Quraisy, hingga dengan itu maka berkumpullah mereka semua, hingga kalau ada yang tidak dapat keluar, mereka menghantar wakilnya untuk mengikuti apakah yang berlaku. Abu Lahab dan sekelian Quraisy pun datang disitu. Rasulullah berkata: Bagaimana kalau ku katakan kepada kamu kalian, bahawa di sebalik bukit sana ada musuh berkuda akan menyerang kamu, apakah kamu boleh percaya cakap ku itu? Jawab mereka: Ya kami percaya, sebab selama ini belum pernah kami berpengalaman, selain dari kebenaranmu. Maka sambung Rasulullah dengan kata-katanya: Sesungguhnya aku hendak memberi peringatan kepada kamu kalian bahawa azab sengsara sedang menanti kamu! Maka kata Abu Lahab: Binasalah kau diseluruh hari ini, apakah untuk ini maka kamu mengumpul kami semua, dengan itu turunlah ayat Allah yang bermaksud:

"Binasalah kedua-dua tangan Abu Lahab ".

Imam Muslim pula meriwayatkan sebahagian yang lain pula dari cerita ini, iaitu melalui Hadith yang diriwayat oleh Abu Hurairah. Katanya, setelah terturunnya ayat Allah yang bermaksud:

"Dan berilah peringatan kepada keluargamuyang terdekat. "

Maka Rasulullah pun mengajak mereka secara umum dan khusus; kata Baginda: Wahai kalian Quraisy, selamatkanlah diri kamu dari api neraka, wahai kalian Ka'ab selamatkanlah diri kamu dari api neraka, demi Allah sesungguhnya daku tidak berkuasa menolong kamu dari azab Allah, apa yang ada hanyalah hubungan rahim yang akan ku

cubakannya.

Inilah laungan yang berkumandang membawa maksud penyampaian yang optima. Sebenarnya Rasulullah telah menerangkan kepada yang terdekat dengannya, bahawa mempercayai dengan risalah yang dibawanya ini merupakan penyuburan kepada hubung rahim di antara Baginda dan mereka semua. Kefanatikan kekeluargaan yang menjadi pegangan bangsa Arab ini dicairkan oleh bahang kepanasan inzar-inzar (peringatan-peringatan) dari Rasulullah s.a.w. yang pasti akan disusuli dengan azab dari daripada Allah s.w.t.

MEMPERJUANGKAN KEBENARAN DAN REAKSI MASYARAKAT MAKKAH

Suara seruan Rasul di bukit al-Safa itu masih lagi bergema dipelusuk penjuru kota Makkah, hinggalah turuimya ayat Allah:

"Maka sebarkanlah dengan apa yang telah diperintahkan kepadamu dan berpaling tadahlah dari kaum musyrikin "

(al-Hijr: 94)

Rasulullah bangun melaksanakan tugasnya itu dan membongkar khurafat-khurafat syirik dan kepalsuannya. Rasulullah memperingatkan hakikat berhala-berhala yang mereka sembah itu yang ketiadaan nilai sedikit pun. Baginda mendedahkan kekosongan fungsinya dengan contoh-contoh sebagai pendekatan. Baginda menjelaskan dengan kenyataan-kenyataan, di mana para pemimpin yang dianggap sebagai perantaraan menghubungkan mereka dengan Allah adalah kerja-kerja yang sia-sia dan sesat semata-mata. Seluruh Makkah menjadi berang dan marah, merasakan satu kepelikan dan aneh seterusnya membantah dan memprotes terhadap tuduhan dan ancaman yang menganggap orang musyrikin dan penyembahan berhala sebagai sesat, tuduhan itu dianggap melulu bak halilintar berdentum di celah mendung langit, menggegar suasana yang penuh kedamaian. Kaum Quraisy bangun serentak untuk menyekat satu revolusi yang muncul dengan tiba-tiba, mereka curiga ianya akan melenyap dan meranapkan budaya hidup yang mereka warisi selama ini.

Mereka bangun serentak, kerana mereka mengetahui dengan pasti bahawa "beriman" itu ertinya menafi seluruh tuhan selain dari Allah. Beriman dengan risalah Muhammad dengan hari Akhirat bererti penyerahan total dan pengakuan yang mutlak, dengan ertikata mereka sudah tidak mempunyai sebarang pilihan lagi pada diri mereka mahupun pada harta mereka lebih-lebih lagi terhadap orang lain. Ini juga bermakna penafian kekuasaan dan kelebihan mereka ke atas bangsa Arab atas nama agama. Kerana mereka enggan melaksanakan kehendak Allah dan RasulNya, sanggup mempertahankan penganiayaan yang mereka lakukan selama ini terhadap lapisan bawahan mereka, berkeras untuk meneruskan kejahatan yang mereka sudah berbudaya dengannya pagi dan petang, mereka arif kesemua perilaku yang memalukan ini, maka itulah yang menyebabkan jiwa mereka enggan untuk menerima risalah Muhammad (s.a.w), untuk kebaikan dan kemuliaan, tetapi sebaliknya rela untuk meneruskan kejahatan seperti firman Allah:

"Bahkan manusia menghendaki untuk terus berjahat di masa yang akan datang".

(al-Qiyaamah: 5)

Mereka sedar semuanya ini, tetapi apakah yang akan mereka lakukan berhadapan dengan lelaki yang benar dan beramanah ini, yang merupakan contoh ideal kepada akhlak mulia dan kemanusiaan yang sempurna, selama ini mereka belum pernah menemui satu contoh dan bandingan seperti Muhammad s.a.w ini disepanjang sejarah mereka dan sejarah ibu bapa mereka. Apakah yang akan mereka lakukan? Mereka sebenarnya kebingungan dan memanglah wajar mereka kebingungan.

Setelah menilik pemikiran mereka sematang-matangnya, didapati tiada jalan lain selain dari menemui bapa saudaranya Abu Talib, mereka akan meminta jasa baik Abu Talib supaya menghalang anak saudaranya itu, dari meneruskan tindakan memperlecehkan berhala-berhala mereka, untuk mengemaskan tuntutan mereka itu, mereka akan mendakwa: Bahawa tindakan dan seruan untuk meninggalkan tuhan-tuhan mereka, di samping menyatakan ketiadaan sebarang faedah atau

sebarang daya pun bagi berhala-berhala itu, adalah satu penghinaan dan merendah-rendahkan nenek moyang mereka yang mewarisi agama ini. Sebaik sahaja mereka dapat idea ini terns mereka berhadapan dengan Abu Talib.

PERWAK1LAN QURAISY MENEMUI ABU TALIB

Ibnu Ishak meriwayatkan; tokoh-tokoh pemuka Quraisy bergerak menemui Abu Talib dan mereka bersuara: Wahai Abu Talib, sebenarnya anak saudaramu itu telah mencela tuhan-tuhan kita, memperbodohkan agama pegangan kita, memperkecilkan pemikiran kita dan mendakwa datuk nenek kita dalam kesesatan. Di sini kami menuntut samada kamu berhentikannya dari kata-katanya itu, atau berikan kami laluan untuk kami buat perhitungan dengannya. Kamu pun sama dengan kami juga, tidak mempersetujuinya, ayuh kita bersama-sama menghalangnya. D sini Abu Talib menjawab kepada mereka dengan kata-kata yang lunak dan jawapannya pun bermuslihat, dengan itu mereka semua pulang, sedang Rasulullah kekal dengan usahanya itu mengembang agama Allah dan menyeru kepadanya.

MAJLIS PERMESYUARATAN BERSIDANG UNTUK MENCEGAH JEMAAH HAJI DARI MENDENGAR SERUAN RASULULLAH

Di dalam tempoh hari-hari ini, timbul satu perkara baru yang merunsingkan Quraisy kerana musim haji pun sudah tidak berapa bulan lagi, sedang dakwah secara terang-terangan mula mengorak langkahnya. Rombongan haji tidak lama lagi akan tiba, mereka harus ada satu kata-kata sakti mengenai diri Muhammad (s.a.w) yang mampu menghalang dakwahnya daripada mempengaruhijiwa bangsa Arab. Dengan itu mereka berkumpul bersama al-Walid Ibn al-Munghirah, membentuk kata-kata sakti itu, maka kata al-Walid: Kamu harus bersatu danjangan ada di antara kamu yang berselisih atau mendusta antara satu sama lain, atau ada yang menolak pendapat orang lain, maka mereka semua sekata. Ayuh kamu yang kemukakan. Lalu mereka

menyebut: Kita katakan dia seseorang sami, jawab al-Walid: Demi Allah dia bukan seorang sami, semua kita pernah melihat sami-sami, kata-katanya itu bukan kata-kata sami atau gurindamnya. Kata mereka: Jadi kita "katakan dia gila", kata al-Walid: Dia tidak gila, kan semua kita pernah tengok orang gila dan kita kenalinya, cakapnya bukan repekan, "dia seorang penyair" kata al-Walid:

Tidak dia bukan penyair, sebab semua kita kenalijenis-jenis syair, sama ada yang berbentuk raj 07. atau hazajnya., kata-katanya itu bukan syair, maka kata mereka: Kalau itu pun tidak kita katakan, beliau tukang sihir. Kata al-Walid: Sihir pun bukan sebab semua kita mengenali sihir itu, kata-katanya itu bukan mentera ataujampi sihir, maka kata mereka: Kalau semuanya ini tidak maka apa yang hendak kita kata: Maka al-Walid pun berkata :

"Demi Allah kata-katanya itu begitu manis, bagai sepohon pokok bawahannya sangatsubur, cabangnya berbuah, cakap-cakap kamu semua itu karutbelaka, paling hampir sekali kamu berkata dia seorang ahli sihir kerana kata-katanya itu memukaukan, kata-katanya itu adalah sihir yang boleh memecah belahkan di antara seseordng dengan ayahnya atau saudaranya atau isteri atau dengan seluruh keluarganya, oleh itu hindarlah din kamu darinya "

Sesetengah riwayat mengatakan bahawa al-Walid setelah menolak semua bentuk cadangan pemuka-pemuka Quraisy tadi, beliau telah dipinta, dengan kata mereka: Cuba kamu tunjukkan kepada kami satu pendapat yang kemas dan tidak boleh diperbodohkan, jawab al-Walid kepada mereka: Berilah kepada aku tempoh untuk ku berfikir. Dengan itu al-Walid pun cuba berfikir dan berfikir, akhirnya beliau kemukakan pendapat tadi.

Allah s.w.t mendedahkan kisah al-Walid itu di dalam surah al-Muddasir sebanyak tujuh ayat:

Kerana sesungguhnya ia telah memikirkan dan mereka-reka berbagai tuduhan terhadap Al-Quran.

Maka binasalah dia hendaknya! Bagaimanakah dia berani mereka-reka (yang demikian)?

Sekali lagi: binasalah dia hendaknya! Bagaimana ia berani mereka-reka (tuduhan-tuduhan itu)?

Kemudian ia merenung dan memikirkan (berkali-kali: jalan-jalan mencaci Al-Quran, tetapi ia gagal);

Setelah itu ia memasamkan mukanya serta ia bertambah masam berkerut;

Kemudian ia berpaling (dari kebenaran) dan berlaku sombong angkuh,

Serta ia berkata: " (Al-Quran) ini tidak lain hanyalah sihir yang dituntut serta dipelajari (dari ahli-ahlinya);

"Ini tidak lain hanyalah kata-kata (rekaan) manusia!"

(Al-Muddaththir 18-25)

Setelah majlis permesyuaratan bersetuju untuk menerima pakai cadangan al-Walid, maka semua mereka mengawal pintu masuk orang-orang haji di musim itu, tak seorang pun yang tidak diberi maklumat yangjahat itu, malah kesemua mereka menerima peringatan dari pemuka-pemuka Quraisy.

Yang melaksanakan tugas jahanam itu ialah Abu Lahab, kerana apabila Rasulullah mengikuti sesetengah orang di musim itu ke kediaman mereka, ke pasar Ukaz, Mijannah dan Zul Majaz untuk mendakwah mereka ke agamanya, Abu Lahab akan mengekori dari belakangnya dan memberi tahu kepada mereka: Jangan kamu percaya dia, dianya seorang yang sudah keluar agama serta mendusta.

Hal ini menyebabkan apabila orang-orang Arab balik dari haji, mereka menyebarkan kisahnya di seluruh pelusuk bumi Arab.

PELBAGAI CARA MENENTANG DAKWAH RASULULLAH

Setelah mana kafir Quraisy mendapat tidak ada sesuatu pun yang boleh memaling atau melemahkan Muhammad dari usaha dakwahnya, mereka pun terus memikir lagi dan mencari jalan untuk mencegah dakwahnya itu, dalam bentuk dan cara-cara yang boleh diringkaskan seperti berikut:

1. Memperolok-olok, memperlekeh-lekehkan, mempennain-mainkan,

mendusta dan mempersendanya. Semuanya ini bertujuan untuk melemahkan kaum muslimin serta meruntuhkan kekuatan semangat mereka. Mereka lemparkan Rasulullah dengan berbagai tuduhan yang nakal, maki hamun dan memanggil Rasulullah sebagai orang gila.

Dan mereka yang ingkar berkata (kepada Nabi Muhammad): "Wahai orang yang kepadanya. diturunkan Al-Qur'an, sesungguhnya engkau adalah orang gila".

(al-Hijr: 6)

Mereka melabelkan Baginda sebagai sihir dan dusta.

Dan mereka (yang mengingkar kerasulan Nabi Muhammad itu) merasa hairan, bahawa mereka didatangi oleh seorang Rasul pemberi amaran, dari kalangan mereka sendm. Dan mereka yang kafir itu berkata: "Orang ini adalah seorang ahli sihir, lagi pendusta.

(Shaad: 4)

Mereka mengawasi Baginda dan memerhati Rasul dengan pandangan penuh kebencian dan rasa penuh jijik.

Dan sesungguhnya orang-orang yang kafir itu, hampir-hampir menggelincir dan menjatuhkanmu dengan pandangan mereka (yang penuh dengan permusuhan dan kebencian), semasa mereka mendengar Al-Quran sambil berkata: "Sebenamya (Muhammad) itu, sungguh-sungguh gila ".

(al-Qalam: 51)

Apabila Baginda duduk dilingkungi golongan lemah "al-Mustadh'afm", Quraisy mempersenda-sendakannya dengan berkata; "Itulah dia sahabat-sahabat yang dikurniakan Allah ke atasnya"Maka Allah menjawab untuk RasulNya:

"Bukankah Allah lebih mengetahui akan orang yang bersyukur?

(al-An'aam: 53)

Hal mereka ini sama seperti yang diceritakan oleh Allah kepada kita:

Sesungguhnya orang-orang yang derhdka, mereka selalu tertawakan orang-orang yang beriman. Dan apabila orang-orang yang beriman lalu dekat mereka, mereka mengerling dan memejam celikkan mata sesama

sendiri (mencemuhnya). Dan apabila mereka kembali kepada kaum keluarganya, mereka kembali dengan riang gembira; Dan apabila mereka melihat orang-orang yang beriman, mereka berkata: "Sesungguhnya orang-orang itu adalah golongan yang sesat!" Pada hal mereka tidak diutus untuk menjaga sesat atau tidaknya orang-orang yang beriman itu".

(al-Muthaffifiin: 29-33)

2. Mencacatkan imej ajaran Islam dan menimbulkan kekeliruan, meluaskan dakyah palsu, mereka cerita-cerita palsu mengenai ajaran-ajaran Islam dan peribadi Rasulullah itu sendiri, menyibar luas semua dakyah ini supaya tidak memberi peluang kepada orang ramai memiki'r mengenai dakwah Rasulullah, mereka terus menggembar-gemburkan tuduhan mengenai al-Quran yang ianya sebagai dongeng rekaan orang kuno.

Dan mereka berkata lagi: "Al-Qur'an itu adalah cerita-cerita dongeng orang dahulu kala, yang diminta oleh Muhammad supaya dituliskan, kemudian perkara yang ditulis itu. dibacakan kepadanya pagi dan petang (untuk dihafamya)".

(al-Furqaan: 5)

Dan mereka menyifatkan Rasulullah sebagai manusia biasa ang tidak mempunyai sebarang keistimewaan apa pun.

Dan mereka pula berkata: "Mengapa Rasul ini makan minum dan berjalan di pasar-pasar (seperti manusia yang lain) ? Sepatutnya diturunkan malaikat kepadanya, supaya malaikat itu turut memberi peringatan dan amaran bersama-sama dengannya (sebagai saksi yang membenarkannya).

(al-Furqaan: 7)

Contoh kecaman mereka boleh dilihat banyak sekali disebutkan di dalam al-Quran.

3. Menyaingi al-Quran dengan dongeng-dongeng silam, menyogok orang ramai dengan dongeng-dongeng supaya mereka sibuk dengannya. Sebagaimana yang diceritakan, di mana al-Nadr bin al-

Haris telah menyaran kepada Quraisy dengan katanya: Wahaikalian Quraisy, demi Allah sebenarnya kamu ini telah ditimpa dukacita hingga hari ini kamu belum mampu mengatasinya, Muhammad (s.a.w) ini pada permulaannya seorang kanak-kanak muda, di antara kamu, yang kamu meredhai dengannya, bercakap benar, sangat beramanah, sehingga apabila kamu dapati di dua hujung pipitnya "pelipis" beruban dan beliau membawa kepada kamu sesuatu yang telah dikemukakan itu, lalu kamu kata: Dia seorang ahli sihir. Demi Allah dia bukan ahli sihir, kerana semua kita pernah menyaksikan ahli sihir dengan kerja-kerja dan pukauan mereka, lalu kamu kata: Dia telah menjadi sami, demi Allah dia bukan sami, kerana semua kita pernah malah biasa dengan sami dan ungkapan-ungkapan sami melalui gurindam mereka, kemudian kamu kata dia adalah penyair, demi Allah dia bukan penyair kerana kita sudah biasa mendengar syair dengan jenis-jenisnya sama ada rajaz atau hazaj, setelah itu kamu kata yang ianya gila, demi Allah, beliau tidak gila kerana kita juga pernah berhadapan dengan orang gila, cakapnya itu bukan rapuan si gila atau sasaunya, wahai kalian Quraisy, uruslah persoalan yang kamu sedang hadapi ini, demi Allah kamu sudah ditimpa bala yang berat.

Setelah itu al-Nadhr pergi ke al-Hirah, di sana beliau mempelajari perbualan raja-raja Parsi, perbualan Rustam dan Aspandiar, bila beliau pulang dan mendapati Muhammad sedang mengadakan majlis zikirullah dan peringatan penyiksaan di akhirat, al-Nadhr pun bertindak membuat majlis yang sama dengan katanya: Demi Allah sesungguhnya perbualan Muhammad itu taklah sehebat perbicaraanku, dengan itu beliau pun menselokakan hikayat raja-raja Parsi, Rustam dan Aspandiar. Di akhiri dengan bidasan katanya: Dengan apakah yang kamu katakan Muhammad itu lebih baik dari bicara ku.

Terdapat riwayat dari Ibnu Abbas yang mengatakan bahawa al-Nadhr telah membeli beberapa abdi perempuan, kerana apabila beliau mengetahui di sana terdapat seorang lelaki yang tertarik dengan Rasulullah maka beliau mengirim salah seorang hamba perempuannya tadi untuk mempersonakannya dengan minuman keras dan makanan-

makanan yang dibekalkan, buat menghiburkannya dengan nyanyian-nyanyian, hingga dengan itu kecenderungannya kepada Islam terhakis dan pupus dari hati nalurinya. Mengenai hal ini Allah telah menurun ayat-ayatNya:

Dan ada di antara manusia: orang yang memilih serta membelanjakan hartanya kepada cerita-cerita dan perkara-perkara hiburan yang melalaikan; yang berakibat menyesatkan (dirinya dan orang ramai) dari agama Allah..

(Luqman: 6)

Melalui tawaran pihak Quraisy cuba mempertemukan Islam dengan Jahiliah di suatu persimpangan, di mana pihak musyrikin akan meninggalkan sebahagian dari kepercayaan mereka dengan syarat Rasulullah akan meninggalkan sebahagian dari kepercayaannya.

Mereka suka kalaulah engkau bertolak ansur (menurut kemahuan mereka), supaya mereka juga bertolak ansur berlemah lembut (pada zahirnya terhadapmu).

(al-Qalam: 9)

Terdapat riwayat yang disampaikan oleh Ibnu Jarir dan al-Tabrani yang bermaksud: Bahawa pihak musyrikin telah mengemukakan kepada Rasulullah tawaran iaitu supaya Baginda menyembah tuhan-tuhan mereka untuk selama setahun, kemudian pihak mereka akan menyembah tuhannya setahun dengan cara bergilir-gilir. Dalam satu riwayat lain oleh Abd bin Hamid yang bermaksud: Bahawa pihak Quraisy telah menawarkan Rasulullah permintaan mereka dengan katanya: Sekiranya kamu mengiktiraf berhala-berhala kami sebagai tuhan, maka kami akan menyembah tuhan kamu.

Ibnu Ishak telah meriwayatkan sebuah hadith dengan sanadnya, katanya: Semasa Rasulullah sedang bertawaf di Kaabah, Baginda telah dipintas oleh al-Aswad bin al-Mutalib bin Asad bin Abd al-Uzza, al-Walid bin al-Mughirah, Umaiyyah bin Khalaf dan al-'Aas bin Wail al-Sahmi, mereka berempat ini, kiranya di antara tokoh-tokoh yang

berpengaruh di kalangan kaum mereka, kemudian kata mereka: Wahai Muhammad, ayuh kita bersetuju untuk kami menyembah apa yang kamu sembah dan kamu sembah apa yang kami sembah, dengan itu bererti kita sudah berkongsi sesuatu perkara, sekiranya apa yang kau sembah itu ada kebaikan melebihi dari apa yang kami sembah maka kami turut mendapat habuan dari kebaikan itu dan sekiranya yang kami sembah ini ada kebaikan yang lebih dari apa yang kamu sembah itu maka kamu juga akan mengaut kebaikan itu bersama dengan kami, dengan itu turunlah ayat:

Katakanlah (wahai Muhammad): "Hai orang-orang kafir! "Aku tidak dkan menyembah apa yang kamu sembah. "Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) yang aku sembah. "Dan aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat. "Dan kamu pula tidak mahu beribadat secara aku beribadat. "Bagi kamu ugama kamu. dan bagiku ugamaku ".

(al-Kafiruun: 1-6)

Demikianlah kehendak Allah dengan membuat kata putus yang tegas terhadap tawaran mereka yang lucu itu. Berlakunya periwayatan yang berbagai ini, mungkin kerana mereka telah membuat beberapa percubaan satu demi satu.

PENYIKSAAN

Pihak musyrikin telah menggunakan berbagai cara seperti yang telah kami sebutkan satu demi satu dengan tujuan untuk menghalang kelancaran dakwah sejak dari kelahirannya di permulaan tahun keempat. Semua cara mereka telah mereka usahakan untuk beberapa bulan dan beberapa minggu tanpa melewati batas-batasnya, kini berpindah kepada cara-cara penyiksaan dan penindasan, tapi setelah mereka dapati cara mereka itu tidak memberi kesan untuk menghalang perjalanan dakwah Islamiah, maka mereka sekali lagi berkumpul. Di sini mereka telah membentuk satu lujnah yang anggotanya terdiri dari dua puluh lima orang tokoh dari pemuka Quraisy. Lujnah ini oleh Abu Lahab bapa saudara Rasulullah, dan setelah bermesyuarat dan bertukar pendapat, lujnah ini membuat keputusan yang tegas terhadap

Rasulullah (s.a.w) dan sahabat Baginda. Lujnah ini bersetuju untuk tidak meninggal sebarang cara pun untuk memerangi Islam samada menyakiti Rasulullah, menyiksa penganut-penganutnya malah mereka akan menggunakan segala bentuk kekerasan, penyiksaan dan penindasan.

Kali ini mereka bertegas untuk melaksanakan keputusan yang mereka sepakati. Tindakannya terhadap kaum muslimin terutama yang lemah dan daif adalah senang sahaja, tidak banyak halangan, tetapi terhadap Rasulullah adalah suatu hal yang sukar, kerana Rasulullah seorang yang tangkas, disegani dan berperibadi unggul, jiwa yang dikagumi lawan dan kawan, pasti yang berdepan dengannya akan mengagungi dan menyanjunginya. Tiada siapa yang berani melakukan kejahatan dan keburukan terhadapnya, kecuali jenis manusia bodoh dan nakal sahaja. Namun demikian Baginda masih tetap di bawah jagaan Abu Talib. Di mana Abu Talib di antara tokoh-tokoh Makkah yang terbilang, beliau disanjung dari turun temurun di kalangan semua orang, tak siapa pun berani memperkecil statusnya dan mencabar maruahnya, kedudukan inilah menggugat pihak Quraisy dan membingungkan mereka. Justeru itu sampai ke mana kesabaran itu dapat bertahan, ketika berhadapan dengan dakwah yang beriya-iya untuk membenteras kepimpinan agama yang mereka sandang selama ini dan ketrampilan mereka di arena keduniaan.

Mereka melancarkan pencerobohan dan keganasan terhadap Rasulullah terutama oleh Abu Lahab sendiri, malah beliau ini telahpun mengganas terhadap Rasul di hari pertama dakwahnya, sebelum pihak Quraisy membuat apa-apa sikap. Telahpun kita sebut sebelum ini tindakan terhadap Rasulullah di majlis Bani Hashim, di atas bukit Safa beliau telah cuba memukul Rasulullah dengan ketui batu. Sebelum kebangkitan Rasulullah Abu Lahab telah mengahwinkan anak lelakinya iaitu Utbah dan Utaibah dengan dua puteri Rasulullah, iaitu Ruqaiyah dan Ummi Kalthum.

Tetapi bila Rasulullah diutus dan Baginda menyeru orang ramai kepada Islam, Abu Lahab telah membuat tindakan membabi buta dengan

memaksa kedua-dua anaknya supaya menceraikan dua puteri Rasulullah itu. Dengan kekerasan lalu mereka pun menceraikan.

Dan apabila Abdullah anak lelaki Rasulullah meninggal dunia, Abu Lahab melompat kegembiraan, meluru beliau pergi menemui kawan-kawan menceritakan kepada mereka berita baik baginya iaitu Rasul kematian anak keturunannya, Muhammad (s.a.w) menjadi kudung bererti terputus zuriat di dunia ini.

Sebagaimana yang telah kita ceritakan sebelum ini, di mana Abu Lahab bertugas mengekori Rasulullah di belakang Baginda di musim haji ke mana sahaja Baginda pergi di pasar-pasar Makkah, untuk mendusta dan membohong Baginda, dalam hal ini Tariq bin Abdullah al-Majari meriwayatkan hadith yang memberi makna bahawa Abu Lahab ini bukan sekadar membohongi Baginda sahaja malah lebih dari itu dengan melontar Baginda dengan ketul-ketul batu hingga pecah berdarah tumit mulia Baginda itu.

Isteri Abu Lahab, bergelar Ummu Jamil bernama Urwa binti Harb bin Umaiyah kakak Abu Sufian tidak kurang kafir dari suaminya memusuhi Rasulullah (s.a.w). Beliau membawa batang-batang duri untuk menjerangkap samar dijalan-jalan yang dilalui Rasulullah, malah di malam hari beliau datang ke hadapan rumah Rasulullah dengan meletakkan batang-batang duri di hadapan pintu rumah Rasulullah (s.a.w). Selain dari itu lidahnya juga tidak kurang bisanya memaki hamun Baginda, mulutnya lucah membuat fitnah dan penipuan terhadap Baginda, memarakkan api fitnah, beliau adalah batu api menimbulkan perkelahian terhadap Rasulullah, untuk itu maka al-Quran menyifatkannya sebagai pembawa kayu api neraka. Sebaik sahaja beliau mendengar ayat-ayat al-Quran turun mengenai dirinya dan suaminya, terus beliau menemui Rasulullah sedang Baginda bersama-sama Abu Bakr sedang duduk di masjid al-Haram, beliau membawa segenggam anak batu, dengan takdir Allah, beliau telah di butakan penglihatan, sehingga tidak nampak lagi Rasulullah (s.a.w), hingga terpaksa beliau bertanya dengan katanya: Wahai Abu Bakr mana dia kawanmu itu, telah pun sampai kepengetahuanku yang dia

telah memperbodoh dan mencelakakan aku? Demi Allah kalau dia ada di sini aku hendak sumpat anak batu ini ke dalam mulutnya, demi Allah tidak tahukah kamu yang aku ini penyair yang boleh bermadah mencelanya:

Dia yang dibenci kami menentangnya Urusannya mentah-mentah kami tolak Agama pegangannya kami ketepikan

Setelah beliau beredar dari situ Abu Bakr bertanya Baginda: Wahai Rasulullah tidak nampakkah beliau yang tuan hamba berada di sini, jawab Rasulullah, beliau tidak dapat melihat daku, sebenarnya Allah telah pun membutakan matanya hingga tidak melihat daku. Ibn Ishak membilang mereka yang menyakiti Rasulullah (s.a.w): Mereka yang menyakiti Rasulullah di rumahnya ialah Abu Lahab, al-Hakim bin Abu al-'Aas bin Umaiyah, Uqbah bin Abi Mui't, 'Adi bin Hambra' dan al-Thaqafi Ibn al-Asda' al-Huzali, mereka ini semua adalah jiran Baginda. Semua mereka mati sebagai kafir kecuali al-Hakim bin Abi Al-'Aas sahaja yang memeluk Islam. Ada di antara mereka yang mengheret pundi najis biri-biri dan menghumban ke atas kepala Rasulullah semasa Baginda bersembahyang, malah ada yang sanggup melontar pundi tadi ke dalam periuk Rasulullah bila diangkat ke dapur untuk memasak. Rasulullah pernah terpaksa berselindung di sebalik batu untuk bersembahyang.

Dalam peristiwa seperti ini di mana apabila Rasulullah dicampak ke atasnya dengan najis itu Baginda akan terus keluar menemui pembantunya dengan berkata di hadapan pembantunya: Wahai bani Abdul Manaf! Di manakah hubungan kejiranan? Lalu dibuangnya najis tadi ke tepi jalan. Imam al-Bukhari meriwayatkan dari Abdullah bin Mas'ud (r.a.): Bahawa Uqbah bin Abi Mu'it semakin jahat dan bertambah nakal, semasa Rasulullah bersembahyang di Kaabah, dan Abu Jahal pula sedang beristirehat bersama-sama kuncu-kuncunya, maka berkata sesetengah dari mereka, sesiapa di antara kamu yang sanggup mengambil uncang najis sembelihan terbuang itu dan meletakkan ke atas belakang Muhammad semasa beliau sedang sujud itu, maka bangun yang ternakal di antara mereka iaitu Uqbah bin Abi

Muit beliau membawa uncang najis itu dan beliau tunggu hingga apabila Rasulullah (s.a.w) sujud maka beliau meletakkannya ke atas belakang Rasulullah di antara dua bahunya.

Daku pada masa itu sedang menyaksi tindakan nakal itu. Daku tak boleh berbuat apa-apa, kalauku boleh menahannya nescaya ku lakukan, kata Ibnu Mas'ud lagi: Dengan itu mereka tertawa sesama mereka dan menghayun badan mereka ke kiri dan ke kanan kerana terlalu suka, dan Rasulullah masih dengan sujudnya, Baginda tidak mengangkatkannya hinggalah Baginda didatangi anak perempuannya Fatimah, mencampak buang benda itu dari belakang Baginda, kemudian barulah Baginda mengangkat kepalanya dan terus berdoa: Ya Allah Ya Tuhanku, binasakanlah Quraisy sebanyak tiga kali, pihak Quraisy terasa berat dengan doa Rasulullah tadi, kata Ibnu Mas'ud: Mereka terasa begini kerana mereka mengetahui bahawa doa di tempat ini adalah mustajab dan makbul. Setelah itu Baginda menyebut dengan katanya: Binasalah Abu Jahal Utbah bin Rabi'ah, Shaibah bin Rabiah Al-Walid bin Utbah, Umaiah bin Khalaf dan Utbah bin Abi Muit, (yang ketujuh itu beliau tidak mengingatinya) demi Allah yang jiwaku ditangannya daku telah menyaksi orang yang disebutkan Rasulullah di dalam doanya itu terbunuh dan dicampak ke dalam parit penanaman mayat, iaitu parit Badar.

Umaiyyah bin Khalaf ini bila-bila sahaja melihat Rasulullah, beliau pasti mencela dan memaki hamun Baginda, mengenai ini Allah menyebut di dalam firmanNya:

"Kecelakaan besar bagi tiap-tiap pencaci, pengeji"

(al-Humazah: 1)

Kata Ibnu Hisham: al-Humazah: ialah memaki seseorang itu dengan terang-terangan, sambil memejam sedikit matanya dan menjeling. Manakala al-Lumazah ialah mencela seseorang dengan cara berselindung dan menyakitinya. Manakala saudaranya Ubai bin Khilaf adalah berkawan rapat dengan Uqbah bin Abi al-'Aas. Suatu hari Uqbah telah menghampiri Rasulullah dan mendengar dari Baginda kata-katanya, tapi bila di ketahuinya Ubai, beliau memarahi Uqbah dan

mengkritik tindakan itu. Seterusnya Ubai meminta supaya Uqbah meludah ke muka Rasulullah dan beliau lakukannya, di suatu ketika Ibnu Khalaf sendiri telah menghancurkan tulang-tulang reput lalu di tiupnya di angin yang lalu ke muka Rasulullah (s.a.w). Al-Akhnas Ibn Syuraiq al-Thaqafi juga adalah di antara tokoh musyrikin yang menyakiti Rasulullah. al-Quran telah menyifatkannya dengan tujuh gelaran sebagaimana firman Allah:

Dan janganlah engkau (berkisar dari pendirianmu yang benar, danjangan) menurut kemahuan orang yang selalu bersumpah, lagi yang hina (pendapatnya dan amalannya), Yang suka mencaci, lagi yang suka menyebarkan fitnah hasutan (untiik memecah belahkan orang ramai), Yang sangat-sangat menghalangi amalan-amalan kebajikan, agama, lagi yang sangat-sangat berdosa, Yangjahatkejam, yang selain itu tidak tentu pula bapanya.

(al-Qalam: 10-13)

Abu Jahal di suatu masa beliau pernah mendatangi Rasulullah (s.a.w) dan mendengar ayat-ayat al-Quran, kemudian beredar dari situ, tanpa mempercayai atau menyahutnya, malah penuh biadab dan tidak takut menyakiti Rasulullah dengan kata-katanya, menghalang Rasulullah dan merasa sombong dengan tindakannya yang biadab itu, berasa bangga dengan kemungkarannya, seolah-olah beliau melakukan sesuatu yang patut disanjung, perangainya ini telah disebut oleh Allah di dalam firmannya:

Maka ia tidak mengakui kebenaran dan ia tidak mengerjakan sembahyang (yang difardukan mengerjakannya)

(al-Qiyaamah: 31)

Dan beliau telah menghalang Rasulullah dari bersembahyang, di hari pertama beliau melihat Rasulullah bersembahyang di Kaabah. Suatu ketika beliau melintasi di situ dan terlihat Rasulullah bersembahyang di makam Ibrahim, maka beliau berkata kepada Muhammad (s.a.w): Wahai Muhammad (s.a.w) bukankah aku telah larang kau bersembahyang di sini. Beliau bertindak keras dan mengutuk Baginda penuh herdik dan menggertak: Wahai Muhammad dengan apa yang

kau maksud hendak mengutuk daku? Demi Allah sesungguhnya akulah orang terbanyak penyokong di lembah ini, dengan itu Allah menurunkan firmanNya:

Kemudian biarlah ia memanggil kumpulannya (untuk menyelamatkannya),

(al-'Alaq: 17)

Dalam satu riwayat menceritakan bahawa Rasulullah telah memegang leher bajunya dan menggoncang-goncangnya sambil berkata:

(Wahai orang yang kufur ingkar!) sudahlah dekat kepadamu kebinasaanmu, sudahlah dekat! Kemudian api nerakalah lebih layak bagimu, lebih layak.

(al-Qiyaamah: 34-35)

Maka jawab musuh Allah itu: Wahai Muhammad, kau hendak mengugut daku? Demi Allah, tidak kau dan tuhan kau berbuat apa-apa pun dengan daku, akulah orang yang termulia yang bergerak di antara bukit bukau bumi ini. Abu Jahal masih tidak sedar lagi dari keruntuhan dan kejatuhan maruahnya tadi, malah semakin menjadi-jadi kenakalannya. Al-Imam Muslim telah mengeluarkan hadith dari Abu Hurairah: Abu Jahal telah berkata: Muhammad boleh bersujud mukanya ke tanah di hadapan kamu? Jawab mereka! Ya! kata Abu Jahal: Demi al-Lata dan al-Uzza sekali ini akan ku lanyak tengkoknya sekiranya aku lihat dia sedang sujud. Allah izinkan beliau masuk ke perkarangan Kaabah, beliau terlihat Rasulullah sedang bersembahyang, ianya terus meluru ke hadapan dengan sangkaan beliau dapat memijak tengkok Rasulullah semasa bersembahyang dan mengemparkan suasana, tapi tiba-tiba beliau berpatah balik dengan mengangkat kedua-dua tangannya seperti mempertahankan dirinya, bila ditanya! Kenapa wahai Abu al-Hakim? Jawab Abu Jahal: Sebenarnya terhalang di antara daku dan Muhammad satu parit api, dan yang itu pula dengan sayap-sayapnya. Ulas Rasulullah: Kalau dia hampiri daku nescaya para lalaikat itu akan mengoyak-ngoyaknya sendi demi sendi. Ini adalah pencerobohan ke atas diri Rasulullah yang keperibadian unggul itu, warak dan disegani orang ramai di samping kekebalan penjagaan Abu

Talib tokoh yang hormati di Makkah.

Adapun kaum muslimin yang lain terutamanya golongan mah dan daif, pencerobohan ke atas mereka memang mengganas, malah setiap qabilah telah membentuk barisan menyiksanya yang tersendiri bertujuan untuk mendera dan menyiksa anggota qabilahnya yang memeluk Islam dan orang yang tidak mempunyai qabilah, pihak musyrikin telah mengerah agar golongan awam dan pemukanya untuk membelasah mereka dengan berbagai penyiksaan-penyiksaan yang ngeri ceritanya lagi menggerunkan.

Sekiranya Abu Jahal mendapat tahu ada seorang bangsawan memeluk Islam beliau mencemuh dan mengkritiknya seterusnya mengugut untuk menjadikan beliau seorang yang muflis dan hilang dudukannya, tapi kalau yang memeluk itu lemah dan daif beliau akan memukul-mukul dan memperdayakannya.

Bapa saudara Uthman bin Affan pernah membungkus beliau ke dalam tikar daun kurma kemudian melayurkannya dengan asap dari bawah. Ketika Ibnu Mus'ab bin Umair mengetahui penganutannya dengan Islam, beliau menahan dan menghalaunya luar dari rumah sedang sebelum ini beliau adalah di antara orang yang mewah, namun setelah menganut Islam kerana penyiksaan kulit beliau menjadi kerutu dan bersisik seperti kulit.

Bilal bin Rabah adalah hamba Umaiyah bin Khalaf Jumahi, Umaiyah bertindak di luar batasan kemanusiaan, menambat Bilal dengan tali ditengkoknya dan menyuruh budak-budak menariknya seperti menarik seekor binatang tali berikat dileher. Budak-budak ini menyeretnya mengelilingi merata kampung dan mengelilingi bukit-bukit Makkah, hingga berparut lehernya kesan dari jerutan tali. Umaiyah merentap tali di leher Bilal ke hadapan sekuat-kuat dan memukulnya dengan tongkat, memaksanya duduk di tengah panas matahari terik, menahan makanan dan yang dahsyat dari itu Umaiyah membawa Bilal di tengahari yang terik ke padang pasir Makkah dan membaringkannya di sana dengan meletakkan ketulan batu besar ke atas dadanya sambil berkata, aku akan angkat ketulan ini kecuali setelah kau mati atau kau kufur dengan

agama Muhammad ini dan kembali menyembah al-Lata dan al-Uzza. Dalam keadaan begini Bilal tetap mengucap: Ahad, Ahad (Yang Esa, Yang Esa) dengan kehendak Allah di masa itu Abu Bakr lalu di situ sambil Bilal dengan keadaannya yang terbaring. Abu Bakr pun membeli Bilal di mana satu riwayat mengatakan dengan nilai seorang budak hamba lain, dan diriwayat lain mengatakan dengan harga tujuh Auqouaj atau lima perak. Kemudian beliau membebaskan Bilal.

Ammar bin Yasir (r.a) adalah hamba kepada Bani Makhzum, beliau memeluk Islam bersama-sama bapa dan ibunya, kafir musyrikin membawa mereka semua ke tengah padang pasir semasa tengahari panas membakar, di sana mereka disiksa, di suatu ketika semasa mereka sedang menghadapi penyiksaan, Rasulullah berlalu di situ dan Baginda berkata: Bersabarlah wahai keluarga Yasir janji kamu adalah syurga. Yasir mati kerana penyiksaan, ibunya Sumaiyah adalah Syahidah Pertama meninggal dunia, beliau telah dibunuh oleh Abu Jahal dengan menyula tombaknya melalui farajnya. Mereka menyiksa Ammar dengan berbagai cara yang ada pada mereka di ketika itu, sesekali menjemurnya di tengah panas matahari dan diketika yang lain dengan meletakkan batu-batu pejal ke atas dadanya. Sekali yang lain dengan mencampakkannya ke dalam air. Mereka berkata: Kami tidak akan melepaskan kamu kecuali setelah kau caci Muhammad atau kau puji sanjung al-Lata dan al-Uzza, akhirnya beliau bersetuju untuk berbuat demikian dengan terpaksa tapi setelah itu beliau datang menemui Rasulullah (s.a.w) menangis dan meminta maaf di atas perbuatannya itu, untuk itu Allah menurunkan firmanNya:

"Sesiapa yang kufur kepada Allah sesudah ia beriman (maka baginya kemurkaan dan azab dari Allah), kecuali orang yang dipciksa (melakukan kufur) sedang hatinya tenang tenteram dengan iman"

(an-Nahl: 106)

Abu Fakihah, nama sebenarnya Aflah seorang hamba Bani Abdu al-Dar, beliau telah disiksa oleh tuannya dengan memberkas kakinya dengan seutas tali kemudian menyeretnya ke atas tanah.

Manakala Khabab bin al-Arat hamba Ummu Anmar binti Siba' al-

Khuza'iyah, pihak musyrikin menyiksanya dengan berbagai cara penyiksaan, sesekali mereka merentap rambut sekuat-kuatnya, memulas-mulas tengkoknya sehabis-habisnya, membaringkannya di atas batu-batu panas dan menghempas dengan batu-batu lain ke atasnya, hingga tidak terdaya untuk beliau bangun.

Nasib Zinnirah Ummu 'Ais al-Nahdiyah dan anaknya adalah hamba-hamba yang memeluk Islam, tidak kurang dari nasib orang lain. Kaum musyrikun menyiksa mereka dengan berbagai-bagai cara sepertimana yang diperbuat ke atas orang-orang lain. Seorang lagi ialah hamba perempuan Bani Mu'ammil dari Qabilah Bani 'Adi. Umar bin al-Khattab semasa kufurya bertanggungjawab menyebatnya sampai jemu beliau memukulnya, dan berkata aku tak akan tinggalnya kecuali setelah berasa jemu. Kesemua hamba-hamba ini telah dibeli dan dibebaskan mereka oleh Abu Bakr sebagaimana beliau memerdekakan Bilal dan Amir bin Fahirah. Sesetengah sahabat yang lain yang baru memeluk Islam di siksa oleh musyrikin dengan membalutkan mereka ke dalam belulang lembu dan unta untuk dijemur dipanas matahari terik, yang lain disarungkan ke dalam baju besi dijemur di atas batu-batu yang membakar di padang pasir.

Senarai mereka yang disiksa kerana mentauhidkan Allah panjang dan menyayat hati, tak seorang pun bila diketahui kelslamannya akan terlepas dari siksaan musyrikin.

PEMBOIKOTAN RAMAI

Dalam tempoh empat minggu terjadi empat peristiwa besar mengenai kaum musyrikin. Pertama, Hamzah memeluk Islam, kedua Umar memeluk Islam, ketiga penolakan Rasulullah terhadap tawaran yang diajukan kepadanya, keempat persetujuan Banu al-Muttalib dam Banu Hasyim, muslim dan kafimya secara bersama untuk memberi perlindungan dan pertahanan terhadap Muhammad, peristiwa-peristiwa ini menjadikan kaum musyrikin kebingungan dan memang sewajarnya mereka kebingungan. Mereka tahu bahawajika sekiranya mereka bertindak membunuh Muhammad akibatnya buruk di mana lembah

Makkah akan mengalir dengan darah-darah mereka sendiri, malah mungkin akan membawa kepada kemusnahan mereka ke akar umbi, mereka pasti kesemuanya ini, untuk itu mereka bertindak menindas dan bukan membunuh, namun ianya lebih berat dan perit dari masa-masa yang lalu.

PIAGAM PENYIKSAAN DAN KEZALIMAN

Musyrikin Quraisy dan penyokong-penyokongnya berkumpul dan bermesyuarat di halaman Banu Kinanah di Lembah al-Makhsab, mereka bersumpah setia untuk memusuhi Banu Hasyim dan Banu al-Muttalib, untuk tidak berkahwin, bermesyuarat, berkomunikasi, berziarah dan mencampuri mereka, kecuali setelah mereka menyerah Muhammad untuk dibunuh. Supaya piagam yang mereka sepakati itu direalisasikan maka mereka buktikannya sekeping watikah yang membawa maksud:

"Supaya mereka tidak menerima dari Banu Hasyim sebarang perdamaian selama-lamanya dan tidak akan berkasihan belas dengan mereka kecuali apabila mereka menyerah Muhammad untuk dibunuh"

Mengenai perkara ini Ibnu al-Qayyim menyebut: Piagam ini telah ditulis oleh Mansur bin Ikramah bin Amir bin Hasyim, tapi ada pendapat mengatakan tulisan itu dibuat oleh Nadhr bin al-Harith, namun pendapat yang sahih ialah Baghidh bin Amir bin Hasyim di mana Rasulullah berdoa dan bersumpah ke atasnya dengan takdir Allah tangannya yang menul is piagam itu lumpuh.

Piagam selesai ditulis, kemudian dibawa ke dalam Kaabah dan digantung di dalamnya. Dengan itu Banu Hasyim dan Banu al-Muttalib muslim dan kafirnya kecuali Abu Lahab sahaja, kesemua mereka terkurung di lorong Abi Talib mulai malam awal Muharam tahun ke tujuh kebangkitan Rasulullah.

TIGA TAHUN DI LORONG ABU TALIB

Pengepungan semakin ketat, makanan dan bekalan semuanya terputus,

mana-mana makanan yang masuk ke Makkah pihak musyrikin Quraisy tidak memberi lalu langsung untuk sampai ke tangan kaum muslimm. Mereka membeli kesemuanya, kaum muslimin mengalami kemuncak kesengsaraan, hingga terpaksa memakan daun-daun dan belulang-belulang kering, hingga boleh didengar keluhan, nada tangisan, jeritan wanita-wanita dan anak-anak yang kelaparan, kalau pun sampai itu pun secara rahsia mereka tidak keluar dari lorong itu untuk membeli keperluan kecuali di bulan Haram sahaja. Itu pun mereka membeli makanan yang datang dari luar Makkah dan pihak musyrikin terus menindas lagi, dengan menaikkan harga barang-barang keperluan berlipat ganda supaya kaum muslimin tidak terdaya membelinya.

Di suatu ketika Hakim bin Hizam membawa gandum untuk emak saudaranya iaitu Khadijah (r.a), diantaranya telah dihalang oleh Abu Jahal, beliau melarang dan mencegah hingga terpaksa pula Abu al-Bukhturi Tnasuk campurtangan dan membiarkan Hakim menyampaikan juga gandum berkenaan kepada Khadijah emak saudaranya itu.

Abu Talib amat prihatin tehadap Rasulullah, hinggakan apabila orang semua hendak tidur beliau menyuruh Rasulullah tidur di tempatnya, supaya dapat pula beliau melihat sesiapa sahaja yang cuba membunuh Rasulullah, dan apabila semua orang nyenyak tidur, sekali lagi Abu Talib menyuruh salah seorang anaknya atau saudaranya atau anak saudaranya tidur di tempat Rasulullah di samping menyuruh membawa kelengkapan tidur mereka.

Rasulullah bersama kaum muslimin akan keluar dari situ di musim haji, untuk menyeru orang ramai kepada Islam. Gelagat dan tindakan nakal Abu Lahab telahpun kita perkatakan sebelum ini.

PELANGGARAN PIAGAM

Tiga tahun berlalu keadaan tetap seperti itu juga, walau macam manapun pada bulan Muharam tahun kesepuluh kebangkitan Rasulullah berlaku pelanggarart dan pencerobohan ke atas piagam perjanjian musyrikin kerana di kalangan Quraisy sendiri ada yang

bersetuju dan ada yang tidak bersetuju dengan piagam itu malah membangkangnya, lantaran itulah di antara mereka ada yang berusaha mencerobohi dan melanggar piagam berkenaan.

Orang pertama yang berusaha ke arah itu ialah Hisyam bin Amru dari qabilah Banu Amir bin Luai, beliau sering berhubung secara rahsia di malam hari dengan Banu Hasyim dengan membawa makanan, beliau selalunya menemui Zuhair bin Abi Umaiyah al-Makhzumi, sedang ibunya adalah Atikah binti Abdul al-Muttalib, suatu hari beliau telah bercakap dengan Zuhair bin Abi Umaiyah katanya: Wahai Zuhair! Kamu boleh rela had untuk memakan dan meminum sedang bapa-bapa saudara kamu, seperti kau tahulah. Jawab Zuhair: Baiklah, apa aku boleh buat, aku seorang sahaja, demi Allah kalau ada orang lain bersama ku, dah lama ku langgar piagam itu. Kata Hisham: Aku ada orang kedua? Tanya Zuhair: Siapa orangnnya? Jawab Hisham: Aku! kata Zuhair: Kita perlu orang ketiga.

Dengan itu beliau terus pergi menemui al-Mut'am bin 'Adi, beliau menyebut kepada al-Mut'am mengenai anak cucu Banu Hasyim dan Banu al-Muttalib. Kedua-duanya adalah keturunan Abdul Manaf, dan beliau mengecamnya di atas persetujuannya dengan Quraisy dan dengan piagam yang zaiim lagi menindas itu. Kata al-Mut'am: Baiklah, apa aku nak buat, kan aku ini seorang diri sahaja. Kata Hasyim: Aku dah ketemu dengan orang kedua. Kata Mut'am: Siapa? Jawab Hasyim: Aku sendiri. Kata al-Mut'am: Kita perlu orang ketiga. Kata Hasyim: Pun sudah aku ketemuinya. Kata al-Mut'am; Siapa orangnya? Jawab Hasyim: Zuhair bin Abi Umaiyah. Kata al-Mut'am: Kita perlukan orang keempat.

Kali ini Hasyim pergi bertemu Abi al-Bukhturi bin Hisyam, beliau menyuarakan pendapatnya seperti dikemukakan kepada al-Mufam, kata al-Mut'am: Ada tak orang lain yang boleh membantu usaha kita ini, jawab Hasyim, Tanya al-Bukhturi; Siapa-siapa, mereka itu, jawab Hisyam: Zuhair bin Abi Umaiyah, al-Mutam bin Adi dan aku tetap bersama kau, kata al-Bukhturi aku orang kelima.

Hisyam berkejar ke rumah Zama'ah bin al-Aswad bin al-Muttalib bin

Asad, beliau mengemukakkan cadangannya itu kepada Zum'ah: Ada tak orang lain yang menyetujui perkara ini? kata Hisyam: memanglah ada orangnya, kemudian beliau membilang dengan menyebut nama-nama mereka, kemudian mereka semua bermesyuarat di al-Hujun, di mana mereka berjanji untuk memecah dan melanggar piagam yang zaiim itu, kata Zuhair: Biar aku orang yang pertama menyuarakan perkara ini.

Sebaik sahaja subuh menjelang mereka pun segera ke kelab pertemuan, Zuhair dengan pakaian istimewanya, bertawaf mengelilingi Kaabah tujuh kali kemudian beliau terus berhadapan orang ramai di situ dan melaung dengan katanya: Wahai penduduk Makkah, apakah kita memakan makanan dan memakai pakaian, sedang Banu Hasyim susah kelaparan, tidak dibenar berjual beli dengan mereka? Demi Allah aku tidak akan berdiam diri aku pecah dan langgar piagam yang zaiim itu.

Kata Abu Jahal yang sedang berada di penjuru masjid. Itu adalah dusta dari mu, demi Allah kau tidak akan melanggar piagam yang kita persetujui itu. Kata Zam'ah: Kerana kami tidak setuju piagam yang amat berdusta, kerana kami tidak setuju piagam itu dituliskan cuma kamu yang beria-ia sangat seperti yang tertulis itu, kata Abu al-Bukhturi: Memang kau benar wahai Zam'ah, sesungguhnya kami tidak rela dengan penulisannya itu dan kami tidak mengakuinya.

Kata al-Mufam bin 'Adi pula: Kaniu berdua memang benar yang lain-lain itu dusta belaka, kami adalah bebas dihadapan Allah dengan segala apa yang tertulis. Hisyam pun berkata pula, sama seperti yang dibicarakan oleh kawannya yang lain. Kata Abu Jahal: perkara ini sudah diatur dalam satu malam, di mana kamu bermesyuarat bukan di tempat ini.

Ketika perdebatan sedang berlaku, Abu Talib berada di suatu penjuru masjid, beliau datang ke sini kerana Allah telah memberi tahu kepada RasulNya mengenai piagam yang mereka tulisnya itu, di mana Allah telah memusnahkannya dengan menghantar anai-anai memakannya, segala yang tertulis habis digeritnya, mana-mana sebutan zaiim, penganiayaan dan penindasan dimakannya, kecuali sebutan nama Allah

sahaja yang ditinggalkannya, hal ini diceritakan kepada bapa saudaranya, untuk itu Abu Talib keluar menemui Quraisy, dan terus beliau menceritakan kepada mereka seperti apa yang telah dikisahkan oleh anak saudaranya Muhammad (s.a.w), sekiranya beliau berdusta aku beri laluan untuk kamu bertindak terhadapnya, tapi kalau beliau benar hendaklah kamu tarik balik tindakan kamu itu. Kata mereka: Ya! itulah yang adil dan wajar.

Setelah berlaku perbicaraan hangat di antara orang ramai dan Abu Jahal, akhirnya al-Mut'am bangun dan pergi mengambil lambaran piagam untuk dimusnahkannya, tiba-tiba didapati anai-anai telahpun menggeritnya kecuali lafaz Bismika Allahhumma dan mana-mana lafaz yang tersebut nama Allah sahaja yang tidak dimakannya.

Dengan itu selesai pemecahan dan pelanggaran ke atas piagam, dengannya Rasulullah dan orang-orang yang bersama-samanya keluar dari lorong penempatan mereka, dengan itujuga pihak musyrikin dapat menyaksi sebahagian tanda keagungan kenabian, walaupun demikian mereka tetap sebagaimana yang dikisahkan Allah mengenainya:

Dan kalau mereka (kaum musyrik Mekah) melihat sesuatu mukjizat, mereka berpaling ingkar sambil berkata

"(Ini ialah) sihir yang terus menerus berlaku".

(al-Qamar: 2)

Malah mereka terus berpaling tadah dari tanda-tanda dan ayat-ayat Allah ini dan mereka semakin kufur.

PERWAKILAN QURAISY MENEMUI ABU TALIB UNTUK KALI TERAKHIR

Rasulullah telahpun keluar dari lorong Abu Talib namun baginda tetap menjalankan tugasnya seperti biasa, dan Quraisy pula walaupun telah meninggal pemboikotan namun mereka masih juga dengan sikap penindasan ke atas orang-orang Islam dan menghalang kerja-kerja dakwah kejalan Allah, sedemikian dengan Abu Talib dengan sikapnya yang amat prihatin dan penjagaan rapi terhadap diri Rasulullah, usia Abu Talib kini sudah pun melewati lapan puluh tahun, kesengsaraan

dan peristiwa-peristiwa besar yang silih berganti itu, terutamanya pemulauan ekonomi telah menyebabkan sendi-sendi tulangnya semakin lemah, tulang belakangnya bagai terpatah, tidak selang berapa bulan selepas mereka keluar dari pengurungan tiba-tiba beliau telah diserang penyakit yang berat dan menekan, pihak musyrikin pun curiga akan terjejas nama baik mereka di kalangan bangsa Arab, sekiranya suatu yang buruk tidak diingini akan terjadi ke atas anak saudaranya itu, selepas kematiannya nanti, untuk itu mereka mencuba sekali lagi untuk berbincang dengan Muhammad dengan kehadirannya sekali, dan mereka akan bertolak ansur dengan syarat yang mereka berkeras dengannya dimasa-masa yang lalu, dengan itu Quraisy telah mengutus perwakilannya menemui Abu Talib Ibnu Ishak dan yang lain-lain meriwayatkan dengan katanya: Setelah Abu Talib mengadu hal kesakitannya, dan beritanya ini telah sampai kepengetahuan Quraisy, maka mereka bermesyuarat sesama mereka.

Kini Hamzah dan Umar sudah pun menganut Islam, cerita mengenai Muhammad dan usahanya semakin berkembang di kalangan kabilah-kabilah Quraisy, kata mereka: Ayuh kita menemui Abu Talib, kita pinta supaya beliau menekan anak saudaranya itu untuk menerima syarat-syarat kita, demi Allah kita curiga mereka (kaum muslimin) akan meriguasai kita. Riwayat dalam lafaz lain berbunyi: Sebenarnya kita takut, nanti orang tua itu akan mati dan Muhammad pula dapat menguasai suasana, habislah kewibawaan kita, hingga seluruh bangsa Arab memperlecehkan kita, dan mereka akan mengatakan: Dulu mereka membiarkannya hingga apabila bapa saudaranya mati baru mereka kerjakannya. Dengan itu mereka pergi menemui Abu Talib dan berbincang dengannya, mereka semua adalah pemuka-pemuka kaum yang terdiri dari: Utbah bin Rabi'ah, Syaibah bin Rabi'ah, Abu Jahal bin Hisyam, Umaiyah bin Khalaf dan Abu Sufian bin Harb adalah tokoh yang mengepalai rombongan seramai dua puluh lima orang ini, kata mereka: Wahai Abu Talib kau sebenarnya adalah sebahagian dari kami, sebagaimana yang diketahui, kita semua sudah pun lanjut usia, kami pun takut juga hal yang akan menemui kau itu, sebagaimana yang kau

tahu hal yang terjadi di antara kami dan anak saudaramu itu, cuba kau pinta kepadanya, dan beliau boleh membuat syarat kepada kami dan beliau pula hams menerima sesuatu dari kami, supaya beliau berhenti mengecam kami dan kami pun boleh berhenti menentangnya, dan hendaklah beliau membiarkan kami dengan agama kami, dan disebaliknya kami akan membiarkan beliau dengan agamanya. Lalu Abu Talib menjemput Rasulullah, dan Rasulullah pun segera tiba, terus beliau berkata: Wahai anak saudaraku ini semua adalah pembesar-pembesar kaum kau, mereka berkumpul kemari, semata-mata untuk kau untuk menawarkan kau sesuatu dan untuk menerima sesuatu darimu.

Kemudian Abu Talib menyampaikan hal yang dikemukakan oleh mereka tadi, iaitu untuk sama-sama tidak mengganggu pihak yang lain. Jawab Rasulullah: Apa pendapat kamu sekiranya aku kemukakan kepada kamu satu perkataan yang apabila kamu ucapkannya kamu akan menguasai seluruh bangsa Arab, dan bangsa-bangsa lain akan tunduk kepada kamu. Dalam perkataan yang lain pula bahawa, Baginda berbicara kepada Abu Talib dengan katanya: Daku mahu, semua mereka berada dalam kalimah yang satu, yang apabila mereka ucapkan kalimah itu seluruh bangsa Arab akan tunduk kepada mereka dan bangsa asing akan membayar ufti kepada mereka. Dan dalam lafaz yang lain pula, kata Baginda: Wahai bapa saudaraku, boleh tak ayahnda serukan mereka kepada suatu yang lebih baik untuk mereka, kata Abu Talib: Sebutlah apa yang hendak kau serukan mereka itu? Jawab Baginda: Aku mengajak mereka untuk melafazkan satu kalimah yang apabila mereka lakukan seluruh bangsa Arab akan tunduk akur kepada mereka, malah mereka akan menguasai seluruh bangsa-bangsa asing.

Manakala lafaz dari riwayat Ibnu Ishak berbunyi: Hanya satu kalimah sahaja, kamu ucapkannya nescaya kamu akan menguasai bangsa Arab, dan bangsa asing pula akan tunduk kepada kamu. Setelah mana Rasulullah menyebut kata-katanya ini mereka semua berhenti dan kebingungan, dan bagaimana hendak menolak tawaran hanya satu kalimah yang amat berfaedah sekali bagi mereka, lantas Abu Jahal pun

berkata: Apa dia perkataan itu? demi bapa engkau, mudah sangat, kami boleh ucapkannya dan sepuluh yang lain pun tidak mengapa, jawab Rasulullah: Ucaplah "lailahaillallah " di samping kamu menolak seluruh penyembahan-penyembahan yang lain. Dengan itu mereka semua menepuk-nepuk tangan mereka dan berkata: Wahai Muhammad, kamu hendak kami jadikan tuhan-tuhan yang banyak itu satu tuhan sahaja? Ini tidak boleh jadi, ini perkara yang menghairankan.

Selepas itu mereka berkata sesama mereka: Demi Allah sesungguhnya orang ini (iaitu Muhammad), tidak akan memberi suatu pun kepada kamu, ayuh beredar dari sini, dan teruskan dengan agama nenek moyang kita dahulu, hingga Allah sahaja yang menghukumkan di antara kita dan dia. Dengan itu mereka semua bersurai.

Mengenai mereka ini Allah menurunkan wahyunya:

Saad; demi Al-Quran yang mempunyai kemuliaan serta mengandungi peringatan dan pengajaran. (Orang-orang yang mengingkari kerasulanmu - wahai Muhammad - tidak berdasarkan kebenaran) bahkan mereka yang kafir itu bersifat sombong angkuh dan suka menentang kebenaran. (Tidakkah mereka menyedari) berapa banyak umat-umat (yang ingkar) yang terdahulu dari mereka, Kami binasakan? Lalu mereka meminta pertolongan, padahal saat itu bukanlah saat meminta pertolongan melepaskan diri dari azab. Dan mereka (yang mengingkari kerasulan Nabi Muhammad itu) merasa hairan, bahawa mereka didatangi oleh seorang Rasul pemberi amaran, dari kalangan mereka sendiri. Dan mereka yang kafir itu berkata: "Orang ini adalah seorang ahli sihir, lagi pendusta. " Patutkah ia menafikan tuhan-tuhan yang berbilang itu dengan mengatakan: Tuhan hanya Satu? Sesungguhnya ini adalah satu perkara yang menakjubkan!" Dan (ketika itu) keluarlah ketua-ketua dari kalangan mereka (memberi peransang dengan berkata): "Jalan terus (menurut cara penyembahan datuk nenek kamu) dan tetap tekunlah menyembah tuhan-tuhan kamu. Sebenarnya sikap ini adalah satu perkara yang amat dikehendaki. " Kami tidak pernah mendengar tentang (soal mengesakan Tuhan) itu dalam ugama yang terakhir; perkara ini tidak lain hanyalah rekaan dan dusta semata-

mata".

(Shaad: 1-7)

TAHUN PERKABUNGAN

Kematian Abu Talib

Kegeringan Abu Talib semakin menekan, tidak berapa lama beliau pun meninggal dunia, kematian beliau adalah dibulan Rejab' tahun kesepuluh kebangkitan Rasulullah, iaitu enam bulan selepas keluar dari pengepungan di lorong Abi Talib, ada pendapat yang menyebut beliau meninggal di bulan Ramadhan tiga hari sebelum kewafatan Khadijah (r.a).

Di dalam sahih Bukhari hadis yang diriwayatkan dari al-Musayyab: Bahawa Abu Talib ketika hampir kewafatannya beliau telah dihadiri oleh Rasulullah di sampingnya juga Abu Jahal, di sini Baginda menyeru Abu Talib: Wahai ayahanda sebutlah "lailahaillallah" satu kalimah yang boleh ku berhujah dengannya di hadapan Allah esok. Kata Abu Jahal dan Abdullah bin Abi Umaiyah: Wahai Abu Talib: Mahu kau tinggal agama bapa kau Abdul Muttalib? Beginilah keadaan mereka berdua, tarik menarik Abu Talib ke pihaknya, akhirnya Abu Talib menyebut: Aku di dalam agama Abdul Muttalib bersama dengan hembusan nafas terakhir, di ketika itu Rasulullah berkata: Sesungguhnya akan ku beristighfar untuk kau selagi mana aku tidak ditegah berbuat sesuatu untuk kau. Di masa itu turunlah wahyu Allah: yang bermaksud:

Tidaklah dibenarkan bagi Ndbi dan orang yang beriman, meminta ampiin bagi orang yang musyrik, sekali pun orang itu kaum kerabat sendiri, sesudah nyata bagi mereka bahawa orang musyrik itu adalah ahlineraka.

(at-Taubah: 113)

Dan turun juga ayat:

Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) tidak berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang engkau kasihi (supaya ia menerima Islam),

(al-Qashas: 56)

Tidak perlu untuk menjelaskan lagi bagaimana Abu Talib ini merupakan penjaga dan benteng kepada Rasulullah, hingga dakwah Islamiah boleh bertahan di sebaliknya, dari serangan kaum sufaha dan elit, tetapi beliau tetap dengan agama datuk moyangnya, sesungguhnya beliau gagal di sisi Allah. Di dalam sahih al-Bukhari satu riwayat dari al-Abbas bin Abdul al-Muttalib yang berkata kepada Rasulullah: Kau tidak boleh memanfaatkan bapa saudara mu itu, beliau mempertahankan dan membela kau, kata Rasulullah: Beliau di hujung api neraka, kalau tidak kerana aku, sudah pasti di lapisan terbawah api neraka.

Dari Abi Said al-Khudri, meriwayatkan, bahawa beliau mendengar Rasulullah menyebut tentang bapa saudaranya, dengan sabdanya yang bermaksud:

"Semoga syafaat ku boleh memanafaatkan beliau di hari Qiamat nanti, beliau diletakkan di hujung api neraka sampai membakar dua tumitnya "

KHADIJAH KEMBALI KE RAHMATULLAH

Lebih kurang dua atau tiga bulan selepas kematian Abu Talib, Khadijah pula kembali ke rahmatullah, kewafatan beliau ialah di dalam bulan Ramadhan tahun kesepuluh kebangkitan Rasulullah, dalam lingkungan usia lima puluh enam tahun manakala Rasulullah berusia lima puluh tahun.

Sesungguhnya Khadijah adalah ni'mat dan anugerah yang teragung kepada Rasulullah, beliau bersama-sama Rasulullah untuk selama suku abad mencucuri Baginda dengan belai kasih sayang terhadap Baginda, di saat-saat genting dan meruncing, menyokong Baginda di waktu-waktu kegawatan yang diperlukan kepada sokongan dan bantuan, malah beliau menolong Baginda menyebar ajaran dan risalahnya, bersama-sama Rasulullah ke medan jihad suci, berkongsi kemewahan dan kesusahan dengan harta dan keringatnya pernah Rasulullah menyebut-nyebut kelebihan Khadijah dengan sabdanya yang

bermaksud:

Beliau beriman denganku ketika manusia kufur dengan ku, membenarkan daku ketika manusia mendustai daku, berkongsikan daku haita-hartanya ketika manusia lain enggan memberi daku, dan Allah mengurniakan darinya anak-anak dan tidak mengumiakan anak dari yang lain.

Al-Bukhari di dalam sahihnya meriwayatkan hadith dari Abi Hurairah dengan katanya: Jibril (a.s.), telah mendatangi Nabi Muhammad (s.a.w) dan berkata; Wahai Rasulullah itu dia Khadijah (r.a.) telah datang bersama-samanya satu bekas, di dalamnya hidangan atau makanan atau minuman, bila beliau tiba ke hadapanmu, sampaikan kepadanya salam dari Tuhannya dan beritahu kepadanya berita gembira di mana tersedia untuk beliau sebuah rumah di dalam syurga, diperbuat dari permata baiduri tiada bising dan gangguan di dalamnya.

DUKACITA YANG SILIH BERGANTI

Dua peristiwa sedih yang menekan, berturut mengoncang perasaan Baginda dan menyayat hati naluri Rasulullah, dari situ musibah kaumnya bertubi-tubi menimpa Rasulullah, mereka lebih berani lagi dari masa yang lampau, terang-terangan mengancam Baginda dengan kenakalan dan penyiksaan. Selepas kematian Abu Talib, Baginda semakin bertambah duka nestapa, hingga terasa berputus asa dengan mereka, lalu Baginda keluar ke Taif dengan harapan di sana penduduknya akan menyahut seruannya dan membantu menghadapi kaum Quraisy, malang di sana tiada siapa yang mahu menyokong dan membantu, malah yang didapati penentangan yang lebih pahit lagi, Baginda mengalami lebih teruk lagi, dari apa yang diharap dari kaumnya.

Sebagaimana tekanan semakin hebat ke atas Rasulullah semakin hebat juga penyiksaan ke atas sahabatnya, hinggakan sahabatnya yang tersayang, Abu Bakr al-Siddiq mengambil langkah untuk berhijrah keluar dari Makkah, beliau keluar hingga sampai ke Birk al-Ghamad untuk pergi ke Habsyah, namun beliau telah di bawa pulang oleh Ibnu

al-Dughnah dan meletak di bawah suakanya. Ibnu Ishak meriwayatkan: Setelah Abu Talib-meninggal dunia, pihak Quraisy mengancam Rasulullah dengan berbagai penyiksaan yang belum pernah dialami semasa hayat Abu Talib, malah golongan bodoh pun berani juga, pernah di suatu hari seorang lelaki bodoh berani menabur pasir ke atas kepala Rasulullah, Baginda memasuki mmahnya dengan tanah dan pasir bertaburan di kepala Baginda, salah seorang puterinya membasuh kepalanya sambil menangis, namun Rasulullah masih menenangkannya: Tak usah kau tangis wahai anakku, sesungguhnya Allah melindungi ayahmu ini. Quraisy tidak melakukan seberat ini, yang paling ku benci, melainkan selepas kematian Abu Talib.

Oleh kerana bertubi-tubi penyiksaan di tahun ini maka Baginda menamakan tahun berkenaan dengan tahun perkabungan dan dukacita, dan penamaan ini memang terkenal di dalam sejarah Islam.

PERKAHWINAN BAGINDA DENGAN SAWDAH (r.a.)

Dalam bulan Syawal di tahun kesepuluh kebangkitan Baginda, Rasulullah telah berkahwin dengan Sawdah binti Zam'ah, beliau adalah wanita muslimah yang memeluk Islam terulung. Beliau adalah penghijrah peringkat kedua ke al-Habsyah, suaminya ialah al-Sakran bin Amru telah memeluk Islam dan berhijrah bersama isterinya Sawdah, tetapi beliau wafat di bumi Habsyah atau selepas pulang ke Makkah, setelah selesai idahnya Rasulullah meminangnya dan berkahwin dengannya. Beliau adalah isteri pertama yang dikahwini Rasulullah selepas peninggalan Khadijah. Selepas beberapa tahun, beliau menghadiahkan gilirannya kepada Aisyah(r.a).

SECEBIS ULASAN MENGENAI PERKAHWINAN RASULULLAH DENGAN AISYAH (r.a.)

Di bulan Syawal tahun kesembilan kebangkitan Rasulullah, Baginda telah berkahwin dengan A'isyah al-Siddiqah puteri Abu Bakr al-Siddiq (r.a.), usianya masih enam tahun, di mana Rasulullah berseketiduran dengannya semasa Baginda berhijrah ke Madinah, iaitu di bulan

Syawal tahun pertama hijrah, ketika itu usianya sudah meningkat sembilan tahun.

FAKTOR-FAKTOR KESABARAN DAN KECEKALAN

Manusia yang tabah pun menyaksi penuh keberanian, malah golongan berfikiran pun bertanya sesama mereka: Apakah sebab dan faktor yang membawa kaum muslimin boleh sampai ke peringkat ini dan melewati batas-batas kecekalan yang luar biasa ini? Bagaimana mereka boleh bertahan dan bersabar menghadapi ancaman dan penyiksaan yang menggerunkan, penyiksaan yang boleh menggoncang hati-hati yang berani? Memandangkan persoalan yang muncul di hati-hati naluri manusia, maka kita dapati adalah wajar untuk kita memaparkan sebahagian dari faktor-faktor ini sebagai petanda sepintas lalu, secara ringkas:

1. Faktor utama di sini ialah keimanan dan keyakinan dengan Allah (s.w.t), mengenal Allah dengan ertikata yang sebenar, kerana keimanan yang sejati apabila menguasai hati-hati rijal ianya menjadi seberat gunung yang tidak mungkin dicabar, manusia yang memiliki iman yang mantap dan keyakinan yang azam melihat kepahitan dunia, biar seberat mana dan seteruk mana, bagaikan kiambang yang terapung di permukaan arus air laju menghentak-hentak empangan dan bendungan, namun ianya tidak mungkin memecah atau menjejaskannya, demikian orang yang memiliki keimanannya yang mantap ini, langsung tidak menghirau dan mempedulikan dengan ancaman dan tribulasi yang memenatkan, malah beliau akan merasai satu kemanisan iman dan keenakan keyakinannya berhadapan dengan semua fitnah ini. Adapun buih itu maka akan hilang lenyaplah ia hanyut terbuang, manakala benda-benda yang berfaedah kepada manusia maka ia tetap tinggal di bumi. (Al-Ra'd: 17) Dari faktor ini tercawang beberapa faktor lain yang berpadu, memberi kekuatan kepada kecekalan dan kesabaran.

2. Pimpinan yang menarik hati-hati kepadanya. Rasulullah merupakan pemimpin yang tertinggi bagi ummah Islamiah, bahkan bagi manusia sejagat, di mana Baginda terhias dengan keluhuran akhlak, jiwa yang sempurna, budipekerti yang tinggi, perangai yang mulia dan susila

terpuji, kesemuanya ini membawa hati-hati manusia tertarik dengannya, sanggup dan rela berkorban apa sahaja untuk mempertahankannya, kesempurnaan Baginda melimpah ruah, yang sememangnya diidam-idamkan oleh manusia, tidak pernah ada pada mana-mana manusia, dipersada ini. Baginda merupakan mercu kemuliaan, kebaikan dan kelebihan, contoh kepada kebersihan jiwa, amanah dan kebenaran, Baginda adalah sumber danjalan kebaikan yang diakui oleh lawan lebih-lebih lagi taulan, tidak ada kalimah yang diungkapkan melainkan kesemuanya dipercayai dan diyakini kebenarannya. Tiga orang tokoh Quraisy telah berbicara sesama mereka, setiap mereka telah pun mendengar al-Quran secara rahsia tanpa diketahui oleh kawannya yang lain, namun diakhirnya rahsia mereka ini terpecah juga, salah seorang mereka telah menyoal Abu Jahal katanya: Apa pendapat tuan mengenai yang tuan dengar dari Muhammad itu? Tanya Abu Jahal: Apa yang engkau dengar? Jawabnya: Kami dan Banu Abdul Manaf telah berlumba-lumba untuk memperolehi kemuliaan, kiranya mereka memberi orang makanan kami pun berbuat demikian, mereka membawa orang ramai, kami pun membawa orang ramai, mereka memberi sesuatu kami pun boleh memberi, sehingga apabila kami hampir seri, perlawanan pejutan kami seolah-olah dua ekor kuda berlumba, hinggalah mereka berkata: Kami ada nabi yang menerima wahyu dari langit. Dan bilakah kita akan mendapatinya? Jawab Abu Jahal: Demi Allah aku tidak akan beriman dengannya? Jawab Abu Jahal: Demi Allah aku tidak akan beriman dengannya atau mempercayainya sama sekali.

Abu Jahal pernah berkata: Wahai Muhammad, sebenamya kami tidak mendustaimu, tetapi mendustai apa yang kamu bawa itu, maka dengan itu Allah menurunkan wahyu:

Sebenarnya mereka bukan mendustakanmu, tetapi orang yang zaiim itu mengingkari ayat-ayat keterangan Allah (disebabkan kedegilan mereka semata-mata)

(al-An'aam: 33)

Di suatu, hari kafir Quraisy menyindir Rasulullah tiga kali, dengan

jelingan mata, pada kali ketiga Rasulullah berkata: Wahai kalian Quraisy aku telah membawakan kamu dengan sembelihan, mereka tersentak dengan kata-kata Baginda itu, hinggakan orang paling memusuhi Rasulullah pun membuat koreksi diri mereka dengan sesuatu yang terbaik padanya.

Semasa kafir-kafir Makkah mencampak uncang najis ke atas Rasulullah ketika Baginda sedang sujud, Baginda mendoakan bala ke atas mereka, menyebabkan ketawa mereka terhenti dengan tiba-tiba, dan kesangsian serta dukacita menyelubungi mereka semua, dan mereka yakin bahawa mereka pasti binasa.

Baginda pernah mendoa bala ke atas Utbah bin Abu Lahab, sepanjang hayatnya beliau meyakini di suatli masa pasti doa itu terlaksana, hingga bila beliau melihat singa terus beliau berkata: Demi Allah Muhammad membunuh daku sedang beliau berada di Makkah.

Ubai bin Khalaf pula mengugut untuk membunuh Rasulullah, tetapi jawab Rasulullah: Malahan aku yang membunuh kau! Insyaallah. Setelah Ubai ditikam di peperangan Badar, luka hanya sekadar terguris sedikit dikulit, namun Ubai melaung dengan katanya: Dia telah bersumpah di Makkah dahulu hendak membunuh daku dengan katanya: Aku yang akan membunuh kau, demi Allah kalau dia ludah ke mulutku nescaya binasa juga daku. Huraiannya akan menyusul.

Semasa di Makkah Sa'd bin Mu'az telah menyebut kepada Umaiyah bin Khalaf: Sebenarnya aku telah dengar Rasulullah berkata: Mereka yakin kaum Muslimin akan membunuh kamu, menyebabkan beliau terperanjat besar dan berjanji untuk tidak keluar dari Makkah, sebab itu bila digesa oleh Abu Jahal supaya beliau keluar berperang di Badar, beliau telah memperuntukkan belanja agak besar demi untuk membeli seekor unta pacuan yang terbaik, untuk membolehkan beliau berkejar lari ke Makkah. Isterinya telah memperingatkan beliau dengan katanya: Wahai Abu Sofwan, apakah kau telah lupa apa yang telah disebutkan di suatu ketika dahulu oleh saudaramu al-Yathribi itu? Jawab beliau: Demi Allah, tidak sekali-kali, aku ke sana pun, bukan untuk masuk ke tengah-tengah medan hanya dipinggirnya sahaja.

Inilah perasaan dan sikap musuh-musuh Rasulullah terhadap Baginda, manakala sikap para sahabatnya dan mereka bersama Baginda menjadikan Baginda sebagai roh dan jiwa mereka, Baginda adalah hati dan mata kepada mereka, kecintaan sejati membawa mereka tertarik kepada Baginda bagaikan air yang mengalir, jiwa-jiwa mereka tertarik kepada Rasulullah bagaikan besi tertarik kepada tarikan magnet, bak kata penyair:

Gambaran dirinya memenuhi pada setiap jasad Jiwanya menarik setiap hati lelaki.

Natijah kecintaan mereka dan berfana, kerananya, mereka sanggup diri mereka dibinasakan asalkan Baginda selamat, tidak terguris walau dengan sekerat duri.

Di suatu hari Abu Bakr telah dilanyak oleh kafir Quraisy di kawasan Makkah, dipukul separah-parahnya, Utbah bin Rabi'ah turut sama menerajang dengan tapak kasutnya yang berladam, menyental-nyental di seluruh mukanya, dan melanyak perutnya hingga tak kelihatan mana hidungnya mana mukanya. Kemudian diusung di dalam pakaiannya oleh Banu Tamim ke rumahnya, ketika sampai ke dalam rumah tak seorang pun menyangka yang beliau hidup lagi, disenja hari baru beliau mula bercakap, dan lafaz yang mula-mula beliau tutur, katanya: Apa yang Rasulullah buat, mereka yang melingkungi beliau pun marah dan mencelanya, kemudian mereka pun bangun dan berpesan kepada ibunya Ummu Khair: Tengoklah dia ini? dan suaplah apa saja, atau berilah minuman kepadanya, setelah ibunya bersendirian dengannya, beliau menggesa supaya Abu Bakr memakan dan meminum, tapi beliau masih lagi bertanya: Apa yang telah Rasulullah lakukan? Jawab ibunya: Demi Allah aku pun tidak ada maklumat mengenainya. Kata Abu Bakr pula: Cuba ibu pergi bertemu Ummu Jamil binti al-Khatab tanyakan dia mengenai Baginda itu? Lantas ibunya pun keluar hingga bertemu Ummu Jamil dan berkata: Abu Bakr di rumah sana bertanya khabar mengenai Muhammad bin Abdullah. Jawab Ummu Jamil: Aku tidak tahulah mengenai Abu Bakr dan tidak tahu juga mengenai Muhammad bin Abdullah? Tapi kalau pun mahukan aku pergi bersama

puan menemui anak engkau itu boleh aku ke sana. Jawab Umu Khair: Ya! Apa salahnya, beliau terus bersama-sama Ummu Jamil, didapatinya Abu Bakr terlentang membujur, Ummu Jamil menghampiri beliau dan berteriak sambil berkata: Demi Allah golongan itu telah mengerjakan kau, sebagai pembalasan kepada golongan fasik lagi kafir itu, ku berdoa semoga Allah menuntut bela dari mereka itu, kemudian bertanya Abu Bakr: Apa yang telah Rasulullah lakukan? Jawab Ummu Jamil: Ini Ibumu sedang mendengar cakapmu itu: Tak usah ragu-ragukan dia. Kata Ummu Jamil lagi: Baginda selamat dan sempurna. Tanya Abu Bakr: Di mana Baginda? Jawab Ummu Jamil: Baginda di rumah Ibnu al-Arqam. Kata Abu Bakr: Aku berjanji dengan Allah, aku tidak akan menjamah sebarang makanan pun atau meminum minuman, kecuali setelah ku menemui Rasulullah, tetapi mereka berdua menangguhkan pemergian Abu Bakr, sehingga apabila Abu Bakr kembali tenang dan orang ramai pun dah reda, mereka berdua memapah Abu Bakr hinggalah mereka masuk menemui Rasulullah (s.a.w).

Kita akan cuba paparkan di sini gambaran hidup yang sukar ditemui mengenai kecintaan dan dedikasi golongan awal terhadap diri Rasulullah (s.a.w), di dalam beberapa kejadian berasingan, di dalam penulisan ini, terutama kejadian di hari peperangan Uhud dan apa yang telah dilakukan oleh Khubaib dan mereka yang seumpamanya.

3. Perasaan tanggungjawab {al-syu'ur bit mas'uliyah). Para sahabat seluruhnya penuh perasaan dan syu'ur di mana manusia kesehiruhannya dipikul dengan beban tanggungjawab ini, tidak boleh dielak atau ditolak dengan sebarang alasan, padah penolakkan tanggungjawab atau melarikan diri darinya adalah sangat buruk dan berat malah lebih buruk lagi dari penyiksaan itu sendiri, kerugian yang bakal mereka alami terlalu besarjika dibandingkan dengan kepayahan yang mereka hadapi, ekoran kesanggupan mereka memikul tugasan ini. Malah kerugian ini turut ditanggung oleh manusia sejagat.

4.Kepercayaan dengan hari akhirat. Kepercayaan ini adalah sokongan kepada syu'ur kebertanggungjawapan itu, mereka penuh keyakinan

dengan apa yang mereka lakukan, itu adalah semata-mata untuk Allah Rab al-'Alamin, di mana mereka akan dinilai dan dihisab oleh Allah dengan yang sekecil-kecil pekerjaan hinggalah kepada yang sebesar-besarnya, balasannya samada ke syurga nirwana atau neraka jahanam, mereka menghabiskan usia mereka di antara ketakutan dan harapan, mengharapkan rahmat Tuhan mereka dan takut dengan azab sengsaraNya. Pernah golongan sahabat ini memberi sedekah dengan apa yang dikurniakan kepada mereka, sedang hati-hati mereka berdegup ketakutan dengan sedekah itu, kalau-kalau tidak diterima. Sesungguhnya mereka kembali kepada Tuhan mereka.Mereka memang mengenali dunia ini samada azabnya atau kesenangannya tak lebih dari sebelah sayap nyamuk, berbanding dengan balasan di akhirat. Pengenalan dan makrifat yang mendalam ini, membawa mereka berasa ringan dengan kepahitan dunia dan kesusahannya, hingga membawa mereka tidak memberi perhatian langsung kepada dunia dan sengsaranya itu.

5.Al-Quran: Disaat yang meruncing, menakut dan menggerunkan ini, turunlah ayat-ayat al-Quran, memberi sokongan dan keterangan-keterangan kemas mengenai ajaran dasar al-Islam, di mana dakwah di peringkat itu berkisar di sekitarnya, dengan usiub danjalan bahasa yang menarik di masa yang sama menunjuk ajar kepada kaum muslimin jalan yang sebenar, kepada dasar pembinaan sebuah masyarakat contoh di dunia ini, iaitu masyarakat Islam . Ayat-ayat al-Quran menyemarakkan perasaan kaum muslimin dan menyegarkan emosi kesabaran dan kecekalan yang telah menempa contoh unggul kepada umat manusia sejagat:

Adakah patut kamu menyangka bahawa kamu akan masuk syurga, padahal belum sampai kepada kamu (ujian dan cubaan) seperti yang telah berlaku kepada orang yang terdahulu daripada kamu ? Mereka telah ditimpa kepapaan (kemusnahan harta bcnda) dan serangan penyakit, serta digoncangkan (oleh ancaman bahaya musuh), sehingga berkata mereka yang beriman dengannya: "Bilakah (datangnya) pertolongan Allah?" Maka jawab Rasul: Sesungguhnya pertolongan

Allah itu dekat (asalkan kamu bersabar dan berpegang teguh kepada agama Allah).

(al-Baqarah: 214)

Alif, Laam, Miim. Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman ", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan).Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahui-Nya tentang orang yang berdusta.

(al-Ankabut: 1-3)

Sebagaimana juga ayat-ayat al-Quran menolak tohmah-tohmah kaum kafirin dan mereka yang engkar, dengan hujah-hujah yang kemas, hingga tidak memberi peluang langsung kepada mereka untuk menjawab, al-Quran juga memperingatkan mereka kepada akibat-akibat buruk yang bakal mereka hadapi, kiranya mereka masih berdegil untuk tidak mahu menerima kebenaran yang dibawa oleh Rasulullah itu. Peringatan yang jelas dan nyata berdasarkan kepada hari-hari Allah yang penuh dengan azabNya di masa silam dan bukti-bukti sejarah yang menjelaskan sunnah-sunnah dan ketetapan Allah kepada wali-waliNya dan musuhNya, dan di ketika yang lain ayat al-Quran berlembut dengan mereka, dan bertegas memberi kefahaman dan petunjuk serta bimbingan, agar mereka sedar dari kesesatan mereka yang nyata itu.

Dari sudut yang lain al-Quran membawa kaum muslimin di suatu alam yang lain, membawa mereka melihat dan menikmati pandangan alam semesta, keindahan ciptaan Ilahi, kesempurnaan sifat ketuhanan Allah, kesan-kesan kasihan belas Allah dan jelmaan kesayangan Allah yang mereka nostalgiakan kepadanya, yang tidak dihalang oleh mana-mana pendinding.

Di dalam ayat-ayat ini tersemat percakapan yang dibahasakan kepada kaum muslimin, memberitahu berita-berita gembira dari Tuhan mereka mengenai rahmat, keredhaan dan syurga-syurga, di dalamnya nikmat

berkekalan. Al-Quran juga mendedahkan kepada kaum muslimin kedudukan seteru-seteru mereka, kafirin, penzalim, mereka dihukum, dihalau dan diseret dengan muka tertiarap untuk disumbat ke dalam neraka katanya: Ayuh kecapilah kejutan neraka Saqar.

6. Berita kejayaan - Al-Bisyarat BiAl-Najah: Walau pun segala kesengsaraan yang dialami oleh kaum muslimin namun mereka sudah mengetahui sejak di hari pertama mereka menghadapi tekanan penyiksaan, malah sebelum mereka memeluk Islam, kerana masuk sahaja ke dalam Islam bererti mereka menempah musibah dan kebinasaan, bahkan dakwah Islamiah itu sendiri memang matlamat utamanya ialah membenteras jahiliah dan sistemnya yang zaiim, di samping menyebar luas kekuasaan Islam ke atas kuasa politik dunia, demi untuk membawa umat manusia seluruhnya ke jalan yang diredhai Allah, membebaskan mereka dari perhambaan sesama manusia kepada pengabdian kepada Allah semata-mata.

Di sini al-Quran turun dengan bisyaratnya, kadang-kadang dengan bahasa nyata, kadang-kadang melalui kiasan dan kinayah, di dalam masa yang genting ini dunia bagaikan menjadi sempit untuk kaum muslimin, suasana persekitaran mencekik mereka, malah membunuh mereka, di saat-saat seumparna inilah ayat al-Quran turun membawa kisah nabi-nabi silam dah kaum sebangsa yang mendusta dan menentangnya. Ayat-ayat al-Quran ini mempamirkan persekitaran dan suasana yang menyamai dengan situasi kaum muslimin di Makkah dan sikap kaflrnya, seterusnya ayat-ayat al-Quran itu memperturunkan kisah selanjutnya mengenai akibat dan padah buruk yang diterima oleh penentang-penentang para nabi itu, di mana mereka dibinasakan oleh Allah di atas kedegilan dan keterlaluan mereka menentang dan mencabar Allah dan RasulNya diakhiri dengan pelaksanaan janji Allah, di mana bumi Allah dan kekuasaanNya diperturunkan kepada golongan beriman. Kisah ini memberi isyarat bahawa kaum kafir Makkah akan menerima nasib yang sama di mana mereka kekal di dalam penentangan mereka yang berterusan, akhirnya kejayaan berpihak kepada kaum muslimin dan kepada dakwah Islamiah.

Di dalam tempoh-tempoh ini ayat al-Quran terang-terang menjanjikan kemenangan untuk kaum mukminin.

Dan demi sesungguhnya! Telah ada semenjak dahulu lagi, ketetapan Kami, bagi hamba-hamba Kami yang diutus menjadi Rasul. Bahawa sesungguhnya merekalah orang yang diberikan pertolongan mencapai kemenangan. Dan bahawasanya tentera Kami (pengikut-pengikut Rasul), merekalah orang yang mengalahkan (golongan yang menentang kebenaran).0leh itu berpalinglah (wahai Muhammad) dari mereka, (jangan hiraukan celaan mereka serta bersabarlah) hingga kesuatu masa.Dan lihat (apa yang akan menimpa) mereka; tidak lama kemudian mereka akan melihat (kemenangan yang telah Kami tetapkan untukmu). Maka tidaklah patut mereka meminta disegerakan awb (yang telah ditetapkan oleh) Kami! Kerana apabila awb itu turun dalam daerah dan kawasan mereka, sudah tentu buruklah hari orang yang tidak mengindahkan ' amaran yang telah diberikan.

(ash-Shaffaat: 171-177)

Kumpulan mereka yang bersatu itu tetap akan dikalahkan, dan mereka pula akan berpaling lari.

(al-Qamar: 45)

(Sebenamya mereka hanyalah) satupasukan tentera dari kumpulan-kumpulan (yang menentang kebenaran), yangpada suatu masa kelak tetap akan dikalahkan.

(Shaad: 11)

Dan ayat al-Quran turun mengenai mereka yang berhijrah ke Habsyah:

Dan orang yang berhijrah kerana Allah, sesudah mereka dianiaya (ditindas oleh musuh-musuh Islam), Kami akan menempatkan mereka di dunia inipada tempatnya yang balk; dan sesungguhnya pahala (amal mereka yang baik itu) lebih besar di akhirat kelak, kalaulah mereka mengetahui.

(an-nahl: 41)

Kaum kafir pernah bertanya Rasulullah mengenai nabi Yusuf dan saudaranya maka tumn ayat al-Quran:

"Demi sesungguhnya! (Kisah) Nabi Yusuf dengan saudara-saudaranya itu mengandungi beberapa pengajaran bagi orang yang bertanya "

(Yusuf: 7)

Kaum kafirin Makkah sebagai pihak yang bertanya akan menerima padah kedegilan mereka, seperti mana saudara Yusuf menerima akibat tindakan mereka yang terkutuk itu, akhirnya mereka akan tunduk kepada Yusuf, dan Allah berfirman sebagai memperingati para Rasul:

Dan berkatalah pula orang yang kafir itu kepada Rasul-rasul mereka: "Demi sesungguhnya, kami akan mengeluarkan kamu dari negeri kami atau kamu menjadi seagama dengan kami". Lalu Tuhan wahikan kepada Rasul-rasul-Nya: "Demi sesungguhnya! Kami akan membinasakan orang yang_ wlim. "Dan demi sesungguhnya! Kami akan tempatkan kamu di negeri itu sesudah binasanya kaum, yang zaiim itu; balasan baik yang demikian, adalah bagi orang yang takut akan sikap keadilan-Ku (menghitung amalnya), dan takut akart janji-janji azab-Ku".

(Ibrahim: 13-14)

Semasa meletusnya peperangan di antara Parsi dan Roman, pihak musyrikin mengharapkan agar Parsi musyrik seperti mereka menang di dalam peperangan berkenaan, sedang kaum muslimin mengharapkan Roman pula yang menang lantaran mereka sebagai pihak yang beriman dengan Allah dan para Rasul serta wahyu kitab dan hari akhirat, tetapi kemenangan berpihak kepada Parsi, dalam hal ini Allah menurunkan ayat al-Quran memberi berita gembira iaitu kemenangan Roman pada beberapa tahun akan datang, namun ayat al-Quran tidak berhenti setakat itu sahaja malah terang-terang menyampaikan berita yang lain, iaitu pertolongan Allah kepada kaum mukminin dengan firmanNya:

Orang yang beriman akan bergembira. Dengan kemenangan yang diberi Allah.

(al-Ruum: 4-5)

Rasulululllah sendiri sering menyampaikan khabar gembira bisyarat seperti ini dari semasa ke semasa, sebagaimana kebiasaan, apabila

tibanya musim haji Rasulullah berdiri di pasar Ukaz, Mijannah dan Zu al-Majaz untuk menyeru orang ramai kepada Islam, menyampaikan risalahnya, dengan tidak hanya menyampaikan khabar mengenai syurga sahaja malah menjelaskan kepada mereka dengan sabdanya yang tegas, bermaksud:

"Wahai kalian yang hadir, ucaplah La ilah ha Ilia Allah nescaya kamu berjaya, dengannya kamu memerintah bangsa Arab dan bangsa-bangsa lain pula akan tunduk kepada kamu, kiranya kamu mati nescaya kamu sebagai raja-raja di syurga Allah"

Sebelum ini sudah pun kita sebutkanjawapan Rasulullah kepada Utbah bin Rabi'ah semasa beliau menawarkan Rasulullah kesenangan-kesenangan dunia, di manaUtbah sendiri telah dapat memahami bahawa usaha Rasulullah ini akan menjadi kenyataan dan realiti di bumi sejagat.

Demikian juga dengan jawapan Rasulullah kepada perwakilan yang datang menemui Abu Talib, di mana Rasulullah dengan jelas meminta supaya mereka mengucap dengan satu kalimah sahaja sebagaijanji dari mereka, dengannya bangsa Arab akan tunduk kepada mereka dan bangsa-bangsa asing akan mereka kuasai.

Khabbab bin al-Arat telah berkata: Aku telah menemui Rasulullah, semasa itu Baginda sedang berbantalkan kainnya, dilindungan Kaabah, di ketika itu seluruh mereka menghadapi tentangan hebat kaum musyirikin, ku berkata kepada Baginda: Tidakkah boleh tuan hamba meminta pertolongan dari Allah. Rasulullah pun bangun dengan keadaan mukanya merah-merah sambil bersabda: Sebenarnya orang mukmin yang terdahulu dari kamu pernah disikat belakangnya dengan sikat besi hingga luluh habis dagingnya, namun tiada suatu pun boleh mengugat pegangan mereka, pasti Allah akan sempurnakan urusan agama ini, hingga seseorang musafir dapat berjalan dari San'a hingga ke Hadramaut tanpa takut sesuatu apa pun, selain dari Allah dan serigala ke atas kambingnya, tetapi kamu beristi'jal dan tergesa-gesa.

Berhadapan dengan bisyarat yang menjanjikan masa yang cemerlang di dunia ini, di samping harapan yang cerah untuk memiliki syurga Allah,

para sahabat melihat penyiksaan yang silih menimpa mereka dan bala bencana yang mengelilingi mereka tidak lebih dari mendung timur yang menyelubungi suasana yang tidak lama akan hilang. Rasulullah terus mengukuhkan jiwa mereka dengan sajian kerohanian dan keimanan, mentazkiahkan hati-hati mereka dengan ajaran-ajaran al-Quran dan hikmah- hikmahnya, mentarbiahkan mereka dengan latihan yang membina budi, membimbing jiwa-jiwa mereka ke rnercu kemuliaan diri, kesucian hati, keheningan susila, kebebasan'dari rantai meterialistik, penentangan hawa nafsu, dan melonjak syahdu kehadrat Ilahi, Pencipta petala langit dan bumi. Seluruh sanubari mereka dibersihkan, hingga keluarlah mereka dari buana kegelapan ke alam cahaya dan nur, melatih mereka cekal hati menghadapi cabaran dan rintangan hawa nafsu, hingga dengannya mereka semakin kukuh berpegang dengan agama, menolak ke tepi syahwat hawa nafsu, bermatian ke jalan Allah dan keredhaanNya, penuh nostalgia kepada syurga nirwanaNya, perihatin untuk memperolehi ilmu, bertafaqquh dalam agama, menghitung diri, menunduk runtunan nafsu, mengatasi emosi, menguasai berontakan perasaan, kesemuanya ditambah dengan kesabaran, ketenangan dan ketabahan hati.

PERINGKAT KEDUA

SERUAN ISLAM KELUAR MEKAH

Rasulullah (s.a.w.) Di Ta'if:

Pada bulan Syawal tahun kesepuluh kebangkitan Rasulullah bersamaan akhir Jun 619 Masihi, Rasulullah telah keluar ke Ta'if, yang terletak kurang lebih enam puluh batu dari kota Makkah. Pemergian Rasul ke sana dan kepulangan Baginda dari sana adalah dengan berjalan kaki, bersama Baginda ialah suruhannya Zaid bin Harithah, setiap qabilah yang Baginda lewati dalam perjalanan ke Ta'if Baginda menyeru mereka kepada Islam, namun usaha Baginda itu tidak seorang pun yang menyahutinya, setibanya Baginda ke bumi Ta'if Baginda mendampingi tiga adik beradik dari pimpinan Thaqif iaitu Abdul Yalii, Mas'ud dan Habib anak kepada Amru bin Umair al-Thaqafi, di sana Baginda

menyeru mereka kepada Islam dan menyokongnya, tetapi sebagai jawapannya salah seorang dari mereka berkata: Allah telah mengoyak tirai Kaabah sekiranya engkau yang diutuskan sebagai nabi. Kata seorang lagi. Tak ada orang lainkah untuk diutuskan Allah selain dari engkau. Dan kata yang ketiga: Demi Allah aku tak hendak bercakap dengan engkau, sekiranya kau seorang utusan Allah, maka kau adalah lebih merbahaya untuk ku menjawab persoalan kau itu, dan sekiranya kau berdusta'maka tidak seharusnya bagiku untuk menjawabnya. Rasulullah pun bangun dari situ dan meminta supaya mereka tidak mengheboh-hebohkan perbincangan itu.

Rasulullah berada di kalangan penduduk Ta'if selama sepuluh hari, dengan mengajak mereka kepada Islam, tidak ada seorang pembesar pun yang tidak didakwahnya, tetapi sebagai jawapan mereka berkata: Ayuh keluarlah kamu dari bumi ini, seterusnya mereka memprovokasi dan mengapi-apikan golongan-golongan bodoh dan hamba-hamba sahaya mereka, supaya memaki hamun Rasulullah, malah mereka berbaris disepanjangjalan keluar ke Ta'if, untuk melontar Rasulullah dengan anak-anak batu disertai maki cerca dan sumpah hamun yang tak terperi, hingga pecah dan luka-luka kaki Baginda, darah melumuri kasut Baginda manakala Zaid bin Harithah pula membentengkan badan Rasulullah dengan dirinya hingga luka kepalanya, golongan bodoh ini terus menghentam Rasulullah dengan lontaran anak-anak batu kerikil, hingga terpaksa Rasulullah berlindung di tepi tembok kepiinyaan Utbah dan Syaibah dua orang anak lelaki Rabi'ah, tembok berkenaanjaraknya tiga batu dari Ta'if, setelah berlindung di situ barulah budak-budak nakal dan hamba sahaya suruhan kaum di Ta'if reda dan berpatah balik, di situ Rasulullah berteduh di bawah para pokok anggur dan menyandarkan belakangnya ke tembok lalu berdoa kepada Allah dengan doa yang amat terkenal, doa itu membayangkan isi hati Rasulullah yang melimpah dengan dukacita yang amat sangat, dengan apa yang telah dihadapi di Ta'if sana, dan kesal Baginda yang tak terkira kerana tiada siapa pun yang menyahut seruan dakwahnya:

"Tuhanku kepada Dikau ku mengadu hal keletihan tenagaku,

kekurangan. hilahku, kehinaanku di hadapan manusia, wahai Maha Penyayang Lagi Kasihan belas. Dikaulah Tuhan golongan lemah dan dhaif. Dikaulah Tuhanku, kepada siapa lagi yang hendak ku menyerah? Apakah kepada orang yang jauh membenci daku ? atau kepada seteru yang telah Kau ben kuasa mengatasi daku? Kiranya tiada kemarahan Kau ke atasku, tidaklah kupeduli, namun afiat dari Mu lebih luas bagiku, ku berlindung dengan cahayaMu. Dikaulah yang menerangi kegelapan, dengannya urusan di dunia dan di akhirat menjadi baik, aku berlindung denganMu dari terturunnya ke atasku kemurkaanMu, atau terturun kemarahanMu, bagi kau jua tempat kembalinya hingga tercapai keredhaanMu, tiada day a dan upaya kecuali denganMu Ya Tuhan ".

Setelah diperhati oleh dua orang anak Rabi'ah, tergerak juga perasaan kasihan belas terhadap Baginda, mereka memanggil budak suruhan mereka yang bernama 'Iddas yang beragama Nasrani, kata mereka: "Ayuh ambillah segugus buah anggur itu dan pergi serta berikan kepada orang itu". Bila mana beliau meletakkan ke tangan Rasulullah Baginda pun menerimanya dengan membaca "Bismillah" Baginda pun memakannya.

Tanya 'Iddas: Bacaan tadi tidak pernah disebut oleh penduduk kampung ini, kata Rasulullah: Saudara ini dari negeri mana, dan apa pula agama pegangan saudara? Kata 'Iddas: Saya beragama Nasrani, dari kampung Ninawa. Kata Rasulullah: Dari kampung lelaki salih iaitu Yunus bin Matta itu? Beliau adalah saudara saya, beliau adalah nabi, dan saya adalah nabi, dengan itu 'Iddas pun memeluk kepala Rasulullah serta mencium kedua-dua tangan dan kedua-dua kakinya.

Maka berkata kedua-dua anak Rabi'ah di antara satu sama lain: Nampaknya budak suruhan mu itu sudah dirosakkan. Bila 'Iddas datang menemui kedua-dua tuannya, mereka pun berkata: Rosaklah kau, apa itu? Jawab 'Iddas: Tidak ada di atas muka bumi suatu pun yang terlebih baik dari or.'ing itu, beliau telah menceritakan daku hal-hal yang tidak diketahui kecuali oleh seorang nabi, kata mereka lagi: Rosaklah kau 'Iddas, jangan sampai kau keluar dari agamamu itu, sesungguhnya

agamamu itu lebih baik dari agamanya.

Dengan itu Rasulullah pun berpatah balik ke Makkah iaitu setelah berjalan keluar dari kawasan kebun anggur tadi, diselubungi perasaan dukacita dan patah hari, setibanya Baginda di kampung Qarn al-Manazil, Allah mengutus Jibrail (a.s) bersama dengan para malaikat penguasa gunung-ganang, untuk mendapat perintah dari Baginda untuk menghempap penduduk Makkah dengan bukit al-Akhsyabain.

Imam al-Bukhari melalui sanadnya menceritakan dengan panjang lebar hadith dari Urwah Ibn al-Zubair bahawa 'A'isyah (r.a) telah meriwayat hadith kepadanya di mana beliau telah berkata kepada Rasulullah, Adakah pernah di suatu hari tuan hamba merasa lebih berat dari peperangan Uhud? Jawab Rasulullah: Daku telah menerima penyiksaan dari kaum kau segala-galanya, yang terlebih berat ku tanggungnya ialah peristiwa hari al-Aqabah di hari itu ku telah memperkenalkan diriku kepada anak Abdul Yalii bin Abdul Kalal, namun mereka tetap tidak menyahut seruanku itu, ku beredar dari situ, membawa diri penuh kehibaan dan duka nestapa, tanpa menyedari kecuali setelah sampai ke Qarn al-Tha'alib yang dikenali sebagai Qarn al-Manazil ku mendongak ke langit, tiba-tiba sahaja ku melihat mendung tebal memayungi daku, ku renung lagi, ku dapati Jibril, beliau menyeru daku dengan katanya: Sesungguhnya Allah telahpun mendengar kata-kata kaum kau itu dan segalajawapan dan penolakan mereka terhadapmu itu, justeru itu maka Allah telah mengutus malaikat penguasa gunung-ganang untuk kau perintahkannya bertindak terhadap kaum kau itu, malaikat penguasa gunung-ganang tadi memanggil Baginda serta memberi salam pada aku dan berkata: Wahai Muhammad, itu dia bukit-bukit, apa yang kau mahu, sekiranya kau mahu aku tangkupkan mereka dengan bukit al-Akhsyabain itu, nescaya ku lakukan. Al-Akhsyabain ialah dua buah bukit di Makkah, iaitu bukit Abu Qubais dan bukit Qaiqa'an. Jawab Rasulullah: Tapi apa yang ku harapkan ialah agar Allah mengeluarkan zuriat dari keturunan mereka itu benih-benih yang akan menyembah Allah yang Esa tanpa mempersekutukan Allah sesuatu apa pun.

Di dalam jawapan Baginda kepada Jibril dan Malaikat berkenaan,

memperlihatkan keperibadian Rasulullah yang luar biasa dan memperlihatkan kemuliaan akhlak Rasulullah yang tidak dapat diduga keagungannya.

Rasulullah tersedar dari pertemuan qudus itu dengan ketenangan yang menepu di lubuk nubarinya, lantaran pertolongan Ilahi yang dikurniakan kepada Baginda khusus, dari tujuh petala langit, Rasulullah menyambung perjalanan ke Makkah hingga Baginda sampai ke "Wadi Nakhlah" di mana Baginda tinggal di situ untuk beberapa hari, di Wadi Nakhlah atau Lembah Nakhlah terdapat dua kawasan yang sesuai untuk persinggahan, iaitu al-Sail al-Kabir dan al-Zaimah, kedua-duanya subur dan berair. Namun kami tidak mempunyai rujukan yang boleh menentu secara tepat tempat persinggahan Baginda itu.

Dalam tempoh persinggahan Rasulullah di lembah Nakhlah, Allah (s.w.t) telah mengutus beberapa jin, di mana Allah menyebut peristiwa ini di dalam dua tempat, satu di dalam surah al-Ahqaf yang bermaksud:

Dan (Ingatlah peristiwa) semasa kami menghalakan satu rombongan jin datang kepadamu (wahai Muhammad) untuk mendengar Al-Qur'an; setelah mereka menghadiri bacananya, berkatalah (setengahnya kepada yang lain): "Diamlah kamu dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya!" Kemudian setelah selesai bacaan itu, kembalilah mereka kepada kaumnya (menyiarkan ajaran Al-Qur'an itu dengan) memberi ingatan dan amaran. Mereka berkata: "Wahai kaum kami! Sesungguhnya kami telah mendengar Kitab (Al-Qur'an) yang diturunkan (oleh Allah) sesudah Nabi Musa, yang menegaskan kebenaran Kitab-kitab Suci yang terdahulu daripadanya, lagi memandu kepadakebenaran (tauhid) dan kejalanyang lurus (Agama Islam). "Wahai kaum kami! Sahutlah (seruan) Rasul (Nabi Muhammad) yang mengajak ke jalan Allah, serta berimanlah kamu kepadanya, supaya Allah mengampunkan sebahagian dari dosa-dosa kamu, dan menyelamatkan kamu dari az.ab seksa yang tidak terperi sakitnya.

(al-Ahqaaf: 29-31)

Dan satu lagi di dalam surah al-Jin:

Katakanlah (wahai Muhammad): "Telah diwahikan kepadaku, bahawa

sesungguhnya: satu rombongan jin telah mendengar (Al-Quran yang aku bacakan), lalu mereka (menyampaikan hal itu kepada kaumnya dengan) berkata: 'Sesungguhnya kami telah mendengar Al-Quran (sebuah Kitab Suci) yang susunannya dan kandungannya sungguK menakjubkan!. Kitab yang memberi panduan ke jalan yang betui, lalu kami beriman kepada-Nya, dan kami tidak sekali-kali akan mempersekutukan sesuatu makhluk dengan Tuhan kami..

(al-Jin: 1-2)

Penceritaannya boleh dilihat dengan jelas hingga ke ayat 15 surah yang sama. Dari jalan penceritaan ayat-ayat ini dan juga riwayat hadith dalam hubungan tafsir ayat al-Quran mengenai peristiwa ini, ternyata bahawa Rasulullah (s.a.w) tidak pun menyedari tentang kehadiran beberapajin itu, Rasulullah mengetahui setelah Allah memberitahu RasulNya mengenai kehadiran jin-jin itu, dan kehadiran kumpulan jin ini pun adalah kali pertama dan dapat difahami juga bahawa jin-jin ini mendatangi majlis Rasulullah berulang kali selepas kedatangan ini, yang inerupakan sokongan padu Allah yang diberikannya kepada RasulNya dari alam ghaib, dengan bala tenteranya yang tidak diketahui bilangannya melainkan Dia. Adapun ayat-ayat yang diturunkan mengenai peristiwa ini, kandungannya membawa bisyarah kejayaan dakwah Rasulullah. Malah tiada mana-mana kekuatan di dunia ini yang mampu menghalang penerusan kejayaan ini:

"Dan sesiapa yang tidak menyahut (seruan) Rasul yang mengajaknya kejalan Allah, maka ia tidak akan dapat melepaskan dm {dari balasan azab, walau ke mana sahaja ia melarikan din) di bumi, dan ia tidak akan beroleh sesiapa pun - yang lain dari Allah -sebagai pelindung-pelindung yang membelanya; mereka (yang demikian sifatnya) adalah dalam kesesatan yang nyata ".

(al-Ahqaaf: 32)

'Dan bahawa sesungguhnya kita (sekarang) mengetahui, bahawa kita tidak sekali-kali akan dapat melepaskan din dari balasan Allah (walau dimana sahaja kita berada) di bumi, dan kita juga tidak sekali-kali akan dapat melarikan diri dari balasan-Nya (walauke langit sekalipun).

(al-Jin: 12)

Berhadapan dengan pertolongan dan bisyarah ini tersingkaplah mendung duka nestapa dan perasaan putus asa Baginda yang menghantui perjalanan Rasulullah, selepas Baginda keluar dari Ta'if setelah diburu dan dihalau oleh penduduk di sana, malah pertolongan dan bisyarah ini telah memberi tekad dan kekuatan baru untuk kembali ke Makkah dan memulakan kerja dakwahnya dengan satu perancangan baru yang penuh semangat dan azam.

Di ketika ini Zaid bin Harithah bertanya kepada Baginda dengan katanya: Bagaimana pula tuanhamba hendak masuk ke Makkah, sedang mereka telah mengeluarkan tuan hamba dari sana? Jawab Baginda: Wahai Zaid, sesungguhnya Allah (s.w.t) telahpun memberi pertolongan dan jalan keluar, maka sesungguhnya Allah jualah menolong agamaNya dan membantu nabiNya.

Rasulullah meneruskan perjalanannya, hampir sampai ke Makkah, Rasulullah singgah dan tinggal di Hira', semasa di situ Rasulullah menghantar seorang utusan dari qabilah Khuza'ah, untuk menemui al-Akhnas bin Syuraiq untuk memperolehi suaka kepada Baginda, sebagai tindakbalas al-Akhnas berkata: Aku adalah bersekutu dengan Quraisy dan sekutu tidak boleh memberi suaka. Dengan itu Rasulullah mengutus kepada Suhail bin Amm, namun Suhail menjawab: Sebenarnya bani Amir tidak boleh memberi suaka ke atas bani Kaab, maka seterusnya Rasulullah meminta al-Mut'am bin 'Adi, memberi suaka kepadanya, jawab al-Mut'am: Ya, aku sanggup memberi suaka untuk kamu, dengan itu beliau mengenakan dirinya dengan peralatan senjata dan mengajak anak buahnya dan seluruh kaumnya; Ayuh siapkan diri kamu dengan peralatan dan ambil tempat masing-masing di penjuru Kaabah di Bait al-Haram, kerana hari ini aku memberi suaka dan perlindungan kepada Muhammad (s.a.w).

Setelah semua mereka bersiap, beliau menghantar utusan kepada Rasulullah menjemput Baginda memasuki Makkah bersama-sama dengan Zaid bin Harithah, dengan itu Baginda bersama-sama Zaid pun memasuki Makkah, Baginda berjalan hingga tiba di perkarangan

Kaabah di situlah al-Mut'am bin 'Adi pun bangun di atas tunggangannya sambil melaung: Wahai kalian Quraisy, sebenarnya aku bertanggungjawab memberi suaka perlindungan kepada Muhammad, oleh yang demikian tidak akan ada seorang pun dari kamu yang memakinya. Rasulullah berjalan hingga sampai ke sudut Hajar Al-Aswad lalu Baginda menjamahnya dan bersembahyang dua rakaat, kemudian beredar pulang ke rumahnya, sedang al-Mut'am bin 'Adi bersiap siaga dengan persenjataan mereka mengawas Rasulullah hingga Baginda memasuki rumahnya.

Diceritakan bahawa setelah itu Abu Jahal menyoal al-Mut'am katanya: Kamu ini mengikut Muhammadkah atau memberi suaka perlindungan? Kata al-Mut'am: Bahkan pemberi perlindungan. Makajawab Abu Jahal: Ya, kalau demikian maka kami lindungi orang yang kau lindungi itu.

Jasa al-Mut'am ini, Rasul mengenanginya, di mana Rasulullah mengumumkan mengenai tawanan Badar sabdanya yang bermaksud:

Kalau al-Mut'am bin 'Adi masih hidup dan meminta supaya ku berlembut dengan tawanan ini nescaya ku lepaskan mereka demi mengenang jasanya dulu.

MEMPERKENALKAN ISLAM KEPADA QABILAH DAN INDIVIDU TERTENTU

Dalam bulan Zulkaedah tahun kesepuluh kebangkitan Baginda bersamaan penghujung bulan Jun atau permulaan bulan Julai tahun 619 Masihi, Rasulullah telah selamat balik ke Makkah, dengan niat dan azam untuk memulakan semula pengenalan Islam kepada qabilah-qabilah dan individu-individu tertentu, semakin hampir dengan musim haji, semakin ramai, orang memasuki kota Makkah, samada sebagai pejalan kaki, atau menunggang kenderaan yang kekurusan dik perjalanan jauh, kedatangan berduyung-duyung dari berbagai-bagai pelusuk, dengan satu tujuan, iaitu mengerjakan ibadat haji, dan untuk memperolehi sesuatu kemanfaatan untuk diri masing-masing, setemsnya untuk mengingati Allah dalam beberapa hari tertentu, peluang ini memang Rasulullah menanti-nantinya, Baginda menemui

qabilah demi qabilah memperkenalkan Islam kepada mereka semua dan menyeru kepadanya, iaitu seperti mana Baginda lakukan mulai tahun keempat kebangkitan Baginda.

QABILAH-QABILAH YANG DIPERKENALKAN ISLAM

Al-Zuhri menceritakan: Di antara qabilah-qabilah yang telah disebutkan namanya kepada kami, sebagai qabilah yang Rasulullah mengunjungi mereka, dengan memperkenalkan diri Baginda ialah: Banu Amir bin Sa'sa'ah, Muharib bin Khasfah, Fazarah, Ghassan, Murrah, Hanifah, Salim, Abs, Banu Nadhr, Banu al-Buka', Kindah, Kalb, al-Harith bin Ka'ab, Uzrah dan al-Hadharimah, namun tak seorang pun dari mereka ini menyahut seruan Baginda (s.a.w.)

Qabilah-qabilah yang disebutkan oleh al-Zuhri ini tidaklah merupakan qabilah yang diperkenalkan Islam, hanya sekali sahaja di suatu tahun, malah mereka ini didedahkan berulang kali di antara tahun keempat kebangkitan Baginda hinggalah ke akhir musim sebelum hijrah. Namun tidaklah dapat dianggapkan bahawa tahun tersebut adalah musim pendedahan Islam kepada qabilah tertentu, walau macammana pun memanglah terbuktinya bahawa tahun berkenaan telah diperkenalkan Islam kepada qabilah tertentu. Mengikut seorang tokoh ulama yang terkenal al-Mansurfuri, ada beberapa qabilah yang didakwahkan di musim haji di tahun kesepuluh kebangkitan Rasulullah. Ibnu Ishak telah menceritakan cara pembentangan Islam kepada mereka dan penolakan mereka terhadap dakwah Rasulullah. Ini dia ringkasannya:

1. Banu Kalb: Rasulullah menziarahi mereka, di antaranya ialah Banu Abdillah, Rasulullah menyeru mereka kepada Islam, memperkenalkan dirinya, hingga Rasulullah berkata: Sesungguhnya Allah menyenangi dengan nama yang diberi kepada bapa kamu itu (Abdullah ertinya Hamba Allah) namun mereka tidak menerimanya.

2. Banu Hanifah: Rasulullah menziarahi kediaman mereka dan mendakwah mereka dan memperkenalkan dirinya, namun penolakan yang mereka buat terhadap Rasulullah adalah seburuk cara yang pernah dilakukan oleh bangsa Arab.

3. Rasulullah mendatangi Banu Amir bin Sa'sa'ah, dengan mengajak mereka kepada Allah di samping memperkenalkan dirinya, maka berkata salah seorang mereka, beliau dikenali sebagai Bahirah bin Firas: Demi Allah, kalaulah aku ambil pemuda ini dari Quraisy nescaya aku boleh menguasai dengannya seluruh bangsa Arab, kemudian beliau bertanya Rasulullah: Apa pandangan kamu sekiranya kami berbai'ah untuk urusan kau itu, kemudian ditakdirkan Allah engkau dapat mengatasi orang yang menentang kau, apakah kami yang akan memerintah selepas kau? Jawab Rasulullah: Urusan ini terserah kepada Allah, dialah yang meletakkan sesuatu di mana sahaja yang dikehendakiNya, kata Bahirah: Apakah kau mendedahkan diri kami untuk mempertahankan diri kau dari bangsa Arab, kemudian setelah kau berjaya kau akan menyerahkan kekuasaan itu kepada orang lain pula? Ini tidak boleh jadi dan kami pun tidak berhajat untuk memikul urusan dan persoalanmu ini, dengan itu mereka semua menolak seruan Rasulullah.

Setelah Banu Amir pulang ke kampung mereka, mereka ceritakan hal ini kepada seorang pemimpin mereka yang tidak serta bersama di musim haji itu, justeru usianya sudah turut lanjut, kata mereka: Ada seorang pemuda dari Quraisy dari Banu Abdul Muttalib, mendakwa dirinya sebagai nabi, mempelawakan kami untuk mempertahankan dirinya dan bertindak bersamanya serta mengambil beliau untuk ke kampung kita ini. Orang tua tadi meletakkan kedua-dua tangannya, ke atas kepalanya dan berkata: Wahai Banu Amir apakah kita berkesempatan? Sampai tak, kita memperolehi yang hujungnya? Demi jiwa seseorang itu di tanganNya, orang yang kau sebut itu adalah keturunanjati nabi Ismail, dia adalah benar, di mana pemikiran kamu semasa kamu berbicara? sebenarnya fikiran kamu tidak memihak kepada kamu!

GOLONGAN BERIMAN BUKAN DARI PENDUDUK MAKKAH

Sebagaimana Rasulullah memperkenalkan Islam kepada qabilah-qabilah dan perwakilan-perwakilan, Baginda juga memperkenalkan

kepada individu dan orang perseorangan, sesetengah mereka menerima dan memberi jawapan yang baik dan tidak kurang juga beberapa tokoh yang beriman s'elepas musim haji itu, di sini dipamerkan gambaran ringkas penerimaan Islam oleh beberapa tokoh.

1. Suwaid bin Somit: Beliau ini adalah seorang penyair yang pintar dari penduduk Yathrib, suku bangsanya mengelarkan beliau sebagai "al-Kamil" lantaran kecekalan, kcpenyairan, bangsawan dan keturunan beliau, beliau datang ke Makkah untuk menunai ibadat haji dan umrah, Rasulullah berkesempatan bertemu dengan beliau lalu di dakwahnya kepada Islam, dalam kesempatan ini Suwaid berkata, berkemungkinan yang kau bawa itu semulia dengan apa yang ada bersamaku ini, jawab Rasulullah: Apakah yang bersama kau itu, Jawab Suwaid: Hikmah Luqman. Kata Rasulullah: Ayuh bawa kemari. Dengan itu beliau pun mengungkapkannya. Kata Rasulullah: Kata-kata ini adalah baik sekali, namun yang ku bawa ini lebih baik dari itu, ianya al-Quran turunan Ilahi kepadaku, dianya hidayah dan cahaya, lalu Baginda membacakannya kepada beliau, malah seterusnya Rasulullah mengajak beliau kepada Islam, tanpa berlengah beliau pun mengucap dengan dua kalimah syahadah dan mengulas dengan katanya: Sesungguhnya kata-kata ini amat baik sekali, setibanya Baginda di Madinah tidak lama beliau meninggal dunia, terbunuh dalam peperangan "Buath" beliau memeluk Islam di permulaan tahun kesebelas kebangkitan Rasulullah.

2. lyas bin Mu'az: Beliau adalah seorang remaja penduduk Yathrib turut bersama dalam rombongan al-Aws, mereka semua datang untuk mengikat janji sekutu dengan Quraisy buat menentang qabilah al-Khazraj, iaitu sebelum peristiwa peperangan "Buath" yang berlaku di permulaan tahun kesebelas kebangkitan Rasulullah, di ketika itu api peperangan sedang meletus di antara dua qabilah berkenaan itu di Yathrib, justeru al-Aws lebih kecil dari al-Khazraj. Setelah Rasulullah mengetahui mengenai ketibaan mereka, segera Rasulullah datang menemui mereka dan berbincang, di mana Rasulullah menawarkan kepada mereka, sebagaimana yang tersebut dalam sebuah hadith yang bermaksud: Mahu tak aku kemukakan kepada kamu suatu yang lebih

baik dari yang apa kamu datang untuknya? Kata mereka: Apakah tawaran itu? Jawab Rasulullah; Aku adalah Rasul utusan Allah, diutusnya aku kemari untuk sekelian hambanya, mengajak mereka menyembah Allah tanpa menyekutukanNya dengan sesuatu apa jua, diturunkannya ke atasku sebuah kitab, kemudian Baginda menerangkan Islam seterusnya kepada mereka, dan membaca al-Quran. Kata lyas: Wahai kaumku ini nampaknya lebih baik dari apa yang kamu datang kerananya, lalu Abu al-Haisar Anas bin Rafi' salah seorang dari anggota rombongan mengambil segenggam tanah dan dilontarnya kemuka lyas, sambil berkata: Tinggalkan hal-hal itu, ku bersumpah, sebenarnya kita datang ke sini bukan untuk itu, dengan itu lyas pun berdiam diri dan Rasulullah pun bangun dari situ, sedang mereka pun berangkat pulang ke Madinah tanpa berhasil untuk memeteraijanji dengan pihak Quraisy sebagaimana mereka ke Yathrib, tidak lama kemudian lyas pun meninggal dunia. Diceritakan bahawa lyas sepanjang hayatnya di Madinah bertahlil, tahmid, tasybih dan berzikir hingga ke akhir hayatnya, untuk itu tidak diragui bahawa beliau mati dalam iman dan Islam.

3. Abu Zar al-Ghaffari: Beliau juga adalah dari kalangan penduduk Yathrib, berita kebangkitan seorang Rasul melalui Suwaid bin Somit dan lyas sampai ke pendengaran Abu Zar membawa beliau menganut Islam. Al-Bukhari meriwayatkan dari Ibnu Abbas katanya: Abu Zar telah menceritakan dengan katanya: Aku adalah seorang dari qabilah Banu Ghaffar, dan telah sampai ke pengetahuan kami, telah muncul di Makkah sana seorang lelaki yang mendakwa dirinya sebagai Nabi, maka dengan itu ku berkata kepada saudaraku: Cuba kamu pergi tengok lelaki itu kemudian cuba kau bercakap dengannya kemudian bawa kemari apa cerita yang sebenar, dengan itu beliau pun bertolak ke sana dan bertemu dengan Rasulullah kemudian pulang segera. Tanya Abu Zar kepada saduaranya itu: Apa yang kau dapat? Jawab saudaranya: Demi Allah sesungguhnya aku telah mendapati beliau adalah seorang lelaki yang sentiasa menyuruh manusia melakukan kebaikan semata-mata, di samping melarang dari melakukan kejahatan,

kataku: Ceritamu itu tidak memuaskan, kemudian aku ambil seuncang air dan tongkat untuk bermusafir ke Makkah, hingga ku tiba di sana, sebenarnya aku pun tidaklah kenal orangnya, namun aku tidak suka bertanya kepada orang lain, aku membuat rancangan, iaitu memadai dengan minum air zamzam dan duduk dalam masjid. Kata Abu Zar: Ali bin Abi Talib pun berlalu di hadapanku dan kata beliau; Tuan ini bagaikan dagang di sini. Jawabku: Memang benar. Kata Ali: Ayuh ke rumahku, aku pun turut sahaja bersama-sama beliau tanpa bertanya khabar mengenai diriku dan aku pun seperti itu juga tanpa bertanyanya kepadanya sesuatu dan tidak pula menceritakan hasrat sebenar ke Makkah ini, bila subuh menjelang ku pun ke masjid untuk bertanya mengenai diri nabi Allah dan tidak seorang pun di situ, menceritakan daku mengenainya, bila Ali melalui di hadapanku, beliau berkata: Hai! masih belum menemui tempat yang hendak dituju itu. Jawabku: Masih belum lagi. Kata Ali: Ayuh ikut aku, apa urusan kau yang sebenar? Dan apakah yang membawa tuan datang ke negeri ini? Kataku: Sekiranya tuan boleh rahsiakan urusanku ini bolehlah daku ceritakan. Jawab Ali: Aku cuba. Kataku: Sebenarnya telah sampai kepengetahuan kami, bahawa di sini ada seorang mendakwa dirinya sebagai nabi Allah, sebelum ini aku telah mengutus suadaraku untuk menemuramahnya, tapi kepulangannya dengan maklumat terbatas itu, tidak memuaskan hatiku, oleh itu aku hendak jumpa beliau sendiri. Jawab Ali: Kau akan diberi petunjuk, kini aku hendak pergi menemuinya, kau ikut aku di mana aku masuk kamu masuk, sekiranya aku melihat seorang yang ku curigai, aku akan berhenti di tepi dinding pagar, seolah-olah hendak membetulkan tali kasutku, kau teruskan sahaja. Dengan itu beliau berjalan aku turut dari belakang, akhirnya aku masuk bersama beliau, menemui Rasulullah dan ku berkata padanya: Ayuh perkenalkan Islam kepada ku, Baginda pun terus memperkenalkan Islam kepadaku, aku pun terus memeluk Islam, tidak sempat berubah tempat, disitulah Baginda berkata kepadaku: Wahai Abu Zar, hendaklah kau rahsiakan perkara ini, sekarang kau boleh pulang, dan bila mana sampai pada kau berita perkembangan dan kebangkitan kami, kamu boleh tampil bersama kami. Ku berkata: Demi Tuhan yang telah mengutuskan kau

dengan kebenaran akan ku ceritakan dan melaung di depan muka mereka. Dengan itu aku pun segera ke masjid, orang Qquraisy ramai berada di situ, aku pun melaung: Wahai orang-orang Quraisy sekarang dengar dariku: "Sesungguhnya daku bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan daku bersaksi bahawa Muhammad itu hamba dan pesuruhNya" Lalu mereka semua melaung: Ayuh cepat ada seorang lagi yang menukar agamanya, mereka semua menerpa ke arah ku dan melanyakku separuh nyawa, hinggalah al-Abbas datang membebaskan daku, kemudian beliau berhadapan dengan mereka: Binasa kamu semua, kamu membelasah orang Ghaffar ini? Perjalanan dan perniagaan kamu melalui perkampungan qabilah Ghaffar, dengan itu mereka pun melepaskan Abu Zar, namun bila menjelang suboh di keesokkan hari, aku fikir mahu lakukan seperti kelmarin sekali lagi, aku pun terus meneriak dengan laungan dua kalimah syahadah, sekali lagi pihak Quraisy telah menerekam kearahku kata mereka: Ayuh lanyak si pulan ini yang telah keluar dari agama itu, mereka mengerjakan diriku seperti kelmarin, sekali lagi al-Abbas mendapati ku mendakap daku dan berseru seperti beliau serukan kelmarin.

4. 'Hifail bin Amru al-Dausi: Beliau adalah seorang lelaki mulia, penyair handalan ketua qabilah Daus, qabilahnya berkuasa autonomi di beberapa bahagian di Yaman, beliau masuk ke Makkah tahun kesebelas kebangkitan Rasulullah, penduduk Makkah mengalu-alu kedatangan beliau ke bumi mereka penuh penghormatan dan kebanggaan mereka menyambut ketibaan Tufail di samping memberi gambaran buruk mengenai Rasulullah kata mereka: Wahai Tufail, kini kau telah pun memijak bumi kami justeru itu kami hendak memperingatkan kau mengenai seorang lelaki, yang telah tampil ke hadapan dan menimbulkan permasalahan yang berat di kalangan kami, beliau ini telah memecahbelahkan perpaduan di antara kami, memporak-perandakan penghidupan kami, cakapannya itu seperti hembusan sihir menceraikan di antara bapa dan si anak lelaki, di antara seseorang dengan kawannya, di antara suami isteri, dan kami ini curiga kelak akan terjadi kepada kamu seperti apa yang berlaku di kalangan kami,

untuk itu jangan kau berbicara dengannya. Sambung Tufail: Demi Allah, mereka terus mengasak pemikiranku dengan sogokan-sogokan ini hingga tak ada yang ku dengar melainkan gesaan-gesaan ini, hingga terpaksaku sumbat telingaku bila hendak ke masjid, supaya tidak masuk lagi cerita-cerita seperti itu. Namun di suatu pagi bila ku sampai di perkarangan masjid, ku dapati Muhammad sedang berdiri di sisi Kaabah bersembahyang, ku cuba menghampiri beliau, di mana Allah menghendaki agar ku mendengar beberapa perkataannya, ku dapati kata-katanya yang baik sekali, hingga ku berkata kepada diriku, demi berjandalah ibuku, dan demi Allah, aku ini penyair handalan, tidak pernah keliru bagiku mana kata-katajanggal dari kata-kata baik, apakah tidak berani ku mendengar kata-kata Muhammad ini, kiranya elok aku terima dan sekiranya buruk ku boleh tolaknya, aku tunggu hingga beliau beredar pulang ke rumahnya, dengan itu aku ekorinya dari belakang, hingga apabila beliau masuk ke dalam rumahnya aku pun turut masuk dengan menceritakan kepadanya sebab mengapa ku datang kemari dan sebelum ini ramai orang menakut-nakutkan daku hingga terpaksa ku menyumbat telingaku dengan kapas supaya tidak terdengar sebarang perkataan dari cakapan mereka, akhirnya ku meminta Rasulullah membentangkan kepada ku perutusan yang dibawanya itu, dengan itu Baginda pun memperkenalkan Islam kepada ku dan membaca kepada ku al-Quran. Demi Allah, sesungguhnya tidak pernah ku mendengar kata-kata yang lebih cantik dari kata-katanya itu dan tidak ada persoalan yang lebih saksama dari perkataannya itu, daku terus memeluk Islam dengan mengucap dua kalimah syahadah dengan sebenarnya, dan ku menegaskan kepada Baginda dengan kata-kataku: Daku ini orang yang dipatuhi di kalangan bangsa ku, hari ini ku hendak pulang menemui kaum ku serta menyeru mereka kepada Islam, wahai Rasulullah pintalah kepada Allah supaya ku dikurniakan satu ayat/tanda, dengan itu Rasulullah pun berdoalah.

Maka Allah pun mengurniakan kepadanya "tanda" yang apabila beliau mendekati kaumnya, Allah menjadikan mukanya bercahaya seperti lampu, lalu beliau menyeru: Ya Tuhanku Ya Allah, jadikanlah bukan di

mukaku, kerana ku takut akan dikatakan cahaya itu adalah deraan atau sumpahan, justeru cahaya pun berpindah ke tungkatnya, di sana beliau telah menyeru bapanya dan isterinya kepada Islam, mereka berdua pun menganut Islam, namun kaumnya terlewat sedikit memeluk Islam, walaupun demikian beliau berusaha menyeru kaumnya. Akhirnya mereka memeluk Islam selepas hijrah, iaitu sebelum peperangan al-Khandak. Jumlah mereka semua tujuh puluh atau lapan puluh buah rumah. Tufail telah diuji kelslamannya, namun beliau berakhir penuh kejayaan, akhirnya beliau meninggal sebagai syahid di dalam peperangan al-Yamamah.

5. Dhamad al-Uzdi: Beliau adalah lelaki dari Qabilah Uzd-Synaw'ah dari al-Yaman, beliau seorang bomoh menjampi melalui angin, semasa beliau tiba di Makkah beliau telah mendengar golongan sufaha' (bodoh dan nakal) yang singkat pemikiran mengatakan: Bahawa Muhammad itu seorang yang gila, hingga beliau berkata dalam dirinya, kalaulah boleh aku rawat boleh kiranya aku sembohkan beliau dari penyakitnya itu, bila beliau menemui Muhammad beliau menyebut kepada Rasulullah dengan katanya: Wahai Muhammad aku pernah merawat melaluijampian menerusi angin yang berlalu, boleh tak aku cuba merawatmu? Rasulullah menjawab:

"Sesungguhrrya'segala pujian bagi Allah, bagiNya kita memuji, dariNya kita meminta pertolongan, sesiapa diberi hidayah, maka tiada siapa yang menyesatkannya, dan sesiapa yang disesatkanNya maka tiada siapapun yang boleh mmeberi petunjuk kepadanya, daku bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan aku bersaksi bahawa Muhammad itu hambaNya dan pesuruhNya, adapun selepasNya."

Kata Dhamad: pinta ulangkan ungkapan mu itu sekali lagi, lalu Rasulullah mengulangi tiga kali. Jawab Dhamad: Sebenarnya aku pernah mendengar seloka paderi dan sami, juga mentera tukang sihir, serta puisi penyair, tapi kesemuanya tidak seperti kata-katamu itu, ianya menakluki kamus perbendaharaan seluas lautan samudera. Ayuh hulurkan tanganmu untuk ku berbai'ah di atas Islam, maka Baginda pun berbai'ah dengan beliau.

ENAM JIWA SUCI DARI BUMI YATHRIB

Pada musim haji tahun ke sebelas kebangkitan Rasulullah bersamaan bulan Julai tahun 620 Masilii dakwah Islamiah memperolehi bibit-bibit pengerak yang salih, dalam tempoh yang singkat bibit-bibit tadi telah membesar menjadi penaung kepada kaum muslimin yang amat memerlukan kepada perlindungan di sepanjang marhalah penindasan dan penganiayaan. Di antara hikmah Rasulullah (s.a.w) semasa penindasan dan penganiaan penduduk Makkah terhadap usahanya, ialah tindakan Rasulullah keluar di tengah-tengah malam buta untuk bertemu dengan qabilah-qabilah yang datang dari luar dengan tujuan supaya tidak diganggu oleh musyrikin Makkah.

Di suatu malam Rasulullah keluar bersama-sama Abu Bakr dan Ali, Baginda melawat kemah Zahl dan Syaiban bin Tha'labah, sempat Rasulullah memperkenalkan Islam kepada mereka, kiranya berlaku satu perbincangan di antara Abu Bakr dan salah seorang keturunannya, Zahl dengan jawapan yang baik manakala Banu Syaiban pula member! jawapan yang amat memuaskan, namun mereka menangguhkan penerimaan Islam.

Selepas itu Rasul berjalan di al-Aqabah Mina dan Baginda terdengar suara sekumpulan lelaki sedang berbual-bual sesama mereka, segera Rasulullah menemui dan berbicara dengan mereka, ketua mereka di situ adalah enam orang dari pemuda Yathrib dari qabilah al-Khazraj;

1. ' Asa'd bin Zurarah - Banu Najar
2. Awf bin al-Harith bin Rifa'ah bin Afra' - Banu Najar
3. Rafi bin Malik bin al-Ijlan - Banu Zuraiq
4. Qatbah bin Amir bin Hadidah - Banu Salamah
5. Aqabah bin Amir bin Naabi - Banu Hiram bin Ka'b
6. Jabir bin Abdillah bin Riaad - Banu Abidbin Ghanam.

Di antara kebahagiaan yang dikecapi oleh penduduk Yathrib itu, di mana dahulunya mereka pernah mendengar dari kaum Yahudi yang menceritakan kepada mereka bahawa seorang nabi utusan akan muncul

di zaman itu, bila sahaja ianya dibangkitkan mereka akan menjadi pengikut setianya, di masa itu kaum Yahudi akan membinasakan penduduk Yathrib, seperti pemusnahan kaum 'Ad dan Iram.

Ketika Rasulullah bersama mereka, Baginda bertanya, siapa kamu? Jawab mereka kami adalah di antara orang al-Khazraj, kata Rasulullah: Jadi kamu adalah sekutu Yahudi? Jawab mereka: Ya! Kata Rasulullah: Boleh tak kamu beri sedikit masa untuk ku, hingga dapat ku bercakap dengan kamu? Kata mereka: Ya boleh, dengan itu mereka pun duduk bersama Rasulullah di mana Baginda menerangkan kepada mereka hakikat Islam dan seruannya, seterusnya Baginda menyeru mereka kepada Allah Azawajalla dan membaca ayat-ayat al-Quran, hingga dengan itu sesetengah dari mereka berkata: Tahu tak, demi Allah inilah nabi yang pernah diceritakan kepada kamu oleh Yahudi Madinah, ayuh jangan biarkan mereka mendahului kamu, maka mereka pun terus memeluk Islam.

Enam orang al-Khazraj ini merupakan di antara penduduk Yathrib berfikiran matang, mereka terasa keletihan dek perang saudara yang berlarutan hingga ke saat terakhir ini, di mana api perseteruan masih terasa bahangnya, justeru itu semua mengharapkan suatu takdir yang boleh menamatkan peperangan itu, mereka melepaskan keluhan mereka kepada Rasulullah: Wahai Rasulullah kami tinggalkan kaum kami di sana dalam persengketaan yang amat teruk, kami harapkan semoga Allah mencantumkan kami semua dengan perantaraan engkau wahai Rasulullah, tidak lama lagi kami akan sampai di kalangan mereka, kami akan menyeru mereka kepada seruanmu ini, kami akan bentangkan kepada mereka agama yang telah kamu anuti ini, sekiranya mereka menyahut dan menerima maka tidak ada orang yang mulia selain dari engkau.

Setelah sampai ke Madinah dengan risalah Islam yang mereka bawa itu terus disebarnya di sana hingga tidak ada satu keluarga pun yang tidak memeluk Islam dan kesemua mereka' menyebut-nyebut nama Rasulullah (s.a.w).

ISRA' DAN MI'RAJ

Di dalam tempoh dakwah Rasulullah yang terus bergerak dan mencapai kejayaan di samping penindasan-penindasan, namun kemenangan sayup-sayup sudah dapat didengar, di saat ini berlakulah peristiwa Isra' dan Mi'raj.

Penentuan masa terjadinya peristiwa bersejarah ini berlaku sedikit ikhtilaf, di antara pendapat-pendapat ialah:

1. Al-Tabari menentukan berlakukannya di tahun Baginda dibangkitkan.

2. Al-Nawawi dan al-Qurtubi mentarjihkan di tahun kelima kebangkitan Baginda.

3. Al-'Alamah al-Mansurfuri menetapkan pada malam dua puluh tujuh di bulan Rejab tahun kesepuluh kebangkitan Baginda.

4. Pendapat lain mengatakan enam belas tahun sebelum hijrah iaitu di bulan Ramadhan tahun dua belas kebangkitan Baginda.

5. Ada pendapat mengatakan setahun dua bulan sebelum hij rah iaitu di bulan Muharam tahun ketiga belas kebangkitan Rasulullah.

6. Satu lagi pendapat menyebut berlakunya setahun sebelum hijrah iaitu di dalam bulan Rabiulawal tahun ketiga belas kebangkitan Baginda.

Ketiga pendapat yang pertama menyebut bahawa Khadijah (r.a) telah wafat di dalam bulan Ramadhan tahun ke sepuluh kebangkitan Baginda, kewafatan beliau adalah sebelum sembahyang lima waktu difardukan, dan tiada khilaf bahawa sembahyang itu memang difardukan di malam berlakunya Isra' dan Mikraj itu, manakala tiga pendapat terakhir saya sendiri tidak dapat mentarjihkan mana-mana satu pun. Namun gaya bahasa surah al-Isra' itu menunjukkan Isra' itu berlaku di ketika masa-masa yang akhir sebelum hijrah.

Para Imam al-Hadith meriwayatkan huraian lanjut mengenai peristiwa ini "berdasarkan hadith sahih", di sini kami memuatkan ringkasannya: Ibnu al-Qayim telah menyebut: Rasulullah telah diisra'kan dengan jasadnya dari masjid al-Haram ke Baitui Maqdis dengan menunggang buraq, ditemani oleh Jibril (a.s), Rasulullah turun ke Baitui Maqdis dengan mengimami sembahyang, bersama para Anbiya' yang

terdahulu, buraq ditambat di halaman masjid al-Aqsa.

Setelah itu Rasulullah dimi'rajkan di malam yang sama dari Baitui Maqdis ke langit terdekat, lalu Jibril meminta supaya dibuka pintu langit, setelah dibukanya, di sana Rasulullah telah melihat Adam (a.s) bapa sekalian manusia, Baginda pun memberi salam kepadanya, Baginda dialu-alukan dan membalas salam dan Baginda diperakukan dengan kenabiannya. Allah memperlihatkan kepada Baginda roh-roh para syuhada' di sebelah kanannya dan roh-roh yang terseksa di sebelah kirinya.

Kemudian Baginda dibawa naik ke langit kedua, Jibril meminta supaya dibuka pintu langit, setelah dibuka mereka memasukinya di sana didapati nabi Yahya bin Zakaria dan Isa Ibni Mariam, diberinya salam lalu dijawab satam dan dialu-alukan mereka, di samping memperakui kenabian Muhammad (s.a.w).

Setelah itu Jibril membawa Rasulullah ke langit ketiga di sana mereka bertemu dengan Nabi Yusuf, setelah salam diberi dan disambut Baginda dialu-alukan dan diperakui kenabiannya.

Seterusnya Rasulullah dibawa ke langit keempat di sana Baginda berjumpa dengan Nabi Idris (a.s), Rasulullah memberi salam kapadanya dan beliau menjawab, Baginda dialu-alukan dan diakui kenabian Baginda.

Lepas itu Baginda dibawa ke langit kelima di sana Baginda bertemu dengan nabi Harun bin Imran, Baginda menjawab salam yang diberi, Baginda dialu-alukan dan diakui kenabiannya.

Kemudian Baginda dimi'rajkan ke langit keenam di sana Baginda bertemu dengan Musa bin Imran, Baginda memberi salam dan dijawab maka dialu-alukan dan diperakui kenabiannya. Setelah Rasulullah berlepas dari Musa, Musa pun menangis, lalu ditanya Musa apa yang membawa kau menangis? Jawab Musa: Aku menangis kerana orang yang diutuskan selepasku, umatnya memasuki Syurga lebih ramai dari umatku.

Seterusnya Rasulullah dimi'rajkan ke langit ketujuh, padanya Baginda menemui Ibrahim (a.s), setelah salam diberi dan dijawab, Baginda

dialu-alukan dan diakui kenabiannya. Sesudah itu Baginda dimi'rajkan ke Sidrah al-Muntaha dan dibawa ke al-Bait al-Ma'mur.

Akhirnya Baginda dimi'rajkan ke hadapan Allah al-Jabbar Jalla Jalaluh, Baginda menghampiriNya paling terdekat, maka difirman dan diwahyukan kepada hambaNya Muhammad segala sesuatu, difardukan ke atas Baginda kelima puluh waktu, dengan itu Baginda pun turunlah untuk pulang ditengah jalan Baginda melalui Musa bin Imran yang bertanyakan kepada Rasulullah:

Dengan apa kau diperintahkan? Jawab Baginda: Daku difardukan dengan lima puluh waktu solat, jawab Musa: Umat kau tidak akan mampu, kembalilah kepada Tuhan pohon kepadaNya pengurangan, demi untuk umat engkau, Baginda berpaling kepada Jibril bagaikan untuk mendapat pandangan, maka Jibril pun memberi persetujuan dengan pendapat Musa itu, dengan itu Jibril membawa semula hingga ke hadapan Tuhan Rabul Jalil, justeru itu Allah pun mengurangkan hingga tinggal sepuluh waktu sahaja, maka Baginda turun, semasa itu sekali lagi Baginda melewati Musa (a.s), Baginda mencerita apa yang berlaku, maka kata Musa sekali lagi sebagai menasihati, Ayuh pulang semula kepada Tuhanmu mintakan agar dikurangkan lagi, demikianlah Rasulullah berulang-alik di antara Allah Rabul Jalil dan Musa, dengan itu Allah perkurangkan, hingga tinggal menjadi lima waktu solat sahaja, masih lagi Musa menyuruh Rasulullah memohon pengurangan lagi, kemudian Rasulullah mengatakan:

Sesungguhnya aku terasa malu, malah setakat ini aku merelai dan menerima perintahNya itu, setelah berjauhan Baginda diseru: Sesungguhnya Daku menguatkuasa solah fardu dan Ku ringankan ke atas hamba-hambaKu.

Ibnu al-Qaiyim juga telah mengemukakan pendapat yang berlainan mengenai penglihatan Rasulullah akan Tuhannya Tabaraka wa Ta'ala, yang kemudian beliau perturunkan pembicaraan Ibnu Taimiyah mengenai tajuk berkenaan, hasil kajian mendapati bahawa penglihatan Rasulullah dengan mata kepala tidak thabit sejak asal lagi, sebenarnya, pendapat ini tidak pernah disebut oleh mana-mana sahabat pun.

Pendapat yang dinaqalkan dan dipetik dari Ibnu Abbas:

"Penglihatan Rasulullah adalah secara mutlak dan melalui hati naluri, namun penglihatan mutlak tidak menafikan penglihatan dengan hati".

Seterusnya beliau menyebut lagi: Adapun firman Allah di dalam surah al-Najm menghampiri di sini bukannya seperti yang diertikan di dalam kisah Isra' dan Mi' raj, menghampiri dalam surah al-Najm, ialah Jibril yang menghampiri dan mendekati, sebagaimana yang ditegaskan oleh 'A'isyah dan Ibnu Mas'ud, gaya bahasa menunjukkan demikian, manakala penghampiran dan pendekatan di dalam hadith al-Isra', adalah terang danjelas dinisbahkan kepada Tuhan Rubuljalil, ini bererti tidak berlaku apa-apa pertentangan di dalam surah al-Najm, malah Baginda melihatNya dikali kedua di Sidrah al-Muntaha. Ini adalah Jibril, Muhammad (s.a.w) melihatnya dalam bentuk asal dua kali, sekali di bumi dan kali kedua di Sidrah al-Muntaha. Waalahhu a'laam.

Peristiwa pembedahan dada Rasulullah pun berlaku juga dikali ini. Dan di dalam peristiwa Isra' Mi'raj ini Baginda menyaksi berbagai-bagai perkara:

Telah dipersembahkan kepada Baginda susu dan khamar, namun Baginda memilih susu, maka disebutkan kepada Baginda: Kau telah tertunjuk kepada fitrah atau kau telah menepati fitrah, tapi sekiranya kau mengambil khamar nescaya sesat seluruh umat kau.

Baginda telah melihat empat sungai di dalam syurga, dua sungai zahir dan dua sungai batin. Dua sungai yang zahir ialah sungai al-Nil dan al-Furat ini bermakna agama dan risalah yang dibawanya akan bertapak di lembah-lembah subur di al-Nil dan al-Furat, penduduknya merupakan pendokong-pendokong agama Islam dari generasi ke generasi yang lain, bukanlah bererti yang airnya yang mengalir dari syurga.

Juga Baginda melihat Malik penjaga neraka, yang tidak pernah senyum, malah di mukanya tiada sedikit pun mesra atau lembut, Baginda melihat syurga dan neraka.

Baginda menyaksi pemakan harta-harta anak-anak yatim secara aniaya, mulut-mulut mereka bak mulut-mulut unta, dilontar ke dalam rahang mulut mereka ketulan-ketulan api neraka bak harimau meluru keluar

dari dasar neraka keluar melalui dubur mereka.

Baginda menyaksi pemakan-pemakan riba dengan perut-perut yang besar, kerananya mereka tidak berupaya bergerak dari tempat-tempat mereka, keluarga Firaun melalui di hadapan mereka dan melanyak mereka dengan tapak kaki.

Penzina-penzina diletakkan di hadapan mereka daging-daging elok dan segar di samping daging-daging buruk lagi busuk, namun mereka memilih dan memakan yang busuk ditinggalnya yang segar-segar.

Baginda menyaksi sekumpulan wanita yang memasuki di dalam majlis lelaki bukan anak-anak mereka, mereka digantung dari payudara-payudara mereka,

Juga Baginda melihat sekumpulan unta penduduk Makkah dalam perjalanannya. Pada masa itu Baginda telah menunjukkan mereka unta yang kehilangan itu, dan Baginda telah meminum air dari bekas mereka yang tertutup kemas sedang mereka nyenyak tidur selepas diminum habis Baginda menutup kembali tudungnya, kejadian ini menjadi bukti kebenaran kepada peristiwa Isra' dan mi'raj yang diceritakan oleh Rasulullah.

Ibnu al-Qayyim berkata: Setelah Rasulullah berada di Subuh pagi bersama-sama kaumnya dan menceritakan kepada mereka tanda-tanda agung (al-Ayat al-Kubra) yang diperlihatkan Allah kepada RasulNya, maka semakin engkar kafir Quraisy dengan risalah Muhammad, semakin bengis lagi mereka menyiksa kaum muslimin. Namun demikian mahu juga mereka bertanya Rasulullah supaya mengambarkan rupa bentuk Baitui Maqdis, maka Allah membuka penglihatan Rasulullah hingga ternampak Baitui Maqdis itu di hadapan matanya, dengan itu Rasulullah pun menceritakan segala sesuatu mengenai dengannya hingga mereka semua tidak berkesempatan untuk menolak atau mendustainya dan menceritakan juga mengenai kumpulan-kumpulan unta mereka, semasa pemergian dan kepulangan Baginda, juga Baginda menceritakan unta-unta yang akan tiba dan menyifatkan unta yang akan mendahului kafilahnya, dan benar sebagai yang diceritakan oleh Rasulullah, namun mereka semakin angkuh dan

engkar, memang sesungguhnya orang yang zaiim itu semakin kufurlah mereka.

Adapun Abu Bakr digelarkan dengan gelaran al-Siddiq kerana pembenaran dan kepercayaan beliau dengan peristiwa Isra' dan Mi'raj, sedang manusia ramai mendustainya. Paling padat dan agong faktor perjalanan mulia ini diaturkan oleh Allah ialah sebagaimana firmanNya yang bermaksud:

...untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami.

(al-Israa': 1)

Ini adalah sunnah dan qanun Allah kepada para anbiya'nya, sebagaimana penegasan Allah kepada Ibrahim (a.s) yang bermaksud:

Dan demikianlah Kami perlihatkan kepada Nabi Ibrahim kebesaran dan kekuasaan (Kami) di langit dan di bumi, dan supaya menjadilah ia dari orang yang percaya dengan sepenuh-penuh yakin.

(al-An'aam: 75)

Dan penegasan Allah kepada Musa (a.s) yang bermaksud:

"(Berlakunya yang demikian itu) kerana Kami hendak memperlihatkan kepadamu, sebahagian dari tanda-tanda kekuasaan Kami yang besar."

(Thaahaa: 23)

Penyusunan program Isra' dan mi'raj ini bertujuan memberi keyakinan:

dan supaya menjadilah ia dari orang yang percaya dengan sepenuh-penuh yakin.

(al-An'aam: 75)

Setelah ilmu dan makrifat para anbiya' ini didasarkan kepada penyaksian tanda-tanda agung (al-Ayaat al-Kubra) tadi, darinya mereka memperolehi 'Ain al-Yakin (yakin hakiki), yang tidak dapat dinilai kadarnya, kerana berita perkhabaran itu tidak boleh disamakan dengan penyaksian dengan mata kepala, hasilnya mereka lebih mampu untuk menanggung risiko dakwah yang bakal mereka garap, seluruh tenaga dunia yang menentang mereka hanya seberat sayap nyamuk sahaja, untuk itu mereka tidak menghiraukan pancaroba dan ancaman terhadap

mereka.

Adapun hikmat dan rahsia-rahsia di sebalik perjalanan agung ini, secara perincian merupakan topik pembicaraan hikmah-hikmah syariat, namun di sana beberapa fakta ringkas terpancar dari buana 'perjalanan mulia ini, yang kesemuanya membekalkan siraman subur kepada sirah Rasulullah (s.a.w), saya kira patut dirakamkan sebahagian darinya sini:

Pembaca mendapati di dalam surah Isra' ini, bahawa Allah telah menceritakan kisah al-Isra' hanya dalam satu ayat yang tunggal, seterusnya Allah mendedah tembelang kaum Yahudi dan jenayah-jenayah mereka, kemudian Allah memperingatkan mereka bahawa al-Quran ini hanya memberi hidayat kepada sesuatu yang lebih tulus, boleh jadi nanti pembaca menyangka tiada sebarang ikatan di antara dua ayat ini, hakikatnya tidak sedemikian, kerana Allah (s.w.t) dengan cara ini menunjukkan bahawa peristiwa Isra' itu sesungguhnya telah berlaku di bumi Bait al-Maqdis, kerana kaum Yahudi sudah pun dipecat dari pimpinan umat manusia, lantaran kesalahan-kesalahan dan jenayah-jenayah yang mereka lakukan, sehingga tiada peluang lagi untuk membenarkan mereka menyandang tugas itu, dan sesungguhnya Allah tetap akan memindahkan tugas itu kepada RasulNya (s.a.w) dan mencantumkan kedua-dua pusat dakwah Saidina Ibrahim kepangkuan Baginda.

Memang sudah sampai masanya untuk perpisahan pemimpin kerohanian dari satu umat kepada satu umat yang lain, dari satu umat di mana sejarahnya penuh dengan penipuan, pengkhianatan dosa dan perseteruan, kepada suatu umat yang penuh dengan kebaikan dan budi, di mana RasulNya pun terus menerima wahyu al-Quran yang membimbing ke arah ketulusan dan kebenaran. Tetapi bagaimana proses pemindahan ini boleh berlaku sedang Rasulnya diburu di bukit-bukit Makkah? Persoalan ini menyingkap suatu hakikat yang lain pula, iaitu tugas dan peranan dakwah Islamiah ini hampir berakhir, dan lengkap, dan akan bermula satu peranan yang lain yang amat berlainan dari yang pertama, untuk itu kita melihat sesetengah ayat-ayat al-Quran mengandungi peringatan yang keras dan ugutan yang berat terhadap

kaum musyirikin yang bermaksud:

Dan apabila sampai tempoh Kami hendak membinasakan penduduk sesebuah negeri, Kami perintahkan (lebih dahulu) orang yang melampau-lampau dengan kemewahan di antara mereka (supaya taat), lalu mereka menderhaka dan melakukan maksiat padanya; maka berhaklah negeri itu dibinasakan. lalu Kami menghancurkannya sehancur-hancurnya. Dan berapa banyak umat-umat yang Kami telah binasakan sesudah zaman Nabi Niih; dan cukuplah Tuhanmu (wahai Muhammad) mengetahui lagi melihat akan dosa-dosa hamba-Nya.

(al-Israa': 16-17)

Di samping ayat-ayat ini terdapat ayat-ayat lain yang menerangkan kepada kaum muslimin akan asas dan tunggak tamadun serta prinsip dan rukun-rukunnya di mana masyarakat Islam ditegakkan di atasnya, seolah-olah mereka telah bennustautin di bumi ini dengan menguasai semua aspek di dalam pengumsan mereka, di mana mereka membentuk satu kesatuan yang kemas berpadu sebagai paksi kepada perjalanan masyarakat lain, ini merupakan isyarat bahawa Rasulullah akan memperolehi perlindungan dan pemeliharaan hingga urusan dan kerja-kerja

Baginda bertapak, kelak ianya akan jadi sebagai markas penyebaran dakwah Baginda, inilah rahsia perjalanan yang mulia lagi berkat itu. Pembicaraan sebenarnya ada kaitan dengan topik kajian kami, untuk itu maka kami bicara di sini, sebagai hukum, maka sebab itu kami dapati Isra' ini berlalcu sebelum baiah al-Aqabah atau di antara dua baiah al-Aqabah. Waallahu a'lam.

BAI'AH AL-AQABAH PERTAMA

Telah pun kita katakan enam orang dari penduduk Yathrib telah memeluk Islam di musim haji tahun kesebelas kebangkitan Rasulullah dan menjanjikan Rasulullah untuk menyebarkan risalahnya di sana, di kalangan kaumnya.

Sebagai hasil kepada usaha-usaha mereka di sana, di musim haji berikut, iaitu di tahun kedua belas kebangkitan Rasulullah, bersamaan Julai 621 Masihi telah tiba ke Makkah dua belas orang lelaki termasuk

lima orang yang telah bertemu Rasulullah di tahun lepas, dan tidak termasuk Jabir bin Abdullah bin Riab dan yang tujuh lagi ialah:

1. Muaz bin al-Harith Ibn 'Afa Banu al-Najar al-Khazraj
2. Zakwan bin Abd al-Qais Banu Zuraiq al-Khazraj
3. Ubbadah bin al-Samit Banu Ghanam al-Khazraj
4. Yazid bin Tha'labah sekutu Banu Ghanam al-Khazaraj
5. al-Abbas bin Ubbadah bin Nadhlah Banu Salim al-Khazaraj
6. Abu al-Haitham bin Banu Abd al-Tihan al-Asyhal. al-Aws
7. Uwaim bin Sa'idah Banu Amru bin Auf al-Aws

Dua yang akhir adalah dari qabilah al-Aws manakala yang lainnya dari al-Khazraj.

Mereka kesemua telah bertemu dengan Rasulullah di Muna, terus berbaiah dengan Rasulullah berdasarkan Baiah al-Nisa' (wanita), iaitu corak baiah yang dimentraikan dengan.kaum wanita semasa pembukaan Makkah.

Al-Imam al-Bukhari meriwayatkan dari Ubbadah bin al-Samit bahawa Rasulullah telah berkata kepada mereka: "Ayuh mari berbaiah denganku, untuk kamu tidak menyengutu dengan Allah sebarang sesuatu, tidak mencuri, tidak berzina, tidak membunuh anak-anak kamu, tidak melakukan pembohongan dengan mendakwa anak-anak yang mereka pungut dijalan sebagai anak sendiri, tidak memaksiati daku pada kebaikan, sesiapa di antara kamu yang menunaikannya maka balasannya adalah dari Allah, dan sesiapa yang melanggarnya lalu dihukum maka itu adalah kafarah baginya di dunia. Tetapi kalau Allah lindunginya maka itu terserah- kepada Allah dan sekiranya Allah mengampunkannya maka7 itu adalah habuannya". Kata Ubbadah:

Dengan itu daku pun berbaiahlah dengannya. Dalam naskah lain menyebut: "Maka kami pun berbaiah dengannya di atas dasar itu"

DUTA ISLAM KE MADINAH

Setelah selesai pemeteraian baiah dan janji setia serta berakhirnya musim haji, Rasulullah bertindak mengutus bersama-sama dengan

mereka yang berbaiah, seorang utusan ke bumi Yathrib dalam rangka mengajar kaum muslimin di sana syariat-syariat Islam serta mendalamkan masalah agama (al-Tafaqquh fi al-din), dan supaya mereka bertugas menyebarkan Islam di kalangan masyarakat yang masih syirik. Rasulullah memilih tokoh duta ke sana dari kalangan orang muda yang paling awal memeluk Islam, iaitu Mus'ab bin Umair (r.a).

KEJAYAAN YANG CEMERLANG

Semasa di Madinah, Mus'ab bin Umair menumpang bersama As'ad bin Zurarah, malah kedua-dua mereka giat menyebar Islam di kalangan penduduk Yathrib dengan penuh semangat dan bersungguh-sungguh. Mus'ab dikenaU sebagai al-Muqri (pembaca).

Di antara kisah-kisah gemilang dalam usaha dakwah mereka ceritanya disuatu hari As'ad bin Zurarah telah keluar bersama Mus'ab bin Umair ke perkampungan Bani Abd al-Asyhal dan Bani Zafar, mereka berdua memasuki perkarangan tempat tinggal Bani Zafar, dan mereka duduk dekat perigi yang dikenali sebagai perigi Maraq, di mana mereka telah dilingkungi oleh orang-orang Islam, di masa itu Sa'd bin Muaz dan Usaiyid bin Hadhir, dua tokoh pemuka Banu Abd al-Asyhal, yang pertama telah meminta kepada yang kedua dengan katanya: Ayuh cuba kamu pergi tengok dua orang pemuda itu yang telah cuba mempengaruhi orang-orang bawahan kita, tengkingkan dan halaukan mereka supaya tidak memasuki perkampungan kita, As'ad bin Zurarah itu anak saudaraku, kalau tidak, biar aku yang bereskan.

Usaiyid pun mengambil tombaknya dan menuju ke arah Mus'ab dan As'ad, sebaik sahaja As'ad melihatnya, As'ad pun memberitahu kepada Mus'ab katanya: Usaiyid itu adalah ketua qabilahnya, dia itu datang kemari, ku harap kau dapat jelaskar kebenaran Allah kepadanya, kata Mus'ab: Insyaallah sekiranya beliau duduk sahaja di sini, akan ku cuba berbual dengannya, Usaiyid pun tiba ke hadapan mereka berdua dengan memaki-maki katanya lagi: "Apa yang membawa kamu datang ke mari kamu cuba memperbodohkan golongan yang lemah di antara kami

Ayuh beredarlah kamu dari sini, sekiranya kamu masih sayan^ lagi kepada diri kamu". Kata Mus'ab: "Boleh tak tuan dudul dan cuba dengar dari kami barang sepatah kata, sekiranya kai senang dengan kata-kata ku itu boleh kau dengarnya, kalau tidak kau boleh perintah aku berhenti. Kata Usaiyid: "Itu adalah yang terbaik dan saksama. Dengan itu beliau memacak tombaknya ke tanah, maka dengan itu Mus'ab pun menyampaika'n kepadanya pengenalan Islam di samping membaca al-Quran, seterusnya Mus'ab menceritakan: Demi Allah kami sudah dapat melihat cahaya penerimaan beliau dengan ajaran Islam, sebelum beliau menyatakan isi kandungan hatinya dengan katanya: Betapa indahnya Islam itu dan alangkah cantik ayat-ayat tadi? Apa yang biasa kamu lakukan bila kamu hendak memeluk Islam?

Kata Mus'ab dan As'ad kepadanya: "Pertama-tamanya kamu harus bersuci, membersihkan pakaian, mengucap dua kalimah syahadah, kemudian kamu bersembahyang dua rakaat". Dengan itu Usaiyid terus bangun dan bftrsuci, membersihkan pakaian, mengucap dua kalimah syahadah dan menunaikan sembahyang dua rakaat, seterusnya beliau menegaskan:

"Sebenarnya di belakang ku ini ada seorang lelaki, sekiranya beliau ini mengikuti kamu berdua, pasti tidak seorang pun akan tertinggal tanpa mengikuti kamu dan aku akan tunjukkan di mana beliau berada sekarang ini, dengan itu segera beliau mengangkat tombaknya dan menuju ke hadapan Sa'd bin Mu'az yang sedang berada bersama kaumnya di kelab mereka, kata Sa'd: Demi Allah Aku bersumpah itu dia Usaiyid, telah datang dengan air muka lain, lain dari semasa beliau pergi.Bila Usaiyid berdiri di hadapan kelab terus Sa'd berkata:Apa yang telah kau lakukan? kata Usaiyid: "Aku telah pun bercakap dengan dua orang muda itu dan aku dapati kedua-dua mereka itu tidak merbahaya, juga telah ku larang mereka, dan mereka berdua telah memberijawapan, dengan kata mereka: Kami menurut sahaja, apa yang kamu senang dengannya".

Apa yang terjadi seterusnya, di mana Banu Harithah telah keluar beramai-ramai untuk membunuh As'ad bin Zurarah, iaitu setelah mana

mereka mengetahui beliau adalah anak saudara Sa'd bin Mu'az, dengan tujuan untuk melanggar perjanjian. Sa'd bin Mu'az pun bangun dari tempatnya, untuk ke tempat kaum muslimin berkumpul bersama As'ad, beliau membawa tombaknya terus menuju ke tempat Mus'ab dan As'ad, setelah didapati mereka berdua tenang tak ada apa-apa pun berlaku, beliau pun sedar di mana Usaiyid membiarkan begitu, dengan maksud supaya beliau dapat mengikuti pembicaraan dari mereka berdua, namun sesampainya beliau di hadapan Mus'ab dan As'ad dengan keadaan memarahi mereka, lantas beliau berkata kepada As'ad: "Demi Allah wahai Abu Umamah, kalau tidak kerana hubungan kekerabatan di antara kita berdua, kamu tidak dapat berbuat sedemikian, lantaran kamu berdua telah memasuki daerah kami ini dalam keadaan kami tidak suka".

Sebelum ini As'ad sudahpun memberitahu kepada Mus'ab:Itu dia ketua qabilah ini, telah pun datang di belakangnya ramai pengikut, sekiranya beliau ini mengikuti kamu, nescaya tidak ada seorang pun akan tertinggal. Dengan itu Mus'ab pun berkata kepada Sa'd: Boleh tak tuan hamba duduk seketika dan dengarkan dahulu barang sesuatu dari kami, sekiranya yang kami sampaikan itu menyenangkan tuan, bolehlah tuan terimanya, tetapi sekiranya yang kami sampaikan itu memberatkan tuan, maka kami elakkannya dan hindarkan yang tuan bencikan ini. Kata Sa'd: Itu adalah waras dan saksama, kemudian beliau memacak tombaknya dan duduk. kepadanya diperkenalkan Islam, dibacakan ayat-ayat al-Quran semasa itujuga mukanya berubah, tanda terima kebenaran Islam sebelum beliau berkata sesuatu, mukanya berseri penul kepercayaan dan beliau bertanya: Apa yang kamu buat semasa kamu memeluk Islam? JawabMusab dan As'ad: pertama-tama kamu bersuci, bersih pakaian kemudian mengucap dua kalimah syahadah dan bersembahyang dua rakaat, dengan itu beliau teru bertindak seperti yang dijelaskan.

Setelah beliau mencabut tombaknya dan terns pergi ke kelab perhimpunan qabilahnya, bila dilihat oleh kaumnya, mereka mendapati wajah Sa'd telah bembah dari sebelum beliau menemui Mus'ab.

Bila beliau sampai di hadapan kaumnya, beliau terus bertanya: Wahai Bani Abd al-Asyhal, kamu kenal tak diriku di kalangan kamu? Jawab mereka: "Tuan adalah ketua kami dan orang yang terwaras di antara kami dan sebaik-baik pemimpin. Jawab Sa'd: Demi sesungguhnya, apa-apa perkataan yang diungkapkan oleh kaum lelaki atau perempuan di kalangan kamu adalah tidak wajar bagiku untuk ku mendengarnya, selagi mana kau tidak beriman dengan Allah dan RasulNya". Dengan ucapannya itu, tidak sampai sekerat hari seluruh Banu al-Asyhal menganut Islam, kecuali seorang sahaja iaitu al-Usayram yang telah menangguh penerimaannya, hingga ke hari peperangan Uhud, namun pada hari itu beliau terus mengucap dua kalimah syahadah dan terus ke medan jihad dan berjuang bersama kaum muslimin yang lain, namun Allah tetap mengurniakan kepadanya al-Syahadah. Beliau gugur sebagai pahlawan yang syahid meskipun tidak sempat sujud bersembahyang kepada Allah, justeru itu Rasulullah bersabda yang bermaksud:

Beramal sedikit tetapi diberi ganjaran yang banyak.

Mus'ab bin Umair tinggal di rumah As'ad bin Zurarah menyeru masyarakat di sana kepada Islam, menyebabkan tiada sebuah rumah pun dari golongan Ansar yang tidak dikunjungi Islam, kecuali rumah Banu Umaiyah bin Zaid, I[hatmah dan Wail, kerana terdapat seorang penyair yang disegani di mana cakapnya didengari iaitu Qais bin al-Aslat, mereka tertangguh memeluk Islam, hinggalah pada tahun peperangan Khandak iaitu tahun kelima hijrah barulah mereka mendapat hidayah. Sebelum ketibaan musim haji berikut iaitu tahun ketiga belas kebangkitan Rasulullah, Mus'ab telah membawa bersama beliau satujemaah ke Makkah, dengan berita yang mengembirakan iaitu berita kemenangan, beliau memperihalkan kepada Rasulullah segala sesuatu mengenai qabilah yang menetap di Yathrib, dilapornya segala kebaikan yang sedang menanti di sana dikisahkannya seluruh kekuatan dan potensi yang sedang menunggu di sana.

PERJANJIAN AL-'AQABAH KEDUA

Pada musim haji tahun ketiga belas kebangkitan Baginda, bersamaan

Jun 622 Masihi, telah datang ke Makkah rombongan seramai tujuh puluh orang lebih, kaum muslimin penduduk Yathrib bersama-sama kumpulan haji musyrikin dalam program penunaian rukun haji. Kendatipun kaum muslimin yang sedang dalam perjalanan mereka itu, tetap tertanya-tanya sampai bila agaknya mereka akan membiarkan Rasulullah di Makkah menjadi buruan kafir Quraisy dan diugut keselamatannya.

Sebaik sahaja mereka tiba di Makkah, mereka telah membuat beberapa pertemuan sulit dengan Rasulullah, berakhir dengan persetujuan kedua belah pihak untuk mereka bertemu lagi di pertengahan hari-hari tasyriq, di persimpangan berhampiran al-'Aqabah di mana upacara Jamrah pertama dilakukan di sana. Pertemuan itu juga di dalam suasana rahsia di tengah malah gelap gelita.

Di sini kita beri kesempatan kepada salah seorang pemimpin Ansar untuk memberi laporan mengenai pertemuan yang bersejarah lagi barakah itu, yang telah merubah perjalanan masa dalam detik pertembungan di antara Islam dan penyembahan berhala, Kaab bin Malik al-Ansari (r.a) telah menceritakan begini:

Kami telah keluar ke tempat haji, sebelumnya telah pun kami membuat janji dengan Rasulullah untuk bertemu di al-'Aqabah di pertengahan hari-hari tasyriq, malam yang kami janjikan itu telah turut serta ialah Abdullah bin Amru bin Hiram salah seorang ketua pimpinan kami dan orang yang kami muliakan, perjumpaan kami itu sengaja kami rahsiakan dari kaum sebangsa kami yang masih musyrik lagi, yang turun bersama untuk mengerja haji. Di malam itu kami telah berbicara dengan Abdullah bin Amru, kata kami: Wahai Abu Jabir tuan adalah salah seorang pemimpin kami dan tokoh yang kami muliakan, sebenarnya kami tidak rela engkau dicampakkan ke dalam api neraka sebagai bahannya di suatu hari esok, dengan itu kami menyeru kepada Islam, seterusnya kami ceritakan tentang pertemuan kami dengan Rasulullah di al-'Aqabah. Kata Kaab: Tanpa berlengah, beliau mengucap dua kalimah syahadah, dan beliau turut serta dipertemuan al-'Aqabah, di mana beliau menjadi naqib dan ketua.

Kata Kaab: Di malam itu kami segera tidur bersama-sama kaum kami di samping peralatan perjalanan, hatta apabila berlalu sepertiga malam, kami pun keluar dari perkarangan khemah untuk menemui Rasulullah, kami keluar bersembunyi bak burung puyuh melalui denainya, hinggalah kami semua bertemu dan berkumpul di persimpangan al-'Aqabah, kami semua tujuh puluh tiga lelaki dan dua wanita iaitu Nusaibah binti Kaab yang dikenali sebagai Ummu 'Ammarah dari qabilah Bani Mazin bin al-Najar yang kedua ialah Asma' binti Amru dikenali sebagai Ummu Mani' dari qabilah Bani Salamah.

Kami semua berkumpul di persimpangan yang dijanjikan, menunggu ketibaan Rasulullah, tepat pada masanya, Rasulullah pun datang, turut serta mengiringi Rasulullah ialah al-Abbas bin Abd al-Muttalib, beliau masih lagi dengan agama kaumnya, namun beliau rela menyertai dan menyokong urusan anak saudaranya itu dan beliau pula orang pertama bercakap di dalam majlis itu.

PERBINCANGAN AWAL DAN PENJELASAN TANGGUNGJAWAB YANG AMAT PE NTING OLEHAL-ABBAS '

Setelah bilangan mereka untuk menghadiri perjumpaan itu genap, maka perbincangan pun dimulakan buat mempersetujui perjanjian agama dan ketenteraan, orang pertama yang bercakap di dalam majlis itu ialah al-Abbas bin Abd al-Muttalib bapa saudara Rasulullah, dalam ucapan itu beliau menjelaskan peri beratnya bebanan tanggungjawab yang hams mereka pikul nanti, sebaik sahaja perjanjian itu dipersetujui dengan katanya: "Wahai kalian al-Khazraj, sebenarnya sepertimana yang kamu ketahui, Muhammad ini adalah darah daging kami, hingga kini kami masih mempertahankannya dari kemarahan kaum kami, hingga kini beliau masih tetap kesayangan kami dan terpelihara di dalam tanah airnya, tetapi beliau ini tetap berkeras untuk menyertai kamu dan bersama kamu, kiranya kamu yakin dapat mengotakan janji kamu itu dan sanggup pula memberi keamanan kepadanya maka itu adalah hak kamu untuk mengambil Muhammad bersama-sama kamu, tetapi sekiranya kamu merasakan tidak berkesanggupan atau akan

membiarkan beliau keseorangan maka lebih baik dari sekarang lagi kamu tinggalkannya, kerana di sini beliau masih mulia dan dijaga oleh kalangan kaumnya."

Jawab Kaab: Kami menegaskan kepada al-Abbas: "Kami faham satu persatu apa yang tuan bicarakan itu, sekarang kami hendak dengar dari Rasulullah, ayuh Rasulullah sebutkan apa sahaja kewajipan kami untuk dirinya (s.a.w) dan untuk Tuhannya sekehendak hati Rasulullah (s.a.w). Jawapan yang beliau berikan itu menggambarkan keazaman yang memuncak, keyakinan, keberanian, keimanan dan keikhlasan yang bersifat infiniti di dalam rangka menanggung beban tanggungjawab yang amat agung itu, di samping mereka sudah menyangka dan mengukur akibat kesanggupan mereka itu. Dengan itu Rasulullah membentangkan agenda Baiah dan dipersetujui oleh pihak al-Ansar:

Agenda Baiah:

Imam Ahmad telah meriwayatkan dari Jabir secara terurai, kata Jabir, "Wahai Rasulullah, di atas apakah yang akan kami berbaiah dengan tuan hamba?" Jawab Rasulullah, kamu berbaiah untuk:

1. Mendengar dan mematuhi dalam keadaan segar dan malas.
2. Berinfaq semasa susah dan senang.
3. Menyuruh kepada ma'ruf dan mencegah kemungkaran.
4. Berjuang kerana Allah tanpa mempedulikan kecaman orang.
5. Menyokong daku setibanya daku di kalangan kamu nanti, mempertahankan daku seperti mana kamu pertahankan diri dan anak isteri kamu, sebagai balasan adalah syurga Allah di akhirat nanti.

Tetapi riwayat Kaab yang dibawa oleh Ibnu Ishak pula, mengatakan bahawa agenda yang terakhir sahaja yang merupakan agenda baiah, di dalam perjanjian itu, berdasarkan kepada sabda Rasulullah: Kata Kaab: Maka berucaplah Rasulullah (s.a.w) dengan membaca ayat-ayat al-Quran di samping menyeru ke jalan Allah dan menggalakkan mereka kepada Islam, sabdanya: "Aku menuntutkan baiah dari kamu supaya kamu mempertahankan daku seperti mana kamu mempertahankan isteri-isteri dan anak-anak kamu", maka al-Bara' bin Ma' rur memegang

tangan Rasulullah dengan berkata: Ya, demi yang mengutuskan dikau dengan kebenaran sebagai nabi, akan kami pertahankan tuan hamba seperti mana kami mempertahankan wanita-wanita kami, dengan itu kami berbaiahlah dengan kamu wahai Rasulullah, demi Allah kami ini adalah keturunan peperangan dan anggota halaqat, ciri ini kami warisi sejak turun temurun".

Diketika al-Bara' sedang berbicara dengan Rasulullah, tiba-tiba Abu al-Haitham mencelah dengan katanya: "Wahai Rasulullah, sebenarnya kami ini ada ikatan dengan kaum Yahudi, bagaimana sekiranya kami putuskan kemudian Allah takdirkan tuan hamba berjaya dalam perjuangan, apakah tuan hamba akan kembali ke pangkuan kaum dan meninggalkan kami." Jawab Rasulullah diiringi dengan senyum, "Darah dengan darah, roboh sama roboh, daku adalah dari kamu dan kamu adalah dariku, ku memerangi sesiapa yang kamu perangi dan aku berdamai dengan sesiapa yang kamu berdamai."

MEMASTIKAN BEBAN TANGGUNGJAWAB BAIAH

Setelah selesai perbincangan di sekitar syarat-syarat baiah dan mereka semua bersetuju untuk memulakan pemeteraiannya, maka bangun seorang demi seorang dari dua orang tokoh utama yang telah memeluk Islam di dalam dua musim haji lalu tahun kesembilan dan kedua belas, untuk menyuarakan betapa beban tanggungjawab yang bakal mereka pikul nanti, dan supaya mereka semua apabila berbaiah nanti, ertinya mereka berbaiah dalam keadaan yang jelas dan menjiwai tanggungjawab baiah yang mereka berikan itu dan supaya mereka mengetahui sejauh mana persiapan yang harus mereka lakukan untuk memberi sumbangan dan pengorbanan kepadanya.

Kata Ibnu Ishak: Setelah mereka berkumpul untuk baiah maka berkata al-Abbas bin Ubbadah bin Nadhlah: "Adakah kamu mengetahui untuk apa kamu berbaiah dengan lelaki ini?" Jawab mereka: "Ya", katanya lagi: "Sesungguhnya kamu berbaiah dengan beliau untuk memerangi manusia-manusia samada yang berkulit merah atau yang berkulit hitam, sekiranya dalam perjuangan ini harta kamu kehabisan,

pembesar-pembesar kamu habis mati di masa itu kamu akan serahkan lelaki ini, maka dari sekarang ini tak usah kamu berbaiah, kerana demi Allah ini adalah sebesar-besar malu di dunia dan di akhirat, tetapi sekiranya kamu berupaya menunaikan janji kamu itu kepadanya tepat seperti mana kamu suarakan itu, hingga walau pun kamu kehabisan harta dan kehilangan pembesar-pembesar kamu, maka terimalah beliau ini, kerana itu adalah kemuliaan di dunia dan di akhirat".

Jawab mereka semua: "Sesungguhnya kami akan menerima beliau dengan kerelaan hati menerima risiko kehilangan harta benda dan kematian tokoh pemimpin kami, dan sekiranya demikian maka apakah balasannya wahai Rasulullah?" Jawab baginda: "Syurgalah balasannya". Kata mereka: "Ayuh hulurkan tangan mu", maka baginda pun menghulurkan tangannya dan mereka semua berbaiah.

Manakala didalam riwayat Jabir, beliau berkata: Maka kami semua bangun dan berbaiah dengan baginda, pada mulanya As'ad bin Zurarah orang yang termuda di kalangan yang berusia tujuh puluh tahun berucap dengan katanya: "Wahai ahli Yathrib, sebenarnya kita tidak bersusah payah datang kemari melainkan kerana kita tahu baginda ini adalah Rasul utusan Allah, tindakan kita membawa baginda keluar dari Makkah bererti kita bertindak memufaraqahkan(memisahkan) seluruh bangsa Arab, mendedahkan pembesar-pembesar kita menjadi sasaran pembunuhan malahan kamu sendiri menjadi mangsa kepada pedang-pedang musuh, sekiranya kamu boleh bertahan dan bersabar maka terimalah baginda ini sebagai sebahagian dari darah daging kamu, ganjarannya adalah Allah yang menentukannya, tetapi sekiranya kamu sayangkan diri kamu, maka tinggalkanlah Baginda di sini kerana mungkin takut dan sayangkan diri kamu itu lebih beralasan lagi untuk kamu berhadapan dengan Allah."

PENGIKATAN BAIAH

Setelah persetujuan dicapai dengan semua agenda baiah dan setelah penegasan dibuat maka pengikatan baiah pun dimeteraikan melalui berjabat tangan dengan Rasulullah. Di sini kata Jabir selepas

menaqalkan(memetik) kata-kata As'ad bin Zurarah tadi: Maka hadirin pun berkata: "Wahai As'ad hulurkan tangan kau, demi Allah kami tidak akan biarkan baiah ini sia-sia atau dipercumakannya".

Di saat ini A'sad pun dapat memastikan peri persediaan kaumnya untuk berkorban kejalan Allah, dengan ini maka As'ad terlantik sebagai pendakwah agung yang kemudian bergerak bersama-sama Mus'ab bin Umair, secara tabieinya beliau terlantik sebagai ketua agama untuk golongan yang berbaiah tadi di mana beliaulah orang pertama yang memberi baiah kepada Rasulullah. Tambahan Ibu Ishak lagi: Banu al-Najar menganggapkan Abu Umamah, As'ad bin Zurarah sebagai orang pertama yang meletakkan tangannya ke tangan Rasulullah.

Dengan itu maka baiah umum pun berjalan lancar. Kata Jabir: Setelah itu maka seluruh kami bangun seorang demi seorang memeterai baiahnya dengan Rasulullah dan baginda menjaminkan kami syurga Allah. Adapun baiah kaum wanita yang dimeteraikan di dalam kedua-duanya adalah melalui lafaz akad baiah sahaja tanpa baginda berjabat tangan dengan mana-mana perempuan ajnabi.

PERLANTIKAN DUA BELAS ORANG SEBAGAI NAQIB

Setelah proses baiah selesai dilaksanakan, Rasulullah (s.a.w) meminta supaya dipilih dua belas orang pemimpin sebagai naqib kepada kaum mereka, bakal bertanggungjawab bagi pihak mereka semua di dalam rangka usaha merealisasikan seluruh agenda baiah itu, seru baginda: "Ayuh kemukakan dua belas orang sebagai naqib untuk pimpinan kepada kaumnya. Pemilihan pun dibuat dengan segera, yang terdiri dari al-Khazraj sembilan orang, dan tiga dari al-Aws mereka itu adalah:

Naqib-nabib kepada al-Khazraj

1. As'ad bin Zurarah bin Ads
2. Sa'd bin al-Rabi' bin Amru
3. Abdullah bin Rawahah bin Tha'labah.
4. Rafi bin Malik bin al-Ajlan
5. Al-Bara' bin Marur bin Sakhr

6. Abdullah bin Amru bin Hiram

7. Ubadah bin al-Samit bin Qais

8. Sa'd bin Ubbadah bin Dulaim

9. Al-Munzir bin Amru bin Khanis

Naqib-naqib kepada al-Aws

1. Usaid bin Hudhair bin Simak

2. Sa'd bin Khaithamah bin al-Harith

3. Rifa'ah bin Abd al-Munzir bin Zubair

Dengan itu Rasulullah menegaskan kepada mereka dengan sabdanya: "Kamu semua adalah penjamin sebagaimana golongan al-Hawariyun adalah penjamin kepada Isa bin Mariam dan aku adalah penjamin kepada umat ku" Jawab mereka sebulat suara dengan lafaz; "Ya".

SYAITAN MEMBONGKAR PERJANJIAN RASULULLAH

Sebaik sahaja proses pemeteraian perjanjian dan semua peserta hampir beredar dari majlis, salah seekor syaitan telah menjumpai mereka, namun terbongkarnya pertemuan itu adalah di saat-saat terakhir, agak terlewat baginya untuk memaklumkan kepada pihak pemimpin Quraisy akan rahsia pertemuan sulit ini. Agar pihak Quraisy menyerempak mereka, walau macamana sekalipun syaitan tadi naik ke atas tanah tinggi dan melaung selantang suaranya yang dapat didengar: "Wahai penduduk al-Akhasyib, kamu tahu tak Muhammad dan orang-orangnya ini? Mereka telah berjanji setia untuk memerangi kamu". Kata Rasulullah : "Itu dia syaitan al-"Aqabah, demi Allah wahai seteru Allah sepenuh masa akan ku perangi kau," dengan itu para peserta bersurai pulang ke tempat masing-masing.

KESEDIAAN AL-AMSAR UNTUK MEMERANGI QURAISY

Semasa hadirin mendengar suara syaitan itu terus al-Abbas bin Ubadah bin Nadhlah menyeru kepada Rasulullah: "Demi Dia Tuhan yang mengutuskan kau dengan kebenaran sekiranya tuan hamba mahu, esok hari akan kami serang pihak Quraisy dengan pedang kami ini". Jawab

Rasulullah: "Kita belum diperintah lagi untuk bertindak demikian, tetapi pulanglah ke tempat kamu". Dengan itu mereka semua pun pulang ke tempat masing-masing dan terus tidur hingga ke subuh hari.

QURAISY MEGEMUKAKAN BANTAHAN KEPADA PEMIMPIN YATHRIB

Bila mana berita perjanjian ini sampai ke pengetahuan Quraisy timbullah rasa rimas, kebimbangan, dan kekesalan, kerana mereka sudah menduga sedalam-dalamnya kesan baiah seperti ini, juga pengaruhnya ke atas harta benda malah nyawa mereka, bila menjelang siang terus diutuskan perwakilan yang ramai terdiri dari pemuka-pemuka dan kepala samsengnya ke perkhemahan penduduk Yathrib, untuk mengemukakan bantahan mereka yang amat sangat terhadap perjanjian itu, kata mereka: "Wahai kalian al-Khazraj, sebenarnya sudah sampai ke pengetahuan kami, di mana kamu datang menemui saudara kami itu, dengan hasrat kamu untuk membawanya keluar dari pangkuan kami, malah kami sudah berjanji setia untuk memerangi kamu, demi Allah sesungguhnya tidak satu qabilah Arab pun yang senang untuk menyaksi peperangan timbul di antara kami dan mereka, di mana kamu sebahagian darinya".

Oleh kerana pihak musyirikin Yathrib tidak tahu langsung dengan segala apa yang berlaku di antara Rasulullah dan kaum Muslimin Yathrib, yang bersama-sama mereka dalam jamaah haji itu, lantaran itulah maka mereka berani bersumpah, untuk menegaskan kapada Quraisy, bahawa apa yang mereka tuduh itu sama sekali tidak berlaku, oleh itu mereka berjumpa dengan Abdullah bin Ubai bin Salul, di mana beliau menegaskan: "Ini semua adalah palsu belaka, tidak munasabah perkara ini berlaku dan tidak munasabah kaumku boleh bertindak dengan berbuat demikian, kalau aku di Yathrib mereka tidak akan bertindak sesuatu, kecuali setelah mengambil pendapatku".

Manakala kaum muslimin masing-masing memerhati satu sama lain, bertindak berdiam diri, seorang pun tidak bersuara, mengiya pun tidak menafikan pun tidak.Dengan itu pihak Quraisy lebih condong untuk

menerima penegasan pihak musyrikin Yathrib, dan pulang membawa seribu kegagalan.

KEPASTIAN BERITA OLEH PIHAK QURAISY DAN PEMBURUAN MEREKA YANG BERBAIAH

Pemimpin Quraisy pulang ke Makkah dengan kepercayaan hampir yakin mengenai perkhabaran yang didustakan itu, namun mereka masih menggali dan mencari kesahihan berita berkenaan, akhirnya mereka memastikan kebenaran berita itu, memang baiah berlaku sebenarnya, itupun setelah jamaah haji pulang ke tanah air masing-masing, dengan itu cepat-cepat wira-wira penunggang kuda Quraisy memburu golongan Yathrib, malangnya masanya sudah terlewat, namun sempat juga mereka melihat Sa'd bin 'Ubbadah dan al-Munzir bin Amru, lalu mereka memburu kedua-dua orang ini, al-Munzir sempat melepaskan dirinya tetapi Sa'd tidak sempat, pihak Quraisy menangkap serta memberkas tangannya dengan tali ke kekang tunggangannya, apa lagi mereka mengerjakan terhadap Sa'd menyeret-nyeretnya, menarik-narik rambutnya, hinggalah mereka membawa masuk semula ke Makkah, namun bila al-Mut'am bin 'Adi dan al-Harith bin Harb bin Umaiyah mendapati Sa'd dalam keadaan begini mereka berdua berusaha membebaskan serta merongkai ikatan di tangannya, ini adalah kerana Sa'd memberi perlindungan kepada Qafilah mereka yang melalui Yathrib. Bila hal ini diketahui oleh pihak Ansar maka mereka bersetuju untuk mengembalikannya dengan selamatnya, dalam keadaan sedemikian tiba-tiba muncul Said dihadapan mereka, maka mereka pun meneruskan perjalanan ke Yathrib.

Inilah dia Baiah al-'Aqabah yang kedua yang dikenali sebagai Baiah al-Aqabah al-Kubra, penyelenggaraannya berjalan dalam suasana kemesraan, persaudaraan dan roh bantu membantu di antara jiwa-jiwa mukmin yang masih berselerak, namun kepercayaan di antara satu sama lain amat padu sekali, keberanian luar biasa, pengorbanan tanpa batasan untuk ke jalan Allah, mukmin dari ahli Yathrib mencintai saudaranya yang lemah dari penduduk Makkah, penuh simpati terhadap

saudaranya, memarahi orang yang menzalimi, jiwanya bergelora dengan kasih sayang terhadap saudaranya yang sebelum ini menyanyangi mereka di sebalik tabir ghaib, semuanya kerana Allah.

Perasaan dan syuur seumpama ini bukanlah luapan seketika, tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas, lantaran ianya bersumberkan keimanan kepada Allah, Rasul dan kitabNya, keimanan yang tidak mungkin dipudarkan oleh mana-mana kekuatan penganiayaan yang jahanam, keimanan yang apabila roh dan semangatnya bertiup, tidak ada tenaga yang mampu menghalangnya, malah di ketika itu ianya mampu melakukan keajaiban-keajaiban. Dengan keimanan ini kaum muslimin mampu merakamkan kerja-kerja dan warisan-warisan di samping lembaran sejarah, kekal abadi memberi contoh kepada masa-masa bakal mendatang.

KUMPULAN SULUNG BERHIJRAH

Sebaik sahaja selesai pemeteraian baiah al-'Aqabah kedua dan berjaya pula Islam menegakkan sebuah watannya yang tersendiri di tengah padang pasir yang dikelilingi dengan arus kekafiran dan kejahilan, suatu pulangan yang amat kritis yang diperolehinya di samping dakwahnya, kini Rasulullah meinbenarkan kaum muslimin berhijrah ke watannya yang baru itu.

Hijrah tidak lebih dari penolakan kepentingan diri, berkorban dengan hartabenda, dan menyelamat sekadar diri sendiri sahaja di samping membuktikan hak perpindahan yang dahulunya disekat, boleh jadi seseorang itu sndah pasti bahawa perjalanan itu adalah suatu perjalanan ke suatu destinasi yang gelap, tidak dapat diduga, pelbagai kepahitan dan duka nestapa sedang menanti di sana.

Kini kaum muslimin terus berhijrah, dan mereka sedar semuanya ini, manakala pihak musyrikin tidak membiarkan arus penghijrahan itu terus berlaku tanpa disekat dan dihalang, kerana mereka sudah menyangka merbahaya akan mengugat mereka nanti.

Di sini kami perturunkan contoh-contoh hijrah:

Orang terawal melangkah kaki ke Madinah sebagai penghijrah pertama ialah Abu Salamah bersama-sama isteri dan anaknya iaitu setahun sebelum baiah al-'Aqabah al-Kubra, mi adalah mengikut riwayat Ibnu Ishak, setelah beliau membuat keputusan untuk berhijrah, mertuanya semua bertemu dengan beliau dan mereka berkata: Diri kau sudahlah, tetapi apa halnya dengan anak kami ini? Tak mungkin kami boleh membiarkan kau membawanya hanyut ke negeri orang? Dengan itu mereka ambil isterinya. Keluarga Abu Salamah naik marah dengan tindakan keluarga isterinya kata mereka: Kami tidak boleh membiarkan kamu merampas si anak Salamah dengan semudah itu? Maka jadilah perebutan ke atas anak Salamah di antara dua keluarga menyebabkan si anak tercabut tangannya lantaran rentapan dua belah pihak. Abu Salamah terpaksa berhijrah ke Madinah seorang diri, menyebabkan Ummu Salamah keseorangan setelah pemergian suaminya dan kehilangan anak kesayangan, menjadikan beliau setiap pagi keluar ke pinggir kota menangis hingga ke petang. Bila keadaan berlarutan hingga hampir setahun, menyebabkan salah seorang keluarganya kasihan dan berlembut hati, dan menyuarakan perkara ini kepada keluarganya: Tidakkah kamu hendak melepaskan Si merana ini? Sudahlah kamu pisahkannya dari suami dan anaknya, kini kamu siksanya pula, jawab mereka: Ayuh pergilah untuk menemui suamimu itu kalau hendak? Ummu Salamah mendapat kembali anaknya dari keluarga suaminya, terus beliau keluar menuju ke Madinah, perjalanan kira-kira lima ratus kilometer, tiada siapa pun dari makhluk Allah menemaninya, namun sebaik sahaja beliau sampai ke "al-Tan" im" Uthman bin Talhah Ibnu Abi Talhah menemuinya, kerana mengetahui perihalnya, beliau menawar diri untuk menemaninya hingga ke Madinah, sesampainya mereka ke Quba' kata Uthman: Suami kamu berada di kampung ini, ayuh segera ke sana dengan keberkatan Allah, dengan itu beliau berpatah balik ke Makkah.

2. Semasa Suhaib al-Rumi hendak berhijrah para kafir Quraisy menemuinya dan berkata: Kamu semasa datang ke sini sebagai seorang tak berharta, kemudian harta kamu menjadi banyak dan menjadi orang

yang terbilang, kini kamu hendak keluar dari sini dengan membawa diri kamu sekali dengan harta-harta kamu yang kamu kumpulkan di sini? Ini tak mungkin berlaku? Jawab Suhaib: Apa pendapat kamu semua, kalau aku serahkan semua hartaku kepada kamu? boleh tak kamu beri laluan kepada ku? Jawab mereka sebulat suara: Ya! Kata Suhaib: "Sekarang aku serahkan hartaku kepada kamu". Cerita mengenai Suhaib ini telah sampai ke pengetahuan Rasulullah; ujar Rasulullah: "Beruntung Suhaib, beruntung Suhaib".

3. Umar Ibni al-Khattab berpakat dengan Ayyasy bin Abi Rabiah dan Hisyam bin al-As bin Wail suatu tempat mereka bertemu di pagi hari, darinya mereka akan bertolak untuk berhijrah ke Madinah. Umar dan Ayyasy bertemu, tetapi Hisyam tertangguh.

Sebaik sahaja Umar dan Ayyasy sampai ke Madinah mereka pun singgah di Quba', Abu Jahal dan adiknya al-Harith pun sampai juga, terus mereka menemui Ayyasy, mereka bertiga ini adalah seibu, Abu Jahal dan al-Harith pun menyebut kepada Ayyasy: Ibu kau telah bersumpah dan bernazar untuk tidak menyikat rambutnya dan tidak akan berteduh di matahari terik, kecuali setelah beliau melihat kau di hadapannya. Ayyasy pun berasa kasihan dengan ibunya dan sikapnya itu, tetapi Umar telah menasihatinya: Ayyasy kau dengar cakapku ini: Demi Allah sesungguhnya mereka ini bertujuan memfitnali dan mengeluarkan kau dari agama benar kau ini, berwaspadalah dengan mereka, Demi Allah, kalau emak kau digigit kutu, nescaya dia akan menyikat rambutnya dan kalau dia terkena panas terik, nescaya dia berteduh. Tetapi Ayyasy tidak mahu mendengar nasihat Umar, dia pun pulang bersama Abu Jahal dan al-Harith untuk melepaskan nazar dan sumpah ibunya itu. Kata Umar lagi: Kalau kamu berkeras juga hendak turut mereka ambillah untaku ini, ianya baik dan jinak serta mudah mematuhi arahan, kamu jangan lepaskan belakangnya, sekiranya kau meragui sesuatu dari kaum kau, cepat-cepat kamu larikan dirimu dengan tunggangan ku ini.

Dengan itu Ayyasy pun keluar dengan tunggangan Umar tadi bersama dengan dua orang lagi, bila sampai di pertengahan jalan kata Abu Jahal

kepada Ayyasy: Wahai anak saudaraku kamu tengok tak aku penatlah dengan untaku, bagaimana kalau kita bergilir, sekali kau naik unta ku dan sekali aku tunggang unta kau. Jawab Ayyasy: Tak ada apa salahnya, boleh kita bergilir. Maka beliau pun tukar untanya bersama mereka berdua untuk mereka bergilir-gilir, sebaik sahaja mereka turun, apa lagi Abu Jahal dan temannya pun terus memegang Ayyasy dan memberkasnya, sehingga tidak sempat beliau bertindak, dengan itu mereka pun membawa Ayyasy di siang hari ke Makkah dengan kedua-dua belah tangannya terikat, Abu Jahal dan temannya melaung memanggil penduduk Makkah dengan katanya: Beginilah hams dilakukan terhadap golongan bodoh kamu, sebagaimana kita lakukan terhadap orang bodoh ini.

Inilah senario kepada tiga contoh penghijrahan Islam, di mana kaum musyrikin cuba bertindak terhadap mereka, walaupun demikian rupa keadaan yang menghalang kaum muslimin namun arus hijrah tetap tidak dapat disekat, atau dihalang, dua bulan dan beberapa hari selepas baiah al-'Aqabah al-Kubra arus hijrah terus bergerak hingga tidak tinggal di Makkah, kecuali Rasulullah, Abu Bakr dan Ali, kerana kehendak Rasulullah, dan yang terkecualijuga ialah mereka yang dipegang oleh kaum musyrikin. Di sini Rasulullah telah pun menyediakan persiapan untuk keluar, sementara menunggu arahan dan di masa yang sama Abu Bakr pun menyediakan persiapannya.

Al-Bukhari meriwayatkan dari Aisyah (r.a) yang berkata: Rasulullah telah bersabda kepada kaum muslimin: "Sesungguhnya aku telah diperlihatkan perkampungan hijrah kamu di perladangan tamar terletak di antara dua kampung", dengan itu maka berhijrahlah mereka ke arah Yathrib, manakala mereka yang berada diperantauan hijrah bumi Habsyah pulang semula ke Yathrib. Sebelum ini Abu Bakr bersiap untuk berhijrah tetapi

Rasulullah bersuara kepadanya dengan sabdanya: "Bertenang, aku ini belum diizinkan lagi". Kata Abu Bakr: "Apakah tuan hamba berharap demikian, ya Rasulullah? Jawab Rasulullah: "Ya demikian". Abu Bakr menenangkan hatinya dan menangguhkan perjalanannya untuk

menemani Rasulullah, beliau menyediakan dua tunggangan yang dimilikinya, dengan daun yang dipungut sebagai makanan selama empat bulan.

PERBINCANGAN KRITIKAL Dl DARUL NADWAH PARLIMEN QURAISY

Bila mana pihak musyrikin quraisy mendapati pengikut-pengikut Muhammad (s.a.w) telah bersedia dan keluar dengan membawa bersama-sama mereka keluarga, anak-anak dan harta-harta mereka ke pangkuan al-Aws dan al-Khazraj, terjadilah keributan suasana kebisingan, kesangsian dan dukacita di kalangan kafir Makkah, perbagai kegelisahan dan ramalan-ramalan yang bakal mereka hadapi di masa-masa akan datang, bahaya besar sedang menunggu mereka; yang kelak akan mengugut dan menggugat kestabilan ekonomi, kekayaan dan entiti idealogi berhala mereka. Sebenarnya mereka sudah mengenal pasti dengan keperibadian unggul Muhammad (s.a.w) dan dengan kepimpinannya yang berkesan lagi mempengaruhi, di samping keazaman yang tekad, keiltizaman yang utuh dan semangat pengorbanan yang luar biasa, disokong pula oleh kekuatan dan daya pertahanan oleh al-Aws dan al-Khazraj diperkayakan pula oleh kekuatan cendikiawan dan ahli fikiran kedua qabilah yang memiliki kedewasaan berfikir untuk kesejahteraan dan keimanan bersama, serta sanggup menolak perasaan kesumat lama yang pernah memusuhi mereka, manakala potensi dan kekuatan ini telah diduga oleh pihak Quraisy, untuk itu mereka harus membuat perhitungan yang paling bijak dan tepat bagi mengatasi ancaman sebelum terlambat, pada hemat mereka.

Sebagaimana juga mereka mengetahul posisi al-Madinah yang strategik itu sendiri, bila ianya berkonfrontasi terutamanya dengan qabilah perniagaan mereka yang merupakan laluan tetap dari Yaman ke negeri al-Syam yang semestinya melalui persisiran laut Merah. Dianggarkan penduduk Makkah berurus niaga ke negeri al-Syam sahaja sebanyak sukujuta dinar emas setiap tahun, tidak termasuk milik penduduk al-

Taifdan lain-lain. Mereka juga mengetahui selama ini, itulah laluan yang menikmati kesejateraan dan keamanan.

Pihak Quraisy sudah menelah bahaya yang bakal mengancam mereka dan perniagaan sekiranya kekuatan Islam berpusat di Madinah.

Pihak Quraisy sudah pun peka akan bahaya dan ancaman yang bakal mengugat diri mereka. Oleh yang demikian, maka mereka bersungguh-sungguh mencari sebaik-baik jalan untuk menolak mara bahaya dan ancaman ini, keaemuanya berpunca dari pendokong obor dakwah Islam iaitu Muhammad (s.a.w).

Tanggal 26 Haribulan Safar tahun keempat kebangkitan Rasulullah bersamaan 12 haribulan September tahun 622 Masihi pihak Quraisy telah mengadakansidang Parlimen (Darul Nadwah) di pagi hari iaitu hampir dua bulan setengah setelah berlalunya Baiah al-'Aqabah al-Kubra yang merupakan satu sidang yang amat penting dan kritikal dalam sejarah Quraisy, seluruh perwakilan kabilah-kabilah Quraisy telah menghantar anggota-anggotanya, membuat perbincangan dan merencana satu pelan tindakan yang tegas untuk menghapus secepat mungkin pembawa obor-obor dakwah Islamiah dan dengan itu terputus sudahlah arus cahayanya buat selama-lamanya.

Tokoh-tokoh perwakilan yang menonjol di dalam perjumpaan itu ialah:

1. Abu Jahal bin Hisyam mewakili qabilah bani Makhzum.

2. Jubair bin Mutaam, Tai'mah bin Adi, dan al-Harith bin Amir mewakili Bani Naufal Ibn Abdul Manaf.

3. Syaibah dan Utbah kedua-dua anak Rabiah dan Abu Sufian bin Harb, mewakili bani Abdul Syams bin Abdul Manaf.

4. al-Nadhr bin al-Harith (orang yang mencampakkan pundi-pundi najis sembelihan ke atas Rasulullah di Kaabah semasa baginda bersembahyang) mewakili Banu Abd al-Dar?

5. Abu al-Bukhturi bin Hisyam, Zama'h bin al-Aswad dan Hakim bin Hizam mewakili banu Asad bin Abd al-Uzza.

6. Nabyah dan Manbah kedua-duanya anak lelaki al-Hajjaj mewakili bani Sahm.

7. Umaiyah bin Khalaf mewakili Bani Jumah.

Semasa mereka sampai ke Darul al-Nadwah seperti yang dijanjikan, mereka telah dihalang seketika oleh Iblis yang menyamar dengan berpakaian seperti seorang syeikh yang mulia iaitu pakaian ahli zuhud. Iblis berdiri di pintu masuk lalu mereka semua bertanya: "Siapa tuan syeikh ini?" Jawab Iblis: "Aku seorang syeikh dari Najd telah mendengar berita perjumpaan ini dan aku datang untuk mengikuti perbahasan kamu semoga aku boleh menyumbang sesuatu yang tidak merugikan kamu, pendapat ataupunnasihat". Lantas mereka pun menjawab, "Betapabaiknya cadangan itu, ayuh! persilakan masuk".

SIDANG DARUL AL-NADWAH DAN PERSETUJUAN DENGAN KEPUTUSAN DURJANA UNTUK MEMBUNUH RASULULLAH (S.A.W)

Setelah bilangan keanggotaan majlis mesyuarat Dar al-Nadwah sempurna dengan kehadiran mereka, maka perbahasan pun bermula, disusuli dengan saranan dan cadangan. Di antaranya ialah pendapat Abu al-Aswad: "Kita keluarkannya dari sini dan buangnya ke negeri lain. Selepas itu kita usah pedulikannya, ke mana dia hendak pergi dan jatuh. Kemudian kita 'pulihkan' semula masyarakat kita ini".

Kemudian berkata pula Syeikh dari Najd tadi: "Demi Allah, kamu tidak ada pendapat lainkah? Tidakkah kamu perhatikan bahawa Muhammad ini seorang yang petah bercakap, dengan kata-katanya yang halus dan manis, serta berupaya mempengaruhi dan menawan hati orang? Jika kamu berbuat demikian, kamu tidak akan selamat, kerana beliau akan memasuki ke perkampungan dan pedalaman Arab yang lain dan setelah itu beliau akan memimpin untuk menentang dan melanyak kamu semua dan membuat apa sahaja yang dikehendakinya.

Kata Abu al-Bukhturi, "Kamu penjarakannya dalam kurungan besi, tutup pintunya sebaik-baiknya, dan kamu kawalkannya serta tengok apa akan terjadi, sebagaimana berlaku ke atas penyair-penyair yang sebelumnya seperti Zuhair dan al-Nabighah yang menemui kematian seperti ini, biarlah dia merasa sepertimana mereka itu rasaiya.

Kata Syeikh al-Najdi, Demi Allah, ini bukan pendapat yang baik, demi Allah kalau kamu kurungkannya sedemikian rupa pun akhirnya ceritanya itu akan bocor keluar dan sampai ke pengetahuan pengikut-pengikutnya kemudian mereka itu pun akan menyerang kamu, kemudian membebaskannya dari tangan kamu, setelah itu akan bertambah pengikutnya, seterusnya menghalangkan kamu semua, pendapat ini tidak boleh dipakai, cuba cadangkan pendapat lain.

Selepas persidangan Dar al-Nadwah menolak dua cadangan yang dikemukakan itu, dikemukakan pula cadangan yang paling nekad dan terkutuk, ianya mendapat persetujuan seluruh anggota sidang, dikemukakan oleh kepala samseng dan jenayah Makkah Abu Jahal bin Hisyam. Kata Abu Jahal, "Demi Allah, sesungguhnya aku ada satu pendapat yang kamu tidak nampak". Kata mereka, "Apakah pendapat itu wahai Abu al-Hakam?" Jawab Abu Jahal, "Aku melihat di mana setiap kabilah haruslah dipilih seorang pemuda tangkas dan lincah kemudian kita serahkan kepada setiap mereka sebilah pedang yang tajam, untuk mereka gunakannya, dengan cara mereka menetak Muhammad serentak maka tamatlah riwayat Muhammad dan kita pun boleh berehat, kerana bila mereka lakukan cara ini bererti semua kabilah bertanggungjawab dan banu Abdul Manaf tidak terdaya untuk memerangi kesemua qabilah ini, sebagai gantiannya mereka akan berpuas hati dengan pembayaran diah (pampasan).

Ulas Syeikh al-Najdi, "Pendapat yang sebenar adalah sepertimana yang disebut oleh Abu al-Hakam, dan aku pun berpendapat sedemikian juga". Sidang Dar al-Nadwah pun sebulat suara menerima cadangan yang terkutuk itu, mereka pun pulang ke rumah masing-masing dengan penuh keazaman, di mana cadangan dan keputusan itu akan dilaksanakan dengan serta-merta.

HIJRAH RASULULLAH (S.A.W)

Sebaik sahaja keputusan durjana diambil untuk membunuh Rasulullah, Jibril pun turun menemui Rasulullah, dengan wahyu dari TuhanNya Tabaraka Wataala, Jibril memberitahu pakatan jahat Quraisy, kini

Allah telah mengizinkan baginda untuk keluar berhijrah, dengan menentukan masa pergerakan hijrah dengan katanya: "Malam ini jangan kau tidur di tempat kau yang biasa tidur itu".

Di tengah hari rembang Rasulullah datang menemui Abu Bakr as-Siddiq untuk memastikan kepadanya jadual hijrah, Saidatina Aisyah (r.a) telah menyebut: Semasa kami sedang duduk di rumah Abu Bakr, di ketika rembang hari, ada seorang berkata kepada Abu Bakr, "Itu Rasulullah berkelubung datang di saat yang tidak biasa baginda menziarahi kami", kata Abu Bakr demi Allah, baginda tidak datang di ketika ini, kecuali untuk urusan besar.

Kata Aisyah: Maka tibalah Rasulullah, lalu baginda meminta izin, lantas baginda masuk sambil berkata kepada Abu Bakr, "Boleh kau keluar sekejap". Jawab Abu Bakr, "Mereka ini semua keluarga engkau Rasulullah, demi engkau sebagai bapaku wahai Rasulullah". Kata baginda, "Kini aku telah diizinkan untuk keluar". Jawab Abu Bakr, "Demi kau sebagai bapaku, apakah aku mengiringi tuan hamba?" Jawab Rasulullah, "Ya, memang begitu".

Setelah ditetapkan perancangan hijrah, maka Rasulullah pun pulang semula ke rumahnya, menunggu ketibaan malam.

PENGEMPUNGAN RUMAH RASULULLAH S.A.W

Pimpinan dan kepala jenayah Quraisy menghabiskan siang mereka untuk menyempurnakan perancangan dan persiapan seperti yang diputuskan oleh sidang Dar al-Nadwah, sebelas orang kenamaan wakil kabilah masing-masing ialah seperti:

1. Abu Jahal bin Hisyam
2. Al-Hakam bin Abi al-As
3. Ugbah bin Abi Muit
4. al-Nadhr bin al-Harith
5. Umaiyah bin Khalaf
6. Zamaah bin al-Aswad
7. Tu'imah bin 'Adi

8. Abu Lahab

9. Ubai bin Khalaf

10. Nabyah bin al-Hajjaj

11. dan saudaranya Manbah bin al-Hajjaj

Kata Ibnu Ishak: Bila malam bergerak gelap, mereka pun berkumpul di pintu menunggu baginda tidur, di masa itu mereka akan menyerang serentak. Mereka dengan penuh keyakinan dan kepercayaan yang mereka akan berjaya dengan pakatan jahat itu, di mana Abu Jahal berdiri dengan penuh sombong dan ujub, sambil mereka bertanya kepada semua pengikutnya itu, yang sedang mengepung rumah Rasulullah penuh senda dan ejekan terhadap kesudahan Rasulullah dengan katanya, "Itu dia Muhammad yang pernah menjanjikan kamu semua, sekiranya kamu mengikutnya beliau akan serah kuasa kepada kamu sebagai Mahajara Arab dan Ajam, kemudian kamu akan dibangkitkan semula dari kubur kamu, deng menyerahkan kunci syurga seperti taman-taman di Jordan kononnya, dan sekiranya kamu tidak mahu menurutinya kau akan disembelihnya, setelah itu kamu akan dihidupkan semula kemudian sekali lagi kamu akan diazab dengan disumbat ke dalam neraka yang membakar".

Masa tindakan adalah ditengah malam, untuk itu mereka berjaga sepanjang malam menunggu detik terakhir, namun Allah mengatasi seluruh perancangan. Mentadbir petala langit dan bumi, Tuhan mampu berbuat segala sesuatu yang dikehendakinya, ianya mampu melanggar sesuatu tetapi tiada suatu pun yang mampu melanggarNya. Memang Allah melaksanakan sesuatu seperti yang disuarakan kepada Rasulullah dengan mafhumnya:

"Dan ingatlah (Wahai Muhammad), ketika orang kafir musyrik (Makkah) menjalankan lipu daya terhadapmu untuk menahanmu, atau membunuhmu, atau mengusirmu. Mereka menjalankan tipu daya dan Allah menggagalkan tipu daya (mereka), kerana Allah sebaik-baik yang menggagalkan tipu daya".

(al-Anfal: 30)

RASULULLAH MENINGGALKAN RUMAHNYA

Di dalam suasana pihak Quraisy begitu prihatin dengan perancangan mereka, namun mereka gagal di saat terakhir dan kritikal ini, Rasulullah telah meminta Saidina Ali (r.a) dengan sabdanya, "Ayuh, kau tidur ditempatku ini dan berselimutlah dengan kain Hadramiku ini, dan lenalah, tiada suatu pun yang kau tidak suka itu akan terkena kau". Sebenarnya Rasulullah tidur biasa berselimut dengan kainnya itu.

Rasulullah pun keluar, membelah barisan sekatan mereka malah Rasulullah telah mengambil segenggam pasir dari atas tanah di mana baginda menaburkannya ke atas kepala mereka semua dan Allah membuta penglihatan mereka hingga mereka tidak sedikit pun melihat Rasulullah keluar di masa itu sambil membaca ayat Allah yang bermaksud:

"Dan Kami jadikan sekatan di hadapan mereka, dan sekatan di belakang mereka. Lalu Kami tutup pandangan mereka; maka dengan itu, mereka tidak dapat melihat.

(Yaa Siin: 9)

Tidak seorang pun dari mereka yang terkecuali, malah kesemua mereka diletakkan tanah ke atas kepalanya, baginda terus berjalan ke rumah Abu Bakr. Rasulullah dan Abu Bakr keluar melalui jendela di rumah Abu Bakr di malam itu juga, hingga sampai ke gua Thur yang terletak dipertengahan perjalanan ke arah Yaman.

Mereka yang mengepung rumah Rasulullah menunggu-nunggu detik terakhir, malangnya sebelum sampai saat dan ketikanya terbongkar kegagalan, di mana seorang lelaki lain yang tidak bersama mereka telah datang menemui mereka semua, mendapati mereka sedang berkawal rapi di pintu rumah Rasulullah dengan katanya, "Apa yang kamu tunggu ini?" Jawab mereka, "Kami menunggu Muhammad". Jawab lelaki tadi, "Kau sudah gagal dan kehilangan peluang. Demi Allah, Muhammad sudah berlalu dari sini, malah telah menabur tanah-tanah ke atas kepala kamu semua dan kini beliau sudahpun beredar untuk tujuannya". Jawab mereka semua, "Demi Allah, kami tidak melihatnya

pun". Mereka semua bangun, mengibas tanah dari kepala masing-masing.

Mereka cuma mengintai dari celah pintu dan mendapati Ali di tempat tidur Rasulullah, maka mereka berkata "Demi Allah, itu dia Muhammad sedang tidur berselimut dengan kainnya". Oleh itu, mereka pun tidak bergerak dari tempat masing-masing hinggalah ke subuh. Pada masa itu, Ali pun bangun dari tidurnya. Alangkah terkejut melihat keadaan yang mengecewakan itu, lalu mereka pun bertanya kepada Ali di mana gerangannya Muhammad. Jawab Ali, "Aku tidak ada muklumat mengenainya".

DARI RUMAH KE GUA

Rasulullah meninggalkan rumahnya pada malam 27 bulan Safar tahun keempat belas kebangkitan baginda bersamaan 12 atau 13 September tahun 622 Masihi. Baginda tiba ke rumah temannya Abu Bakr yang merupakan manusia yang paling dipercayai oleh Rasulullah, untuk persahabatan dan hartanya. Kemudian mereka berdua beredar keluar dari rumah Abu Bakr dari pintu belakang, untuk lari dari Makkah secepat mungkin dan sebelum fajar menyinsing.

Rasulullah menyakini yang Quraisy akan berusaha sedaya upaya mereka untuk memburunya dan jalan yang akan terlintas dipemikiran Quraisy ialah jalan utara menuju ke Madinah maka sebab itu Rasulullah mengambil jalan yang mencanggahi jalan ke utara, iaitu jalan yang berada disebelah selatan menghala ke negeri Yaman, baginda mengambil jalan itu yang sejauh lima kilometer hingga tiba ke bukit yang dikenali sebagai Jabal Thur, ianya mempakan bukit yang tinggi, jalannya sukar, pendakiannya berhalangan, berbatu-batu hingga melecet tapak kaki baginda (s.a.w). Diceritakan bahawa Rasulullah terhincut-hincut dengan tujuan menyembunyikan kesan tapak kakinya hingga melicit tapak kaki baginda, walau bagaimana sekali pun Abu Bakr telah mendukung Rasulullah, sesampainya mereka ke Jabal Thur itu, terasa berat oleh Abu Bakr namun beliau dapat menyampaikan baginda ke kemuncak bukit, dalam sejarah Islam dikenali sebagai gua

Thur.

KETIKA MEREKA BERDUA Dl DALAM GUA

Sesampainya mereka ke gua berkenaan, kata Abu Bakr, "Demi Allah, Rasulullah jangan masuk, kecuali setelah hamba masuk dahulu, sekiranya ada sesuatu yang berbahaya biar terkena hamba dahulu". Lalu beliau masuk ke dalamnya dan membersihkannya. Di sana, Abu Bakr mendapati sebuah lubang maka beliau mengoyak kainnya dan disumbatkannya dan beliau menyeru, "Sila masuk, Rasulullah". Maka baginda pun masuklah. Abu Bakr meletakkan kepala baginda ke ribanya hingga baginda lena, di masa itu kala jengking menyengat kakinya yang terhulur ke dalam lubang, namun sedikit pun beliau tidak bergerak supaya Rasulullah tidak tersedar. Tetapi air matanya terjatuh ke muka Rasulullah. Kata Rasulullah, "Apa hal diri kau wahai Abu Bakr". Jawab beliau, "Daku telah disengat, demi ibu bapaku korban untuk kau, ya Rasulullah". Oleh yang demikian, Rasulullah menawarkan bekas sengatan tadi dengan ludahan baginda, maka segera hilanglah kesakitannya itu.

Selama tiga malam mereka bersembunyi di gua itu, iaitu malam Jumaat, Sabtu dan Ahad, Abdullah bin Abu Bakr turut tidur bersama-sama mereka, ujar Aisyah, "Abdullah adalah salah seorang pemuda berpengetahuan dan cerdik, menemani mereka di waktu malam. Di hujung malam beliau keluar dari sana dan berada di kalangan Quraisy di pagi hari menampakkan yang beliau bermalam di Makkah bersama Quraisy, beliau mendengar dan mengingati segala sesuatu yang diperihalkan di Makkah untuk dibawa kepada mereka berdua di tengah malam". Manakala Amir bin Fahiirah orang suruhan Abu Bakr bertugas memelihara kambing untuk membekalkan mereka berdua dengan susu dan daging panggang, beliau menyampaikannya kepada mereka berdua setelah malam berlabuh dengan melaung dan menyebut perkataan, "susu dan daging" kepada mereka. Beliau melakukan ini di ketiga-tiga malam persembunyian itu, selain dari itu, Amir bin Fahiirah juga bertugas menghalau kambingnya di atas kesan-kesan tapak kaki

Abdullah bin Abu Bakr supaya tidak dapat dikesan oleh pihak Quraisy.

Pihak Quraisy menjadi gila, setelah mereka yakin Rasulullah telah terlepas dari usaha jahat mereka itu. Apa yang dapat mereka lakukan ialah dengan melanyak Saidina Ali serta diseretnya ke Kaabah dan mereka mengurungnya dengan harapan memperolehi berita arah mana Rasulullah dan Abu Bakr melarikan diri. Setelah mereka tidak dapat memperolehi sebarang maklumat dari Ali, mereka menuju ke rumah Abu Bakr al-Siddiq pula, setelah mengetuk pintu rumah, Asma' binti Abu Bakr pun keluar, kata mereka, "Mana bapa awak?". Jawab Asma', "Demi Allah, mana aku tahu ke mana dia pergi". Sebelum beredar, Abu Jahal yang buruk akhlak itu, sempat juga menempeleng muka Asma' hingga melayang sebelah subang di telinganya.

Dalam sidang tergempar Quraisy, mereka telah membuat keputusan segera, iaitu mengerah seluruh jentera yang ada untuk menangkap buruan yang lari itu, semua jalan masuk ke kota Makkah diletakkan dalam kawalan bersenjata api, dan pihak Quraisy menawarkan kepada sesiapa yang dapat menangkap mereka berdua hidup atau mati dengan hadiah yang lumayan, iaitu seratus ekor unta untuk seorang.

Di ketika itu seluruh pahlawan penunggang kuda dan pejalan kaki serta tukang pengesan tapak kaki, seluruh mereka bertebaran ke pelusuk sekitar Makkah di lembah-lembah dan di bukti-bukit, di dataran mahupun di gua, namun kesemua mereka tidak berjaya. Mereka yang memburu tadi sempat juga sampai ke pintu gua Thur, tetapi Allah yang menguasai di atas segalanya. Imam al-Bukhari menceritakan dalam riwayatnya dari Anas dari Abu Bakr katanya, "Semasa aku bersama dengan Rasulullah di dalam gua, aku mendongak kepalaku, tiba-tiba aku melihat kaki-kaki Quraisy dari celah batu. Kataku,Wahai Rasulullah! kalaulah di antara mereka tunduk ke bawah, nescaya mereka dapat melihat kita di sini. Jawab Rasulullah, "Berdiam sahajalah, kita berdua, Allah yang ketiga bersama kita, dalam lafaz yang lain aku meyakini bahawa Allah bersama-sama kita".

Sebagai mukjizat Allah yang dianugerahkan kepada RasulNya mereka telah beredar pulang dari situ meskipun hanya beberapa langkah sahaja

dari situ Rasulullah sedang bersembunyi.

DALAM PERJALANAN KE MADINAH

Sebaik sahaja api kemarahan dan usaha membunuh Rasulullah reda, rondaan dan sekatan pemeriksaan dihentikan, setelah tiga hari berturut-turut, maka Rasulullah dan sahabatnya bersiap untuk keluar dan bergerak ke Madinah. Mereka berdua telah pun mengupah Abdullah bin Uraiqat, beliau adalah seorang yang tenang dan mahir mengenai jalan di padang pasir, beliau masih lagi dengan agama Quraisy, namun baginda mempercayai dalam hal ini, Rasulullah dan sahabatnya itu telah menyerah kedua-dua binatang tunggangan mereka kepada Abdullah, dengan menjanjikannya untuk menemui mereka di pintu gua, selepas tiga malam berlalu di malam Isnin satu haribulan Rabiul al-Awal, tahun pertama Hijriah bersamaan 16 September 622 Masihi, Abdullah bin Uraiqat pun tiba ke pintu gua dengan membawa dua tunggangan, kata Abu Bakr kepada Rasulullah, "Dikaulah sebagai ayahku, ambillah salah seekor tunggangan ini". Beliau pun menyerahkan yang terbaik di antara dua ekor itu. Jawab Rasulullah, "Ku ambil Dengan harga".

Asma' binti Abu Bakr pun membawa bekalan perjalanan Rasulullah dan Abu Bakr, beliau terlupa membawa tali pengikat untuk diikat bekalan tadi pada kenderaan baginda, akhirnya beliau mengoyak kain pengikat pinggangnya, sebelah diikatkan bekalan makanan yang sebelah lagi diikat semula ke pinggangnya, dengan itu beliau dikenali dengan "Zat al-Nitaqain " yang empunya dua tali pinggang.

Rasulullah bersama-sama Abu Bakr menuju ke destinasinya, bersama-sama mereka Amir bin Fahiirah, melalui jalan pinggir pantai mengikuti dalil penunjuk jalan Abdullah bin Uraiqat. Arah pertama yang beliau tunjuk sebaik sahaja keluar dari gua itu, ialah ke arah selatan negeri Yaman, kemudian baru beliau mengalih arah menuju persisiran pantai, hingga apabila beliau sampai ke jalan yang tidak pernah dilalui orang, beliau mengalih arah ke utara menghampiri pantai laut merah, iaitu jalan yang tidak diguna orang kecuali jarang-jarang sahaja.

Ibnu Ishak menceritakan mengenai tempat-tempat yang dilalui Rasulullah di dalam perjalanan mulia ini. Katanya, "Sebaik sahaja dalil penunjuk membawa mereka ke selatan Makkah, tidak lama kemudian beliau membawa mereka rrtenyusur ke tempat bertentangan jalan ke bawah Asapan, kemudian baru mereka ke bawah Amaj, memasuki Qadid, dari situ dibawa memasuki al-Kharar, terus pergi ke Thaniya al-Murrah, berlepas ke Laqfa dengan memasuki Madlajah Laqaf, dari situ bergerak ke Madlajah Mujah, bawa mereka masuk Marjah Muhaj kemudian memasuki Mazhaj Zi Ghadhwin menyusur ke Zi Kasyr terus ke al-Jadajid, lepas itu ke al-Ajrad, dengan memasuki Za Salam kemudian dari Batnu A'ada memasuki Ta'hn berlepas ke al-Ababid melintasi al-Fajah turun al-A'rj mengarah ke Thaniyah al-A'air di sebelah kanan Rakubah, kemudian turun lagi ke Batn Ra'im akhirnya sampai ke Quba'. Di sini diringkaskan beberapa peristiwa di dalam perjalan berkenaan:

1. Al-Bukhari meriwayat dari Abu Bakr al-Siddiq (r. a) dengan katanya: Pada malam itu, malah dari kelmarin lagi kami berjalan malam hinggalah rembang hari, jalan lengang, tak siapa pun melaluinya, di suatu tempat kami menghampiri sebuah batu panjang ditepinya teduhan, di situ kami singgah sebentar, aku sediakan tempat, menyapu-nyapu dengan tanganku untuk Rasulullah berhenti dan tidur dengan menghamparkan sebidang kulit dan kuberkata, "Tidurlah wahai Rasulullah dan hamba hendak memerhati yang di sekeliling man hamba ini". Rasulullah pun tidur. Kemudian aku pun keluar memerhati di sekeliling baginda, tiba-tiba aku bersua dengan seorang pengembala membawa kambing-kambingnya ke batu yang kami singgah, hendak berteduh seperti kami, ku berseru kepadanya, "Siapa tuan kamu, wahai pengembala?". Jawabnya, "Yang ampunya ini ialah seorang lelaki dari penduduk Madinah atau Makkah. Kataku kepada lelaki itu, "Ada tak di antara kambing-kambing ini yang bersusu?". Jawabnya, "Ya, memang ada". Kataku, "Boleh tak kauperahkannya". Jawabnya, "Ya, sudahtentuboleh".Beliaupun segera memegang seekor kamping betina.

Kataku, "Hai, kau bersihkan uncang susunya dari tanah-tanah, bulu dan kotoran". Lepas itu, beliau memerah susu ke dalam sebuah bekas, kemudian ku tuangkannya ke dalam bejana yang sedia ku bawa bersama ku untuk Rasulullah. Baginda meminum dan berwudhu' darinya, ku pun bawa ke hadapan Rasulullah, keberatan untukku mengejutkan Rasulullah dari tidurnya itu, ini membolehkan daku merenjis air ke atas bejana supaya susu di dalamnya menjadi dingin. Setelah Rasulullah terjaga, aku pun segera meminta Rasulullah meminumnya, baginda pun meminum kesemuanya, kemudian Rasulullah bersabda, "Boleh tak kita bergerak sekarang ini?". Jawabku, "Bahkan boleh, wahai Rasulullah". Kemudian kami semua bergerak. .

2. Kebiasaannya Abu Bakr mengekori dari belakang Rasulullah, beliau seorang yang dikenali sedang Rasulullah seorang yang muda yang tidak dikenali, bila beliau ditanya, "Siapa yang dihadapan kamu itu?" Jawab Abu Bakr, "Itu penunjukjalan". Orang itu menyangka yang dimaksudkan itu ialah penunjuk arah perjalanan, namun apa yang dimaksudkan oleh Abu Bakr ialah penunjukjalan kebaikan dan kebenaran.

3. Suraqah bin Malik telah mengekori mereka dari belakang. Cerita Suraqah, "Ketika ku sedang duduk di dalam satu majlis qabilahku, Banu Mudlij, tiba-tiba seorang lelaki telah datang ke majlis berkenaan. Beliau berdiri, sedang kami semua duduk, lalu berucap, "Wahai Suraqah, baru sebentar daku telah melihat lembaga hitam dipersisiran pantai, aku mendapati Muhammad dan sahabat-sahabatnya". Kata Suraqah di dalam hatinya, "Aku tahulah mereka itu memang Muhammad dan sahabat-sahabatnya". Kemudian katanya kepada lelaki itu, "Mereka itu bukan Muhammad dan pengikut-pengikutnya, tapi yang kau lihat itu si Fulan dan si Fulan, mereka itu berjalan dalam pengawasan kami". Daku duduk dalam majlis beberapa ketika, kemudian ku keluar dari situ dan suruh "perempuan suruhanku" iiupaya bawa keluar kudaku yang tertambat disebalik berlukar, sementara aku mengambil tombak dan ku keluar dari belakang rumah, dengan mengheret batang tombak di atas tanah dan matanya direndahkan,

hinggalah sampai dekat kudaku, terus ku pecutnya, aku mengenali mereka itu dan menghampiri mereka, malangnya kuda aku terbenam kaki depannya ke dalam pasir, hingga aku terjatuh, setelah ku berdiri, ku membuat cabutan nasib dengan menggunakan anak panahku dengannya aku bersumpah di antara dua "membunuh mereka atau tidak", cabutan nasib keluar yang ku tidak suka, namun aku melanggar sumpahan itu, sekali lagi kuda ku menghampiri mereka, memang dekat hingga aku dapat mendengar bacaan Rasulullah (s.a.w) baginda tidak menoleh ke mana-mana tetapi Abu Bakr kerap sangat menoleh ke belakang, sekali lagi kaki hadapan kuda ku terbenam ke dalam pasir hingga ke lututnya sekali lagi aku tercampakjatuh, ku mengherdiknya ia pun bangun, kaki depannya hampir-hampir tidak dapat dibawa keluar, namun setelah berdiri tegak semula tidak semena-semena kelihatan debu bercahaya di depan langit seperti asap, sekali lagi ku membuat cabutan dengan anak panah dan sekali lagi keluar yang ku membencinya, kali ini ku menyeru kepada mereka memohon keselamatan, mereka semua berhenti dan ku pun memacu kuda, ku menuju arah mereka hingga sampai ke hadapan mereka, kini terlintas di dalam jiwa ku dengan apa yang telah terjadi di mana tindakan ku itu semua terhalang adalah petanda kepada kejayaan urusan Rasulullah itu di masa-masa akan datang. Ku menyeru kepada baginda, "Kaum ku telah menawar ganjaran untuk sesiapa dapat menangkap Rasulullah". Dan ku menceritakan kepada mereka apa yang hendak dilakukan oleh orang ramai, ku tawarkan kepada mereka bakalan dan barang-barang makanan, namun tak seorang pun yang mempedulikan, cuma apa yang mereka meminta dengan berkata, "Jauhilah dari kami". Ku meminta Rasulullah menuliskan daku watikah keamanan, baginda menyuruh Amir bin Fahiirah, beliau pun tulislah ke atas sebidang kulit, setelah itu Rasulullah pun meneruskan perjalanannya.

Mengikut riwayat Abu Bakr yang berkata, "Kami keluar berhijrah dalam keadaan kaum kafirin mencari-cari kami, namun tak seseorang pun yang dapat memburu kami kecuali Suraqah bin Malik bin Ja'syam sahaja yang menunggang kudanya, ku menyeru kepada Rasulullah,

yang ku mencurigai pemburuan itu kalau-kalau ianya sempat menangkap kami. Jawab Baginda dalam ayat yang bermaksud:

(Jangan berduka sesungguhnya Allah bersama kita)

(al-Taubah: 40)

Dengan itu Suraqah pun berpatah balik, di Makkah beliau mendapati orang ramai memang sedang mencari-cari Rasulullah dengan berseru kepada mereka sekalian: Telah pun aku usahakan untuk kamu, dan di sini aku yang bertanggungjawab". Di awal hari beliau menjadi musuh Rasulullah, di akhir hari menjadi pengawal Baginda.

4. Di dalam perjalanan Baginda itu, Rasulullah telah melewati dua perkhemahan Ummu Ma'bad al-Khuza' iyah, beliau adalah seorang wanita tegas, duduk berehat di halaman khemahnya biasanya memberi jamuan dan minuman kepada sesiapa yang melewati khemahnya, di hari itu mereka berdua bertanyakan beliau, "Apakahada sesuatu bersama puan?" Jawabnya, "Demi Allah, kalau ada sesuatu bersama kami, kamu tidak akan terbiar tanpa jamuan, kambing semuanya tak bersusu dan ini pula tahun kemarau".

Rasulullah membeiek ke arah kamping betina di tepi khemah dengan bersabda, "Apa kambing betina di tepi khemah itu wahai Ummu Ma'bad?". Jawab beliau, "Itu adalah kambing tertinggal kawan kerana keletihan". Tanya Baginda, "bersusukah?". Jawabnya, "lanya terlalu teruk untuk memberi susu". Sabda Rasulullah, "Berikan izin untuk sayamemerahnya," Jawab Ummu Ma'bad: Ya, demi Allah, kau sebagai ibu bapaku kalau, nampak boleh diperah-perah sajalah. Rasulullah mengusap-usap uncang susu dengan tangan Baginda disertai dengan pembacaan Bismillah dan berdoa, uncang pun mengembang memenuhi susu terus mencurah susu, Baginda meminta bekas agak besar mencukupi beberapa orang, Baginda perah hingga berbuih pada permukaan bekas perahan itu. Baginda memberi Ummu Ma'bad meminumnya hingga puas, lepas itu memberi kepada sahabatnya, mereka pun minum hingga puas, lepas itu Baginda minum, sekali lagi Baginda memerah hingga tepu bekas, lalu ditinggal kepada Ummu Ma'bad dan mereka semua meneruskan perjalanan.

Tidak berapa lama kemudian suami Ummu Ma'bad pulang menghalau kambing-kambing kekurusan, kesemuanya berjalan terhuyung hayang, kerdil-kerdil belaka, tetapi bila beliau melihat susu di khemah beliau kehairan terus bertanya dari mana kesemua ini, kambing yang tertinggal itu belum beranak, dan yang tertinggal di khemah tadi tak ada yang bersusu pula? Jawab Ummu Ma'bad:

Tak tahulah, demi Allah sesungguhnya tadi telah berlalu dari sini seorang lelaki bertuah membawa berkat, di antara percakapannya begini-begini, perwatakannya begini-begini, kata suami Ummu Ma'bad: Sesungguhnya demi Allah, aku percaya inilah orang yang diburu oleh Quraisy, cuba kau terangkan lagi wahai Ummu Ma'bad, lalu beliau menceritakan sifat-sifat Baginda yang terpuji dengan bahasa beliau yang menarik, seorang yang mendengar itu bagaikan melihat Rasulullah berdiri di hadapannya, akan kita perihalkan sifatnya itu di hujung tajuk nanti, kata suami Ummu Ma'bad: Demi Allah itulah dia orang yang disebut-sebut halnya, aku amat berhasrat untuk bersahabat dengannya, pasti ku tunaikan hasrat ku ini bila terluang bagi ku nanti. Di subuh pagi kedengaran suatu suara di Makkah tetapi tidak kelihatan pengungkapnya:

Semoga tercurah balasan Allah,

Melalui teman berdua, melewati khemah,

Dipersinggahan membawa barakah,

Pemergian pun meninggalkan tuah,

Berbahagia kau taulan Muhammad,

Rugilah kaum Qusai,

Dari kau... Allah elakkan pimpinan,

Bersenanglah Banu Ka 'ab,

Lantaran kedudukan pemudamu,

Kedudukan kaum mukmin mu,

Bertanyalah saudara mu,

Mengenai kambingnya, Bejananya,

Kambing pula menegas saksian.

Kata Asma': Sebenarnya kami tidak tahu arah mana Rasulullah tujui, namun telah tiba satu lelakijin satu dari sebelah Makkah sana dengan mendendangkan rangkap-rangkap tadi. Orang ramai mengikutinya dan mendengar suaranya tetapi tidak kelihatanjasadnya, dia berlalu hinggalah ke sebelah atas Makkah sana. Bila kami semua mendengar laungan ini kami pun tahulah yang Rasulullah menuju ke arah al-Madinah.

5. Di dalam perjalanan Baginda telah bertemu dengan Aba Buraidah, beliau adalah ketua kabilahnya, beliau keluar dalam usaha mencari Rasulullah dan Abu Bakr dengan harapan akan meraih tawaran Quraisy yang sangat lumayan itu, tetapi apa yang terjadi adalah di sebalik itu kerana setelah beliau bertemu dan bercakap dengan Rasulullah terus beliau memeluk Islam bersama-sama dengan tujuh puluh orang pengikutnya, dengan itu beliau menanggal serbannya dan diikat ke hujung lembingnya, sebagai bendera mengisytiharkan kedatangan penguatkuasa keamanan dan kesejahteraan telah tiba untuk memimbarkan keadilan dan kesaksamaan dipersada cakrawala ini.

6. Di dalam perjalanan ini Rasulullah bertemu al-Zubair dengan rombongan kaum muslimin di dalam kabilah perniagaan dari al-Syam, beliau memberi persalinan baju putih kepada Rasulullah dan Abu Bakr.

PERSINGGAHAN DI QUBA'

Bertepatan pada hari Isnin 8 Rabiul al-Awal tahun 14 kebangkitan Rasulullah, iaitu tahun pertama Hijrah bersamaan 23 September 622 Masihi, Rasulullah telah sampai ke Quba'.

Kata Urwah bin al-Zubair: Umat Islam di Madinah telah pun mendapat maklumat mengenai penghijrahan Rasulullah dari Makkah ke Madinah, justeru itu, paada setiap pagi mereka keluar beramai-ramai ke tanah lapang al-Hurah, menunggu kedatangan Rasulullah. Mereka pulang ke rumah apabila matahari terik memaksa mereka pulang ke rumah. Di suatu hari, apabila mereka pulang ke rumah masing-masing kerana keletihan menunggu, ditakdirkan seorang Yahudi yang sedang berada di beranda atau menara pagarnya, beliau ternampak Rasulullah

bersama-sama para sahabatnyaseba putih kelihatan jelas dari jauh, Yahudi tadi tak tertahan untuk meluahkan perasaannya dengan melaung," wahai bangsa Arab, itu dia datuk kamu yang kamu tunggu-tunggu," kaum muslimin pun marah dan segera mereka mencapai senjata.

Ibn al-Qayyum menceritakan," Kedengaran laungan takbir di rumah Banu Amru bin Auf, justeru itu seluruh kaum musliminpun melaungkan takbir kegembiraan dengan ketibaan Rasulullah seluruh mereka mengalu-alukan kedatangan Rasulullah dengan sambutan dan aluan sebagai seorang nabi, kesemua mereka merenung ke muka Rasulullah melingkungi baginda dalam suasana di selubungi ketenagan dan wahyu pun turu kepada Rasulullah".

"...Sesungguhnya Allah adalah Pembelanya, dan selain dari itu Jibril serta orang salih dari kalangan orang yang ebriman dan malaikat-malaikat juga menjadi penolongnya"

(al-Tahrim: 4)

Urwah bin al-Zubair menceritakan dengan katanya: Mereka semua menyambut Rasulullah dan Baginda membelok ke sebelah kanan hingga sampai dan singgah di kalnagan qabilah Banu Amru bin Awf, pada hari Isnin bulan Rabiul al-Awal, Abu Bakr bangun berdiri manakala Rasulullah duduk berdiam, orang-orang Ansar yang belum pernah melihat Rasulullah terus mendatangi Rasulullah untuk mengucap selamat datang - dalam salu naskah tertulis; mereka berucap kepada Abu Bakr, hinggalah sampai matahari terbit dan terkena Rasulullah (s.a.w) oleh Abu Bakr segera bangun memayungi Rasulullah dengan kainnya, maka dengan itu orang ramai pun kenallah diri Rasulullah itu.

Al-Madinah keseluruhannya dengan penduduk Islamnya bagaikan berombak bergerak, menyambut kedatangan Rasulullah, ianya merupakan suatu hari yang paling bersejarah yang belum disaksi lagi selama ini. Kaum Yahudi telah menyaksi kebenaran bisyarah kedatangan Rasulullah utusan Allah oleh Habquq yang bertulis, "Sebenarnya Allah datang dari al-Tayinan dan al-Quddus dari bukit

Faran".

Di Quba' Rasulullah (s.a.w) telah singgah di rumah Kalthum bin al-Hudm, tapi dalam riwayat yang lain mengatakan Rasulullah singgah di rumah Sa'd bin Khaithamah riwayat pertama lebih tepat. Ali (r.a) tinggal di Makkah, untuk selama tiga hari selepas Hijrah Rasulullah itu, hingga selesai beliau menyerah kembali barang-barang amanah orang yang pernah mereka tinggalkan kepada Rasulullah sebelum ini. Lepas itu beliau pun susul berhijrah dengan berjalan kaki dan sempat beliau menemui Rasulullah dan Abu Bakr"di Quba' di sana beliau singgah di rumah Kalthum bin al-Hudm.

Rasulullah tinggal di Quba' empat hari iaitu Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis. Baginda mengasaskan masjid Quba' dan bersembahyang di situ. Ianya adalah masjid yang pertama sekali dibina di atas dasar taqwa setelah Baginda dibangkitkan sebagai Rasul, di hari kelima iaitu hari Jumaat, dengan perintah dari Allah Baginda berangkat dengan diekori oleh Abu Bakr dari belakang untuk menemui Banu al-Najar, mereka adalah bapa

saudara Rasulullah dari sebelah ibunya, sebelum itu Rasulullah menghantar perutusan ke sana menjemput mereka, dengan segera mereka semua datang dengan pedang-pedang bergalas keluar untuk menemui Rasulullah, mereka semua bertemu dengan Rasulullah di perkampungan Banu Salim bin Auf, di dalam masjid di lembah berkenaan Rasulullah berhimpun dengan Banu al-Najar yang seramai seratus lelaki.

MEMASUKI AL-MADINAH

Selepas solat Jumaat Rasulullah (s.a.w) memasuki al-Madinah, di mana sejak hari itu daerah yang bernama Yathrib itu dikenali dengan Madinah al-Rasul (s.a.w) untuk singkatan maka disebut al-Madinah sahaja, hari itu adalah hari bersejarah dan gemilang, jalan-jalan, lorong dan rumah-rumah bergema dengan tahmid dan taqdis, selumh anak-anak gadis Ansar mendendangkan rangkap-rangkap puisi, tanda kegembiraan dan keceriaan.

Orang-orang Ansar bukanlah golongan pemilik harta yang banyak, namun setiap dari mereka bercita-cita semoga Rasulullah singgah ke rumah mereka bila sahaja Rasulullah melewati di hadapan rumah setiap orang memegang tali kuda Baginda sambil berkata, "Wahai Rasulullah, ayuh bersama kami, kami ada kekuatan dan bilangan yang ramai, kami buat senjata untuk mempertahankan man hamba". Rasulullah hanya akan menjawab kepada mereka, "Biarlah dia bergerak mengikut arahnya, kuda Baginda terus bergerak hingga sampai ke tapak masjid al-Nabawi yang ada sekarang ini, sampai ke situ kuda Rasulullah pun berlabuh, namun Rasulullah tidak terus turun, malah kudanya bangun semula dan berjalan lagi ke hadapan kemudian berpatah balik semula ke belakang ke tempat pertama tadi, dengan itu barulah Rasulullah turun darinya, sebagai taufik dari Allah tempat itu adalah kawasan kediaman Banu al-Najar keluarga bap'a saudara Rasulullah sebelah ibunya. Kerana Baginda sendiri pun suka kiranya Baginda dapat turun di kalangan bapa saudaranya, kerana itu adalah suatu penghormatan kepada mereka, semua hadirin meminta Rasulullah tinggal di rumah mereka, tetapi Abu Ayub al-Ansari segera ke binatang tunggangan Baginda dan menuntunnya ke dalam kawasan rumahnya, maica kata Rasulullah, penunggang harus mengikut tunggangannya, manakala As'ad bin Zurarah pun memegang tali kuda dan dengan ku tunggangan tadi tinggallah bersama-sama beliau.

Al-Bukhari meriwayatkan dari Anas: Rasulullah bersabda, "Mana dia rumah keluarga kami yang terdekat?". Kata Abu Ayub, "Saya Rasulullah dan ini dia rumahku dan ini dia pintu masuk". Maka beliau pun meluru ke dalam membuat persiapan dan katanya, "Ayuh, bangun kamu berdua dengan keberkatan dari Allah".

Selepas beberapa hari tibalah isterinya Saudah, dua orang puterinya Fatimah dan Ummi Kalthum, Usamah bin Zaid dan Ummu Aiman, manakala Abdullah bin Abu Bakr pula tiba bersama-sama anak-anak Abu Bakr di antara mereka Aisyah, adapun puteri Rasulullah Zainab masih bersama Abi al-As, kerana tidak dapat keluar untuk berhijrah hinggalah selepas peristiwa Badar.

Kata Aisyah: Setibanya Rasulullah ke al-Madinah, Abu Bakr dan Bilal terns lemah badan, Aisyah masuk menemui mereka berdua untuk bertanyakan khabar mereka, "Bagaimana bapa mendapati diri bapa. Dan bagimana pula kau Bilal?". Kata Aisyah, "Abu Bakr ini apabila terasa demam berat beliau akan berkata:

Setiap insan bersama keluarganya, sedang kematian lebih hampir kepadanya dari tali kasutnya.

Dan Bilal pula akan menyebut-nyebut:

Kalaulah ku mengetahui; Apakah ku masih berkesempatan untuk bermalam di lembah Makkah di sebelahku hkhir dan Jalil Apakah pasti suatu hari ku berminiim dari air Mijannah Apakah pasti ku dapat melihat melihat Shamah dan Tufail.

Kata Aisyah lagi: Dengan itu ku pun datang menemui Rasulullah dan memberitahu Baginda hal dua orang sahabatnya itu, maka sabda Rasulullah yang bermaksud:

"Ya Allah Tuhanku perkenankanlah cinta kami kepada al-Madinah seperti cinta kami kepada Makkah atau lebih darinya, berilah kesihatan kepadanya, berkatkanlah cupak dan gantangnya, pindakanlah demamnya itu serta letakkannya ke Juhfah."

Di sini selesai sebahagian dari penghidupan Rasulullah dan terlaksana satu juzu' peranan dakwah Islamiah di peringkat Makkah.

MARHALAH PERTAMA:

KEADAAN SEMASA DI MADINAH KETIKA HIJRAH

Al-Hijrah itu bukanlah ertinya melepaskan diri dari fitnah dan ejekan kaum kafirin semata-mata, malah ianya merupakan (perkongsian bersama)bertolongan ke arah penegakan sebuah masyarakat baru disebuah negara yang aman damai. Oleh yang demikian maka menjadi satu kefardhuan dan kewajipan ke atas setiap muslim yang mampu, untuk menyumbang tenaga untuk membina watan baru, seterusnya mengorbankan seluruh tenaga; dan daya upayanya untuk mempertahankan, menjaga keutuhannya dan mengangkat prestasi

martabatnya.

Tidak syak lagi, Rasulullah itu sebagai imam pemimpin, ketua dan petunjuk ke arah pembinaan masyarakat berkenaan, pada Baginda teraju pengendalian, semuanya terserah penuh thiqah dan keyakinan. Entiti al-Madinah yang ada di hadapan Rasulullah terdiri dari tiga kelompok, tiap satu dengan ciri-cirinya yang berbeza dari yang lain. Baginda menghadapi tiap-tiap kelompok ini dengan cara yang berasingan. Tiga kelompok ini ialah:

1. Para sahabatnya yang termulia (r.anhum)

2. Al-Musyrikun iaitu mereka yang masih belum ' memeluk Islam, mereka merupakan teras kabilah- kabilah di Madinah.

3. Kaum Yahudi.

Permasalahan yang dihadapi terhadap sahabatnya ialah suasana baru di Madinah yang sedang mereka hadapi yang amat berbeza dari suasana di Makkah. Mereka di Makkah berada dalam satu komuniti yang padu, menuju kepada satu matlamat secara bersama, meskipun kediaman mereka berselerak di sekitar Makkah, tertindas, menjadi buruan dan hina, mereka tidak berdaya sedikit pun, malah musuh-musuh mereka berkuasa ke atas mereka, kaum muslimin tidak berkesempatan langsung untuk menegakkan sebuah masyarakat baru Islam, dengan elemen-elemen yang sedia ada yang biasanya diperlukan oleh mana-mana masyarakat insani di dunia ini, untuk itu maka kita mendapati ayat-ayat al-Quran peringkat Makkah menumpukan kepada pencerakinan prinsip-prinsip pokok Islam dan perundangan yang mampu dilaksanakan oleh setiap individu secara bersendirian di samping suruhan-suruhan untuk melakukan kebaikan dan akhlak mulia, menjauhi dari segala sifat tercela dan terkeji.

Sedangkan di Madinah pula kaum muslimin berkuasa sejak dari awal hijrah lagi, dan tidak ada siapa pun yang mengatasi mereka, ertinya sudah sampai ketikanya untuk mereka menangani permasalahan tamadun dan hadharah (civilazation), menangani permasalahan hidup dan ekonomi, permasalahan politik dan pemerintahan, permasalahan keimanan dan peperangan, penyaringan yang mantap di antara

permasalahan halal dan haram, peribadatan dan akhlak dan seluruh permasalahan hidup.

Kini sudah tiba masanya untuk mereka membangunkan masyarakat baru. Masyarakat Islam yang amat berbeza dari masyarakat Jahiliah, di dalam semua aspek penghidupan, dengan perbezaan yang unik dari masyarakat-masyarakat manusia yang pernah ada di alam ini. Masyarakat yang mengambarkan perwatakan dakwah Islamiah yang telah mengalami pelbagai mihnah, penyiksaan dan sengsara selama sepuluh tahun.

Bukan rahsia lagi bahawa pembentukan mana-mana masyarakat dengan coraknya ini tidak akan tertegak dalam tempoh satu hari, sebulan, setahun, malah prosesnya melalui zaman berzaman hingga teradun padanya seluruh perundangan dan peraturan, di samping pembekalan ilmu pengetahuan yang secukupnya, disusuli dengan latihan-latihan dan pentarbiahan yang berperingkat-peringkat, dalam semua hal ini Allah jua yang menjaminkan bekalan tasyrik ini, sedang Rasulullah pula sebagai peribadi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan, memberi tunjuk arah, serta pendidikan yang rapi ke atas kaum muslimin sejajar dengan arahan Allah.

Dialah yang mengutus kepada umat yang ummi, seorang rasul dikalangan mereka, yang membacakan kepada mereka ayat-ayatNya dan membersihkan mereka, serta mengajar kitab dan hikmah.

(al-Jumu'ah: 2)

Manakala para sahabat pula merupakan manusia yang paling bersedia, malah bersungguh-sungguh penuh kerelaan hati menerima didikan Allah dan RasulNya tadi, mematuhi hukumannya dengan hati yang redha.

..dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, menjadikan bertambah iman mereka.

(al-Anfal: 2)

Huraian lanjut terhadap tajuk ini bukanlah pokok perbicaraan kita di

sini oleh itu memadai sekadar ini sahaja. Inilah sebesar-besar permasalahan yang dihadapi oleh Rasulullah mengenai kaum muslimin, dan inilah merupakan asas tanggungjawab yang dipikul oleh dakwali Islamiah dan risalah nabi Muhammad (s.a.w). Permasalahan ini bukanlah suatu yang mendatang. Tidak dinafikan memang benar di sana terdapat persoalan yang memerlukan penyelesaian segera.

Kaum muslimin pula terbahagi kepada dua: Segolongan yang mendiami di tanah mereka sendiri, menikmati rumah sendiri dan memiliki harta sendiri, tak suatu pun yang diperlu selain dari kesejahteraan dan keimanan untuk bersama kaum keluarganya, mereka ini ialah al-Ansar, namun sesama mereka terdapat pertelingkahan dan permusuhan sejak sekian lama. Di samping mereka, terdapat golongan kedua, dikenali sebagai al-Muhajirun, mereka kehilangan segalanya, mereka melepaskan diri mereka ke Madinah demi untuk menyelamatkan diri mereka, mereka tak mempunyai tempat tinggal, tiada kerja untuk meneruskan hidup dan tiada harta untuk menyara kehidupan seharian, bilangan mereka tidak sedikit, malah hari demi hari bilangan semakin bertambah, sebagai natijah kepada keizinan Rasulullah kepada sahabatnya untuk berhijrah dan sebagai termaklum di mana Madinah sendiri tidakhh memiliki harta yang banyak. Kebanjiran arus hijrah ini mengancam kestabilan ekonomi, ditambah pula dengan tindakan pihak musuh Islam seakan-akan membuat pemulauan ekonomi, menyebabkan berkurangan kemasukan barang-barang keperluan, justeru itu suasana semakin meruncing.

Adapun kelompok yang kedua ialah kaum musyrikin, juga merupakan teras kepada kabilah-kabilah al-Madinah, namun mereka tidak ada kuasa ke atas kaum muslimin, di antara mereka masih ragu-ragu dan teragak-agak untuk meninggalkan agama datuk nenek moyang mereka tetapi mereka ini tidaklah menaruh sebarang perseteruan terhadap kaum muslimin, justeru itu tidak lama masa berlalu di mana mereka memeluk Islam dan berjuang untuk agama Allah.

Di kalangan penduduk al-Madinah terdapat di antara mereka yang dengki dan berseteru terhadap Rasulullah (s.a.w) dan kaum muslimin,

cuma mereka ini tidak berupaya untuk mencabar dan melawan secara terang-terang, maka mereka terpaksa menzahirkan keikhlasan, kasih sayang, lantaran keadaan mereka yang tidak mengizinkan, terutamanya Abdullah bin Ubai, beliau merupakan tokoh yang dipersetujui oleh al-Aws dan al-Khazraj untuk dilantik sebagai pemimpin mereka selepas peristiwa peperangan Buath, sebelum ini tidak pernah mereka terfikir atau menemui seorang tokoh untuk dilantik sebagai pemimpin mereka selain Abdullah bin Ubai sahaja, untuk upacara pertabalan itu mereka telah menenun sulaman dan menyediakan pakaian yang selayak baginya, belum sempat ditabalkan tiba-tiba Rasulullah sampai ke Madinah, seluruh kaum Abdullah tadi telah mengalih pandangan mereka darinya, itulah yang menyebabkan beliau merasa seolah-olah Rasulullah merampas kuasanya, justeru itu beliau memendam perseteruan yang amat sangat terhadap Baginda. Oleh itu beliau mendapati suasana dan keadaan tidak menguntungkan kekafirannya itu, malah beliau akan kerugian habuan di dunia ini, justeru itu beliau mengisytiharkan sebagai orang Islam selepas peristiwa peperangan Badar al-Kubra, walau bagaimanapun beliau tetap kafir. Tidak ada mana-mana kesempatan malah kesemuanya dipergunakan untuk memusnahkan Rasulullah dan kaum muslimin, di samping pengikut-pengikut setianya, yang juga terasa kecundang dengan pangkat yang sepatutnya mereka perolehi, pengikut-pengikutnya turut membantunya melaksanakan perancangan jahatnya itu, mereka mengeksploitasi mana-mana situasi dan kaum muslimin yang lemah pemikiran, untuk menjayakan usaha kotor mereka.

Adapun kelompok ketiga ialah kaum Yahudi, sejarah awal, mereka ini berhijrah ke bumi Hijaz pada zaman penindasan Asyuri dan Rumawi sebagaimana yang kita perkatakan sebelum ini, mereka ini adalah kelompok Ibrani, perpindahan mereka ke bumi Hijaz telah mengubah budaya hidup dan tamadunnya kepada budaya dan tamaddun bangsa Arab, pakaian Arab, nama kabilah dan individu mereka kepada nama-nama Arab, malah hingga berlaku hubungan kekeluargaan dan perkahwinan dengan orang-orang Arab, cuma mereka masih

mengekalkan asabiah kebangsaan mereka. Mereka masih tidak berinteraksi sepenuhnya, malah mereka masih berbangga dengan keturunan dan kebangsaan Israel-Yahudi mereka, lebih dari itu mereka memperkecil-kecilkan bangsa Arab yang mereka menamakan sebagai Ummiyin dalam bahasa mereka, yang bermakna binatang rendah, hina dan mundur, mereka mempercayai bahawa harta-harta bangsa Arab adalah halal untuk mereka, mereka boleh memakannya sekehendak hati mereka. Mereka mengatakan:

"Tidak ada jalannya kami menanggung dosa mengenai orang yang Ummi (maksudnya: orang Arab)

(ali-Imran: 75)

Mereka tidak bermmat untuk menyebar luas agama Yahudi, agama yang mereka pergunakan untuk mengaut keuntungan dalam bentuk jampi mantera, sihir, ramalan dan sebagainya. Mereka merasakan diri mereka sebagai golongan yang lebih, dari orang lain dan merekalah pemimpin kerohanian. Kaum Yahudi pandai di dalam bidang perusahaan dan kemahiran hidup, ini membawa mereka menguasai perniagaan biji-bijian, tamar, khamar dan pakaian, merekalah pengekspot dan pengimport barangan seperti kain, khamar dan bijian, selain dari itu mereka juga memiliki pekerjaan-pekerjaan lain yang mereka usaha sendiri, darinya mereka berupaya memunggut kelabaan yang berlipat ganda dari orang Arab, tidak setakat itu sahaja malah mereka bergiat dengan amalan riba, dengan melepaskan pinjaman kepada ketua-ketua kabilah Arab dan pemimpinnya, wang yang mereka hutang dari Yahudi itu dibelanjakan untuk memperolehi pujian dan sanjungan dari penyair-penyair dan sebutan nama baik di kalangan orang ramai, setelah harta hangus dibelanjakan untuk sesuatu yang tidak berfaedah, kaum Yahudi juga memberi hutang kepada ketua-ketua kabilah Arab dengan menerima sawah atau ladang-ladang mereka sebagai cagaran, setelah tamat tempoh dan hutang tidak dapat diselesaikan maka secara automotik cagaran tadi menjadi milik Yahudi.

Selain dari itu kaum Yahudi juga terkenal sebagai golongan yang menimbulkan fitnah, konspirasi, kerosakan, batu api, menimbulkan

perseteruan di antara kabilah-kabilah Arab tanpa disedari oleh mereka, dengan itu berlakulah peperangan yang berlarutan di antara kabilah-kabilah Arab, di mana sahaja berlakunya pergaduhan kabilah, pastinya di sana tangan-tangan Yahudi yang melaga-lagakan dan mereka akan memerhati persengketaan ini dari jauh, mereka menyemarakkan persengketaan ini, dengan memberi pinjaman kewangan secara riba sebagai bantuan kepada puak-puak yang berlaga, kerana peperangan adalah berat belanjanya, dengan cara ini kaum Yahudi mengaut dua keuntungan: Dapat mengekalkan kayan dan entitinya, mengaktifkan sistem riba yang memberi pulangan yang berlipat ganda kepada mereka di samping dapat mengumpul harta yang banyak.

Di bumi Yathrib pada masa itu terdapat tiga kabilah Yahudi yang terkenal:

1. Banu Qainuqa', mereka adalah sekutu qabilah al-Khazraj kediaman mereka di tengah Madinah.

2. Banu al-Nadhir

3. Banu Quraidhah.

Kedua-dua puak (Banu al-Nadhir dan Banu Quraidhah) ini adalah sekutu kepada al-Aws, kediaman mereka di luar al-Madinah.

Ketiga-tiga kabilah inilah yang menyalakan api peperangan di antara al-Aws dan al-Khazraj sejak zaman berzaman, malah mereka sendiri turut serta di dalam peperangan Buath masing-masing dengan sekutunya.

Sememangnyalah bangsa Yahudi ini, tidak boleh diharapkan dari mereka suatu yang baik, selain dari hasad dengki, Rasulullah pula bukanlah sebangsa dengan mereka, masakan hasad dengki itu akan reda dari dada mereka yang sememangnya penyakit itu sudah sebati dan menjadi budaya hidup mereka. Selain dari itu, seruan Islam pula adalah seruan kepada kebaikan yang berusaha menyatu-padukan hati-hati yang bersengketa. Selama ini seruan yang mengajak kepada kasih sayang, melupai permusuhan dan kebencian sesama sendiri, untuk beriltizam dengan amanah di dalam semua urusan, seruan Islam juga mengajak kepada menepati permakanan yang halal dari rezeki yang bersih. Ini

bermakna bahawa semua kabilah-kabilah Yathrib akan bersatu padu, dengan sendirinya akan terlepas dari cengkaman puak Yahudi, dan darinya pula akan terancam kecergasan perniagaan mereka. Perniagaan secara riba mereka akan musnah yang selama ini member! pulangan amat lumayan, malah besar keuntungannya.

Qabilah-qabilah Arab ini akan sedar dari kelalaian mereka selama ini, membawa mereka memikir semula mengenai harta mereka yang berada di dalam tangan Yahudi yang diambil secara tipu muslihat, melalui muamalat riba.

Kesemua ini di dalam perhitungan kaum Yahudi, iaitu sejak mereka mengenalpasti bahawa seruan Islam cuba bertapak di Yathrib. Sebab itu mereka amat berseteru terhadap Islam dan rasulnya sejak Baginda memasuki Yathrib, sekalipun tidak berani menunjukkan sikap perseteruan itu, kecuali setelah berlalu beberapa ketika.

Hal ini dapat dilihat dengan jelas sekali melalui apa yang diriwayatkan oleh Ibnu Ishak dari Ummu al-Mukminin Sofiah (r.a). Kata Ibnu Ishak: Riwayat dari Sofiah bin Huyai bin Akhtab, kata beliau: Aku adalah anak kesayangan kepada ayahku dan bapa saudaraku, Abi Ya.sa. Bila-bila masa mereka berdua bertemu aku bersama anak-anak mereka yang lain, mereka akan mendokong daku tanpa mengambil mana-mana anak mereka yang lain. Kata beliau lagi: Setelah mana Rasulullah sampai ke Madinah dan turun di Quba' di kalangan Banu Amru Ibni Auf, ayahku Huyai bin Akhtab dan bapa saudaraku Abu Yasir bin Akhtab menyelit masuk di kalangan orang ramai. Mereka pulang setelah matahari terbenam, mereka berjalan pulang dalam keadaan lemah longlai, tak bermaya, malas dan keletihan. Sambung beliau lagi: Ku berlari ke arah mereka seperti biasa, malangnya di hari itu tak seorang dari mereka yang mempedulikan daku, lantaran kesugulan runsing yang amat sangat, mengecam perasaan mereka, ku masih ingat bapa saudaraku, berkata kepada bapaku, Huyai bin Akhtab: Diakah orangnya?. Jawab bapaku: Demi Allah! Dialah orangnya. Tanya bapa saudaraku: Kau kenal dia dan kau boleh buktikan?. Jawab bapa saudaraku: Ya!. Tanya beliau lagi: Apa perasaan kau terhadapnya?. Jawab bapaku: "Demi

Allah! Akanku perangi selagi mana jiwa dikandung badan".

Bukti lain ialah diriwayat al-Bukhari mengenai kelslaman Abdullah bin Salam (r.a), beliau merupakan salah seorang ahli agama Yahudi, semasa beliau mendengar berita kedatangan Rasulullah (s.a.w) ke Madinah, yang turun di kalangan Banu al-Najar, segera beliau menemui Rasulullah, beliau mengemukakan beberapa pertanyaan yang tidak mungkin dijawabnya kecuali seorang nabi Allah, setelah beliau mendapati jawapan, segera beliau beriman dengan risalahnya, tidak sempat berubah tempat, dan beliau menegaskan kepada Baginda: Sebenarnya kaum Yahudi adalah satu kauin pendusta, sekiranya mereka mengetahui mengenai keislaman ku sebelum tuan hamba menyoal mereka nescaya mereka dustakan daku. Oleh itu maka Rasulullah meminta kaum Yahudi menemui Baginda, semasa mereka berada di dalam, Abdullah bin Salarn pun masuk ke rumah Rasulullah, terus Rasulullah bertanya: Bagaimana kedudukan Abdullah bin Salam di sisi kamu? Jawab mereka: Orang yang teralim di kalangan kami malah beliau anak ulama' teralim di kalangan kami, beliau adalah terbaik dan anak tokoh terbaik di kalangan kami. Dalam riwayat yang lain bahawa: Abdullah bin Salam ialah ketua kami dan anak ketua kami terdahulu, orang terbaik dan anak tokoh terbaik, terpilih dan anak tokoh terpilih, sabda Rasulullah: Bagaimana kalau beliau ini telah menganut Islam? Jawab mereka: Semoga Allah lindungkannya dari berbuat demikian (mereka ulangi dua atau tiga kali) lalu Abdullah pun keluar ke hadapan mereka sambil mengucap kalimah syahadah.

Segera mereka berkata: Beliau ini sejahat anak kepada sejahat-jahat tokoh, dengan itu mereka pun terjebak dengan pendustaan mereka sendiri.Dalam riwayat yang lain, Abdullah bin Salam berkata: Wahai kalian Yahudi bertaqwalah kamu kepada Allah, demi Allah tiada Tuhan melainkan Dia, sesungguhnya kamu mengetahui Baginda adalah Rasulullah, Baginda datang dengan kebenaran, lantas mereka menjawab: Kamu dusta.

Inilah pengalaman pertama yang dialami oleh Rasulullah dari kaum Yahudi, iaitu di hari pertama Baginda di al-Madinah. Kesemua ini

adalah perseteruan di dalam al-Madinah, manakala perseteruan luaran, adalah Quraisy yang merupakan seteru ketat terhadap Islam, yang telah dialami oleh kaum muslimin sepuluh tahun yang silam, ketika kaum muslimin berada di bawah kekuasaan mereka di Makkah, mereka telah mengalami segala jenis penyeksaan, ugutan penindasan, politik, sekatan makanan, pemboikotan, tekanan psikologi dan saraf disertai dengan kempen yang meluas, tersusun dan kotor. Setibanya kaum muslimin yang berhijrah ke Madinah, seluruh tanah, rumah dan harta mereka dirampas, anak isteri dan keluarga mereka ditahan, malah diseksa. Sekiranya dapat mereka menyeksa, tidak memadai setakat itu sahaja malah mereka merancang konspirasi untuk membunuh pembawa risalah dakwah (s.a.w) dan pendakwahnya, mereka tidak membiar peluang terlepas malah mereka mengguna segala jalan dan wasilah yang dapat mereka lakukan.

Selepas semua usaha yang mereka garapkan itu, dan setelah kaum muslimin berjaya melepaskan diri mereka ke daerah yang jauh dari mereka hanya lima ratus kilometer, mereka pergunakan kedudukan mereka di arena politik, kerana ditakdirkan di masa itu mereka menduduki posisi kuasa politik dan kepimpinan agama di kalangan bangsa Arab, sifatnya sebagai pemastautin diperkarangan Kaabah dan pengendalian urusan Kaabah dan Haji, mereka berjaya mempengaruhi musyrikin lain di Semenanjung Arab untuk memusuhi penduduk al-Madinah, hingga terjadi al-Madinah bagaikan daerah yang dipulaukan oleh semenanjung, hingga berkurangan barangan masuk di masa yang sama bilangan yang berhijrah semakin bertambah. Hari demi hari, sesungguhnya suasana peperangan dirasai bila-bila masa sahaja boleh tercetus persengketaan di antara penghuninya dari penduduk Makkah dan kaum muslimin di negara baru mereka. Adalah satu tuduhan melulu dan tidak berasas malah satu tuduhan yang sangat nakal bahawa orang Islam sebagai pencetus pergaduhan.

STRUKTUR MASYARAKAT BARU

Telah pun kita perkatakan bahawa ketibaan Rasulullah (s.a.w) ke

Madinah di kalangan Banu al-Najar adalah pada hari Jumaat 12 Rabiul al-Awal tahun pertama hijrah bersamaan 27 September tahun 226 masihi. Baginda telah singgah di rumah Abu Ayub al-Ansari. Pada masa itu Baginda menyebut: "Di sinilah persinggahan, insyaAllah dengan itu Baginda berpindah ke rumah Abu Ayub.

PEMBINAAN MASJID AN-NABAWI

Langkah sulung dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w) selepas itu ialah pembinaan al-Masjid an-Nabawi. Bertepatan dengan tempat unta Baginda berlabuh, Rasulullah memerintah supaya dibina sebuah masjid yang dikenali dengan al-Masjid an-Nabawi, tempat yang dijadikan tapak masjid itu adalah di sebidang tanah yang dimiliki bersama oleh dua orang anak yatim, Baginda membelinya, Baginda sendiri turut serta dalam usaha membinanya, Baginda bertugas mengangkat batu-batu dan bata-bata sambil bermadah:

"Tiada hidup kecuali penghidupan akhirat. Ampunilah kaum Ansar dan Muhajirah "

Baginda juga bermadah:

Inilah Pemikul, bukan Pemikul Khaibar

Ini kerja lebih menyanjungi Tuhan dan

menyucikanNya.

Para sahabat begitu ghairah dan bersemangat dalam kerja-kerja mereka, membawa salah seorang dari mereka pula bermadah:

"Kalau nabi bekerja kita berehat Ini adalah kerja yang sesat"

Di tapak itu terdapat kubur kaum musyirikin, kesan rumah usang, pohon tamar dan sepohon pokok gharqad. Justeru itu, Rasulullah memerintah supaya mengali kubur kaum musyirikin, bangunan yang usang yang diroboh, diratakan, pohon tamar dan gharqad ditebang dan ditetapkan arah kiblat. Kiblat pada ketika itu ke arah Baitulmaqdis, tiang mihrab dari susunan batu-batu dan temboknya dari bata-bata dan tanah, manakala bumbung masjid terdiri dari pelepah tamar, tiang dari batang tamar, lantainya diratakan dengan anak-anak batu dan pasir,

dengan tiga pintu masuk, panjangnya tidak termasuk mihrab ialah seratus hasta, sedang lebarnya pula lebih kurang sama dengan panjangnya, tonggaknya adalah hampir tiga hasta.

Di samping masjid dibina ruang-ruang rumah dengan biliknya dibina dari batu-bata, atapnya diperbuat dari pelepah tamar dan batangnya. Ruang-ruang ini adalah bilik isteri-isteri Rasulullah (s.a.w). Setelah selesai pembinaan bilik tersebut, barulah Baginda berpindah dari rumah Abu Ayub.

Masjid yang dibina itu bukan hanya sekadar menunai sembahyang semata-mata, malah ianya adalah "Jamiah".

Padanya kaum muslimin bertemu untuk menerima ajaran Islam dan arahannya yang suci, ianya muntada(tempat pertemuan), padanya seluruh etnik dan kabilah yang berbagai dapat bertemu dan bermesra yang dahulunya berkelahian lantaran semangat jahiliah. Masjid juga adalah pengkalan kepada pelancaran dan pengurusan seluruh pergerakan dan tindakan. Ianya parlimen untuk sidang permesyuaratan, perundangan dan penguasaan undang-undang.

Di samping itu semua, masjid juga merupakan penumpuan untuk sebilangan besar dari kaum muhajirin yang fakir berlindung di dalamnya, yang ketiadaan rumah, harta, keluarga mahupun anak-anak.

Di permulaan hijrah itu telah pun disyariatkan laungan azan. Laungan dari alam uiwi yang bergema di ufuk bumi setiap hari lima kali, seruan yang menggoncang di segenap penjuru alam. Kisah tentang mimpi Abdullah ibn Zaid bin Abd Rabbih mengenai azan ini, memang terkenal, yang telah diriwayatkan oleh al-Tarmizi, Abu Daud, Ahn-iad dan Ibnu Khuzaimah.

MEMPERSAUDARAKAN KAUM MUSLIMIN

Sebagaimana Rasulullah berusaha membina masjid sebagai pusat pertemuan dan intraksi umat Islam, Rasulullah juga telah melaksanakan satu kerja teragung dan tersanjung yang tercatat sebagai lembaran suci di dalam sejarah Islam, iaitu tindakan mempersaudarakan antara

Muhajirin dan Ansar. Ibn al-Qayyim telah merakamkan peristiwa ini dengan catatannya: Setelah itu Rasulullah mempersaudarakan antara kaum Muhajirin dan al-Ansar. Majlis ini diadakan di rumah Anas bin Malik, yang hadir sembilan puluh orang kaum lelaki, separuh darinya al-Muhajirin dan separuhnya pula ialah kaum Ansar. Rasulullah mempersaudarakan sesama mereka, untuk bantu-membantu, mewarisi harta pusaka selepas mati yang bukan dari golongan Zawi al-Haram iaitu tiada kaitan kekeluargaan. Amalan ini berlaku hingga berlaku peperangan Badar, dengan terturunnya ayat Allah yang bermaksud:

"Orang-orang yang mempunyai hubungan kerabat itu adalah lebih berhak terhadap sesamanya"

(al-Anfal: 75)

Dengan itu, hak pewarisan harta pusaka dikembalikan kepada yang berhak mengikut syara' dan bukan lagi berdasarkan kepada persaudaran tadi.

Terdapat pendapat yang mengatakan bahawa selepas itu Rasulullah mempersaudarakan antara muhajirin sesama mereka, tetapi yang pasti ialah yang pertama, kerana sebenarnya kaum muhajirin sesama mereka sudah cukup dengan persaudaraan Islam disamping faktor perantauan dan kekeluargaan keturunan, berlainan pula halnya dengan persaudaraan al-Ansar.

'lYljuan dari persaudaraan ini, sebagaimana dinyatakan oleh Muhammad al-Ghazali ialah untuk mencairkan asabiah jahiliah hingga yang tinggal hanya ruh Islam sahaja dan supaya timbunan perbezaan keturunan, warna kulit dan kedaerahan semua dihancurkan dan yang tinggal hanya Islam, tiada suatu pun yang boleh membanggakan seseorang atau merendahkannya kecuali dengan ketaqwaan sahaja.

Rasulullah (s.a.w) menjadikan persaudaraan itu sebagai suatu permeteraian yang berfungsi, bukan hanya sekadar lafaz yang kosong tidak membawa erti, ianya adalah amalan yang membabit tuntutan darah dan harta, bukan sekadar ucapan di atas lisan yang tak bertulang tanpa sebarang kesan.

Perasaan mengutamakan saudara, sifat tolong menolong dan sikap

berdampingan diceritakan di dalarri anjuran ukhuwwah ini, ianya membekalkan masyarakat dengan seribu satu contoh unggul lagi unik. Imam al-Bukhari rahimahullah telah meriwayatkan: Setelah mereka tiba di Madinah, Rasulullah terus mempersaudarakan antara Abdul Rahman bin Auf dengan Sa'd bin al-Rabi', sehingga beliau berkata kepada Abdul Rahman: Sebenarnya aku ini orang Ansar yang terbanyak hartanya, di sini aku hendak bagi dua, isteriku pun dua kau pilinlah mana seorang dari mereka yang berkenan dihati kau, dan aku hendak ceraikan, selepas selesai iddahnya kau kahwinlah dengannya. Kata Abdul Rahman: "Semoga Allah memberkati kau pada keluarga dan harta kau, cuma aku hendak tahu di mana pasar kamu di sini?" Dengan itu kaum Ansar pun menunjuk pasar Banu Qainuqa', selepas majlis itu beliau pun terus ke sana membawa barang-barang keperluannya yang lebih untuk dijual di pasar seperti minyak sapi dan mentega, seterusnya hingga ke esok hari. Di suatu hari, beliau datang menemui Rasulullah, kelihatan kesan ceria dan Rasulullah pun bersuara: Ehem! Terus Abdul Rahman menjawab: "Sebenarnya daku sudah pun berkahwin". Tanya Rasulullah: "Berapa maharnya?" Jawab Abdul Rahman: "Sebungkal emas".

Riwayat dari Abu Hurairah menyebut: Maka berkata kaum Ansar kepada Rasulullah: "Wahai Rasulullah bahagikan ladang-ladang tamar kami itu sesama saudara kami al-Muhajirin". Kata Rasulullah: "Tidak". Kata mereka: "Kami boleh membantu memelihara tamar, kemudi air kita berkongsi pada buahnya". Jawab al-Muhajirin: "Kami mendengar dan kami patuhi".

Kesemuanya itu menggambarkan kemuncak kemurahan kaum Ansar terhadap saudara mereka, kaum Muhajirin. lanya adalah sebahagian dari pengorbanan, sifat mengutamakan orang lain, kemesraan dan ketulusan hati. Disebaliknya pula kaum Muhajirin tahu pula menghargai kemurahan hati Ansar itu, di mana tidak pula mereka mengambil kesempatan, yang mereka tefima ala kadar setakat yang mereka perlukan sahaja.

Memang benar persaudaraan ini merupakan hikmat yang paling tepat,

ianya satu siasah yang amat kena pada masa, keadaan dan tuntutan suasana, ianya adalah penyelesaian yang cemerlang bagi beberapa masalah dan persoalan yang dihadapi oleh kaum muslimin, seperti mana yang telah kita perkatakan.

CARTA PERSEFAHAMAN ISLAM

Sebagaimana Rasulullah mengikat tali persaudaraan di antara orang mukmin, Rasulullah juga membuat perjanjian yang boleh mengenepikan rangsangan jahiliah dan kecenderungan perqabilahan, sehingga tidak memberi peluang kepada tradisi jahiliah berperanan di dalam masyarakat baru itu, di sini diperturunkan ringkasannya.

Ini adalah watikah dari Muhammad al-Nabi (s.a.w) di antara kaum muslimin dan mukminin Quraisy dan Yathrib termasuk yang menyertai mereka serta berjuang sesama mereka:

1. Bahawa mereka adalah satu umat berbeza dari manusia-manusia lain.

Golongan Muhajirin dari Quraisy tetaplah di atas pegangan mereka, mereka saling tanggung menanggung membayar dan menerima wang tebusan (diat) di antara sesama mereka, dalam mana mereka tebus sesiapa yang tertawan dengan cara yang berkebajikan dan adil di kalangan orang-orang yang beriman, setiap qabilah dari orang-orang Ansar, tetaplah di atas pegangan mereka, mereka saling tanggung menanggung membayar dan menerima wang tebusan (diat) di antara sesama mereka dalam mana mereka menebus sesiapa yang tertawan dengan cara yang berkebajikan dan adil di kalangan orang yang beriman, setiap qabilah dari orang-orang Ansar, tetaplah di atas pegangan mereka, mereka sama-sama bertanggungjawab membayar wang tebusan dahulu dan tiap-tiap taifah dari mereka membayar wang tebusan darah untuk mereka sendiri dengan kebajikan dan sesama di kalangan orang-orang yang beriman.

Bahawa orang-orang yang beriman tidaklah boleh membiarkan sebarang masalah di antara mereka sendiri bahkan mestilah sama-sama bertanggungjawab memberi sumbangan dengan berkebajikan, untuk

membayar wang tebusan darah dengan saksama.

Bahawa orang-orang yang beriman lagi bertaqwa, hendaklah menentang sesiapa yang membuat kesalahan, melanggar kesusilaan, melaku kezaliman, atau dosa atau perseteruan atau kerosakan di kalangan orang yang beriman.

Bahawa mereka hendaklah bersatu, sama-sama menentang orang-orang tersebut walau pun jika orang itu adalah anak kepada salah seorang dari mereka.

Jalan kerana meraba-raba di dalam kegelapan jahiliah. Dengan pengangkatan jiwa-jiwa ke mercu kemuliaan dan ketinggian maka tersempurnalah anasir-anasir pembinaan masyarakat baru, yang telah berjaya menghadapi segala bentuk kemelut masa, untuk dibawa ke arahnya yang tersendiri, malah berjaya mengubah arah perjalanan sejarah dan masa.

PERJANJIAN DENGAN YAHUDI

Setelah Rasulullah berhijrah ke Madinah, dan Baginda yakin dengan kekemasan struktur masyarakat baru Islam, dengan tertegaknya kesatuan akidah, politik dan sistem di kalangan umat Islam, Baginda mengalih pandangan untuk menyusun hubungannya dengan golongan "bukan Islam", tujuan Baginda ialah untuk mewujudkan keamanan, kesejahteraan, kemuliaan dan kebaikan kepada manusia sejagat, di samping menyusun semula daerah al-Madinah dalam satu keharmonian hidup yang tulin, ke arahnya Baginda menggariskan peraturan-peraturan yang bersifat anjal dan toleransi yang belum pernah dinikmati oleh dunia, yang penuh dengan sikap kefanatikan dan ego.

Golongan bukan Islam yang mendampingi Madinah diketika itu ialah golongan Yahudi, sepertimana yang telah kita perkatakan terlebih dahulu, mereka meskipun memendam perseteruan terhadap Islam, namun setakat ini mereka belum lagi memperlihatkan sebarang penentangan atau permusuhan, justeru itu Rasulullah memeteraikan perjanjian dengan mereka dengan memberi kemerdekaan penuh dalam soal agama dan kewangan. Rasulullah langsung tidak mengambil

tindakan politik untuk berseteru, menghalau atau merampas harta-harta mereka. Perjanjian yang dimeteraikan itu adalah di antara kandungan perjanjian kaum muslimin sesama mereka, yang telah pun kita perkatakan.

BUTIRAN PERJANJIAN

1. Bahawa kaum Yahudi dari banu Auf adalah satu umat bersama orang-orang mukmin, mereka bebas dengan agama mereka sendiri, dan orang-orang Islam dengan agama mereka, begitu juga orang-orang yang bersekutu dengan mereka, termasuk juga diri mereka sendiri, perkara ini juga untuk bukan Yahudi Banu Auf sahaja.

2. Bahawa orang-orang Yahudi hendaklah membiayai negara seperti mana orang-orang Islam juga hendaklah membiayai negara.

3. Maka hendaklah mereka sama-sama tolong menolong menentang sesiapa jua yang memerangi orang-orang yang menganggotai piagam ini.

4. Maka hendaklah mereka saling nasihat menasihati, saling membuat kebajikan dan bukan dosa.

5. Mana-mana orang tidaklah boleh dianggap bersalah kerana kesalahan yang dilakukan oleh sekutunya.

6. Dan pertolongan hendaklah diberi kepada orang yang kena zalim.

7. Bahawa orang-orang Yahudi hendaklah bersepakat dengan orang-orang mukmin selama mana mereka tidak berada dalam keadaan perang.

8. Bahawa Kota Yathrib adalah terpelihara sepenuhnya tidak boleh dicerobohi oleh mana-mana pihak yang menganggotai piagam ini.

9. Bahawa apa juga kemungkaran (bunuh) atau apa juga pertelingkahan di antara sesama peserta piagam ini sekiranya di khuatiri membawa kepada bencana maka hendaklah dirujuk kepada hukum Allah dan kepada penyelesaian oleh Muhammad Rasulullah (s.a.w).

10. Bahawa tidaklah boleh di beri perlindungan kepada Quraisy (musuh) begitu juga tidak boleh di beri perlindungan kepada orang-

orang yang membantunya.

11. Bahawa hendaklah ada janji bantu-membantu mempertahankan kota Yathrib daripada mana-mana pihak yang mencerobohinya. Setiap pihak adalah berkewajipan mengambil bahagian masing-masing tentang satu-satu perdamaian.

12. Bahawa piagam ini tidak boleh di pakai bagi melindungi orang-orang zalim dan yang bersalah.

Dengan termeterainya perjanjian ini maka Madinah dan persekitarannya menjadi sebuah negara yang aman dan damai. Ibu negerinya adalah al-Madinah, pemimpinnya adalah Rasulullah (s.a.w.), kata-kata pemutus dan kekuasaan yang tertinggi adalah kaum muslimin. Dengan itu maka al-Madinah menjadi sebuah ibu negara Islam dengan erti kata yang sebenarnya. Dan untuk memperluaskan daerah keamanan dan kesejahteraan ini di masa hadapan, maka Rasulullah mengadakan perjanjian dengan qabilah-qabilah yang lain berdasarkan keadaan dan suasana, sepertimana yang diperkatakan nanti.

PERJUANGAN BERDARAH

Angkara provokasi Quraisy terhadap kaum muslimin selepas hijrah dan perhubungan mereka dengan Abdullah bin Ubai:

Telahpun kita jelaskan angkara kejahatan dan penganiayaan pihak Quraisy terhadap kaum muslimin, juga angkara tindakan mereka semasa hijrah, yang kesemuanya ini mereka memang sewajarnya diperangi dan harta-harta mereka sewajibnya dirampas, malangnya mereka tidak sedar dari kesesatan dan keterlanjuran mereka itu, atau berhenti dari permusuhan, malah mereka semakin marah kerana kaum muslimin mendapat tempat perlindungan yang tetap di Madinah, sebagai meneruskan kerja-kerja jahat itu mereka telah mengutus surat kepada Abdullah bin Ubai bin Salul, pada ketika itu beliau adalah musyrik dengan sifatnya sebagai ketua orang-orang Ansar sebelum hijrah Nabi (s.a.w), seperti yang termaklum mereka kesemua adalah di bawah suruhannya, malah mereka hampir menabalnya sebagai raja mereka kalau tidak berlakunya hijrah Rasulullah. Quraisy telah

mengutus surat kepada Abdullah bin Ubai dan pengikutnya yang masih musyrik dengan kata-kata yang menjelaskan hasrat mereka: "Sesungguhnya kamu telah pun memberi penempatan kepada teman kami itu dan sesungguhnya kami bersumpah dengan nama Allah bahawa kamu mesti memerangi mereka atau memburu mereka keluar atau akan kami mara menentang kamu dengan seluruh kekuatan kami, sehingga kami membunuh wira-wira kamu semua seterusnya akan kami perkosa perempuan-perempuan kamu semua".

Sebaik sahaja surat ini sampai ke tangan Abdullah bin Ubai dengan segera beliau bangun untuk bertindak mematuhi suruhan kongsinya dari Makkah itu, di ketika itu beliau sendiri pun memang berhasad dengki terhadap Rasulullah, kerana takhtanya dirampas oleh Rasulullah. Dalam hal ini Abdul al-Rahman bin Kaab menceritakan:

Sebaik sahaja pernyataan Quraisy itu sampai ke tangan Abdullah bin Ubai bin Salul dan orang-orangnya penyembah berhala, mereka pun segera berkumpul untuk memerangi Rasulullah, bila sahaja maklumat pergerakan mereka ini sampai ke pengetahuan Nabi Muhammad (s.a.w) Baginda terus datang menemui mereka, dan Rasulullah pun menyebut kepada mereka: Sebenarnya kamu sudah pun menerima ugutan Quraisy terhadap kami, angkara kamu itu tidak seteruk yang kamu rencanakan terhadap diri kamu sendiri. Kamu rela membunuh anak-anak kamu dan saudara kamu. Setelah mereka mendengar kata-kata Rasulullah ini maka mereka pun bersurai.

Sejak dari itu Abdullah bin Ubai pun sudah tidak bersedia lagi untuk berperang, iaitu setelah beliau mendapati kelemahan untuk berperang dan kewarasan menghitung tindakan di kalangan pengikut-pengikutnya, walau bagaimanapun beliau nampaknya bersubahat dengan Quraisy, ada sahaja kesempatan terus beliau pergunakan untuk melagakan pergaduhan di antara kaum muslimin dan musyrikin. Di dalam hal ini Yahudi pun turut bersama sebagai membantu kelancaran kerja-kerja nakal itu, tetapi itulah kebijaksanaan Rasulullah di dalam menangani dan memadam api kesumat kejahatan mereka dari semasa ke semasa.

PENDEDAHAN TEKAD MENGHALANG ZIARAH KE MASJID AL-HARAM

Di suatu hari Sa'd bin Muaz bertolak ke Makkah untuk mengerjakan umrah. Di Makkah, beliau singgah bersama-sama Umaiyyah bin Khalaf, beliau meminta kepada Umaiyyah: "Kau berikan peluang kepadaku seketika untuk ku bertawaf di rumah Allah itu", dengan itu beliau pun keluar di siang hari dan bertawaf, di masa itu mereka berdua bertemu dengan Abu Jahal, terus beliau bertanya Umaiyyah bin Khalaf: "Hai Abu Safwan siapa yang bersama kau itu"? kata Umaiyyah: "Beliau itu Sa'd". Kata Abu Jahal: "Aku dapati kau bertawaf di sini dengan aman sahaja, sedangkan di Madinah sana kau melindungi orang yang keluar agama, kamu menyatakan pula kesediaan kamil membantu dan menolong mereka, demi Allah kalaulah kamu tidak bersama Abu Safwan ini nescaya kamu tidak akan pulang dengan selamat ke pangkuan keluarga kamu". Jawap Sa'd dengan suara yang lantang: "Demi Allah sekiranya kamu menyekat aku bertawaf di sini akan ku sekat kamu lebih teruk lagi dari ini, iaitu jalan kau ke penduduk Madinah".

QURAISY MENGUGUT KAUM MUHAJIRIN

Pihak Quraisy terus bertindak dengan menghantar orangnya ke Madinah, mengugut kaum Muhajirin dengan kata mereka: "Jangan kamu terpesona dengan kejayaan kamu melepas diri dart kami ke Yathrib sana, di suatu hari kami akan menyerang kamu, akan kami banteras kamu hingga ke akar umbi dan akan kami musnahkan tanaman-tanaman di halaman kediaman kamu.

Ugutan Quraisy itu bukan gertak kosong, Rasulullah (s.a.w) telah memastikan yang ianya sebagai satu kesungguhan dari mereka, melalui percubaan dan usaha jahat mereka ini semua, membawa Rasulullah sentiasa mengawasi keselamatan para sahabatnya. Dalam Sahih Imam Muslim beliau telah meriwayatkan dari Aisyah (r.a) telah berkata:

Rasul telah berjaga malam pada pertama ketibaan Baginda ke Madinah,

dan Rasulullah pernah bersabda: Semoga ada seseorang lelaki salih dari kalangan sahabat-sahabatku mengawalku di malam ini. Kata Aisyah: Semasa kami sedang duduk terdengar suara dentingan senjata., Baginda bertanya: Siapa itu? Jawab orangnya: Daku, Sa'ad bin Abi Waqas. Bersabda Rasulullah kepadanya: Apa yang membawa kau ke mari. Jawab Saad: Daku telah berasa sesuatu terhadap Rasulullah, maka ku pun terus ke sini untuk mengawal Rasulullah. Lalu Rasulullah berdoa kepada Allah sesuatu kebaikan kepada Saad, lepas itu Rasulullah pun tidur dan lena.

Mengawal di malam hari bukan hanya pada malam-malam tertentu sahaja, malah setiap malam, di mana Aisyah (r.a) telah berkata: Bahawa Rasulullah berjaga dan mengawal di malam hari, hinggalah turunnya firman Allah yang bermaksud: (Dan Allah memelihara kau dari manusia) dengan itu Rasulullah pun menjenguk dari dalam bilik dan menyeru: Wahai sekelian, bersurailah kamu dari sini, Allah jua yang mengawalku dari manusia.

Bahaya bukan hanya dicurigai akan tertimpa ke atas Rasul sahaja malah juga ke atas kaum muslimin keseluruhannya. Ubai bin Kaab meriwayatkan katanya: Setiba Rasulullah di Madinah bersama sahabatnya, dan mereka sekalian terasa menjadi sasaran permusuhan Quraisy satu-satunya, oleh itu mereka tidak akan tidur kecuali senjata bersama mereka dan bangun pun membawa senjata.

KEIZINAN ALLAH KEPADA KAUM MUSLIMIN UNTUK MENGANGKAT SENJATA

Di dalam suasana yang amat genting di mana kayan umat Islam sedang diancam, pihak Quraisy masih tidak mahu sedar dari kesesatannya, malah bila-bila masa sahaja mereka akan menyerang, di saat ini Allah telah menurunkan keizinanNya kepada kaum muslimin untuk berperang, tetapi tidak mewajibkannya, dengan firmanNya:

Telah diizinkan (berperang) bagi orang-orang yang diperangi, kerana sesungguhnya mereka telah dianiayai. Dan sesungguhnya Allah benar-benar Maha Berkuasa menolong mereka itu.

(al-Hajj: 39)

Seterusnya dengan kebenaran tadi Allah menurunkan ayatnya sebagai panduan di dalam mempertingkatkan kebenaran. Diizinkan bagi orang-orang yang diperangi, kerana sesungguhnya, mereka telah dianiayai, dan sesungguhnya Allah Amat Berkuasa untuk menolong mereka tadi, kebenaran bertujuan menolak kebatilan disamping menegakkan syiar-syiar Allah dengan firmanNya:

"Mereka yang jika Kami berikan kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perbuatan yang mungkar"

(al-Hajj: 41)

Suatu hakikat yang pasti bahawa kebenaran yang terkandung di dalam ayat ini adalah turun di Madinah selepas hijrah, bukan di Makkah, cuma kita tidak dapat memberi kata putus masa yang terperinci penurunannya itu.

Kebenaran untuk berperang pun sudah diturunkan sedang hikmat dan rahsia peperangan di dalam suasana begini ialah untuk membolehkan kaum Muslimin melebarkan kuasa pengaruhnya ke atas laluan perniagaan Quraisy. Dari Makkah ke negeri al-Syam, Rasulullah menggunakan dua cara untuk menguasai jalan utama Quraisy itu iaitu;

Pertama: Memeteraikan perjanjian bersekutu dengan kabilah-kabilah yang tinggal berhampiran dengan laluan Quraisy tadi, atau yang tinggal di antara jala-n berkenaan dan Madinah, perjanjian untuk tidak berseteru dengan mereka sebagaimana perjanjian Baginda sebelum ini dengan golongan Yahudi Madinah, juga Rasulullah memeteraikan perjanjian keamanannya dengan kabilah Juhainah, kesemua perjanjian ini Baginda meteraikan sebelum operasi ketenteraan dijalankan, ke kawasan mereka ini lebih kurang tiga marhalah ke Madinah.

Kedua: Mengirimkan beberapa kumpulan pengawalan satu demi satu ke laluan tadi.

GHAZWAH DAN SARIYAH SEBELUM PEPERANGAN BADAR

Untuk melaksanakan dua langkah tadi, maka dilancarkan operasi ketenteraan secara berkesan, iaitu selepas turunnya kebenaran yntuk berperang, pada mulanya operasi ini dalam bentuk pergerakan ketenteraan yang lebih merupakan rondaan meninjau, tujuannya adalah seperti yang kita sebutkan itu, iaitulah meninjau dan mengenali jalan-jalan di sekitar Madinah dan laluan yang menghubungkan Makkah, seterusnya mengadakan perjanjian dengan kabilah-kabilah yang mendiami di sepanjang laluan itu, disamping memperlihatkan kepada golongan Musyrikin Madinah dan Yahudi serta Arab-Arab Badwi di sekelilingnya bahawa kaum muslimin gagah, setelah mereka melepaskan diri dari kelemahan-kelemahan mereka dahulu, seterusnya menyakinkan bangsa Quraisy buruk padahnya terhadap mana-mana tindakan melulu mereka, dan supaya mereka sedar dari kesesatan mereka, juga supaya pihak Quraisy dapat mengendurkan ancaman yang boleh menggugat ekonomi mereka, agar dengan itu mereka akan senang untuk menerima perdamaian dan tidak akan menceroboh negara Islam Madinah dengan sewenang-wenangnya, atau menghalang dakwah ke jalan Allah, atau menyiksa kaum muslimin yang dhaifyang masih berada di Makkah, sehingga umat Islam bebas untuk menyampaikan seruan Allah di mana-mana tempat di Semenanjung Tanah Arab.

Berikut ini ialah perihal Sariyah-Sariyah secara ringkas:

1. Sariyah Saif al-Bahr: Tanggal Rarnadhan tahun I pertama hijrah Baginda (s.a.w) telah mengirim Hamzah bin Abd al-Muttalib mengepalai satu-satu sariyah, beliau telah dikirim dengan tiga puluh orang pahlawan dari kalangan al-Muhajirin, bertujuan memintas kafilah perniagaan Quraisy yang tiba dari negeri Syam, bersama-sama kabilah ini ialah Abu Jahal bin Hisyam dengan tiga ratus orang. Setibanya mereka di Saif al-Bahr dari arah al-Ais, mereka terus bertemu dengan musuh, di mana masing-masing berbaris untuk memulakan peperangan, tetapi Majdi bin Amru al-Juhani, seorang tokoh yang bersekutu di kedua belah menyeru mereka supaya jangan berperang di situ. Beliau

berjaya menyekat mereka dari berperang. Panji peperangan yang diserah kepada Hamzah itu merupakan panji pertama berwarna putih pembawanya ialah Abu Mirthad Kunnaz bin Husain al-Ghanawi.

2. Sariyah Robigh: peristiwanya berlaku pada bulan Syawal tahun pertama Hijrah, bersamaan April 623 Masihi, Rasulullah mengutus Ubaidah bin al-Harith bin al-Mutalib dengan kekuatan enam puluh penunggang kuda terdiri dari golongan Muhajirin, di sana mereka bertemu dengan Abu Sufian dengan orang-orangnya seramai dua ratus di tengah-tengah Robigh mereka hanya saling panah-memanah, tiada kemalangan jiwa berlaku di mana-mana pihak.

Di dalam sariyah ini dua orang tentera Makkah itu telah melarikan diri dan menyertai tentera Islam, mereka berdua ialah al-Miqdad Ibn Amru al-Buhrani dan Utaibah bin Ghazawan al-Mazani, sebenarnya mereka berdua ini adalah Islam, mereka sengaja keluar bersama kaum kafirin sebagai jalan untuk sampai ke pangkuan kaum muslimin, panji Ubaidah berwarna putih, pembawanya ialah Mastah Ibn Uthathah bin al-Muttalib bin Abd Manaf.

3. Sariyah al-Kharrar, peristiwa ini terjadi pada Zulkaedah tahun pertama Hijrah bersamaan Mei 623 .Masihi, Baginda Rasulullah (s.a.w) mengutus Saad bin Abi Waqas dengan tenaga dua puluh penunggang, tugas mereka memintas Kafilah Quraisy, namun Rasulullah memesan sahabatnya supaya tidak melebihi sempadan al-Kharrar, mereka keluar dengan berjalan kaki bersembunyi di siang hari, bergerak di malam hari, hingga sampai ke al-Kharrar di pagi hari kelima, namun mereka mendapati Kafilah telah pun berlalu dari situ semalam. Panji Saad (r.a) berwarna putih pembawanya, ialah al- Miqdad bin Amru.

4. Gazwah al-Abwa' atau Widan, peristiwa ini berlaku di bulan Safar tahun kedua Hijrah bersamaan Ogos 623 Masihi, Rasulullah keluar sendiri dengan kekuatan tujuh puluh orang kesemuanya Muhajirin, setelah melantik Saad bin Ubbadah sebagai pengganti tugas di Madinah, Ghazwah ini bertujuan menyekat pergerakan Kabilah Quraisy, setibanya Baginda ke Wida didapati tiada sebarang tentangan pun.

Di dalam perjalanan Ghazwah ini Baginda mengambil kesempatan untuk memeteraikan perjanjian bersekutu dengan Amru bin Mukhsy al-Dhamari, beliau adalah ketua Banu Dhamrah di masa itu, di sini diperturunkan nas perjanjian tersebut:

"Ini adalah kitab perjanjian dari Muhammad Rasulullah kepada Banu Dhamrah sesungguhnya mereka adalah aman selamat dengan harta dan jiwa mereka, mereka diberi pertolongan buat melawan sesiapa yang melanggar mereka, kecuali bila mereka memerangi agama Allah, perjanjian ini berkuatkuasa selagi mana lautan boleh membasahi bulu-bulu, dan seslmgguhnya apabila Rasul menyeru mereka untuk menolong Baginda, mereka akan menyahut seruannya".

Inilah peperangan atau Ghazwah pertama yang dimulakannya oleh Rasulullah, yang telah memakan masa selama lima belas malam, panji berwarna putih dibawa oleh Hamzah Ibn Abd al-Muttalib.

5. Ghazwah Bawat, berlaku pada bulan Rabiulawal tahun kedua hijrah, besamaan September tahun 623 Masihi, Rasulullah keluar bersama dua ratus orang sahabatnya, bermaksud menghalangi kafilah Quraisy dengan kekuatan seratus orang semuanya Quraisy belaka termasuk Umaiyah bin Khalaf, membawa dua ribu lima ratus ekor unta, sesampainya Baginda ke Bawat dari arah Radhwa namun Baginda tidak bertemu dengan sebarang ancaman pun.

Rasulullah telah pun melantik Saad bin Muaz sebagai khalifah Baginda di Madinah, Panjinya berwarna putih dibawa oleh Saad bin Abi Waqas (r.a).

6. Ghazwah Safwan di bulan Rabiulawal tahun kedua hijrah, bersamaan bulan September tahun 623 Masihi Kurz bin Jabir al-Fihri dengan kekuatannya yang kecil dari kumpulan musyrikin telah menyerang ladang ternakan di Madinah dan telah berjaya melarikan sebahagian ternakan di situ. Rasulullah telah keluar bersama tujuh puluh orang sahabatnya memburu gerombolan penyamun sehingga sampai ke suatu lembah yang dikenali sebagai Safwan berdekatan dengan Badar, tetapi Rasulullah tidak sempat pun mengejar mereka, Baginda pulang tanpa sebarang peperangan, gerakan Rasulullah (s.a.w)

ini dikenali sebagai Badar al-Awal (Badar Pertama).

Di Madinah Rasulullah melantik Zaid bin Harith, sebagai khalifah melaksanakan urusan Baginda, di dalam peperangan tadi Rasulullah telah menyerahkan' panji berwarna putih kepada Saidina Ali (r.a).

7. Ghazwah zul-Asyirah: berlaku di antara bulan Jamadilawal dan Jamadilakhir bersamaan bulan November dan Disember tahun 623 Masihi, Rasulullah (s.a.w) keluar dengan kekuatan seramai seratus lima puluh orang, ada pendapat lain mengatakan dua ratus lima puluh orang, ada pendapat lain mengatakan dua ratus orang, mereka terdiri dari orang-orang Muhajirin, namun demikian Rasulullah tidak memaksa sesiapa pun, Baginda keluar bersama mereka dengan tunggangan hanya tiga puluh ekor unta sahaja menyebabkan mereka bergilir-gilir. Dengan tujuan kafilah Quraisy belayar menuju ke negeri Syam, berita lengkapnya datang dari Makkah, ceritanya: Bahawa di dalam kafilah ini banyak membawa harta-harta Quraisy, di ketika Baginda sampai ke Zi al-Asyrah didapati kafilah tadi telah berlepas beberapa hari, kafilah ini juga yang mendorong Rasulullah keluar sekali lagi semasa kepulangannya dari Syam berakhir dengan peperangan Badar al-Kubra.

Di dalam Ghazwah ini Rasulullah keluar pada penghujung Jamadilawal dan pulang pada permulaan bulan Jamadilakhir, berdasarkan apa yang diriwayatkan oleh Ibn Ishak, mungkin ini yang membawa ahli sirah berikhtilaf pendapat di dalam menentukan bulan berlakunya Ghazwah ini. Walau macam mana pun di dalam Ghazwah ini Rasulullah mengambil kesempatan memeterai perjanjian membasmi perseteruan dan perlanggaran dengan kabilah banu Mudlij dan sekutu-sekutu mereka dari keturunan Banu Dhamrah.

Semasa ketiadaan Rasulullah di Madinah Baginda telah' melantik Abu Salamah bin Abdul Asad sebagai khalifahnya, adapun pembawa panji ghazwah yang berwarna putih ini ialah Hamzah bin Abdul Mutalib (r.a).

8. Sariyah Nakhlah, tanggal bulan Rejab tahun kedua hijrah bersamaan Januari 623 Masihi Baginda telah menghantar Abdullah bin Jahsy al-Asadi ke Nakhlah dengan kekuatan dua belas orang yang terdiri dari

kaum Muhajirin, setiap dua orang bergilir-gilir mengetuai tunggangan mereka.

Sebelumnya Rasulullah telah pun membekalkan kepadanya selembar warqah, di mana Baginda meminta supaya beliau tidak membukanya kecuali setelah melalui perjalanan dua hari, beliau pun mematuhi perintah Rasulullah itu, setelah dua hari perjalanan, beliau pun membaca warqah Rasulullah itu yang berbunyi:

"Setelah mana kau membaca suratku ini teruskan perjalananmu sehingga tiba ke tempat bernama Nakhlah yang terletak di antara Makkah dan al-Taaif, kemudian kau cuba halangkan pergerakan Kafilah Quraisy dan mengumpul maklumat mengenainya "

Jawab beliau di dalam benaknya: Daku mendengar dan mematuhinya. Kemudian beliau memaklumkannya kepada semua sahabatnya mengenai perintah Rasulullah ini, di mana beliau tidak pun memaksa mereka, malah tegas beliau bahawa sesiapa yang cintakan mati syahid segeralah bertindak dan sesiapa takutkan kematian dia boleh pulang. Adapun daku akan segera ke sana, dengan itu mereka semua terus bangun dan bergerak dengan takdir Allah, Saad bin Abi Waqqas dan Utbah bin Ghuzwan di mana dua unta mereka berdua telah tersesat jalan menyebabkan mereka terpaksa mencarinya hingga membawa mereka tertinggal kumpulan.

Abdullah bin Jahsy pun bergerak hingga sampai ke Nakhlah, seketika Kafilah Quraisy yang sarat dengan muatan kismis, makanan dan barang-barang perniagaan lain berlalu di situ, bersama-sama dengan Kafilah tadi ialah Amru bin al-Hadhrami, al-Hakam bin Kaisan orang suruhan Banu al-Mughirah, Uthman bin Abdullah bin al-Mughirah dan saudaranya Naufal. Pasukan Islam bermesyuarat sesama mereka, di antara mereka berkata: Kita ini di hari terakhir bulan Rejab, bulan haram, kalau kita biarkan mereka malam ini mereka sempat memasuki tanah haram, akhir sekali mereka bersetuju menyerang dengan itu salah seorang dari mereka memanah Amru bin al-Hadharami dan jatuh mati, manakala Uthman dan al-Hakam ditawan, sedang Naufal sempat melarikan diri, barangan bersama Kafilah tadi dan dua orang tawanan

dibawa ke Madinah, dari rampasan tadi lima darinya dikeluarkan, dan inilah seperlima yang mula-mula dikeluarkan kepada pejuang Islam, juga mangsa pertama terbunuh di dalam peperangan Islam dan dua tawanan perang pertama berlaku di dalam Islam. Rasulullah menolak tindakan mereka itu dengan katanya: Aku tidak pun menyuruh berperang di bulan haram ini, dengan itu Baginda bertawakkuf (menangguh) sebarang tindakan terhadap Kafilah rampasan dan dua orang tawanan.

Kini kaum musyirikin mempergunakan kesempatan ini dengan mentohmahkan mereka sebagai menghalalkan yang telah diharamkan oleh Allah itu, maka timbullah desas desus di sana sini, namun tohmah ini telah diselesaikan dengan terturunnya firman Allah yang membuktikan bahawa tindakan kaum musyrikin itu lebih parah lagi dari apa yang dilakukan oleh kaum muslimin.

"Mereka bertanyakan kau, tentang bulan haram bagaimanakah peperangan di dalamnya, katakanlah: Berperang di bulan itu besar dosanya, tetapi menghalang jalan Allah, kufur kepada Allah, melarang memasuki masjid al-Haram dan mengusir penduduknya dan dalamnya lebih besar dosanya di sisi Allah, fitnah itu lebih besar dosanya dari pembunuhan "

(al-Baqarah: 217)

Wahyu ini jelas menyatakan bahawa kegawatan yang ditimbul-timbulkan oleh kaum musyrikin itu dalam rangka menimbulkan keraguan tentang tindakan tentera Islam yang memulakan peperangan dan serangan itu, sebenarnya tidak betui, kerana kesucian bumi al-Haram Kaabah sudah dinodai dengan peperangan mereka terhadap Islam, penyeksaan terhadap tindakannya, tidakkah kaum muslimin merupakan penduduknya yang telah bermastautin di bumi al-Haram yang muqaddas itu kemudian dirampas harta mereka, diperangi nabi mereka? Apakah yang telah mengembalikan kesuciannya itu secara mendadak, hingga dianggap peperangan di dalam itu satu pencerobohan dan pencemaran yang dahsyat? Tidak syak lagi dakyah yang diheboh-hebohkan oleh kaum musyrikin semata-mata didasarkan

kepada niat jahat dan publisiti yang durjana. Selepas itu Baginda pun membebaskan tawanan tadi dan membayar diat (harga darah) kepada keluarga mereka yang terbunuh.

PEPERANGAN BADAR AL-KUBRA:
SALAH SAIU PEPERANGAN AWAL PENENTU DALAM ISLAM

Faktor Pendorong:

Setelah kita sebutkan mengenai Ghazwah al-Asyirah di mana Kabilah Quraisy dapat melepaskan diri dari sekatan Rasulullah, semasa pemergiannya dari Makkah ke negeri al-Syam, bila hampir masa kepulangannya dari sana ke Makkah, Rasulullah telah mengutus Talhah bin Abdullah dan Said bin Zaid ke sebelah utara, bertugas mengintip dan memperolehi maklumat terperinci mengenai hal tersebut, mereka bergerak hingga ke daerah al-Hawra', mereka di sana hinggalah Abu Sufian dan Kafilahnya berlalu, mereka pun segera pulang ke Madinah melaporkan perkembangan kepada Rasulullah.

Kafilah Abu Sufian itu sarat dengan harta dan barangan penduduk Makkah, terdiri dari seribu ekor unta penuh dengan muatan dan harta benda, dianggarkan tidak kurang dari lima puluh ribu dinar emas, pengawal hanya empat puluh orang sahaja. Inilah peluang keemasan yang harus diambil kesempatan untuk tentera Madinah, dan pukulan tepat pada sasaran ketenteraan, politik dan ekonomi terhadap musyrikin sekiranya semua harta ini dapat dirampas dari tangan mereka. Dengan itu Rasulullah mengisytiharkan kepada kaum muslimin dengan sabdanya yang bermaksud: "Ini dia kafilah Quraisy yang penuh dengan harta mereka, ayuh keluarlah kamu semoga Allah menjadikannya sebagai harta rampasan untuk kamu."

Baginda tidak menggesa sesiapa pun untuk keluar. Baginda hanya membiarkan perkara ini terbuka secara mutlak, kerana Baginda tidak pula menyangka akan bertarung dengan tentera Makkah, sehebat apa yang terjadi di medan Badar itu. Justeru itu, maka sebahagian besar

dari sahabat berada di Makkah, dan mereka mengira Rasulullah keluar itu tidak lebih dari Sariyah-Sariyah yang lepas, maka sebab itulah Rasulullah tidak membantah terhadap mereka yang tidak turut bersama.

KADAR KEKUATAN TENTERA ISLAM DAN PENGAGIHAN PIMPINAN

Kini Rasulullah dalam keadaan bersedia untuk keluar bersama-sama dengan tiga ratus tiga belas orang (313 atau 314 atau 317 orang) 82 Muhajirin (83 atau 86 orang) al-Aws seramai 61 orang dan 170 orang al-Khazraj, mereka tidaklah begitu bersiap sangat dan tidaklah membawa peralatan yang selengkapnya, tunggangan mereka hanya dua ekor kuda, kuda al-Zubair bin al-Awwam dan kuda al-Miqdad bin al-Aswad al-Kindi, manakala unta bersama mereka hanya tujuh puluh ekor yang ditunggang secara bergilir untuk dua atau tiga orang, Rasulullah bergilir dengan Ali dan Mirthad bin Abi Mirthad al-Ghanawi dengan seekor unta.

Rasulullah melantik Ibnu Ummi Maktum sebagai khalifahnya untuk mengendali urusan Madinah dan solat. Tetapi setibanya Rasulullah di "al-Rawha" Rasulullah menghantar balik Abu Lubabah bin al-Munzir untuk mengendalikan urusan pentadbiran Madinah.

Panji pimpinan berwarna putih diserahkan kepada Mus'ab bin Umair al-Qurasyi al-Abdari, Baginda membahagikan tentera kepada dua katibah (pasukan):

1. Katibah orang Muhajirin benderanya diberi kepada Ali bin Abi Talib.
2. Katibah al-Ansar, benderanya diberikan kepada Sa'd bin Muaz.

Sayap kanan diletakkan di bawah pimpinan al-Zubair bin al-Awwam, sayap kiri pula di bawah pimpinan al-Miqdad bin Umar, kedua-dua mereka ini adalah tentera berkuda di dalam tentera Islam ini. Pemimpin barisan belakang ialah Quis bin Abi Sa'saah, pimpinan tertinggi masih disandang oleh Baginda sebagai terus agong pimpinan tentera Islam.

TENTERA ISLAM BERGERAK KE ARAH BADAR

Rasulullah bergerak dengan tenteranya yang tidak bersiap-sedia untuk berperang, sehingga keluarlah dari kawasan al-Madinah, dan terus berjalan hingga ke jalan utama ke Makkah, hingga sampai ke daerah al-Rawha, beberapa ketika setelah Baginda melintasi al-Rawha Baginda tinggalkan jalan ke Makkah di sebelah kiri dan menyusur ke arah kanan melalui al-Naziyah, ertinya Baginda bertala (menuju) ke Badar di situ Baginda mengambil jalan ke Badar, darinya Baginda sampai ke lembah Jaza' yang dikenali sebagai Rahqan, yang kira-kira terletak di antara al-Naziyah dan segenting al-Safra', Baginda melintasi segenting al-Safra' itu, dari situ Baginda menjunam hingga sampai ke al-Safra' dan darinya Baginda mengutus Basis Ibnu Umar al-Juhani dan Adi bin Abi al-Zaghba' ke Badar untuk mengumpul maklumat mengenai Kafilah Quraisy.

PEMBERITAHUAN KEPADA PENDUDUK DI MAKKAH

Pengedalian kafilah Quraisy ini sebenarnya di bawah tanggungjawab Abu Sufian sepenuhnya, di mana beliau begitu berjaga dan amat berwaspada kerana beliau menyakini jalan ke Makkah itu amat merbahaya, oleh yang demikian beliau sentiasa menghantar pengintip-pengintip untuk memperolehi maklumat, selain dari itu beliau selalu bertanya setiap musafir atau tunggangan yang beliau temui di sepanjang perjalanannya itu. Tidak berapa lama kemudian beliau memperolehi maklumat dari risikannya bahawa Muhammad s.a.w telah pun mengerah tenaga sahabatnya untuk menawan kafilahnya, dengan segera Abu Sufian mengupah Dhamdham bin Amru al-Ghifari ke Makkah, di sana Dhamdham melaung dan meminta bantuan kepada pihak Quraisy untuk menghantar gerakan penyelamat kafilah mereka buat menghalang Muhammad s.a.w dan sahabatnya daripada bertindak terhadap harta mereka itu begitulah tindakan Dhamdham kepada Quraisy dari atas belakang untanya, setelah memotong hidung untanya seterusnya beliau mengoyak bajunya untuk dikibar-kibarkan kepada

Quraisy sambil berteriak: Kalian Quraisy, celaka dan celaka harta kamu bersama Abu Sufian itu, telah dihalang oleh Muhammad s.a.w dan sahabat-sahabatnya, aku tak nampak kamu berkesempatan dengannya, tolong tolonglah !!!

PENDUDUK MAKKAH BERSEDIA UNTUK BERPERANG

Semua orang di Makkah bersiap dan bergerak dengan pantas dan mereka berkata: Apakah Muhammad ingat kafilah kita itu seperti kafilah Ibnu al-Hadhrami? Dengan mudah boleh direbut dari tangan kita? Tidak!! Demi Allah biar dia tahu bukan semudah itu dia boleh bertindak. Pihak Quraisy bertindak samada keluar sendiri atau menghantar penggantinya, untuk keluar mereka telah mengerah tenaga habis-habisan, tidak seseorang pun dari pemuka mereka mengecualikan diri selain dari Abu Lahab, namun beliau tetap menghantar pengantinya yang telah berhutang dengannya. Selain dari itu, mereka juga mengerakkan kabilah-kabilah Arab di sekeliling Makkah, semua puak turut keluar kecuali Banu Adi sahaja, di mana tidak seorang pun dari mereka yang turut serta.

KEKUATAN TENTERA MAKKAH

Kekuatan tentera Makkah terdiri dari seribu tiga ratus (1,300) askar pada permulaan, dengan seratus ekor kuda, enam ratus perisai, manakala unta terlalu banyak bilangan yang tidak dapat dipastikan anggaran dengan terperinci. Pemimpin agung mereka ialah Abu Jahal bin Hisyam, makanan dibekal oleh sembilan orang kenamaan Quraisy, mereka menyembelih kadangkala sembilan atau sepuluh ekor unta sehari.

PERSOALAN KABILAH-KABILAH BANU BAKR

Semasa tentera Makkah mula bergerak, Quraisy teringat permusuhan dengan kabilah-kabilah Banu Bakr, mereka takut kabilah ini akan menikam mereka dari belakang, jadi mereka akan tersepit di antara dua

musuh, hampir-hampir permasalahan ini melemah dan menggagalkan usaha mereka, tetapi iblis telah menjelma dalam rupa paras Suraqah bin Malik Ibnu Ja'syam al-Mudlaji, ketua Kabilah Banu Kinanah, dengan menyeru kepada mereka kalian: Aku adalah penjamin kepada kamu di mana Kinanah tidak akan menyerang dari belakang kamu, suatu hal yang kamu tidak senang dengannya.

TENTERA MAKKAH BERGERAK

Setelah itu mereka pun bergerak keluar dari Makkah, sebagaimana yang disifatkan oleh Allah yang bermaksud:

"Dengan penuh lagak sombong menunjuk-nunjuk kepada orang ramai, serta mereka menghalangi manusia dari jalan Allah. "

(al-Anfal: 47)

Dan mereka mara ke hadapan sebagaimana yang digambarkan oleh Rasulullah dengan hadis yang bermaksud:

"Mereka mencabar Allah dan RasulNya dengan segala tenaga dan kekuatan persenjataan mereka."

Menepati firman Allah yang bermaksud:

"Dan bergeraklah mereka pada pagi itu, penuh kepercayaan yang mereka akan berkuasa, bagi menghalang kaum miskin".

(al-Qalam: 25)

Langkah-langkah mereka penuh ta'sub, hasad dengki, dendam kesumat dan iri hati ke atas Rasulullah dan sahabat-sahabatnya, lantaran para sahabat ini berani mengancam kabilah mereka. Mereka bergerak secepat kilat ke arah utara menuju "Badar", dengan melalui "Wadi Asafan", ke Qadid kemudian ke Juhfah, di sana mereka telah menerima berita baru dari Abu Sufian yang menyebut: Sebenarnya kamu keluar ini untuk menyelamatkan kabilah kamu, orang-orang kamu dan harta kamu, tetapi kini kita telah diselamatkan Thhan jadi kalian bolehlah pulang.

KABILAH DAPAT MELEPASKAN DIRI

Kisah Abu Sufian dan Kabilah yang melalui jalan utara itu adalah amat berjaga-jaga dan waspada, beliau menambah lagi gerakan merisik, sebaik sahaja mereka menghampiri "Badar" beliau mara ke hadapan mendahului kabilah, di situ beliau menemui Majdi bin Amur, Abu Sufian bertanyakan beliau mengenai tentera al-Madinah, jawab Majdi: "Aku tidak melihat seorang pun dari mereka yang diragui, cuma tadi ada dua orang penunggang telah berhenti di bukit itu, setelah minum air bekalan, mereka pun beredar dari situ", Abu Sufian pun segera ke tempat dua penunggang berehat tadi, beliau mengambil najis unta tunggangan dua orang penunggang yang singgah di situ, kemudian beliau memecahkan najis dan memeriksanya. Tiba-tiba beliau mendapati najis itu mengandungi bijian, maka kata beliau: "Demi Allah ini adalah makanan binatang dari Yathrib, segera beliau kembali ke kabilahnya, dengan itu beliau memalingkan pergerakan kabilahnya ke arah pantai sebelah barat, meninggalkan jalan utara ke Badar yang di sebelah kiri. Dengan itu kabilahnya terselamat dari terjatuh ke tangan tentera al-Madinah, sebab itulah maka beliau mengutus surat kepada angkatan tentera Makkah, yang mana mereka menerima suratnya itu semasa tentera Makkah telah berada di al-Juhfah.

TENTERA MAKKAH BERCADANG UNTUK BERPATAH BALIK DAN KERETAKAN DALAM BARISAN KEPIMPINAN MAKKAH

Setelah tentera Makkah sedang berada di Juhfah menerima perutusan dari Abu Sufian, mereka pun bercadang untuk kembali semula ke Makkah, tetapi pemimpin taghut Quraisy Abu Jahal yang sombong, bongkak dan takbur bangun menyeru: "Demi Allah kita tidak akan pulang kecuali setelah kita sampai ke Badar, di sana kita akan berkhemah tiga malam, kita sembelih sembelihan, kita makan sepuas-puasnya, minum khamar, dan kita berhibur dengan artis-artis penyanyi, sehingga dengan itu kita akan di dengar oleh bangsa Arab tentang pergerakan dan perhimpunan kita, seterusnya mereka akan gerun dengan sikap kita itu untuk selama-lamanya".

Bercanggah dengan Abu Jahal, al-Akhnas bin Syuraiq telah mengeluar

pendapat dan bantahan untuk pulang ke Makkah, namun mereka tidak bersetuju dengannya, untuk demikian beliau menarik diri untuk pulang bersama-sama kabilahnya Banu Zuhrah, al-Akhnas merupakan sekutu Quraisy dan ketua Kabilah Banu Zuhrah di dalam gerakan ketenteraan ini, lantaran itu tiada seorang pun dari Banu Zuhrah yang menyertai peperangan Badar, kekuatan mereka lebih kurang tiga ratus (300) orang, Banu Zuhrah amat gembira dan berpuas hati dengan pendapat al-Akhnas bin Syuraiq itu, hingga dengannya beliau menjadi tokoh pemimpin pilihanny a yang didengari, ditaati dan dih'ormati.

Banu Hasyim pun hendak pulang juga, tetapi Abu Jahal berkeras dengan mereka, katanya: "Kamu tidak boleh bercerai dengan kami, ikut kami hingga kami pulang". Dengan itu tentera Makkah pun rnara ke hadapan dengan kekuatan tentera seramai seribu orang askar, selepas penarikan diri oleh Banu Zuhrah, menuju Badar, angkatan Makkah bergerak hingga sampai hampir ke Badar, di sebalik guar (tanah tinggi) di lembah "al-Udwah al-Qaswa" bersempadan dengan lembah Badar.

PENDIRIAN TENTERA ISLAM YANG KRITIKAL

Risikan tentera Madinah melaporkan kepada Rasulullah s.a.w yang pada ketika itu masih lagi berada di "Wadi Zufran" mengenai kabilah dan angkatan tentera Makkah, hasil analisa dan perkiraan bahawa pasti sudah tidak dapat dielak lagi pertumpahan darah. Di dalam suasana ini sudah tidak dapat tidak, harus mara ke hadapan dan semestinya tidak boleh berundur, kemaraan harus pula didasarkan kepada keberanian, kecekalan, keperwiraan dan ketegasan, tidak syak lagi kalaulah dibiarkan tentera Makkah bermaharajalela di daerah ini, ianya akan menjadi alasan dan dorongan kepada Quraisy untuk terus berkuasa, malah akan merupakan penerusan kepada kuasa politiknya, di masa yang sama akan melemahkan kredebeliti umat Islam dan kuasanya, malah mungkin akan mengakibatkan gerakan Islam akan tinggal badan tanpa roh dan kekuatan, akan memberi laluan seluas-luasnya kepada segala jenis kejahatan dan hasad kesumat untuk berbuat apa sahaja terhadap Islam.

Selepas kesemuanya itu, siapakah yang akan menjamin keselamatan umat Islam, kiranya pihak Quraisy dan tentera Makkah mara ke Madinah siapa yang akan menghalangnya, pertempuran mungkin akan berpindah ke pintu masuk Madinah, kemudian mereka akan mara hingga ke tengah-tengah Madinah sendiri, tidak sama sekali, kalau diandaikan berlakunya ketewasan kepada tentera Madinah sudah pasti satu kesan buruk akan menimpa kehebatan kaum muslimin dan maruah mereka.

MAJLIS PERMESYUARATAN

Memandangkan kepada perkembangan mengejut dan berbahaya ini, maka Rasulullah s.a.w pun mengadakan permesyuaratan majlis tertinggi tentera, di mana Rasulullah melaporkan kedudukan terkini, di dalam sidang ini masing-masing mengemukakan pendapat dan pandangan, lapisan awam dan pemimpin tentera semua turut memberi sumbangan dan pendapat masing-masing, di saat ini terdapat sesetengah hati bergoncang dan ketakutan untuk menghadapi pertumpahan darah ini, mereka inilah yang disebut Allah di dalam firmanNya yang bermaksud:

"Sebagaimana Tuhanmu mengeluarkan mu dari rumahmu dengan kebenaran jua, sedang sebahagian dari orang-orang yang beriman itu tidak setuju. Mereka membantahmu tentang kebenaran berjihad setelah nyata, seolah-olah mereka dihalau kepada kematian yang sedang'mereka lihat".

(al-Anfal: 5-6)

Bagi pihak pemimpin tentera, Abu Bakar al-Siddiq sendiri berucap dan menegaskan sesuatu yang amat baik, kemudian Umar bin al-Khattab pun berucap dan menegaskan segalanya adalah amat baik, disusuli dengan al-Miqdad bin Amru yang menegaskan: "Wahai Rasulullah teruskanlah sebagaimana yang Allah perlihatkan kepada tuan hamba, sesungguhnya kami tetap bersama-sama tuan, demi Allah kami tidak akan berkata kepada tuan, seperti Banu Israil berkata kepada Musa: "Pergilah dikau bersama Tuhan kau, dan berperanglah kamu berdua

kami akan tunggu di sini". Tetapi kami akan berkata: "Ayuh maralah dikau bersama Tuhan kau dan berperanglah, sesungguhnya kami bersama kamu untuk berperang, demi Dia Tuhan yang telah mengutuskan dikau dengan kebenaran, seandainya kau membawa kami ke "Birak al-Ghimad" nescaya kami bertempur bersama tuan tanpa menghiraukan apa pun, sehinggalah kita sampai ke sana". Rasulullah membalas kepadanya dengan baik di samping berdoa untuk beliau.

Tiga tokoh tadi adalah dari pimpinan Muhajirin, mereka merupakan majoriti di dalam tentera Islam, seterusnya Rasulullah ingin mengetahui pendapat pemimpin Ansar pula, kerana mereka merupakan majoriti terbesar kekuatan tentera Islam, lagi pun kekuatan tempor terletak pada golongan Ansar, tambahan pula nas Baiah al-Aqabah tidak menuntut supaya mereka berperang di luar kampung halaman mereka, setelah mendengar ucapan tiga pemimpin tadi Baginda masih menyebut: Wahai kalian berilah pandangan kamu, lafaz Rasulullah itu dituju kepada al-Ansar, pemimpin al-Ansar dan pembawa panji, Sa'd bin Muaz segera menangkapi maksud Rasulullah itu dan terus beliau berkata: "Demi Allah, bagaikan tuan hamba memaksudkan kami"? Jawab Rasulullah: "Bahkan".

Sa'd terus dengan ucapannya: "Sebenarnya kami telah pun beriman dengan dikau ya Rasulullah, kami membenarkan dikau, kami bersaksi bahawa apa yang kau bawa itu adalah benar, telahpun kami beri janji-janji dan kepercayaan kami untuk mendengar dan mentaati, ayuh teruskan wahai Rasulullah untuk mencapai sesuatu yang dikau kehendaki, demi Tuhan yang mengutuskan tuan hamba dengan kebenaran, seandainya tuan hamba membawa kami mengharungi lautan nescaya kami harungi, tak seorang pun akan berkecuali, kami bersenang hati dikau membawa kami untuk menemui seteru pada esok hari, kami ini jenis bersabar dan bertahan di dalam peperangan, penuh kepercayaan untuk bertarung dan berhadapan dengan musuh, semoga Allah memperlihatkan sesuatu yang menyenangkan mata melihat, ayuh bawalah kami ke hadapan penuh keberkatan dari Allah"

Di dalam riwayat yang lain menyebut, Sa'd bin Muaz berkata kepada

Rasulullah: "Boleh jadi tuan hamba merasakan bahawa pihak Ansar berpendapat sokongannya kepada tuan hamba hanya di perkarangan kampung mereka sahaja, di sini hamba menegaskan bagi pihak Ansar dan menjawab bagi pihak mereka: Ayuh bergeraklah ke mana sahaja, hubungilah siapa yang tuan hamba suka, putuskanlah hubungan dengan sesiapa yang tuan hamba suka, ambillah harta kami sesuka tuan hamba, tinggalkanlah kadar mana harta harta itu kepada kami sesuka hati tuan hamba, sesuatu yang tuan ambil dari kami itu adalah paling kami senangi lebih dari apa yang tuan tinggalkan, sesuatu yang tuan perintahkan itu, maka urusan kami adalah ikutan kepada suruhan tuan itu, demi Allah sekiranya tuan membawa kami untuk sampai di Birak al-Ghimad nescaya kami turuti. Dan Demi Allah seandainya tuan hamba membawa kami mengharungi lautan nescaya kami harungi".

Rasulullah terharu dengan kata-kata Sa'd itu dan terasa segar dan bertenaga, kemudian Rasulullah bersabda yang bermaksud:

"Ayuh bergeraklah dan bergembiralah dengan berita baik, kerana sesungguhnya Allah telah menjanjikan daku salah satu dari dua kelompok itu, demi Allah sekarang bagaikan daku sedang menyaksi kemusnahan kaum musyrikin ".

TENTERA ISLAM MENERUSKAN PERJALANANNYA

Setelah itu Rasulullah pun berpindah dari Zufran melalui lurah-lurah yang dikenali sebagai al-Asafir, kemudian Baginda turun ke kampung dikenali sebagai "al-Diah" menyusur ke bawah meninggalkan "al-Hanan" ke sebelah kanan yang merupakan gua seakan-akan bukit dan darinya Baginda menuju ke tempat berhampiran "Badar".

RASULULLAH MENGGERAK OPERASI PERISIKAN

Rasulullah s.a.w telah bertindak sendiri bersama temannya yang pernah bersama-sama di dalam gua Hira' iaitu Abu Bakar al-Siddiq, untuk bersiar-siar di sekitar khemah tentera Makkah, tiba-tiba mereka bertemu dengan seorang syeikh al-Arab, Rasulullah s.a.w pun segera

bertanya kepada beliau mengenai Quraisy dan Muhammad dengan sahabat-sahabatnya. Baginda bertanya mengenai kedua tentera itu dengan tujuan merahsiakan diri Baginda, tetapi jawab syeikh al-Arab itu: "Aku tidak akan ceritakan kepada kamu berdua kecuali setelah kamu memberitahu daku siapa kamu berdua ini"? Jawab Rasulullah s.a.w: "Sekiranya saudara memberitahu akan kami beritahu". Kata syeikh al-Arab: "Ayuh begitu caranya", jawab Rasulullah s.a.w: "Memanglah itu caranya".

Kata syeikh al-Arab: "Cerita yang ku dengar bahawa Muhammad dan sahabat-sahabatnya telah keluar pada hari sekian, sekian, sekiranya benar cerita itu mereka sekarang ini berada di tempat sekian, sekian iaitu tempat tentera al-Madinah sedang berkhemah manakala Quraisy pula telah keluar pada hari sekian, sekian, dan kalau benar ceritanya itu maka mereka di hari ini berada di tempat sekian, sekian iaitu tempat tentera Makkah sedang berkhemah".

Setelah beliau selesai menceritakan beliau bertanya: "Dan siapa kamu berdua ini"? Jawab Rasulullah: "Kami ini dari "Ma"" dengan itu Rasulullah terus beredar, syeikh tadi kehairanan memikirkan apa dari "Ma" itu apakah dari "Ma" al-Iraq? (atau "Ma" yang bererti air).

MEMPEROLEHI MAKLUMAT TERPENTING MENGENAI TENTERA MAKKAH

Di petang hari yang sama Baginda mengutus lagi risikan-risikannya, semua untuk memungut lagi maklumat seteru, tugas ini dipertanggungjawabkan kepada tiga pemimpin Muhajirin, Ali bin Abi Talib, al-Zubair bin al-Awwam dan Sa'd bin Abi Waqqas bersama beberapa orang sahabatnya yang lain, mereka sampai ke telaga "Badar", Di sana mereka terserempak dengan dua orang suruhan Quraisy mengambil air untuk tentera Makkah, mereka memberkas dua orang pengambil air dan dibawa ke hadapan Rasulullah, sedang di masa itu Rasulullah tengah bersembahyang, kalian yang ada di situ memeriksa mereka berdua dan berkata: "Kami pengambil air untuk tentera Quraisy mereka mengantar kami untuk mengangkut air untuk

mereka" namun orang Islam tidak bersenang hati, kerana mereka mengharapkan mereka berdua itu orang suruhan Abu Sufian (kerana mereka masih berhasrat untuk menawan kabilah Quraisy) mereka membelasah kedua-dua orang suruhan itu dengan parahnya, hingga mereka berdua terpaksa mengaku: "Ya kami ini orang Abu Sufian, dengan itu dua orang itu ditinggalkan.

Setelah selesai bersembahyang, Rasulullah berkata kepada mereka sebagai memarahi tindakan mereka itu. Ayuh bila mereka bercakap benar kamu belasah mereka, tetapi bila mereka mendustakan kamu, kamu biarkan mereka pula, mereka berdua ini memang bercakap benar, sebenarnya mereka berdua ini adalah orang suruhan tentera Makkah.

Selepas itu Rasulullah s.a.w bertanya dua orang suruhan yang diberkas, katanya: "Ceritakan kepada ku perihal Quraisy", jawab mereka: "Mereka berada di sebalik bukit pasir itu yang kamu nampak dekat "al-Udwah al-Qaswa". Tanya Baginda lagi: "Berapa ramai tentera Quraisy itu". Jawab mereka: "Memang banyak". Tanya Baginda, "Berapa bilangannya?" Jawab mereka : "Kami tak dapat mengetahuinya". Kata Rasulullah s.a.w: "Berapa ekor sembelihan mereka sembelih setiap hari?" Jawab mereka berdua: "Sehari sembilan dan sehari sepuluh". Kata Rasulullah: "Jadi mereka itu di antara sembilan ratus dan seribu, tanya Baginda lagi: "Siapa di antara mereka orang-orang kenamaan?" Jawab mereka berdua: "Utbah bin Rabiah dan saudaranya Syaibah, Abu al-Bukhturi, Ibnu Hisyam, Hakim bin Hizam, Naufal bin Khuwnilid, al-Harith bin Amir, Tu'aimah bin Adi, al-Nadhr bin al-Harith, Zamaah bin al-Aswad, Abu Jahal bin Hisyam dan Umaiyah bin Khalaf," mereka adalah di antara tokoh Quraisy yang sempat disebut oleh dua orang suruhan Quraisy. Rasulullah berdiri di hadapan kaum muslimin dan berkata: Itu dia Makkah yang telah datang kelmarin dengan anak-anak kesayangan dan buah hatinya.

HUJAN TURUN

Di malam itu Allah s.w.t menurunkan hujan di tempat kaum musyrikin. Hujan turun dengan lebat melumpuhkan kemaraan mereka, sedang di

tempat kaum muslimin pula hujan renyai-renyai membasahi dan membersihkan badan mereka, mensucikan diri mereka dari noda syaitan, menetapkan bumi tempat mereka bergerak, mengejapkan pasir, mengukuhkan tapak kaki mereka, mengemaskan kedudukan strategi mereka dan menambatkan hati-hati mereka.

TENTERA ISLAM MENDAHULUI KE TEMPAT PERTEMPURAN YANG STRATEGIK

Rasulullah mengerakkan tenteranya untuk mendahului kaum musyrikin ke perigi Badar, dan menghalang mereka dari menawan perairan berkenaan, Baginda mengambil tempat di malam itu di kawasan terdekat kepada perairan Badar itu. Di masa itu al-Habab bin al-Munzir selaku pakar ketenteraan, bertanya kepada Rasulullah, "apakah kawasan yang kita bertempat sekarang ini suatu yang sudah ditunjukkan oleh Allah hingga tidak boleh kita maju atau ke belakang selangkah pun? Atau apakah ianya sebagai pemilihan strategi dan taktik?" Jawab Rasulullah: "lanya adalah strategi dan taktik semata-mata?" Kata al-Habab: "Kalau demikian ya Rasulullah, lanya bukan tempat yang sesuai, tuan hamba boleh berpindah bersama sekalian tentera ke perairan kaum musyrikin, kita timbuskan dan musnahkan kolah yang di tepiannya dan kita bina pula takungan, kemudian dipenuhkan dengan air hingga dengan itu semasa bertempor nanti kita akan minum manakala kaum musyrikin dalam kekeringan dan kehausan", kata Rasulullah (s.a.w): "Kau telah memberi pendapat yang baik".

Rasulullah pun segera bangun dan bergerak dari situ dengan seluruh tentera hingga sampai ke perairan yang terdekat kepada musuh, di tengah malam mereka menimbus kolam-kolam air dan membina takungan khusus untuk tentera Islam, yang lain habis ditimbus.

MARKAS PIMPINAN

Sebaik sahaja kaum muslimin selesai bertempat di sebelah perairan Badar, Sa'd bin Muaz pun mencadangkan kepada Rasulullah s.a.w

supaya tentera Islam membina satu tempat khusus bagi markas arahan dari Baginda, sebagai persiapan untuk menghadapi kecemasan, andainya kekalahan sebelum memperolehi kemenangan dengan kata beliau: "Wahai Nabi Allah bagaimana kami akan membina perteduhan untuk tuan hamba, padanya kita tempatkan tunggangan Rasulullah dan kami akan mara ke hadapan menemui seteru, sekiranya dengan bantuan sokongan Allah kita menang maka itulah yang kita harap-harapkan, tetapi jika takdir kita tidak berjaya, maka Rasulullah boleh menggunakan tunggangan yang sedang menunggu di mana Rasulullah boleh bersama tentera kita yang berada di saf belakang, dan musuh tidak sempat mengejar Rasulullah. Sekiranya kaum muslimin mendapat Rasulullah bersama mereka, mereka tidak akan mundur dari tuan hamba malah mereka akan mempertahankan Rasulullah atau berbincang dan berjihad bersama tuan hamba"

Rasulullah menghargai pendapat Muaz itu dengan baik, sambil berdoa untuknya, tentera Islam pun segera membina perteduhan di suatu tempat yang tanahnya tinggi di sebelah tenggara medan peperangan berhadapan dengan arena pertempuran. Seterusnya telah dipilih sebilangan pemuda Ansar di bawah pimpinan Sa'd bin Muaz untuk mengawal Rasulullah di perteduhan itu.

MOBILISASI TENTERA DAN SEMBAHYANG MALAM

Rasulullah memobilisasikan tenteranya, dan Rasulullah berjalan ke arena pertempuran, sambil menunjuk dengan tangannya dan bersabda: "Ini tempat kematian si pulan besok Insyaallah, di malam itu Rasulullah menghabiskan masanya dengan bersembahyang kepada Allah di tepi sepohon kayu sedang kaum muslimin dapat tidur dengan tenang menanti esok yang cerah, hati mereka mekar dengan keyakinan, di malam itu mereka berehat secukupnya, mengharapkan di besok hari akan menyaksi dengan mata kepala mereka janji-janji Tuhan mereka:

"Ingatlah ketika kamu dilitupi oleh perasaan mengantuk sebagai satu pemberian aman daripadaNya dan ingatlah ketika la menurunkan kepada kamu hujan dari langit untuk menyucikan kamu dengannya dan

menghapuskan dari kamu gangguan dari syaitan dan juga untuk menguatkan hati kamu dan menetapkan dengannya tapak pendirian kamu ".

(al-Anfaal: 11)

Malam berkenaan adalah malam Jumaat 17 Ramadhan tahun kedua hijrah Rasulullah mula keluar pada 8 haribulan atau 2 haribulan di bulan yang sama.

TENTERA MAKKAH DI MEDAN PEPERANGAN DAN PERPECAHAN DI KALANGAN MEREKA

Manakala Quraisy pula di malam itu berkhemah di al-Udwah al-Qaswa, bila pagi menjelang Quraisy pun berhadapan dengan Katibahnya serta membawa mereka turun dari bukit pasir itu menuju ke lembah Badar, beberapa orang dari mereka menuju ke takungan air Rasulullah, kata Baginda: "Biarkan mereka datang, sesiapa sahaja yang meminum darinya kita bunuh, kecuali Hakim bin Hizam", beliau tidak dibunuh malah selepas beberapa ketika beliau memeluk Islam dan menjadi baik, sehingga kalau beliau hendak bersumpah semasa dalam Islam, beliau akan menyebut: "Tidak, demi Tuhan yang menyelamatkan daku di hari Badar". Setelah pihak Quraisy kembali tenang, maka dihantarnya Umair bin Wahb al- Jumahi untuk mengesan kekuatan tentera al-Madinah, beliau menunggang kudanya di sekeliling perkhemahan Islam, selepas pulang Beliau melaporkan katanya: "Mereka adalah tiga ratus orang, lebih kurang sekitar itu, tetapi tunggu sehingga aku mengesan apakah mereka ada penyerang hendap dan mempunyai logistik pembekal? Dengan itu beliau menjelajah ke tengah-tengah lembah "Badar" dan beliau tidak mendapati apa-apa pun terus beliau pulang dengan katanya: "Aku tidak melihat apa-apa pun, namun pada hemat ku di sana bala sedang menunggu kamu dengan seribu kematian, ku dapati panah-panah di Yathrib membawa kematian yang perih, mereka adalah golongan yang tiada pembela dan perlindungan selain dari pedang mereka, derni Allah kamu tidak akan berupaya membunuh seorang pun dari mereka yang berani dibunuh,

kalau dah sebilangan dari kamu ini bertemu ajal, maka tak ada kebaikan lagi untuk hidup. Ayuh, tiliklah minda kamu".

Di masa itu, berlaku satu lagi penentangan terhadap Abu Jahal yang berkeras untuk berperang itu, iaitu usaha untuk membawa balik tentera Quraisy ke Makkah, untuk mengelak berlakunya peperangan. Hakim bin Hizam telah menyeru tentera Makkah berpatah balik. Hakim menemui Utbah bin Rabiah dan menyeru kepadanya: "Wahai Abu al-Walid kamu adalah salah seorang kenamaan Quraisy dan tokoh disegani percakapan, tidakkah kamu tahu , aku mengajak kamu kepada satu kebaikan yang kelak akan disebut sepanjang masa?" Tanya Utbah: "Apa perkaranya wahai Hakim?" Jawab Hakim: "Kau pulang ke Makkah bersama-sama orang kau dan kau bertanggungjawab juga dengan Amru bin al-Hadrami sekutu kau itu (yang terbunuh di dalam Sariyah Nakhlah)" Jawab Utbah: "Aku setuju dan berjanji, Amru adalah sekutu ku dan kau harus bertanggungjawab dengan pembayaran darah kematian dan kerugian harta bendanya."

Kata Utbah kepada Hakim bin Hizam: "Kau jumpa Ibnu al-Hanziliyah (laitu Abu Jahal, al-Hanziliyah adalah ibunya) aku tidak curiga percanggahan pendapat selaih dari beliau". Rabiah pun pergi menemui Quraisy: "Wahai kalian Quraisy demi Allah sesungguhnya tindakan kamu untuk berhadapan dengan Muhammad itu adalah suatu hal, hal yang harus dipertimbangkan, demi Allah sekiranya kamu berjaya melawannya, beliau masih lagi tidak senang untuk melihat muka-muka kamu, yang telah membunuh anak saudaranya atau anak saudara ibunya atau mana orang dari keluarganya, baliklah kamu dan biarlah Muhammad dan orang-orang Arab lain berhubungan dengannya, sekiranya beliau berjaya dengan usahanya itu maka itu juga sebahagian dari hasrat kamu, kalau tidak demikian beliau masih mendapat kamu dan kamu pula tidak menghalang apa yang hendak dilakukan oleh Muhammad dan sahabatnya".

Hakim bin Hizam pula segera menemui Abu Jahal yang sedang mempersiapkan baju besinya, beliau pun terus berkata: "Aku ini disuruh oleh Utbah untuk berbuat begini-begini", jawab Abu Jahal:

'Demi Allah Utbah ini sudah terpukau dan besar diri, ketika beliau menyaksi Muhammad dan sahabat-sahabatnya". "Tidak!! Demi Allah, kami tidak akan pulang hinggalah Tuhan menentukan qadarnya di antara kita dengan Muhammad, biarlah Utbah dengan kata-katanya itu, Utbah telah menyaksi Muhammad dan sahabat-sahabatnya beserta dengan anak Huzaifan yang sudah memeluk Islam itu sudah mampu memakan unta yang gemuk lalu beliau pun memomokkan kamu semua".

Tapi bila mana percakapan Abu Jahal itu sampai ke pendengaran Utbah: "Demi Allah beliau sudah dipukau dan besar diri" maka kata Utbah: "Tunggulah dia akan tahu siapa yang bermegah dan besar diri, akukah atau dia?" Abu Jahal pun bergegas dan bersegera, takut-takut nanti penentangan semakin menjadi-jadi, selepas dialog itu beliau terus menghantar orang menemui Amir bin al-Hadhrami, iaitu saudara kepada Amru bin al-Hadhrami yang terbunuh di dalam pertempuran Sariyah Abdullah bin Jahsy, dengan sebutannya: "Itu dia Utbah sekutu kau, hendak pulang dengan pengikut-pengikutnya, kau sendiri menyaksikan kerja kita ini adalah menuntut bela darah terhadap saudara mu itu. Ayuh bangun carikan mana dia pencabar mu dan pembunuh saudara mu itu". Dengan itu Amir pun segera bangun dan menunjukkan punggungnya sambil melaung: "Wahai Amru, semangat kalian pun memuncak dan bertekad untuk berperang malah mereka yakin peperangan pasti berlaku", seruan Utbah kini musnah sudah, demikianlah keberanian mengatasi kebijaksanaan, tentangan Utbah itu hilang di awang-awangan, tidak sempat mencapai maksud dan tujuannya.

DUA PASUKAN KINI BERHADAPAN

Sebaik sahaja kaum musyrikin muncul dan dua pasukan bertentang mata, Rasulullah bersabda yang bermaksud:

"Ya Allah ya Tuhanku, Ini dia Quraisy yang telah tiba penuh kesombongan dan bongkak. mencabar Kau, mendusta Rasul Engkau. Ya Allah, ya Tuhanku berilah pertolongan Mu yang Kau janjikan itu,

ya Allah ya Tuhanku, biarkan mereka musnah di pagi hari ini ".

Rasulullah bersabda semasa melihat Utbah bin Rabiah yang sedang berada di tengah-tengah kaumnya menunggang unta merahnya: "Kiranya ada seorang yang baik di kalangan golongan Quraisy maka pemilik unta merah itulah yang terbaik, itupun sekiranya mereka mentaatinya necaya mereka mendapat petunjuk."

Di saat itu Rasulullah pun bertindak meluruskan dan mengemaskan saf tentera Islam, terjadi satu peristiwa ajaib, di mana pada masa itu Baginda sedang memegang sebatang kayu buat membetulkan saf Islam, Rasulullah mendapati Suwad bin Ghaziah terkeluar dari saf, oleh Rasul, Baginda pun menekan perut Suwad dengan batang kayu tadi dengan sabdanya: "Suwad betulkan saf!" teriak Suwad: "Sakit Rasulullah. Ini kena balas balik!", Rasulullah pun membuka perut untuk dibalas balik hentakkan dengan kayu tadi dan sabdanya: "Ayuh balas balik". Apa lagi Suwad pun memeluk perut Baginda dan mencium serta mengucupnya bertubi-tubi. Sabda Rasul: "Apa yang membawa kau berbuat begini, wahai Suwad". Jawab beliau: "Yang terjadi itulah apa yang tuan hamba lihat itu, Daku nak jadikan itu sebagai detik terakhir untuk ku di mana kulit ku ini telah penyentuh kulit Rasulullah". Rasulullah pun mendoakan sesuatu yang baik untuk beliau.

Setelah selesai mengemas saf, Baginda memerintah tenteranya supaya tidak memulakan peperangan, sehinggalah mereka menerima arahan yang terakhir, kemudian sekali lagi Baginda memberi arahan khusus mengenai peperangan dengan sabdanya yang bermaksud:

"Sekiranya mereka itu berduyun-duyun, panahlah mereka, tetapi berhemat dengan anak-anak panah kamu dan jangan hunuskan pedang kamu kecuali bila mereka membanjiri kamu, lepas itu Baginda pulang semula keperteduhan khusus bersama Abu Bakr".

Ada pun kaum musyrikin telah disuarakan oleh Abu Jahal dengan perhimpunannya, Ya Allah ya Tuhanku itu dia orang yang memutus hubungan kami, yang membawa angkara yang belum pernah kami kenalinya, musnahkan mereka di pagi ini. Ya Allah, ya Tuhan kami

tolonglah mana satu yang tercinta dan tersayang pada Mu di hari ini. Dengan doa ini beliau telah menghukum dirinya sendiri.

Mengenai semua ini Allah menurunkan ayat yang bermaksud:

Jika kamu(orang-orang Musyrikin) mencari keputusan.maka telah datang kepadamu dan jika kamu berhenti itulah lebih baik bagi mudah jika kamu kembali. Nescaya kami kembali pula dan angkatan perangmu sekali-kali tidak akan dapat menolak dari kamu sesuatu bahaya.biarpun dia 'banyak dan sesungguhnya Allah bersama orang-orang beriman".

(al-Anfaal: 19)

DETIK TERAKHIR DAN PENCETUS PEPERANGAN

Pencetus pertempuran ialah al-Aswad bin Abd aI-Asad al-Makhzumi, manusia yang ganas dan buruk pekerti, telah muncul ke hadapan sambil melaung: "Aku berjanji dengan Tuhan akan ku minum air takungan mereka, akan ku roboh takungan yang mereka bina dan aku rela mati untuk berbuat demikian". Hamzah bin Abdul al-Muttalib pun segera keluar dan tidak lama kemudian, Hamzah secepat kilat memancung pahanya menyebabkan beliau terlentang ke belakang dengan tidak memberi kesempatan kepada beliau untuk sampai ke takungan air, namun beliau terus merangkak ke arah takungan hendak meminum juga dan untuk menunai juga sumpahannya tadi, tetapi Hamzah sekali lagi menerkam ke arahnya dengan pukulan maut, hingga tamat riwayat al-Aswad sedang beliau berada di dalam kawasan takungan untuk meminum juga air dari dalamnya.

PERTARUNGAN SATU LAWAN SATU

Kematian al-Aswad merupakan pencetus pertempuran, seterusnya tiga jaguh sekeluarga pilihan Quraisy telah keluar menawar diri untuk dicabar, mereka ialah Utbah, saudaranya Syaibah bin Rabiah dan al-Walid bin Utbah, mereka telah dijawab oleh tiga pemuda Ansar, Auf, saudaranya Muaz bin al-Harith (ibu mereka ialah Afra') dan Abdullah

bin Rawahah, tanya satria Quraisy: "Siapa kamu?" Jawab mereka: "Kami adalah lelaki Ansar." Kata Quraisy: "Berpadanan dan setimpal, tapi kami tidak mahu kamu, yang kami hendak ialah anak bapa saudara kami, dan mereka melaung; Wahai Muhammad kemukakan kepada kami yang setimpal dari kaum keluarga kami". Kata Rasulullah: "Ubaidah bin al-Harith, Hamzah, Ali, bangun". Mereka pun segera ke hadapan, bila berhampiran, mereka bertanya: "Siapa kamu semua", mereka pun memperkenalkan diri. Jawab Quraisy: "Ya, kamu adalah setimpal dan bangsawan."

Mula-mula Abu Ubaidah di antara yang tertua dari yang ketiga-tiga mereka, tampil ke hadapan melawan Utbah bin Rabinh, kemudian Hamzah berhadapan dengan Syaibah dan Ali mencabar al-Wahid. Hamzah dan Ali langsung tidak memberi kesempatan kepada lawannya, malah kedua-dua lawan mereka terus tersungkur rapat ke tanah dengan pukulan kencang, adapun Abu Ubaidah dan pencabarnya, masing-masing terkena pukulan lawan, masing-masing tercedera, Ali dan Hamzah terus menyambar ke atas Utbah lantas membunuhnya. Mereka memapah Abu Ubaidah, sebelah kakinya terputus. Beliau meninggal dunia di al-Safra, empat atau lima hari selepas peperangan Badar, iaitu semasa kaum muslimin berjalan pulang ke Madinah dalam tempoh ini, beliau berdiam diri.

Saidina Ali menegaskan dengan bersumpah bahawa Ayat yang bermaksud:

"Inilah dua golongan (mukmin dan kafir) yang berbantahan tentang Tuhan mereka " .

diturunkan mengenai mereka di dalam peperangan ini.

PELANGGARAN MENYELURUH

Berakhirnya pertarungan satu lawan satu merupakan permulaan yang malang terhadap kaum musyrikin, mereka telah kehilangan tiga tenaga utama dan pilihan wira penunggang kuda, malah ketiga-tiga mereka adalah di antara pemimpin Quraisy, dengan itu mereka naik berang, lantas mereka meluru ke arah tentera Islam.

Adapun kaum muslimin selepas bermunajat memohon pertolongan dari Tuhan mereka, dengan hati ikhlas berjuang kerana Allah, mereka terus berada di tempat mereka mempertahan serangan musyrikin, mereka tidak lebih dari bertindak mempertahankan diri, namun mereka berjaya, menyebabkan pihak musyrikin menerima kerugian yang parah, sambil melaung: Ahad, Ahad.

RASULULLAH MEMOHON DOA RESTU KEPADA TUHANNYA

Selepas mengemaskan saf tentera Islam, Rasulullah kembali ke tempatnya dengan bermunajat dan memohon restu kepada Allah akan janji-janjiNya yang dijanjikan itu dengan sabdanya yang bermaksud:

"Ya Allah Ya Tuhanku perkenankanlah apa yang telah Engkau janjikan, Ya Allah Ya Tuhan ku, aku memohon restu akan janjiMu itu ."

Hingga apabila peperangan memuncak, pejuangan menjadi sengit, kancah pertempuran sampai kepenghujungnya, Baginda sekali lagi memohon doa kepada Tuhannya:

"Ya Allah Ya Tuhanku sekiranya termusnah kelompok ini di hari ini nescaya Kau tidak disembah lagi, Ya Allah Ya Tuhanku sekiranya Kau kehendaki, maka Kau tidak akan disembah lagi selepas hari ini untuk selama-lamanya" .

Rasulullah bersungguh-sungguh dalam doanya, hingga terjatuh kain serban dari atas bahunya, Abu Bakr terpaksa meletakannya semula ke atas bahu Baginda dan berkata:

"Dah, cukup wahai Rasulullah dengan permintaan kau kepada Tuhan mu itu".

Di masa itu Allah telah mewahyukan perintahNya kepada golongan malaikatNya yang bermaksud:

"Sesungguhnya Aku bersama kamu maka teguhkanlah pendirian orang-orang yang beriman. Kelak Aku akan jatuhkan rasa ketakutan ke hati-hati orang kafir ".

(al-Anfal: 12)

Dan Allah mewahyukan kepada RasulNya di bumi, Muhammad s.a.w yang bermaksud:

"Sesungguhnya Aku akan menurunkan bala bantuan kepada kamu dengan seribu malaikat yang datang berturut-turut".

(al-Anfaal: 9)

Ketibaan para malaikat, menyertai tentera Islam adalah secara berperingkat-peringkat bukan sekaligus.

PARA MALAIKAT TURUN KE BUMI

Rasulullah terlelap dan terlena sejenak, kemudian Rasulullah mengangkat kepalanya lantas bersabda:

"Terimalah berita mengembirakan ini wahai Abu Bakar, itu dia Jibrail yang berada di antara debu berterbangan".

Di dalam riwayat Ibn Ishak menyebut: Rasulullah bersabda yang bermaksud:

"Terimalah berita yang mengembira wahai Abu Bakr. Pertolongan Allah telah melewati engkau itu dia Jibrail memegang kekang kudanya, memecutnya ke hadapan merentas debu-debu yang berterbangan itu ".

Kemudian Rasulullah keluar ke hadapan perteduhan dengan mengenakan baju besi dan menyebut ayat yang bermaksud:

"Kumpulan mereka yang bersatu itu tetap akan dikalahkan dan mereka pula akan berpaling lari".

(al-Qamar: 45)

Seterusnya Baginda mengambil segenggam pasir dan menoleh ke arah kaum Quraisy sambil bersabda: "Musnah kalian semua" sambil melontar pasir itu ke arah Quraisy, menyebabkan tak seorang pun yang tidak terkena dengan pasir tadi, malah dengan izin Allah pasir itu terlontar ke telinga, mata, hidung dan mulut mereka semua. Dalam hal ini Allah berfirman yang bermaksud:

"Dan bukanlah engkau yang melempar ketika engkau melempar. Akan

tetapi, Allah jualah yang melempar"
(al-Anfal: 17)

SERANG BALAS

Di masa itu Rasulullah mengarah tenteranya untuk membuat serangan balas terhadap tentera Quraisy dengan sabdanya: "Ayuh berkemas" dan merangsang mereka dengan semangat perjuangan. "Demi Tuhan yang jiwa aku di tangannya tak seorang pun yang memerangi mereka itu penuh kesabaran, perkiraan dengan Allah dan tidak lari, kemudian mati syahid kecuali di masukkan Allah ke dalam syurgaNya" dan sabdanya lagi: "Ayuh perolehilah syurga yang keluasannya adalah seluas petala langit dan bumi" di masa itu al-Umair bin al-Hammam mendengar kata-kata Rasulullah terus beliau bersuara: "Amboi, Amboi" demi Allah, aku mengharap diri ku ini salah seorang dari ahlinya" Jawab Rasulullah: "Kau adalah ahlinya" dengan itu beliau membawa keluar buah tamar dari uncangan sambil memakan, kemudian beliau menyebut pula, "Sampai bila hendak makan buah tamar ini, Ini tak boleh jadi" Dengan itu beliau terus mencampak buah tamarnya itu dan terus beliau bergelut sepenuhnya di dalam pertempuran hinggalah beliau syahid.

Manakala Auf bin al-Harith Ibni al-Afra' pula bertanya Rasulullah dengan katanya: "Wahai Rasulullah apakah yang mengetawakan Tuhan dari tindakan hambaNya", jawab Rasulullah: "Seorang yang bergelut dengan seterunya secara terdedah, baju besi yang dipakainya itu ditanggalkan dan dicampak buang, hanya menggenggam pedangnya dan terus berperang hingga jatuh syahid."

Semasa Rasulullah mengarah serangan balas pihak seteru sudah pun tidak bersemangat lagi, keaktifan mereka bertarung pun sudah luntur, tindakan Rasulullah itu paling bijak, ianya telah memberi kesan yang mendalam pada saf kaum muslimin dan memperkukuhkan kedudukan tentera Islam, sebaik sahaja mereka menerima arahan membuat serangan, jiwa mereka membara dan bertambah cergas secergas kaum belia, dengan itu mereka membuat serangan tubi dan mengganyang barisan seteru seranapnya, pertahanan Quraisy terbadai bagaikan tikar

digulung di sana sini. Kepala-kepala tercantas, badan-badan terkulai jatuh tertiarap ke bumi, tentera Islam semakin bersemangat apabila melihat Rasulullah merangsang mereka dengan pakaian baju besi sambil melaung:

"Akan kalah semua kelompok itu dan akan beredar lari".

Kaum muslimin bersungguh-sungguh dan bermati-matian, para malaikat membantu mereka. Dalam riyawat Ibnu Said dari Ikrimah telah menyebut: Di hari itu ada kepala yang terpelanting jatuh dan tidak tahu siapa yang mengerjakannya, dan ada pula tangan jatuh dan tidak tahu siapa yang mengerjakannya dan dua puluh tangan yang terluka jatuh dan tidak tahu siapa yang memukulnya, Ibnu Abbas pula menyebut: Di ketika seorang Islam sedang mengasak musuh musyrikin yang di hadapannya tiba-tiba terdengar rembatan cemeti di sebelah atas dan suara penunggang kuda melaung: Ayuh, mara ke hadapan, wahai Haizum. Beliau pun memerhati musyrikin yang di hadapannya, orang lain pun menceritakan kisah yang sama juga, seorang Ansar telah menemui Rasulullah dan menceritakan sedikit kisah yang sama kepada Baginda, maka sabda Rasulullah s.a.w: "Memanag benar semuanya itu, dan itulah bantuan dari petala langit ketiga". Kata Abu Daud al-Mazani: "Semasa aku sedang memburu lelaki musyrik belum sempat ku menentangnya tiba-tlba kepalanya sudah terjatuh, belum sempat lagi pedang ku mengena beliau, aku sedarlah yang membunuhnya itu bukannya aku, seorang lelaki Ansar membawa al-Abbas bin Abdul al-Muttalib tawanannya, kata al-Abbas: "Demi Allah bukan orang ini yang menawan aku, tetapi yang menawan aku seorang lelaki tangkas, berupa paras cornel menonggang kuda borek, tapi aku nampak dia bersama-sama kaum muslimin", kata al-Ansar: "Sebenarnya daku yang menawannya wahai Rasulullah". Jawab Baginda: "Senyap, sebenarnya kau telah dibantu oleh Malaikat yang mulia".

IBLIS MENARIK DIRI DARI KANCAH PEPERANGAN

Iblis yang menyertai kaum musyrikin dengan menjelma sebagai Suraqah bin Malik bin Jaksyam al-Mudlaji telah mendapati kumpulan

para malaikat bersama kaum muslimin melawan musuh-musuh mereka. Kaum musyrikin telah cabut lari, dan berpaling tadah, al-Harith bin Hisyam yang memegang orang yang disangka Suraqah telah menendang ke dadanya menyebabkan beliau tersungkur jatuh, kemudian ianya cabut lari, sedang kaum musyrikin melaung: "Ke mana Suraqah? Tidakkah kau mengatakan yang engkau membantu kami dan tidak akan berpisah dari kami?" Jawab Iblis: "Sebenarnya aku telah melihat sesuatu yang kamu tidak melihatnya, aku takut siksaan Allah yang amat pedih itu, Iblis lari dan mencampak dirinya ke dalam laut".

KEKALAHAN YANG TERUK

Tanda-tanda kekalahan dan huru-hara dalam barisan musyrikin sudah mula kelihatan, manakala kaum muslimin terus membuat asakan bertubi-tubi ke hadapan tentera musuh, pertempuran hampir sampai ke penghujungnya, beberapa kelompok musyrikin telah berundur dan lari menyelamatkan diri. Bagi kaum muslimin itulah peluang terbaik untuk mereka menawan dan membunuh seteru-seteru mereka, hinggalah selesai peperangan dengan kemenangan di pihak kaum muslimin. Allahu akbar.

KEDEGILAN ABU JAHAL

Setelah Abu Jahal, Taghut Quraisy terbesar melihat tanda-tanda porak-peranda di dalam barisannya beliau telah cuba sedaya upayanya untuk berkeras dan menahan arus kemaraan tentera Islam. Beliau cuba merangsang tenteranya dengan melaung kepada mereka dengan suara dan sikap yang bengis. Kami tidak akan terkalah dek penarikan diri oleh Suraqah itu, dia itu ada perjanjian dengan Muhammad, janganlah kamu gerun kerana kematian Utbah, Syaibah dan al-Walid, malah mereka semua telah mara ke hadapan lebih awal, demi al-Lata dan al-Uzza kita tidak akan balik kecuali setelah kita memberkas mereka dengan tali-tali, apakah tidak boleh dua ribu orang kamu ini membunuh seorang pun dari mereka, ayuh, musnahkanlah mereka itu sehabisnya, hingga dapat kita mengajar mereka dengan kejahatan tindakan mereka.

Namun tidak lama kemudian Abu Jahal dapat melihat hakikat kesombongannya itu, dan tidak berapa lama pula, barisan musyrikin mula retak dan berpecah di hadapan arus serangan tentera Islam. Ya! Memang tinggal segelintir sahaja dari tentera musyrikin yang bertahan di sekeliling Abu Jahal, mereka membentuk satu benteng dari barisan berpedang dan tombak di sekeliling Abu Jahal, namun kesemuanya itu tidak mampu menyekat kemaraan tentera Islam, benteng yang dibentuk itu berkecai, dan kepala Taghut itu menampakkan dirinya.

Kaum muslimin mendapati ianya sedang beligar dengan kudanya untuk menemui ajal yang sedang menunggunya, darahnya akan mengalir dari tangan dua orang anak-anak al-Ansar.

KEMATIAN ABU JAHAL

Abdul al-Rahman bin Auf menceritakan: "Sesungguhnya daku di dalam saf peperangan Badar, bila aku memerhatikan di hadapan, aku dapati di kiri dan di kananku dua orang belia masih muda, daku bagaikan tidak berasa selamat terhadap diri mereka". Salah seorang dari mereka bertanyakan padaku dan meminta merahsiakan penyataannya itu dari kawannya yang seorang lagi, katanya: "Pak Cik tunjukkan saya mana dia Abu Jahal", jawabku: "Anakku! Apa yang kamu hendak buat dengannya?" katanya pula: "Saya mendapat tahu yang ianya selalu memaki Rasulullah s.a.w" tambah beliau lagi: "Demi Tuhan yang nyawa ku di tanganNya, kalaulah aku ternampaknya nescaya diri ku tidak akan renggang dari dirinya, kecuali kematian sahaja yang akan meragut mana-mana satu yang lebih segera ajalnya, aku kehairanan dengan sikapnya itu". Kata Abdul al-Rahman lagi: "Sekali lagi aku dikerling oleh pemuda yang seorang lagi dengan isyarat sambil beliau berkata kepadaku seperti pemuda yang pertama juga, daku pun terus memandang-mandang ke arah Abu Jahal yang terkial-kial di tengah-tengah orang ramai", dan ku berkata kepada mereka berdua: "Kamu tengok tak? "Itu dia orang yang kamu bertanyakan tadi".

Kedua-dua mereka pun menerkam dengan pedang ke arah Abu Jahal dan segera menerbangkan nyawanya, terus mereka pergi menemui

Rasulullah dan menceritakan kepada Baginda, lantas Rasulullah pun bertanya: "Siapa di antara kamu yang membunuhnya? Jawab tiap dari mereka: "Saya Rasulullah". Tanya Baginda: "Apakah kamu sudah mengesat pedang kamu?" Jawab mereka: "Tidak, Rasulullah pun melihat kepada kedua-dua pedang mereka", maka sabda Rasulullah s.a.w: "Ya kedua-dua kamulah yang membunuhnya". Setelah selesai peperangan Rasulullah pun menyerahkan rampasan perang kepada kedua-dua pemuda tadi iaitu Muaz bin Amru bin al-Jumahi dan Muawiz bin Afra'.

Ibnu Ishak meriwayatkan bahawa Muaz bin Amru bin al-Jumahi berkata: "Daku dengar cerita mengenai kaum musyrikin dan Abu Jahal sedang dikawal rapi, bak pokok besar yang diselaputi oleh pokok semalu yang rimbun, sukar untuk ditembus benteng pengawalan itu, beginilah gambaran pedang-pedang dan tombak-tombak yang memagar Abu Jahal". Mereka semua melaung: "Abu al-Hakim sukar untuk sampai kepadanya." Kata Muaz: "Bila aku mendengar laungan itu, aku terus memberi perhatian dan bertekad untuk mendapat peluang, sebaik sahaja aku mendapati kesempatan membuat pukulan terus ku menerpa dan memenggal separuh kakinya, demi Allah tiada bahasa yang dapat ku gambarkan peristiwa ini selain dari gambaran sebiji keras yang dipecahkan dengan hentakan kayu hingga berkecai kulitnya itulah gambaran yang dapat kugambarkan, di masa itu anaknya Ikrimah telah menetak aku dengan pedangnya hingga terkulai sebelah tanganku yang masih tersangkut dengan kulitku, peperangan sengit menyiksaku, sepanjang hari itu aku berperang dengan mengheret tangan ku yang terkulai itu, bila terasa membebankan sangat ku pijak dengan kakiku hingga ianya tercabut putus dari badanku". Di masa itu Mu'az bin Afra', melalui berhampiran Abu Jahal yang sudah cedera itu, Mu'az pun terus menggasak Abu Jahal dengan pedangnya hingga terhumban jatuh dan ditinggalkan bernyawa ikan, sedang Mu'az terus berperang hingga jatuh sebagai seorang syahid.

Setelah selesai peperangan Rasulullah s.a.w memerintah supaya dicari Abu Jahal dengan sabdanya: Siapa boleh tengok apa yang dilakukan

oleh Abu Jahal, semua orang keluar mencari-cari Abu Jahal, akhirnya Abdullah bin Masud r.a menjumpainya yang masih bernyawa ikan, Abdullah meletakkan kakinya ke atas leher Abu Jahal dan memegang janggutnya untuk memenggal kepalanya dan berkata adakah Allah memalukan kau wahai musuh Allah?" Tanya Abu Jahal: "Dengan apa dimalukan aku? Tiada sebarang aib pun ke atas ku, aku tidak lebih dari seorang yang dibunuh oleh kaumnya sendiri. Atau apakah aku ini lebih dari seorang yang kamu bunuhnya?" dan katanya lagi: "Aku mahu bukan orang bawahan yang membunuh aku", dan tanya Abu Jahal: "Hari ini suasana berpihak kepada siapa?" Jawab Ibnu Masud: "Kepada Allah dan RasulNya?" kemudian beliau berkata lagi kepada Ibnu Masud yang sedang meletak kakinya ke atas leher Abu Jahal: "Kau sedang mendaki satu tangga yang sukar wahai si pengembala kambing". Dan memanglah sebelum ini Ibnu Masud adalah seorang pengembala kambing di Makkah.

Setelah selesai dailog di antara mereka ini Ibnu Masud pun memenggal lehernya dan dibawanya ke hadapan Rasulullah s.a.w seraya berkata: "Wahai Rasulullah, Ini dia kepala Abu Jahal musuh Allah", jawab Rasulullah dan Baginda mengulanginya tiga kali kemudian menyebutnya lagi: "Ayuh tunjukkan daku mana dia jasad Abu Jahal itu", kami pun pergi ke tempat jasadnya yang tersadai itu dan menunjukkannya kepada Baginda dan kemudian Baginda bersabda: "Inilah dia Firaun umat ini".

PENAMPILAN IMAN DI DALAM PERISTIWA INI

Sebelum ini telahpun kita kemukakan dua contoh penampilan iman dan akidah, iaitu Umair bin al-Hamaman dan Auf bin al-Harith ibni Afra', di dalam peristiwa Badar ini terserlah gambaran-gambaran perjuangan yang indah, padanya terserlah kekuatan aqidah dan kemantapan prinsip, di dalam peristiwa ini si bapa berhadapan dengan si anak, si

abang berhadapan dengan adiknya, prinsiplah yang memisahkan mereka dan pedang pula yang menceraikan mereka, yang tertewas berhadapan dengan yang menang, maka dengannya legalah dan puaslah

perasaan dendam di hati.

1. Ibnu Ishak meriwayatkan dari Ibnu Abbas menceritakan bahawa Rasulullah telah berkata kepada sahabatnya: "Aku telah memastikan di mana terdapat beberapa orang dari Banu Hasyim yang menyertai peperangan bagi pihak Quraisy sebenarnya mereka itu dipaksa, mereka tidak bertujuan memerangi kita di sini, sesiapa di antara kamu yang berhadapan dengan mereka janganlah membunuh mereka, sesiapa yang menemui Aba al-Buhturi bin Hisyam janganlah membunuh beliau dan sesiapa yang menemui al-Abbas bin Abdul Muttalib janganlah membunuh beliau kerana beliau keluar secara terpaksa". Abu Huzaifah bin Utbah pun bertanya: "Apakah harus kami membunuh bapa-bapa kami, ernak-emak kami saudara-saudara kami dan keluarga kami kemudian al-Abbas dibiarkan, demi Allah kalau ku berhadapan dengan al-Abbas pasti ku bunuhnya, atau ku tikamnya dengan pedang ini". Kata-katanya itu sampai ke pendengaran Rasulullah (s.a.w) terus Baginda berkata kepada Umar bin al-Khattab: "Wahai Abu Hafs apakah layak muka bapa saudara Rasulullah dipukul dengan pedang? Kata Umar: "Wahai Rasulullah, biarkan sahaja daku memenggal lehernya dengan pedang ku ini, demi Allah beliau itu munafiq".

Dengan itu Abu Huzaifah merungut: "Sebenarnya aku terus tidak merasai sejahtera dengan kata-kataku itu sejak hari ku lafazkan dan ku masih lagi takut dengannya kecuali sekiranya daku dikifaratkan dengan mati syahid". Akhirnya beliau dikurniakan dengan kematian sebagai seorang syahid di medan peperangan di al-Yamamah.

2. Larangan untuk tidak dibunuh Abu al-Buhturi, kerana beliaulah yang menghalang kaum musyrikin dari membunuh Baginda semasa di Makkah, beliau tidak pernah menyakiti Baginda dan tidak pula melakukan sesuatu yang tidak menyenangkan Baginda dan beliaulah orang yang bertindak membatalkan watiqah pemboikotan Quraisy terhadap Banu Hasyim dan Banu al-Muttalib.

Namun walau bagaimanapun Abu al-Bukhturi terbunuh juga (Qada' dan Qadar), ceritanya: al-Majzar bin Zaid al-BuIwi telah bertemu dengan Abu al-Bukhturi di dalam kancah peperangan bersama dengan

kawannya yang turut berperang di sampingnya, maka kata al-Majzar wahai Abu al-Bukhturi sebenarnya Rasulullah telah melarang kami membunuh kamu. Tanya Abu al-Bukhturi: Dan juga kawan ku ini? Jawab al-Majzar: Tidak! Demi Allah kami tidak boleh kecualikannya. Jawab Abu al-Bukhturi: Demi Allah kalau demikian aku mesti mati bersamanya, mereka berdua terus menyerang. Bagi al-Majzar tidak ada pilihan selain dari membunuh kedua-duanya.

3. Abdul al-Rahman bin Auf semasa jahiliah adalah kawan kepada Umaiyah bin Khalaf di Makkah, semasa di Badar Abdul Rahman bin Auf menemui Umaiyah sedang berdiri di samping anaknya yang bernama Ali sarnbil memegang tangannya, Abdul Rahman sedang membawa baju-baju best yang telah dirampasnya bila mereka berdua terpandang Abdul al-Rahman, Umaiyah pun berkata:

Adakah kau perlukan sesuatu pada aku? Daku ini lebih berharga dari baju-baju besi yang kau tawankan itu, yang tidak pernah ku lihatnya seperti yang di hari ini, apakah kamu tidak memerlukan susu-susu?

Maksud Umaiyah bahawa sesiapa sahaja yang menawannya beliau akan bayarkan harga pembebasan diri

dengan unta-unta yang mengeluarkan susu-susu yang banyak. Dengan itu Abdul al-Rahman pun mencabut butang baju-baju besi dan memegang kedua-duanya. Dan Abdul al-Rahman pun mencerita selanjutnya: Umaiyah telah berkata kepada aku sedang ku berdiri di antara Umaiyah dan anaknya:

Siapakah orang yang bersemat dengan bulu burung kasawari di dadanya itu? Jawab Abdul al-Rahman itulah dia Hamzah Ibni Abdul al-Muttalib, jawab Umaiyah: Dialah yang telah mengganyangkan kami sepanjang peperangan.

Cerita Abdul al-Rahman: Demi Allah ketika ku sedang membawa kedua-duanya tiba-tiba Bilal terpandang Umaiyah yang bersama ku, dan Umaiyah inilah yang menyiksa beliau semasa di Makkah dahulu. Bilal menjerit:

Kepala kafir Umaiyah bin Khalaf, kalau orang boleh lepas tapi kau tidak akan lepas, kalau kau hendak lari di hari ini. Ku melaung: Wahai

Bilal mereka ini tawananku. Jawab Bilal: Tidak lepas kalau hendak lari di hari ini. Kataku:

Tidakkah kau dengar wahai anak Hitam: Laung Bilal: Tidak lepas kau hendak lari. Beliau melaung selantang-lantang suaranya: Wahai Pembantu Allah, kepala kafir, Umaiyah bin Khalaf berada di sini tidak lepas, kalau orang lain lepas tapi kau tidak akan lepas, kalau hendak lari. Kata Abdul al-Rahman: Mereka semua melingkunginya, hingga jadi seperti sekepal nasi, aku cuma melindunginya sambung Abdul al-Rahman lagi: Tiba-tiba seorang lelaki memukul anak Umaiyah dengan pedangnya hingga terjatuh, di masa itu Umaiyah pun menjerit belum pernah lagi ku mendengar jeritan seperti itu, dan ku berkata: Ayuh lari dan selamatkan dirimu, dan sebenarnya tiada tempat baginya untuk menyelamatkan dirinya, demi Allah tiada suatu pun yang mampu menyelamatkan kau, dengan itti mereka mengganyang kedua-duanya dengan pedang-pedang mereka hingga selesai, menyebabkan Abdul al-Rahman berkata: Semoga Allah mengasihani Bilal, baju-baju besi rampasan perangku telah hilang, dan ku dikejutkan dengan pembunuhan ke atas tawanan ku.

Di dalam kitab "Zad al-Maad" Abdul al-Rahman telah menyuruh Umaiyah dengan katanya: Ayuh rebahkan dirimu, maka Umaiyah pun me rebahkan dirinya dan Abdul al-Rahman merebahkan dirinya ke atas Umaiyah buat melindunginya, namun mereka semua terus memukulnya dari bawah ku, hingga terbunuh. Menyebabkan kaki Abdul al-Rahman juga terkena tetakan.

4. Di peperangan Badar juga terjadi di mana Umar bin al-Khattab membunuh bapa saudaranya (Khal: bapa saudara dari pihak ibunya) al-Aas bin Hisyam bin al-Mughirah.

5. Di dalam peristiwa ini Abu Bakr al-Siddiq melaungkan kepada anaknya Abdul al-Rahman yang turut bersama kaum musyrikin dengan katanya: Mana dia hartabendaku wahai si hodoh bedebah?. Jawab Abdul al-Rahman:

Tiada yang tinggal selain kuda Dan pedang buat membunuh si beruban tua

6. Setelah kaum muslimin memegang tawanan mereka, sedang Rasulullah di dalam perteduhannya dan Sa'd bin Muaz berdiri di pintu mengawal Baginda dengan pedangnya, Rasulullah memerhati kemuka Sa'd dan mendapat sesuatu yang tidak kena padanya, dengan tindakan kaum muslimin itu. Sabda Rasulullah: "Nampaknya, bagaikan sesuatu yang tidak kena pada kau dengannya tindakan mereka itu?" Jawab beliau: "Bahkan Wahai Rasulullah. Peristiwa Badar ini merupakan kejadian pertama yang ditakdirkan Allah terhadap kaum musyrikin, aku lebih suka berlaku pembunuhan ke atas orang musyirikin daripada membiarkan mereka hidup".

7. Di hari berkenaan pedang Akasyah bin Mahsan al-Usdi terpatah, beliau pun segera mengadu hal kepada Baginda, maka oleh Baginda diserahkan kepada Akasyah sebatang kayu, sabda Baginda: "Ayuh berperanglah kau dengan'benda ini". Sebaik sahaja beliau mengambilnya dari Rasulullah dan diacu-acukan dengannya, tak semena-mena, ianya bertukar menjadi sebilah pedang panjang waja besinya, bermata putih dan tajam. Beliau berperang dengannya hinggalah Allah memberi kemenangan kepada kaum muslimin. Pedang itu dikenal dengan "al-A'wn" bererti pertolongan, pedang itu kekal bersama beliau dengannya beliau menghadiri pertempuran-pertempuran hinggalah beliau syahid di dalam peperangan al-Riddah dengan keadaan pedang itu kekal bersama-samanya.

8. Setelah selesai peperangan Musab bin Umair bertemu dengan saudaranya Abu Aziz bin Umair yang juga telah turut serta memerangi kaum muslimin, didapatinya sedang diberkas oleh seorang Ansar maka kata Musab kepada al-Ansar tadi: Kemaskan ikatannya kerana ibunya seorang hartawan, boleh jadi ibunya akan menebuskannya nanti, maka kata Abu Azizi kepada saudaranya Musab: Apakah itu pesanan kau terhadap ku ini? Jawab Musab: Beliau ini saudara ku bukannya kau.

9. Semasa diperintah supaya mayat-mayat kaum musyrikin dicampak ke dalam lubang, dan diseretnya mayat Utbah bin Rabiah, Rasulullah terpandang muka anaknya Abu Huzaifah yang dalam keadaan muram dan masam, sabda Rasulullah: "Wahai Abu Huzaifah! Bagaikan kau

merasakan sesuatu terhadap bapa kau itu". Jawab beliau: "Tidak! Demi Allah, wahai Rasulullah, daku tidak merasai tentang kematian ayahku itu, cuma aku ini memang mengenali bapaku sebagai seorang yang berpandangan luas, kepintaran yang waras dan kelebihan tak terbatas, sebenarnya ku mengharapkan supaya beliau dihidayatkan Allah kepada Islam, tapi setelah ku menyaksi apa yang telah menimpanya, dan kematiannya di dalam kafir, harapan ku musnah sama sekali dan inilah yang mendukacitakan daku". Lalu Rasulullah pun mendoakan kebaikan dan mengharapkan sesuatu yang baik untuk beliau.

QURBAN KEDUA-DUA BELAH PIHAK

Peperangan berakhir dengan kekalahan yang teruk bagi pihak musyrikin dan pembukaan serta kemenangan yang menyeluruh bagi pihak muslimin. Seramai empat belas orang telah terkorban sebagai syahid, enam muhajirin dan lapan al-Ansar. Manakala kaum musyrikin telah mengalami kerugian harta benda dan nyawa amat parah, terbunuh tujuh puluh orang dan berpuluh-puluh orang yang lain menjadi tawanan, keseluruhan mereka adalah lapisan pemimpin, kepala dan ketua.

Sebaik sahaja selesai peperangan Rasulullah pun tampil ke hadapan memerhati mangsa-mangsa musyrikin dan sabdanya: "Kamu sejahat-jahat keluargaku terhadap Rasul kamu, kamu mendusta sedang orang lain mempercayai daku, kamu mengecewakan daku, sedang orang lain membantu daku, kamu menghalau daku sedang orang lain membela daku".

Kemudian Rasulullah memerintah supaya mereka semua dicampak ke dalam lubang pengambusan Badar. Abu Talhah meriwayatkan bahawa Rasulullah memerintah supaya mencampak empat belas bangkai pemuda-pemuda Quraisy ke dalam lubang-lubang pengambusan Badar, persemadian kuncu-kuncu jahat. Selama tiga hari bila baginda melalui di situ. Rasulullah berdiri di kawasan pengambusan, di hari ketiga Rasulullah ke sana dengan tunggangannya setelah

menambat binatang tunggangannya, Baginda berjalan kaki dengan

diikuti oleh para sahabatnya. Rasulullah berdiri ditepi tebing lubang dan Baginda menyeru kepada mereka yang dikambus di situ serta menyebutkan nama-nama mereka dan nama bapa-bapa mereka: "Wahai pulan bin pulan, wahai pulan bin pulan, adakah mengembirakan kamu kerana kamu mentaati Allah dan RasulNya? Sesungguhnya kami mendapati apa yang telah dijanjikan Tuhan kami itu benar". Maka tanya Saidina Umar: "Wahai Rasulullah apakah yang tuan hamba bercakap dengan jasad-jasad yang tidak bernyawa itu?" Jawab Rasulullah: "Demi jiwa Muhammad di tanganNya. Kamu tidak lebih mendengar dari apa yang didengar oleh mereka itu". Dan di dalam riwayat yang lain:

"Kamu tidak lebih mendengar dari mereka, cuma mereka tidak boleh menjawab".

MAKKAH MENERIMA BERITA KEKALAHAN

Orang-orang musyrikin lintang pukang lari dari medan pertempuran, di dalam Jusaha menyelamatkan diri, masing-masing bertempiaran ke lorong-lorong dan jalan-jalan ditepian bukit menuju ke Makkah dengan perasaan tidak tahu bagaimana hendak memasuki kota Makkah, lantaran malu dan merasa aib.

Mengikut cerita Ibn Ishak dengan katanya: Orang pertama yang cedera sampai ke Makkah ialah al-Haisaman bin Abdullah al-Khuzai, pihak Quraisy yang berada di Makkah terus menyoal beliau kata mereka: Apa yang sudah terjadi? Jawab al-Haisaman: Mereka yang terbunuh ialah Utbah bin Rabiah dan saudaranya Syaibah, Abu al-Hakim bin Hisyam (Abu Jahal), Umaiyah bin Khalaf dan tokoh-tokoh yang lain yang dilaporkan oleh al-Haisaman, semasa beliau membilang tokoh-tokoh Quraisy, Sufwan bin Umaiyah yang sedang duduk di dalam Hajar Ismail menyampuk dengan katanya: Demi Allah kalau dia masih berakal dan ingat, tanyalah beliau mengenai diri ku ini maka kata mereka: Apa yang telah dilakukan oleh Sofwan bin Umaiyah. Kata al-Haisaman: Itu dia orangnya, sedang duduk di dalam al-Hijr, demi Allah sesungguhnya aku telah menyaksi bapa dan saudaranya ketika mereka

dibunuh.

Abu Raf pembantu Rasulullah menceritakan: Semasa ku sebagai budak suruhan al-Abbas, masa itu cahaya Islam telah pun menyeluruh hidup kami sekalian Ahl al-Bait, al-Abbas telah memeluk Islam, juga Ummu al-Fadhl dan daku sendiri tapi al-Abbas merahsiakan keislamannya. Semasa peristiwa Badar Abu Lahab tidak turut serta, bila berita kekalahan Quraisy sampai kepadanya beliau memendamkannya, dan kini Allah memalukannya, sedang kami pula merasai sesuatu kebanggaan dan kekuatan pada diri kami, aku adalah menusia dhaif. Kerjaku membuat bijana, aku mengukirkannya di perkarangan telaga Zamzam, demi Allah semasa ku sedang mengukir bijana-bijana ku di mana Ummu al-Fadhl duduk di sampingku. Alangkah gembiranya sebaik sahaja kami mengetahui berita peperangan Badar itu, tiba-tiba Abu Lahab berjalan menyeret-nyeret kakinya dengan niat jahatnya, terus beliau duduk di atas seketui batu, belakang ku membelakanginya, semasa tengah duduk tiba-tiba orang ramai meneriak: Itu dia Abu Sufian bin al-Harith bin Abdul Muttalib telah pun tiba. Maka sahut Abu Lahab dengan katanya: Ayuh mari ke sini, demi jiwa kau! pasti ada berita. Kata Abu Rafi': Abu Sufian pun duduk di sampingnya, orang-orang lain melingkunginya. Kata Abu Lahab: Wahai anak saudaraku cuba kau ceritakan apa kisah lanjut mengenai semua orang kita itu? Kata Abu Sufian: Apa yang berlaku, sebaik sahaja kita berhadapan dengan mereka, bagaikan kita menyerahkan bahu-bahu kita, untuk mereka membunuh kita sekehendak hati mereka, menawan kita sekehendak hati mereka, demi Allah dalam keadaan demikian aku tidak dapat mengumpulkan orang-orang kita, dalam keadaan demikian kami berhadapan dengan lelaki-lelaki serba putih memecut kuda di antara langit dan bumi. Demi Allah tak suatu pun yang ditinggalkan kesemuanya dikerjakannya.

Kata Abu Rafi': Aku pun mengangkat hujung ketul batu yang dididuki Abu Lahab tadi dengan tangan ku sambil ku berkata: Demi Allah itulah dia yang dikatakan Malaikat. Di masa itu Abu Lahab pun mengangkat tangannya dan menempeleng mukaku sehabis tenaganya, aku lawan

balik, namun beliau memaut tubuh dan merebahkanku ke tanah dan terus beliau duduk ke atas sambil memukul dan melanyakkan ku, apa nak buat aku seorang yang lemah dan dhaif, di ketika itu Ummu al-Fadhl bingkas bangun memegang seketui batu bujur dan dihentaknya ke kepala Abu Lahab hingga luka dan meneriak: Kau perlecehkannya di ketika tuannya tak ada di rumah, masa itu Abu Lahab pun bangun dan beredar dari situ dengan malu. Demi Allah Abu Lahab tidak sempat hidup lama kerana di hari ketujuh lepas kejadian beliau telah diserang sejenis kudis bernanah yang memang sial pada anggapan orang Arab, beliau mati lantaran penyakit tadi, matinya dibiarkan oleh anaknya tanpa dipedulikan, selama tiga hari tiada siapa pun mendekati atau mengambusnya, namun takut dikecam oleh masyarakat Arab kerana bersikap sambil lewa itu maka anak-anaknya pun menggali lubang untuk mengambus, itupun mereka menolak ke dalam lubang dengan ranting-ranting kayu dan melontar anak-anak batu untuk menimbus lubang pengambusan dari jarak jauh akhirnya tertimbus juga.

Demikianlah Makkah menerima berita kekalahan di medan peperangan Badar yang parah itu. lanya memberi kesan yang amat mendalam di jiwa mereka, namun mereka melarang sebarang teriak tangis tanda perkabungan untuk mengelak ejekan kaum muslimin.

Di antara cerita-cerita pelik ialah aI-Aswad bin al-Muttalib yang kehilangan tiga orang puteranya di dalam peristiwa Badar, beliau suka agar kehilangan mereka itu ditangisi, beliau seorang yang cacat penglihatan, pada masa itu beliau terdengar suara tangisan dan ratapan kematian oleh seorang wanita. Beliau menghantar budak suruhannya dengan katanya: Pergi tengok apakah dibolehkan tangisannya dan ratapan? Adakah Quraisy telah meratapi di atas kehilangan-kehilangannya? Semoga aku boleh meratapi ke atas anakku Abu Hakimah, kerana sabariku sudah kehangusan. Budak suruhan pulang sambil berkata: lanya seorang wanita menangis kerana kehilangan untanya, Aswad pun tidak tertahan lagi terus meratap dalam madahnya:

Perempuan menangis dek unta kehilangan

lena tak mengunjung ruang mata kau pula tak meratapi Bakar kematian
Kan Badar tidak membawa tuah Di Badar Banu Hasis dan Makhwm
Anak Abu al-Walid menjadi tawanan Tangislah dek kehilangan Uqail
Asad singa Arab meratapi Harith Semuanya tiada setara ratapan
Abu Hikmah, tiada bandingan Selepas kematian kalian mengarah
Tanpa Badar masakan kalian memerintah.

AL-MADINAH MENERIMA BERITA KEMENANGAN

Sebaik sahaja kaum muslimin mencapai kemenangan, Rasulullah pun mengutus dua pemberitahu berita gembira kepada penduduk al-Madinah, buat melapor berita segera

dan terkini mengenai perkembangan mutakhir di medan pertempuran, Abdullah bin Rawahah diutus kepada penduduk al-Aliah dan Zaid bin Harith kepada penduduk al-Safilah.

Kaum Yahudi dan Munafiqin telah menyebar berita-berita palsu, di antaranya berita pembunuhan Rasulullah (s.a.w). Kebetulan pula seorang munafiqin melihat Zaid bin Harith menunggangi unta Rasulullah al-Qaswa. Apa lagi mereka pun cepat-cepat menyebar berita kematian Rasulullah dengan katanya: Muhammad (s.a.w) telah terbunuh, Unta itu kami kenali, dia kepunyaan Muhammad (s.a.w), si Zaid itu pulang ke Madinah, kerana kekalahan hingga tidak tahu hendak menceritakan peri ketakutan yang melandanya. Setibanya dua orang utusan Rasulullah itu, kaum muslimin pun segera melingkungi mereka dan mendengar cerita-cerita lanjut, dengan itu pastilah mereka kemenangan yang muktamad kepada kaum muslimin, maka keriangan dan kegembiraan pun terbayang di setiap wajah, di bumi al-Madinah bergegar dengan laungan tahlil dan takbir, pimpinan Muslimin yang berada di Madinah keluar beramai-ramai ke jalan arah Badar, untuk memberi tahniah kepada Rasulullah dengan kemenangan yang agung itu.

Kata Usamah bin Zaid: Berita kemenangan kaum muslimin itu sampai kepada kami, setelah kami selesai meratakan tanah kubur Rokiah binti

Rasulullah, isteri Uthman bin Affan (r.a), kerana Rasulullah memerintah daku mengganti Baginda untuk menjaga puterinya bersama Uthman bin Affan.

TENTERA RASULULLAH BERGERAK MENUJU KE MADINAH

Selepas peperangan Rasulullah tinggal di Badar selama tiga hari, sebelum bergerak pulang berlaku sedikit perselisihan pendapat mengenai pembahagian harta rampasan, tetapi setelah perselisihan menjadi parah Rasulullah pun memerintah supaya semua rampasan yang di dalam tangan mereka dipulangkan semula, mereka semua pun akur dan patuh. Setelah itu wahyu pun turun bagi mengatasi perselisihan yang berlaku.

Ubbadah bin al-Samit meriwayatkan: Kami keluar bersama-sama Rasulullah (s.a.w), daku mengikuti peperangan Badar bersama Baginda, setelah pertempuran berlaku di antara dua pihak dan berakhirlah peperangan dengan kekalahan musuh Allah, malah sebahagian tentera Islam terus memburu saki baki musuhnya yang lari bertempiaran, menyelamat diri masing-masing. Sebahagian yang lain mengumpul rampasan-rampasan yang ditinggalkan itu, manakala sekumpulan yang lain pula sedang mengeHlingi Rasulullah mempertahankan diri baginda dari diserang, hingga apabila malam tiba, semua orang berhimpun di suatu tempat hingga berkatalah mereka yang mengumpul harta rampasan tadi: Sebenarnya kamilah yang mengumpulkan semua harta rampasan ini, siapa pun tidak berhak mengambilnya, namun mereka yang memburu seteru yang lari berkata: Bukan kamu yang lebih berhak dari kami, kerana kamilah yang memburu seteru habis-habisan dan kamilah yang menghalang mereka. Maka berkatalah mereka yang mengawal Rasulullah: Kami ini mengawal Rasul kerana takut-takut baginda diserang oleh seteru. Dalam Suasana begini maka turunlah ayat Allah yang bermaksud:

"Mereka bertanyakan kamu mengenai harta rampasan perang. Katakanlah: "Harta rampasan perang itu kepunyaan Allah dan Rasul, sebab itu bertaqwalah kepada Allah dan perbaiklah hubungan di antara

sesama mil, dan taatlah kepada Allah dan RasulNya, jika kamu adalah orang-orang yang beriman ".

(al-Anfal: 1)

Dengan ini Rasulullah pun, membahagikan rampasan tadi di antara kaum muslimin.

Setelah tiga hari Rasulullah di Badar baginda mengerakkan tentera ke Madinah bersama-sama dengan orang-orang musyrikin yang menjadi tawanan, mereka dibawa bersamanya harta-harta rampasan perang, di mana Abdullah bin Kaab dilantik seba&ai amir yang bertanggungjawab ke atas rampasan-rampa'ian. Setibanya di segenting al-Safra' Baginda singgah di dataran yang terletak di antara segenting dan al-Naziah, di situ Baginda membahagikan harta rampasan di kalangan kaum muslimin, setelah baginda mengambil seperlima darinya.

Bila sampai ke al-Safra' Baginda (s.a.w) mengarah supaya dibunuh al-Nadr bin al-Harith, beliaulah pembawa panji kafir musyrikin di Badar, beliau merupakan sejahat penjenayah Quraisy, sejahat-jahat manusia yang mengecam Islam, dan beliau juga orang yang menyakiti Rasulullah, beliau dibunuh oleh Saidina Ali bin Abi Talib.

Setelah sampai ke "Irq al-Zibyah" Baginda memerintah supaya membunuh Uqbah bin Abi Muit, kerana seperti yang telah diperkatakan, beliaulah orang yang bertanggungjawab menganiayai Rasulullah, mencampak pundi najis sembelihan ke atas kepala Rasulullah, semasa

baginda bersolat, dan beliau juga pernah mencekik leher Rasulullah dengan kainnya, hampir-hampir membunuh Rasulullah, kalau tidak dicelah oleh Abu Bakr, setelah diperintah untuk dibunuh. beliau merayu: Siapalah yang akan menjaga anak-anak kecil wahai Muhammad? Jawab baginda: Api menjaganya. Akhirnya beliau dibunuh oleh Asim bin Thabit al-Ansari, ada pendapat mengatakan Saidina Ali yang membunuhnya.

Hukuman membunuh dua orang kepala Thaghut ini adalah kemestian dari segi undang-undang perang, kerana mereka bukan sekadar tawanan perang, malah mereka berdua adalah penjenayah perang

berdasarkan kanun semasa.

PERUTUSAN MENYAMPAIKAN TAHNIAH

Sesampainya Rasulullah (s.a.w) ke al-Rauha', Baginda telah disambut oleh ketua-ketua kaum muslimin, yang telah keluar beramai-ramai untuk memberi tahniah dengan kemenangan ulung itu. Setelah mereka mendapat berita yang mengembirakan itu dari dua orang utusan yang dihantarkan oleh Baginda terdahulu. Maka Salmah bin Salamah bertanyakan mereka: Apakah yang hendak kamu ucapkan kepada kami? Demi Allah, apa yang kau ketemui di sana tak lebih dari Atok-atok' yang botak kepalanya, badan seperti unta-unta gemuk. Ungkapan itu menjadikan Rasulullah senyum riang, sabda Baginda: Wahai anak saudaraku mereka adalah golongan al-Mala', golongan atasan.

Dan kata Usayid bin Hadir: Wahai Rasulullah, al-Hamdulillah, pujian kepada Allah, Dialah Tuhan yang memberikan kemenangan kepada tuan hamba dan berpuas hatilah dengannya, demi Allah wahai Rasulullah, sebenarnya tidak nadir ku bersama Rasulullah ke Badar itu, kerana dalam sangkaan ku tuan hamba tidak akan bertemu dengan musuh tetapi yang ku sangka ialah Qafilah yang membawa barangan perniagaan, kalau ku tahu ianya musuh pasti tidak ku lepaskan peluang ini, jawab Rasulullah: Ya kata-kata mu itu benar.

Setelah itu Rasulullah pun memasuki al-Madinah sebagai seorang yang memperolehi kejayaan dan kemenangan, kini baginda ditakuti musuh-musuh di sekeliling al-Madinah, ramai pula orang Madinah memeluk Islam, malah Abdullah bin Ubai dan pengikutnya pun memeluk Islam secara zahir.

Tawanan perang memasuki al-Madinah sehari selepas Baginda sampai, mereka dibahagi-bahagikan di antara sahabat baginda, semasa pembahagian baginda berpesan supaya bertindak baik terhadap mereka, di masa itu para sahabat memakan tamar sedangkan tawanan dilayan dan diberi roti mematuhi pesanan Rasulullah (s.a.w).

PERMASALAHAN TAWANAN

Setibanya di Madinah terus Baginda mengambil pendapat para sahabat mengenai tawanan perang itu. Pendapat Abu Bakr: Wahai Rasulullah, tawanan ini pada umumnya, mereka adalah anak-anak saudara dan sanak keluarga, juga taulan, pada pendapat hamba kita berikan peluang mereka untuk ditebus, hingga dengan nilai yang kita ambil itu akan menjadi satu kekuatan untuk menentang kuasa kafir. Dan semoga Allah memberi taufiq dan hidayat kepada mereka nanti, kelak mereka menjadi kekuatan penyumbang kepada kita. Kata Rasulullah (s.a.w): Apa pula pendapat mu wahai Ibnu al-Khattab? Jawab Saidina Umar: Pendapat hamba tidak seperti pendapat Abu Bakar, bagiku dalam sangkaan ku tuan hamba tidak akan bertemu dengan musuh tetapi yang ku sangka ialah Qafilah yang membawa barangan perniagaan, kalau ku tahu ianya musuh pasti tidak ku lepaskan peluang ini, jawab Rasulullah: Ya kata-kata mu itu benar.

Setelah itu Rasulullah pun memasuki al-Madinah sebagai seorang yang memperolehi kejayaan dan kemenangan, kini baginda ditakuti musuh-musuh di sekeliling al-Madinah, ramai pula orang Madinah memeluk Islam, malah Abdullah bin Ubai dan pengikutnya pun memeluk Islam secara zahir.

Tawanan perang memasuki al-Madinah sehari selepas Baginda sampai, mereka dibahagi-bahagikan di antara sahabat baginda, semasa pembahagian baginda berpesan supaya bertindak baik terhadap mereka, di masa itu para sahabat memakan tamar sedangkan tawanan dilayan dan diberi roti mematuhi pesanan Rasulullah (s.a.w).

PERMASALAHAN TAWANAN

Setibanya di Madinah terus Baginda mengambil pendapat para sahabat mengenai tawanan perang itu. Pendapat Abu Bakr: Wahai Rasulullah, tawanan ini pada umumnya, mereka adalah anak-anak saudara dan sanak keluarga, juga taulan, pada pendapat hamba kita berikan peluang mereka untuk ditebus, hingga dengan nilai yang kita ambil itu akan menjadi satu kekuatan untuk menentang kuasa kafir. Dan semoga Allah

memberi taufiq dan hidayat kepada mereka nanti, kelak mereka menjadi kekuatan penyumbang kepada kita. Kata Rasulullah (s.a.w): Apa pula pendapat mu wahai Ibnu al-Khattab? Jawab Saidina Umar:

Pendapat hamba tidak seperti pendapat Abu Bakar, bagiku kadar dari tiga ribu dirham hingga empat ribu dirham dan ada kadar seribu dirham, tawanan dari penduduk Makkah menebus secara mukatabah, menebus diri didasarkan persetujuan dengan tuannya sedang penduduk al-Madinah tidak sedemikian, malah ada di antara mereka yang tidak dapat membayar tebusan tetapi diberi pilihan untuk mengajar sepuluh orang anak-anak orang Islam setelah anak-anak itu mahir maka dibebaskannya. Beberapa orang tawanan telah dianugerahkan pembebasannya oleh Rasulullah, tanpa pembayaran tebusannya. Di antara mereka ialah: al-Muttalib bin Hantab, Saifi bin Abi Rifaah dan Abi Uzzah al-Jumahi.

Manakala Ali bin Abi Talib pula membebaskan birasnya Abi al-Aas dengan syarat beliau harus melepaskan Zainab, Zainab pula telah mengirim wang untuk tebusan Abu al-Aas suaminyanya, beliau menghantar kalungan yang pernah bersama Khadijah dahulu, Khadijah memberinya semasa perkahwinannya dengan Abu al-Aas, bila Rasulullah terpandangnya, hati Baginda menjadi lembut, lantarannya Baginda meminta izin para sahabatnya untuk membebaskan Abu al-Aas, mereka semua pun mengizinkannya. Dan Rasulullah mengenakan syarat kepada Abu al-Aas iaitu supaya membebaskan Zainab, di mana beliau pun menepati janjinya, menyebabkan beliau turut berhijrah, bertepatan dengan hijrahnya, Rasulullah mengutus Zaid bin Harith dan seorang dari al-Ansar, pada mereka Rasulullah berpesan:

Kamu tunggu di "Batn Ya'jaj" sehingga Zainab melewati kamu dari sana iringilah beliau ke Madinah, mereka berdua pun keluar hingga dapat bertemu dengan Zainab dan membawanya pulang. Kisah hijrahnya panjang dan menyedihkan.

Di antara yang tertawan ialah Suhail bin Amru, beliau merupakan ahli pidato yang petah, kata Umar:- Wahai Rasulullah: Cabutkanlah dua batang gigi depannya, maka akan terjelirlah lidahnya hingga dengan itu

beliau tidak berupaya lagi untuk membuat rapat umum menentang Rasulullah (s.a.w), tetapi Rasulullah menolak permintaan Umar itu, kerana baginda tidak mahu mencacat hina tawanan dan mengelak dari balasan Allah di akhirat.

Saad bin al-Nu'man telah keluar ke Mekah untuk menunai umrah, namun beliau telah ditahan oleh Abu Sufian, sedang anaknya Amru bin Abi Sufian menjadi tawanan, dengan itu mereka melepaskan anaknya Amru menyebabkan Abu Sufian pun membebaskan Saad.

AL-QURAN BERBICARA SEKITAR PEPERANGAN BADAR

Di sekitar tajuk peperangan Badar ini Allah menurunkan surah al-Anfal, surah ini merupakan huraian lanjut Ilahi - (sekiranya ungkapan ini sah disebut) mengenai peristiwa Badar, ulasan yang amat berlainan sekali dengan ulasan yang biasa dibuat oleh raja-raja atau pemimpin-pemimpin selepas sesuatu kemenangan.

Allah (s.w.t) menarik perhatian kaum muslimin, pertamanya mengenai kecuaian-kecuaian dan beberapa kekurangan akhlak susila yang masih menjiwai mereka, ini adalah di antara yang terpamer keluar pada tindakan-tindakan mereka, semoga dengan pernyataan Ilahi ini mereka dapat memperbaiki dan mentazkiahkannya.

Disusuli pula dengan perbicaraan langsung kepada kemenangan yang mendapat bantuan dari Allah dan sokongan-sokongan ghaib kepada kaum muslimin sekalian, Allah menyebut semua ini agar mereka tidak tertumpu dan terpesona dengan keberanian dan kehandalan mereka, akhir nanti mereka terasa bongkak dan sombong serta takbur. Malah agar mereka bertawakkal dan berserah serta mematuhi Allah dan RasulNya (a.s).

Kemudian al-Quran menjelaskan kepada mereka matlamat dan tujuan mulia mereka yang Rasulullah harungi ke kancah pertarungan yang penuh dramatik lagi mengagumkan. Allah (s.w.t) menunjukkan kepada mereka perangai-perangai dan akhlak-akhlak susila yang boleh membawa kepada kemenangan di dalam pertempuran tadi.

Kemudian Allah menujukan khitabNya(seruan) kepada golongan musyrikin munafiqin Yahudi dan tawanan-tawanan perang dengan memberi nasihat yang berkesan, menunjukkan mereka supaya menyerah dan tunduk kepada kebenaran.

Setelah itu Allah menunjukkan khitabNya kepada kaum muslimin mengenai persoalan rampasan, Allah menetapkan kaedah dan prinsip persoalannya.

Seterusnya Allah menetapkan landasan dan disiplin peperangan dan keamanan, kerana masa sudah menuntut hal demikian, oleh kerana dakwah Islamiah sudah memasuki fasa dan marhalah yang memerlukankannya, agar peperangan-peperangan orang Islam berbeza dari peperangan orang jahiliah, supaya orang Islam dapat memperlihatkan nilai-nilai akhlak mulia dan norma-norma susila yang unggul, hingga dengan itu akan terbukti kepada dunia bahawa Islam bukan sekadar teori semata-mata, malah Islam membudayakan penganut-penganutnya dengan disiplin-disiplin dan prinsip-prinsip amalan seperti mana yang diserukan kepadanya.

Setelah semua itu barulah al-Quran meletakkan akta-akta dan butir-butir perundangan negara Islam yang memuat garis pemisah dan perbezaan di antara orang-orang Islam yang tinggal di dalamnya dan orang-orang Islam yang tinggal di luarnya.

Dalam tahun kedua hijrah difardukan puasa Ramadhan dan zakat fitrah. Padanya juga dijelaskan kadar nisab zakat-zakat harta lain, tugasan mengeluarkan zakat fitrah dan penentuan kadar zakat-zakat lain merupakan jalan keluar untuk meringankan bebanan yang ditanggung oleh sebahagian besar kaum Muhajirin, di mana mereka ini adalah golongan fakir yang tidak berkemampuan untuk bergerak di bumi Allah ini.

Seperti satu kebetulan yang direncanakan Allah di mana hari raya pertama yang disambut oleh umat Islam awal, dalam sejarah hidup mereka ialah Syawal tahun kedua hijrah, iaitu selepas kemenangan muktamad umat Islam di dalam peperangan Badar. Betapa indahnya hari raya yang membawa seribu satu kebahagiaan terhadap anugerah

Allah (s.w.t) kepada hambaNya, selepas satu perjuangan yang mereka hadapi dengan penuh semangat yang gigih, betapa indahnya pemandangan sembahyang raya fitrah, kesemua keluar dari rumah masing-masing di pagi hari dengan laungan takbir tahmid dan tauhid bergema di angkasa al-Madinah, hati-hati mereka mekar dengan rindu dan cintakan Allah Rabul al-Jalil, cintakan kepada keredhaanNya dan rahmatNya setelah dilimpahi dengan nikmat-nikmatNya yang tak terkira itu di samping sokonganNya dan pertolongan yang amat diperlukan itu, untuk itu maka al-Quran memperingatkan mereka yang bermaksud:

"Dan ingatlah ketika kamu sedikit bilangannya serta tertindas di bumi, kamu takut orang-orang mencoiek kamu, maka Allah memberi kamu tempat bermastautin dan diperkuatkan kamu dengan pertolonganNya serta dikurniakan kamu dan rezeki-rezeki yang baik-baik supaya kamu bersyukur"

(al-Anfaal: 26)

GHAZWAH UHUD

PERSIAPAN QURAISY UNTUK PERTEMPURAN GANAS

Makkah dibakar bahang api kemarahan terhadap kaum muslimin. Ini adalah ekoran natijah kekalahannya dipertempuran Badar. lanya adalah suatu tragedi kerana kekalahan dan kematian pemuka-pemukanya. Desakan menuntut bela di atas kematian wira-wira Quraisy memuncak, pihak Quraisy melarang sebarang ratapan di atas kematian itu, dan melarang penebusan segera ke atas tawanan perang, supaya tidak dilihat oleh kaum muslimin betapa berdukacitanya mereka dengan peristiwa yang tragedik itu.

Selepas peperangaan Badar seluruh Quraisy telah bersetuju untuk membuat satu serangan dan peperangan yang menyeluruh terhadap kaum muslimin, serangan yang boleh melegakan perasaan marah mereka dan melunakkan kesumat hasad mereka. Untuk itu mereka membuat persiapan secukupnya bagi membolehkan mereka masuk ke kancah peperangan nanti.

Ikrimah bin Abu Jahal, Safwan bin Umaiyah, Abu Sufian bin Harb dan Abdullah bin Abi Rabiah merupakan tokoh yang paling aktif dan pengerak utama malah yang paling bersemangat ke kancah peperangan berkenaan.

Tindakan awal yang mereka lakukan untuk tujuan berkenaan ialah memegang kafilah yang terlepas dahulu yang dipimpin oleh Abu Sufian, yang menjadi punca peperangan Badar. Mereka menegaskan kepada pemilik-pemilik harta itu, dengan kata mereka : "Wahai kalian Quraisy, Muhammad telahpun membuat pukulan ke atas kamu dan membunuh tokoh-tokoh kamu, ku mengharapkan agar kamu kalian dapat membantu kami, memerangi Yathrib dengan harta-harta ini. Semoga dapat kita menebus kekalahan dan menuntut bela ke atas kematian orang-orang kita yang tersayang itu". Mereka semua pun bersetuju, maka dijual kesemua barang itu menjadi aset mereka, berjumlah seribu ekor unta dan lima puluh ribu dinar wang emas. Sempena usaha ini Allah menurunkan firmanNya yang bermaksud :

"Sesungguhnya meraka yang kafir membelanjakan harta mereka untuk menyekat dakwah ke jalan Allah. Dan mereka berbelanja, kemudian perbelanjaan itu mendatangkan penyesalan seterusnya mereka akan ditewaskan "

(al-Anfal: 36)

Setelah itu mereka membuka peluang untuk pejuang sukarela kepada sesiapa sahaja yang berkeyakinan untuk turut serta dalam operasi mengepong orang-orang Islam di Al-Madinah. Peluang dibuka untuk golongan awam Al-Ahabisy, Kabilah Kinanah dan penduduk Tuhamah. Sebagai langkah memberansang orang ramai, beberapa insentif mereka lakukan, di antaranya, Safwan bin Umaiyah memikat Abu Azzah untuk turut sama bergerak, beliau adalah penyair yang telah dibebaskan Rasulullah tanpa sebarang bayaran, beliau telah membuat janji dengan Rasulullah selepas ini beliau tidak akan membuat sebarang hasutan terhadap Islam, namun beliau termakan dengan ajakan Safwan, beliau turut berusaha mempengaruhi kabilah Arab untuk turut serta memerangi kaum muslimin. Safwan menjanjikan Abu Azzah kiranya

beliau selamat pulang dari peperangan terhadap kaum muslimin nanti akan diberi kemewahan kepadanya, kalau tidak beliau akan bertanggungjawab menyara hidup puterinya. Abu Azzah bergerak penuh semangat melalui syair-syairnya yang bersemangat meransang kabilah-kabilah disekitar Makkah, malah disamping itu pihak Quraisy telah memilih seorang penyair lagi untuk meransang saraf musyrikin Makkah.

Abu Sufian merupakan tokoh yang bersungguh-sungguh bergerak menentang umat muslimin setelah beliau lari lintang pukang dari buruan ghazwah Al-Sawiq, malah dalam operasi itu beliau kehilangan sebahagian besar dari bekalan makanannya.

Apa yang menambahkan suasana lebih buruk dan menyemarakkan lagi kemarahan Quraisy ialah kejayaan angkatan Zaid bin Harithah menewaskan kafilah Safwan bin Umaiyah yang membawa kerugian besar malah hampir meranapkan ekonomi Quraisy dan mensugulkan perasaan dan pemikirannya. Kesemua faktor ini mendesak Quraisy untuk mensegerakan tindakan ke satu kancah peperangan penentu di antara mereka dan kaum muslimin.

KEKUATAN TENTERA QURAISY DAN PIMPINANNYA

Dalam tempoh setahun, pihak Quraisy telah berjaya memperlengkapkan angkatannya dengan peralatan ketenteraan yang diperlukan. Kekuatan tenaga manusia terdiri dari tiga ribu orang askar. Gabungan Quraisy, sekutu dan Al-Ahabisy, sesetengah pemimpin Quraisy berpendapat, peperangan kali ini baik disertai oleh kaum ibu. Kerana penyertaan seupama ini boleh mempertingkatkan prestasi dan mutu peperangan tentera Quraisy, agar mereka akan bermati-matian semasa bertempur kerana mempertahankan maruah dan kehormatan keluarga mereka. Bilangan kaum wanita yang turut serta adalah seramai lima belas orang.

Logistik pengangkutan di dalam angkatan kali ini sebanyak tiga ribu ekor unta, kekuatan tentera berkuda adalah seramai dua ratus ekor kuda. Peralatan penangkis adalah sebanyak tujuh ribu perisai.

Pimpinan agung diserahkan kepada Abu Sufian bin Harb manakala pimpinan tentera berkuda diletak dibawah kelolaan dan tanggungjawab Khalid bin Al-Walid dengan dibantu oleh Ikrimah bin Abi Jahal. Adapun tanggungjawab membawa panji peperangan diserahkan kepada Banu Abdul Al-Dar.

TENTERA MAKKAH BERGERAK

Dengan kelengkapan yang sebegini kemas, tentera Makkah mula bergerak menuju ke Madinah. Kesumat kemarahan yang amat sangat untuk menuntut bela di atas kematian-kematian silam membakar perasaan masing-masing, menunggu saat yang pada bila-bila masa sahaja boleh membangkit dan mencetuskan pertempuran yang sengit.

RISIKAN-RISIKAN RASULULLAH MENYINGKAP PERGERAKAN MUSUH

Al-Abbas bin Abdul Muttalib mencerap pergerakan ketenteraan Quraisy. Al-Abbas pun segera pula mengutus risalah memaklumkan Rasulullah segera sesuatu mengenai tentera Quraisy dan pergerakannya.

Utusan Al-Abbas itu bergerak cepat sekali merentas perjalanan di antara Makkah dan Madinah yang dianggar jaraknya lima ratus kilometer memakan masa tiga hari, utusan tadi segera menyerah risalah Al-Abbas itu ke tangan Rasulullah (s.a.w.) yang pada masa itu sedang berada di masjid Quba'.

Ubai bin Kaab bertugas membaca risalah yang diterima itu kepada Baginda. Baginda meminta agar dirahsiakan risalah berkenaan, dengan itu Baginda segera pulang ke Madinah dan terus Baginda berbincang dengan pemimpin Muhajirin dan Al-Ansar.

PERSIAPAN KAUM MUSLIMIN MENGHADAPI KECEMASAN

Kini Al-Madinah berada dalam suasana seruan jihad am (Al-Nafir al-Aam). Tentera Islam terus membawa senjata ke mana sahaja hingga ke

dalam solat mereka, sebagai persiapan buat menghadapi suasana kecemasan.

Satu kumpulan bertindak telah dibentuk dari kalangan Al-Ansar, terdiri dari Saad bin Muaz, Usayyid bin Hadhir dan Saad bin Ubadah, mereka bertugas mengawal Rasulullah, mereka ini sepanjang masa berada di pintu kediaman Rasulullah siap sedia dengan senjata mereka.

Dan beberapa kumpulan yang lain bertugas menjaga pintu masuk ke Madinah dan lorong-lorong yang lain, takut diserang hendap dan curi masuk secara mendadak.

Sekumpulan yang lain membantu relawan peninjau buat meninjau pergerakan musuh, kumpulan ini bergerak di sekitar jalan-jalan yang dianggap kemungkinan tentera musuh merempuh masuk menyerang kaum muslimin.

TENTERA MUSUH DI PINGGIR AL-MADINAH

Tentera Makkah meneruskan perjalanannya dengan melalui jalan awam utama di sebelah barat, setibanya ke Al-Abwa', Hindun binti Utbah isteri Abu Sufian di antara kaum ibu Quraisy yang turut serta bersama tentera Makkah telah mencadangkan supaya mereka mengali lubang kubur ibu Rasulullah di situ, namun pemimpin tentera enggan berbuat demikian, malah mereka memperlngatkan bahawa tindakan seumpama itu boleh mendatangkan padah yang buruk ke atas mereka semua.

Tentera Makkah teruskan perjalanannya hingga sampai berhampiran al-Madinah dengan melalui "Wadi al-Aqiq" kemudian membelok sebelah kanan dan singgah berhampiran bukit "Uhud" di kawasan yang dikenali sebagai "Ainain" di lembah "al-Sabkhah" berdekatan terusan di tebing lembah di situ, kira-kira disebelah utara "al-Madinah" mereka berkhemah di situ pada tanggal tujuh haribulan Syawal tahun ketiga hijrah di hari Jumaat.

MAJLIS PERMESYUARATAN BERSIDANG MEMBENTUK PELAN PERTAHANAN

Risikan al-Madinah telah memungut berita mengenai tentera Makkah pada setiap pergerakannya, sehingga berita terakhir mengenai perkhemahannya. Justeru itu Rasulullah pun bersidang dengan anggota Majlis Permesyuaratan Tertinggi Ketenteraan Islam, bagi bertukar pendapat untuk menentukan pendirian, malah Baginda menceritakan mimpi yang dilihatnya dengan berkata: "Demi Allah! Sesungguhnya daku telah bermimpi sesuatu yang baik, daku melihat seekor lembu jantan disembelih, mata pedangku sumbing dan ku memasukkan kedua tangan ku ke dalam baju besi". Baginda mentakbirkan mimpi lembu jantan sebagai beberapa orang sahabatnya terbunuh, pedang sumbing sebagai seorang keluarganya dibunuh dan baju besi sebagai "al-Madinah".

Kemudian Rasulullah mengemukakan pendapat kepada para sahabat untuk tidak keluar dari al-Madinah, malah mereka wajar mempertahankan al-Madinah, kiranya kaum musyrikin berkhemah di tempat mereka sekarang bererti mereka mengambil yang buruk dan tidak berfaedah dan kalau mereka menyerang al-Madinah maka kaum muslimin akan menanti mereka di pintu-pintu lorong ke Madinah. Kaum wanita berperanan dari atas bumbung rumah, itu adalah pendapat Baginda. Pendapat Baginda dipersetujui oleh Abdullah Ibni Ubai bin Salul kepala munafiqin, beliau menghadiri majlis berkenaan dengan statusnya sebagai salah seorang pemimpin al-Khazraj. Persetujuan beliau dengan cadangan Rasulullah tadi bukanlah berasaskan pendirian yang sihat dari logik ketenteraan, tetapi maksud beliau ialah untuk mengelak dari peperangan dalam keadaan tidak disedari oleh orang lain, namun dengan niat tak eloknya beliau dan rakannya terdedah kepada kaum muslimin, dan tertonjol lagi sifat nifaqnya di saat terawal lagi.

Sekumpulan para sahabat Rasulullah yang tidak menyertai peperangan Badar telah meminta Rasul supaya berperang di luar di al-Madinah, dan mereka beriya-iya untuk keluar, ada di antara mereka yang berkata : "Wahai Rasulullah, sememangnya kami mengharapkan hari seumpama ini dan kami senantiasa berdoa kepada Allah. Nah! Allah

telah pun membawa hari itu untuk kami, di mana perjalanannya tidak jauh dari sini, semua ini Allah yang memperdekatkannya, Ayuh! Keluarlah wahai Rasulullah untuk bersemuka dengan, musuh Allah dan jangan biarkan mereka melihat kita sebagai orang-orang yang pengecut". Orang yang mengepalai mereka, yang bersemangat untuk keluar ini ialah bapa saudaranya Hamzah bin Abdul Al-Muttalib, sebagai orang yang dilihat oleh Rasulullah di dalam mimpinya, sebagai mata pedang yang sumbing, akhirnya Rasulullah bersabda kepada mereka : "Demi Tuhan yang telah menurunkan ke atas ku al-Kitab, aku tidak akan memakan sebarang makanan hinggalah akan membelasah mereka dengan pedangku ini di luar al-Madinah.

PEMBAHAGIAN KELOMPOK TENTERA ISLAM DAN KEMARAAN BAGINDA KE MEDAN PERANG

Di hari itu Rasulullah bersembahyang Jumaat bersama-sama seluruh kaum muslimin di Madinah diikuti dengan nasihat dan pesanan yang meminta supaya mereka sentiasa bersabar di mana mereka akan dianugerahkan dengan kemenangan dari Allah dan seterusnya meminta mereka bersiap sedia serta berjaga-jaga untuk menghadapi musuh. Maka seluruh hadirin terasa gembira dengan seruan Baginda itu.

Di sebelah petang Rasulullah (s.a.w.)bersembahyang Asar bersama kaum muslimin, penduduk al-'Awali telah turut di dalam perhimpunan itu, kemudian Rasulullah masuk ke dalam rumahnya dituruti oleh dua orang sahabatnya Abu Bakr dan Umar (r.a). Mereka berdua memasangkan serban ke kepala Baginda dan memakaikan Baginda pakaiannya, seterusnya Rasulullah mengambil senjata, memakai baju besi mengalas pedang dan keluar ke hadapan khalayak ramai.

Orang ramai sedang menunggu kemunculan Rasulullah, di masa itu Saad bin Muaz dan Usaid bin Hadhir bercakap kepada Hadirin : "Kamu telah paksa Rasulullah supaya keluar, sewajibnya serahkan sahaja urusan ini kepada Baginda", dan mereka semua terasa menyesal dengan tindakan mereka itu, bila sahaja Rasulullah muncul semula di hadapan mereka, mereka pun menyuara : "Wahai Rasulullah tidak wajar bagi

kami mencanggahi tuan hamba, lakukanlah apa sahaja sehendak tuan hamba, kiranya Rasulullah lebih suka bertahan di al-Madinah, Rasulullah boleh lakukan". Jawab Rasulullah (s.a.w.) dengan sabdanya yang bermaksud:

"Tidak wajar bagi seorang nabi apabila telah memakai baju besinya akan menanggalnya hinggalah Allah membuat penentuan di antaranya dan musuhnya".

Rasulullah memulakan penyusunan tentera dengan membahagikan kepada tiga kelompok:

1. Katibah (kelompok) al-Muhajirin panjinya diserahkan kepada Mus'ab bin Umair al-Abdari.

2. Katibah al-Ansar dari al-Aws diserahkan panjinya kepada Usaid bin Hadhir.

3. Katibah Ansar dari al-Khazraj diserahkan panjinya kepada al-Habbab bin al-Munzir.

Semua tentera terdiri dari seribu orang askar di antaranya seratus berbaju besi dan lima puluh penunggang kuda tapi ada pendapat mengatakan di hari Uhud itu tidak ada askar berkuda. Rasulullah melantik Ibnu Umu Maktum sebagai Khalifahnya di al-Madinah untuk mengimami sembahyang dengan orang yang masih berada di Madinah. Setelah itu Rasulullah pun memerintah tentera Islam bergerak menuju ke sebelah utara, kedua-dua Saad keluar berlari di hadapan Rasulullah dengan memakai baju besi masing-masing.

Setibanya Rasulullah berhampiran dengan "Thaniyah al-Wada'" Baginda terlihat satu katibah tentera yang kemas peralatannya, berasingan dari tentera induk, Baginda bertanya siapa mereka itu, maka diberitahu itu adalah katibah Yahudi sekutu al-Khazraj. Mereka relahati untuk turut serta di dalam peperangan menentang kaum musyrikin, tanya Baginda : "Apakah mereka itu telah memeluk Islam?" Jawab mereka : "Tidak". Maka Rasul menolak penyertaan mereka kerana Baginda tidak mahu meminta bantuan dari kaum kafir untuk menentang kaum musyrikin.

PERBARISAN TENTERA

Setibanya Baginda ke tempat yang dikenali sebagai "al-Syaikhan" Baginda memeriksa perbarisan tenteranya, mana-mana peserta yang dianggap masih kecil belum cukup layak, tidak berkemampuan untuk berperang dihantar pulang, di antara mereka ialah : Abdullah bin Umar bin al-Khattab, Usamah bin Zaid, Usaiyid bin Zahir, Zaid bin Thabith, Zaid bin Arqam, Urabah bin Awsi, Amru bin Hizam, Abu Said al-Khudari, Zaid bin Harithah, al-Ansari dan Said bin Hibbah. Ada pendapat menyebut di antara yang masih muda dan dihantar pulang ialah al-Barra' bin Azid tetapi hadith al-Bukhari yang diriwayatkan oleh Azib membuktikan kehadiran beliau di dalam peperangan Uhud Itu.

Namun Baginda membenarkan Rafi' bin Khudaij dan Sumrah bin Jundub meskipun kedua-kudanya terlalu muda, tapi oleh kerana Rafi' mahir melontar anak panah maka Baginda membenarkannya. Di sini Sumrah berkata :

"Daku lebih gagah darinya, daku pernah mengalahkannya semasa bergusti dengannya, setelah dicerita hal ini kepada Rasulullah, lalu Baginda meminta mereka berdua bergusti, dan mereka pun melakukannya, memang Sumrah mengalahkan Rafi', maka Rasulullah (s.a.w.) membenarkan kepada mereka berdua untuk turut serta.

BERMALAM DI TEMPAT DI ANTARA UHUD DAN AL-MADINAH

Rasulullah sampai ke tempat ini dilewat petang, setelah bersembahyang Maghrib, dan Isya' di waktunya, maka Rasulullah pun bermalam di situ. Sebelumnya Rasulullah telah pilih seramai lima puluh orang untuk membuat pengawalan, dengan meronda di sekeliling perkhemahan di ketuai oleh Muhammad bin Maslamah, al-Ansari, wira dan jaguh sariyah Kaab bin al-Asyraf, sedang Zakwan bin Abd Qais pula bertugas khusus menjaga nabi (s.a.w.).

PENDERHAKAAN ABDULLAH BIN UBAI DAN RAKANNYA

Sebelum fajar menyising di akhir malam dan sebelum masuk waktu, Rasulullah bersembahyang sunat fajar, tapak perkhemahan Baginda itu adalah dekat dengan tempat musuh, kiranya Rasulullah (s.a.w.) boleh nampak mereka dan mereka boleh nampak Baginda. Di ketika ini Abdullah bin Ubai memberontak dengan menarik diri bersama dengan pengikut-pengikutnya, kira-kira tenaga mereka seramai sepertiga dari keseluruhan tentera Islam, dianggar sebanyak tiga ratus orang dengan katanya: "Untuk tujuan apa kita berperang?" Beliau protes dengan alasan Rasulullah tidak meminta pendapatnya malah Baginda senang mengikut pendapat orang lain.

Tidak syak lagi motif utama penarikan diri ini bukan sekadar sebagaimana yang dinyatakan oleh kepala munafiq tadi, iaitu kerana Rasulullah menolak pandangannya kalau tidak kenapa pula beliau telah mengikuti Rasulullah hingga ke tempat ini, sekiranya inilah alasannya nescaya beliau menarik diri dari awal-awal lagi. Tujuan beliau yang sebenarnya ialah untuk menimbulkan kekacauan di kalangan tentera Islam, di hadapan tentera musuh, dan supaya tentera-tentera yang lain akan turut jejak langkahnya dan supaya semangat juang dikalangan tentera Islam musnah sama sekali dan membangkitkan semangat musuh setelah melihat keadaan umat Islam, malah inilah cara yang paling berkesan untuk memusnahkan Rasulullah (s.a.w.) dan sahabat-sahabatnya yang jujur ini, seterusnya akan terbuka baginya untuk kembali berkuasa di Madinah pada anggapannya.

Memang benarlah apa yang dimaksudkan oleh kepala munafiq tadi, kerana hampir tercapai sebahagian dari matlamatnya, lantaran dua kumpulan dari Banu Harith dari al-Aws dan Banu Salamah dari al-Khazraj hampir hendak menuruti jejak langkahnya, tetapi Allah menyelamatkan mereka dengan mencampak kekuatan ke dalam hati-hati mereka, justeru itu mereka kembali sedar dan cekal, sebagaimana diceritakan Allah di dalam firmanNya:

"Dan ingatlah ketika dua golongan di antara kamu hendak berundur

dan Allah jua wali, memelihara mereka berdua. Dan hanya kepada Allah hendaklah orang-orang beriman menyerahkan diri. "

(Ali-Imran: 122)

Dalam hal begini Abdullah bin Hiram iaitu bapa Jabir bin Abdullah bertindak memperingatkan orang-orang munafiq ini akan kewajipan mereka di saat segenting ini, beliau mengekori mereka memarah dan menggesa mereka supaya berpatah balik, dengan katanya: "Ayuh ke mari berperanglah ke jalan Allah itu, atau setidaknya bertahan". Apa jawab mereka: "Kalaulah kami tahu bahawa perang akan berlaku masakan kami akan menarik diri". Dengan itu Abdullah Bin Hiram kembali semula dengan berkata: "Allah akan jauhkan kamu, kamu memang musuh Allah, Allah akan menyempurnakan kerja RasulNya tanpa kehadiran kamu". Mengenai golongan munafiqin Allah berfirman:

"Dan supaya dia mengetahui orang melakukan nifaq dan dikatakan kepada mereka marilah kamu berperang pada jalan Allah, atau pertahanlah kamu dengan bilangan kamu itu. jawab mereka: Kalau kamu tahu bahawa perang akan berlaku tentu kami mengikut kamu, mereka pada hari itu terlebih dekat kepada kekafiran daripada keimanan, mereka mengatakan dengan mulut mereka barang yang tiada dalam hati. Dan Allah lebih mengetahui apa-apa yang mereka sembunyikan ".

(Ali-Imran: 167)

TENTERA ISLAM YANG MASIH KEKAL TERUS MARA KE UHUD

Selepas penderhakaan dan penarikan diri oleh golongan munafiqin, namun Rasul meneruskan kemaraannya dengan tentera yang masih bersama Baginda yang seramai tujuh ratus orang askar, untuk terus berhadapan dengan tentera musuh. Perkhemahan musuh menghalang Baginda untuk sampai ke bukit Uhud dari beberapa arah. Maka Rasulullah merayu: "Siapa di antara kamu yang boleh bawa kita keluar dari tempat ini dengan tidak melintasi hadapan mereka?". Jawab Abu Khaithamah: "Daku wahai Rasulullah". Maka beliau memilih jalan

yang ringkas untuk sampai ke Uhud dengan melalui perkampungan Banu Harithah dan ladangnya, membiarkan tentera musyrikin ke sebelah barat.

Tentera Islam melalui di tepi tembok Mirba' bin Qaidzi, beliau seorang munafiq buta, bila beliau mengetahui tentera Islam melalui di situ beliau melontar tanah dan pasir ke arah tentera Islam sambil berkata: "Sekiranya kau Rasulullah tak seharusnya kau memasuki tembok ku ini". Sekalian tentera mara ke hadapannya untuk membunuh, tetapi mereka dilarang oleh Rasulullah dengan sabdanya:

"Tak usah bunuhnya, sudahlah dianya buta hati ditambah dengan buta mata pula".

Rasulullah meneruskan perjalanan tenteranya hingga sampai di suatu lorong di bukit Uhud di tebing lembahnya, di situlah Baginda menempatkan tenteranya membelakangi bukit Uhud sedang tentera musyrikin berada di hadapannya. Dengan itu kedudukan semasa Baginda merupakan pemisah di antara tentera musyrikin dan al-Madinah.

STRATEGI PERTAHANAN

Di sini Rasulullah menggerak dan menyusun kedudukan tenteranya, mempersiapkan mereka semua untuk pertempuran. Rasulullah memilih di antara mereka dan menubuh sepasukan pemanah yang mahir, dengan tenaga seramai lima puluh orang, pimpinan diserahkan kepada Abdullah bin Jubair bin al-Nukman al-Ansari al-Awsi al-Badri. Mereka diperintahkan supaya mengambil tempat di atas bukit Uhud, yang terletak di sebelah selatan tebing lembah yang kemudian dikenal sebagai "Jabal al-Rumaah" di tenggara perkhemahan tentera Islam, kira-kira seratus lima puluh meter dari pengkalan tentera Islam.

Tujuan Rasul menyusun tenteranya sedemikian rupa adalah sebagaimana yang dapat dilihat dari pesanannya yang disampaikan kepada pemanah-pemanah berkenaan dengan sabdanya yang bermaksud:

"Humbankan kuda-kuda musuh yang menyerang dengan panah-panah kamu. jangan beri kesempatan kepada mereka menyerang dari belakang kami, sekiranya kami menang atau kalah jangan bergerak dari tempat kamu itu, supaya jangan kami diserang dari arah kamu kalian, peliharalah belakang kami, sekiranya kamu dapati kami sedang diganyang jangan kamu turun membantu kami dan sekiranya kamu dapati kami menang dan sedang mengumpul harta rampasan jangan pula kamu turun untuk mengumpul harta rampasan ".

Di dalam hadith yang lain riwayat al-Bukhari Rasulullah (s.a.w.) bersabda yang bermaksud:

"Sekiranya kamu dapati kami diganyang jangan sekali-kali kamu tinggal tempat-tempat kamu itu hinggalah aku memberitahu kamu. dan sekiranya kamu mendapati kami berjaya mengalahkan musuh dan dapat melanyak mereka, juga jangan kamu kosongkan tempat kamu itu hinggalah aku menyuruh kamu turun ".

Terbentuknya unit khusus yang diletakkan di atas bukit dengan tugas-tugas khasnya itu yang begitu ketat, bererti Rasulullah sudah berjaya mengatasi satu penyebab kekalahan, yang berkemungkinan besar tempat kelemaahan ini akan dipergunakan oleh seteru untuk meluru masuk ke dalam saf Islam dari belakang dan ini besar kemungkhian pula seteru akan berjaya melingkungi tentera Islam.

Adapun baki askar, Rasulullah membahagikan mereka kepada sayap kanan di bawah pimpinan al-Muzir bin Amru dan sayap kiri dibawah pimpinan al-Zubair bin al-Awwam dengan dibantu oleh al-Miqdad bin al-Aswad. Kepada al-Zubair juga diserahkan tanggungjawab "pertahanan habis-habisan" untuk menolak serangan tentera berkuda Khalid bin al-Walid, di barisan hadapan sekali diletaknya sekumpulan terpilih dan berani dari tokoh-tokoh tentera Islam yang memang terkenal dengan keberanian dan keperwiraan mereka. Keupayaan mereka setanding dengan seribu orang.

Strategi Rasulullah merupakan strategi yang bijak dan teliti serta tertera

kehandalan dan kebijaksanaan pimpinan Rasulullah (s.a.w.). Tak mungkin ada seorang pemimpin yang cekap dan berwibawa mampu merencana strategi sekemas dan sejitu perencanaannya meskipun Baginda turun ke medan terkemudian dari musuh. Baginda membentengkan belakang dan kanannya dengan benteng semulajadi iaitu dengan bukit-bukit, manakala kelemahan belakang dan kirinya pula Baginda segera menutupnya dengan tapak markas operasi. Baginda memilih suatu tempat tinggi kiranya berlaku kekalahan di pihaknya, dan tentera Islam pula tidak akan lari, kerana alternatif itu memberi peluang kepada tentera musuh menawan mereka, taktik ini juga memberi peluang untuk membuat pukulan hebat ke atas tentera musuh, sekiranya mereka melanggar tapak markasnya, perencanaan ini juga telah memaksa musuh menerima dataran rendah sebagai tapak kedudukan mereka, di mana kiranya sukar bagi mereka memperolehi kemenangan, malah sukar pula untuk mereka melarikan diri dari buruan tentera Islam kiranya mereka tewas dalam pertempuran. Sebagai langkah untuk menampung kekurangan bilangan tentera Islam Rasulullah memilih seunit askar tempor yang berani dan nekad.

Beginilah bentuk penyusunan tentera Rasulullah (s.a.w.) yang telah digerakkannya di pagi hari Sabtu tanggal tujuh haribulan Syawal tahun ketiga hijrah.

RASULULLAH MENIUP SEMANGAT JUANG KE ATAS TENTERA ISLAM

Rasulullah melarang tenteranya dari memulakan peperangan kecuali setelah menerima arahan dari Baginda, Rasulullah menampil dirinya yang lengkap dengan baju besi, seraya merangsang sahabatnya untuk berperang, mengingatkan mereka supaya bersabar dan berdaya juang di saat pertembungan sengit, seterusnya Rasulullah memberi semangat keberanian dan pertahanan diri pada jiwa-jiwa sahabatnya, pada kemuncaknya Rasulullah mengeluar dan menjulang pedangnya dengan berkata: "Siapakah yang sanggup mengambil pedang ini dan menunaikan haknya dengan sebenar? Maka bangunlah beberapa orang

untuk mengambilnya, di antara mereka ialah Ali bin Talib, al-Zubair bin al-Awwam dan Umar bin al-Khattab, akhirnya bangun Abu Dujanah Sammak bin Kharsyah sambil bertanya:

"Apakah haknya wahai Rasulullah?" Jawab Rasulullah (s.a.w): "Hendaklah pukul muka-muka musuh Allah hingga melentok". Maka jawab Abu Dujanah: "Akulah orangnya yang akan menunaikan hak pedang itu wahai Rasulullah". Lantas Baginda pun menyerahkan pedang itu kepada Abu Dujanah.

Abu Dujanah adalah seorang wira yang berani, beliau menyombong semasa berhadapan dengan seteru, beliau mempunyai semutar berwarna merah, orang ramai akan mengetahui bahawa beliau akan berperang hingga ke titisan darah terakhir bila mana beliau membelit kepalanya dengan semutar merah itu. Sebaik sahaja beliau menerima pedang itu dari Rasulullah, terus beliau membelit kepalanya dengan semutar merahnya itu, beliau berjalan di antara dua saf dengan lagak kesombongannya, di ketika itu Rasulullah bersabda: "Sebenarnya lagak jalan sebegini dibenci Allah kecuali di suasana sebegini".

MOBILISASI TENTERA MAKKAH

Kaum musyrikin menyusun operasi tenteranya berdasarkan sistem perbarisan. Pimpinan agung diletak di bawah Abu Sufian Sakhr bin Harb, yang mengambil posisinya di tengah-tengah askar Makkah, sayap kanan dipimpin oleh Khalid bin al-Walid, sayap kiri oleh Ikrimah bin Abu Jahal, pejalan kaki dipimpin oleh Safwan bin Umaiyyah manakala unit pemanah diletakkan dibawah pimpinan Abdullah bin Abi Rabiah.

Pembawa panji diserahkan kepada ketumbukan dari Banu Abd al-Dar. Sebenarnya tugas membawa panji Makkah memang menjadi tanggungjawab Banu Abd al-Dar, sejak pengagihan tugas dibahagikan di kalangan keturunan Banu Abdul Manaf, Abd al-Dar mewarisi tugas ini dari Qusai bin Kilab, bapa Abd al-Dar, sepertimana telah kita perkatakan di permulaan pembahagian tugas-tugas dahulu.

Tugas yang terikat pada masing-masing itu tidak seorang pun boleh

mempertikaikannya, ini berdasarkan kepada tradisi yang diwarisi sejak turun temurun, di kesempatan ini pemimpin agung Quraisy iaitu Abu Sufian telah mengingatkan mereka, peristiwa terajis yang menimpa Quraisy di Badar, di mana pembawa panji al-Nadhr bin al-Harith telah ditawan oleh kaum muslimin, peringatan ini lebih merupakan provokasi kepada Banu Abd al-Dar dan membakar semangat juang mereka. Kata Abu Sufian:

"Wahai Abd al-Dar, di hari peperangan Badar kamulah yang membawa panji kita semua, hingga habis semua kita tertimpa-bala petaka, dimana kamu juga turut menyaksi bala itu datang dari arah kamu, kerana tumbangnya panji bererti tumbangnya kita semua, kalau tidak kamu boleh berhenti dari tugas ini atau serahkan sahaja kepada kami dan tahulah kami memikulnya".

Di sini Abu Sufian sudah berjaya memancing kemarahan dan perasaan Abd al-Dar, malah mereka mengutuk Abu Sufian dengan kata mereka: "Apa kami akan serah panji kami ini kepada kamu? Besok kamu akan kenal siapa kami bila tiba saat pertembungan". Memang benar apa yang mereka katakan itu, di mana mereka telah tidak berginjak dari medan pertempuran hingga habis orang-orang Abd al-Dar mati di medan pertempuran tak tinggal seorang pun.

POLITIK PANCINGAN QURAISY

Sebelum tercetus pertempuran, pihak Quraisy telahpun cuba menimbulkan keretakan di dalam saf Islam, Abu Sufian telah mengirim wakilnya menemui orang-orang Ansar dengan katanya: "Biarlah permasalahan ini di antara kami dan anak-anak saudara kami sahaja, tak usahlah kamu pedulikan, kiranya begitu akan kami beredar pulang dari sini biar peperangan pun tidak jadi". Namun percubaan Abu Sufian itu tidak sedikit pun boleh mengugat keimanan dan keyakinan yang segagah gunung itu, malah al-Ansar menjawab balik dengan jawapan yang tak terdaya didengar oleh Abu Sufian atau musyrikin lain.

Kini saat genting dan detik terakhir semakin hampir, kedua belah pihak, mula menghampiri lawan, Quraisy sekali lagi cuba memecahkan

perpaduan umat, cerita seorang ejen dan pengkhianat dikenali dengan Abu Amir seorang fasiq nama penuhnya ialah Abd Amru bin Saifi, suatu ketika pernah digelar sebagai Tok Paderi, tapi Rasulullah menamakannya al-Fasiq. Semasa Jahiliah beliau merupakan kepala kabilah al-Aws, tapi setelah Islam datang, beliau sesak nafas dan rimas dengan Islam, terang-terang beliau memusuhi Rasulullah, akhirnya beliau lari dari al-Madinah lalu tinggal dengan Quraisy merancang bersama mereka untuk memusuhi Rasulullah, di saat ini beliau menjanjikan Quraisy dengan katanya bahawa kaumnya akan mematuhinya sekiranya beliau menemui mereka, beliau telah keluar bersama golongan al-Ahbasy dan hamba abdi dari penduduk Makkah yang awal-awal keluar untuk memerangi Rasulullah semasa berhadapan dengan kaum muslimin, beliau memperkenalkan dirinya kepada kaumnya dengan katanya:

"Wahai kalian al-Aws ini aku Abu Amir", jawab al-Aws:

"Allah tidak membahagiakan kehadiranmu wahai fasiq", seru beliau lagi: "Selepas ketiadaan ku di sini seluruh kaumku terkena nahas sahaja". Setelah perang bermula beliau memerangi kaumnya sehabis tenaga dan melontar batu-batu ke arah mereka.

Beginilah usaha Quraisy, di kali ini pun menemui kegagalan seperti usahanya yang pertama dahulu, usaha mereka ini memperlihatkan peri kegerunan mereka dengan kaum muslimin sekalipun bilangan mereka jauh lebih ramai dari bilangan tentera Islam. Dan peralatan mereka lebih banyak dari peralatan tentera Islam.

WANITA QURAISY SEBAGAI UNIT PERANGSANG DAN PENDESAK

Sekumpulan perempuan-perempuan 'Quraisy yang turut serta dengan tenteranya di dalam peperangan kali ini bertanggungjawab mengambil bahagiannya yang berkesan, mereka ini dipimpin oleh Hindun binti Utbah isteri Abu Sufian, mereka bertugas bergerak di antara barisan-barisan musyrikin memalu gendang merangsang kaum lelaki dan mendesak mereka berperang habis-habisan, mereka juga

membangkitkan kesumat askar-askar musyrikin mengapi-apikan perasaan, pada ketika-ketika tertentu mereka merangsang golongan pembawa panji Quraisy dengan bermadah:

"Ayuh Banu Abd al-Dar mara Ayuh pengawal belakangan tentera Pukullah dengan pedang-pedangmu yang waja "

Di ketika-ketika yang lain mereka merangsang seluruh kaumnya berperang dengan madah-madah berbunyi:

Kami memeluk kau yang maju ke hadapan permaidani untuk setiap langkahan kau yang lari nyahlah tanpa kesayangan berpisah kita tanpa pujuk rayuan

PENCETUS PERTEMPURAN

Kedua-dua belah semakin mendekati lawannya, .detik-detik pertempuran pun dah sampai dipermulaannya, pembawa panji musyrikin Talhah bin Abi Talhah al-Abdari merupakan pencetus perlanggaran wira Quraisy yang paling berani, malah mereka menamakan beliau sebagai kibas ketumbukan Quraisy, beliau tampil ke hadapan menonggangi untanya, menawar cabarannya kepada tentera Islam, dik keberaniannya yang luar biasa itu, tak ada orang yang berani melawannya, namun al-Zubair tidak membiarkan cabaran tanpa bersahut, setangkas singa, al-Zubair sudah menerkam ke atas untanya lalu mencampaknya ke bumi sebagai jasad tak bernyawa.

Rasulullah melihat serangan al-Zubair yang mendadak dan pergelutan yang hebat itu, Baginda melaung takbir, maka seluruh tentera Islam turut melaung takbir. Rasulullah memuji kehandalan al-Zubair dengan sabdanya, bermaksud:

"Sesungguhnya setiap nabi itu ada penyokongnya dan penyokong ku adalah al-Zubair".

ASAKAN PERTEMPURAN DI SEKITAR PEMBAWA PANJI DAN

PEMBUNUHANNYA

Tercetus sudah peperangan, pertempuran semakin menjadi-jadi di antara dua kelompok di seluruh medan, pertempuran yang sengit berkisar di sekitar panji Quraisy, pembunuhan tetap menyusul ke atas Banu Abd al-Dar pembawa panji musyrikin setelah terbunuhnya pembawa pertama Talhah bin Abi Talhah, beliau diganti oleh saudaranya Abu Syaibah Uthman bin Abi Talhah, penuh semangat Abu Syaibah melaung dengan madahnya:

Pembawa panji berkewajipan pasti Darah menyirami bumi atau mati

Laungannya disambut oleh Hamzah bin Abd al-Muttalib, dengan terkaman menyinga, pedangnya terus singgah dipangkal tengkok lawannya memenggal bahu terus hingga terburai keluar isi perutnya.

Panji disanggah oleh Abu Sad bin Abi Talhah, belum sempat bergerak ke mana Sad bin Abi Waqqas menghumban panahnya ke leher Abu Sad, menyebabkan beliau terjelir lidah, jatuh terhumban ke tanah menemui ajalnya, ada pendapat menyebut bahawa Abu Sad telah meminta siapa yang sanggup mencabarnya, apa lagi Saidina Ali bin Abi Talib (r.a) pun segera berada di hadapannya masing-masing membuat tetakan, akhirnya Ali bin Abi Talib memukulnya dengan pukulan maut, maka tersungkur Abu Sad ke tanah dan mati. Sekali lagi panji Quraisy dipegang oleh MusafT bin Talhah bin Abi Talhah, belum sempat apa-apa beliau telah dibunuh oleh Asim bin Thabit bin Abi al-Aflah dengan panahnya menusuk ke badannya, panji Quraisy dicapai oleh saudaranya Kilab bin Talhah bin Abi Talhah, al-Zubair sekali lagi muncul di hadapan Kilab tanpa memberi kesempatan kepadanya al-Zubair terus membunuhnya dengan mudah, panji Quraisy diambil oleh al-Jullas bin Talhah bin Abi Talhah, kali ini Talhah bin Ubaidillah yang muslim menikam Ibnu Talhah yang kafir, membawa beliau rebah ke tanah, ada pendapat mengatakan pembunuh sebenar Abi Talhah ialah Asim bin Thabit bin Abi al-Aflah yang membunuh dengan panahnya yang singgah tepat ke badan Ibnu Talhah.

Itulah mereka, enam orang sekeluarga dari kabilah Abd al-Dar

keturunan Abi Talhah Abdullah bin Uthman bin Abd al-Dar. Seorang demi seorang gugur di sekitar panji Quraisy, kemudian panji itu dipegang oleh salah seorang dari Abd al-Dar iaitu Artah bin Syurahbil namun beliau dibunuh serta merta oleh Ali bin Abi Talib, ada pula mengatakan Hamzah yang membunuhnya, setelah itu panji dibawa oleh Syuraih bin Qariz namun beliau juga dibunuh oleh Qazman, Qazman adalah seorang munafiq menyertai peperangan kerana semangat kebangsaan dan asabiyah semata-mata, panji musyrikin dipegang pula oleh Abu Zaid Amru bin Abdul Manaf al-Abdari beliau dibunuh oleh Qazman, kemudian panji itu dipegang oleh anak lelaki Syurahbil bin Hasyim al-Abdari tapi beliau juga dibunuh oleh Qazman.

Itulah sepuluh orang tokoh pembawa panji Quraisy yang kesemua mereka jatuh gugur ke tanah satu demi satu, hingga tiada lagi dari keturunan al-Abdari, yang kemudian dicapai oleh seorang hamba suruhannya Habasyi dikenali sebagai Sowab, beliau mengharungi peperangan penuh tabah dan berani melebihi tuannya pembawa-pembawa panji Quraisy, hingga ke saat beliau terpotong kedua-dua belah tangannya, beliau melutut dengan mengepit tiang panji dengan leher dan kepala bahu beliau, agar panji Quraisy tidak tumbang, hinggalah beliau terbunuh dalam keadaan beliau melaung; "Duhai Tuhanku!!, apakah aku cuai?

Setelah tumbangnya budak suruhan Abd al-Dar ini maka tumbanglah panji Quraisy dan tiada siapa yang cuba menegakkannya lagi.

PEPERANGAN DISUDUT-SUDUT BERASINGAN

Ketika asakan begitu sengit di sekeliling panji musyrikin ianya juga berlaku di tempat-tempat yang lain, semangat orang Islam semakin memuncak di kalangan mereka, hingga dengan itu mereka terus menerkam ke arah tentera musyrikin bagaikan ombak melanda benteng, dengan selogan yang mereka laungkan di hari Uhud, "Amit, Amit" matilah matilah.

Abu Dujanah pula yang telah pun membelit kepalanya dengan semutar merah, menghunus pedang Rasulullah dengan tekad melaksanakan

tugasnya yang dijanjikan, beliau meluru ke tengah-tengah orang ramai, asal bertembung dengan musyrik pasti dikerjakannya, beliau bagaikan menolak barisan musyrikin dengan asakannya. Sebelum ini al-Zubair bin al-Awwam terkilan juga; "Semasa ku memohon supaya Rasulullah menyerah pedangnnya itu pada ku lalu Baginda enggan memberinya pada ku malah diserahkan kepada Abu Dujanah, ku berbisik pada diriku, bukankah aku ini anak Sofiah ibu saudaranya, daku ini dari bangsa Quraisy pula, daku yang datang sendiri di hadapan Baginda, daku yang mendahuluinya, namun Baginda tidak memberikannya, demi Allah aku ingin lihat apa yang beliau hendak lakukan? Aku ekorinya, kemudian aku ternampak beliau mengeluarkan sehelai kain merah lalu dililit kepalanya", maka orang-orang Ansar pun berkata: "Abu Dujanah sudah pun bawa keluar semutar maut", di masa itu beliau berdendang:

Daku ini yang dijanji kekasihku Semasa dipinggir di tepian tamar itu Ku bukan wira di belakang saf Pukulan ku pukulan pedang Rasul dan Allah.

Setiap musyrik melintasi di hadapannya pasti dicantas, di masa itu terdapat seorang wira di kalangan musyrikin yang tegas, ku berdoa semoga wira Islam Abu Dujanah bertemu dengan wira musyrik itu, dengan izin Allah mereka berdua bertemu, masing-masing saling memukul lawannya, si musyrik tadi menetak Abu Dujanah dengan pedangnya, tapi Abu Dujanah sempat menangkis dengan perisainya menyebabkan pedangnya patah, apa lagi Abu Dujanah pun menghayun pedangnya ke badan wira kafir tadi menyebabkan beliau terhumban ke tanah. Abu Dujanah merempuh baris'an-barisan peperangan hingga sampai ke barisart pemimpin kaum ibu musyrikin, tanpa disedarinya kata Abu Dujanah:

"Di sana ku nampak seorang manusia yang mencakar seterunya, aku mara ke hadapannya sebaik sahaja aku hendak menetaknya tiba-tiba beliau menjerit, baru aku tahu yang ianya seorang perempuan, daku pun tidak jadi membunuhnya kerana menghormati pedang Rasulullah,

dari membunuh seorang perempuan". Perempuan itu rupanya Hindun binti Utbah. Kata al-Zubair bin al-Awwam: "Daku melihat Abu Dujanah menghayun pedangnya ke atas kepala Hindun binti Utbah, kemudian beliau tidak jadi menetaknya, ku berkata hanya Allah dan Rasulnya sahaja yang lebih mengetahui sedemikian".

Adapun Hamzah bin Abdul Muttalib menerkam dalam semua serangannya bagaikan singa garang, beliau meluru ke tengah-tengah barisan kaum musyrikin dalam gerak kilatnya tiada bandingnya, wira-wira Quraisy mengelak bak daun-daun kering dipukul angin, selain dari tenaga sumbangannya untuk menumpas dan membunuh setiap pembawa panji Quraisy, beliaulah penggempur barisan pertahanan wira-wira Quraisy yang sentiasa berada di saf hadapan tentera Islam, namun kematian beliau tidak sebagaimana sepatutnya tumbang wira-wira di medan secara berdepan dengan lawannya, beliau telah dipukul curi oleh dayus yang diupah oleh manusia bedebah.

KEMATIAN SINGA ALLAH HAMZAH BIN ABDUL MUTALIB

Wahsyi bin Harb pembunuh curi Hamzah bin Abdul Muttalib menceritakan: "Aku adalah budak suruhan kepada Jabir bin Mut'am, yang mana bapa saudaranya Taimah bin 'Adi telah dibunuh di dalam peperangan Badar, semasa Quraisy bergerak dengan tenteranya ke Uhud Jabir telah menjanjikan: Sekiranya kau dapat membunuh Hamzah bapa saudara Rasulullah sebagai menuntut bela ke atas kematian bapa saudaraku maka akan ku bebaskan kau, dengan itu aku pun keluar menyertai orang ramai, daku adalah keturunan Habsyah, biasa mengguna seligi ala orang-orang Habsyah dan jarang akan tersisih sasarannya, di ketika pertempuran sengit berlaku, ku memerhatikan di mana gerangan Hamzah, setelah ku dapatinya di celah-celah orang ramai seperti seekor unta gagah, beliau mengasak orang ramai, tiada siapa yang mampu membendung, demi Allah aku tidak menghirau sesuatu pun selain dari Hamzah semasa itu ku cuba bersembunyi di sebalik batu di tepi sepohon kayu, di masa itu Siba' bin Abd al-'Uzza sedang mendahuluiku, bila Hamzah melihat Ibn Abd al-'Uzza beliau

melaung, Ayuh kemari anak mak mudim kerana ibunya bekerja sebagai mak mudim menjawi kanak-kanak perempuan. Hamzah terus melibas dengan pedangnya sehabis kencang".

Kata Wahsyi: "Aku mengoncang-goncang seligi ku, dan setelah ku berkeyakinan dengannya aku pun meluncurkannya. Tepat mengena sasarannya di perut, menembusi ari-ari di sebelah hadapan, beliau cuba menerkam ke arahku namun beliau rebah dan jatuh mati, aku mendekatinya dan ku cabut tombakku dan pulang semula ke perkhemahan untuk berehat kerana penyertaan ku tidak lebih dari tugas itu, demi untuk membebaskan diriku, setiba di Makkah aku dibebaskan".

MENGUASAI KEDUDUKAN

Meskipun kerugian besar yang dialami oleh tentera Islam, lantaran kematian singa Allah dan Rasulnya, Hamzah bin Abdul Muttalib, namun kaum muslimin tetap masih menguasai medan pertempuran, juga turut serta di dalam peperangan ini Abu Bakar, Umar bin al-Khattab, Ali bin -Abi Talib, al-Zubair Ibnu al-Awwam, Mus'ab bin Umair, Talhah bin Ubaidillah, Abdullah bin Jahsy, Saad bin Muaz, Sad bin Ubbadah, Said bin Rabi', Anas bin al-Nadr dan lain-lain yang setara dengan mereka. Penyertaan mereka semua dengan ertikata yang sebenar telah mematah sernangat juang pihak musyrikin.

DARI PELUKAN SEORANG PEREMPUAN KE MEDAN PERTEMPURAN

Di antara pahlwan handalan Islam yang turut dalam peperangan Uhud ini ialah Hanzalah "Ghasil al-Mala'ikah" (mandian malaikah) yang dikenali sebagai Hanzalah bin Abu Amir, Abu Amir itulah Tok Paderi yang dinamakan dengan al-Fasiq seperti yang disebutkan terlebih dahulu adapun Hanzalah ialah seorang muda yang baru sahaja berkahwin, ketika beliau mendengar seruan al-Jihad terus beliau bingkas bangun dari bersama isterinya yang baru dikahwininya itu. Semasa di medan pertempuran, beliau terus meredah barisan tentera

musyrikin, hingga rapat bersemuka dengan Abu Sufian bin Sakhr bin Harb, hampir-hampir beliau membunuh Abu Sufian kalau tidak kerana, kurniaan Allah kepadanya, untuk menjadi syahid, semasa beliau sudah pun mengatasi lawannya Abu Sufian hampir menumpasnya tiba-tiba Syaddad bin al-Aswad memukulnya hingga beliau syahid.

UNIT PEMANAH DAN PERANANNYA D1 DALAM PERTEMPURAN

Unit pemanah yang ditubuhkan oleh Rasulullah yang diletakkan di Bukit Uhud itu berperanan di dalam peperangan, yang membuka jalan kepada tentera Islam meraih kemenangan, tentera berkuda musyrikin di bawah pimpinan Khalid bin al-Walid yang disokong oleh Abu Amir al-Fasiq telah merempoh benteng pertahanan Islam di dalam tiga percubaan yang berani untuk sampai ke barisan pertahanan belakang hingga dengannya nanti mereka dapat menimbulkan kekacauan dalam saf kaum muslimin yang boleh membawa kepada kekalahan teruk, namun tindakan itu telah dipatahkan oleh kelompok pemanah-pemanah yang menghujani mereka dengan panahan membunuh, dengan itu ketiga-tiga cubaan mereka gagal sama sekali.

KAUM MUSYRIKIN MENERIMA KEKALAHAN

Beginilah kancah peperangan berlarutan di mana tentera Islam yang kecil menguasai seluruh suasana, membawa wira-wira musyrikin patah semangat dan barisan-barisan serangan dan pertahanannya menjadi porak-peranda, bagaikan tentera musyrikin yang seramai tiga ribu itu menghadapi tiga puluh ribu muslim bukannya beberapa ratus, di saat ini tertampil tentera Islam dalam satu potret keberanian dan keyakinan yang luar biasa.

Setelah sekian lama, pihak Quraisy mencurahkan tenaganya untuk menyekat gelombang kemaraan tentera Islam, terasalah mereka dengan keletihan dan kelunturan upaya hingga sudah tiada siapa pun yang berani menghampiri panji mereka yang jatuh dipijak-pijak itu, kibarannya di akhiri dengan kematian "Sowab" sudah pasti siapa

mengangkat maka di situlah pula akan berlegarnya pertembungan, oleh itu musyrikin sudah mula berundur, dan lari menyelamatkan diri masing-masing, melupai hasrat awal mereka untuk membalas dendam dan menuntut bela di atas kematian tokoh-tokoh mereka dahulu demi untuk menempah semula keagungan dan kemegahan mereka.

Kata Ibnu Ishak: Kemudian Allah pun menurunkan pertolongan kepada kaum muslimin dengan menunaikan janjiNya, membiarkan kaum muslimin mengerjakan pedang-pedang mereka ke atas kafir Quraisy yang di akhiri dengan kekalahan yang parah, bertempiran lari meninggalkan perkhemahan sendiri. Abdullah bin al-Zubair membawa cerita dari bapanya dengan katanya: "Demi Allah sesungguhnya daku telah melihat orang-orang suruhan Hindun binti Utbah dan kawan-kawannya bercawat lari, sudah tidak memperdulikan barang sesuatu pun". Al-Bukhari meriwayatkan di dalam sahihnya dari hadith al-Bara' bin Azib: "Setelah kami bertembung dengan mereka terus mereka lari, hingga ku dapat melihat kaum ibu mereka bergegas lari mengangkat kain-kain mereka sampai ternampak gelang-gelang mereka, kaum muslimin pun terus memburu mereka mengerjakan senjata-senjata mereka dan menawan rampasan-rampasan musyrikin.

KESALAHAN BESAR UNIT PEMANAH

Ketika tentera Islam yang kecil bilangannya itu mencapai kejayaan gemilangnya ke atas tentera Makkah, tidak kurang kehebatannya dari peperangan Badar, kini berlaku satu kesalahan yang parah dari sebahagian besar kelompok pemanah, yang telah membalikkan kedudukan peperangan, seterusnya membawa padah kerugian teruk ke atas tentera Islam, hampir membawa kepada pembunuhan Rasulullah (s.a.w.). Kesannya amat buruk terhadap reputasi kaum muslimin, dan kegerunan yang mereka perolehi di dalam peperangan Badar.

Telah kita perkatakan mengenai nas perintah-perintah berat yang dikeluarkan oleh Rasulullah (s.a.w.) kepada golongan pemanah, supaya mereka kekal dan iltizam di kedudukan mereka seperti yang diarahkan samada di ketika kemenangan atau di saat kekalahan, meskipun arahan

yang sebegini berat dan keras kepada golongan pemanah namun setelah mereka melihat saudara mereka sedang sibuk memungut rampasan-rampasan seteru, mereka terpesona dengan godaan dunia, hingga berkata sesetengah dari mereka kepada yang lain; "Ayuh! rampasan! rampasan! saudara kita telah berjaya, kamu di sini apa yang hendak dibuatnya?" Justeru itu maka pemimpin mereka memperingatkan perintah-perintah Rasulullah: "Hai apakah kamu sudah lupa pesanan Rasulullah (s.a.w.)?" Namun sebahagian terbesar dari mereka tidak memperdulikan peringatan itu, malah mereka menjawab: "Demi Allah kami hendak turut bersama kawan-kawan yang lain untuk memungut rampasan-rampasan itu". Empat puluh orang dari unit pemanah itu beredar turun dari tempat mereka untuk berkongsi memungut rampasan perang, hingga tidak ada lagi tenaga untuk membenteng belakang tentera Islam selain dari Jabir dan sembilan orang sahabatnya lain yang masih menetap di tempat mereka, berkeras untuk kekal di situ hingga diberi satu arahan lain.

KHALID AL-WALID BERTINDAK MENGEMPUNG TENTERA ISLAM

Khalid bin al-Walid terus mempergunakan kesempatan keemasan ini dengan berpatah balik dari belakang bukit secepat kilat, dengan itu mereka telah dapat menguasai saf belakang tentera Islam, malah mereka telah membunuh Abdullah bin Jubair dan sahabat-sahabatnya, setelah itu terus mereka menyerang tentera Islam dari belakang, kemudian tentera berkuda mereka melaung selantang suara, mereka menyebabkan kaum musyrikin tertewas dahulu menyedari perkembangan terbaru, dengan itu mereka terus membuat asakan ke atas tentera Islam, di tengah-tengah pergolakan itu tampil seorang perempuan musyrik yang dikenali sebagai Umrah binti Alqamah al-Harithiah mengangkat bendera musyrikin yang tumbang tanpa pembawanya, hingga dengan itu maka berkumpullah tentera musyrikin di sekelilingnya dan di antara mereka menyeru kepadanya, hingga apabila terkumpul dengan bilangan yang cukup maka mereka pun

menyerang habis-habisan ke atas tentera Islam dari arah depan dan belakang menyebabkan tentera Islam tersepit di antara dua serangan.

SIKAP BERANI RASULULLAH SEMASA MENGHADAPI PENGEPUNGAN QURAISY

Semasa kejadian itu Rasulullah bersama-sama sekumpulan kecil tentera Islam seramai sembilan orang, sahabatnya sedang berada di penghujung saf tentera Islam, ketika itu Rasulullah sedang memerhati serangan habis-habisan tentera Islam terhadap musyrikin dan pemburuan ke atas mereka, tiba-tiba tentera berkuda Quraisy di bawah pimpinan Khalid bin al-Walid telah membuat serangan mengejut. Dalam suasana terdesak ini bagi Rasulullah hanya di antara dua pilihan samada lari menyelamatkan dirinya bersama sembilan orang sahabatnya itu dan meninggalkan seluruh askarnya yang lain di dalam kancah pertempuran menyerah sepenuhnya kepada kehendak takdir atau Baginda turut mencabar keadaan dengan menyeru sekalian sahabatnya berganding bahu membentuk satu barisan pertahanan buat memecah kepungan Quraisy itu.

Di sinilah terpamernya kehandalan dan kebijaksanaan Baginda yang tiada bandingan, di sini Rasulullah melaung dengan suaranya yang lantang itu, walaupun Baginda meyakini bahawa kaum musyrikin akan menyedari dan mendengarnya terlebih dahulu, sebelum didengar oleh kaum muslimin, namun apakan daya inilah satu-satunya cara yang dapat dilakukan, di sini Baginda menjerit: "Wahai hamba Allah!" Memang benar, seruan Baginda itu telah diketahui oleh kaum musyrikin terlebih dahulu sebelum didengari oleh kaum muslimin.

TENTERA ISLAM BERKECAMUK DI TENGAH-TENGAH SUASANA YANG GAWAT

Setelah tentera Islam dikejut dengan serangan mendadak, mereka terperangkap di dalam kepungan musyrikin, kini mereka hilang perkiraan, tiap orang memikirkan bagaimana untuk menyelamatkan diri masing-masing. Masing-masing mula melarikan diri dan meninggalkan

medan peperangan tanpa mempedulikan apa di belakangnya, sebahagian dari kumpulan ini lari hingga sampai ke Madinah, yang lain lari bersembunyi di bukit-bukit, terjadi pula di mana sebahagian yang lari itu berpatah balik untuk berperang, hingga dengan itu berlaku kecelaruan bercampur baur dengan tentera musyrikin, di antaranya tidak dapat cam di antara satu sama lain malah hingga terjadi pembunuhan sesama tentera Islam.

Al-Imam al-Bukhari meriwayatkan dari Aisyah (r.anha) katanya: "Di dalam peperangan Uhud, kaum musyrikin menerima kekalahan yang parah hingga dengan itu ibUs bertindak melaung dengan katanya: Wahai hamba-hamba Allah! Awas belakang kamu, maka dengan itu tentera Islam yang lari, berpatah balik menyebabkan tentera Islam berbunuhan sesama sendiri. Huzaifah tak semena-mena telah melihat bapanya dan terus melaung: Wahai hamba Allah! itu bapaku, itu bapaku. Kata Aisyah: Demi Allah! mereka tidak membiarkannya malah terus mereka membunuhnya. Kata Huzaifah: Demi Allah! mereka tidak membiarkannya, malah terus mereka bunuhnya. Kata Huzaifah: Allah memaafkan kamu. Kata Urwah: Demi Allah! pada Huzaifah masih tetap dengan ciri-ciri kebaikannya hinggalah beliau menemui Allah."

Kumpulan inilah yang menyebabkan kekacauan di dalam saf tentera Islam, membawa kepada huruhara, sebahagian darinya kebingungan tidak tahu arah mana hendak dituju, dalam keadaan begini tiba-tiba mereka mendengar pemanggil melaung: "Nabi Muhammad sudah terbunuh". Orang-orang Islam menjadi panik kebingungan, semangat juang kini berkecai, atau seakan-akan bercerai dari setiap individu, di antara mereka ada yang sudah tidak berperang lagi malah terus membuang senjata dan berdiam diri, yang lain pula ada yang memikirkan untuk berhubung dengan Abdullah bin Ubai kepala munafiqin bertujuan mendapat perlindungan dari serangan Abu Sufian.

Dalam keadaan begini maka Anas bin al-Nadhr berlalu di hadapan mereka yang telah lemah semangat lalu beliau menyeru kepada mereka: "Apa yang kamu tunggukan ini?" Jawab mereka: "Rasulullah sudah terbunuh". Jawab beliau:

"Kalau demikian, tak ada erti hidup selepas Baginda. Kalau demikian matilah kamu seperti mana Rasulullah mati.Ya Allah,Ya Tuhanku sesungguhnya daku memohon maaf akan tindakan golongan ini, yakni kaum muslimin. Dan daku menjauhkan diri dari angkara apa yang dilakukan oleh golongan musyrikin". Dengan itu beliau terus mara dengan perjuangannya. Di dalam kancah pertempuran, itu beliau bertemu dengan Saad bin Muaz. Maka bertanya Muaz: "Ke mana wahai Abu Umar?". Jawab Anas: "Aduh! selesanya daku menghidu udara Syurga wahai Saad, kini daku menciuminya di perkarangan Uhud ini". Beliau terus bertempur hingga jatuh sebagai Syahid. Tidak dikenali beliau di akhir peperangan, kecuali saudara perempuannya yang cam dengan jari-jari tangannya, kerana terdapat lebih lapan puluh tetakan di jasadnya, bekas tikaman tombak, tetakan pedang dan asakan anak panah.

Di sini, Thabit bin Dahdah menyeru kaumnya dengan berkata: "Wahai kalian Ansar, kiranya Muhammad sudah terbunuh dan mati, maka sesungguhnya Allah tetap hidup tidak mati. Ayuh! berperanglah kamu kerana agama kamu, sesungguhnya Allah membantu dan memenangkan kamu". Dengan itu, maka berkumpullah sebahagian dari orang-orang Ansar dan terus mereka menerkam ke kelompok tentera berkuda Khalid, bergelut habis-habisan hinggalah Khalid menikamnya dengan tombak dan membunuh sahabat-sahabatnya yang lain. Juga berlaku di mana seorang lelaki muhajirin menghampiri seorang Ansar yang berlumur darah, terus beliau bertanya: "Saudara! Kau sedar tak di mana Muhammad yang sudah pun terbunuh?" Jawab al-Ansar:

"Sekiranya Muhammad telahpun terbunuh maka Baginda sudah pun mencapai tujuannya, sedang kamu pula hendaklah berperang mempertahankan agama kamu ini.

Dengan semangat juang dan keberanian seperti ini, maka tekad perjuangan kembali memarak semula di kalangan seluruh tentera Islam, kembali menyedari hakikat diri mereka, menarik balik idea untuk menyerah atau berhubungan dengan Ibnu Ubai, terus masing-masing mengambil senjatanya memulakan serangan ke atas tentera musyrikin

yang sedang berusaha membelah jalan ke markas pimpinan Islam. Kini tentera Islam sudah mengetahui bahawa berita kematian Rasulullah itu semata-mata dongeng dan cerita rekaan dan dusta, dengan itu mereka semakin kukuh dan bersemangat. Akhirnya mereka dapat memecah kepungan Quraisy dan berjaya berhimpun semula di sekeliling markas di samping meneruskan peperangan dengan lebih nekad dan menyerang lebih agresif lagi.

Terdapat sekumpulan yang ketiga tugas mereka hanya dan sanya mengawal Rasulullah, kumpulan ini mempertahankan Rasulullah dan membenteng Baginda. Mereka terdiri terutamanya dari Abu Bakr, Umar bin al-Khattab, Ali bin Abi Talib dan lain-lain. Sebelum ini mereka adalah penyerang di saf hadapan, namun setelah dirasai Baginda di dalam berbahaya, mereka berpatah ke markas pertahanan mempertahankan diri Rasulullah di saf hadapan.

PERTEMPURAN SENGIT DI SEKELILING RASULULLAH (S.A.W)

Ketika tentera Islam sedang dikepung dan tersepit dicelah asakan tentera musuh, pertempuran terus memuncak di sekitar Rasulullah, sebagaimana yahg kita sebutkan bahawa semasa kaum musyrikin memulakan kepungan, tentera Islam yang ada bersama-sama Rasulullah hanya sembilan orang sahaja. Tetapi apabila Rasulullah menyeru kaum muslimin: "Ayuh di sampingku! Aku Rasulullah! Seruan itu telah didengar terlebih dahulu oleh kaum musyrikin. Apa lagi, mereka pun terus menerkam ke arah Rasulullah beramai-ramai. Sebelum sempat tentera Islam berkumpul semula, maka berlakulah pertarungan hebat di antara mereka dan tentera Islam yang sembilan orang itu. Padanya terpamer satu segmen kepahlawanan, keberanian, dedikasi dan kecintaan terhadap diri Rasulullah.

Imam Muslim meriwayatkan dari Anas bin Malik bahawa Rasulullah bersendirian di dalam peristiwa Uhud bersama dengan tujuh orang Ansar dan dua orang Muhajirin Quraisy, setelah mereka hampir mengancam Rasulullah, Baginda pun merangsangkan mereka dengan sabdanya:

"Siapa yang dapat mengundurkan mereka Itu dari kita, maka balasannya Syurga. Atau ianya temanku di Syurga". Maka

Terdapat sekumpulan yang ketiga tugas mereka hanya dan sanya mengawal Rasulullah, kumpulan ini mempertahankan Rasulullah dan membenteng Baginda. Mereka terdiri terutamanya dari Abu Bakr, Umar bin al-Khattab, Ali bin Abi Talib dan lain-lain. Sebelum ini mereka adalah penyerang di saf hadapan, namun setelah dirasai Baginda di dalam berbahaya, mereka berpatah ke markas pertahanan mempertahankan diri Rasulullah di saf hadapan.

PERTEMPURAN SENGIT DI SEKELILING RASULULLAH (S.A.W)

Ketika tentera Islam sedang dikepung dan tersepit dicelah asakan tentera musuh, pertempuran terus memuncak di sekitar Rasulullah, sebagaimana yahg kita sebutkan bahawa semasa kaum musyrikin memulakan kepungan, tentera Islam yang ada bersama-sama Rasulullah hanya sembilan orang sahaja. Tetapi apabila Rasulullah menyeru kaum muslimin: "Ayuh di sampingku! Aku Rasulullah! Seruan itu telah didengar terlebih dahulu oleh kaum musyrikin. Apa lagi, mereka pun terus menerkam ke arah Rasulullah beramai-ramai. Sebelum sempat tentera Islam berkumpul semula, maka berlakulah pertarungan hebat di antara mereka dan tentera Islam yang sembilan orang itu. Padanya terpamer satu segmen kepahlawanan, keberanian, dedikasi dan kecintaan terhadap diri Rasulullah.

Imam Muslim meriwayatkan dari Anas bin Malik bahawa Rasulullah bersendirian di dalam peristiwa Uhud bersama dengan tujuh orang Ansar dan dua orang Muhajirin Quraisy, setelah mereka hampir mengancam Rasulullah, Baginda pun merangsangkan mereka dengan sabdanya:

"Siapa yang dapat mengundurkan mereka Itu dari kita, maka balasannya Syurga. Atau ianya temanku di Syurga". Maka tampillah seorang pemuda Ansar,terus bertarung hingga beliau jatuh syahid. Musyrikin sekali lagi mengancam Baginda. Baginda menyeru sekali

lagi. Beginilah berulang kali hingga ke tujuh mereka jatuh sebagai syahid semua. Kata Rasulullah lagi kepada dua orang muhajirin Quraisy: Kita belum bertindak adil dengan sahabat-sahabat kita itu.

Orang terakhir dari kumpulan tujuh orang itu ialah Ammarah bin Yazid bin al-Sakan, beliau berjuang hingga luka parah menyebabkan beliau jatuh dan tidak berdaya lagi untuk berperang.

DETIK CEMAS DI DALAM KEHIDUPAN RASULULLAH (S.A.W)

Setelah beberapa ketika selepas terjatuhnya Ibnu al-Sakan sebagai syahid, maka tinggallah di saat itu Baginda dengan dua orang Quraisy itu sahaja, mengikut al-Bukhari dan Muslim riwayat Abu Uthman: Tiada siapa pun bersama-sama Rasulullah di hari itu untuk berperang di sisinya, selain dari Talhah bin Ubaidillah dan Saad bin Abi Waqqas, itulah saat yang tercemas di dalam hidup Baginda, dan peluang keemasan bagi pihak musyrikin. Peluang ini tidak dibiar berlalu tanpa dipergunanya, mereka telah mengasak tubi ke atas kedudukan Rasulullah, kesemua mereka sebulat pakat untuk menlenyapkan Rasulullah, Utbah bin Abi Waqqas telah melontar Rasulullah dengan seketui batu hingga terjatuh ke atas diri Baginda dan terluka di kepalanya, menyebabkan terpatah pula gigi depan sebelah kanan dan bibir bawah Baginda terluka. Abdullah bin Syihab meluru ke hadapan Rasulullah dan memukul menyebab dahi Baginda terluka, datang lagi penunggang ganas Abdullah bin Qamiah menetak Rasulullah ditengkoknya dengan pedang namun beliau tidak dapat melukakan kerana terdapat dua lapisan baju besi yang dipakai Baginda. Walau bagai manapun oleh kerana hentakan pukulan itu terlalu kencang menyebabkan Rasulullah mengadu .kesakitan beberapa bulan' selepas kejadian itu, sekali lagi Ibnu Qamiah memukul dahi Rasulullah sekencang yang pertama menyebabkan dua gelang baju besinya menikam masuk ke dahinya bersama jeritan bengisnya: Nah! terima ini, dan kenalilah aku ini Ibni Qamiah. Jawab Rasul sambil menyapu darah dari mukanya:

"Aqma'aka Allah" bertepatan dengan nama Ibni Qamiah yang

membawa erti: "Allah mengkerdilkan/menghinakan kamu"

Di dalam hadith sahih meriwayatkan bahawa gigi depan Rasulullah terpatah, kepalanya terluka hingga darah pun mengalir, namun Rasulullah masih menyebut: "Bagaimana boleh berjaya sesuatu kaum yang melukakan muka nabi mereka, mereka mematahkan giginya semasa Baginda menyeru mereka kepada Allah". Di sini Allah menurunkan firmanNya:

"Tidak ada sesuatu pun bagimu dari urusan mereka, sehingga Allah menerima taubah mereka, atau menyiksa mereka, sesungguhnya mereka itu orang-orang yang wlim"

(Ali-Imraan: 128)

Di dalam hadith riwayat al-Tabrani dengan katanya:

Bersangatan kemurkaan Allah ke atas satu kaum yang mencederakan muka RasulNya, setelah beberapa ketika Rasulullah berdoa: "Ya Allah ya Tuhanku ampunilah kaumku lantaran mereka tidak mengetahui". Sedemikian juga tersebut di dalam sahih Muslim dengan katanya:

"Tuhanku ampunilah kaumku lantaran mereka tidak mengetahui". Manakala di dalam kitab "al-Shifa'" oleh al-Qadhi Eyadh pun menyebut makna yang sama: " Ya Allah ya Tuhanku berilah hidayat kepada kaumku lantaran mereka tidak mengetahui".

Sebenarnya tidak syak lagi tindakan kaum musyrikin ini bertujuan membunuh Rasulullah (s.a.w), namun dua orang Quraisy tadi iaitu Saad bin Ibi Waqqas dan Talhah bin Abi Ubaidillah telah bertindak penuh kepahlawanan Islam yang luar biasa itu dan bertempur tiada bandingan, hingga tidak memberi kesempatan langsung kepada musyrikin mengaut kemenangan atau mencapai matlamatnya, kerana mereka berdua adalah antara pemanah yang terhandal di kalangan bangsa Arab. Mereka bertempur dan berlawan hingga berjaya menggagalkan usaha unit khas Quraisy yang bertujuan membunuh Rasulullah itu.

Semasa Saad bin Abi Waqqas meluncurkan panah-panahnya,

Rasulullah bertindak menghulurkan anak-anak panahnya kepada Saad sambil bersabda: "Panahkan mereka, bapaku dan ibuku jadi pembelamu". Ini menunjukkan kehandalan beliau memanah. Tidak pernah Rasulullab mengesa seseorang sebelum ini dengan melafazkan perkataan dua ibubapanya selain dari Saad ini.

Al-Nasai telah meriwayat hadith berkenaan dengan Talhah bin Ubaidillah, beliau meriwayatkan dari Jabir:

Kaum musyrikin telah sampai ke hadapan Rasulullah, di masa itu Rasulullah melaung: "Siapa sanggup mencabar askar-askar musyrik ini?". Jawab Talhah: "Daku Rasulullah!" Kemudian Jabir menceritakan kisah kemaraan orang-orang Ansar dan kematian mereka seorang demi seorang seperti yang kami sebutkan di dalam riwayat Muslim tadi. Setelah kesemua orang-orang di situ terbunuh maka tampillah Talhah ke hadapan. Samburig Jabir. dengan katanya: Talhah pun terus bertarung melawan sekumpulan seramai sembilan orang musyrik, hingga tertetak tangannya menyebabkan tercantas jarinya, maka kata Talhah; "Itu adalah baik". Jawab Rasulullah: "Sekiranya kau kata:

"Bismillah" nescaya para malaikat mengangkat kamu dan sekalian manusia akan memerhati kamu". Tambah Jabir:

Kemudian Allah mengundurkan orang-orang musyrikin.

Al-Hakim menyebut di dalam kitabnya: "al-Iklil":

Berlaku di dalam peperangan Uhud ini di mana beliau terkena tetakan sebanyak tiga puluh sembilan atau tiga puluh lima lubang dan terpotong jarinya, manakala al-Bukhari meriwayatkan dari Quis bin Abi Hazim katanya: Aku melihat tangan Talhah terpotong, ini berlaku kerana beliau mempertahankan diri Rasulullah di dalam peperangan Uhud.

Al-Tarmizi meriwayatkan bahawa Rasulullah bersabda di hari itu katanya: "Siapa ingin melihat seorang syahid sedang berjalan di muka bumi ini, tengoklah Talhah bin Abdullah. Manakala Abu Daud al-Tayalisi pula meriwayatkan dari Aisyah (r.a) yang berkata: Abu Bakar apabila disebut mengenai peperangan Badar beliau akan mengatakan! Hari itu semuanya milik Talhah. Padanya Abu Bakar bermadah dengan

syairnya:

Duhai Talhah bin Abdullah Bertuahlah dikau dengan Syurga

Habuanmu termaktub sudah Binatang tunggangan nan mulia

Di saat-saat yang tersangat genting ini, Allah menurunkan pertolongan dari sebalik tabir ghaib, seperti yang tersebut di dalam kedua hadith sahih dari Saad, katanya: Ku lihat Rasulullah di dalam peperangan Uhud bersamanya dua lelaki yang serba putih mempertahankan Rasulullah, penuh ketangkasan, mereka berdua ini belum pernah ku lihat selama ini dan selepasnya. Di dalam satu riwayat yang lain menjelaskan dua lelaki yang serba putih itu ialah Jibril dan Mika'il.

PARA SAHABAT BERKUMPUL SEMULA DI SEKELILING RASULULLAH

Kesemuanya berlaku dalam masa yang terlalu singkat, sebaik sahaja golongan terpilih dari para sahabat yang berada di saf hadapan pertempuran mendapati situasi berubah dan mendengar laungan Rasulullah (s.a.w), terus mereka meluru ke sisi Rasulullah agar tidak sesuatu pun boleh mengancam diri Rasulullah. Namun agak terlewat mereka sampai ke sisi Rasulullah, kerana Baginda sudah pun luka-luka, enam orang Ansar sudah terkorban dan yang ketujuh sudah terlalu parah lukanya hingga sukar untuk bangun. Ketika Saad dan Talhah berjuang habis-habisan, para sahabat yang baru tiba dari saf depan terus memagari Rasulullah dengan jasad-jasad dan senjata-senjata mereka, mereka bersungguh-sungguh mempertahankan diri Rasulullah dari ancaman musuh dan menangkis setiap serangan.

Sebenarnya orang pertama sekali sampai ke sisi Rasulullah ialah teman semusafirnya di gua Thur iaitu Abu Bakr al-Siddiq, Ibnu Hibban meriwayatkan di dalam hadith sahihnya dari Aisyah (r.a) dengan menyebut: "Berkata Abu Bakar:

Semasa di hari Uhud itu: Semua orang tidak ada di sisi Rasulullah dakulah orang pertama sampai ke hadapan Rasulullah, dan aku dapati seorang sahabat sedang bergelut mempertahankan Rasulullah, ku

berkata; orang itu mesti Talhah. Demi bapa dan ibuku untuk kau wahai .Talhah, Demi bapa dan ibuku untuk kau wahai Talhah. Bila beliau terkena anak panah, Abu Ubaidah bin al-Jarrah pun mendapati daku, semasa itu beliau sudah terlalu parah, beliau pun memegang daku dan kami pun meletakkannya ke sisi Rasulullah di mana Talhah jatuh rebah, seru Rasulullah:

"Ke mari, saudaramu ini sudah tidak sedarkan diri", manakala Rasulullah telah pun dipanah di dahinya hingga terbenam dua utas rantaian baju besinya ke dalam dahi Baginda, dan ku cuba menarik keluar rantaian itu. Abu Ubaidah berkata: "Aku pintalah wahai Abu Bakr, hal ini tinggalkan untuk ku seorang menguruskannya". Cerita Abu Bakar selanjutnya: Abu Ubaidah cuba mencungkilnya sedikit demi sedikit untuk tidak menyakiti Rasulullah, Akhir sekali beliau menggigit hujung besi yang tertikam itu, hingga terserpih gigi Abu Ubaidah. Kemudian seru Rasulullah sekali lagi: "Tengoklah saudaramu itu beliau terlalu tenat". Kata Abu Bakr: "Kami semua menghadapi Talhah untuk merawat beliau, terdapat sepuluh tetakan di badan Talhah. Namun kesemuanya ini menampakkan kemampuan Talhah menghadapi perjuangan di peperangan Uhud yang bersejarah itu. Pada detik-detik yang segenting ini sudah berhimpun di sekeliling Rasulullah sebilangan pahlawan-pahlawan Islam, di antara mereka Abu Dujanah , Mus'ab bin Umair, Ali bin Abi Talib, Sahl bin Hanif, Malik bin Sinan bapa Abu Said al-Khudri, Nusaibah binti Kaab al-Mazaniyah yang bergelar Ummu 'Ammarah, Qutadah bin al-Nu'man, Umar bin al-Khattab, Hatib bin Abi Baltaah dan Abu Talhah.

TENTERA MUSYRIKIN SEMAKIN MENEKAN

Setiap saat berlalu semakin bertambah pula bilangan tentera musyrikin, ini membawa kepada semakin berat Rasulullah, hanya Abu Talhah, yang berada di hadapan Rasulullah menghadang baginda dengan perisai kulit yang dipegangnya. Beliau adalah pemanah yang paling, kencang, di hari itu sahaja dua atau tfiga musuhnya terpanah, ada orang melintasi hadapan Rasulullah dengan membawa uncang panah lalu

Rasulullah menyeru dengan sabdanya:

"Cuba kamu hulurkan anak panah itu kepada Abu Talhah", sambung Anas ceritanya: Rasulullah terus memerhati pergerakan kaum musyrikin maka berkata Abu Talhah:

"Bapaku dan ibuku korban untuk Rasulullah, janganlah tuan hamba memerhati sedemikian nanti Rasulullah akan terkena panah Quraisy, nah biarlah leherku ini menjadi benteng kepada leher tuan hamba".

Kata Anas lagi: Di dalam peperangan Uhud Abu Talhah mempertahankan diri bersama Rasulullah dengan satu perisai sahaja, Abu Talhah adalah pemanah handalan, bila beliau memanah Rasulullah memerhati dan menengok pula sasaran yang terkena dengan panahnya tadi.

Abu Dujanah pula bertindak membentengi Rasulullah dengan belakangnya, gedang anak-anak panah musyrikin berpusu-pusu menikam belakangnya tanpa beliau menghiraukannya.

Hatib bin Abi Baltaah yang telah terpatah gigi depan memburu Utbah bin Abi Waqqas, sempat beliau memancung Utbah hingga tercerai kepala dari badannya terus beliau menawan dan merampas kuda dan pedangnya. Sebenarnya Saad bin Abi Waqqas begitu perihatin untuk membunuh saudaranya Utbah, tetapi tidak diizinkan Allah namun Hatib telah melaksanakan hasratnya itu.

Sahl bin Hanif salah seorang pemanah handalan, telah berbaiah dengan Rasulullah untuk berjuang hingga syahid, beliau ini telah memainkan peranan yang amat cemerlang dalam rangka mengundurkan tentera musyrikin.

Rasulullah menggunakan panah di hari Uhud itu, sebagaimana yang diceritakan oleh Qutadah bin al-Nukman, Rasulullah memanah dengan busurnya hingga terpatah hujungnya, Qutabah pun mengambil yang itu, di dalam kegawatan itu Qutabah terkena panah di matanya, hingga terpelanting keluar biji matanya, Rasulullah mengambilnya memasukkan semula, hinggalah matanya menjadi lebih baik dari yang sebelah lagi.

Cerita Abdul al-Rahman bin Auf pula lain, di dalam kegawatan pertempuran telah beliau terkena pukulan seteru di mulutnya menyebabkan gigi hadapan tercabut. Di seluruh tubuhnya ke hadapan lebih dari dua puluh tetakan di antaranya terkena pada kakinya menyebabkan beliau hilang sebelah kaki.

Adapun Malik bin Sinan bapa kepada Abu Said al-Khudari bertindak menyedut buang darah beku dari dahi Rasulullah yang terkena pukulan Ibni Qami'ah, hingga dengan usahanya itu dapat dicucikan luka baginda itu, kata Rasulullah: "Luahkan darah itu", jawab Malik: "Tidak", sebaliknya beliau menelan darah luka Rasulullah yang mulia itu. Setelah itu, beliau beredar dari situ untuk meneruskan perjuangannya, Rasulullah bersabda: "Sesiapa ingin melihat seorang lelaki ahli syurga lihatlah Malik bin Sinan, akhirnya beliau gugur sebagai syahid.

Kisah Ummu 'Ammarah pula, beliau berperang, dan sempat beliau menentang Ibnu Qami'ah bersama beberapa orang kaum muslimin, Ibnu Qami'ah telah menetak tengkok Ummu 'Ammarah menyebabkan beliau luka parah namun sempat juga beliau memukul Ibnu Qami'ah tetapi oleh

kerana beliau memakai baju besi jadi tetakannya tidak berkesan dan beliau terlepas lari, namun demikian Ummu 'Ammarah terus berjuang, di hari itu beliau mengalami luka lebih dari dua belas tetakan.

Manakala Mus'ab bin Umair pula inemperlihatkan kecekalannya yang luar biasa mempertahankan diri Rasulullah dari serangan Ibni Qami'ah dan kuncu-kuncunya, di hari itu panji Islam di tangan Mus'ab, beliau telah dicantas sebelah tangan kanannya, lantas tangan kirinya mengambil panji berkenaan, penuh ketabahan hati beliau menghadapi serangan musyrikin hingga terputus tangan kirinya, sekali lagi beliau mempertahankan bendera Islam itu dari terjatuh dengan mengepitkannya ke dada dengan lehernya, akhir sekali beliau dibunuh oleh kaum musyrikin, pembunuhnya ialah Ibnu Qami'ah yang menyangkanya Rasulullah, kerana beliau hampir menyerupai Baginda, hingga dengan itu Ibnu Qami'ah terus berlari menemui musyrikin yang lain berteriak: "Muhammad telah terbunuh".

BERITA KEMATIAN RASULULLAH DAN KESANNYA KEPADA PERJUANGAN

Tidak berapa lama selepas teriakan Ibnu Qami'ah itu, maka tersebar luas berita kematian Rasulullah di kalangan kaum muslimin dan kaum musyrikin, itulah saat di mana semangat juang di kalangan tentera Islam sudah merosot terutama para sahabat yang terkepung yang tidak bersama-sama Rasul, kini semangat juang telah hancur, malah hingga berlaku kekacauan di dalam saf Islam, suasana sudah tidak terurus dan huruhara, namun seruan Rasulullah tadi telah mengurangkan asakan kaum musyrikin, kerana mereka menyangka bahawa mereka sudah berjaya dan sudah mencapai matlamat, maka sebahagian dari mereka sudah mabuk darah kerana mereka tertumpu kepada mencerca dan memukul-mukul mayat syuhada' Islam.

RASULULLAH MENERUSKAN PERJUANGAN DAN MENYELAMATKAN KEADAAN

Setelah Mus'ab jatuh sebagai syahid, lantas ia menyerahkan panji Islam kepada Ali bin Abi Talib, meneruskan pertempuran sehabis tenaga dan usaha, dituruti oleh para sahabat yang lain yang berada di situ dalam satu epik kepahlawanan yang jarang-jarang disaksikan.

Di masa itu Rasulullah berjaya menembusi ke tengah-tengah tenteranya, yang terus terkepung, Baginda meluru ke arah mereka, Ka'ab bin Malik seawal-awal orang yang mengenali Rasulullah, beliau terus menarik selendang saudaranya, wahai kalian muslimin, berbahagialah kamu, ini dia Rasulullah, di masa itu Rasulullah memberi isyarat kepadanya supaya berdiam, untuk tidak dilihat kedudukannya oleh kaum musyrikin: Namun laungan beliau itu telah sampai ke pendengaran kaum muslimin, maka bersegeralah mereka ke Rasulullah, hingga terkumpul di sisi Baginda kurang lebih tiga puluh orang para sahabat.

Dari situ Rasulullah mengatur langkah berundur secara tersusun ke suatu lereng bukit, melalui celah-celah tentera musyrikin yang sedang

membuat asakan, pihak musyrikin pun semakin hebat membuat serangan untuk menggagalkan unduran Rasulullah, namun mereka tidak berupaya semasa berhadapan dengan singa-singa Islam itu.

Sebaik sahaja Uthman bin Abdullah bin al-Mughirah salah seorang tentera berkuda musyrikin, melihat Rasulullah, segera beliau menerkam dengan kudanya ke arah Rasulullah dengan laungannya: "Wahai Muhammad kalau selalunya kau boleh terlepas, tapi di hari ini kau tidak akan terlepas". Rasulullah pun segera bangun untuk melawannya, namun kudanya tersungkur kerana kakinya terjerumus ke dalam sebuah lubang menyebabkan Baginda terus terjatuh, dengan itu Uthman telah ditentang oleh al-Harith bin al-Sammah, di mana al-Harith telah sempat mencantas kakinya, menyebabkan beliau jatuh terduduk, sekali lagi al-Harith melepaskan tetakannya yang kencang untuk menamatkan riwayatnya, al-Harith mengambil senjatanya, dan mengekori Rasulullah.

Di masa itu Abdullah bin Jabir seorang lagi tentera berkuda Quraisy meluru kehadapan al-Harith bin al-Sammah menetak dengan pedang ke tengkoknya, menyebabkan beliau luka, dan diusung, di masa itu juga Abu Dujanah pahlawan Islam yang serba lincah dengan lilitan merah di kepalanya, menerkam ke arah Abdullah bin Jabir dan terus memukul dengan pedangnya menyebabkan kepalanya tercerai dari jasadnya.

Semasa pertempuran yang amat sengit itu, tentera Islam terlelap sekejap, itu adalah sebagai petanda memperolehi keamanan dari Allah, sebagaimana yang diperihalkan oleh al-Quran. Kata Abu Talhah: "Daku di antara yang dilelapkan di dalam peperangan Uhud, kiranya pedang ditanganku terjatuh berkali-kali, jatuh aku mengambil semula, jatuh lagi ku mengambilnya semula".

Dengan keberanian ini maka unit yang bersama-sama Rasulullah berjaya berundur secara tersusun ke suatu lereng bukit, dan dituruti oleh kelompok-kelompok tentera Islam lain, ke sudut yang selamat itu, hingga dengan itu kepintaran Khalid tewas bila berhadapan dengan kepintaran Rasulullah (s.a.w).

KEMATIAN UBAI BIN KHALAF

Ibnu Ishak menceritakan: Setelah Rasulullah berehat di lereng itu rupanya Ubai bin Khalaf memburu ke situ sambil melaung: Mana dia Muhammad, hari lain ini kau tidak dapat lari lagi, kaum muslin. Wahai Rasulullah boleh tak salah seorang dari membunuhnya? Jawab Rasulullah: Biarkan dia ke mari sebaik sahaja beliau menghampiri Rasulullah, baginda mencapai tombak dari al-Harith bin al-Sammah, Rasulullah bingkas bangun penuh keberanian dan ketegasan, kepantasan tindakan Rasulullah seperti seekor unta yang menerbangkan bulu-bulunya semasa dipecut laju, baginda memerhati lehernya yang terdedah itu terus baginda meluncur tombak ke sasarannya dan tepat kena pada tempat yang diluncurnya itu, Ubai bin Khalaf terhuyung hayang di atas kudanya, setelah beliau berpatah balik ke dalam barisan tentera Quraisy, didapati lukanya tidaklah teruk sangat, namun darah terus mengalir beliau menjerit dengan katanya: Demi Allah, Muhammad telah membunuh aku. Orangnya menjawab:

Demi Allah, kau ini dah tak ada hati, sebenarnya bukan ada apa pun luka sedikit sahaja. Jawab Ibnu Khalaf: Eh, jangan, Muhammad ini telahpun mengugut daku semasa di Makkah dahulu dengan katanya: Akan ku bunuh kau, demi Allah kalaulah Muhammad ludah ke atas ku nescaya aku mati, dan memang beliau mati semasa dalam perjalanan ke Makkah.

Mengikut riwayat Abi al-Aswad dari Urwah: Ibnu Khalaf menguak seperti lembu jantan dan berkata: Kalaulah apa yang terkena ke atas ku ini terkena ke atas seluruh penduduk Zul Majaz nescaya mereka mati semua.

TALHAH MEMBANTU RASULULLAH (S.A.W)

Semasa Rasulullah bersama para sahabat berundur ke lereng bukit, seketui batu besar menghalang pergerakan Rasulullah, baginda cuba mendakinya, pun tak dapat juga, kerana Rasulullah telah bertambah berat badan, dibeban pula oleh baju besinya. Selain dari luka yang melemahkan badan Baginda, Talhah bin Abdullah pun duduk

membongkok ke tanah, membiarkan Rasulullah memijak ke belakangnya dan berjaya Rasulullah berdiri di atas batu pejal itu, lantas Rasulullah bersabda: Talhah wajib menerima, iaitu Syurga.

SERANGAN TERAKHIR KAUM MUSYRIKIN

Setelah Rasulullah berjaya memperkukuhkan markaz pimpinannya di lereng bukit, pihak musyrikin telah membuat percubaannya yang terakhir dalam rangka usaha mereka untuk melenyapkan kekuatan tentera Islam. Dalam hal ini Ibnu Ishak menceritakan; Semasa Rasulullah berada di lereng itu, tiba-tiba sekumpulan tentera Quraisy mara ke atas bukit dibawah pimpinan Abu Sufian dan Khalid bin al-Walid, maka Rasulullah melaung dengan sabdanya: Ya Allah ya Tuhanku, tidak seharusnya mereka itu mengatasi kita, maka dengan itu Saidina Umar dan beberapa orang Muhajirin yang lain mara dan melawan mereka serta memaksa mereka turun.

Di dalam kisah peperangan Banu Umawi menceritakan bahawa kaum musyrikin telah naik ke atas bukit, lalu Rasulullah menyeru kepada Saad: Kalahkan mereka, yakni undurkan mereka - jawab Saad: Bagaimana akan ku kalahkan mereka daku hanya seorang sahaja, beliau mengulangi tiga kali, namun akhirnya beliau mengambil anak panahnya maka dipanahkan, menyebabkan terbunuh si Fulan, beliau mengambil satu lagi lalu dipanahkan sekali lagi menyebabkan terbunuhnya mangsa yang kedua, sekali lagi beliau berbuat demikian menyebabkan terbunuhnya orang depan ketiga, dengan itu kafir Quraisy terpaksa turun dari tempat mereka itu. Aku berkata: Panah ini adalah berkat, aku pun simpan ke dalam uncangannya, diceritakan panah itu berkekalan bersama-sama Saad hingga ke akhir hayatnya, kemudian diwarisi oleh anak-anaknya.

MENCACATKAN PARA SYUHADA'

Serangan itu adalah serangan terakhir pihak musyrikin ke atas kedudukan Rasulullah. Oleh kerana mereka tidak mengetahui sangat kesudahan Rasulullah (s.a.w) malah mereka hampir yakin bahawa

Rasulullah (s.a.w) telah terbunuh, untuk itu mereka pun kembali semula ke markas, dan semua mereka bersiap untuk berangkat pulang ke Makkah, di antara mereka ada yang sibuk mencacatkan jasad para syuhada termasuk kaum ibu musyrikin, ada yang memotong telinga hidung, kemaluan dan ada yang menikam perut para syuhada dijadikan sebagai kalung dan gelang kaki.

KESUNGGUHAN PAHLAWAN BERSEDIA UNTUK BERTEMPUR HINGGA KE TITISAN DARAH TERAKHIR

Detik-detik terakhir, berlaku dua peristiwa yang membuktikan kesungguhan pahlawan-pahlawan Islam untuk berperang dan betapa bersedianya mereka untuk bersungguh-sungguh dan mati ke jalan Allah.

1. Kaab bin Malik menceritakan: Daku adalah di antara kaum muslimin yang telah keluar, sebaik sahaja ku melihat kaum musyrikin mencedera dan mencacatkan jasad-jasad syuhada Islam, ku bangun dan keluar untuk melihat di mana ku dapati seseorang musyrikin yang mengumpul baju-baju besi melalui jasad seorang syuhada sambil berkata-kata:

Ayuh berlonggoklah kamu seperti longgokan najis-najis kambing.Tiba-tiba seorang muslim sedang menunggu si musyrik ini di hadapan juga berbaju besi aku terus mengekori dari belakangnya hingga dapat aku membezakan yang muslim dan yang musyrik, aku dapat melihat si kafir lebih baik pakaiannya dan peralatannya dari si muslim, hinggalah kedua-duanya ini bersemuka, maka si muslim terus meneiak si kafir dengan pedangnya hingga sampai ke pangkal paha, dan terus terpelanting kakinya, lepas itu si muslim membuka tudung mukanya sambil berkata: Bagaimana kau tengok wahai Kaab, Akulah Abu Dujanah.

2. Sebaik sahaja peperangan telah selesai,sekumpulan wanita Islam telah datang ke medan , kata Anas: Ku telah lihat Aisyah binti Abi Bakar dan Ummu Salim, sedang bersungguh-sungguh, hingga ternampak betis, mereka menggalas uncang air untuk memberi minum terus ke mulut-mulut tentera Islam yang mengalami sakit, apabila air

habis mereka pulang untuk isi semula dengan air. Begitulah kesungguhan mereka, cerita Umar bin al-Khattab: Ummu Salit bertugas di hari Uhud dengan memberikan kami air minuman.

Di kalangan mereka terdapat juga Ummu Aiman, setelah beliau melihat sekumpulan tentera Islam yang lari balik ke Madinah mencari perlindungau, terus beliau mengambil tanah menabur ke atas kepala mereka sambil berkata: Nah ambil pengumpul benang ini, penakut, berikan aku pedang kamu itu, terus beliau ke medan perang, di sana beliau memberi air kepada tentera Islam yang mengalami kecederaan, namun Hibban bin al-Arafah memanah Ummu Aiman menyebabkan beliau terjatuh hingga ternampak sebahagian badannya, Hibban pun ketawa bagaikan satu kelucuan berlaku hal ini berat untuk Rasulullah melihatnya, dengan itu baginda memberikan sebatang anak panah yang tidak bermata kepada Saad dengan berkata, Ayuh kau panahkan seteru Allah itu, Saad pun membidaskan panahnya tepat ke tengkok Hibban menyebabkan beliau jatuh hingga terseiak auratnya, membawa Rasulullah tersenyum hingga kelihatan gigi baginda, dan sabda Rasulullah: Saad telah menuntut bela untuk Ummu Aiman, dan Allah telahpun memakbulkan doanya.

RASULULLAH TIBA KE LERENG BUKIT

Setelah Rasulullah sampai ke lereng bukit dan mengambil tempat di situ, Saidina Ali pun keluar mengambil air dengan uncangnya dari al-Mihras untuk Rasulullah minum, oleh kerana air itu berbau, maka baginda tidak jadi meminumnya cuma sekadar membasuh darah di mukanya, dan curah ke atas kepalanya dengan berkata: Allah memurkai manusia yang melukakan RasulNya.

Sahl menceritakan: Sebenaranya daku mengetahui siapa membasuh luka Rasulullah (s.a.w) dan siapa orangnya yang mencurah air serta mengubat luka Rasulullah? Fatimah, puteri Rasulullahlah yang membasuh luka Rasulullah, manakala Ali bin Abi Talib pula mencucur air dengan bijana, namun bila Fatimah melihat bahawa air yang dicurah itu tidak juga memberhentikan darah keluar, malah lebih banyak lagi,

lalu beliau mengambil carikan tikar dibakarnya dan diletakkan ke tempat luka Baginda, dengan itu baru darah berhenti.

Tidak berapa lama kemudian Muhammad bin Maslamah membawa air bersih kepada baginda dan baginda pun minum darinya, Rasulullah mendoakan kebaikan untuk beliau, di hari itu baginda duduk ketika mengerjakan sembahyang zohor, kerana kesan luka, kaum muslimin pun duduk bersembahyang di belakang Rasulullah.

ABU SUFIAN BONGKAK SELEPAS PEPERANGAN DAN MENGADAKAN DAILOG DENGAN UMAR

Apabila tentera musyrikin bersiap untuk berangkat pulang ke Madinah, Abu Sufian dengan sombong mendaki puncak bukit sambil melaung: Apakah Muhammad masih hidup bersama kamu?. Tidak siapa pun menjawab. Sekali lagi beliau melaung: Apakah anak Abu Quhafah masih hidup di kalangan kamu?. Tidak siapa pun menjawab. Sekali lagi beliau melaung; Apakah anak al-Khattab masih berada dengan kamu? Mereka tidak menjawab, kerana Rasulullah melarang mereka dari menjawab, dan beliau tidak bertanya selain dari tiga peribadi ini sahaja, kerana beliau mengetahui bahawa penerusan Islam adalah melalui tiga peribadi ini, Abu Sufian melaung lagi: Apakah kamu semua telah mempertahankan mereka, namun Saidina Umar tidak dapat menahan dirinya hingga beliau menjawab: Hai seteru Allah, nama yang kamu sebutkan tadi masih hidup, Allah mengekalkan mereka untuk keburukan dirimu. Kata Abu Sufian: Berlaku penderaan dan pencacat celaan ke atas askar-askarmu yang tewas. Namun aku tidak menyuruhnya dan tidak pula menyakiti daku. Sekali beliau melaung:

Dirgahayu Berhala Habal.

Kata Rasulullah: "Buat apa kamu tidak menjawabnya". Kata mereka: "Apa yang kami nak jawab" Kata Rasulullah: "Launglah: Allah Maha Mulia lagi Maha Agung". Jawab Abu Sufian: "Baguslah itu, baru seri satu sama satu tapi ingat peperangan adalah berterusan.

Jawab Umar: "Tak sama, syahid kami di syurga, guguran kamu di dalam neraka".

Kata Abu Sufian: "Kemari wahai Umar", Kata Rasulullah (s.a.w): "Kau pergi tengok apa halnya"? Umar pun mara ke hadapan, tanya Abu Sufian: "Aku benar-benar hendak tahu daripadamu Umar, apakah telah kami bunuh Muhammad"? Jawab Umar: "Ya Allah, itu tidak benar, malah Baginda sedang mendengar dan mengikuti percakapanmu ini". Jawab Abu Sufian: "Ya engkau lebih ku percayai dari Ibni Qami'ah dan lebih benar".

JANJI BERTEMU SEMULA DI BADAR

Ibnu Ishak menceritakan: Semasa Abu Sufian bergerak pulang sekali lagi beliau melaung: "Janji! Kita akan bertemu di Badar di tahun hadapan". Rasulullah berkata kepada para sahabatnya: "Jawablah kepadanya: Ya!, kami berjanji dan jangan pula kau mungkiri".

MEMASTIKAN SIKAP MUSYRIKIN

Setelah tentera musyrikin bergerak meninggalkan tapak pertempuran, Rasulullah memerimah Ali bin Abi Talib dengan sabdanya: "Cuba kau ikuti jejak mereka dan perhatikan apa yang mereka lakukan. Dan apa tindakan mereka seterusnya? Sekiranya mereka menunggangi unta dan menuntun kuda bererti mereka menuju Makkah, tapi kalaulah mereka menunggangi kuda dan menuntut unta bererti mereka akan memasuki al-Madinah, demi jiwa ku di tangannya sekiranya itulah tindakan mereka akan ku buru mereka". Bila Saidina Ali pulang, beliau memberi tahu bahawa mereka menonggang unta dan menuntun kuda menuju ke Makkah.

MENINJAU DAN MENANGANI PARA SYUHADA' DAN YANG CEDERA

Selepas musyrikin Quraisy berlepas pulang ke Makkah seluruh kaum muslimin bertungkus lumus mengenali para syuhada' dan pesakit-pesakit yang luka. Zaid bin Thabit mengisahkan dengan katanya: Rasulullah telah mengutus daku di hari Uhud, untuk mendapatkan Saad

bin al-Rabie, kata Baginda kepada aku: Sekiranya kamu menemuinya sampaikanlah salam ku kepadanya serta katakan kepadanya bahawa Rasul berkata kepadanya: Bagaimana kau sekarang? Sambung Zaid: Jadi ku cuba ke sana ke mari di antara jasad-jasad bergelempangan, akhirnya ku dapati beliau di saat menghembus nafas terakhir pada jasadnya terdapat tujuh puluh tikaman, samada tetakan pedang, tikaman-tikaman tombak atau anak panah, ku berkata: Wahai Saad, sesungguhnya Rasulullah menyampaikan salamnya kepada kau, dan Baginda telah berkata: Bagaimana kau sekarang wahai Saad? Kata Saad: Wa'alaikum salam, wahai Rasulullah dan katakan kepada baginda: Wahai Rasulullah sekarang ku menciumi bauan syurga, dan katakan lagi kepada kaum ku al-Ansar: Tiada mengapa bagi kamu sekiranya ancaman sampai kepada Rasulullah sedang kamu masih hidup, di masa itu Saad menghembus nafasnya yang terakhir.

Di kalangan mereka yang luka, tentera Islam mendapati Amru bin al-Thabit yang masih boleh bernafas lagi, beliau ini pernah di suatu ketika diajak memeluk Islam, tetapi beliau menolak; kata tentera Islam, si degil apa ini yang bawa dia ke mari, dahulu pernah kita dakwahkannya, tetapi beliau menolak, kemudian mereka bertanya: Apa yang mendorong kau kemari, Apakah menuntut bela untuk kaum kau, atau menyukai Islam. Jawab beliau: Malah menyukai Islam. Ku beriman dengan Allah dan Rasulnya, kemudian ku berperang di pihak Rasulullah hinggalah ku menerima apa yang kamu semua saksikan ini, kemudian beliau menghembus nafasnya yang terakhir. Peristiwa ini mereka ceritakan kepada Rasulullah. Lantas Rasulullah menjawab: Beliau adalah penghuni syurga. Cerita Abu Hurairah: Beliau ini tidak sempat bersembahyang walau serakaat sekali pun.

Tentera Islam juga mendapati di kalangan yang luka ialah Qazman, beliau telah bertempur sebagai seorang wira, beliau telah membunuh tujuh atau lapan musyrikin, tetapi kini beliau tak berupaya untuk bergerak, lalu mereka mengusungnya ke kampung Banu Zafar, kaum muslimin pun menyampaikan hal-hal yang menghiburkan beliau, namun beliau menegaskan dengan katanya: Demi Allah sesungguhnya

daku ini berperang demi untuk mempertahankan keturunan bangsaku, kalau tidak kerana itu nescaya tidak ku sertai peperangan, setelah beliau mendapati dirinya terlalu penat dan sakit menanggung luka yang parah di jasadnya, beliau pun membunuh diri. Mengenai peristiwa ini Rasulullah berkata: Beliau ini dari kalangan penghuni Neraka.

Sebaliknya apa yang terjadi kepada seorang Yahudi dari qabilah Tha'labah yang mati di dalam peperangan itu, beliau pernah menyeru kaumnya: Wahai kalian Yahudi, demi Allah sesungguhnya kamu sudahpun mengetahui bahawa menolong Muhammad itu adalah di antara kewajipan ke atas kamu, jawab mereka: Kan hari ini hari Sabtu? jawab beliau:

Tidak ada Sabtu bagi kamu, terus beliau mencapai pedang dan peralatan perangnya yang lain. Kata beliau lagi:

"Kalaulah aku terbunuh, maka hartaku adalah untuk Muhammad, biarlah apa yang hendak dia lakukan". . Terus beliau berperang hingga beliau terbunuh. Sabda Rasulullah yang bermaksud: Mukhairiq adalah sebaik-baik Yahudi.

MENGUMPUL PARA SYUHADA DAN MENGKEBUMIKAN MEREKA

Rasulullah mengurus jenazah para syuhada, sehingga Baginda bersabda: Daku saksikan mereka ini semua, tidak seorang pun yang keluar ke jalan Allah kecuali akan dibangkitkan Allah di Hari Qiamat besok dengan lukanya, berwarna dengan warna darah manakala baunya adalah bau kasturi.

Terdapat di antara kaum niuslimin yang telah membawa jenazah keluarganya ke Madinah, maka Rasulullah memerintahkan supaya dikembalikan jenazah itu dan dikebumikan di tempat mereka syahid, tanpa dimandikan malah dikebumikan dengan pakaian jihad mereka setelah ditanggalkan peralatan besi dan kulit, malah mereka ini dikebumikan berdua atau bertiga di dalam satu lahad, ada yang dikapankan dua orang dalam satu kain, di sini baginda bertanya: Mana.di antara mereka yang lebih banyak mengingati al-Quran dan

apabila diberitahu si pulan lebih dari yang lain maka didahulukannya ke dalam liang lahad sambil baginda mengungkap: Aku adalah saksi mereka di hari Qiamat. Abdullah bin Amru bin Hiram dikebumikan bersama-sama Amru bin Jamuh di dalam satu lahad lantaran persahabatan mereka berdua yang akrab.

Mereka tercari-cari di mana keranda Hanzalah, akhirnya mereka dapati sedang berada di suatu tempat berhampiran lelehan air yang menitis dari celah-celah batu, dan diceritakan kepada Rasulullah. Baginda pun memberitahu sahabat-sahabatnya bahawa beliau dimandikan oleh Malaikat, nak tahu kenapa demikian tanyalah ahli rumahnya kenapa halnya itu? Lantas mereka pun bertanyalah kepada isterinya. Isterinya pun menceritakan kisah sebenarnya di mana beliau telah keluar ke medan jihad sebelum sempat mandi wajib. Di sini Hanzalah dikenali sebagai syahid yang dimandikan oleh Malaikat.

Setelah Baginda mengetahui segala apa yang telah berlaku terhadap Hamzah bapa saudaranya dan saudara sepenyusuannya, Rasulullah amat sedih dan berduka, di masa itu emak saudaranya Sofiah datang untuk melihat saudaranya Hamzah, namun Rasulullah menyuruh anaknya al-Zaid supaya mengalih pandangannya dri situ, supaya tidak terlihat apa yang terjadi kepada saudaranya itu, lantas beliau bertanya: Kenapa? Telahpun sampai ke pengetahuan ku di mana saudaraku ini telah dicacatkan jasadnya, semua ini kerana Allah, semoga semua ini meredhakan kami, akan ku bersabar dan memohon restu keredhaan Ilahi, insyaAllah. Justeru itu beliau terus menziarahi jenazah saudaranya kerana hendak melihat dengan mata kepalanya dan terus beliau berdoa untuknya setelah mengucap "Innalillahi wainna ilaihi rajiuun" terus beliau beristighfar untuk al-Syuhada, dengan itu Rasulullah pun memerintah supaya dikebumikan Hamzah bersama Abdullah bin Jahsy anak saudaranya malah saudara sepenyusuan.

Cerita Abdullah bin Masud: Belum pernah lagi kami melihat Rasulullah menangis seperti mana baginda menangis ke atas Hamzah bin Abdul Muttalib. Baginda meletakkan jenazah Hamzah di sebelah Qiblat, di situ baginda berdiri di samping jenazahnya lantas baginda

menangis hingga kedengaran sedunya.

Pemandangan para syuhada amat memilukan hati. al-Khabbab menceritakan: Sebenarnya Hamzah sendiri tidak mempunyai kain kapan yang secukupnya, selain dari kain serbannya jalur merah putih, kiranya kalau ditutup kakinya terbuka pula kepalanya dan kalau ditutup kepala kakinya akan terbuka, akhirnya beliau ditutup kepala dan kakinya ditutup dengan tumbuhan al-Izkhir.

Kata Abdul al-Rahman bin Auf: Mus'ab bin Umair terbunuh di dalam peperangan ini sedang beliau lebih istimewa dari ku, beliau pun sama juga, kerana bila hendak ditutup kakinya kepalanya akan terbuka dan kalau ditutup kepalanya kakinya akan terdedah. Dalam satu riwayat dari al-Khabbab yang menyebut: Bahawa Rasulullah telah berkata, ayuh tutup sahaja kepalanya sedang kakinya selimutkan dengan daun-daun Izkhir.

RASULULLAH MEMUJI ALLAH DAN BERDOA PADANYA

Al-Imam Ahmad meriwayatkan mengenai keadaan selepas tentera musyrikin selesai pulang ke Makkah di mana Rasulullah bersabda dengan katanya: Ayuh berbaris lurus kamu sekalian yang ada, supaya ku memuji Tuhan Azawajjala, maka dengan itu sekalian mereka pun berbaris di belakang baginda dengan sabdanya:

"Ya Allah ya Tuhanku bagimu jua segala puji-pujian, ya Tuhanku tiada penghalang bagi apa yang Engkau berikan dan tiada pemberi bagi apa yang Engkau pegangkan, tiada petunjuk bagi orang yang Engkau sesatkan dan tiada penyesat bagi orang yang Kau hidayatkan, tiada pemberi barang sesuatu yang Engkau sekatkan dan tiada penyekat barang sesuatu yang Engkau berikan, tiada siapa dapat mendekatkan sesuatu yang Engkau jauhkan dan tiada siapa pun dapat menjauhkan sesuatu yang Engkau dekatkan Ya Tuhanku tebarkanlah ke atas kami barakan Mu, rahmat Mu, kelebihan Mu dan rezekiMu Ya Allah Ya Tuhanku sesungguhnya daku memohon nikmat yang berkekalan yang tidak terhalang dan tidak hilang ya Tuhanku: Sesungguhnya daku memohon bantuan di hari kesuntukan, keamanan di hari menakutkan ,

ya Tuhanku sesungguhnya daku berlindung dengan Dikau dari kejahatan yang ada pada yang Kau berikan kami dan kejahatan yang ada pada apa yang Kau halang pemberiannya kepada kami, Ya Tuhanku perkenankanlah kecintaan iman itu kepada kami serta hiasilah di persada hati nubari kami, hidupkanlah kebencian terhadap kafir, fasiq dan pendurhakaan di dada kami, jadilah kami dari mereka yang terpimpin. Ya Tuhan kami matikanlah kami sebagai muslim serta hidupkan kami sebagai muslim, letakkanlah kami bersama mereka yang solih tanpa sebarang kehinaan atau terfitnah. Ya Allah ya Tuhanku, hancurkanlah golongan kafir yang mendusta utusanMu, menghalang di jalanMu, humbankan ke atas mereka kemurkaanMu dan siksaanMu. Ya Tuhanku hancurkanlah golongan kafir yang sebelum ini telah diturunkan kepada mereka kitab lalu mereka mendustakannya. Ya Allah ya Tuhanku yang sebenar, perkenankanlah".

KEPULANGAN RASULULLAH KE MADINAH DISAMBUT DENGAN KELUHURAN CINTA DAN KETULUSAN HATI

Sebaik sahaja Rasulullah selesai menyelenggarakan pengkebumian para syuhada serta berdoa restu kepada Allah Rabbu al-Jalil terus Baginda berangkat pulang menuju ke Madinah, dan tertera di hadapan mata Rasulullah gambaran yang jarang-jarang berlaku, kecintaan dan ketulusan hati nubari kaum muslimat yang menunggu-nunggu kepulangan Baginda sebagaimana tertera perilaku kaum muslimin di dalam peperangan.

Di pertengahan jalan baginda telah diketemukan dengan Hamnah binti Jahsy, Baginda menyampaikan berita syahid saudaranya Abdullah bin Jahsy beliau mengucap "Innalillahi wainna ilaihi rajiuun" dan beristighfar untuknya, beliau menyampaikan berita kematian bapa saudaranya (sebelah emak) Hamzah bii-t Abdul Muttalib beliau mengucap "Innalillahi wainna ilaihi rajiuun" dan beristighfar untuknya, kemudian Baginda menyampaikan berita syahid suaminya Mus'ab bin Umair, terus beliau menangis dan meraung, maka jawab Rasulullah: Sebenarnya suami bagi seseorang wanita adalah di suatu kedudukan

yang istimewa.

Seterusnya Rasulullah melalui di hadapan seorang wanita dari qabilah Banu Dinar, di mana suami dan saudaranya telah syahid di dalam peperangan Uhud dan hadirin pun menyampaikan berita syuhada' itu, lantas beliau berkata: Apa yang berlaku ke atas diri Rasulullah, jawab hadirin: Wahai ibu, Baginda baik, al-Hamdulillah seperti yang ibu harap-harapkan. Kata beliau lagi Tunjukkan daku diri Rasulullah, hingga dapat ku pastikan kebenarannya, maka ditunjukkan kepada si ibu tadi dan setelah pasti bagi ibu tersebut kebenarannya, maka katanya: Keselamatan diri Rasulullah menjadikan segala yang lain kecil sahaja.

Ibu Saad bin Muaz datang berlari-lari ke hadapan Rasulullah, di masa itu Saad sedang memegang tali kuda Rasulullah, beliau menyeru: Itu ibuku wahai Rasulullah, jawab Rasulullah: Diucapkan selamat datang dengan ibumu tu. Di situ Rasulullah berdiri untuk berhadapan dengan ibu Saad, sebaik sahaja beliau berada di hadapan Rasulullah, Baginda pun menghebahkan berita kematian anaknya Amru bin Muaz. Jawab beliau: "Namun bila ku mendapati Rasulullah (s.a.w) selamat kesemu'anya adalah ringan sahaja. Dengan itu Rasulullah pun berdoa untuk seluruh keluarga, yang anak mereka terbunuh di dalam peperangan, kata Baginda: Bergembiralah wahai ibu Saad dan sampaikanlah berita mengembirakan kepada keluarga sekalian di mana anak-anak dan keluarga mereka yang terbunuh itu diiringi masuk ke dalam syurga Allah, malah mereka akan memberi syafaat kepada ahli keluarga mereka, jawab ibu Saad: Kami redha dan bersenang hati dengan kesemuanya itu wahai Rasulullah, dan tiada siapa lagi yang akan menangis, tambah beliau: Wahai Rasulullah doakanlah untuk keluarga mereka yang masih ada ini, maka doa Rasulullah: "Ya Allah Ya Tuhanku! Hilangkanlah duka nestapa dari hati-hati mereka, perbaikilah musibah dan kesusahan mereka, dan jadikanlah yang tertinggal sebagai keluarga terbaik bagi mereka yang telah pergi.

RASULULLAH DI MADINAH

Rasulullah (s.a.w) telah sampai ke Madinah pada petang hari Sabtu tanggal 7 bulan Syawal tahun 3 Hijrah sesampainya ke rumah, Baginda menyerahkan pedangnya kepada anaknya Fatimah dengan sabdanya: Cucikan darah-darah dari pedang ini, demi Allah ianya telah membenarkan kerja-kerjaku, kemudian Ali bin Abi Talib pun menyerah pedangnya dengan katanya: Tolong cucikan juga pedang ku ini, demi Allah sesungguhnya pedang ini telahpun membenarkan daku, sabda Rasulullah: Sekiranya kau telah benar-benar berperang, maka sesungguhnya Sahl bin Hanif dan Abu Dujanah pun adalah benar bersama-sama dengan kamu.

BILANGAN TERKORBAN KEDUA BELAH PIHAK

Keseluruhan riwayat sebulat suara mengatakan, bilangan syuhada yang terkorban di dalam peristiwa Uhud adalah seramai tujuh puluh orang, dart bilangan yang terbesar adalah dari golongan al-Ansar, di mana seramai enam puluh lima syuhada' gugur dibumi Uhud, 13 orang dari kalangan al-Khazraj, 24 dari al-Aws dan seorang Yahudi, manakala syuhada dari Muhajirin adalah seramai 4 orang sahaja.

Yang terbunuh dari kalangan al-Musyrikin adalah seramai 22 orang. Tapi selepas meneliti dengan cermat ke atas peperangan Uhud dari perbagai sudut, maka ahli sirah dan peperangan menyebut bahawa korban dari pihak Quraisy adalah seramai 37 orang dan bukan 22 orang. Wallahu a'lam.

KEADAAN DARURAT DI MADINAH

Di malam Ahad 8 haribulan Syawal tahun 3 Hijrah seluruh kaum muslimin berada dalam keadaan dharurat sekelian mereka tidur dalam keadaan berjaga-jaga, walaupun mereka sekalian mengalami keletihan dan kepenatan yang amat sangat, namun sedemikian mereka tetap membuat pengawalan di setiap penjuru Madinah dan pintu masuknya, mengawal dan menjaga keselamatan pemimpin agung mereka Rasulullah (s.a.w) secara khusus, kerana mereka mencurigai seperti ada beberapa perkara yang tidak kena dengan suasana Madinah pada

malam berkenaan.

PEPERANGAN HAMRA' AL-ASAD

Di malam itu Rasulullah dalam keadaan memikirkan mengenai situasi Madinah, selepas peperangan Uhud itu, Baginda sangsi dengan sikap Quraisy yang mungkin mereka membuat perubahan sikap setelah mereka menilai semula peperangan yang mereka sertai itu, yang tidak pun memberi sesuatu faedah kepada mereka. Meskipun mereka menang di medan pertempuran, pasti mereka berdukacita, kerana itu mereka mungkin akan berpatah balik untuk melanggar Madinah buat kali kedua di dalam tempoh yang sama. Justeru itu, Rasulullah terfikir untuk membuat operasi memburu tentera Makkah.

Ahli sirah dan peperangan menyebut dalam satu kata sepakat: Di hari itu Rasulullah menyeru sekalian kaum muslimin dan memerintah mereka bergerak untuk berhadapan dengan musuh, seruan ini dibuat pada keesokan hari selepas peristiwa Uhud, iaitu hari Ahad 8 haribulan Syawal tahun 3 hijrah, dengan sabdanya: "Tidak akan menyertai kita di hari ini kecuali mereka yang menyertai peperangan Uhud kelmarin". Kata Abdullah bin Ubai:

"Boleh aku turut bersama kau"? Jawab baginda: "Tidak". Sekalian kaum muslimin menyahut seruan Rasulullah itu meskipun mereka mengalami kecederaan yang amat sangat dan ketakutan, tetapi mereka menjawab: "Kami menurut perintah Rasulullah penuh taat setia".

Di masa itu Jabir bin Abdullah tampil ke hadapan Rasulullah meminta izin untuk turut serta dengan katanya:

"Wahai Rasulullah sebenarnya daku ini tidak suka melihat sesuatu peristiwa itu kecuali ku ingin bersama-sama Rasulullah, namun dalam peristiwa Uhud itu daku tidak bersama-sama Rasulullah kerana bapaku mengamanahkan daku untuk menjaga anak-anak perempuannya. Kali ini izinkanlah daku untuk bersama-sama menyertai bersama tuan hamba. Justeru itu Rasulullah pun membenarkan Jabir turut serta. Rasulullah bergerak bersama tentera Islam, hingga tiba ke tempat bernama Sahra' al-Asad, sejauh lapan batu dari al-Madinah, di situ

mereka berkhemah.

Semasa di Hamra' al-Asad, Ma'bad bin Abi Ma'bad al-Khazaie telah datang menemui Rasulullah mengisytihar kemasukannya ke agama Islam - namtin ada pendapat mengatakan yang beliau ini masih dalam musyriknya, Cuma beliau datang untuk memberi nasihat kepada Rasulullah, kerana di antara Banu Khuza'ah dan Banu Hasyim termeterainya perjanjian, dengan katanya: Wahai Muhammad demi Allah, sesungguhnya apa yang menimpa kamu itu adalah berat bagi kami, hanya doa restu kepada Allah semoga kamu disejahterakan Allah - di sini Rasulullah meminta beliau terus menyertai bersama Abu Sufian dan bertindak menggagalkannya. Sebenarnya apa yang Rasulullah curigai selama ini memang benar terjadi kerana setibanya tentera musyrikin di al-Ruha' 36 batu ke Madinah mereka saling kecam mengecam, di antara mereka menyebut dengan katanya Sebenarnya kamu tidak melakukan sesuatu apa pun, walaupun dapat pecahkan kekuatan mereka, kemudian kamu biarkan begitu sahaja, kepala-kepala mereka masih hidup dan dapat bersatu semula, ayuh kita patah balik semula untuk memerangi mereka hingga ke akar umbi. Nampaknya pendapat ini mutawatir, disuarakan oleh orang tertentu, yang tidak sangat menilai kekuatan fizikal dan kejiwaan kedua-dua pihak, oleh itu cadangan ini disanggah oleh ketua yang bertanggungjawab, Safwan bin Umaiyah dengan jawapannya: "Wahai kalian kaumku, jangan kamu tergesa-gesa bertindak sedemikian, kerana aku mencurigai, nanti kalau akan ditentangi oleh mereka, (kaum muslimin) yang dahulu tidak keluar berperang, lebih baik kamu pulang, kedaulatan kamu sudah pun di dalam tangan kamu, Aku takut nanti kalau kamu berpatah balik menyerang Madinah kedaulatan kamu itu akan dirampas kembali", namun pendapat beliau ini tidak mendapat restu dari suara

majoriti tentera, malah sebaliknya mereka bersetuju untu. berpatah balik bergerak menuju Madinah, tetapi sebelum Abu Sufian mengalih arah pergerakan tenteranya beliau telah ditemui oleh Ma'bad bin Abi Ma'bad al-Khuzaei yang tidak diketahui tentang kelslamannya, beliau telah ditanya oleh Abu Sufian dengan katanya: Ada apa-apa yang tidak

baik? Sebagai satu perang saraf, Ma'bab menjawab: Sebenarnya Muhammad keluar bersama-sama sahabatnya, memburu kamu dalam satu ketumbukan yang belum pernah ku lihat lagi seperti itu, kelihatan perasaan mereka meluap-luap untuk menuntut bela, ketumbukan ini telah disertai nampaknya oleh mereka yang tidak bersamanya di dalam peperangan Uhud kelmarin, seolah-olah mereka ini ingin menampung balik ketidakhadiran mereka kelmarin.

Jawab Abu Syfian: Jenis apa yang kamu kata itu:

Jawab Ma'bad: Demi Allah, tidak percaya, kamu boleh maju sedikit ke hadapan ke arah Madinah kamu akan melihat ketumbukan peninjaunya di sebalik bukit itu.

Kata Abu Sufian: Demi Allah sebenarnya kami sudah sebulat suara untuk membuat serangan mengejut untuk menghapus mereka sama sekali. Jawab Ma'bad: Aku menasihati kamu, jangan bertindak bodoh sedemikian, di masa itu semangat juang tentera musyrikin mulai runtuh, malah mereka sudah mula dalam ketakutan, pada mereka sebaik-baik jalan ialah meneruskan pengunduran ke Makkah, sedang ,Abu Sufian terus memupuk semangat juang di kalangan tentera Makkah, menyeru mereka untuk berpatah balik melanggar Madinah, tujuannya ialah untuk menghalang tentera Islam dari terus memburu mereka. Tepat sekali di mana Abu Sufian telah berjaya dalam usahanya itu, kerana dengan takdir Allah satu rombongan qabilah Abd al-Qais yang belayar melalui perhentian tentera Makkah menuju ke Madinah, maka Abu Sufian berkata kepada ketua qabilah tadi : Sebaik sahaja kamu bertemu dengan Muhammad dan sahabatnya tolong sampaikan perutusan ini, aku berjanji akan ku muatkan buah-buah kismis ini ke atas tunggangan kamu, di Ukaz bila kamu daiang ke Makkah nanti, setelah kamu tunaikan perutusan ku ini. Jawab mereka: "Ya boleh". Kata Abu Sufian: "Kamu sampaikan kepada Muhammad dan sahabat-sahabatnya bahawa kami telah membuat keputusan untuk menyerang mereka, hingga dapat kami menghapusnya dan pengikut-pengikutnya".

Sebaik sahaja kafilah, Abu Abd al-Qais menghampiri Rasulullah dan tenteranya yang sedang singgah di " Hamra' al-Asad", beliau pun terus

menyampaikan kepada Rasulullah, perutusan Abu Sufian itu, dengan katanya: "Sebenarnya penduduk Makkah telah pun mengumpul seluruh tenaganya, maka hendaklah kamu berwaspada dengan mereka, apa lagi kaum muslimin pun semakin bertambah kental keimanan mereka".

"Dan mereka menjawab :Cukuplah Allah menjadi Penolong kami dan Allah adulah sebaik-baik Pelindung. Setelah (pergi mengejar musuh), mereka kembali dengan mendapat nikmat dan limpah kurnia dari Allah, mereka tidak disentuh oleh sesuatu bencana pun, serta mereka pula menurut keredhaan Allah. Dan ingatlah), Allah mempunyai limpah kurnia yang amat besar".

(Al lmran: 173-174)

Rasulullah (s.a.w) bersama tentera Islam berkhemah di Hamra' al-Asad setibanya dari Madinah pada hari Ahad, untuk selama 3 hari iaitu Isnin, Selasa dan Rabu, kira-kira tanggal 9 hingga 10 dan 11 Syawal tahun 3 Hijrah, setelah itu baginda pulang semula ke Madinah. Namun sebelum pulang baginda menahan Abu Azzah al-Jumahi, beliau adalah di atara tawanan Badar yang dibebaskan tanpa sebarang bayaran kerana kedhaifan beliau di samping ramai pula anak-anak perempuan dibawah tanggungan beliau. Setelah beliau berjanji untuk tidak melawan lagi, namun beliau telah mungkir janji, di mana beliau telah merangsangkan kaum musyrikin melalui syair-syairnya dan beliau sendiri pun turut bersama, sebaik sahaja Rasulullah menahan, beliau sekali lagi berkata: Wahai Muhammad bebaskanlah aku, seperti dahulu, berilah kesempatan untuk ku menjaga anak-anak perempuan ku, dan aku berjanji tidak akan mengulangi lagi perbuatan yang sama itu. Rasulullah menjawab: Aku tidak mahu bila kau pulang ke Makkah nanti kau akan menunjuk dengan jarimu ke dahi, dan berkata: Nah sekali lagi aku dapat menipu Muhammad, sebenarnya orang mukmin tidak dipagut oleh ular dua kali dari lubang yang sama. Kemudian baginda memerintah al-Zubair atau 'Asim bin Thabit memancung lehernya.

Baginda juga menjatuhkan hukuman mati ke atas seorang pengintip Makkah, beliau dikenali sebagai Muawiyah bin al-Mughirah Ibnu Abi

Al-Aas, iaitu datuk kepada Abdul Malik bin Marwan sebelah ibunya, kisah bermula, apabila tentera,musyrikin pulang ke Makkah, maka Muawiyah ini datang menziarahi anak saudaranya Uthman bin Affan (r.a), beliau telah memohon perlindungan dari Uthman (r.a). dengan syarat tidak melebihi tiga hari. Sekiranya beliau langgar syarat akan dibunuh namun setelah Madinah lengang dari tentera Islam, beliau terus tinggal di sana lebih dari tiga hari, dengan tugas mengintip bagi pihak

Quraisy, setelah tentera Islam pulang, Muawiyah lari keluar secara senyap-senyap, justeru itu Rasulullah memerintah Zaid bin Harith dan Ammar bin Yasir memburunya, maka mereka berdua pun mengikuti jejaknya hingga bertemu dan di tempat itu juga beliau dibunuh.

Suatu hakikat yang tidak syak lagi bahawa peperangan Hamra' al-Asad bukanlah satu peperangan yang berasingan, malah ianya merupakan sebahagian dari peperangan Uhud, malahan sambungan kepada peperangan Uhud dan siri terakhir dari keseluruhah peperangan Uhud berkenaan.

Itulah dia peperangan Uhud dengan keseluruhan tahap-tahap dan penceritaannya secara terurai, di ketika para pengkaji menyelidiki mengenai kesudahan peperangan ini, apakah ianya suatu kemenangan atau tidak? Tapi satu hakikat yang jelas di mana kelebihan ketenteraan yang berbeza di antara tentera Makkah dan tentera Madinah adalah ketara sekali, terutamanya di dalam pusingan kedua, di mana pihak musyrikin menguasai pertempuran di seluruh medan perang, kerugian tenaga manusia di pihak Islam lebih teruk berbanding dengan apa yang dialami oleh pihak musyrikin, terdapat sekumpulan tentera Islam di beberapa medan pertempuran kiranya tewas sehabisnya di mana tentera musyrikin menguasai suasana pertempuran, oleh kerana adanya faktor lain yang tidak membenarkan kita menyebut pertempuran ini memberi kemenangan dan kejayaan kepada Islam, sebab itulah kita tawaqquf.

Walau bagaimana sekalipun, satu perkara yang tidak diragui, di mana tentera Makkah tidak dapat menawan institusi ketenteraan Islam, disebabkan .sebahagian besar tentera al-Madinah tidak berundur lari

dari medan pertempuran, meskipun berlaku huruhara di barisan tentera Islam, malah seluruh mereka menentang tentera Makkah hingga dapat mereka berkumpul semula di sekeliling qiada. (pimpinan), dan tidak membiarkan tentera lawan memburu askar-askarnya, justeru itu tidak seorang pun yang menjadi tawanan tentera musyrikin malah tentera musyrikin tidak dapat sebarang harta rampasan pun dari kaum muslimin, dan tentera musuh tidak pula membuka medan pertempuran ketiga meskipun tentera Islam masih dipengkalan perjuangannya. Demikian juga tentera musyrikin tidak pula bermukim di medan pertempuran untuk selama sehari, dua atau tiga hari seperti yang biasa dilakukan oleh pihak yang menang, sebagai tradisi amalan di masa itu, malah dengan segera pula berundur dari situ terlebih dahulu, meninggal medan pertempuran lengang sahaja. Sebelum tentera Islam meninggalkannya. dan tidak pula mereka berani menyerang Madinah untuk menawan kaum wanita sebagai rampasan perang dan harta-harta di sana, sedang jarak Madinah dengan medan pertempuran hanya beberapa langkah sahaja dalam keadaannya ianya terdedah dan terbuka kepada sebarang serangan.

Kesemuanya ini membuktikan kepada kita bahawa apa yang dipungut oleh Quraisy dari peperangan Uhud ini tidak lebih dari satu kesempatan dan peluang untuk mereka, buat menimpa kerugian yang teruk ke atas kaum muslimin, di samping kegagalan mereka untuk membenteras dan menghapus tentera Islam sehabis mungkin, setelah mereka berjaya mengepung tentera Islam, yang biasanya pihak penyerang, tidak teragak-agak untuk membunuh kesemua tentera lawannya dalam keadaan sepertimana yang terjadi kepada tentera Islam, maka sebab itu untuk dikatakan bahawa tentera Quraisy memperolehi satu kejayaan adalah, tidak, dan jauh samasekali.

Malah apa yang menguatkan lagi sikap kita di mana Abu Sufian bergegas pula untuk berundur dari medan pertempuran kerana beliau takut tenteranya akan mengalami kekalahan, seandainya beliau membuka semula medan pertempuran yang ketiga. Penegasan ini dapat diperhatikan dari sikap Abu Sufian terhadap peperangan Hamra' al-

Asad itu.

Untuk itu maka kita menegaskan bahawa peperangan ini adalah sebahagian yang tidak terpisah dari induknya, setiap pihak telah memperolehi bahagian masing-masing kerugian dan keuntungan, dipenghujungnya setiap pihak menarik diri, tanpa memperlihatkan di mata lawannya sebagai lari dari medan peperangan dengan meninggalkan tapaknya ditawan oleh lawan, inilah yang dikatakan yang ianya suatu peperangan yang bersambung dengan awalannya. Untuk itu maka Allah menjelaskan di dalam firmanNya:

"Janganlah kamu lemah melawan kaum itu, jika kamu mendapat kesakitan, mereka pun mendapat kesakitan juga, sebagaimana kamu mendapat kesakitan. Sedangkan kamu mengharapkan dari Allah barang yang tiada mereka harapkan"

(An-Nisaa': 104)

Allah menggambarkan perasaan yang dialami oleh satu kem sebagaimana yang dirasainya oleh kem yang satu lagi, ini membawa erti di mana kedua-dua situasi adalah setara, kedua-dua pasukan masing-masing pulang dengan tidak membawa kemenangan.

AL-QURAN MEMPERKATAKAN SEKITAR PEPERANGAN BERKENAAN

Ayat al-Quran turun untuk memberi penjelasan ke atas setiap marhalah mengenai peristiwa Uhud ini, marhalah demi marlahah, diiringi dengan ulasan-ulasan yang menjelaskan faktor-faktor yang membawa kepada kerugian yang parah. Al-Quran juga bertanggungjawab menjelaskan sudut-sudut kelemahan yang masih terdapat pada pendokong-pendokong kebenaran dan iman, berbanding dengan tanggungjawab mereka di dalam situasi yang sebegini cemas, juga berbanding dengan matlamat-matlamat mulia yang hendak dicapai oleh kelompok ini, yang mana kerana matlamat-matlamat inilah maka diprosesnya kelompok

dan umat ini, yang digambarkan oleh Allah sebagai suatu umat dengan ciri-ciri keistimewaannya dilahirkan untuk manusia sejagat.

Sebagaimana juga al-Quran memperkatakan mengenai golongan munafiqin, Allah mendedahkan keburukan diri mereka, Allah mendedahkan perseteruan mereka secara senyap-senyap, terhadap Allah dan RasulNya, disamping Allah (s.w.t) membersihkan hati naluri kaum muslimin dari sangkaan dan hasutan-hasutan syaitan yang selama ini menyelaputi hati-hati mereka, perasaan dan hasutan ini ditimbul-timbulkan oleh golongan munafiqin dan kroni-kroni mereka dari kaum Yahudi Madinah yang merupakan kepala fitnah, batu api dan pakatan konspirasi. Seterusnya al-Quran mendedahkan hikmah-hikmah dan pencapaian sejati dan murni di akhir peperangan.

Enam puluh ayat dari surah Ali Imran yang diturunkan khusus memperkatakan seawal-awal detik peristiwa:

"Ingatlah ketika engkau keluar pagi hari dari keluarga kamu, kau tempatkan orang-orang Mukmin pada beberapa tempat untuk berperang".

(Ali Imran: 121)

Diakhiri dengan huraian lengkap terhadap kesudahan-kesudahan dan hikmat-hikmat peperangan ini dengan firmannya:

"Allah tiada membiarkan orang-orang yang beriman menurut keadaan kamu, sehingga ia membedakan orang yang jahat dari orang yang baik. Dan bukanlah Allah hendak memperlihatkan .hal ghaib kepadamu, tetapi Allah memilih di antara rasul-rasulNya siapa yang dikehendakiNya, maka berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-rasulNya, danjika kamu beriman dan bertaqwa, maka untuk mu pahala yang besar"

(Ali Imran: 179)

HIKMAH-HIKMAH DAN MATLAMAT-MATLAMAT MURNI DARI PEPERANGAN INI

Ibnu al-Qayyim menghuraikan secara meluas khusus mengenai tajuk

ini, tegas Ibnu Hajar dengan katanya: Para ulama telah menyebut: Bahawa sesungguhnya di dalam peristiwa Uhud ini dengan apa yang telah terkena ke atas kaum muslimin, terkandung kebaikan-kebaikan dan hikmah-hikmah Ilahi yang luhur, antaranya: Mengajar kaum muslimin bahawa penderhakaan itu buruk padahnya, pelanggaran perintah membawa kepada nahas yang parah, iaitu ketika golongan pemanah meninggalkan tempat, sedang mereka diperingatkan oleh Rasulullah supaya jangan berganjak dari tempat mereka dalam keadaan apa jua sekali pun. Kebiasaannya para rasul diuji namun kesudahan akan berpihak kepada mereka, sebagai hikmahnya, kalaulah mereka ini sentiasa menang sahaja nescaya golongan yang tidak beriman akan menyertai bersama kaumnya yang beriman itu, dengan erti kata lain tidak akan berlaku satu proses pembezaan dan penapisan di antara mereka yang benar dan yang tidak benar, malah sebaliknya pula, kalaulah mereka ini sentiasa kalah dan gagal sahaja, pasti pula tujuan pengutusan para rasul tidak tercapai, untuk membezakan di antara yang membenarkan dan yang mendustai risalah Rasulullah. Kerana nifaq dan taqiah golongan munafiqin adalah tersembunyi dari pengetahuan kaum muslimin, dengan berlaku peristiwa ini maka tertonjollah golongan munafiq dan taqiah melalui tindakan dan percakapan mereka, hingga dengan itu kaum muslimin dapat mengenali seteru mereka dengan peranan-peranannya sekali, maka untuk tindakan susulan mereka, mereka boleh berjaga-jaga, berwaspada dan mengelak dari golongan ini. Kelewatan kemenangan dan pertolongan pada sesetengah tempat boleh menjinak kebuasan hawa nafsu dan boleh melunak kesombongannya, semasa diuji kaum muslimin pasti bersabar manakala kaum munafiqin dan taqiah akan keluh-kesah, disamping itu Allah telah menyediakan untuk hamba-hambaNya yang beriman kedudukan dipersada kemuliaan dan karamahNya yang tidak mungkin dicapai atau tersampai di sana melalui amalan-amalan mereka. Untuk itu maka

Allah membuka peluang dengan menyediakan sebab-sebab, iaitu ujian dan fitnah hingga dengannya mereka berupaya sampai ke sana. Dari

peristiwa ini Allah rnenawarkan mati syahid yang merupakan kemuncak kedudukan para awliya'Nya, kejadian ini juga menjelaskan kehendak Allah dan iradahNya, untuk membinasakan musuh-musuhNya. Dengan menyediakan sebab musabab iaitu kekufuran mereka keengganan dan penderhakaan mereka, kerana menentang para auliyaNya sehingga dengannya maka terpadam dosa-dosa kaum mukmin dan menghapuskan kaum kafirin.

PENGHANTARAN TENTERA DAN PERUTUSAN:

DALAM TEMPOH Dl ANTARA PEPERANGAN UHUD DAN AL-AHZAB

Peristiwa peperangan Uhud telah meninggalkan kesan yang buruk, terutamanya populariti kaum mukmin, keagungan mereka tercabar, kehebatan mereka tidak digeruni lagi, tekanan dari dalam dan luar semakin bertambah, malah Madinah dilingkungi bermacam-macam ancaman, puak, Yahudi munafiqin dan golongan Arab berani memusuhi secara terang-terangan, malah setiap kelompok ini telah cuba mempersendakan orang-orang mukmin, malah mereka ingin sangat untuk membenteras dan menghapus mereka hingga ke akar umbi.

Dua bulan selepas berlakunya peristiwa Uhud, Banu Asad telah membuat persiapan untuk melanggar Madinah, dalam bulan Safar tahun 4 Hijrah. Qabilah Udhal dan Qaarah telah membuat tipu muslihat terakhir dengan terkorbannya sepuluh orang sahabat. Peristiwa ini dikenali sebagai tragedi "Bi'r al-Ma'unah". Banu al-Nadhr sekelompok Yahudi terus memusuhi Rasulullah secara terang-terang, hinggalah pada bulan Rabiulawal tahun 4 hijrah mereka telah merancang satu tindakan yang bertujuan membunuh Rasulullah. Banu Ghatafan tidak kurang juga, bersemangat memerangi Rasulullah, di mana mereka telah bersiap hampir-hampir melanggar Madinah pada bulan Jamadilawal di tahun 4 Hijrah.

Kaum muslimin seolah-olah kehilangan taring, natijah buruk peperangan Uhud, menyebabkan mereka seketika berada dalam

keadaan terancam, namun kebijaksanaan Muhammad (s.a.w) yang telah membentuk semula arus umat di samping mengembalikan semula kerugian yang hilang itu, hingga dengannya umat Islam terbina semula kedaulatan dan keagungannya. Langkah yang paling awal sekali yang dilakukan oleh Muhammad (s.a.w) di dalam menangani permasalahan ini, ialah dengan membuat buruan terhadap tentera Makkah di dalam gerakan Hamra' al-Asad itu. Implikasinya Muhammad (s.a.w) telah membina semula populariti dan nama tenteranya, yang dilakukan oleh Rasulullah itu telah menyebabkan kaum Yahudi dan munafiqin dan taqiah dalam keadaan serba kebingungan dan panik, disusuli pula dengan munawarah, beberapa stategi peperangan yang kesemuanya mengangkat semula kedudukan dan nama umat Islam. Di antara tindakan Rasulullah adalah seperti berikut:

Sariyah Abi Salamah

Orang pertama yang cuba melanggar kaum muslimin selepas tragedi Uhud, ialah Banu Asad bin Khuzaimah. Risikan al-Madinah telah menerima berita dan seruan Talhah bin Khuwalid dan saudaranya Salamah terhadap kaum mereka unmk memerangi Rasulullah.

Rasulullah bertindak menghantar segera angkatannya yang terdiri dari seratus lima puluh orang askar Muhajirin dan Ansar. Pimpinan diserahkan kepada Abu Salamah dan bendera Islam diserahkan kepadanya. Di dalam serangan itu kaum muslimin telah menawan sebilangan unta dan biri-biri, kesemuanya dituntun ke Madinah, kepulangan mereka ke Madinah dalam keadaan selamat dan menggondol harta-harta rampasan perang namun peperangan tidak pun berlaku.

Penghantaran angkatan Abu Salamah adalah di permulaan bulan Muharam Tahun 4 Hijrah, semasa kepulangan Abu Salamah lukanya yang dialami semasa peperangan Uhud semakin parah, hingga tidak berapa lama kemudian beliau meninggal dunia.

Pengutusan Abdullah bin Anis

Tanggal hari kelima di bulan yang sama di bulan Muharam tahun 4 Hijrah, risikan Rasulullah telah menerima berita di mana Khalid bin

Sufian al-Huzali sedang menghimpun tenaganya untuk menyerang kaum muslimin, dengan itu segera Rasulullah mengirim Abdullah bin Anis ke sana untuk menghapus percubaan itu.

Abdullah bin Anis ke sana selama lapan belas malam, beliau tiba ke Madinah pada hari Sabtu di minggu terakhir bulan Muharam, Abdullah berjaya membunuh Khalid, malah beliau membawa pulang kepala Khalid ke hadapan Rasulullah (s.a.w), di mana Rasulullah (s.a.w) menghadiahkan tongkatnya kepada Abdullah, dengan bersabda: Inilah tanda hubunganku dengan kau hingga ke hari Qiamat. Diriwayatkan, semasa Abdullah menemui ajalnya beliau telah berpesan agar tongkat itu dikafankan bersama jenazahnya.

Perutusan al-Raji'

Pada bulan Safar di tahun yang sama yakni tahun keempat Hijrah sekumpulan dari qabilah Udhal dan Qaarah telah datang menemui Rasulullah (s.a.w) dengan menceritakan bahawa terdapat di kalangan mereka individu-individu yang menganut Islam, di sini mereka telah memohon dari Rasulullah untuk mengirim orang-orang yang boleh mengajar mereka akan agama Islam dan al-Quran. Dengan itu Rasulullah (s.a.w) pun menghantar bersama-sama mereka enam orang manakala riwayat Ibnu Ishak dan al-Bukhari menyebut pengutusan itu adalah seramai sepuluh orang. Baginda melantik Mirthad bin Abi Mirthad al-Ghanawi sebagai Amir perutusan itu. Namun Ibnu Ishak dan al-Bukhari menyebut bahawa Amir yang dilantik itu adalah Asim bin Thabit datuk kepada Asim bin Umar bin al-Khattab, apabila mereka sampai di tempat bernama al-Raji', ianya adalah kawasan air qabilah Huzail di sebelah al-Hijaz, ianya terletak di antara Rabigh dan Jeddah. Qabilah Udhal dan Qaarah yang bersama perutusan Rasulullah itu telah memanggil satu qabilah dari Huzail untuk mcnyerang orang Islam. Qabilah ini dikenali sebagai Banu Lahyan, perutusan Islam ini telah diburu oleh sekumpulan pernanah seramai seratus orang. Hingga sempat mereka mengepung pendakwah Islam itu, menyebabkan mereka terpaksa lari menyelamatkan diri ke kawasan bernama Fad-Fad. Orang Islam telah diberi jaminan dengan kata mereka: Kami berjanji dengan

kamu, sekiranya kamu singgah bersama kami, kamu tidak akan dibunuh walau seorang pun. Namun Asim enggan menurut tawaran mereka itu, malah beliau bersama sahabatnya terus melawan mereka, menyebabkan tujuh orang terbunuh dengan lontaran panah musuh, hanya tinggal Khubaib dan Zaid bin al-Dathnah dan seorang lelaki lain dan sekali lagi musuh mereka menawar janji mereka, tetapi musuh tetap musuh, kerana mereka dikhianati, mereka diberkas dengan tali-tali panah, maka berkata lelaki yang ketiga: Ini adalah pengkhianatan pertama, dan beliau enggan mengikuti mereka, menyebabkan mereka terpaksa mengheretnya dan memaksa beliau mengikuti mereka, tapi beliau tetap enggan, akhirnya beliau dibunuh di tempat itu. Dengan itu puak musuh membawa Khubaib dan Zaid dan dijual mereka di pasar Makkah, mereka berdua ini telah membunuh pembesar-pembesar Makkah di dalam peperangan Uhud, adapun Khubaib tinggal di Makkah di dalam kurungan, kemudian mereka berazam untuk membunuh beliau maka dibawa keluar dari tanah haram ke Tanaim. Semasa hendak disalibkan beliau meminta untuk bersembahyang dua rakaat, mereka pun membenar Khubaib melaksana permintaannya itu dengan bersolat dua rakaat, setelah memberi salam beliau berkata: Demi Allah kalau tidak kamu menyangka yang aku ini takut mati, nescaya ku perpanjangkan sembahyang ku itu kemudian beliau berdoa: Ya Allah ya Tuhanku! musnahkanlah mereka kesemua, bunuhkanlah mereka sehabis-habisnya, dan jangan tinggal seorang pun dari mereka". Sambung beliau dalam madahnya:

Kalian gerombolan mereka mengelilingi daku

Kalian qabilah mereka sepakati menghantam daku Seluruh anak dan isteri mereka dekati

Keseorangan daku di pepohon tinggi diikati Hanya pada Allah ku mengadu nan sengsara

Kesepakatan mereka membunuh daku Tuhan perkasa berikan daku kesabaran

Buat menghadapi akibat angkara, Dagingku mereka kerjakan

Harapan ku berkecai musnah Mereka menawar kekufuran dan mati

padaku

Tiada air mata ku menangis Peduli tiada, yang pasti biar mati ku muslim

Pada Allah ku pasrah penuh yakin

Anggota ku pasti Allah memberkati Biar terputus ke mana pergi

Sebelum beliau dibunuh Abu Sufian telah menyoal beliau: "Suka tak kamu kami memenggal leher Muhammad di sini dan kau dibebaskan"? Jawab beliau: "Demi Allah! Tidak sekali-kali akan^senang bagiku kiranya aku bebas dipangkuan keluarga sedang Muhammad ditempatnya walaupun dengan hanya Baginda tertikam sebatang duri".

Setelah itu mereka pun terus mensalibkan beliau, dan diperintah orang tertentu mengawal jenazahnya, namun di malam hari Amru bin Umaiyah al-Dhamri telah datang dengan cara bersembunyi, dengan helah, telah membawa jenazah beliau keluar dari situ untuk dikebumikan. Orang yang dipertanggungjawab membunuh Khubaib ialah Uqbah bin al-Harith, sebenarnya Khubaib ini telah membunuh bapanya yang kafir di dalam peperangan Badar.

Mengikut hadith sahih bahawa Khubaiblah orang yang memulakan sembahyang sunat dua rakaat sebelum pembunuhan, yang ganjilnya, para hadirin di hari pembunuhannya telah melihat beliau sedang memakan setangkai buah anggur sedangkan di Makkah masa itu buah tamar pun tak ada. Adapun Zaid al-Duthnah telah diburu oleh Safwan bin Umaiyah dan dibunuhnya sebagai menuntut bela di atas pembunuhan ayahnya.

Pihak Quraisy telah mengirim orang-orangnya untuk mengambil sebahagian dari anggota badan Asim untuk dikenalpasti, kerana Asim sebelum ini telah membunuh salah seorang pembesar Quraisy di dalam peperangan Badar, tetapi Allah telah menghantar sekumpulan tebuan yang menjaganya, hingga dengan itu mereka tidak dapat melakukan tugas kotor mereka terhadap mayat syahid itu, sebelum ini Asim telah memohon dari Allah supaya badan beliau tidak disentuhi oleh musyrikin dan tidak pula beliau mahu menyentuh musyrikin, setelah berita itu didengar oleh Amru maka beliau berkata:

Allah akan memelihara seorang mukmin sebagaimana Allah memeliharanya semasa hidup

TRAGEDI BI'R MA'UNAH

Di bulan yang sama di mana berlakunya peristiwa al-Raji' yang trajis itu, berlaku pula tragedi Bi'r Ma'unah yang lebih dahsyat dan menyayati hati.

Ringkasan ceritanya, di mana Abu Bara' Amir bin Malik yang dikenali sebagai "Malaib al-Asinnah" telah tiba menemui Rasulullah di Madinah, Baginda menyeru Abu Bara' kepada Islam, dan beliau tidak menganut Islam, namun pada sangkaan Baginda, tidak lama lagi mungkin beliau akan menganut Islam. Di sini beliau telah meminta dari Rasulullah dengan katanya: "Wahai Rasulullah kalaulah tuan hamba dapat mengutus sahabat-sahabat tuan hamba kepada penduduk Najdi untuk mengajak mereka kepada agama tuan hamba ini, ku mengharapkan mereka akan menyahut seruan". Jawab Rasulullah: "Sebenarnya daku curiga dengan penduduk Najdi itu", kata Abu Bara': " Daku akan melindungi mereka". Dengan itu, Baginda pun terus mengirim para sahabatnya seramai empat puluh orang. Ini adalah pendapat Ibnu Ishak, tetapi hadith sahih menyebut tujuh puluh orang yang sebenarnya. Rombongan tujuh puluh orang ini diketuai oleh al-Munzir bin Amru dari Banu Sa'idah yang bergelar: "al-Mu'tiq li-Yamut". Rombongan tujuh puluh orang ini adalah dipilih dari kaum muslimin, golongan pemimpin, qari, dan kenamaan. Di siang hari

mereka berjalan mengumpul kayu api untuk dijual, dengan harganya dibelinya makanan untuk ahli al-Suffah, mereka ini gemar mempelajari al-Quran dan melakukan qiamulail. Setibanya mereka ke suatu tempat yang dikenali sebagai Bi'r al-Ma'unah yang terletak di antara perkanipungan Banu Amir dan Banu Salim, mereka singggah di situ. Dari situ mereka menghantar Hiram bin Milhan saudara Ummu Salim dengan sepucok risalah dari Rasulullah kepada musuh Allah yang bernamaAmir bin Tufail. Apabila beliau menerima risalah berkenaan, langsung tidak dilihat kandungan surat itu, malah beliau memerintah

orangnya supaya membunuh utusan yang membawa risalah dari Rasulullah dengan menikam dari belakangnya> Apabila Haram melihat darahnya mengalir, terus beliau meneriak: "Allahu Akbar, demi Tuhan Ka'abah! Daku telah berjaya".

Kemudian Amir bin Tufail telah menyeru kaumnya untuk membunuh kaum muslimin yang masih hidup. Mereka tidak menyetujui beliau kerana kaum muslirnin tersebut di bawah perlindungan Abu Bara', dengan itu beliau meminta Banu Salim membantunya, maka puak Usaiyah, Ra'al dan Zakwan datang melingkungi sahabat Rasulullah. Mereka menentang serangan Amir itu hingga seluruh mereka terbunuh, kecuali Ka'ab bin Zaid bin al-Najjar tersembunyi di bawah jenazah-jenazah sahabatnya, beliau ini hidup hingga ke hari peperangan al-Khandak.

Adapun Amru bin Umaiyah al-Dhamri dan al-Munzir bin Uqbah bin Amir bersama orang-orang Islam telah mendapati burung-burung terbang mengelilingi tempat kejadian. al-Munzir pun turun ke tempat berkenaan dan melawan kaum musyrikin di sana hingga beliau dan orang-orang lain terbunuh, manakala Amru bin Umaiyah al-Dhamri telah ditawan. Setelah diberitahu yang beliau ini dari qabilah Mudhar, maka beliau pun dibebaskan.

Sesampainya Amru bin Umaiyah ke hadapa.. Rasulullah terus beliau melaporkan kejadian ngeri itu kepada Baginda, di mana terkorbannya tujuh puluh orang pilihan para sahabat terbilang. Peristiwa ini bagaikan mengulangi peristiwa Uhud, yang bezanya, di Uhud mereka pergi dengan niat berperang, manakala di Bir' al-Ma'unah ini pembunuhan mereka lantaran pengkhianatan yang jahat.

Semasa Amru bin Umaiyah dalam perjalanan pulang ke Madinah di pertengahan jalan "al-Qarqarah" dari "Sadru al-Qanah" beliau telah berehat di bawah sepohon kayu, kemudian dua orang lelaki dari Banu Kilab telah turut tumpang berteduh bersama Amru di bawah pohon kayu itu, setelah dua lelaki ini sedang nyenyak lena Amru pun terus membunuh mereka, sebagai menuntut beta di atas pembunuhan sahabatnya di dalam peristiwa Bir'al-Ma'unah itu, sedang mereka

berdua ini adalah di dalam perjanjian damai dengan Rasulullah, di mana beliau tidak menyedari perkara ini, sebaik sahaja beliau tiba di Madinah beliau menceritakan peristiwa ini; dan Rasulullah pun bersabda: "Sesungguhnya engkau telah membunuh dua orang di mana ku berkewajipan membayar pampasannya, dengan itu Baginda pun sibuk mengumpul pampasan itu dari kaum muslimin dan sekutu-sekutu Yahudi". Inilah yang membangkitkan perlanggaran dan serangan ke atas Banu al-Nadhr seperti yang akan dikisahkan sebentar lagi.

Rasulullah amat bersedih dengan peristiwa yang menyayatkan hati ini selepas peristiwa al-Raji'. Kedua-duanya berlaku dalam tempoh beberapa hari sahaja, Rasulullah amat berdukacita. Hal ini telah membawa Baginda merasa tidak tenteram kerana sedih dan pilu, menyebabkan Baginda terus mendoakan kemusnahan ke atas qabilah-qabilah yang mengkhianati sahabat-sahabat itu. Riwayat ini di dalam hadith sahih dari Anas (r.a) katanya: Rasulullah mendoakan kemusnahan mereka yang merobunuh sahabat-sahabatnya di Bi'r al-Ma'unah selama tiga puluh pagi, Baginda mendoakan kemusnahan ke atas qabilah Raal, di Zakwan Lahyan dan Usaiyah dengan sabdanya: "Usaiyah memaksiati Allah dan RasulNya, dengan itu Allah menurunkan ke atas NabiNya ayat-ayat al-Quran mengenainya yang kami membacanya, namun ianya dinasakhkan . Setelah itu Rasulullah pun meninggalkan Qunut itu.

PEPERANGAN BANU AL-NADIR

Seperti yang telah dijelaskan di mana kaum Yahudi amatlah membenci dan berhasad kesumat terhadap Islam dan kaum muslimin. Mereka ini bukanlah ahli peperangan, tetapi mereka ini ahli tipu muslihat dan konspirasi, justeru itu mereka selalu menonjolkan sikap hasad dengki dan permusuhan secara teraog-terangan, mereka memperlihatkan usaha jahat dan tipu muslihat mereka dengan perbagai cara, dengan tujuan memerangkap dan menyakiti kaum muslimin, tanpa berani memulakan peperangan, meskipun di antara mereka dan kaum muslimin ada perjanjian. Apa yang terjadi kepada mereka selepas peristiwa banu

Qainuqa' dan pembunuhan Ka'ab bin al-Asyraf mereka hidup dalam ketakutan, justeru itu mereka berdiam dan bertenang sahaja.

Namun selepas peristiwa Uhud, mereka mula memberanikan diri, memperlihat semula perseteruan dan pengkhianatan mereka, dengan itu mereka cuba membuat hubungan dengan kaum munafiqin dan musyrikin penduduk Makkah secara sulit, dan merencana sesuatu yang member! manfaat untuk diri mereka, dimasa yang sama boleh menjejaskan kestabilan kaum muslimin. Dalam semua keadaan Rasulullah tetap bersabar, justeru itu maka kaum Yahudi nampaknya semakin melampau dan semakin berani, terutamanya selepas peristiwa al-Raji' dan Bi'r Ma'unah, hingga mereka berani merencana untuk membunuh Rasulullah.

Ceritanya: Semasa Rasulullah keluar bersama beberapa orang sahabat Baginda untuk menemui kaum Yahudi bagi memperolehi sebahagian dari pampasan yang hendak dibayar kepada keluarga dua orang keturunan Kilab yang dibunuh oleh Amru bin Umaiyah al-Dhamri, kerana mengikut perjanjian Madinah kaum Yahudi Madinah harus menanggung bersama pampasan yang seperti ini, beberapa Yahudi telah menjanjikan Rasulullah dan meminta Rasul tunggu seketika berhampiran dinding rumah mereka. Maka Baginda pun bersama beberapa orang sahabat menunggu di situ sementara kaum Yahudi membawa bahagian pampasan yang dijanjikan oleh mereka. Adapun mereka yang mengikuti Rasulullah di masa itu ialah Abu Bakar, Umar, Ali dan sebilangan para sahabat yang lain.

Di masa itu kaum Yahudi telah berbincang sesama mereka, di mana syaitan pun turut menghasut mereka, yang akhirnya membawa padah buruk kepada mereka selama-lamanya, mereka telah membuat pakatan jahat sesama mereka untuk membunuh Rasulullah, dengan kata mereka: Siapa di antara kamu yang berupaya membawa lesung batu ini ke atas bumbung rumah, kemudian humbankan ke atas kepalanya hingga berkecai?. Maka jawab yang terkenal di antara mereka iaitu Amru bin Jahsy: Aku!. Kemudian mereka telah dinasihati oleh Salam bin Misykam: "Jangan buat pekerjaan itu, demi Allah ia akan

diberitahu oleh Allah dengan niat kamu itu, dan ini merupakan pencabulan ke atas perjanjian kita dengannya". Namun mereka semua tetap berazam untuk melaksanakan konspirasi itu.

Di masa itu Jibrail (a.s) turun dari sisi Allah Rab al-Alamin memberitahu RasulNya di bumi tentang niat buruk Yahudi itu, dengan segera Rasulullah beredar dari tempat itu dan terus pulang ke Madinah diikuti oleh para sahabatnya yang lain, dengan kata mereka:" Tuan hamba bangun di mana kami langsung tidak sedar". Kemudian Baginda menceritakan mengenai niat jahat Yahudi tadi.

Selepas itu Rasulullah menghantai perutusannya Muhammad bin Maslamah kepada Banu al-Nadhir dengan sabdanya: "Keluarlah kamu dari al-Madinah ini dan jangan lagi kamu hidup bersama ku di Madinah. Ku beri tempoh sepuluh hari, sesiapa di antara kamu yang ku dapati selepas tempoh ini ku pancung lehernya". Bagi kaum Yahudi tiada jalan lain melainkan keluar dalam tempoh itu, mereka pun bersiap untuk keluar dari Madinah, dicelah itu ketua munafiqin Abdullah bin Ubai pun menghantar orangnya meminta Yahudi Banu al-Nadhr supaya jangan keluar dan pertahankan diri dalam benteng mereka, kononnya dua ribu orang penyokong akan masuk ke dalam perkampungan Yahudi, untuk menyertai pertahanan mereka malah mereka akan sehidup semati dengan banu al-Nadhr. Firman Allah dalam surah al-Hasyr ayat 11 yang bermaksud:

"Jika kamu dikeluarkan, maka kami akan keluar bersama kamu, dan kami tiada akan mengikut seseorang selama-lamanya, untuk memerangi kamu, danjika kamu diperangi kami akan menolong kamu ".

Kata Abdullah lagi sebagai menegas, bukan kamu seorang sahaja malah kamu akan dibantu oleh Banu Quraidhah dan sekutu-sekutu dari Banu Ghatafan.

Rangsangan Abdullah bin Ubai itu mengembalikan kepercayaan kaum Yahudi untuk mencabar amaran Rasulullah, Huyai bin Akhtab ketua Yahudi Banu al-Nadhir pun berdegil lantaran hasutan kepala munafiqin tadi, dengan itu mereka mengirim kepada Rasulullah dengan katanya:

"Kami tidak akan keluar dari kampung kami ini, buatlah apa yang kamu nak buat".

Tidak syak lagi suasana seperti ini merupakan saat genting dan cemas bagi kaum muslimin, kerana pertempuran dengan seteru mereka di saat seumpama ini boleh mendatangkan akibat yang buruk, terutamanya bangsa Arab seluruhnya sudah sebulat hati menentang mereka. Bagaimana berani mereka membunuh utusan-utusan yang dikirim kepada mereka, tambahan pula Banu al-Nadhir memiliki kekuatan pada tahap yang tidak mudah mereka menyerah kalah, peperangan dengan mereka menghadapi berbagai halangan yang sukar diatasi. Namun peristiwa-peristiwa yang berlaku di tragedi Bi'r Ma'unah dan yang sebelumnya amat menekan perasaan dan sensitiviti kaum muslimin terutamanya percubaan untuk membunuh Rasulullah dan pengkhianatan-pengkhianatan yang menimpa kaum muslimim satu demi satu secara jamaah, mahu pun individu. Kemarahan mereka semakin bertambah terhadap pengkhianat-perkhianat itu, oleh yang demikian mereka telah mengambil keputusan muktamad untuk memerangi Banu al-Nadhir tanpa mempedulikan apakah akibat yang akan terjadi nanti.

Setelah jawapan Huyai Ibnu Akhtab sampai ke pangkuan Rasulullah (s.a.w), Baginda terus bertakbir dan dijawab oleh para sahabat dengan laungan takbir yang sama, dengan itu Baginda pun bangun segera untuk bertindak terhadap Banu al-Nadhir, maka dilantiknya Ibnu Ummu Maktum sebagai orang yang bertanggungjawab semasa ketiadaan Baginda di Madinah. Bendera kaum muslimim dibawa oleh Ali bin Abi Talib, sesampai Baginda di sana, terus dikepungnya perkampungan Banu al-Nadhir.

Banu al-Nadhir pun lari menyelamatkan diri ke dalam benteng, mereka bertahan di dalamnya dengan melontar batu-batu dan melancarkan tombak-tombak dan lembing-lembing dari atas. Pada mereka, dusun-dusun dan tamar-tamar itulah yang menjadi sokongan, justeru itu Rasulullah memerintah supaya memotong pohon-pohon tamar dan

membakarnya, di sini Hassan bin Thabit bermadah dengan syair:

Tugasan mudah ke atas Banu Luai Kebakaran meluas al-Buwairah

Al-Buwairah adalah nama kebun tamar Banu al-Nadhir, tindakan Rasulullah ini tersebut di dalam firman Allah:

"Apa-apa yang kamu potong di antara pohon kurma atau kamu biarkannya tegak maka itu adalah dengan izifi Allah".

(al-Hasyr: 5)

Yahudi Banu Quraizah menyendiri, tidak berani memberi sebarang pertolongan, apatah lagi Abdullah bin Ubai kepala munafiqin langsung tidak berani berbuat apa-apa pun malah beliau dengan sifat nifaq dan taqiahnya terus mengkhianati janjinya bersama-sama dengan sekutunya Banu Ghatafan, tak seorang pun membawa kebaikan kepada Banu al-Nadhir atau menolak kemalangannya itu, sikap mereka tak ubah seperti yang digambarkan oleh Allah seperti di dalam firmanNya:

"Seperti syaitan, ketika ia berkata kepada manusia: Kafirlah kamu, maka setelah manusia itu kafir, berkatalah syaitan, aku bebas dari kamu".

(al-Hasyr: 16)

Kepungan Rasulullah ke atas Banu al-Nadhir tidak berlarutan, hanya enam malam sahaja. Ada pendapat mengatakan lima belas malam. Di dalam tempoh ini Allah mecampakkan kegerunan, mereka menjadi gelisah, gerun dan ketakutan, lantas bersedia untuk menyerah diri dan meletak senjata. Mereka menghantar utusan menemui Rasulullah membawa ikrar: Kami bersedia untuk keluar dari al-Madinah. Rasulullah (s.a.w) pun menerima permintaan tersebut di mana mereka mesti keluar membawa diri, keluarga dan harta sekadar yang boleh dibawa oleh unta-unta tanpa senjata.

Hukuman itu terpaksa diterima dan sebelum keluar mereka meroboh-robohkan rumah kediaman, menanggal jendela dan pintu-pintu untuk dibawa bersama-sama, malah ada di antara mereka yang membawa tumang dan alang-alang rumah, setelah itu barulah mereka membawa anak isteri dengan menggunakan sembilan ratus ekor unta. Kebanyakan

mereka dan pembesar-pembesarnya seperti Huyai bin Akhtab dan Salam bin Abi al-Haqiq berpindah ke kawasan seperti Khaibar, dan sebahagiannya yang lain keluar hingga sampai ke negeri Syam. Cuma dua orang sahaja yang memeluk Islam iaitu Yamin bin Amru dan Abu Saad bin Wahb, mereka berdua dikembalikan hartanya. Rasulullah merampas semua senjata Banu al-Nadhir, tanah rumah kediaman dan harta-harta lain ditawan, senjata-senjata yang didapati sebanyak lima puluh baju besi, lima puluh topi besi, dan tiga ratus empat puluh bilah pedang.

Harta-harta Banu al-Nadhir, tanah mereka dan rumahnya adalah khusus untuk Rasulullah sahaja. Baginda mengagihkan mengikut kehendaknya, dan tidak pula Baginda mengeluarkan seperlima darinya, kerana Allah yang merampasnya, tanpa berlaku serangan kaum muslimin dengan tunggangan mereka, Baginda membahagikannya di kalangan kaum Muhajirin yang awal sahaja, namun Rasulullah beri juga kepada Abu Dujanah dan Sahal bin Hanif dari Ansar kerana kefakiran mereka. Harta-harta itu dibelanjakan untuk ahli rumahnya untuk tempoh setahun, manakala senjata dan peralatan lain digunakan untuk jihad fi sabilillah.

Peristiwa Banu al-Nadhir ini berlaku di bulan Rabiulawal tahun keempat Hijrah bersamaan Ogos 635 Masihi, sempena peristiwa ini Allah menurunkan surah al-Hasyr sepenuhnya, padanya Allah menceritakan penyingkiran kaum Yahudi, pendedahan sikap kaum munafiqin, hukum rampasan al-Fay (harta rampasan yang diperolehi tanpa berperang), pujian ke atas Muhajirin dan Ansar, hukuman keharusan memotong dan membakar tumbuhan di bumi musuh untuk strategi peperangan dan itu bukan kerosakan di bumi Allah. Disurah ini juga pesanan kepada kaum mukmin supaya iltizam dengan taqwa dan persiapan untuk akhirat, diselesaikan surah ini dengan kepujian ke &tas zat Allah di samping menjelaskan nama-nama dan sifat-sifatNya. Ibnu Abbas menamakan surah al-Hasyr ini dengan surah al-Nadhir.

PEPERANGAN NAJD

Dengan kemenangan yang dicapai oleh umat Islam di dalam peperangan Banu al-Nadhir ini, tanpa pengorbanan yang banyak, kini kedaulatan pemerintahan mereka di Madinah kembali kukuh. Kaum munafiqin mula menabirkan diri untuk tidak berterang-terangan memusuhi dan menipu helah terhadap kaum muslimin. Kini Rasulullah boleh menumpu sepenuh tenaga untuk membendung Arab-arab Badwi yang cuba melanggar kaum muslimin terutamanya selepas peristiwa Uhud seperti serangan mereka ke atas golongan pendakwah dengan cara terkutuk dan kotor, malah mereka ini sampai ke peringkat berani hendak melanggar Madinah.

Sebelum Rasulullah bergerak di dalam operasi-operasi pengajaran ke atas mereka yang mencabuli dan mengkhianati kaum muslimin, telah sampai ke pengetahuan Rasulullah, di mana kabilah-kabilah Arab Badwi dan kabilah-kabilah Banu Muharib dan Banu Tha'labah dari suku Ghatafan telah mengerah tenaganya, maka dengan segera Rasulullah keluar terlebih dahulu memburu mereka di pendalaman Najd, di dalam rangka menakut-nakutkan kabilah-kabilah berkenaan yang degil, supaya tidak mengulangi perbuatan mereka yang terkutuk itu.

Dengan itu Arab Badwi di pendalaman yang bermaharajalela dengan mencuri dan menyamun, kini bila sahaja mendengar kedatangan kaum muslimin di daerah mereka terpaksa berhati-hati dan ada yang lari ke kemuncak gunung, demikian cara umat Islam menimbulkan ketakutan dan kegerunan di kalangan kabilah-kabilah yang biasa membuat serangan, kini Madinah kembali kepada keadaan sejahtera.

Ahli sirah dan peperangan telah menyebut sehubungan dengan ini satu peperangan tertentu telah dilakukan oleh kaum muslimin di bumi Najd di dalam bulan Rabiulakhir atau permulaan Jamadilawal di tahun 4 hijrah, ahli sirah menamakan peristiwa -ini dengan Ghazwah Zat al-Riqa' kejadiannya tidak syak lagi memang di dalam lingkungan masa ini, kerana inilah suasana yang meminta Madinah bertindak sedemikian, terutamanya musim perang Badar Dua sudah hampir tiba. Seperti yang dijanji-janjikan atau lebih tepat yang diugut oleh Abu

Sufian semasa beliau beredar diri dari kancah Uhud. Jadi membiarkan Madinah terdedah kepada suku-suku Arab Badwi dan pedalaman dengan penderhakaan dan kemaharajalelaan mereka, bukanlah satu strategi peperangan yang baik. Malah harus dipatah-patahkan kekuatan mereka, dan dicegah kenakalan serta penderhakaan mereka itu terlebih dahulu, sebelum menghadapi peperangan besar yang mereka menduga kepastiannya.

Peperangan yang dikatakan dipimpin sendiri oleh Rasulullah di dalam bulan Rabiulakhir atau Jamadilawal tahun 4 Hijrah sebagai peperangan Zat al-Riqa' tidak benar, kerana peperangan Zat al-Riqa adalah peperangan yang turut dihadiri bersama oleh Abu Hurairah dan Abu Musa al-Asy'ari (r.a), sedang Abu Hurairah memeluk Islam beberapa hari sebelum peperangan Khaibar, sama halnya dengan Abu Musa yang bersama dengan Rasulullah hanya baru di dalam peperangan Khaibar sahaja. Oleh itu peperangan Zat al-Riqa' ini adalah selepas peperangan Khaibar, bukti kejadiannya lewat dari tahun keempat hijrah, ialah peristiwa Rasulullah melakukan "solat al-khauf". kerana pertama kali disyarakkan solat al-khauf, ialah di dalam peperangan Asafan. Satu hakikat yang tidak dipertikaikan ialah peperangan Asafan berlaku selepas peperangan al-Khandak, dan peperangan 41-Khandak adalah dipenghujung tahun kelima.

PEPERANGAN BADAR KEDUA

Setelah kaum muslimin berjaya mematahkan kekuatan Arab-arab Badwi dan membendung pencerobohan-pencerobohan mereka, kini orang Islam membuat persiapan untuk berhadapan dengan seteru mereka yang lebih besar. Hari ini genap sudah setahun hari yang dijanjikan Quraisy -iaitu janji sewaktu peperangan Uhud dahulu. Memang tugas Muhammad (s.a.w) dan para sahabatnya untuk keluar di hari ini, untuk menghadapi Abu Sufian dan kaumnya, di sana akan dicorakkan kancah peperangan buat kali kedua, bagi menentukan mana satu kumpulan yang lebih benar dan lebih mampu untuk terus hidup.

Di bulan Sya'ban tahun 4 Hijrah bersamaan Januari 626 Masihi

Rasulullah pun keluar, sebagai menepati janji Abu Sufian dengan Baginda, dengan kekuatan seramai seribu lima ratus (1,500) askar, manakala kuda tunggangan sebanyak sepuluh ekor kuda, benderanya dibawa oleh Alt bin Talib manakala Abdullah bin Rawahah memikul tanggungjawab mentadbir Madinah semasa ketiadaan Rasulullah. Sesampainya di Badar Baginda pun berhenti dan tinggal di situ sementara menunggu ketibaan musyrikin Quraisy.

Adapun Abu Sufian telah keluar dari Makkah dengan kekuatan seramai dua ribu musyrikin Makkah dan kuda tunggangan mereka sebanyak lima puluh ekor kuda, hingga apabila mereka sampai ke Mar al-Zahran hanya satu marhalah dari Makkah maka mereka pun singgah di tempat berair yang bernama Mijannah.

Sebenarnya Abu Sufian semasa hendak keluar pun sudah terasa keberatan, beliau memikir panjang tentang padah berperang dengan kaum muslimin, beliau terasa takut dan gerun, perasaannya dikuasai kehebatan kaum muslimin, sesampainya beliau di Mar al-Zahran jiwanya semakin lemah, oleh yang demikian beliau pun mencari helah untuk pulang semula ke Makkah, di sini beliau berkata kepada pengikutnya: Wahai kalian Quraisy sebenarnya untuk berperang tahun ini tidak sesuai, seeloknya di tahun yang subur, di musim menjaga tanaman dan ternakan, hinga dapat kamu meminum susu, tapi tahun ini tahun kemarau, aku hendak pulanglah semula, Ayuh pulang kamu semua.

Nampaknya kegerunan dan ketakutan mencengkam perasaan-perasaan tentera Quraisy, dengan itu mereka semua berundur pulang hingga tidak berlaku sebarang perlanggaran pun, malah kesungguhan dari pihak Quraisy untuk berhadapan dengan kaum muslimin langsung tak ada.

Manakala kaum muslimin berkhemah di situ selama lapan hari menunggu ketibaan Quraisy seperti yang dijanjikan dahulu, di sana mereka menjualkan barang perniagaan yang membawa keuntungan, barang-barang yang satu dirham dijual dengan dua dirham, lepas itu mereka kembali semula ke Madinah setelah teraju serangan mengejut

yang dahulunya didominasikan oleh pihak musyrikin kini kembali ke tangan kaum Muslimin dan kehebatan bertapak semula di kalangan mereka. Peristiwa ini dikenali sebagai Badar al-Mau'id, Badar kedua, Badar terakhir atau Badar kecil.

PEPERANGAN DAUMAH AL-JANDAL

Sekembalinya Rasulullah (s.a.w) dari peperangan Badar, didapati rantau sekitar Madinah kembali aman dan sejahtera, pemerintahannya kembali kukuh dan damai, kini Baginda memberi penumpuan untuk memhuat perhatian ke perbatasan-perbatasan bumi Arab yang lebih jauh, supaya kaum muslimin dapat menguasai situasi yang akan diakui oleh kawan dan lawan.

Sekembalinya dari Badar kedua Baginda tinggal di Madinah selama enam bulan, setelah itu Baginda menerima berita mengenai kabilah-kabilah di sekitar Daumah al-Jandal berhampiran negeri al-Syam melakukan rompakan-rompakan dan menyamun pedagang-pedagang di situ, malah mereka telah mengumpul tenaga besar-besaran untuk melanggar Madinah. Di hari itu Baginda pun keluar bersama-sama dengan tenaga tentera Islam seramai seribu orang pada tanggal 25 Rabiulawal tahun 5 Hijrah dengan menggunakan seorang lelaki dari Banu 'Uzrah sebagai petunjuk jalan untuk ke sana. Manakala urusan Madinah diserahkan kepada Siba' bin 'Urfatah al-Ghiffari.

Rasulullah bergerak di malam hari dan bersembunyi di siang hari, untuk membuat serangan mengejut ke atas musuh-musuhnya, di petang hari hingga apabila sudah hampir dengan Daumah al-Jandal dan waktu pun sudah masuk maghrib, Rasulullah terus menyerang binatang peliharaan dan ternakan mereka. Baginda berjaya menawan sebahagian dan sebahagian yang lain sempat lari. Penduduk Daumah al-Jandal bertempiaran lari menyelamatkan diri masing-masing, apabila kaum muslimin rapat ke bumi mereka didapati tiada seorang pun di sana. Rasulullah singgah di situ beberapa hari dengan mengutus tentera-tentera dan briged askarnya ke sekitar tempat itu, tanpa menemui seorang pun. Kemudian barulah Rasulullah pulang ke Madinah setelah

mengikat janji perdamaian dengan Uyainah bin Hisn. Daumah ini terletak berhampiran negeri al-Syam, dari situ ke Damsyik kira-kura lima malam perjalanan manakala dari Madinah memakan masa lima belas malam.

Dengan serangan-serangan mengejut dan cekal ini dan dengan perancangan-perancangan yang hijak lagi tegas, Rasulullah berjaya mewujudkan suasana aman damai dan stabil. Kini keadaan berpihak kepada kaum muslimin, tekanan dari dalam dan luar semakin berkurangan yang biasanya ada-ada sahaja yang mendatang dari mana-mana penjuru. Kini kaum munafiqin berdiam din, satu qabilah Yahudi selesai disingkir dari bumi Madinah manakala lain-lainnya kekal dengan melahirkan hak kejiranan dan menunaikan perjanjian serta persetujuan yang pernah dimeteraikan dahulu. Kabilah-kabilah Badwi pun kembali tenang, pihak Quraisy berhenti dari menyerang kaum muslimin, malah kaum muslimin berkesempatan menyebarkan Islam serta menyampaikan perutusan Ilahi Tuhan semesta alam dengan lebih luas lagi.

PEPERANGAN BANU AL-MUSTALAQ ATAU
PEPERANGAN AL-MURAISI'

(Syaban enam (6) Hijrah) Peperangan ini tidaklah besar dan berlarutan sangat dari segi pergerakan ketenteraan, cuma satu segnifikan sahaja kerana di dalam rintitan peristiwanya terbentuk satu kisah yang mengemparkan masyarakat Islam di masa itu, padanya terbongkar keburukan kaum munafiqin, darinya terbentuk "hukuman darah" yang menampilkan masyarakat Islam sebagai sebuah institusi yang mulia, suci dan bersih jiwa, di sini kami memaparkan kejadian peperangan, kemudian kami susuli dengan peristiwa yang bersejarah itu.

Peperangan ini terjadi di bulan Sya'ban tahun keenam (6) Hijrah. Ini pendapat yang paling sahih. Sebab musababnya timbul dari satu berita yang diterima oleh Rasulullah (s.a.w) bahawa ketua qabilah Banu al-Mustalaq yang bernama al-Harith bin Abi Dhirar, telahpun mengerah

tenaga kaumnya dan suku-suku bangsa Arab yang dibawah pengaruhnya untuk bergerak ke arah Madinah memerangi Rasulullah. Dengan itu Rasulullah pun mengutus Buraidah bin al-Hasib al-Aslami untuk memastikan kesahihan berita yang telah diterima itu. Buraidah pun terns menemui qabilah ini malah beliau telah berjumpa dengan al-Harith bin Abi Dhirar dan bercakap dengannya. Lepas itu beliau pulang dengan membawa kenyataan yang dibuat oleh al-Harith tadi.

Setelah memastikan kesahihah berita maka Baginda mengerah para sahabatnya, malah Baginda keluar dengan segera, pergerakan Rasulullah adalah pada malam kedua di akhir bulan Sya'ban, turut bersama ialah sekumpulan kaum munafiqin yang sebelum ini tidak pernah keluar ke mana-mana peperangan, Baginda melantik Zaid bin Harith sebagai Khalifahnya di Madinah, tapi ada pendapat lain mengatakan Abu Zar dan satu pendapat lagi mengatakan Thamilah bin Abdullah al-Laithi. Al-Harith bin Dhirar telah menghantar pengintipnya, untuk mengutip berita mengenai tentera Islam, tapi kaum muslimin sempat menangkapnya dan terus dibunuh.

Setelah al-Harith bin Abi Dhirar mengetahui tentang pergerakan Rasulullah dan kematian pengintipnya, beliau telah dihimpit ketakutan menyebabkan orang-orang Arab badwi yang bersama dengan beliau lari dari situ ke beberapa tempat lain.

Sebaik sahaja Rasulullah sampai ke kawasan bernama al-Muraisi' yang merupakan perairan Banu al-Mustalaq di daerah Qadid, ianya terletak berhampiran dengan pantai. Terus Baginda membuat persiapan dan mengatur plan penyerangan, bendera Muhajirin bersama Abu Bakar al-Siddiq manakala bendera al-Ansar bersama Saad bin Ubbadah, di peringkat awal sekadar saling memanah, setelah beberapa jam berlalu dengan cara ini, akhirnya Rasulullah memerintah supaya dibuat satu serangan yang mantap serentak, lalu arahan terus disegerakan, di mana peperangan berakhir dengan kemenangan total kepada tentera Islam. Kaum musyrikin menerima kekalahan yang teruk di mana sebilangan dari mereka terbunuh dan sebahagian yang lain ditawan, Rasulullah menawan kaum wanita, anak-anak dan kambing ternakan mereka, dari

tentera Islam hanya seorang sahaja yang terbunuh ianya dari al-Ansar itu pun kerana beliau disangka musuh.

Inilah mengikut apa yang ditegaskan oleh ahli al-Sirah dan aI-Maghazi, namun Ibnu al-Qayim mengatakan: Itu adalah sangkaan (waham), kerana tidak berlaku sebarang pertempuran, tapi yang berlaku hanya penyerangan oleh pihak muslimin ke atas perairan banu al-Mustalaq di samping menawan harta-harta dan perempuan-perempuan mereka. Sebagaimana tersebut di dalam kitab sahih: Rasulullah menyerang Banu al-Mustalaq. Kemudian Ibnu al-Qadim menyebut hadith berkenaan.

Di antara perempuan-perempuan yang ditawan ialah Juwairiyah binti al-Harith ketua qabilah, yang menjadi saham Thabithin Qais, di mana beliau menawar peluang memerdekakan diri secara mukatabah (membebaskan diri secara bayar beransur-beransur). Justeru itu Rasulullah bertanggungjawab memerdekakan beliau, , kemudian Baginda mengahwininya, setelah itu tentera Islam memerdekakan pula keluarga Banu al-Mustalaq yang telah memeluk Islam, dengan kata mereka: " Mereka adalah mertua-mertua Rasulullah".

Adapun peristiwa lain yang berlaku di dalam peperangan ini, di mana Abdullah bin Ubai dan kuncu-kuncunya yang merupakan petualang utama, sudah menjadi kewajipan kita memperkatakan sebahagian dari kerja-kerja mereka di dalam masyarakat Islam di Madman.

PERANAN MUNAFIQIN SEBELUM PEPERANGAN BANU AL-MUSTALAQ

Berulang kali telah kita kemukakan bahawa Abdullah bin Ubai rasa cemburu dan sesak dada dengan Islam dan kaum muslimin, terutamanya Rasulullah (s.a.w). Kerana al-Aws dan al-Khazraj sudah pun bersetuju menerima kepimpinan Rasulullah (s.a.w) sedang sebelum ini mereka sedang menyiapkan pakaian sutera untuk menabalkan beliau sebagai pemimpin mereka sekiranya Islam memasuki al-Madinah, kemudian mereka sisihkan beliau dari jawatan itu, maka sebab itulah beliau merasakan bahawa Rasulullah yang bertanggungjawab

merampas kekuasaannya.

Kemarahan dan perasaan hasad dengki beliau ini ditunjukkan di permulaan Hijrah Rasulullah ke Madinah sebelum beliau berpura-pura memeluk Islam. Pada suatu hari Rasulullah menunggang kaldai untuk menziarahi Saad bin Ubbadah, Rasulullah pun melalui di hadapan majlis Abdullah bin Ubai, bila beliau melihat Rasulullah beliau menjadi merah muka kerana benci dan dengki dengan Rasulullah, di masa itu kata Ibnu Ubai: Lain kali jangan lagi memasuki majlis kami ini. Dan setelah Rasulullah membaca ayat al-Quran di dalam majlis berkenaan maka kata Ibnu Ubai: "Duduk sahaja di rumah kamu, dan tak usahlah menyibukkan kami di majlis ini".

Ini adalah sebelum beliau berpura-pura memeluk Islam, namun selepas beliau mengisytiharkan Islam secara berpura-pura masih tetap beliau memusuhi Allah, Rasul dan kaum mukminin, beliau tidak memikirkan selain dari menghancurkan masyarakat Islam dan melemahkan perpaduan Islam, beliau terus membantu seteru-seteru Allah, dalam peristiwa Banu Qainuqa' beliau sengaja masuk campur tangan seperti yang telah kita jelaskan, demikian jugalah usaha beliau yang jahat dan khianat di dalam peperangan Uhud, bertujuan memecah-belahkan saf kaum muslimin dan melakukan porak peranda, kekacauan dan huru-hara.

Betapa busuknya helah si munafiq bedebah ini dan pandai pula beliau menipu orang-orang mukminin, di mana selepas memeluk Islam secara berpura-pura, pada setiap hari Jumaat semasa Rasulullah duduk untuk berkhutbah beliau akan bangun untuk membuat peringatan dengan berkata: "Ini dia Rasulullah yang masih berada di kalangan kamu, dengannya Allah memuliakan kamu dan mengagungkan kamu, untuk itu bantulah Baginda, sokonglah Baginda, dengarlah dan taatilah Baginda", kemudian beliau duduk. Maka barulah Rasulullah (s.a.w) berdiri untuk berkhutbah. Betapa buruknya niat si munafiq ini, yang masih sanggup lagi untuk meneruskan amalannya di hari Jumaat selepas peperangan Uhud, yang masih tidak menginsafi dengan tindakan jahat lagi terkutuk itu, beliau bangun di hari itu untuk berbuat

seperti kebiasaannya, orang-orang Islam pun merentap hujung bajunya dengan kata mereka: "Duduklah wahai seteru Allah, kamu bukan orang yang layak berbuat demikian, cukuplah dengan apa yang telah kau lakukan di masa-masa yang lepas", dengan itu beliau pun terus berjalan keluar dari masjid melangkah-langkah belakang orang lain yang sedang duduk dengan kata-katanya yang kesat: Bolehjadi yang ku cakap ini tidak elok tapi maksud ku ialah untuk mengukuhkan keditdukannya, semasa di pintu masjid beliau bertemu dengan seorang Ansar yang berkata kepadanya: "Celakalah kau, Ayuh patah balik dan minta maaf dari Rasulullah (s.a.w) agar Baginda beristighfar untuk kau", jawab Ibnu Ubai: "Demi Allah aku tidak memeriukan dia meminta ampun untukku".

Abdullah bin Ubai ini mempunyai hubuhgan dengan Banu al-Nadhir, beliau di antara perencana plot konspirasi terhadap kaum muslimin, malah beliau pernah menegastan kepada mereka: "Seandainya kamu di halau keluar nescaya karai akan turut serta, dan sekiranya kamu diperangi akan kami bantu kamu".

Perkara yang sama beliau lakukan bersama tali barutnya di dalam peperangan al-Ahzab, di antaranya, menimbulkan keresahan, huru-hara, menimbulkan ketakutan dan kebingungan di kalangan masyarakat Islam seperti mana yang diceritakan Allah di dalam surah al-Ahzab:

"Ketika orang-orang munafiq dan orang-orangyang di dalam hatinya berpenyakit berkata: Tidak adalah janji Allah dan RasulNya kepada kami, melainkan semata-mata penipuan sahaja.

Mereka mengira bahawa sekutu, belum pergi. Jika sekutu datang kembali mereka bercita-cita supaya mereka berada di dalam dusun beserta badm-badwi, sambil menanyakan perkhabaran kamu dan kalau mereka berada bersama kamu, tidaklah mereka berperang melainkan sebentar sahaja.

(al-Ahzab: 12-16)

Memang seluruh seteru-seteru Islam yang terdiri dari kaum Yahudi munafiqin dan musyrikin memahami bahawa faktor kemenangan Islam bukan kerana keupayaan maddi (material) yang lebih, kecanggihan

peralatan dan ramai bilangan tentera, bukan itu semua, tetapi kemenangan itu adalah kerana faktor nilai, akhlak dan contoh-contoh teladan yang tinggi yang dihayati oleh masyarakat Islam, malah sesiapa sahaja yang berintima' dengan agama ini maka itulah akhlaknya. Musuh Islam memang mengetahui bahawa imbuhan-imbuhan yang menerap masuk ke dalam jiwa setiap muslim ialah contoh teladan agung mereka, iaitu Rasulullah (s.a.w).

Mereka sudah pun mengenali hakikat ini sepanjang peperangan yang mereka lalui, di mana untuk melawan dan membenteras agama ini bukanlah suatu perkara yang mudah, terutamanya melalui kekuatan senjata. Untuk itu mereka telah membuat tindakan melancarkan seran^an propaganda dan dakyah yang meluas terhadap agama dari sudut akhlak dan susilanya, apatah lagi peribadi Rasulnya yang memang menjadi sasaran serangan utama, oleh kerana golongan munafiq merupakan gunting dalam lipatan, dan mereka merupakan penduduk asal Madinah maka amat sesuai sekali untuk mempengaruhi perasaan kaum muslimin dan sentimen mereka. Ya, golongan munafiqin telah memikul tanggungjawab propaganda jahat ini,terutamanya ketua mereka Ibnu Ubai.

Rancangan mereka ini terpamer dengan jelasnya selepas peperangan al-Ahzab, iaitu semasa perkahv/inan Rasullah (s.a.w) dengan Ununu al-Mukminin Zainab binti Jahsy, setelah diceraikan oleh Zaid bin Harithah, kerana tradisi bangsa Arab, anak angkat itu adalah dianggap setaraf dengan anak sendiri, pada kepercayaan mereka haram seseorang berkahwin dengan janda anak angkatnya. Jadi apabila Rasulullah (s.a.w) berkahwin dengan Zainab maka kaum munafiqin pun seolah-olah memperolehi satu peluang untuk menimbulkan darinya keburukan dan kehinaan terhadap Rasulullah (s.a.w).

Pertama:

Zainab bin Jahsy adalah isteri Rasu) sedang al-Quran tidak mengizinkan sesc.^ berkahwin lebih dari empat, bagaimana ini boleh sah pula kepada Baginda?

Kedua

Zainab adalah bekas isteri anak angkatnya, maka perkahwinannya dianggap sebesar-besar kesalahan mengikut tradisi bangsa Arab, mereka menyebar luas proganda jahat ini, dan berbagai citra dan kisah rekaan yang mereka rekakan, kononnya kata mereka: Di suatu hari Muhammad (s.a.w) ternampak Zainab secara tak sengaja, dari peristiwa itu Baginda mula terpesona dengan kecantikannya, hati Baginda sentiasa teringat-ingat kepadanya, oleh itu maka anak angkatnya Zaid pun menceraikannya untuk memberi laluan kepada Muhammad (s.a.w). Mereka mengheboh-hebohkan propaganda jahat ini, yang dapat dikesan di dalam sejarah dan pembicaraan di dalam kitab-kitab al-Tafsir dan al-Hadith hingga ke hari ini, diayah ini telah memberi kesan buruk di kalangan mereka yang lemah iman, hingggalah turunnya ayat-ayat al-Quran yang menjelaskannya. Padanya termuat penawar-penawar yang melegakan dada-dada yang bergelora dengan fitnah-fitnah itu, dapat diduga betapa tersebar fitnah-fitnah ini hingga Allah (s.w.t) memulakan surah al-Ahzab ini dengan peringatan keras darinya:

"Hai nabi bertaqwalah kamu kepada Allah dan janganlah engkau ikut orang-orang kafir dan orang-orang munafiqin. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui Lagi Maha Bijaksana ".

(al-Ahzab: 1)

Inilah satu pendedahan ringkas dan gambaran kecil mengenai angkara murka yang dilakukan oleh golongan munafiq dan taqiyah sebelum peperangan banu al-Mustalaq. Menghadapi angkara ini nabi terpaksa menanggungnya dengan kesabaran, ketenangan dan sikap berlembut, manakala keseluruhan orang Islam sentiasa berwaspada dan berjaga-jaga terhadap keburukan mereka kerana orang Islam telah mengenali dan faham akan perlakuan buruk mereka ini sekali lepas sekali, sebagaimana firman Allah (s.w.t):

"Atau tidakkah kamu mengetahui, bahawa mereka dicuba tiap tahun sekali atau dua kali, kemudian mereka tidak bertaubat dan tidak pula mengambil peringatan"

(At-Taubah: 126)

PERANAN GOLONGAN MUNAFIQ DALAM PEPERANGAN BANU AL-MUSTALAQ

Dalam peristiwa peperangan Banu al-Mustalaq golongan munafiq telah pun keluar bersama seperti mana yang digambarkan oleh Allah di dalam firmanNya:

"Kalau sekiranya mereka keluar bersama kamu, tiadalah mereka menambah selain dari kebinasaan dan mereka bersegera di antara kamu membuat fitnah."

(At-Taubah: 47)

Mereka mengenalpasti orang-orang yang boleh. pengaruhi dengan fitnah-fitnah mereka, melaluinya mereka jugamenimbulkan kekacauan di dalam saf kaum muslimin dan propaganda jahat terhadap peribadi Rasulullah (s.a.w). Di sini kami sajikan peristiwanya secara terperinci:

1. Kenyataan kaum munafiqin "Demi jika kami kembali ke Madinah nescaya orang-orang yang mulia di antaranya akan mengusir orang-orang yang hina".

Setelah selesai peperangan Banu al-Mustalaq, Rasulullah pun berhenti di al-Muraisi' di situ kaum muslimin pun singgah dan mengambil air di kawasan berkenaan, bersama-sama Saidina Umar seorang suruhan bernama Jahjah al-Ghaffari, orang suruhan ini berasak-asak di tempat air tadi dengan Sinan Ibnu Wabar al-Juhani, membawa kepada pergaduhan dan pukul memukul, oleh si al-Juhani, beliau melaung membangkitkan sentimen perkauman dengan katanya; "Wahai orang-orang Ansar". Dan si Jahjah pun melaung membangkitkan sentimen perkauman dengan katanya: "Wahai kalian Muhajirin". Rasulullah pun menyuara kepada sekalian hadirin: " Apakah kamu rela menyeru dengan seruan jahiliah ini sedang aku masih bersama di kalangan kamu ini? Tinggalkanlah semua seruan itu, ianya suatu yang lapuk dan busuk". Kejadian ini sampai ke pengetahuan Abdullah bin Ubai Bin Salul, yang pada ketika itu bersama sekumpulan orangnya termasuk Zaid bin Arqam budak muda, dan beliau berkata dengan marah: "Apakah ini boleh mereka lakukan, sudahlah mereka ketepikan kita setelah berasak-asak di negeri kita, demi Alfah kita dan mereka tak

ubah seperti kata orang tua-tua dahulu: Seperti melepas anjing tersepit. Demi Allah apabila kita pulang ke Madinah nanti, golongan yang mulia akan menghalau keluar golongan hina". Dan beliau berkata kepada orang di sekelilingnya; "Inilah akibat tindakan kamu sendiri, yang telah membenarkan mereka memasuki negeri kamu, kemudian berkongsi harta pula dengan mereka, demi Allah sekiranya di hari ini kamu pegangkan kemakmuran kamu itu nescaya mereka ini akan berpindah ke tempat lain".

Zaid bin Arqam yang berada di majlis mereka itu segera memberitahu kepada bapa saudaranya, kemudian bapa saudaranya pula segara memberitahu kepada Rasulullah, kebetulan Saidina Umar pun berada di samping Rasulullah, lantas Umar pun berkata: "Wahai Rasulullah suruh sahaja Ubbadah bin Bishr membunuh si bedebah itu", tapijawab Rasulullah: "Bagaimana Umar, nanti orang akan bercakap bahawa Muhammad membunuh sahabatnya sendiri, ini tidak mungkin, Ayuh maklumkan sekalian tentera mengenai pergerakan kita". Ketika itu bukanlah masa kebiasaan orang berjalan, namun demikian kesemua orang mula bergerak, di masa itu Usaiyid bin Hadhir mengucap salam kepada Rasulullah sambil berkata: "Wahai Rasulullah, tuan hamba berjalan di luar masa kebiasaan". Maka jawab Rasulullah: "Tidakkah sampai ke pengetahuan kau yang telah diperkatakan oleh kawan-kawan itu", tanya Usaiyid: "Apa yang beliau cakap ya Rasulullah"? Jawab Rasulullah: "Katanya: Beliau menelah sekiranya beliau pulang ke Madinah nanti pasti orang termulia akan menghalau yang hina". Jawab Usaiyid: "Engkau wahai Rasulullah yang akan menghalaunya keluar sekiranya Rasulullah mahu, demi Allah dialah yang hina dan dikau wahai Rasulullah yang mulia, kemudian katanya lagi: Biarlah dan berlembutlah dengannya wahai Rasulullah, demi Allah Dialah Tuhan yang telah membawa tuan hamba kepada kami semua, beliau itu nebelum ini sudah disediakan dengan persalinan sutera untuk ditabalkan sebagai ketua, beliau menyangka tuan hambalah yang telah merampas hak takhtanya itu".

Rasulullah bergerak dengan semua orang sepenuh hari hingga lewat

kepetangnya, dan dari malamnya hingga ke pagi hari, dan berhenti di hari itu ketika matahari terik membakar mereka semua, setelah itu barulah Rasulullah berhenti, dan barulah mereka terasa kerehatan bila memijak bumi, semua mereka keletihan dan terus tertidur. Rasulullah berbuat demikian supaya semua orang sibuk dan tak ada masa untuk bercakap-cakap.

Bila Ibnu Ubai menyedari bahawa Zaid bin Arqam telah memberitahu percakapannya tadi, terus beliau datang menemui Rasulullah dan bersumpah dengan nama Allah yang beliau tidak bercakap sedemikian dan tidak pernah mengeluarkan kata-kata seperti itu, malah katanya: "Wahai Rasulullah bolehjadi si anak itu telah menyangka yang bukan-bukan dari percakapanku dahulu dan boleh jadi beliau sendiri tidak dapat mengingatkan sangat percakapan orang tua-tua", Rasulullah pun mengiyakan apa yang disebut oleh Ibnu Ubai itu. Di hari itu kata Zaid: "Aku terasa sugul dan berdukacita kerana belum pernah ku rasa kesedihan seperti hari itu, aku duduk saja di dalam rumah hinggalah Allah menurunkan ayatnya yang bermaksud:

Apabila orang-orang munafik datang kepadamu.mereka berkata: "Kami mengakui bahawa kamu benar-benar Rasulullah". Dan Allah mengetahui bahawa kamu benar-benar Rasul-Nya, . dan Allah juga mengetahui bahawa orang Munafik itu adalah orang-orang yang dusta. Mereka itu menjadikan sumpah mereka sebagai perisai, lalu mereka menghalang manusia dari jalan Allah.Sesungguhnya amat buruklan amalan mereka kerjakan.

Yang demikian itu adalah kerana sesengguhnya mereka telah beriman.kemudian menjadi kafir, lalu hati mereka dikunci mati kerana itu mereka tidak mengerti.

Dan apabila kamv. melihat mereka,tubuh-tubuh mereka menjadikan kamu kagum.Dan jika mereka berkata kamu mendengarkan perkataan mereka.Mereka seakan-akan kayu bersandar. Mereka mengira tiap-tiap teriakan yang keras ditujukan kepada mereka.Mereka itu musuh dan berhati-hatilah terhadap mereka,semoga Allah membinasakan mereka. Bagaimanakah mereka sampai dipalingkan (dari kebenaran) ?

Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Marilah beriman. agar Rasulullah meminta keampunamu" .Mereka memaling muka dan kamu lihat mereka berpaling sedangkan mereka sombong.

Sama saja bagi mereka.kamu mintakan ampun atau tidak bagi mereka. Sesungguhny a Allah tidak memberi petunjuk kepada orang yangfasik.

Mereka yang mengatakan (kepada orang Ansar): "Janganlah kamu memberi belanja kepada orang Muhajirin yang ada di sisi Nabi supaya mereka meninggalkan Rasulullah ".Pada halperbendaharaan Allah adalah langit dan bumi, tetapi mereka tidak memahami.

Mereka berkata; "Sesungguhnya jika kita telah kembali ke Madinah,benar-benar orang yang kuat akan mengusirkan orang-orang yang lemah daripadanya ". Padahal bagi Allah jualah kemuliaan dan kekuatan itu dan bagi Rasul-Nya serta bagi orang yang beriman; akan tetapi golongan yang munafik itu tidak mengetahui (hakikat yang sebenarnya).

(al-Munafiquun: 1-8)

Rasulullah menghantar orang untuk membaca ayat yang baru turun itu kepadaku, dan katanya: "Sesungguhnya Allah telah membenarkan cakap-cakap kau itu"

Anak kepada Abdullah Bin Ubai yang juga bernama Abdullah adalah seorang yang salih di kalangan sahabat, beliau telah melepaskan diri dari apa yang dicakapkan oleh bapanya itu, beliau telah menunggu di pintu masuk Madinah dengan pedang yang terhunus, sesampainya Ibnu Ubai di situ,beliau berkata: "Demi Allah kamu tidak boleh melewati sempadan ini kecuali setelah diizinkan Rasulullah, Bagindalah yang termulia dan engkau adalah yang terhina", apabila Rasulullah tiba maka Baginda membenarkan beliau masuk, barulah anaknya tadi membenarkan beliau memberi laluan kepada bapanya, sebelum itu si anak telah pun menegaskan kepada Rasulullah dengan katanya: "Wahai Rasulullah sekiranya tuan hamba merestui pembunuhannya maka perintahlah daku, demi Allah akan ku pancung lehernya dan akan ku bawa ke hadapan tuan hamba".

2. Hadith al-Ifk (Cerita Fitnah)

Di dalam peperangan ini berlaku ceriti fitnah (cerita yang direka-rekakan). Ringkasannya di mana Aisyah r.a. telah dibawa bersama Rasulullah ke peperangan Banu al-Mustalaq iaitu setelah dibuat cabutan undi, ini adalah kebiasaan Rasulullah (s.a.w) terhadap isteri-isterinya. Semasa perjalanan pulang, mereka telah singgah di beberapa tempat persinggahan. Dimasa itu Aisyah telah keluar dari kenderaannya untuk membuang hajatnya, tiba-tiba kalung yang dipinjam dari kakaknya telah terjatuh, maka beliau berpatah balik semula ke tempat pembuangan hajatnya untuk mencari kalungan yang terjatuh. Bila tiba masc. keberangkatan maka sahabat yang bertanggungjawab menuntun kenderaannya mengangkat sekedup yang dinaiki Aisyah itu ke atas unta tunggangannya, yang pada sangkaan mereka Aisyah sedang berada di dalam sekedup itu kerana Aisyah bukanlah berat orangnya, di masa itu beliau masih lagi muda belia, lebih-lebih lagi apabila mereka secara beramai-ramai mengangkat sekedup itu tidak terasa berat, lainlah kalau yang mengangkatnya seorang dua, pastilah mereka mengetahui ketiadaan Aisyah di dalamnya. Setelah kesemua orang bertolak dari situ Aisyah pun pulang ke tempatnya dan didapati semua orang sudah tiada di situ lagi dan kalung yang dicarinya pun sudah di temuinya. Justeru itu beliau duduk sahaja di tempat persinggahannya itu, kerana beliau pasti di mana mereka akan mencarinya setelah beliau tiada di dalam sekedup dan mereka akan kembali semula ke tempat beliau diletakkan itu. Allah (s.w.t) jua yang berkuasa mentadbirkan urusanNya di dunia ini, di situ Saidatina Aisyah terlena dek keletihan perjalanan, beliau sedar apabila mendengar laungan dari Safwan bin Ma'tal yang menyebut: "Inna lillahi wainna ilaihi rajiuun, Isteri Rasulullah? " Safwan telah mengekori di penghujung pergerakan tentera kerana beliau banyak tidur, bila melihat Aisyah, beliau mengenalinya kerana beliau pernah melihatnya sebelum turun ayat hijab, beliau beristirja' (mengucap inna lillahi wa inna ilaihi rajiuun) dan merendahkan tunggangan, Aisyah pun segera menaiki tunggangan, tidak sepatah pun bertutur selain dari lafaz

istirja' tadi. Dengan itu, beliau pun menuntun tunggangan Aisyah, sehingga sampailah bersama-sama dengan tentera yang sedang berhenti di Nahr al-Zahirah, setibanya mereka di situ orang ramai pun bercakap-cakap dengan perbagai pendapat dan andaian yang munasabah. Tetapi seteru Allah mendapati inilah satu peluang yang terbaik untuk mereka melepaskan geram dan marahnya, penuh hasad dengki dan kesumat, mereka mula menyebar cerita yang bukan-bukan dan dusta, menimbul-nimbulkan fitnah, membisik-bisikkan propoganda jahatnya, kuncu-kuncunya pun apa lagi memperolehi barangan yang memang dicari-cari selama ini untuk dijualnya, sesampainya mereka di Madinah maka ahli-ahli dusta tadi pun menabur cerita palsu yang mereka reka-rekakan itu di setiap penjuru Madinah. Rasulullah (s.a.w) berdiam diri tidak berkata apa-apa pun, kerana wahyu tertangguh penurunannya, maka Baginda bermesyuarat dengan para sahabat mengenai penceraiannya, Ali mencadangkan supaya Baginda menceraikannya dan mencari yang lain sebagai ganti, itupun dalam bahasa qias bukan secara terang-terang, tetapi Usamah mencadangkan supaya Baginda meneruskan hidup dengannya, tanpa mempedulikan cakap musuh-musuh Allah. Di suatu hari Rasulullah menaiki mimbar membangkitkan keganjilan yang ditimbulkan oleh Abdullah bin Ubai. Usaiyid bin Hadir ketua al-Aws segera menyatakan kesanggupannya untuk memenggal leher Ibnu Ubai, tetapi ditentang oleh Saad bin Ubbadah ketua al-Khazraj kerana Ibnu Ubai adalah dari kalangan al-Khazraj, perkara ini melarat hingga menjadi isu perkauman, dan Rasulullah cepat-cepat meredakannya sehingga akhirnya mereka pun senyap.

Sekembalinya dari perjalanan jauh itu, Aisyah terkena demam selama sebulan, beliau sendiri tidak mengetahui mengenai fitnah yang direkakan ini, apa yang beliau terasa ialah selama ini Rasulullah sentiasa berlembut dengan beliau di ketika beliau mengadu hal sesuatu, tetapi kini sudah tidak dirasai lagi, di suatu ketika semasa beliau pulih dari demamnya itu, beliau keluar dengan Ummu Mistah untuk membuang air besar, tiba-tiba di situ Ummu Mistah tergelincir, lantas beliau melatah, dengan menyumpah anak lelakinya, Aisyah pun

memarahi tindakannya itu, di situ Ummu Mistah pun menceritakan fitnah yang diheboh-hebohkan selama ini, bila pulang ke rumah beliau meminta izin dari Rasulullah untuk menemui dua ibu bapanya bagi mendapat kepastian mengenai cerita yang sebenar. Setelah diizinkan oleh Rasulullah (s.a.w) beliau pun kembali ke rumah bapanya, sehingga dengannya dapatlah beliau memperolehi cerita yang lengkap, apa lagi beliau pun terus menangis, dua malam sehari beliau menangis, tanpa henti-henti hingga tidak dapat melelapkan matanya, dirasakan tangisannya itu seolah-olah meretakkan hatinya. Di suatu hari Rasulullah menziarahinya, lepas mengucap al-Syahadah Baginda berkata: "Cukuplah Aisyah, memanglah telah sampai ke pengetahuan ku begini-begini, sekiranya kau suci tidak bersalah, Allah akan menjelaskan kebersihan kau itu, dan sekiranya kau bersalah pohonlah keampunan dariNya serta bertaubatlah kepadaNya, kerana hamba yang mengakui dengan kesalahannya kemudian bertaubat kepada Allah nescaya Allah akan terima taubatnya itu".

Aisyah berderaian air mata dan meminta dari dua ibubapanya supaya menjawab bagi pihaknya, namun mereka berdua tidak tahu apa yang hendak dijawabnya, kata Aisyah lagi:

"Demi Allah aku mengetahui segala sesuatu yang telah kamu dengar itu sehingga ianya meresap di dalam diri kamu dan kamu mempercayai semuanya, di sini kalau ku kata: Daku ini bersih demi Allah Dia mengetahui yang aku ini tidak bersalah, namun demikian pasti kamu tidak mempercayainya dan kalau aku mengakui sedang Allah mengetahui aku ini tidak bersalah nescaya kamu mempercayai sebagai satu yang benar, apa lagi hendak ku buat selain dari berucap apa yang telah diucap oleh ayah Saidina Yusuf:

"Maka sabarlah yang lebih baik dan Allahlah tempat meminta pertolongan di atas segala apa yang kamu sebutkan itu".

(Yusuf: 18)

Setelah itu beliau beralih ke sebelah dan tidur mengiring, di saat itu wahyu pun turun ke atas Rasulullah menguasai seluruh badan Rasulullah, kemudian kelihatan Baginda tersenyum, lafaz yang

pertama-pertama tercetus keluar dibibir Rasulullah dengan sabdanya: "Wahai Aisyah kini Allah telah pun mengisytiharkan kesucianmu dari segala noda". Maka berkata ibunya: "Ayuh bangun kepadanya". Sebagai membukti kesliciannya, di samping kepercayaan beliau dengan kesayangan Rasulullah terhadap dirinya, maka beliau berkata: "Demi Allah aku tak mahu bangun kepadanya dan tiada pujian selain kepada Allah".

Firman yang diturunkan mengenai fitnah ialah:

Sesungguhnya orang-orang yang membawa berita bohong itu adalah dikalangan kamu juga. Janganlah kamu kira bahawa berita bohong itu buruk bagi kamu.Tiap seorang dari mereka mendapat balasan dari dosa yang dikerjakan. Dan siapa di antara mereka mengambil sebahagian yang terbesar dalam penyiaran berita dusta itu, baginya azab yang besar.

Mengapa di masa kamu mendengar berita dusta itu.orang mukminin dan mukminah tidak bersangka baik terhadap din mereka itu dan berkata: "Ini adalah berita dusta yang nyata ".

Mengapa mereka tidak mendatangkan empat orang saksi atas berita dusta itu ? Oleh kerana mereka tidak berbuat demikian maka di sisi Allah mereka orang-orang yang dusta.

Sekiranya tidak ada kurniaan dan rahmat-Nya kepada kamu di dunia dan di akhirat, nescaya kamu ditimpa azab yang besar, kerana berita dusta itu.

(Ingatlah) di waktu kamu menerima berita dusta itu dari mulut ke mulut dan kamu katakan dari mulutmu apa yang kamu tidak ketahui sedikit pun dan kamu anggapnya ia adalah ringan pada hal di sisi Allah ia adalah amat berat.

Dan mengapa kamu tidak mengatakan di waktu mengengar berita dusta itu: "Sekali-kali tidak pantos bagi kamu memperkatakan itu. Maha suci Allah ini adalah dusta yang besar.

Allah memperingatkan kamu agar jangan kembali melakukan semula

selama-lamanyaJika kamu orang yang beriman.

Dan Allah menerangkan ayat-ayatNya kepada kamu.Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana.

Sesungguhnya orang yang ingin bfrita dusta ini tersebar di kalangan orang beriman, bagi mereka azab yang pedih di dunia dan di akhirat. Dan Allah mengetahui sedangkan kamu tidak.

Dan sekiranya tidaklah kumia Allah dan rahmatNya kepada kamu semua, Allah Maha Penyantun dan Maha Penyayang (nescaya kamu ditimpa azab yang besar).

(An-Nuur: 11-20)

Hukuman sebat dikenakan ke atas orang-orang yang teriibat dengan fitnah, menuduh orang yang tidak berdosa, mereka ialah:Mistah bin Asasah, Hassan bin Thabit, Hamnah binti Jahsy, setiap mereka dirotan sebanyak lapan puluh rotan, namun Abdullah bin Ubai kepala membuat fitnah yang jahat, tidak pula dihukum, kerana boleh jadi hudud atau hukuman dera itu boleh mengurangkan penyiksaan seseorang di akhirat nanti, penyebar fitnah diugut oleh Allah dengan balasan azab yang berat di akhirat atau pun kerana kemaslahatan.

Beginilah halnya yang berlaku selepas sebulan dari tarikh kejadian, mendung keraguan dan kekacauan beredar pergi, dari bumi Madinah. Keburukan dan kejahatan kepala munafiqin luas terdedah kepada khalayak ramai, hingga tidak dapat mereka mengangkat kepalanya, kata Ibnu Ishak: Hinggalah kalau terjadi kejadian, kaum sebangsanya pun mengecam dan menuduh Ibnu Ubai. Di hari itu Rasulullah berkata kepada Umar: "Apa pendapat kau sekarang wahai Umar, demi Allah kalaulah kau bunuhnya di hari itu nescaya kau tertekan dan orang bersimpati dengannya, di hari ini kalau aku suruh kau membunuhnya nescaya kau bunuhnya". Jawab Umar: "Demi Allah sesungguhnya ku mengetahui urusan Rasulullah (s.a.w) itu lebih besar barakahnya dari urusan ku".

PENGHANTARAN TENTERA DAN PEPERANGAN SELEPAS GHAZWAH AL-MURAISI'

1. Sariyah Abd al-Rahman bin Auf ke daerah banu Kilab di Dawmah al-Jandal di bulan Sya'ban tahun ke enam (6) hijrah. Rasulullah mempersilakan Abd al-Rahman di hadapannya serta mengenakan serban ke kepalanya dan Baginda mewasiatkan beliau dengan sebaik-baik pengurusan di dalam peperangan dengan sabdanya: "Sekiranya mereka itu mentaati kau, maka hendaklah kau berkahwin dengan puteri rajanya. Abd al-Rahman tinggal di sana selama tiga hari menyeru mereka kepada Islam, akhirnya seluruh qabilah memeluk Islam dan Abdul al-Rahman pun berkahwinlah dengan Tamadhur binti al-Asbogh yang dikenali sebagai Ummu Abi Salamah, bapanya adalah pemimpin dan raja qabilahnya.

2. Sariyah Ali bin Abi Talib ke daerah bahu Saad bin Bakar di Fadak pada bulan Sya'ban tahun keenam (6) Hijrah. Mengapa Rasulullah (s.a.w) menghantar tentera ke sana ialah sebagaimana yang dilaporkan oleh risikan Rasulullah bahawa qabilah berkenaan hendak membantu kaum Yahudi untuk memerangi Rasulullah, sebagai tindakan sfc,_ Rasulullah menghantar Ali ke sana dengan kekuatan tenti. dua ratus (200) orang, beliau bergerak di malam hari dan bersembunyi di siang hari, hingga apabila tertangkap seorang pengintipnya maka disoal dan didapati memang benar perkhabaran itu, iaitu Banu Saad telah menghantar beliau untuk menawar bantuan mereka dengan syarat bahawa tamar Khaibar hams diberikan kepada mereka. Pengintip itu juga telah menunjuk tempat perkumpulan Banu Saad, dengan itu mereka menyerang Banu Saad di tempat mereka, dan dapat merampas lima ratus (500) ekor unta dan dua ratus (2,000) biri-biri, Banu Saad telah lari menyelamatkan diri bersama perempuan-perempuan mereka. Ketua mereka ialah Wabar bin Alim.

3. Sariyah Abu Bakr al-Siddiq atau Zaid bin Harithah, ke "Wadi al-Qura' di bulan Ramadhan tahun keenam (6) Hijrah. Qabilah Fazarah telah pun bercadang hendak membunuh Rasulullah, maka Baginda menghantar Abu Bakr al-Siddiq mengepalai tentera ke sana. Kata

Salamah bin al-Akwa': "Ku telah keluar bersama-sama beliau apabila kami selesai solat subuh, kami diperintah untuk menyerang dan kami sampai keperairan mereka, Abu Bakr membunuh yang dapat beliau bunuh, ku telah melihat sekumpulan orang-orang Fazarah bersama-sama mereka kaum wanita, aku takut mereka akan mendahului ku ke bukit, ku pun kejar mereka dan memanah supaya ianya tercacak di antara mereka dan bukit, dan setelah mereka melihat anak panah itu mereka pun berhenti, di antara mereka terdapat seorang perempuan, beliau ialah Ummu Qarfah berselimut kulit binatang bersama-samanya anak perempuan yang paling cornel di kalangan bangsa Arab. Kesemua mereka ku tawan dan bawa ke hadapan Abu Bakr, anak perempuan tadi telah dijadikan bahagian sahamku, ku tidak lihat pun tubuhnya. Rasulullah meminta dari Abu Bakr anak perempuan Ummu Qarfah tadi, kemudian dihantar ke Makkah sebagai tebusan kepada tawanan-tawanan Islam di sana.

Ummu Qarfah adalah kepala durjana Banu Fazarah, beliau telah merancang untuk membunuh Rasulullah.Dia telah menyediakan sebanyak tiga puluh askar berkuda dari anggota keluarganya untuk tujuan berkenaan. Memnag patutlah dia menerima balasannya bersama-sama dengan tiga puluh orang tenteranya.

4. Sariyah Kurz bin Jabir al-Fihri ke qabilah al-'Arinah di bulan Syawal tahun keenam (6) Hijrah. Cerita bermula di mana sebilangan anggota qabilah, Arinah dan 'Akal menzahirkan kelslaman mereka, dan mereka ini tinggal dipinggiran al-Madinah, jadi Rasulullah (s.a.w) pun menghantar kepada mereka beberapa ekor unta bersama gembalanya untuk menternak di sekitur itu, dan Rasulullah berkata: "Kamu bolehlah meminum dari susunya dan air kecilnya". Di suatu pagi mereka serang dan bunuh pentemaknya dan bawa lari semua unta-unta tadi, ini bererti mereka kufur semula. Oleh itu maka Rasulullah mengutus Kurz al-Fihri bersama dengan dua puluh orang sahabat sambil Baginda berdoa ke atas mereka yang bermaksud:

"Ya Allah Ya Tuhanku! butakanlah mata mereka dari jalan, sempitkan laluan mereka "

Maka Allah halangkan perjalanan mereka, hingga tentera Islam sempat memberkas mereka, lalu dipotong kaki dan tangan mereka serta dibutakan mata mereka, balasan ke atas jenayah yang mereka lakukan, kemudian ditinggalkan mereka di situ kesudahannya mereka semua mati. Cerita mereka termuat di dalam hadith sahih riwayat Anas.

Selain itu ahli sirah menyebut juga sariyah Amru bin Umaiyah al-Dhamari bersama Salamah bin Abi Salamah di bulan Syawal tahun keenam (6) Hijrah. Beliau telah ke sana untuk membunuh Abu Sufian, kerana Abu Sufian telah mengutus dan mengupah seorang Arab Badwi untuk membunuh Rasulullah, namun kedua pihak tidak berjaya samada yang ke Makkah atau yang ke Madinah. Ahli sirah menyebut bahawa Amru dapat membawa pulang badan Khubaib yang mati syahid. Seperti yang diketahui, Khubaib syahid selepas peristiwa al-Raji' beberapa hari atau bulan, al-Raji' berlaku di bulan Safar tahun keempat (4) Hijrah. Saya tidak pasti apakah ahli sirah keliru di antara dua perjalanan? Atau apakah kedua kejadian (kejadian syahid Khubaib dan perjalanan Amru, berlaku dalam satu masa iaitu pada tahun empat (4) Hijrah. Al-Allamah al-Mansurfuri menolak pendapat yang mengatakan perjalanan Amru ini adalah sariyah peperangan atau serangan. Wa Allahu a'lam.

Inilah sariyah-sariyah dan ghazwah-ghazwah yang berlaku selepas peperangan al-Ahzab dan Banu Quraizah, namun kesemuanya tidak berlaku satu pertempuran yang sengit, cuma yang berlaku sekadar pertembungan-pertembungan ringan, malah penghantaran ini tidak lebih dari unit-unit pengawalan dan pengajaran buat mengugut Arab-arab Badwi dan seteru-seteru yang lain yang sering membawa kacau bilau. Apa yang dapat diperhatikan di dalam hari-hari yang akhir, keadaan sudah berubah selepas peperangan al-Ahzab, dan dapat dicerap juga semangat juang mereka yang semakin merosot malah mereka tidak berminat lagi untuk menghalang dakwah Islam. Perkembangan ini dapat dilihat dengan ketara sekali selepas perjanjian damai Hudaibiah. Malah perjanjian itu lebih merupakan pengakuan terhadap kekuatan Islam dan pengiktirafan atas penerusannya di

seluruh pelusuk Semenanjung Arab.

PERJANJIAN AL-HUDAIBIYYAH

Pada Bulan Zulkaedah Tahun Keenam (6) Hijrah

Dorongan Kepada Umrah al-Hudaibiah:

Dalam perkembangan seterusnya di Semenanjung Tanah Arab banyak hal memihak kepada kaum muslim, pemangkin kepada pembukaan agung dan kejayaan cemerlang kepada dakwah Islamiah semakin terserlah, persiapan ke arah menegakkan hak dan keistimewaan kaum muslimin untuk menunai ibadat mereka di masjid al-Haram kini sudah bermula, yang dahulunya mereka dihalang dan dinafikan hak mereka pada enam tahun yang silam.

Semasa di Madinah, Rasulullah s.a.w telah diperlihat di dalam mimpinya bahawa Baginda bersama-sama sahabatnya telah memasuki al-Masjid al-Haram, memegang anak kunci, bertawaf dan melaksanakan ibadat umrah, di antara mereka ada yang mencukurkan rambut manakala yang lain memendek rambutnya, Baginda mencerita semuanya ini kepada sahabat-sahabatnya.

Mereka semua amat gembira hingga menyangka yang mereka akan memasuki kota Makkah pada tahun itu juga. Serentak dengan itu Rasulullah pun memberitahu para sahabat bahawa Baginda akan keluar untuk berumrah, dan mereka semua pun bersiap untuk bersama-sama ke sana.

SERUAN MENYELURUH KEPADA KAUM MUSLIMIN

Rasulullah menyampaikan seruannya kepada seluruh orang Arab dan penduduk kampung di sekeliling Madinah untuk keluar bersama-sama Baginda, tapi ada juga Arab-arab Badwi yang melambat-lambatkan, namun Rasulullah terus mencuci pakaiannya, dan menaiki untanya yang bernama al-Qaswa', dengan melantik Ibnu Maktum atau Namilah al-Laithi sebagai khalifahnya. Baginda keluar pada hari Isnin, satu haribulan Zulkaedah tahun keenam Hijrah. Dalam perjalanan suci ini,

Baginda membawa bersama isterinya Ummu Salamah berserta seribu empat ratus (1,400) orang. Ada pendapat mengatakan seribu lima ratus (1,500) orang tanpa membawa peralatan perang, selain senjata untuk bermusafir, iaitu pedang-pedang bersarung.

KAUM MUSLIMIN BERGERAK MENUJU KE MAKKAH

Jamaah Umrah ini bergerak ke arah Makkah, sehingga apabila sampai di Zu al-Halifah, Baginda menuntun sembelihan korban serta memulakan upacara umrah di tempatnya. Zu al-Halifah sebagai miqat makani (tempat permulaan ibadat) di sertai dengan pakaian ihram, sebagai memaklumkan kepada orang ramai ketibaannya bukan untuk berperang, walaupun demikian Baginda menghantar salah seorang dari qabilah Khuza'ah untuk mendapat berita mengenai Quraisy. Setibanya Baginda di Asafan perisikannya datang memberitahu dengan katanya: "Semasa saya kemari saya telah mendapati qabilah Kaab bin Lu'ai telah pun mengumpul orang-orang awam al-Ahabisy di mana mereka berhimpun untuk memerangi Rasulullah, serta menghalang Rasulullah dari memasuki Kaabah. Rasulullah bermesyuarat dengan para sahabat dengan sabdanya: "Apakah kamu rasa baik kita serang keluarga mereka yang menolong puak yang menghalang kita, kemudian kita tawan mereka? Sekiranya mereka berdiam, berdiam dengan keadaan marah dan berduka, kalau mereka terlepas lari maka yang ditawan itu Allah mencantas leher mereka, atau apakah sahabat sekalian berpendapat kita semua menuju ke Baitullah maka sesiapa halang kita, kita peranginya"? berkata Abu Bakar: "Allah dan Rasulnya lebih mengetahui, kita datang pun memang untuk berumrah, dan bukannya untuk memerangi sesiapa, tapi kalau ada orang yang menghalang kita ke Baitullah al-Haram kita perangilah mereka", jawab Rasulullah (s.a.w): "Ayuh kita teruskan perjalanan. Maka mereka pun bergerak ke hadapan.

PERCUBAAN QURAISY MENGHALANG KAUM MUSLIMIN KE BAITULLAH

Sewaktu Quraisy mendengar berita perjalanan Rasulullah, mereka terus

mengadakan majlis permesyuaratan. Mereka membuat keputusan untuk menghalang kaum muslimin dari memasuki Baitullah al-Haram dengan apa cara sekalipun, tetapi selepas Rasulullah berpaling dari sekatan golongan al-Ahabisy, satu berita telah diterima dari seorang Banu Kaab yang memaklumkan bahawa pihak Quraisy telah turun ke "Zi Tawa" beserta dua ratus askar berkuda di bawah pimpinan Khalid bin al-Walid. Mereka menunggu dan bersedia di "Kara' al-Ghamim" jalan utama ke Makkah. Khalid cuba menghalang kaum muslimin, beliau telah mengatur tenteranya berhadapan dengan tentera muslimin. Kedua-dua askar tadi masing-masing dapat melihat lawannya, sebelum ini Khalid pernah melihat kaum muslimin bersembahyang zohor dengan ruku' dan sujud, maka beliau berkata: "Mereka ini boleh diserang secara mengejut, kiranya kalau diserang nescaya dapat dikalahkan". Jadi beliau telah membuat keputusan untuk menyerang mereka semasa sembahyang asar nanti, tetapi Allah telah menurunkan hukum solat khouf (solat dalam keadaan bahaya). Maka terlepaslah peluang yang dirancang oleh Khalid tadi.

TUKAR JALAN DAN USAHA MENGELAK PERTUMPAHAN DARAH

Rasulullah mengambil jalan yang sukar di celah lorong-lorong bukit bersama kaum muslimin melencong ke sebelah kanan di antara dua kemuncak bukit al-Hamasy menuju ke lereng "al-Marar" terus ke dataran al-Hudaibiah dari arah bawah ke Makkah, meninggalkan jalan utama ke Baitullah al-Haram dengan melalui al-Tanaim. Dari situ Baginda melencong ke sebelah kiri. Apabila Khalid melihat pasukan tentera Islam menyimpang dari jalan yang sedang beliau tunggu, segera beliau memacu kudanya menemui Quraisy untuk memberi ingatan.

Rasulullah meneruskan perjalanan hingga apabila sampai ke lereng di "al-Marar" unta tunggangan Baginda melabuhkan diri di situ, semua orang menyebut: "Ayuh, ayuh". Tapi ianya enggan bergerak, maka kata mereka semua. "Tak nak berjalan dah mula berdegillah". Jawab Rasulullah: "Al-Qaswa tidak berdegil, kerana ini bukan perangainya,

tetapi ianya diberhentikan oleh kuasa yang memberhentikan gajah-gajah dahulu". Sambung Rasulullah s.a.w: "Demi jiwaku ditanganNya, tidak mereka meminta dariku satu cara buat mereka mengagungkan kawasan Haram Allah itu, kecuali ku jawab permintaan mereka itu". Kemudian Rasulullah s.a.w menghalau untanya dan ia pun segera bangun, dan berpusing menuju ke arah hujung Hudaibiah, berdekatan dengan sebuah kolam yang bertakung sedikit air, orang ramai pun mengambil airnya yang sedikit di situ. Tidak lama kemudian airnya pun putus. Mereka semua mengadu hal kepada Rasulullah s.a.w mengenai kehausan yang mereka alami, Baginda pun menarik keluar anak panah dari uncangnya, dan menyuruh mereka memacaknya di dalam kolam, demi Allah airnya terus keluar memenuhi keperluan mereka semua.

BUDAIL MENJADI ORANG TENGAH DI ANTARA RASULULLAH S.A.W DAN QURAISY

Setelah Rasulullah s.a.w menetap di tempatnya itu, Budail bin Warqa' al-Khuzai' bersama beberapa orang dari Banu Khuza'ah, mendatangi Rasulullah s.a.w, Khuza'ah adalah penyimpan rahsia-rahsia Rasulullah, mereka dari penduduk Tuhamah, kata Budail: "Sebenarnya daku ini baru sahaja datang dari Kaab bin Lu'ai, mereka sudahpun bersiap dengan kekuatan mereka dan singgah di perairan al-Hudaibiah, bersama-sama mereka anak isteri mereka yang bertekad memerangi dan menghalang kamu dari memasuki Baitullah al-Haram. Kata Rasulullah s.a.w: "Sebenarnya kami datang ini bukan untuk memerangi sesiapa. Tetapi kami datang untuk mengerjakan umrah, dan sesungguhnya Quraisy sudahpun keletihan dek peperangan demi peperangan, malah peperanganlah yang telah membinasakan mereka, sekiranya mereka mahu aku memohon penangguhan ku boleh lakukan hingga mereka boleh memberi laluan kepada ku, tapi kalau mereka suka menyertai perdamaian seperti orang lain, mereka boleh lakukan sehingga dengan itu mereka boleh berehat, tapi kalau mereka enggan dan hendak teruskan peperangan demi Tuhan yang jiwa ku

ditanganNya akan ku perangi mereka habis-habisan hingga terlaksana urusan Allah".

Kata Budail: "Akan ku sampaikan kepada mereka seperti dikau sebutkan itu", maka beliau pun terus pergi menemui Quraisy dan berkata: "Sesungguhnya daku ini telah mendatangi orang itu, dan telah ku dengar darinya sendiri kata-katanya, sekiranya kamu rela, maka relalah ku menyampaikannya". Sampuk golongan singkat pemikiran dengan kata mereka: "Tak perlulah kamu menceritakannya kepada kami". Tapi kata yang waras pemikirannya: "Ceritakanlah kepada kami". Kata beliau: "Ku dengar darinya begini-begini", lalu Quraisy menghantar seorang utusan lain bernama Mikraz bin Hafs, Rasulullah melihatnya, dan Baginda berkata: "Orang ini jenis pengkhianat".

Sesampainya beliau di hadapan Rasulullah s.a.w, Baginda pun menyampaikan seperti mana yang disampaikan kepada Budail dan kawan-kawannya, dengan itu beliau pun pulang ke pangkuan Quraisy dan menceritakan segala-galanya.

UTUSAN-UTUSAN QURAISY

Diceritakan seorang lelaki dari Kinanah dikenali sebagai al-Hulais bin Alqamah telah berkata: "Berilah peluang kepadaku untuk menemui Muhammad", jawab mereka: "Ayuh pergilah". Sebaik sahaja beliau dilihat oleh Rasulullah, terus Baginda berkata: "Orang ini dari suku kaum yang memuliakan ibadat berkorban, ayuh perlihatkan kepadanya, maka diletakkan ternakan untuk sembelihan supaya beliau melihatnya, seluruh kaum muslimin mengalu-alu kedatangannya dengan suara talbiah, bila beliau melihat semuanya terns beliau berkata: "Subhanallah, tidak seharusnya mereka ini dihalang dari melakukan peribadatan di Baitullah al-Haram ini". Justeru itu beliau pun pulang semula menemui Quraisy dan berkata: "Di sana aku lihat binatang-binatang sembelihan sudah tertambat dan ditanda untuk qurban, pada pendapat ku, tidak wajar kita menghalang mereka. Maka berlaku perbalahan pendapat di antara beliau dan Quraisy.

Kata Urwah bin Mas'ud al-Thaqafi: "Orang ini telah pun menawarkan

kepada kamu semua satu perancangan yang waras, terima sahajalah, biarkan aku pula yang pergi. Jawab mereka: "Pergilah". Beliau pun segera pergi menemui Baginda. Rasulullah pun menegaskan kepada beliau sebagaimana beliau nyatakan kepada Budail, maka kata Urwah: "Wahai Muhammad! Apa pandangan kau, kalaulah kamu berjaya menghapuskan bangsa kau ini, apa kau pernah dengar sebelum ini, ada seorang pribumi Arab memusuhi bangsanya sendiri. Seperti yang hendak kau lakukan ini? Kalau maksudmu bukan yang ini, Demi Allah muka-muka yang ku lihat ini adalah manusia awam lapisan biasa, mereka ini akan lari dan akan tinggalkan kau seorang.

Sampuk Abu Bakr r.a.: "Kamu ini jenis manusia yang menjilat air kecil berhala al-Lata, kami ini bukan jenis yang akan lari darinya!! Beliau bertanya: Siapa orang ini, jawab yang hadh: Itulah.Abu Bakr kata Urwah: Demi Allah, kalau tidak mengenang budi, pasti ku tidak membiarkannya, malah kujawabnya. Beliau terns bercakap lagi dengan Rasulullah, setiap kali beliau bersuara setiap kali itu pula beliau memegang janggut Baginda (s.a.w), di masa itu al-Mughirah bin Syu'bah sedang berada di belakang Rasulullah s.a.w memegang pedangnya, bila Urwah memegang janggut Rasulullah s.a.w beliau mengetuk tangannya dengan hulu pedangnya sambil berkata: "Jauh sedikit tangan mu itu", Urwah mengangkat kepala seraya bertanya: "Siapa orang ini?, jawab yang hadir: "Itulah al-Mughirah bin Syu'bah". Kata Urwah: "Wahai pengkhianat, tidakkah kelmarin aku yang membasuh kekotoran dirimu itu?" Semasa jahiliah al-Mughirah pernah berkawan dengan sekumpulan orang, kemudian beliau membunuh orang itu dan merampas harta mereka, kemudian beliau datang menemui Rasulullah, dan mengucap dua kalimah syahadah. Jawab Rasulullah: "Adapun Islamnya aku yang menerimanya, tapi harta yang dirampas itu aku tidak ada kena mengena". Al-Mughirah bin Syu'bah adalah anak saudara Urwah.

Seterusnyanya Urwah bertindak menempelak sahabat-sahabat Rasulullah dan hubungan-hubungan mereka yang silam. Setelah itu beliau pun pulang menemui kawannya, dan berkata: "Wahai kalian,

demi Allah, aku ini pernah menemui raja-raja, Qaisar Roman dan Kisra Parsi dan Maharaja al-Najasyi dan tidak pernah pula ku melihat mereka disanjung sepertimana sahabat-sahabat Muhammad menyanjung diri Muhammad. Demi Allah, beliau meludah tidak sempat ludahannya itu jatuh ke tanah namun sudah ada tangan yang menadahnya dan disapunya ke badan dan muka mereka, dan bila Muhammad menyuruh semua mereka bersegera melakukannya, bila beliau berwudhu' seolah-olah berlaku pergaduhan, masing-masing hendak mengambil air wudhu'nya dan bila beliau bercakap semua orang merendah suaranya, mereka tidak merenung tajam ke mukanya kerana menghormatinya, beliau ini telah mengemukakan kepada kamu semua perancangannya, ianya suatu perancangan yang bijak dan matang, kuharap kamu semua dapat menerimanya.

DIALAH YANG MENGHALANG TANGAN MEREKA DARI BERTINDAK KE ATAS KAMU

Bila golongan muda Quraisy mendapati golongan tua yang merupakan barisan pimpinan berminat untuk berdamai, sedang mereka berminat untuk berperang, maka mereka merencana satu pakatan jahat yang boleh menghalang proses damai, mereka membuat keputusan untuk keluar di waktu malam memasuki ke dalam kawasan perkhemahan Islam dan melakukan kacau bilau yang boleh menyalakan api peperangan. Rancangan itu mereka lancarkan di tengah malam ketika sekumpulan pemuda Quraisy yang bersemangat seramai tujuh puluh (70) atau lapan puluh (80) orang turun melalui bukit al-Tanaim. Mereka cuba memasuki khemah Islam, tetapi mereka semua telah diberkas oleh Muhammad bin Salamah, ketua pengawal khemah Islam. Untuk tujuan perdamaian maka Rasulullah membebaskan semua mereka, sehubungan dengan kejadian ini turunlah ayat al-Quran bermaksud:

"Dan Dialah yang menahan tangan mereka dari membinasakan kamu dan menahan tangan kamu dari membinasakan mereka di tengah kota Madinah sesudah Allah memenangkan kamu ke atas mereka ".

(al-Fath: 24)

UTHMAN BIN AFFAN SEBAGAI DUTA MENEMUI QURAISY

Kini Rasulullah hendak mengirim seorang duta kepada Quraisy untuk meyakinkan mereka mengenai pendirian dan tujuan kedatangan mereka, Baginda memanggil Umar bin al-Khattab untuk dihantar tetapi Umar meminta pengecualian dengan katanya: "Wahai Rasulullllah, kecualikanlah daku, tiada siapa dari kalangan Banu Kaab yang bersimpati dengan ku sekiranya ku disakiti. Hantarlah Uthman bin Affan, keluarganya ada di sana, dan beliau berupaya menyampaikan apa yang Rasulullah kehendaki". Maka Rasulullah menjemput Uthman dan dihantarnya beliau untuk berbicara dengan Quraisy. Kata Rasulullah: "Beritahu mereka bahawa kita datang ke mari bukan untuk berperang tapi datang untuk mengerjakan umrah serta serukan mereka kepada Islam". Baginda juga menyuruh beliau bertemu dengan kaum lelaki mukmin dan wanita mukmin, memberitahu mereka perkhabaran yang mengembirakan bahawa Allah akan tampilkan agamanya di Makkah hingga tiada siapa pun yang akan merahsiakan imannya.

Saidina Uthman pun bergerak ke sana melalui orang-orang Quraisy yang sedang berada di Baldah. Kata mereka: "Hendak ke mana ni?" Jawab beliau: "Aku ini telah diutuskan oleh Rasulullah untuk tujuan begini-begini", kata mereka: "Kami fahamlah apa yang kau kata itu, teruskan sahaja tujuanmu itu". Di situ Abban bin Said bin al-A'as bangun dan mengalu-alukan beliau dan mengenakan pelana ke atas kudanya dan membawa Uthman dengan kudanya itu., beliau memberi perlindungan dan mengiringinya hingga sampai ke Makkah dan terus disampaikan perutusan kepada Quraisy. Setelah itu beliau ditawar untuk bertawaf mengelilingi al-Kaabah, tapi beliau tolak tawaran itu dan enggan untuk bertawaf kecuali setelah dilakukan oleh Rasulullah terlebih dahulu.

KHABAR ANGIN MENGENAI PEMBUNUHAN UTHMAN DAN BAI'AH AL-RIDWAN

Quraisy telah menahan Uthman agak lama juga, kerana mereka hendak bermesyuarat sesama mereka untuk membuat keputusan yang muktamad, untuk mereka berikan kepada Uthman sebagai jawapan kepada perutusan yang akan dibawa oleh Uthman kepada Rasulullah, oleh itu maka tersebar luas berita yang mengatakan Uthman telah dibunuh oleh pihak Quraisy, sehingga Rasulullah sendiri telah menegaskan dengan katanya: "Kita tidak akan beredar dari sini hinggalah kita memerangi mereka". Untuk itu Baginda meminta para sahabatnya berikrar dengan satu bai'ah (sumpah setia), berduyun-duyun mereka ke hadapan Rasulullah memberi bai'ah untuk tidak akan bergerak dan berundur, berbai'ah secara jamaie untuk mati bersama.

Diceritakan orang-orang yang mula meletakkan tangannya ialah Abu Sinan al-Usdi, kemudian Salamah bin al-Akwa' untuk mati bersama, tiga kali di permulaan di pertengahan dan penyudah, malah Rasulullah memegang tangannya sendiri dengan berkata: "Tangan ini mewakili Uthman". Setelah selesai bai'ah, Uthman pun datang, maka beliau pun turut berbai'ah, tiada seorang pun yang melarikan diri kecuali seorang munafiq sahaja yang bernama Jad bin Qais. Upacara bai'ah ini Rasulullah langsungkan di bawah sepohon kayu, Umar memegang tangan Rasulullah manakala Ma'qal bin Yasar memegang ranting pokok berkenaan bagi pihak Rasulullah, inilah bai'ah al-Ridwan yang diturunkan padanya ayat al-Quran yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah telah meredhai terhadap orang-orang mukmin ketika mereka berbai'ah kepada engkau di bawah sepohon pokok".

(al-fath: 18)

PEMETERAIAN PERJANJIAN DAMAI DAN AGENDA-AGENDANYA

Pihak Quraisy mengetahui situasi yang cemas itu, sehubungan dengan itu, mereka segera menghantar Suhail bin Amru untuk menerima perjanjian berkenaan, melalui perjanjian pihak Quraisy menyatakan supaya Rasulullah dan para sahabatnya harus pulang ke Madinah tanpa peribadatan Umrah pada tahun ini, supaya tidak menjadi buah mulut

bangsa Arab, bahawa mereka memasuki Makkah secara kekerasan. Maka Suhail bin Amru pun datang menemui Rasulullah: Apabila Rasul melihat Suhail, Baginda pun menyebut: "Allah mempermudahkan urusan kamu". Quraisy bermaksud untuk berdamai, kerana itu diutusnya orang ini. Suhail tiba dan bercakap dengan panjang lebar, mereka berdua bersetuju dengan asas-asas perdamaian seperti berikut:

1. Rasulullah harus pulang sahaja di tahun ini, tanpa memasuki Makkah, di tahun hadapan mereka memasuki Makkah dan boleh tinggal hanya tiga hari sahaja, membawa senjata sebagai penunggang itu pun pedang harus disarungkan dan Quraisy tidak akan membuat sebarang halangan.

2. Dihentikan peperangan di antara dua pihak untuk selama sepuluh (10) tahun hingga orang awam menikmati keamanan dan kedua belah pihak berhenti mengganggu lawannya.

3. Sesiapa yang ingin berikat janji dengan Muhammad dia berhak berbuat demikian dan sesiapa yang ingin berikat janji dengan Quraisy dia berhak berbuat demikian, dengan anggapan qabilah yang menyertai salah satu kern ini sebagai sebahagian dari kem berkenaan, pelanggaran oleh mana-mana qabilah ini dianggap sebagai pelanggaran ke atas kem induk.

4. Sesiapa sahaja yang lari dari Quraisy lantas menyertai Muhammad tanpa izin dari orang yang dipertanggungjawabkan, hendaklah dihantar balik. Dan sesiapa yang lari dari Muhammad lantas menyertai Quraisy tidak ditolak.

Rasulullah memanggil Ali untuk menulis Nas perjanjiaan, Baginda merencana kepada beliau dengan katanya: "Bismillah al-Rahman al-Rahim" Kata Suhail: "Ada pun lafaz al-Rahman itu kami tidak mengetahuinya, tapi tulis sahaja: "Bismika Allahumma". Baginda menyuruh Ali menulisnya, kemudian direncana lagi "Inilah apa yang persetujui oleh Muhammad Rasulullah" kata Suhail: Kalau kami percayakan kau sebagai Rasulullah pasti kami tidak menghalang kau atau memerangi kau, oleh itu tulis namamu Muhammad bin Abdullah sahaja. Kata Rasulullah: "Sesungguhnya daku ini Rasulullah, Pesuruh

Allah walaupun kamu mendustaiku". Baginda pun menyuruh Ali menulis "Muhammmad bin Abdullah serta memadam lafaz "Rasulullah', tapi Ali enggan memadamnya maka Rasulullah memadamnya dengan tangannya sendiri, dengan itu selesailah pembentukan format perjanjian. Sebaik sahaja format perjanjian dimeterai, maka Banu Khuza'ah pun segera menyertai kem Rasulullah, kerana sejak dahulu lagi mereka ini menjadi sekutu banu Hasyim, sejak era Abdul Muttalib, seperti yang kita sebutkan di permulaan kitab ini, penyertaan mereka di hari ini lebih merupakan penegasan dan pengukuhan kepada penyertaan mereka yang dahulu. Manakala Banu Bakr menyertai kem Quraisy.

PENOLAKAN ABU JANDAL

Semasa jurutulis sedang sibuk untuk menyiapkan format perjanjian, tiba-tiba Abu Jandal bin Suhail berjalan mengheret rantai belenggu, menghempaskan dirinya dihadapan kaum muslimin, beliau lari keluar dari selatan Makkah, Suhail yang berada di situ meminta Rasulullah rnembuat keputusan supaya memulangkan Abu Jandal ke pangkuan masyarakat musyrikin Quraisy, kata Rasulullah: "Kita belum sempat mehyelesaikan format perjanjian lagi". KataSuhail: "Demi Allah! Inilah perkara pertama yang aku meminta kau membuat keputusan mengenainya". Kata Rasulullah s.a.w: ' Berilah kesempatan kepada ku". Jawab Suhail: "Aku tak akan beri". Jawab Rasulullah: "Bahkan, kau mesti berikan". KataSuhail: "Aku tidak akan beri". Seterusnya Suhail menumbuk muka Abu Jandal, sambil memegang leher bajunya dan menyeret-nyeret untuk di bawa ke dalam masyarakat musyrikin Makkah, apa lagi Abu Jandal meneriak sekuat suaranya: "Wahai kaum muslimin apakah kamu mahu aku diseret kembali ke dalam masyarakat musyrikin untuk difitnahkan ke atas agamaku?" Kata Rasulullah s.a.w: "Bersabarlah dan bertahanlah wahai Abu Jandal, sesungguhnya Allah sedang memberi kepada kau dan orang-orang lain kalangan musthadfin yang bersama kau jalan keluar dan kelepasannya. Sebenarnya kami ini sedang mematerai perjanjian perdamaian dengan mereka, telahpun

kami berikan perjanjian kami kepada mereka dan sebaliknya mereka juga telah memberi janji iqrar mereka, tak seharusnya kita mengkhianatinya.

Umar segera bangun dan berjalan dengan Abu Jandal sebelah menyebelah seraya berkata: "Sabar sahajalah wahai Abu Jandal, kaum musyrikin darah mereka sama seperti darah anjing, dan beliau mendekatkan hulu pedangnya kepada Abu Jandal, dengan berkata di dalam hatinya: Aku mengharapkan beliau merampas pedang itu dariku, supaya dengannya sempat beliau membunuh bapanya, tapi beliau ini terasa berat untuk bertindak, berakhir dengan termaterainya perdamai ini.

MENYEMBELIH DAN BERCUKUR UNTUK BERTAHALLUL DARI UMRAH

Selepas Rasulullah selesai soal perjanjian perdamaian, Baginda pun menyeru kepada sidang muslimin dengan sabdanya: "Ayuh sekarang kamu boleh bersembelih". Demi Allah tak seorang pun bertindak, hingga terpaksa Baginda menyeru tiga kali, namun masih tiada siapa pun yang menyahut. Dengan keadaan berduka Rasulullah bangun dan masuk ke dalam khemah, menemui isterinya Ummu Salamah. Baginda menceritakan kepadanya, hal kaum muslimin yang tidak memberi respon kepada seruannya, maka jawab Ummu Salamah: "Apakah tuan hamba mahu mereka semua lakukan itu?" Ayuh Rasulullah, sembelihkan qurban itu tanpa menyebut apa-apa suruhan pun, kemudianjemput tukang cukur mencukur rambut tuan hamba".

Rasulullah pun keluar dari situ tanpa bercakap sepatah pun, Baginda terus menyembelih korban dan menyuruh dicukur rambutnya. Bila sekalian yang menyertai umrah itu melihat Rasulullah menyembelih dan bercukur maka masing-masing bergegas menyembelih ternakan dan cukur mencukur. Hampir berlaku perbalahan, unta disembelih untuk tujuh bahagian, lembu untuk tujuh bahagian dan Rasulullah menyembelih unta rampasan Abu Jahal dahulu yang hidungnya bersubang perak untuk membangkitkan kemarahan kaum musyrikin. Di

situ Rasulullah s.a.w berdoa kepada sekalian yang mencukur kepala mereka dengan memohon keampunan khusus untuk mereka yang mencukur rambut sebanyak tiga kali, dan sekali untuk mereka yang hanya memendekkannya. Di dalam perjalanan umrah ini terturun firman Allah mengenai mereka yang bercukur kepala kerana berpenyakit iaitu diganti atau difidyahkan dengan berpuasa atau mengeluar sedekah atau korban. Sebab nuzul (turun) ayat ini ialah mengenai Ka'ab bin 'Ajarah yang berkudis di kepalanya hingga terdapat ulat-ulat yang luruh dari kudisnya. (Penterjemah).

RASULULLAH ENGGAN MENGHANTAR PULANG WANITA MUKMIN YANG BERHIJRAH

Sekumpulan wanita mukmin telah berhijrah, para wali mereka telah datang menemui Rasulullah supaya dipulangkan mereka ini kepangkuan keluarga di Makkah bagi menepati perjanjian al-Hudaibiah yang dipersetujui dahulu, tetapi Rasulullah enggan melayan permintaan mereka atas alasan nas perjanjian yang bermaksud: "Bahawa tiada seorang lelaki pun dari sebelah Quraisy yang harus menyertai kau walaupun beliau itu di atas agamamu, kalau tidak, mestilah dihantar balik". Nas perjanjian ini tidak merangkumt kaum wanita sama sekali, mengenai kejadian ini Allah telah menurunkan ayatNya yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman, apabila datang berhijrah padamu perempuan-perempuan yang beriman, maka hendaklah kamu uji mereka. Allah lebih mengetahui tentang keimanan mereka, maka jika kamu telah mengetahui bahawa mereka benar-benar beriman maka janganlah kamu kembalikan mereka kepada orang-orang kafir, mereka tiada halal bagi orang-orang kafir itu dan orang-orang kafir itu tiada halal pula bagi mereka. Dan berikanlah kepada suami-suami mereka mahar yang telah mereka bayar. Dan tiada dosa atas mu mengahwini mereka apabila kamu bayar kepada mereka maharnya. Dan janganlah kamu berpegang pada tali (perkahwinan) dengan perempuan-perempuan kafir "

(al-Mumtahanah: 10)

Biasanya Rasulullah menguji kaum wanita, berdasarkan firman Allah yang bermaksud:

"Apabila datang kepada mu perempuan-perempuan yang beriman untuk mengadakan janji setia, bahawa mereka tidak akan mempersekutukan sesuatu pun dengan Allah, tiada akan mencuri, tidak akan berzina, tidak akan membunuh anak-anak, tidak akan berbuat dosa yang mereka ada-adakan di antara tangan dan kaki mereka, dan tidak akan menderhakai mu dalam urusan yang baik, maka terimalah janji setia mereka dan memohonkanlah ampunan kepada Allah untuk mereka. Sesungguhnya Allah Maha mengampun lagi Maha Penyayang".

(al-Mumtahanah: 12)

Sesiapa dari mereka akur dengan syarat-syarat ini maka Rasul akan mengucap yang bermaksud:

"Sesungguhnya aku berbaiah dengan kau dan mereka ini tidak dipulangkan ".

Kaum muslimin, menceraikan isteri-isteri mereka yang kafir berdasarkan hukum ini, Umar ibni al-Khattab menceraikan dua orang isterinya yang kafir. Seorang darinya Muawiyah yang dikahwini olehnya dan seorang lagi oleh Sofwan bin Umaiyah.

FAEDAH-FAEDAH DARI SYARAT PERJANJIAN

Inilah perdamaian sementara Hudaibiah, sesiapa yang cuba memahami lebih mendalam terhadap butiran perjanjian di samping suasana yang melatarbelakangkannya, pasti menyakini yang ianya adalah kemenangan besar kepada umat Islam, sebelum ini Quraisy tidak mengiktiraf kehadiran umat Islam, malah pihak Quraisy berusaha membanteras mereka ke akar umbi dan menunggu untuk menyaksi kemusnahan mereka, pihak Quraisy sedang berusaha sedaya upaya dan sehabis tenaganya untuk menghalang penerusan dakwah Islamiah agar ianya tidak sampai kepada manusia ramai yang sifatnya sebagai

pemimpin agama dan dunia di Semenanjung Tanah Arab. Kecenderungan mereka untuk berdamai bererti mereka sudah mengiktiraf kekuatan Islam, syarat yang ketiga dengan seluruh isi kandungannya memperlihatkan, kini Quraisy sudah melupai peranan Islam sebagai pemimpin Arab, agama dan dunia, kerana sudah tidak peduli selain dirinya sahaja. Adapun orang lain dan semenanjung Arab semuanya, kalau hendak memeluk Islam pun tidak mengapa. Ianya tidak akan campur tangan langsung, yang penting hanya dirinya sahaja, tidakkah ini merupakan satu kekalahan yang amat parah? Bahkan ianya satu kemenangan yang cemerlang bagi Islam. Peperangan yang bermatlamatkan merampas harta benda, meragut nyawa dan membunuh manusia atau memaksa musuh supaya memeluk Islam, bukan tujuan pertama dan utama dari peperangan tadi, sebaliknya ialah mewujudkan satu kebebasan yang menyeluruh untuk manusia sejagat di dalam memilih akidah dan agama mereka.

"Siapa mahu, dia boleh beriman dan siapa mahu, dia boleh kufur".

(al-kahfi:29)

Hingga tidak berlaku satu penghalang di antara manusia dan kehendaknya, kini matlamat sudah pun tercapai dengan segala anasir dan ciri-cirinya. Boleh jadi dengan pencapaian dan kemenangan agung ini tidak berlaku lagi peperangan. Melalui perjanjian damai ini umat Islam telah memperolehi kebebasan besar di dalam dakwah, sebelum perjanjian, tentera Islam tidak lebih tiga ribu (3,000) orang sahaja, tetapi bilangan ini bertambah hingga sebelum pembukaan kota Makkah dalam tempoh dua tahun menjadi sepuluh ribu (10,000) orang.

Adapun syarat yang kedua yang merupakan bahagian kedua di dalam faktor kemenangan agung Islam, kerana kaum muslimin tidak merupakan pihak yang memulakan peperangan, tetapi Quraisylah pihak yang memulakan pergaduhan. Firman Allah yang bermaksud:

"Dan merekalah yang memulakan terhadap kamu pada kali pertama".

(al-Taubah: 13)

Sedangkan maksud kaum muslimin dengan rondaan ketenteraan mereka, tidak lebih dari menyedar dan mengingatkan Quraisy tentang

kesombongan dan halangannya terhadap usaha ke jalan Allah, supaya Quraisy jujur dan bertindak saksama terhadap kaum muslimin. Semua ini bertujuan agar setiap kem boleh beusaha dalam suasana yang selesa. Syarat menangguhkan peperangan untuk tempoh sepuluh tahun merupakan pembatasan terhadap kesombongan dan halangan Quraisy tadi dan sebagai tanda kegagalan orang yang mula menyalakan api peperangan, dan sebagai petanda kedhaifan dan keruntuhan mereka.

Manakala syarat perdamaian pertama mentafsirkan pembatasan kuasa Quraisy yang biasa menghalang peribadatan di masjid al-Haram, ianyajuga pertanda kekalahan Quraisy malah tiada suatu pun dari syarat-syarat perjanjian yang memberi kepuasan kepadanya selain dari sekadar menghalang pada tahun itu sahaja. Quraisy telah menghadiahkan percuma syarat-syaratnya yang tiga di atas kepada kaum muslimin, ianya menikmati syarat yang keempat, itu pun syarat yang tidak berfaedah sangat, yang tidak ada apa-apa erti pun, tidak pula membahayakan kaum muslimin, seperti yang diketahui bahawa selagi mana seorang muslim itu tetap muslim, beliau tidak akan lari dari Allah dan RasulNya, atau dari bandaraya Islam "al-Madinah" kecualilah kalau ianya murtad secara nyata atau rahsia, dan kalau ianya murtad maka Islam tidak memerlukannya lagi malah berpisahnya beliau dari masyarakat Islam lebih baik dari beliau tinggal di dalamnya, inilah apa yang diisyaratkan oleli Rasulullah di dalam sabdanya yang bermaksud:

"Sesungguhnya orang yang lari dari kita kepada mereka semoga dijauhkannya oleh Allah".

Adapun orang yang memeluk Islam dari penduduk Makkah dan tidak berpeluang untuk mendapat perlindungan di Madinah, namun bumi Allah masih luas, tidakkah al-Habsyah merupakan bumi luas untuk kaum muslimin mendapati perlindungan di sana? Terutama semasa penduduk al-Madinah belum menganut Islam. Inilah yang diisyaratkan oleh Rasulullah di dalam sabdanya yang bermaksud:

"Dan sesiapa yang mendatangi kita dari kem mereka, Allah akan menjadikan kepadanya kelapangan dan jalan keluar "

Perkiraan dan kewaspadaan pihak Quraisy seperti ini, meskipun seolah-

olah memperlihatkan usaha dan mempertahankan keagungan maruahnya, tetapi sekaligus menunjukkan kepanikan, keresahan, dan kelemahan mereka. lanya juga menunjukkan ketakutan mereka yang amat sangat tentang masa depan entiti berhala. Perjanjian ini bagaikan mereka sudah menduga dan merasa institusi dan kayanya sedang menunggu saat dan masa keruntuhan. Oleh itu wajarlah mereka membuat perhitungan seperti ini. Keterbukaan Rasulullah untuk tidak dipulangkan mana-mana individu yang lari dari Islam untuk menyertai Quraisy, sebenarnya adalah bukti bahawa Rasulullah bergantung dengan usaha-usaha pengukuhan sahsiah umat Islam sepenuhnya. Oleh itu Baginda tidak langsung curiga atau takut dengan syarat ini.

KAUM MUSLIMIN BERDUKACITA DAN UMAR BERBINCANG DENGAN NABI (S.A.W)

Apa yang kita bicarakan ialah intipati syarat-syarat perjanjian. Namun demikian terdapat dua fenomena yang membawa kaum muslimin seluruhnya berdukacita amat sangat.

Pertama: Sebelum ini Baginda telah memaklumkan sekalian masyarakat Islam bahawa mereka akan menziarahi Baitullah seterusnya bertawaf disekelilingnnya, tapi mengapa pula kini harus mereka pulang tanpa melaksanakan peribadatan tawaf itu?

Kedua: Sesungguhnya Rasulullah berada di atas kebenaran, dan Allah pula telah menjanjikan penampilan agamanya, tapi kini mengapa pula Rasulullah menerima tekanan Quraisy dan membiarkan Quraisy menjadi superior dalam proses damai ini? Dua gejala inilah yang menjadi titik pertanyaan, keraguan, kesangsian dan waham. Perasaan umat Islam tercabar kerananya, ianya telah mempengaruhi kewarasan untuk berfikir tentang natijah-natijah baik dari syarat-syarat perjanjian ini.

Boleh jadi Saidina Umarlah di antara orang yang paling bersedih, hingga dengannya beliau telah datang menemui Rasulullah untuk bertanya: "Wahai Rasulullah, tidakkah kita ini diatas kebenaran dan mereka di atas kebatilan". Jawab Rasulullah: "Bahkan". Kata Umar

lagi: "Tidakkah syahid-syahid kita di dalam syurga dan yang mati dikalangan mereka di dalam neraka?" Jawab Rasulullah: "Bahkan". Kata Umar: "Kalaulah demikian mengapa kita membenarkan kerendahan kepada agama kita, kita hendak pulang pula, kenapa Allah menghukum di antara kita dan mereka sebegini rupa?" Jawab Rasulullah: "Wahai anak al-Khattab! Aku ini Rasulullah, utusan Allah, masakan harus ku menderhakaiNya, Dialah Pembantuku, Dia tidak akan membiarkanku dan mengabaikan daku sama sekali". Kata Umar: "Tidakkah tuan hamba menceritakan kepada kita semua bahawa kita akan menziarahi Baitullah al-Haram dan bertawaf di sekelilingnnya?" Jawab Rasulullah: "Bahkan! Apakah ku katakan ditahun ini? Jawab Umar: "Tidak". Kata Rasulullah: "Tetapi kau akan menziarahinya dan bertawaf di sekelilingnya".

Umar beredar dari situ dengan hati membawa kemarahan untuk menemui Abu Bakr, bila bertemu seraya bersoal-jawab seperti apa yang beliau lakukan dengun Rasulullah dan menegaskan lagi. Jawab Abu Bakr: "Umar! Kau mestilah berpegang dengannya hingga ke akhir hayatmu, demi Allah sesungguhnya Baginda adalah Rasulullah yang berada di atas kebenaran. Kemudian turunlah firman Allah bermaksud:

"Sesungguhnya kami menangkan engkau dengan satu kemenangan yang nyata "

(al-Fath: 1)

Rasulullah menyampaikan ayat ini kepada Umar, maka beliau bertanya: "Wahai Rasulullah apakah ianya kemenangan?" kata Rasulullah: "Ya". Dengan itu jiwa Umar kembali tenang. Selepas itu Umar menyesal dan berdukacita di atas sikapnya itu, maka kata beliau: Untuk itu maka aku lakukan kerja-kerja amal, terus ku bersedekah, berpuasa, sembahyang, dan memerdekakan hamba-hamba sahaya bagi menggantikan tindakan ku di hari itu, kerana ku takut di atas keceluparan percakapan ku itu, dengan harapan semoga semuanya itu hanyalah untuk kebaikan semata-mata.

MAKA SELESAILAH KRISIS GOLONGAN MUSTADHAFIN

Sekembalinya Rasulullah ke Madinah, Baginda terasa aman seketika suasananya, tiba-tiba salah seorang Islam, yang teraniaya di Makkah dan disiksa terlepas lari dari kurungan Quraisy, beliau dikenali sebagai Abu Basir dari Banu Thaqif sekutu Quraisy, pihak Quraisy segera menghantar dua orang utusannya buat menemui Rasulullah, maka kata utusan itu kepada Rasulullah: "Kami datang ini kerana perjanjian yang kami meteraikan itu", Rasulullah pun segera menyerahkan Abu Basir kepada dua orang utusan tadi, kedua mereka membawa pulang Abu Basir ke Makkah hingga apabila mereka sampai ke tempat bernama "ZulHulaifah" mereka pun berhenti dan memakan bekalan mereka iaitu buah tamar, kata Abu Basir: "Aku tengok pedang kamu itu istimewa juga". Beliau pun mencabut pedangnya, dengan berkata: "Memang benar, Demi Allah ianya benar-benar istimewa, aku telah cubanya berulang kali" Kata Abu Basir: "Cuba aku tengoknya".

Sebaik sahaja beliau memegangnya terus beliau membunuh tuannya. Yang seorang lagi lari hingga sampai ke Madinah, beliau berlari hingga ke dalam masjid, apabila Rasulullah melihatnya Baginda berkata: "Orang ini mendapati sesuatu yang menakutkan beliau". Apabila sampai di hadapan Rasulullah terus beliau berkata: "Kawanku telah pun dibunuh, dan aku pun hampir-hampir dibunuhnya juga". Setelah itu Abu Basir pula menyusul tiba lantas berkata: "Wahai nabi Allah, demi Allah kini Allah sudah pun menunai tanggungjawabmu, kerana kau kembalikan ku ke pangkuanmu, nah! sekarang Allah membebaskan daku". Jawab Rasul: "Duhai ibuku, ini satu angkara pula, inilah pencetus peperangan, seandainya ada seorang lagi...., bila beliau mendengar kata-katanya ini beliau yakin yang Baginda akan menghantar beliau semula kepada pihak Quraisy, dengan itu terus beliau lari dari situ hingga sampai ke kawasan bernama "Saiful Bahri". Di masa yang sama Abu Jandal bin Suhail terlepas lari dari Makkah, malah terus beliau menyertai Abu Basir hingga terkumpul di sana sebilangan orang Islam yang terlepas lari dari Quraisy semua mereka menyertai Abu Basir. Demi Allah apabila mereka mengetahui ada

kafilah Quraisy yang keluar untuk ke negeri Syam terus mereka memintasnya, membunuh orangnya menawan hartanya, akhirnya Quraisy terpaksa mengutus utusan, meminta kasihan belas Rasulullah; iaitu sesiapa yang lari dari Makkah menyertai Baginda, adalah bebas, dengan itu nabi pun memberitahu mereka supaya masuk Madinah.

SATRIA-SATRIA QURAISY MEMELUK ISLAM

Dipermulaan tahun ke tujuh (7) Hijrah, selepas perjanjian al-Hudaibiah, Amru bin al-A'as, Khalid bin al-Walid dan Uthman bin Talhah mendapat hidayah memeluk Islam. Setibanya mereka di hadapan Rasulullah, Baginda bersabda: "Ini dia Makkah telah mencampak kepada kita buah hati kesayangannya".

MARHALAH KEDUA:

SATU PERKEMBANGAN BARU

Sesungguhnya perjanjian al-Hudaibiah adalah satu era baru kepada perkembangan Islam dan perjuangan umatnya. Sebelum ini, Quraisy merupakan kuasa terkuat terangkuh, sombong dan bongkak memusuhi Islam. Dengan penarikan diri dari kancah peperangan kepada meja perdamaian dan keamanan bererti salah satu dari tiga sayap kuat barisan bersekutu telah patah (Quraisy, Ghatafan dan Yahudi). Quraisy mewakili kuasa penganut-penganut berhala, dan pimpinannya di bumi Arab; kini perasaan golongan penyembah berhala (al-Wathani) menurun, sikap permusuhan mengurang, sebab itu kita melihat pelanggaran Ghatafan terhadap Islam tidak sebesar sebelum perjanjian, itu pun kerana rangsangan golongan Yahudi.

Manakala kaum Yahudi pula menjadikan Khaibar sebagai sarang konspirasi dan pakatan jahat mereka selepas pembuangan dari bumi Yathrib, ianya menjadi sarang pembiakan kader-kader syaitan yang memarak api-api fitnah, darinya juga terkeluar insentif-insentif kepada Arab-Arab Badwi yang bermaustautin di pinggir-pinggir al-Madinah. Azam membenteras Nabi (s.a.w) dan kaum muslimin tidak kunjung padam dari kesumat mereka atau setidak-tidaknya menimpakan kaum muslimin dengan kerugiait-kerugian yang parah. Oleh itu langkah

terawal dan tegas yang diambil oleh Rasulullah selepas perjanjian al-Hudaibiah ialah melancarkan serangan habis-habisan ke atas sarangnya.

Marhalah yang dilalui oleh kaum mlislimin selepas perdamaian, memberi peluang paling baik untuk mengembangkan dakwah Islamiah. Keaktifan mereka berlipat-ganda di ruang dakwah, kecergasan mereka terserlah di dalam sektor ini, lebih dari kecergasan mereka disektor ketenteraan, maka sebab itu kami berpendapat ada baiknya marhalah ini dibahagikan kepada dua:

1. Aktiviti di medan dakwah atau perutusan kepada raja-raja dan gabenor-gabenor.

2. Aktiviti ketenteraan.

Sebelum kita meneruskan pembicaraan mengenai kecergasan ketenteraan di dalam marhalah ini, terlebih dahulu kita bicarakan tajuk perutusan kepada raja-raja dan gabenor-gabenor, kerana dakwah Islamiah merupakan keutamaan, malah lantarannyalah kaum muslimin mengalami segala fitnah, kesakitan, peperangan, penindasan, kegawatan dan kekacauan.

PERUTUSAN KEPADA RAJA-RAJA DAN GABENOR-GABENOR

Di penghujung tahun keenam (6) Hijrah iaitu semasa kepulangan Rasulullah dari al-Hudaibiah, Baginda telah mengutuskan surat kepada golongan raja-raja menyeru mereka kepada al-Islam. Apabila Rasulullah hendak menulis surat-surat ini kepada raja-raja berkenaan maka Baginda telah dinasihati dengan kata mereka: "Golongan raja-raja ini tidak akan menerimanya kalau surat-surat itu tidak bercop mohor justeru itu, Rasulullah mengunakan mohor yang diperbuat dari perak, berukir dipermukaannya lafaz-lafaz "Muhammad Rasulullah", tiap-tiap lafaz pada barisan yang tersendiri.

Rasulullah memilih dari kalangan sahabatnya yang berpengetahuan lagi berpengalaman sebagai utusan-utusan, mereka diutuskan kepada raja-raja. Al-Allamah al-Mansurfuri telah memastikan bahawa Rasulullah menghantar mereka semua pada awal Muharam tahun ketujuh (7) beberapa hari sebelum baginda keluar ke Khaibar. Berikut diturunkan

nas-nas risalah yang terutus itu dan natijah yang diperolehi selepasnya.

1. Risalah kepada al-Najasyi, Maharaja al-Habsyah

Al-Najasyi ini bernama Ashamah bin al-Abhar, Rasulullah menulis kepadanya yang di bawa oleh Amru bin Umaiyah al-Dhamri di akhir tahun keenam atau pada Muharam tahun ke tujuh (7) Hijrah, al-Tabari telah merakam nas risalah, namun setelah kita meneliti dengan cermat nas berkenaan, ianya bukanlah nas risalah yang ditulis oleh Rasulullah selepas al-Hudaibiah. Malah ianya boleh jadi nas risalah yang dibawa oleh Jaafar bin Abi Talib bersama-sama sahabatnya yang telah keluar berhijrah ke al-Habsyah, semasa baginda masih di Mekah belum berhijrah lagi. Kerana di dalamnya tersebut nama-nama mereka yang berhijrah di penghujung surat, dengan lafaz berikut:

(Dan sesungguhnya ku kirimkan kepada kamu anak saudaraku Jaafar dan beberapa orang Islam bersama-sama dengannya, sekiranya beliau sampai, terimalah mereka dan kuharapkan dapat tinggalkanlah sifat sombongmu itu).

Imam al-Baihaqi telah meriwayatkan dari Ibnu Ishak satu nas risalah yang ditulis oleh Rasulullah kepada al-Najasyi, seperti berikut:

Inilah risalah dari Muhammad sifatnya sebagai Nabi, kepada al-Najasyi, salam sejahtera kepada pengikut cahaya hidayat, beriman dengan Allah dan RasulNya, mengakui tiada Tuhan melainkan Allah Yang Esa, tiada sekutu bagiNya, tiada teman dan anak; dan sesungguhnya Muhammad itu hambaNya dan pesuruhNya, aku ini Rasulullah dan anutlah Islam nescaya kamu selamat.

Wahai ahli kitab! marilah kepada suatu kalimah yang tidak ada perselisihan antara kami dan kamu, bahawa kita tidak sembah kecuali Allah dan kita tidak persekutukan Dia dengan sesuatu pun dan tidak pula sebahagian kita menjadikan sebahagian yang lain sebagai tuhan selain Allah. Jika mereka berpaling, maka katakanlah kepada mereka: "Saksikanlah bahawa kami adalah hamba yang menyerahkan din kepada Allah". Sekiranya kamu menolak maka atas kamulah dosa-dosa kaum al-Nasrani bangsa kau itu.

Pengkaji terkenal Doktor Hamidullah telah mengemukakan kandungan

risalah yang baru beliau ketemui beberapa ketika yang lepas, seperti mana yang diturunkan oleh Ibnu al-Qayyim dengan beberapa kelainan pada beberapa lafaz sahaja. Doktor Hamidullah telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menyelidiki kandungan tersebut disokong dengan penemuan-penemuan semasa, justeru itu beliau memuat gambar risalah berkenaan ke dalam kitabnya, seperti berikut yang bermaksud:

"Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih"

Dari Muhammad Rasulullah kepada al-Najasyi Yang Di Pertuan Agung negara Habsyah, salam sejahtera ke atas orang yang mengikuti hidayah. Adapun selepas itu, bahawa sesungguhnya daku memujimu Allah yang tiada Tuhan melainkan Dialah Tuhan "al-Malik al-Quddus, al-Salam, al-Mu 'min al-Muhaimin. daku mengakui bahawa Isa adalah anak Mariam roh Allah dan kelebihanNya, yang dicampak kepada Mariam yang tulus murni suci, maka dengannya beliau mengandung Isa dari rohNya dan tiupanNya, seperti mana dicipta Adam dengan tanganNya, dan kini aku menyeru kamu kepada Allah yang Esa tiada sekutu bagiNya, memberi ketaatan kepadanya, hendaklah kamu mengikuti ku, beriman dengan yang diturun kepada ku, sesungguhnya aku adalah utusan Allah, aku mengajak kau dan tentera kau kepada Allah Azzawajalla. Sebenarnya telahpun ku sampaikan dan menasihati, maka terimalah nasihat ku ini, dan salam ke atas orang yang mengikut hidayat".

Yang berbahagia Doktor Hamidullah menegaskan inilah nas Risalah yang ditulis oleh Rasulullah (s.a.w) kepada al-Najasy selepas perdamaian al-Hudaibiah. Adapun kesahehan nas ini tidak diragui, setelah diteliti bukti-buktinya, manakala apa yang dikemukakan oleh al-Baihaqi diriwayatkan Ibnu Ishak lebih menyamai dengan risalah-risalah yang ditulis oleh Rasulullah kepada raja-raja dan gabenor-gabenor Nasrani selepas perdamaian al-Hudaibiah kerana di dalamnya tersebut ayat al-Quran (terjemahannya):

"Hai Ahli al-Kitab marilah kamu kepada kalimah yang bersamaan antara kami dan kamu, bahawa tiada yang kita sembah melainkan Allah dan tiada kita mempersekutuinya degan sesuatu , pun dan tiada

sesetengah kita menganggap yang lain menjadi Tuhan, selain dari Allah. Kalau mereka berpaling, kamu katakanlah: Jadi saksilah kamu, bahawa kami ini orang-orang Islam "

Kiranya inilah kebiasaan Rasulullah mengutus risalah kepada raja-raja Nasrani, di samping itu al-Baihaqi juga telah menyebut nama al-Ashamah dengan jelas. Sedang nas yang dikemukakan oleh Dr. Hamidullah pada pendapat saya ialah risalah yang ditulis oleh Rasulullah (s.a.w) selepas kematian al-Ashamah yang dituju kepada penggantinya maka sebab itu tidak disebut nama al-Ashamah.

Urutan risalah yang saya sebutkan ini tidak ada satu bukti jelas, selain dari pengakuan isi kandungan risalah itu sendiri sebagai buktinya. Tetapi yang peliknya Dr. Hamidullah menegaskan bahawa risalah yang disebut oleh al-Bahaiqi riwayat Ibnu Abbas itu adalah nas risalah yang ditulis oleh Rasulullah selepas kematian Ashamah kepada penggantinya, sedang padanya disebut nama Ashamah secara terang-terangan. Ilmu sebenarnya hanya pada Allah.

Sebaik sahaja Amru bin Umaiyah al-Dhamri sampai ke Habsyah, terus beliau serahkan risalah Rasulullah kepada raja al-Najasyi, beliau mengambil risalah tersebut dan menyanjungnya dengan meletakkannya ke atas matanya, dan bergerak turun dari singgahsananya, segera beliau memeluk Islam di hadapan Jaafar bin Abi Talib dan beliau menulis surat kepada nabi Muhammad (s.a.w) sebegini nasnya yang bermaksud:

"Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang "Kehadapan Muhammad Rasulullah dari al-Najaysi Ashamah, Salam sejahtera dan Allah ke atas engkau wahai nabi Allah, Rahmat Allah dan berkatNya, Allah yang tiada Tuhan selainNya, Adapun selepas ini: Telahpun sampai ke tangan ku risalah mu wahai Rasulullah. Sehubungan bicara mu mengenai hal Isa, demi Tuhan Petala Langit dan Bumi sebenarNya Isa tidak lebih dan apa yang tuan hamba sebutkan, memang baginda seperti yang tuan hamba sebutkan itu, kami memahami apa yang engkau utuskan kepada kami itu, kami telahpun menerima anak saudara dan sahabat-sahabat tuan hamba itu sebagai tetamu kami, di tangannya ku menyerah diri kepada Allah Tuhan Rabul

Alamin.

Dan nabi telah pun meminta al-Najasyi supaya mengirim pulang Jaafar dan orang yang bersamanya, Muhajirin al-Habsyah, dengan itu al-Najasyi pun menghantar mereka bersama-sama Amru bin Umaiyah al-Dhamri di dalam dua buah kapal. Jaafar selamat sampai ke Madinah semasa baginda di Khaibar. Al-Najasyi telah wafat di bulan Rejab tahun kesembilan Hijrah (9) selepas peperangan Tabuk. Rasulullah menyampaikan berita kewafatan beliau ini, malah Rasulullah bersembahyang ghaib ke atasnya, setelah itu takhtanya disandang oleh raja-iaja lain sebagai penggantinya dan sekali lagi Rasulullah menghantar surat menyeru beliau kepada Islam, di sini tidak diketahui samada beliau memeluk Islam atau tidak.

2. Risalah kepada al-Maquqis Raja Mesir

Nabi (s.a.w) telah menulis sepucuk risalah kepada Juraij bin Matta yang bergelar al-Maquqis Raja Mesir dan Iskandariah.

Dari Muhammad hamba Allah dan utusanNya kepada al-Maquqis Pembesar Qibti, salam sejahtera ke atas yang mengikut hidayat. Adapun selepas itu, maka saya menyeru engkau dengan seruan Islam, anutilah Islam nescaya selamatlah tuan, anutilah Islam nescaya Allah berikan tuan dua pahala, kalau tuan berpaling tadah, maka tanggunglah dosa orang Qibti semuanya Wahai ahli kitab! Marilah kita kepada suatu yang tidak ada perselisihan antara kami dan kamu, bahawa kita tidak sembah kecuali Allah dan kita tidak persekutukannya dengan sesuatu dan tidak pula sebahagian kita menjadikan sebahagian yang lain sebagai tuhan melainkan Allah. Jika mereka berpaling, maka katakan kepada mereka: "Saksikanlah, bahawa kami adalah hamba yang menyerahkan diri kepada Allah".

Rasulullah memilih Hatib bin Abi Baltaah untuk membawa risalah ini, kepada al-Maquqis. Sebaik sahaja beliau di hadapannya Hatib pun berkata: "Pemerintah sebelum kau ini telah mendakwa dirinya sebagai Tuhan tertinggi maka Allah mengutuknya di dunia dan akhirat, dengan itu Allah menghukum ke atasnya dengan bala dan azabNya, harap

kiranya kau boleh mengambil pengajaran darinya, dan jangan biarkan diri kau menjadi bahan pengiktibaran orang kemudian." Jawab Maquqis: "Sebenarnya kami ada agama pegangan tersendiri, kami tidak akan meninggalkannya kecuali kepada ajaran yang lebih baik darinya." Maka jawab Hatib: "Di sini kami menyeru kamu kepada agama Islam di mana Allah memberi jaminan penyempurnaannya dengan yang tidak terdapat pada ajaran- ajaran lain, sesungguhnya Nabi (s.a.w) ini menyeru manusia kepadanya, dan Quraisy adalah sekuat-kuat penentangnya, sejahat-jahat seterunya adalah kaum Yahudi dan yang terdekat kepadanya adalah kaum Nasrani, demi sesungguhnya bisyarah(berita baik) Musa tentang Isa adalah sama seperti bisyarah Isa tentang Muhammad, kami menyeru kamu kepada al-Quran, sama seperti kau menyeru penganut-penganut al-Taurat kepada al-Injil, setiap yang sempat dengan satu kaum yang sebelum maka kaum itu dianggap sebagai kaumnya yang harus diseru kepada ajarannya, dan mereka berkewajipan mentaatinya, tuan adalah di antara orang yang sempat dengan nabi ini. Kami tidak melarang kau dari agama al-Masih tetapi kami menyeru kau ke arah itu." Jawab al-Maquqis: "Sesungguhnya telahpun ku merenung perkara Nabi ini, maka ku dapati suatu hal yang tidak boleh dilepaskan dan tidak boleh dihalangi orang yang inginkannya, tidak pula ku dapat semacam rnana amalan sihir yang boleh menyesatkan, tidak pula sebagai paderi yang mendusta, malah bersama beliau tanda-tanda kenabian yang boleh merungkai rahsia tersembunyi, seterusnya boleh mencerita penelahan masa depan, semua ini akan ku fikir."

Dengan itu beliau mengambil bingkisan Rasulullllah itu, dimasukkan ke dalam tabung yang diperbuat dari gading dan ditutup lalu diserahkannya kepada perempuan suruhannya. Dan dipanggil seorang kerani untuk menulis bingkisannya dengan bahasa Arab, untuk Rasulullah:

"Dengan nama Allah Yang Amat Pemurah Lagi Penyayang" Untuk Muhammad bin Abdullah dari al-Maquqis pembesar Qibti salam sejahtera ke atas mu, ada pun selepas ini, telahpun ku tatapi bingkisan

mu itu dan ku faham segala yang tersurat di dalamnya juga dengan apa yang kau serukan itu, di dalam pengetahuan ku memang seorang Nabi masih tertinggal lagi. Pada sangkaan ku ianya akan diutuskan di negeri al-Syam, dan ku telah memuliakan utusan kau, bersamanya ku kirimkan dua orang perempuan untuk kau, mereka berdua mempunyai kedudukan mulia pada orang-orang Qibti, kain pakaian, ku hadiahkan seekor baghal untuk kau tunggangi dan salam ke atas kau.

Tidak lebih dari itu dan beliau tidak memeluk Islam, dua orang perempuan ialah Mariah dan Sirin, baghal Waldal hidup hingga ke zaman Muawiyah, manakala Mariah dijadikan sebagai jariahnya, darinya Rasulullah mendapat anak lelakinya Ibrahim, Adapun Sirin diberinya kepada Hassan bin Thabit al-Ansari.

3. Bingkisan kepada Kisra Raja Parsi

Rasulullah (s.a.w) telah menghantar bingkisan kepada Kisra raja Parsi:

"Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang "Dari Muhammad utusan Allah kepada Kisra Pembesar Parsi, salam sejahtera ke atas yang mengikuti hidayat, beriman dengan Allah dan RasulNya, dan bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah Yang Esa tiada sekutu bagiNya dan Muhammad itu hamba dan pesuruhNya, di sini ku menyerukan kau dengan seruan Allah, maka sesungguhnya aku adalah Rasulullah diutuskan kepada manusia sekalian, memberi inzar kepada sesiapa yang hidup, memberi kata benar kepada kaum kafirin, anutilah Islam nescaya kau selamat, sekiranya kau menolak maka tanggunglah dosa-dosa penganut Majusi sekalian.

Rasulullah memilih Abdullah bin Huzafah al-Sahmi untuk membawa risalah berkenaan. Kemudian al-Sahmi menyerahkan risalah itu kepada pembesar al-Bahrin, di sini kita tidak dapat pasti apakah pembesar al-Bahrin telah menghantar risalah itu dengan perantaraan salah seorang dari orang-orangnya atau apakah beliau terus menghantar Abdullah al-Sahmi sendiri ke sana. Walau bagiamanapun, Kisra bertindak mengoyak-ngoyak risalah itu selepas beliau membacanya dan berkata dengan penuh kesombongan dan bongkak: "Salah seorang dari

hambaku yang hina di dunia, telah berani menulis namanya sebelum nama ku." Bila peristiwa ini sampai ke pengetahuan Rasulullah (s.a.w) maka baginda berkata: "Allah hancurkan pemerintahannya", dan memang berlaku sebagaimana kata Rasulullah (s.a.w) itu, terdahulu dari itu Kisra telah menulis surat kepada "Bazan" wakilnya di negeri al-Yaman berbunyi: "Hantarkan dua orang kuat kita ke Hijaz, kemudian tangkapkan lelaki itu dan bawa ke mari. "Bazan" pun menurut perintah dan menghantar dua orang, mereka berdua ini membawa risalah kepada Rasulullah meminta baginda turut sama ke dewan Kisra di Parsi, sebaik sahaja dua orang suruhan ini sampai ke Madlnah dengan berkata kepada Rasulullah (s.a.w): "Sebenarnya Maharaja Syahinsyah Kisra telah pun menulis surat kepada raja "Bazan" menyeru beliau membawa tuan hamba kepadanya, untuk itu "Bazan" telah menghantar daku supaya membawa tuan ke sana, malah kata-katanya penuh ugutan, namun Rasulullah (s.a.w) meminta mereka berdua menemui baginda pada keesokan harinya.

Di masa yang sama telah berlaku satu pemberontakan besar di dalam istana terhadap Kisra, selepas tenteranya menerima kekalahan teruk dari tentera Qaisar Roman. Anaknya Syirowih bin Kisra telah membunuh bapanya dan merampas takhtanya itu, kejadian itu berlaku pada malam selasa sepuluh terakhir Jamadil al-Awal tahun ke tujuh (7) Hijrah, semuanya ini di dalam pengetahuan Rasulullah (s.a.w) melalui wahyu yang diturunkan kepada baginda. Semasa pertemuan mereka di keesokan hari, Rasul memberi tahu mereka mengenai kejadian rampasan kuasa dan cerita selengkapnya, tanya mereka berdua: "Apakah tuan mengetahui semuanya ini? Sebenarnya kami telah memarahi ke atas kamu semua qadar yang ringan, mahukah tuan hamba agar semua ini kami rakam dan menceritakan kepada raja di sana. Jawab Rasulullah: Ya! "Ceritakanlah kepada raja di sana sesuatu mengenai diriku di sini, malah katakan kepadanya lagi: Bahawa agama ku dan kuasaku akan melewati semua daerah kekuasaan Kisra, kuasa ku akan sampai ke tempat terakhir tersampainya pecutan kuda dan langkahan unta, malah ceritakan kepadanya lagi, sekiranya beliau

memeluk Islam akan ku serahkan kekuasaan yang ada padanya di hari ini, akan ku letakkannya sebagai pemerintah ke atas rakyatnya dan pemerintahannya akan diwarisi oleh anak-anaknya." Mereka berdua pun keluar dari Madinah untuk menemui Bazan dan kepadanya mereka menceritakan kisah sepenuhnya.

Tidak berapa lama kemudian tiba perkhabaran menceritakan tentang kematian Kisra yang telah dibunuh oleh anaknya sendiri yang bernama Syirowih dalam perutusan Syirowih, beliau menyebut: "Sila ambil perhatian terhadap lelaki yang bapaku tulis mengenainya, sekali-kali jangan kau mencelanya hinggalah datangnya kepada kau perintah ku. Kesemua peristiwa ini telah membawa "Bazan" bersama-sama orangnya rakyat Parsi yang berada di sampingnya memeluk Islam.

4. Risalah kepada Qaisar Raja Rom

Di dalam satu hadith panjang periwayatan al-Bukhari, mengenai nas kandungan risalah yang telah dikirim oleh Nabi (s.a.w) kepada raja Rom yang bernama Heracules seperti berikut:

"Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang "Dari Muhammad hamba Allah dan utusannya kepada Heracules pembesar Rom, salam sejahtera ke atas yang mengikuti hidayah, anutilah Islam kau akan selamat, anutilah Islam kau akan diberi ganjaran dua kali ganda, sekiranya kau berpaling tadah maka kau memikul beban dosa golongan Arisin. Wahai ahli kitab, marilah kamu kepada kalimah yang bersamaan di antara kami dan kamu, bahawa tiada yang kita sembah kecuali Allah dan tidak kita mempersekutukannya dengan sesuatu pun dan tidak sesetengah kita mengangkat yang lain menjadi tuhan selain dari Allah, kalau mereka berpaling, kamu katakanlah: "Jadi saksilah kamu, bahawa kami orang-orang Islam".

Rasulullah (s.a.w) telah memilih Duhaiyah bin Khalifah al-Kalabi untuk membawa risalahnya kepada Heracules itu, dengan menyerahkannya kepada pembesar Basra untuk dibawanya kepada Qaisar, al-Bukhari telah meriwayatkan dari Ibnu Abbas sebuah Hadith mengenai kisah yang diceritakan oleh Abu Sufian kepadanya, semasa

beliau bersama-sama rombongannya yang sedang di negeri al-Syam, bahawa pihak Heracules telah menjemput beliau; ini adalah semasa Rasulullah berdamai dengan Quraisy, mereka datang kepadanya di Ilya. Heracules menjemput mereka dalam satu majlisnya yang dikelilingi oleh pemuka-pemuka Rom, bersama mereka juga dijemput penterjemah, lantas beliau bertanya: "Siapa di antara kamu yang terdekat hubungan kekeluargaan dengan tokoh yang mendakwa dirinya sebagai nabi?" Kara Abu Sufian: "Dakulah yang terdekat." Kata Heracules, "Ayuh tampil ke mari", kemudian beliau dan kawan-kawannya itu mendekatinya, beliau semua duduk di belakang Abu Sufian.

Kemudian Heracules berkata kepada penterjemahnya: "Sebenarnya aku hendak tanya mengenai lelaki itu, sekiranya beliau ini mendustai daku kamu semua sebutkan pembohongannya itu." Kata Abu Sufian: "Kalau tidak kerana malu yang akan ditunjukkan kepada ku nescaya ku dusta sahaja di hari itu mengenai Muhammad." Kata Abu Sufian: "Seawal soal yang dihadapkan kepadaku ialah : "Bagaimana hubungan kekeluargaannya dengan kamu?" Kata ku; "Dengan kami baginda berketurunan baik". Tanya beliau: "Apakah dakwaan-dakwaannya itu ada orang lain sebelum ini pernah perkatakan?" Jawab ku: "Tak ada." Tanya beliau: "Adakah sebelum ini bapanya keturunan raja-raja?" Jawab ku: "Tiada". Tanya beliau lagi: "Golongan bangsawankah atau golongan lemahkah yang mengikutinya?" Jawab ku: "Malah golongan lemah". Tanya beliau: "Apakah mereka saban hari semakin bertambah atau berkurangan". Jawabku: "Malah semakin bertambah." Tanya beliau lagi: "Apakah terdapat penganut agamanya murtad kerana memarahi agamanya?" Jawab ku: "Tak ada". Tanyanya lagi: "Apakah sebelum ini kamu menempelak beliau sebagai pendusta, sebelum beliau menganjur agamanya?" Kataku: "Tidak sama sekali, malah sepanjang pergaulan kami denganya tidak pernah kami alami darinya sikap seperti ini." Kata ku dalam diri di masa ini: "Tidak a da satu perkataan lain yang dapat ku masukkan dicelah-cel&hnya." Kemudian tanya beliau lagi: "Bagimana perscngketaan kamu dengannya?" Jawab ku:

"Persengkataan kami dengannya amat sengit, kadang-kadang kami menang, dan kadang-kadang beliau menang." Katanya lagi: "Apa yang beliau suruh kamu? Jawabku: "Beliau menyuruh kami dengan katanya: Hendaklah kamu semua menyembah Allah Yang Esa, jangan sekali-kali kamu menyekutuiNya dengan barang sesuatu pun. Hendaklah tinggalkan apa yang diperkatakan oleh nenek moyang kami, Baginda juga menyuruh kami menunaikan solat, bersedekah, bersihkan hati dan tindakan, serta menghubung silaturrahim."

Kemudian kata Heracules kepada penterjemahnya: Katakan kepadanya: "Aku telah pun bertanya kepada kamu mengenai nasab keturunannya maka kamu menjawab yang beliau ini mempunyai hubungan keturunannya. Demikian halnya dengan para Rasul, sememangnya diutuskan kepada bangsa keturunannya, kemudian ku tanya kamu apakah ada orang sebelumnya yang membawa ajaran ini, kamu jawab tidak, apa yang dapat ku simpulkan di sini ialah kalau sekiranya sudah ada orang lain sebelum ini telah bercakap mengenai ajaran ini, nescaya ku katakan ianya tidak lebih dari mengikuti orang yang sebelumnya, ku tanya kamu, apakah datuk neneknya dari golongan raja-raja, dan kamu katakan tidak, untuk itu aku berkata: Kalaulah ianya dari keturunan raja-raja, akan ku tuduh beliau ini menuntut takhta emak bapanya, seterusnya ku bertanya apakah pernah kamu menuduh beliau sebagai pendusta sebelum beliau membawa ajarannya, kamu jawab: tidak berlaku semua itu, maka pastilah bagiku, bahawa tidak mungkin beliau meninggalkan sikap dustanya dengan manusia untuk mendustai Allah. Ku bertanya: Apakah keseluruhan ahli al-Sirah menyebut bahawa Sariyah ini berlaku sebelum al-Hudaibiah, ianya satu kesalahan yang nyata, kerana penghantaran risalah kepada Qaisar dibuatnya selepas al-Hudaibiah, sebab itulah maka Ibnu al-Qayyim mengatakan. dengan lafaznya: "Peristiwa ini berlaku selepas perjanjian al-Hudaibiah tanpa ragu-ragu lagi".

5. Risalah kepada al-Munzir bin Sawi

Nabi (s.a.w) mengutus risalah kepada al-Munzir bin Sawi pemerintah

al-Bahrain, menyeru beliau kepada Islam. Rasulullah (s.a.w) memilih al-'Ala' bin al-Hadhrami untuk menyampaikan risalahnya itu, sebagai jawapan al-Munzir telah menulis kepada Rasulullah (s.a.w) seperti berikut:

Ada pun selepas itu wahai Rasulullah, sebenarnya telahpun ku baca bingkisan tuan hamba itu kepada penduduk al-Bahrain, di antara mereka gemarkan Islam dan kagum dengannya dan sebahagian yang lain membencinya, di bumi ku ini terdapat penganut Majusi dan Yahudi, maka berlaku sesuatu hal di sini mengenai seruan tuan hamba itu.

Rasulullah (s.a.w) membalas semula kepadanya:

"Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang " Dari Muhammad Utusan Allah kepada al-Munzir bin Sawi salam ke atas kau. Maka sesungguhnya kepada Engkau Allah, aku memuji yang tiada Tuhan selainNya dan ku mengaku bahawa Muhammad adalah hambaNya dan pesuruhNya, adapun selepas itu aku mengingatkan kau dengan Allah Azzawajala, maka sesungguhnya sesiapa yang menasihat sebenarnya beliau menasihati dirinya, dan sesiapa yang mentaati ku dan sesiapa yang menasihatkan mereka bererti telah menasihatiku. Sebenarnya para utusan ku telahpun memuji kau dengan baik, sesungguhnya melalui kau aku memberi syafaat ku kepada kaum kau, oleh itu biarlah kaum muslimin dengan kebebasan mereka dan pengampunan kau terhadap pesalah-pesalah, maka terimalah mereka. Sekiranya kau terus soleh dan baik maka kami tidak akan memecatkan kau dari tugas dan sesiapa yang masih dengan pegangan Yahudi atau Majusinya ianya wajib membayar jizyah.

6. Risalah kepada Hauzah bin Ali penguasa al-Yamamah

Nabi (s.a.w) telah menulis kepada penguasa al-Yamamah Hauzah bin Ali.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang dari Muhammad pesuruh Allah kepada Hauzah bin Ali, salam kepada yang mengikuti hidayah, ketahuilah bahawa agama ku ini akan tampil ke

akhir tempat tersampainya pecutan kuda dan langkahan unta, peluklah Islam akan selamat kau dan akan ku kalahkan segala sesuatu yang di bawah kekuasaan kau itu.

Rasulullah memilih Salit bin Amru al-Amiri untuk membawa risalahnya kepada Hauzah, setibanya Salit ke hadapan Hauzah dengan surat yang bermohor itu selepas memberi salam hormat kepadanya, beliau terus membaca risalah berkenaan. Hauzah membalas jawapan yang tidak selayaknya. Dari situ beliau menulis surat balas kepada nabi (s.a.w) dengan katanya: "Betapa eloknya yang kau serukan kepadanya itu, bangsa Arab semuanya menggeruni kedudukan ku ini, oleh itu peruntukan kepada ku sebahagian dari kuasa mu itu, maka bolehlah ku ikutmu, Hauzah memberi hadiah kepada Salit, dan persalinan pakaian buatan "Hajar", namun hadiah-hadiah itu diserahkannya kepada Rasulullah (s.a.w), dengan menceritakan kisah selengkapnya.

Rasulullah membaca risalah, yang ditulis Hauzah kepada baginda (s.a.w) dan bersabda: "Kalau beliau pinta dari ku sebidang tanah tak akan ku berinya, musnah dan musnah segala apa yang di dalam kekuasaannya". Sekembalinya Rasulullah dari pembukaan Makkah Jibril telah mendatangi baginda memberitahu bahawa Hauzah telah mati, maka kata Rasulullah (s.a.w): "Adapun sesungguhnya dari al-Yamamah itulah akan keluarnya seorang pendusta mendakwa sebagai nabi, akan dibunuh selepas ku kembali kepada Allah". Maka bertanya seorang sahabat: "Wahai Rasulullah ! Siapakah yang akan membunuhnya?" Jawab Baginda: "Engkau dan sahabat-sahabat kau ini", maka berlakulah kejadian sebagaimana yang disebutkan Rasulullah (s.a.w) itu.

7. Risalah kepada AI-Harith bin Abi Syamar al-Ghassani pemerintah di Damsyik:

Rasulullah menulis kepada al-Harith bin Abi Syamar:

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, dari Muhammad Pesuruh Allah kepada al-Harith bin Abi Syamar, salam ke atas yang mengikuti hidayah, beriman dan mempercayainya,

sebenarnya ku menyeru kamu supaya beriman dengan Allah Yang Esa yang tiada sekutu bagiNya, denganNya kekuasaan kau kekal untuk kau.

Rasulullah memberi tanggungjawab membawa risalah ini kepada Syuja' bin Wahb dari Banu Asad bin Khuzaimah. Setibanya risalah kepada al-Harith bin Abi Syamar maka beliau menjawab dengan katanya: "Siapa yang mampu merampas kekuasaanku ini? Aku akan pergi kepadanya". Dan beliau tidak memeluk Islam.

8. Risalah kepada Raja Uman

Rasulullah mengirim risalah kepada Raja Uman bernama Jaifar dan saudaranya Abd. Kedua-duanya adalah anak kepada al-Jalandi.

"Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, dari Muhammad bin Abdullah kepada Jaifar dan Abd bin al-Jalandi, salam ke atas yang mengikuti hidayat, adapun selepasnya, maka aku menyeru kamu berdua dengan seruan Islam, peluklah Islam nescaya kamu berdua selamat, sebenarnya ku ini utusan Allah kepada manusia sejagat untuk memberi inzar kepada yang masih hidup dan menegaskan kata benar kepada kaum kafir, sekiranya kamu berdua akur menerima Islam ku terus letakkan kamu berdua sebagai penguasanya, dan sekiranya kamu enggan untuk menerima Islam maka kerajaan kamu berdua akan luput, di mana kuda-kuda ku akan melewati perkarangan kamu berdua dan di hari itu terbukti kenabian ku mengatasi pemerintahan kamu berdua ".

Rasulullah menyerah risalah ini kepada Amru Ibni al-'Aas (r.a), maka cerita Amru: "Ku keluar hingga sampai ke Uman, sampainya daku di sana ku terus berhubung dengan Abd yang lebih waras dan mudah kira bicara di antara mereka berdua, ku sebut kepada utusan Rasulullah (s.a.w) kepada saudara engkau". Kata beliau kerana usia dan kekuasaan, kepadanya dan biar beliau Tanya beliau: "Kepada apa yang kau katakan padaku: "Aku menyeru kepada beriman kepada Allah dan tiada sekutu bagiNya, kau menolak dan disembah selain dariNya, engkau mengunci Muhammad itu hamba dan pesuruhNya". Jawab "Wahai Amru, engkau ini anak kepada qabilah kau, apa yang bapa kau

buat? Kami ini banyak meneladani beliau", jawab ku, "Beliau mati dalam keadaan tidak beriman dengan Muhammad (s.a.w) tapi pada harapan ku supaya beliau memeluk Islam dan mempercayainya. Ku pun sebelum ini mempunyai pandangan yang sama dengan beliau tapi kini Allah memberi hidayat kepadaku untuk memeluk Islam. Tanya Abd: "Sejak bilakah kau ikutinya?" Jawabku: "Masih baru". Tanya beliau lagi: "Sejak dari mana kau mengenal Islam". Jawab ku: "Semasa ku berada di samping al-Najasyi dan ku beritahu beliau yang al-Najasyi pun sudah memeluk Islam", kata beliau: "Dan apa pula tindakan kaumnya terhadap kekuasaannya", jawabku: "Mereka semua akur dan ikuti jejak langkahnya", kata beliau: "Adakah golongan paderi dan pastur ikut beliau?" Jawab ku: "Ya" kemudian kata beliau: "Wahai Amru perhatikan dahulu apa yang kau sebutkan itu. Sebenarnya, tidakkah berbohong itu merupakan suatu sifat yang keji bagi seorang lelaki". Jawab ku: "Daku tidak berbohong, ianya satu sifat yang tidak diharuskan di dalam agama kami", kemudian tanya beliau lagi: "Aku tidak fikir yang Heracules mengetahui keIslaman al-Najasyi, jawabku: "Bahkan".

Tanya beliau: "Bagaimana yang boleh kau tahu ini? Kata ku: "Kerana al-Najasyi mengeluar kepadanya ufti (jizyah), tapi selepas beliau memeluk Islam dan mempercayai dengan Muhammad (s.a.w) maka kata beliau: "Tidak ! Demi Allah hari ini kalau beliau pinta dari ku satu dirham pun tidak akan ku berinya", Hal ini telah sampai kepengetahuan Heracules, maka berkata al-Niyaq saudaranya: "Kamu boleh biarkan hamba mu itu tidak membayarkan kepada kau uftinya, kemudian menganut agama bukan agama kau ini, iaitu satu agama baru". Jawab Heracules: "Seseorang yang sukakan satu agama kemudian beliau pegangnya, apa boleh buat? Demi Allah kalaulah tidak kerana sayangkan pemerintahan ku ini nescaya ku bertindak seperti beliau itu dan katanya lagi: Perhatikan apa yang kau sebutkan tadi wahai Amru?" Jawab ku: "Demi Allah ku bercakap benar". Kata Abd: "Ceritakan lagi kepada ku apa yang disuruh dan apa yang dilarang". Kata ku: "Baginda menyuruh mentaati Allah Azawajalla, melarang memaksiatiNya dan

menyuruh berbuat baik, menghubungi keluarga, melarang penganiayaan, perseteruan, zina, arak, penyembahan batu, berhala dan salib".

Kata Abd: "Betapa indah dan cantiknya apa yang diserukan itu, kalaulah saudaraku boleh mengikuti ku nescaya kamu berdua akan berkejar ke sana agar dapat kami beriman dengan Muhammad (s.a.w) dan mempercayainya. Tetapi saudaraku amat sayang untuk meninggalkan pemerintahannya, ini menyebabkan kami berdosa". Kataku: "Kalau beliau memeluk Islam, Rasulullah akan melantik beliau sebagai pemerintah ke atas kaum sebangsanya, seterusnya akan dipungut zakat sedekah dari golongan hartawan kemudian diagihkan kepada golongan fakir miskin". Kata Abd: "Ini adalah akhlak mulia, dan apa itu sedekah?" Aku pun menceritakan perintah yang difardukan oleh Rasulullah mengenai zakat sedekah pada harta benda hinggalah kepada ternakan unta. Kata Beliau: "Amru! Apakah diambil zakat dari binatang ternakan yang memakan pokok-pokok dan meminum air itu?" Jawabku: "Ya! Kata Abd: "Demi Allah aku tak terfikir yang kaum ku yang berjauhan rumah mereka dan bilangan mereka boleh mematuhi perkara ini". Kata Amru pintu rumahnya beberapa hari dan beliau puji saudaranya memberitahu maklumat yang ditemui.

Berlaku di suatu hari di mana beliau telah menjerit masuk ke dalam, pembantunya memberi khidmat kepada kata Abd: "Tinggalkan dia". Aku pun dibiarkan, dan ku pergi duduk. Mereka enggan membiarkan ku duduk, ku memerhati ke arahnya maka beliau berkata: "Cakaplah mengenai tujuan kau". Lalu ku serahkan risalah yang bermohor itu, maka beliau membuka sampul bermohor itu serta membaca hingga ke akhirnya, lepas itu beliau menyerahkan kepada saudaranya, dan saudaranya membaca seperti yang beliau baca, namun ku dapati saudaranya lebih lembut darinya, lalu beliau berkata: "Boleh tak kau ceritakan mengenai Quraisy, apa yang mereka lakukan?" Kata ku: "Mereka telah mengikuti Baginda, sama ada sukakan agamanya atau kekalahannya." Tanya beliau lagi: "Dan siapa kah orang yang bersamanya?" Jawabku: "Orang ramai sukakan Islam dan memilihnya

dari yang lain. Kini mereka mengenali melalui akal pemikiran mereka di samping hidayat Allah bahawa mereka dahulu adalah dalam kesesatan, setahu aku tidak ada yang tinggal lagi selain dari kau di penjuru ini, sekiranya kau tidak memeluk Islam di hari ini dan mengikutinya, kau akan dilanyak oleh kuda-kuda, bumi hijau mu akan musnah. Ayuh peluklah Islam nescaya kau selamat, dan seterusnya kau dilantik sebagai ketua kaum kau, terhindar kau dari serangan kuda-kuda dan tentera." Jawab beliau: "Tinggallah daku bersendirian hari ini, dan kemarilah kau pada besok hari".

Ku pun pergi berjumpa adiknya, maka kata adiknya: "Hai Amru, aku harapkan beliau akan memeluk Islam, sekiranya beliau tidak mengutamakan pemerintahannya". Pada keesokan hari ku datang kepadanya, beliau enggan membenarkan ku masuk, maka ku pergi menemui saudaranya, ku ceritakan kepadanya bahawa ku tak dapat bertemunya, saudaranya itu membawa aku masuk maka beliau berkata: "Aku berfikir tentang seruan yang telah kau ucapkan kepadaku itu, kalau demikian maka aku ini adalah pemerintah Arab yang terlemah, sekiranya aku serahkan yang di tanganku ini kepada seorang lelaki, sedang kudanya pun tidak sampai ke sini, tapi kalau kudanya sampai ke sini pasti berlaku peperangan yang belum pernah terjadi lagi sebelum ini. Kata Amru: "Besok aku hendak keluar dari sini, jadi setelah beliau pasti yang aku akan keluar maka beliau pun bersendirian dengan saudaranya itu". Lalu beliau berkata: "Apa sikap kita dengan risalahnya itu, semua orang yang diutus risalah kepada mereka telah pun memberi persetujuan". Di pagi itu beliau pun menjemput ku. Di situ beliau memberi jawapan menerima dan memeluk Islam dengan saudaranya, mempercayai Rasulullah, membiarkan sahaja aku memungut zakat manakala pemerintahan mereka dikekalkan dan mereka merupakan penolong terhadap golongan yang menentangku".

Jalan cerita ini menunjukkan bahawa pengutusan risalah kepada orang berdua itu terlewat, berbanding dengan penghantaran kepada raja-raja lain, pendapat majoriti penghantaran berlaku selepas pembukaan Makkah.

Dengan risalah-risalah ini bermakna Rasulullah (s.a.w) telah menyampaikan dakwahnya kepada sebahagian besar raja-raja di dunia. Di antara mereka ada yang beriman tetapi sebahagian yang lain kufur dengannya. Namun mereka yang kufur tetap memikirkan tentang risalah ini setelah kenal dan mengetahui nama Baginda dan agamanya.

Klik Gambar Ke Mekah -

AKTIVITI KETENTERAAN SELEPAS PERDAMAIAN AL-HUDAIBIAH

Peperangan al-Ghaabah atau Peperangan Zu Qirad.

Peperangan ini merupakan gerakan buruan ke atas sekumpulan Banu Farazah yang telah melakukan tindakan melanun, sebagai satu cara menentang Rasulullah (s.a.w). lanya adalah peperangan yang pertama Rasulullah selepas perjanjian al-Hudaibiah dan sebelum Khaibar. al-Bukhari mencatit dalam pra kata topik berkenaan sebagai berlaku sebelum peperangan Khaibar. Imam Muslim meriwayatkan di dalam sahihnya sedemikian juga, di dalam hadith Salamah bin al-Akwa'. Tetapi Jumhur ahli al-Sirah dan al-Maghazi menyebut peperangan ini berlaku sebelum al-Hudaibiah. Sebenarnya apa yang terdapat di dalam kitab al-Sahih lebih sahih dari apa yang disebut oleh ahli al-Sirah.

Ringkasan periwayatan cerita dari hadith Salamah bin al-Akwa', pahlawan peperangan ini, dengan berkata: "Rasulullah melepaskan ternakan untanya bersama dengan budak suruhannya Rabah, aku turut bersama Rabah menunggang kuda Abu Talhah, semasa kami di waktu pagi tiba-tiba Abdul al-Rahman al-Fazari telali menyerang ke atas ternakan lalu membunuh pengembalanya dan membawa lari semua unta-unta ternakan. Ku berkata kepada Rabah: Kamu tunggang kuda ini dan beritahu kepada Talhah, serta ceritakan kepada Rasulullah (s.a.w), aku lari ke tanah tinggi mengadap al-Madinah dan melaung : Tolong! Tolong! Tolong! Kemudian ku kejar penyamun-penyamun itu dengan meluncur panah ke arah mereka sambil bermadah:

"Anak lelaki Al-Akwa' daku ini hari nahas hari ini. "

Demi Allah, terus ku menghujani mereka dengan panahan, di antara mereka ada yang gugur, kalau ada penunggang mereka yang berpatah balik ke belakang aku mengelak diri di sebalik pokok-pokok, dari situ aku memanah hingga seteru ku tersungkur jatuh, kalau mereka memasuki di celah-celah bukit, aku naik ke atas. Dari atas ku humbankan ketul-ketui batu ke atas mereka, beginilah aku terus memburu mereka hingga tiada unta Rasulullah kecuali kesemua berada di belakang ku. Ku buru lagi dan ku panah mereka hingga terpaksa mereka membuang lebih dari tiga puluh helai kain Burdah(serban) dan tiga puluh bilah tombak, supaya ringan dan mudah lari, apa sahaja yang mereka buang ku letak batu-batu di situ supaya mudah Rasulullah dan para sahabat mengecamnya.

Apabila lanun-lanun itu keletihan, mereka berhenti dan berehat di suatu jalan di atas bukit untuk makan. Aku menunggu mereka di atas sebuah bukit kecil, empat orang dari mereka naik ke bukit menuju ke arah ku: Ku pun berkata: Kamu tidak kenal aku siapa? Akulah Salamah bin al-Akwa', tak seorang pun yang terlepas bila aku mengejarnya dan tak siapa pun yang dapat memburu aku.

Dengan itu mereka pun berpatah balik, tinggalkan tempat ku itu ternampaklah berkuda Rasulullah sedang melalui di antara puak Orang yang di hadapan ialah Akhram di belakangnya - Qutadah di belakangnya lagi al-Miqdad bin al-Aswad. Abu al-Rahman bertembung dengan al-Akhram di situ. Al-Akhram membunuh kuda Abdul al-Rahman manakala Abdul al-Rahman menikam al-Akhram dan membunuhnya kemudian beliau berpindah ke kudanya tetapi sempat dikejar oleh Qutadah dan ditikamnya Abd al-Rahman hingga mati, yang lain-lain cabut lari, justeru itu kami kejar mereka dari belakang dengan berlari, akhirnya mereka menyusur masuk ke suatu lorong yang ada air, dikenali sebagai Za Qirad.

Kira-kira waktu itu sudah pun petang, mereka ke situ untuk minum air, rupanya mereka semua dahaga, tidak sempat mereka meminum setitik air pun, ku buru mereka dari situ. Di tempat itu Rasulullah (s.a.w) telah bertemu dengan ku bersama-sama dengan kuda-kuda kira-kira waktu

pun sudah isya', ku berkata kepada Rasulullah: "Mereka kehausan wahai Rasulullah, sekiranya Rasulullah hantarkan bersama ku seratus orang, niscaya ku tawan segala apa yang ada bersama mereka". Jawab Rasulullah: "Hai Ibnu al-Akwa', sekarang ini memang kau mampu untuk menawan mereka tapi biarkanlah mereka pergi". Sambung Rasulullah lagi: "Sekarang mereka berlindung di Ghatafan".

Sabda Rasulullah: "Sebaik-baik penunggang hari ini ialah Abu Qutadah dan sebaik-baik pahlawan kita ialah Salamah". Rasulullah membahagikan rampasan di mana ku diberi dua saham, satu saham sebagai pejuang berjalan kaki satu saham lagi sebagai pejuang berkuda. Semasa pulang ke Madinah baginda menunggang untanya al-'Adhba' dan ku mengekori dari belakang Baginda.

Semasa peperangan ini Baginda melantik Ibnu Ummu Maktum sebagai Amir di Madinah, bendera Islam diserahkan kepada al-Miqadad bin Amru.

PEPERANGAN AL-KHAIBAR DAN WADI AL-QURA

Bulan Muharram tahun ke tujuh (7) hijrah

Khaibar adalah sebuah kota besar dikelilingi tembok berbenteng dan taman-taman, jaraknya ke Madinah enam puluh (60) atau lapan puluh (80) batu di sebelah utara, tapi sekarang sebagai sebuah kampung dengan cuacanya yang kurang baik untuk kesihatan.

Faktor kejadian:

Setelah Rasulullah terasa aman terhadap salah satu dari tiga sayap terkuat Barisan Bersekutu dan terasa selamat sepenuhnya, khusus selepas perjanjian perdamaian al-Hudaibiah, kini Rasulullah mengatur perkiraannya dengan dua sayap yang masih bertenaga: Kaum Yahudi dan Qabilah-qabilah Najdi, agar perkiraan ini akan membawa kepada keamanan dan kesejahteraan serantau yang menyeluruh, seterusnya orang Islam boleh cuci tangan dari peperangan berdarah yang berterusan itu dan mengalih langkah kepada kerja-kerja dakwah dan menyampai risalah Allah sepenuhnya.

Oleh kerana Khaibar merupakan sarang pakatan da-konspirasi, malah merupakan markas gerakan tentera yang menimbulkan kekacauan dan mencetuskan peperangan, maka sudah selayaknya kaum muslimim memberi penumpuan kepadanya.

Apa yang dikatakan Khaibar sebagai pencetus kesemuanya, ini kerana kita tidak boleh melupai usaha-usaha penduduk Khaibar yang menghimpun tenaga Barisan Bersekutu untuk memerangi kaum muslimin, malah mereka juga yang menginisiatifkan kepada Banu Quraidhah supaya mengkhianati orang-orang Islam, dan mereka jugalah yang bertindak membuat hubungan dengan musuh dalam selimut iaitu kaum munafiqin, juga hubungan dengan Ghatafan dan Arab-arab Badwi yang merupakan sayap ke tiga kepada Barisan Bersekutu. Malahan mereka sendiri sudah pun mempersiapkan diri untuk memasuki kancah peperangan, mereka sudah pun memulakan percubaan itu dengan beberapa siri serangan, di antara yang terkutuk ialah mereka merencana untuk membunuh Rasulullah (s.a.w).

Berhadapan dengan usaha jahat mereka, kaum muslimin terpaksa menghantar beberapa unit tentera ke sana, hinggalah kepada tindakan membunuh kepala samseng dan perancang kejahatan seperti Salam bin Abi al-Haqiq dan Asir bin Zarim, namun kewajipan kaum muslimin terhadap golongan Yahudi ini lebih besar dari itu. Ditangguhkan operasi, kerana kekuatan yang lebih besar dan seteru yang lebih biadab lagi iaitu Quraisy sedang mengancam mereka. Oleh itu sebaik sahaja kaum muslimin melangsaikan perkiraan mereka dengan golongan pengkhianat itu kini tiba masanya pula untuk membuat perkiraan dengan golongan Yahudi Khaibar.

PERGERAKAN KE KHAIBAR

Ibnu Ishak mengisahkan katanya: Sekembalinya dari al-Hudaibiah, Rasulullah tinggal di Madinah. Baginda tinggal di sana pada sebahagian dari bulan Zulhijjah dan Muharam. Di akhir bulan Muharam Baginda keluar ke Khaibar.

Ahli tafsir mengatakan: Bahawa Khaibar itu adalah janji yang telah

dibuat oleh Allah (s.w.t) di dalam firmanNya yang bermaksud:

Allah menjanjikan kamu rampasan-rampasan yang banyak kamu mengambilnya namun Allah menyegerakan bagi kamu yang ini. (iaitu perjanjian al-Hudaibiah manakala rampasan-rampasan yang banyak ialah Khaibar).

(al-Fath: 20)

KEKUATAN TENTERA ISLAM

Dengan sebab kaum munafiqin dan golongan lemah iman tidak menyertai Rasulullah di dalam peperangan al-Hudaibiah maka Allah menyeru Rasul-Nya dengan firman yang bermaksud; "Akan berkata golongan yang tertinggal, apabila kamu menuju kepada barang-barang rampasan untuk memungutnya: Biarkanlah kami mengikuti kamu. Mereka hendak mengubah janji Allah".

Katakanlah: Sekali-kali kamu tidak berhak. mengikuti kami. Demikianlah Allah telah menetapkan sebelumnya, mereka akan mengatakan: Sebenarnya kamu dengkikan kami, bahkan mereka tidak mengerti melainkan sedikit sekali.

(al-Fath: 15)

Apabila Rasulullah (s.a.w) hendak keluar ke Khaibar, Baginda mengiklankan bahawa yang akan turut serta hanya orang yang ingin berjihad sahaja, oleh itu yang turut serta hanyalah mereka berbaiah al-Ridhwan. Bilangan mereka seramai seribu empat ratus (1,400) orang.

Rasulullah melantik Siba' bin 'Arfatah al-Ghifari sebagai amir al-Madinah. Tetapi, kata Ibnu Ishak: Namilah bin Abdullah al-Laithi. Namun pendapat yang pertama lebih sahih pada pandangan golongan pengkaji.

Di masa itu Abu Hurairah pun sampai ke Madinah mengiklan keislamannya, di sana beliau sempat dengan Siba' bin Arfatah, Amir al-Madinah di dalam sembahyang' subuhnya. Setelah selesai sembahyang terus beliau menemui Siba', maka beliau pun diberi bekalan, terus beliau ke Khaibar menemui Rasulullah. Rasulullah (s.a.w) pun

memberitahu kepada kaum muslimin seterusnya, Rasulullah pun membahagikan saham rampasan bersama-sama dengan sahabatnya yang lain.

KAUM MUNAFIQIN MEMBUAT HUBUNGAN DENGAN KAUM YAHUDI

Kaum munafiqin berusaha untuk kemuslihatan golongan Yahudi, Abdullah bin Ubai selaku kepala munafiqin telah menghantar utusan untuk bertemu dengan kaum Yahudi Khaibar dengan peringatan: "Bahawa Muhammad telah bergerak menuju ke arah kamu, berwaspadalah kerananya, justeru itu janganlah kamu gentar, persenjataan dan bilangan kamu lebih banyak, sedang Muhammad hanya satu kelompok yang kecil sahaja dengan tangan kosong tak Bersenjata, senjata yang mereka miliki sangat sedikit.

Sebaik sahaja penduduk Khaibar mengetahui hal ini, lantas mereka mengutus Kinanah bin Abi al-Haqiq dan Hauzah bin Qais kepada Ghatafan, meminta bantuan dari mereka, kerana Ghatafan adalah sekutu Yahudi yang memusuhi kaum muslimin. Yahudi telah menjanjikan Ghatafan untuk menyerah separuh hasil Khaibar sekiranya mereka dapat mengalahkan kaum muslimin.

PERJALANAN KE KHAIBAR

Dalam perjalanan ke Khaibar, Baginda melalui Jabal Asir, turun ke al-Sahba', turun lagi ke lembah yang dikenali sebagai al-Raji'e, dari situ ke kawasan Ghatafan perjalanannya mengambil masa sehari semalam. Ghatafan sudah pun bersiap untuk bergerak ke Khaibar bagi membantu Yahudi Khaibar, di pertengahan jalan, mereka dengar dari belakang mereka bunyi-bunyi bising, di mana mereka sangka bahawa kaum muslimin sudah menyerang keluarga, harta dan perkampungan mereka. Dengan itu tak jadi mereka ke Khaibar.

Rasulullah menjemput dua orang "Dalil" (penunjuk arah perjalanan) tentera Islam, salah seorang mereka bernama Husail untuk melalui

jalan yang terbaik, agar dapat Baginda memasuki Khaibar dari arah utara iaitu dari sebelah negeri al-Syam dan supaya dapat menghalang mereka dari Ghatafan.

Salah seorang daripada mereka berkata: "Daku akan menunjukkan tuan hamba jalan-jalannya", dengan itu beliau membawa Rasulullah bersama tenteranya sampai ke satu persimpangan yang banyak cabang dan arah, kata beliau:

"Wahai Rasulullah setiap jalan ini boleh sampai ke matlamat". Maka Baginda meminta beliau sebutkan nama jalan-jalan itu, kata beliau: "Jalan ini bernama "Hazan" Rasulullah menolak cadangan untuk melalui jalan ini, katanya yang ini namanya "Syasy" pun Rasulullah menolaknya, katanya: Dan yang ini namanya "Hatib" sekali lagi Rasulullah menolaknya, kata Husail: "Tak ada yang lain, cuma tinggal satu lagi". Umar aI-Khattab bertanya: "Apa namanya?" Kata Husail: Yang ini namanya "Marhab" maka Rasulullah pun memilih jalan "Marhab" untuk ke menuju matlamatnya.

Beberapa Peristiwa Di Pertengahan Jalan:

1. Hadith riwayat Salamah bin al-Akwa'yang berkata:

Kami telah keluar bersama Nabi (s.a.w) ke Khaibar, kami berjalan di malam hari, sehingga berkata salah seorang dari peserta yang ramai itu kepada Amir: "Hai Amir, perdengarkan kami sebahagian dari madahmu itu", Amir adalah seorang penyair, beliau pun turun mendendangkan madahnya kepada sekelian peserta:

Tanpa kau Allah, kami ketiadaan hidayah

Tanpa mu Tuhan, tiada kami bersolat, bersedekah

Pohon kemaafan pengorbanan diserah

Selama masih kami bertaqwa

Tetapkan langkah bila musuh bersua

Cucuri kami ketenanganMu Ilahi

Bila kami diherdik tiada apa menggeruni

Disuara laungan salurlah bantuanmu Ilahi

Tanya Rasulullah (s.a.w): "Siapa yang mendendang madah itu?"

Jawab yang hadir: "Beliau adalah Amir bin al-Akwa'" Jawab Rasulullah: "Allah mencucuri rahmat ke atasnya". Sampuk salah seorang: "Wajib ke atasnya syurga wahai Nabi Allah, kalau tidak mana rnungkin masih boleh beliau menghibur".

Para sahabat sudah mengetahui tidak pernah Rasulullah memohon rahmat dan beristighfar untuk seseorang kecuali dikurniakan syahadah (mati syahid). Amir telah syahid di Medan Khaibar.

2. Dipertengahan jalan sekalian hadirin bersua dengan sebuah lembah lalu mereka semua mengangkat suara takbir. Kata Rasulullah: "Rendahkan suara mu itu, yang kamu memohon itu bukannya pekak atau tiada bersama, yang kamu pohon dariNya itu Maha Pendengar lagi Maha Dekat".

3. Semasa di al-Sahba' kawasan berhampiran dengan Khaibar Baginda pun bersembahyang Asar, kemudian Rasulullah meminta makanan, apa yang diberikan kepada Baginda hanyalah tepung, maka Rasulullah suruh dimasakkan, setelah itu Rasulullah pun makan dan sekelian yang hadir pun turut makan bersama. Sesudah itu Rasulullah bangun untuk bersolat Maghrib. Baginda masih dalam wudhu' lantas untuk itu Baginda berkumur sahaja, kaum muslimin yang lainpun mencontohi amalan Rasulullah dengan memadai berkumur sahaja. Seterusnya Rasulullah bersolat dengan tidak memperbaharui wudhu', lepas itu Baginda menunai solat Isya' pula.

TENTERA ISLAM KE TEMBOK KHAIBAR

Kaum muslimin tidur di malam akhir sebelum bermulanya peperangan di pagi harinya, berhampiran dengan kota Khaibar, tanpa disedari oleh kaum Yahudi. Kebiasaan Rasulullah apabila hendak memerangi sesuatu kaum sedang suasana masih malam maka Baginda tidak rnenghampiri tempat itu hinggalah di waktu subuh. Kiranya apabila masuk sahaja waktu subuh terus Rasulullah bersembahyang fajar disamar-samar pagi, seluruh tentera pun siap memacu tunggangan masing-masing, penduduk Khaibar keluar di pagi hari untuk ke tempat kerja masing-masing, membawa peralatan mereka, tanpa menyedari

kehadiran tentera Islam. Sebaik sahaja mereka sampai ke tempat kerja tiba-tiba mereka melihat tentera Islam terus mereka memekik: "Muhammad, demi Allah Muhammad dengan unit-unit tenteranya. Terus mereka lari ke dalam kota, maka laung Rasulullah: "Allahu Akbar! Musnah Khaibar, Allahu Akbar! musnah Khaibar. Sesungguhnya apabila kami turun ke halaman sesuatu kaum maka nahaslah pagi hari kaum yang diperingatkan itu".

Rasulullah telah memilih satu tempat sebagai khemahnya, namun demikian Khabbab bin al-Munzir telah datang menemui Rasulullah dengan berkata: "Wahai Rasulullah, apakah tempat yang tuan hamba bertapak ini suatu ketetapan langit atau berdasarkan strategi, kata Khabbab lagi: Wahai Rasulullah tempat ini dekat sangat dengan benteng-benteng pertahanan, seluruh tentera Khaibar berada di dalamnya, mereka mengetahui situasi kita sedang kita pula tidak mengetahui situasi mereka. Panah mereka boleh sampai kepada kita dan panah kita tidak sampai kepada mereka. Kita tidak selamat dari angkara mereka, ianya juga terletak di antara pohon-pohon tamar, kawasan rendah dan bumi kosong, kalau Rasulullah menyuruh kita sediakan tempat yang bebas dari semua ini untuk dijadikan markas tentera kita, boleh kita lakukan". Jawab Rasulullah: "Pendapat yang baik adalah seperti mana yang engkau kemukakan". Kemudian Rasulullah berpindah ke tempat lain. Semasa Rasulullah menghampiri Khaibar dan sudah boleh dilihat, Rasulullah memerintah supaya berhenti, di situ Baginda mendoakan:

"Ya Allah ya Tuhan Penjaga tujuh petala langit yang memayungi, penjaga tujuh petala bumi yang dipijak, Tuhan kepada sekalian syaitan yang menyesatkan, sesungguhnya kami memohon kebaikan kampung ini, kebaikan penghuni kampung ini. dari kejahatan penduduknya dari kejahatan apa yang ada di dalamnya Ayuh maralah dengan nama Allah"

BERSIAP UNTUK BERPERANG

Di malam hari penyerangan, Rasulullah bersabda:

"Akan ku serahkan bendera ini pada esok hari kepada seorang lelaki yang mencintai Allah dan RasulNya disebaliknya Allah serta RasulNya mencintainya". Bila siang menjelang semua orang ke hadapan Rasulullah, semua mereka mengharapkan bendera itu akan diserahkan kepadanya, lantas Rasulullah bertanya: Di mana Ali bin Abi Talib. Jawab hadirin: Beliau mengadu hal matanya yang sakit. Kata Rasulullah: Hantarkan beliau ke mari. Maka beliau pun di bawa ke hadapan Rasulullah (s.a.w). Baginda meludah ke dalam kedua-dua matanya sambil berdoa, sesudah itu matanya tidak sakit-sakit lagi bagaikan tak ada apa pun sebelumnya, Baginda menyerah bendera kepadanya, dan beliau berkata: "Wahai Rasulullah akan ku perangi mereka hingga mereka menjadi seperti kita semua". Jawab Baginda: "Ayuh laksanakan tugas mu itu, apabila kamu sampai di perkarangan mereka, serulah mereka kepada Islam, beritahukan mereka segala sesuatu mengenai hak Allah, demi Allah sekiranya dengan kau Allah memberi hidayah kepada seseorang maka itu terlebih baik bagi kau dari sekumpulan unta-unta merah".

Khaibar terbahagi kepada dua kelompok, satu kelompok ialah:

1. Kubu Nairn
2. Kubu al-Saab bin Muaz
3. Kubu Qaladah al-Zubair
4. Kubu Ubai
5. Kubu al-Nizar

Tiga kubu yang pertama terletak di kawasan yang dikenali sebagai al-Nutah yang dua lagi terletak di kawasan yang dikenali sebagai al-Syaq.

Kelompok kedua dikenali dengan nama al-Katibah, terdapat tiga kubu sahaja.

1. Kubu al-Qamus ianya kubu qabilah Abu al-Haqiq keturunan Banu al-Nadhir.
2. Kubu al-Watih
3. Kubu al-Salalim

Namun demikian di Khaibar masih terdapat kubu-kubu dan tembok-

tembok lain, selain dari lapan yang tersebut, cuma ianya kecil tidak segagah dan perkasa seperti yang lapan itu.

Peperangan sengit berkisar disekitar kubu-kubu yang berada di kelompok pertama, kubu-kubu kedua meskipun ramai pejuang-pejuangnya di situ namun ianya telah menyerah kalah tanpa sebarang peperangan.

PERMULAAN PEPERANGAN DAN PEMBUKAAN KUBU NA'IM

Kubu Na'im merupakan kubu pertama di antara lapan kubu yang diserang, ianya merupakan barisan pertahanan Yahudi pertama kerana kedudukannya yang strategi ianya kubu pahlawan Yahudi bernama "Marhab" Pejuangnya adalah ribuan.

Ali bin Abi Talib muncul di hadapan kubu berkenaan, pertama sekali beliau menyeru kaum Yahudi seluruhnya kepada Islam, mentah-mentah mereka menolak pelawaan itu, dengan itu mereka muncul ke hadapan bersama raja mereka "Marhab", beliau tampil ke hadapan menyeru sesiapa yang mahu bertarung dengannya. Kata Salamah bin al-Akwa: Setibanya kami di Khaibar raja mereka yang bernama "Marhab" pun tampil ke hadapan menghunus pedang sambil melaung dengan madahnya:

"Dakulah Marhab, Khaibar Kenali

Senjata digenggaman pahlawan teruji

Apabila perang bermula ianya membakar"

Di masa itu tampillah Umai Amir dengan madahnya:

"Khaibar kenali daku Amir

Senjata ditegakkan pahlawan mencabar"

Bertikamanlah di antara kedua, pukulan pedang Marhab membelah perisai Amir, menyebabkan beliau hanya bertahan sahaja, pedangnya pun pendek pula, namun beliau cuba memukul betis Yahudi tetapi mata pedangnya melantun balik ke arah dirinya hingga tertikam kepala lututnya dan beliau syahid kerana itu. Maka Rasulullah pun menegas dengan sabdanya: "Untuk beliau dua pahala, sambil Baginda

menunjukkkan dua jarinya, kerana beliau berusaha dan melawan, jarang seorang Arab mara seperti beliau".

Nampaknya "Marhab" mencabar sekali lagi memanggil sesiapa yang berani bertarung dengannya, dengan madahnya tadi, Ali bin Abi Talib tampil ke hadapan, kata Salamah bin al-Akwa', Ali muncul dengan madahnya:

Daku Haidar ibu menamanya

Singa rimba garang rupanya

Sukatan diberi

Hutang dibayar

Darah dibela.

Beliau menghumban pedangnya ke kepala Marhab membunuhnya, dengan itu pembukaan kota Khaibar pun dirasmikan.

Semasa Ali (r. a) menghampiri kubu-kubu mereka yang lain, seorang Yahudi menjengok kepalanya dari dalam kubu sambil bertanya: Siapa kamu Jawab beliau: Akulah Ali bin Abi Talib, maka kata Yahudi: Kamu telah mengatasi dengan apa yang diturunkan ke atas Musa.

Sejurus kemudian muncul Yasir saudara kepada Marhab dengan berkata siapa sanggup bertarung dengan ku, maka tampil al-Zubair, maka kata ibunya Safiah: "Wahai Rasulullah, nanti dibunuhanakku?" Jawab Rasulullah: "Malah anak engkau yang membunuhnya". Memang itulah yang terjadi.

Pertempuran pun menjadi sengit di sekitar kubur Na'im di mana terbunuh beberapa keluarga, yang membawa kepada tumbangnya penentangan Yahudi dan gagal mereka mempertahankan kemaraan tentera Islam.

Dari semua sumber ini boleh difahamkan di mana peperangan Khaibar ini selama beberapa hari, tentera Islam menghadapi tentangan yang hebat, namun di akhirnya kaum

Yahudi sudah berputus asa untuk melawan, kesudahannya mereka lari dari kubu itu menyusup ke kubu "al-Saab". Dengan itu tentera Islam pun melanggar masuk dan menawannya.

PEMBUKAAN KUBU AL-SAAB BIN MUAZ

Kubu al-Saab merupakan kubu kedua yang terkuat dan gagah selepas kubu al-Na'im, tentera Islam membuat serangan di bawah pimpinan al-Habbab bin al-Munzlr al-Ansari, sebelum itu mereka telah membuat kepongan selama tiga hari, pada hari ketiga Rasulullah telah membuat satu doa khas untuk pembukaan kubu berkenaan.

Ibnu Ishak meriwayatkan katanya: Banu Saham dari qabilah Aslam telah datang menghadap Rasulullah, kata mereka: Kami dalam kemelesetan, kami tidak mempunyai sesuatu apa pun, jawab Rasul dengan nada restunya: "Ya Allah Ya Tuhanku sesungguhnya Kau mengetahui hal mereka ini, mereka tak mempunyai kekuatan, di tangan ku ini tiada sesuatu pun yang boleh ku beri kepada mereka, bukalah untuk mereka sekaya-kaya kubu, padanya makanan dan daging yang berlebihan". Keesokan pagi, Allah telah membuka kubu al-Saab bin Muaz, kiranya di Khaibar itu padanyalah tersimpan makanan dan daging-daging.

Ketika Rasulullah menyeru menyerang ke atas kubu berkenaan, maka Banu Aslamlah kumpulan terkemuka yang membuat asakan ke atas "al-Saab". Pertarungan dan pertempuran berlaku di hadapan kubu, sebelum matahari terbenam al-Hamdulillah al-Saab telah terbuka, tentera Islam mendapati di dalamnya alat-alat peperangan seperti pelontar peluru dan kereta-kereta perisai.

Oleh kerana kelaparan yang mencengkam tentera Islam, sudah sampai kekemuncaknya seperti yang diriwayatkan oleh Ibnu Ishak membawa kaum muslimin sudah merebus air untuk memasak daging keldai peliharaan. Tapi setelah Baginda mengetahui maka dilarang dari memakan daging kaldai peliharaan.

PEMBUKAAN KUBU AL-ZUBAIR

Selepas pembukaan kubu Na'im dan al-Saab kaum Yahudi yang berada di semua kubu kelompok al-Naim berpindah ke kubu al-Zubair, ianya

kubu perkasa di kemuncak "Quilah", berat untuk kuda dan tentera ke sana kerana kesukaran jalan dan kekukuhannya. Tindakan Rasulullah ialah mengepunginya, Rasulullah mengenakan kepungan selama tiga hari, setelah itu seorang lelaki Yahudi datang menemui Rasulullah seraya berkata:

Wahai Abi al-Qasim kalau kamu kepung, mereka ada sumber air di bawah tanah, mereka keluar di waktu malam mengambilnya, balik semula ke kubu mereka tidak ada sesuatu pun yang mencemas mereka, tetapi kalau kau potong air mereka, mereka akan melawan. Rasulullah pun segera bertindak menghalang air dari mereka, reaksinya mereka keluar dan melawan dalam satu peperangan habis-habisan, telah syahid beberapa tentera Islam dan sepuluh orang Yahudi kecundang, dengan itu terbukalah kubu al-Zubair kepada Rasulullah (s.a.w).

PEMBUKAAN KUBU UBAI

Setelah kubu al-Zubair dibuka maka seluruh Yahudi berpindah ke kubu Ubai, kaum muslimin mengepunginya, dua wira Yahudi telah tampil seorang demi seorang meminta ditentang, namun kedua-dua mereka dibunuh di dalam pertarungan yang berasingan, wira kedua Yahudi telah dibunuh oleh pahlawan Islam yang berikat kepala dengan kain merah iaitu Abu Dujanah Sumak bin Kharsyah al-Ansari. Sebaik sahaja beliau membunuh wira Yahudi, terus beliau merempoh masuk ke dalam kubu Ubai dan tentera Islam membanjiri bersama beliau ke dalam. Di dalam kubu berlaku pertarungan sengit beberapa jam, di masa itu kaum Yahudi mengambil kesempatan melarikan diri ke dalam kubu "al-Nizar" kubu terakhir di kelompok pertama.

PEMBUKAAN KUBU AL-NIZAR

Kubu ini merupakan kubu terkuat kelompok ini, orang Yahudi semua mereka bagaikan penuh keyakinan bahawa tentera Islam tidak akan dapat membukanya walaupun berusaha sehabis tenaga mereka, sebab itulah mereka menempatkan perempuan-perempuan dan keluarga mereka di sini, setelah mereka mengosongkan semua penghuni

keempat-keempat kubu terdahulu.

Kaum muslimin telah membuat kepungan yang ketat ke atas kubu ini, dengan tekanan kuat ke atas kaum Yahudi, oleh kerana kubu ini terletak di atas bukit tinggi dan gagah, menyebabkan kaum muslimin tidak dapat membuat serangan dan merempuh ke dalamnya, di pihak Yahudi pun tidak berani keluar dari kubu untuk bertarung, apa yang dapat mereka lakukan hanya melawan dengan meluncur tombak dan mencampak ketulan-ketulan batu ke arah tentera Islam.

Oleh kerana kubu al-Nizar ini sukar kepada tentera Islam membukanya maka Rasulullah (s.a.w) memerintah supaya dipecahkan kubu al-Nizar ini dengan lontaran al-Manjaniq (pelontar), setelah tentera Islam bertindak mengikut arahan Rasulullah, maka berlaku kerosakan dan keruntuhan kepada tembok-tembok kubu berkenaan, membolehkan tentera Islam menyerbu masuk, di mana berlaku pertempuran yang sengit di dalam kubu itu sendiri, di situ kaum Yahudi menerima kekalahan yang teruk kerana mereka tidak sempat melarikan diri ke kubu yang lain, namun dapat juga di antara orang-orang Yahudi yang sempat melarikan diri meninggalkan kaum keluarga dan perempuan-perempuan mereka sebagai tawanan. Dengan tertawannya kubu yang terkuat ini terbukalah kelompok pertama kubu Khaibar yang terletak di al-Nutah dan al-Syaq, walaubagaimana terdapat juga kubu-kubu kecil di sekelilingnya, tetapi dengan tertawannya kubu terkuat ini maka penghuni-penghuni yang tinggal dan hendak mempertahankan kubu-kubu mereka turut melarikan diri ke kubu-kubu yang berada di kelompok kedua di Khaibar ini.

PEMBUKAAN KELOMPOK KEDUA KUBU KHAIBAR

Sebaik sahaja kubu di kelompok al-Nutah dan al-Syaq dibuka, segera Rasulullah mengerakkan kekuatannya ke kelompok penduduk al-Katibah, al-Wateh dan al-Salalim iaitu kubu Abu al-Haqiq dari Banu al-Nadhir, kubu ini telah dibanjiri oleh para Yahudi yang sempat melarikan diri ke kubu ini, di sini mereka mempertahankan sehabis-habis daya usaha mereka.

Ahli al-Sirah dan al-Maghazi berikhtilaf pendapat apakah berlaku peperangan di ketiga-tiga kubunya ini atau tidak? Mengikut Ibnu Ishak dengan jelas beliau menyebut di mana berlaku pertempuran, dalam usaha membuka kubu al-Qamus, malah dari jalan cerita beliau, kubu ini dibuka melalui peperangan tanpa sebarang perbincangan dan rundingan.

Manakala al-Waqidi menyatakan keterangan di mana ketiga-tiga kubu dikelompok ini dibuka melalui perundingan, ini boleh jadi rundingan diadakan selepas berlaku pertempuran di kubu al-Qamus, tetapi dua kubu lagi telah diserah kepada tentera Islam tanpa sebarang pertempuran.

Walau bagaimanapun, apabila Rasulullah tiba ke sebelah al-Katibah Baginda telah membuat kepungan yang lebih ketat, tempoh kepungan ialah empat belas hari, di dalam tempoh ini orang-orang Yahudi tidak keluar langsung dari kubu mereka, hinggalah apabila Rasulullah memerintah supaya dipasang pelontar peluru dan mereka menyakini kehancuran mereka, lalu mereka memohon diadakan perjanjian perdamaian dengan Rasulullah (s.a.w).

PERUNDINGAN

Anak Abi al-Haqiq telah menghantar perutusan.menemui Rasulullah dengan persetujuan: Kami akan mengikut arahan kamu? Jawab Rasulullah (s.a.w): Ya, dengan itu mereka pun mematuhi arahan Rasulullah. Kira dengannya terselamatlah darah mereka.

Baginda menerima pakai perjanjian perdamaian dengan tentera-tentera mereka yang berada di dalam kubu, keluarga mereka ditinggalkan untuk mereka, mereka boleh keluar dari bumi Khaibar bersama-sama dengan keluarga mereka, dan meninggalkan segala-galanya kepada Rasulullah, hartabenda, bumi, emas perak, perisai dan baju besi, selain dari pakaian yang di badan sahaja. Jawab Rasulullah: "Allah dan RasulNya tidak bertanggungjawab dengan kamu sekiranya kamu menyembunyi sesuatu", dengan itu mereka pun menerima perdamaian yang dipersetujui itu. Selepas perdamaian ini maka selesailah

penyerahan semua kubu-kubu kepada tentera Islam, dan sempurna sudah pembukaan seluruh Khaibar.

PEMBUNUHAN DUA ORANG ANAK LELAKI ABU AL-HAQIQ

Meskipun selesai perjanjian perdamaian sedemikian rupa, namun dua orang anak lelaki Abu al-Haqiq menghilangkan sebahagian besar hartabenda di dalam kubu berkenaan, juga mereka menghilangkan sebuah tabung yang terisi wang dan barang-barang kemas Huyai bin Akhtab, yang beliau bawa lari semasa pembuangan Banu al-Nadhir.

Kata Ibnu Ishak: Kinanah bin al-Rabie di bawa ke hadapan Rasulullah, bersama beliau hartabenda Banu al-Nadhir yang berharga. Baginda bertanya di mana barang-barang itu, Ibn al-

Rabie mengingkari yang beliau mengetahui tempatnya, maka dibawa kepada Rasulullah seorang Yahudi lain dan kata beliau:

Sebenarnya aku pernah melihat Kinanah berulang alik ke tempat usang itu setiap pagi. Tanya Rasulullah "Apa kata kau sekiranya kami menjumpai barang itu bersama-sama kau, kami bunuh kau?" Jawab Kinanah: "Ya boleh". Lalu Rasulullah menyuruh orang Islam menggali tempat usang itu, hasilnya didapati sebahagian harta-harta mereka yang sengaja disembunyikam di situ, bila ditanya di mana bakinya lagi, beliau enggan menunjuk tempatnya, Rasulullah pun menyerah beliau kepada al-Zubair dengan katanya:

"Siksakan beliau agar berjaya kita bawa keluar yang bakinya". al-Zubair mendemah dadanya dengan besi panas separuh mati, kemudian diserahnya kepada Mahmad bin Salamah, Mahmad pun terus membunuhnya sebagai balasan di atas kematian Mahmud bin Salamah saudaranya yang dibunuh oleh orang Yahudi dalam satu pakatanjahat mereka dengan mencampak ke atasnya lesung kisar semasa beliau berselindung di tepi tembok di kubu Na'im dahulu.

Ibnu al-Qayim menyebut bahawa Rasulullah (s.a.w) telah mengarah supaya dibunuh kedua-dua anak lelaki Abu al-Haqiq. Adapun orang yang mengaku bahawa harta itu mereka berdualah yang

bertanggungjawab menyembunyikannya ialah anak saudara Kinanah.

Rasulullah menawan Sofiyah bin Huyai bin Akhtab sebelum ini beliau adalah bersama Kinanah anak lelaki Abu al-Haqiq, yang baru menjadi pengantin dan baru sahaja bermalam sebagai suami isteri.

PEMBAHAGIAN HARTA RAMPASAN

Pada permulaannya Rasulullah hendak mengosongkan Khaibar dari kaum Yahudi, tetapi mereka menawar kepada Rasulullah dengan kata mereka: "Hai Muhammad biarlah kami yang mengerjakan ladang-ladang ini, kami mengusahakannya, kerana kami lebih mengetahui mengenainya dari kamu. Kebetulan Rasulullah dan para sahabat di masa itu tidak ada prang-orang atau anak-anak suruhan untuk bekerja di ladang itu, orang Yahudi tidak pernah mengosongkan ladang itu malah setiap masa diusahakannya. Maka sebab itu Rasulullah membenarkan mereka mengusahakan ladang itu dengan syarat hasil dari setiap tanaman dibahagikan dua, dan Rasulullah (s.a.w) berhak memberikan mereka setiap tuaian yang Baginda perakuinya, Abdullah bin Rawahah dilantik sebagai penyelia mereka.

Pertama, Rasulullah membahagikan semua tanah Khaibar kepada 36 saham dan setiap saham itu dibahagikan kepada seratus saham kecil dengan itu tanah Khaibar mengandungi tiga ribu enam ratus (3,600) saham kecil, sebanyak seribu lapan ratus (1,800) saham adalah peruntukan khusus kepada Rasulullah dan tentera Islam yang merupakan separuh keseluruhan saham. Rasulullah mengambil satu saham sama seperti mana-mana tentera Islam, yang separuh lagi iaitu seribu lapan ratus (1,800) saham diasingkan, satu saham kontinjansis dan hal-hal yang mendatang ke atas kaum muslimin. Sebab Rasulullah membahagikan kepada seribu lapan ratus, kerana rampasan itu adalah hidangan Allah untuk tentera-tentera yang menyertai al-Hudaibiah dan yang telah tidak ada, kesemua mereka ialah seribu empat ratus (1,400) orang, bersama mereka dua ratus (200) kuda, setiap kuda dua saham, jadi kesemua itu dibahagikan kepada seribu lapan ratus (1,800) saham ertinya askar berkuda berhak menerima tiga saham dan pejalan kaki

satu saham setiap seorang.

Bukti yang menunjukkan betapa banyaknya rampasan Khaibar ialah apa yang telah diriwayatkan oleh al-Bukhari dari Ibnu Umar dengan katanya: Kami tidak pernah kenyang kecuali setelah kami buka Khaibar, dan riwayat Aisyah dengan katanya: Selepas pembukaan Khaibar kami semua menyebut-nyebut: "Sekarang ini kita boleh kenyang dengan tamarnya".

Sekembalinya Rasulullah ke Madinah kaum muhajirin pun memulangkan hibah dan berian mereka kepada al-Ansar, yang pernah mereka berikan kepada al-Muhajirin dahulu, seperti kebun-kebun tamar, setelah mereka memiliki harta dan ladang-ladang tamar di Khaibar.

KEPULANGAN JAAFAR BIN ABI TALIB DANKELUARGA AL-ASY'ARI

Semasa peperangan Khaibar Jaafar bin Abi Talib bersama-sama sahabatnya dan orang-orang al-Asy'ari keluarga Abu Musa bersama-sama sahabatnya pun tiba dari hijrah mereka ke Habsyah.

Kata Abu Musa: "Pergerakan Rasulullah (s.a.w) telah sampai ke pengetahuan kami semasa kami berada di al-Yaman, rombongan terdiri dari daku sendiri dua orang saudaraku bersama dengan lima puluh orang lebih dari kaum ku, kapal yang kami tumpang itu telah membawa kami ke Habsyah negeri al-Najasyi, akhirnya kami bertemu dengan Jaafar dan sahabat-sahabatnya, kata Jaafar kepada ku: Sesungguhnya Rasulullah telah menghantar kami ke mari dan menyuruh kami bermukim di sini, dan tinggallah bersama kami. Dengan itu kami pun tinggallah bersama-samanya, hinggalah kami semua pulang semula ke Madinah dan berkesempatan pula dengan masa pembukaan Khaibar, dan Rasulullah pun memberikan kami saham Khaibar, sebenarnya Rasulullah tidak membahagikan saham Khaibar kepada orang yang tidak menyertai pembukaan Khaibar, kecuali kepada pelayar-pelayar kapal kami yang bersama Jaafar dan sahabat-sahabatnya, dimana Rasulullah membahagikannya di antara mereka.

Ketibaan Jaafar telah disambut oleh Rasulullah dan Baginda mengucupinya seterusnya Baginda bersabda: "Demi Allah aku tidak tahu mana satu yang hendak ku bergembira dengannya, Apakah pembukaan Khaibar atau kepulangan Jaafar?"

Ketibaan pulang Jaafar adalah hasil pengutusan Umar bin Umaiyah al-Dhamari dari Rasulullah kepada al-Najasyi, meminta beliau menghantar mereka pulang kepangkuannya, al-Najasyi pun segera mengurus kepulangan mereka dengan dua buah kapal, Jumlah mereka semua ialah enam belas (16) orang lelaki bersama-sama dengan anak-anak dan isteri-isteri mereka, selain dari mereka telah pun sampai ke Madinah sebelum ini beberapa kumpulan lain terlebih dahulu.

PERKAHWINAN DENGAN SOFIAH

Telahpun kita sebutkan bahawa Sofiah telah dijadikan sebagai tawanan, setelah suaminya Kinanah bin Abi al-Haqiq dibunuh kerana pengkhianatannya. Apabila semua tawanan dihimpunkan, Duhaiyah bin Khalifah al-Kalabi telah datang kehadapan Rasulululllah dengan berkata: "Wahai nabi Allah, berikan daku seorang tawanan perempuan". Jawab Rasulullah: "Pergi dan ambillah". Beliau pun memilih Sofiah binti Huyai, di masa itu seorang lelaki menemui Rasulullah sambil berkata: "Wahai nabi Allah apakah tuan hamba memberikan Sofiah binti Huyai puteri penghulu Banu Quraizah dan Banu al-Nadhir kepada Duhaiyah, sebenarnya Sofiah tidak baik dan sesuai kecuali untuk Rasulullah". Kata Rasulullah: "Jemputkan beliau bersama perempuan itu ke mari". Beliau pun datang dengan Sofiah, bila Rasulullah menengoknya maka kata Rasulullah kepada Duhaiyah: "Ambillah perempuan tawanan selain darinya". Kemudian Rasulullah menawarkan Islam kepada Sofiah dan beliau pun menerima dan memeluk Islam, dengan itu Rasulullah membebaskannya dan berkahwin dengannya, pembebasan itu dijadikan maharnya, sehingga apabila ke tempat bernama " Sadd al-Sahba' " jalan ke Madinah, Sofiah menjadi halal untuk berkahwin. Ummu Salim bertugas menyiapkan beliau untuk Rasulullah dan diserahnya kepada Rasulullah pada malam

itu, dengan itu Baginda menjadi mempelai lelaki kepada Sofiah. Sempena perkahwinan itu dihidangkan jamuan bubur tepung dicampur buah tamar dan minyak sapi. Baginda bermalam dengan Sofiah selama tiga hari semasa perjalanan pulang ke Madinah.

Rasulullah mendapati kesan lebam di mukanya, jadi Rasulullah pun bertanya dengan sabdanya: Apa ini? Jawab beliau: Wahai Rasulullah (s.a.w) sebelum ketibaan Rasulullah ke sini, saya telah bermimpi melihat bulan sudah tidak ada di tempatnya tiba-tiba terjatuh ke ribaku, demi Allah sedikit pun saya tidak tahu hal tuan hamba, daku pun menceritanya kepada suami ku, beliau pun terus menempeleng mukaku dengan katanya: Jadi kau bercita-cita hendak kahwin dengan raja yang di Madinah itu.

PERIHAL KAMBING BERACUN

Dalam keadaan Rasulullah (s.a.w) sedang berihat selepas pembukaan Khaibar seorang wanita Yahudi yang dikenali sebagai Zainab bin al-Harith isteri Salam bin Misykam telah tampil ke hadapan Rasulullah, beliau menghadiah kepada Rasulullah seekor kambing panggang, sebelum ini beliau telah bertanya khabar mana satu di antara anggota kambing panggang yang digemarinya dan diberitahu: Pahanya, untuk itu maka beliau memasukkan racun kedalamnya sebanyak yang mungkin, kemudian diracun kesemuanya, setelah itu beliau membawa sajian itu kepada Rasulullah.

Baginda pun mengambil paha kambing bakar tadi dan menggigitnya, didapati dagingnya tidak baik lalu diluahkannya dan bersabda: Tulang kambing ini memberitahu daku yang ianya telah diracunkan; setelah itu dipanggil perempuan Yahudi tadi dan disoal, beliau pun membenarkan kata-kata Rasulullah itu, dan bila ditanyanya mengapa beliau berbuat demikian, jawab beliau: Kalaulah Muhammad ini raja akan selamatlah daku darinya dan kalau ianya seorang nabi maka beliau akan diberitahu, dengan itu Rasulullah memaafkannya.

Bersama Rasulullah di ketika itu Bisyr bin al-Barra' bin Ma'rur, beliau telah mengambil sebahagian dari daging kambing itu, dimakan malah

didapati menyelerakan akhirnya beliau mati selepas itu.

Riwayat berikhtilaf mengenai kesudahan perempuan tadi, dimaafatau dibunuh, satu riwayat sebulat mengatakan Rasulullah memaafkannya pada permulaan, kemudian dibunuh sebagai qisas, hukuman di atas kematian Bisyr.

QURBAN KEDUA BELAH PIHAK DI DALAM PEPERANGAN KHAIBAR

Jumlah tentera Islam yang syahid dl dalam pertempuran Khaibar, ialah enam belas (16) orang empat Quraisy, seorang Banu Asyja', seorang Banu Aslam, seQrang dari penduduk Khaibar selebihnya adalah dari golongan Ansar.

Pendapat lain menyebut bahawa syahid Islam adalah lapan belas (18) orang, al-Alamah al-Mansurpuri menyebut sembilan belas (19) orang, kemudian beliau berkata: selepas penyelidikan ku dapati sebenarnya dua puluh tiga (23) orang. Seorang darinya tersebut di dalam sejarah al-Tabari sahaja, dan seorang darinya juga, hanya tersebut di dalam al-Waqidi sahaja. Seorang darinya mati kerana memakarr daging kambing yang beracun, manakala seorang yang lain mereka berikhtilaf apakah ianya terbunuh di Badar atau di Khaibar. Tapi yang sahih ianya mati di Badar. Manakala jumlah qurban orang Yahudi ialah sembilan puluh tiga (93) orang.

FADAK

Apabila Rasulullah (s.a.w) sampai ke Khaibar, segera Rasulullah menghantar Mahisah bin Masoud sebagai utusan kepada Yahudi Fadak menyeru mereka kepada al-Islam, namun mereka berlengah, tapi setelah Allah mentakdirkan pembukaan Khaibar dicampak kegerunan ke dalam hati-hati mereka, membawa mereka mengutus kepada Rasulullah meminta perdamaian dan sanggup membahagikan separuh hasil Fadak kepada Baginda seperti yang Baginda lakukan dengan penduduk Khaibar, Rasulullah bersetuju dengan permintaan Yahudi itu,

oleh itu maka Fadak semuanya adalah khusus kepada diri Rasulullah (s.a.w) sahaja, kerana rampasannya tidak berlaku sebarang pergerakan tentera dan peperangan.

WADIAL-QURA

Setelah Baginda selesai urusan Khaibar Baginda terus ke "Wadial-Qura" kerana di sana terdapat sekumpulan kaum Yahudi dan sebahagian dari qabilah Arab yang bersekutu dengan mereka.

Apabila tentera Islam sampai ke sana mereka telah ditentang oleh kaum Yahudi dengan lontaran panah kerana mereka dalam keadaan berkerah tenaga dan bersiap sedia. Dalam kejadian itu seorang Abdi Rasulullah bernama Mud'am terbunuh, maka kata orang ramai: Berbahagialah beliau dengan syurga, jawab Rasulullah: Tidak sama sekali, demi jiwaku ditangannya, itu kain selimut, yang beliau ambil itu di hari Khaibar adalah rampasan Khaibar yang tidak dimasukkan ke dalam saham pembahagian rampasan, beliau harus dibakar dengan api, bila mereka mendengar demikian maka seorang lelaki telah membawa kepada Rasulullah seberkas atau dua berkas kayu api, kata Rasulullah: Seberkas atau dua berkas kayu api. Kemudian Rasulullah pun menyusun para sahabat untuk menghadapi peperangan, diatur dan dibahagi-bahagikan, bendera diserahkan ke tangan Saad bin Ubbadah, manakala panji-panjinya diserahkan kepada al-Habbab bin al-Munzir, Suhail bin Hanif dan Ubbadah bin Bisyr, lepas itu Rasulullah menyeru penduduknya kepada Islam tetapi mereka menolak malah salah seorang dari mereka telah muncul dan meminta dicabar, dengan itu al-Zubair ibni al-Awwam pun tampil menyahut permintaannya tadi, belum apa-apa beliau sudah membunuh pencabar tadi kemudian tampil seorang lagi, pun dibunuh oleh al-Zubair kemudian tampil yang ketiga, sekali ini Ali bin Abi Talib pula yang melawannya, setelah beberapa ketika Ali pun membunuh orang itu, dikira semua orang yang dibunuh itu sebelas orang, selalunya setiap kali wira mereka tumpas Baginda menyeru mereka kepada Islam.

Masa berlalu dengan keadaan begini hinggalah masuk waktu solat,

Rasulullah pun terns memerangi mereka hingga ke petang, di pagi keesokan hari dan belum sempat matahari menjelang ke ufuk langit kadar aras tombak, Wadi al-Qura menyerah kalah dan Rasulullah menawannya dengan kekerasan, padanya Allah menghadiahkan RasulNya dengan rampasan-rampasan dan harta-harta yang banyak termasuk perkakas dan peralatan lain.

Rasulullah tinggal di Wadi al-Qura urituk selama empat (4) hari, setelah membahagi-bahagikan rampasan, manakala tanah perusahaan dan tanaman tamar dibenarkan kaum Yahudi mengusahakannya. Rasulullah bertindak terhadap mereka seperti mana tindakan Baginda terhadap penduduk Khaibar.

TAIMA'

Apabila Yahudi Taima', menerima berita penyerahan diri oleh Yahudi Khaibar diikuti oleh penduduk Fadak dan Wadi al-Qura maka mereka tidak membuat sebarang penentangan terhadap tentera Islam. Malah terlebih dahulu mereka menghantar wakil untuk mengadakan perundingan perdamaian, Rasulullah bersenang hati menerima hasrat mereka, sehingga dengan itu mereka dapat meneruskan pemilikannya ke atas harta benda mereka. Justeru Rasulullah menulis surat perjanjian untuk msndokumenkan kepada mereka risalah jaminan, berikut nasnya: "Ini adalah risalah dari Muhammad Rasulullah untuk Banu 'Adiya, sesungguhnya untuk mereka tanggungjawab, sebagaimana mereka berkewajipan mengeluar ufti (jizyah), tiada penentangan maka tiada perpindahan". Risalah ini ditulis oleh Khalid bin Said.

KEMBALI KE MADINAH

Sesudah itu Rasulullah (s.a.w) pun mula bergerak menuju ke Madinah. Di dalam perjalanan pulang itu Baginda berjalan sepenuh malam dan tidur di akhir malam di suatu tempat, dengan berkata kepada Bilal: Malam telah melindungi kita, beliau pun tertidur dengan bersandar pada binatang tunggangannya tak seorang pun sedar kecuali setelah cahaya matahari menikam mereka, orang pertama terjaga ialah

Rasulullah (s.a.w) dengan itu Baginda pun keluar dari lembah itu mendahului tenteranya kemudian Baginda menunaikan solat subuh bersama kalian hadirin. Ada pendapat mengatakan kisah ini beriaku di dalam peristiwa lain.

Setelah meneliti huraian peperangan Khaibar, jelaslah kepulangan Rasulullah (s.a.w) dari Khaibar ialah dipenghujung bulan Safar atau di bulan Rabiul Awwal tahun ke tujuh (7) Hijrah.

UMRAH AL-QADA'

Al-Hakim menyebut dengan katanya: Di dalam beberapa hadith yang mutawatir, meriwayatkan bahawa sebaik sahaja menjelangnya bulan Zulkaedah, Baginda memerintah para sahabat menunaikan umrah yang tertangguh dahulu, sesiapa yang menyertai di dalam perjanjian al-Hudaibiah dahulu tidak boleh mengecualikan diri, dengan itu mereka semua pun keluar menuju ke Makkah terkecuali mereka yang mati syahid. Turut serta ialah sahabat-sahabat yang lain yang ingin mengerjakan umrah pada tahun ini, jumlah semua peserta ialah dua ribu selain kaum wanita dan kanak-kanak.

Rasulullah (s.a.w) melantik 'Uwaif Abu Rahm al-Ghiffari sebagai Amir Madinah semasa ketiadaan Baginda. Di dalam perjalanan umrah dituntun bersama unta-unta yang gemuk. Najiyah bin Jundub al-Aslami diberi tugas untuk mengurus ternakan ini. Baginda memulakan ihram umrah dari miqat zul Hulaifah. Dari situ Baginda memulakan talbiah yang diikuti oleh sekalian kaum muslimm yang bersamanya. Baginda keluar dengan persiapan senjata dan persediaan berperang, takut-takut Quraisy melakukan pengkhianatan. Setibanya di "Ya'jaj" Baginda melucutkan semua senjata-senjata tadi seperti perisai kulit, pelontar peluru, tombak dan anak panah. Untuk mengawalnya Rasulullah (s.a.w) melantik Aws bin Khawli al-Ansar dengan dua ratus (200) orang yang lain bersama beliau. Baginda memasuki Kaabah dengan senjata-senjata dan pedang tersarung. Di dalam perjalanan ke Kaabah Baginda menunggang unta "al-Qaswa". Semua kaum muslimin membawa pedang yang tersarung dengsn keadaan merenung ke arah Rasulullah dan mereka bertalbiah.

Kaum musyrikin telah beredar dari Kaabah pergi ke Bukit "Qaiyqu'an" bukit di sebelah utara Kaabah bertujuan untuk melihat kaum muslimin dari sana, mereka telahpun berkata-kata sesama mereka: Tengok tu, mereka keletihan dengan demam panas Yathrib. Rasulullah memerintah supaya berlari anak di ketiga-tiga pusingan. Manakala semasa berada di antara dua rukun Baginda memerintah supaya berjalan sahaja pada kesemua pusingan, kerana itu adalah sunat, Sebab Rasulullah menyuruh demikian adalah bertujuan memperlihatkan kepada kaum musyrikin kekuatan dan kelasakan mereka, Rasulullah juga memerintah supaya mereka mendedah kepala bahu kanan mereka serta meletakkan hujung kain ihram di atas kepala bahu kiri.

Rasulullah memasuki Kaabah melalui lorong yang boleh di lihat "al-Hajjun" kerana kaum musyrikin sedang memerhati kaum muslimin dari situ, Rasulullah bertawaf dengan laungan talbiah sehingga apabila mendekati penjuru Hajarul Aswad Baginda menyentuhnya dengan tongkat, kemudian menyambung tawaf seterusnya, upacara ini di ikuti oleh kalian kaum muslimin, semasa bertawaf Abdullah bin Rawahah yang berada di hadapan Rasulullah mendendangkan madahnya sambil menghunus pedangnya:

Elakkan keluarga kafir kerjakan

Biar kebaikan hanya pada Rasul utusan

Tuhan Rahman memberi anugerah

Pada Al-Quran terbaca ke atas Nabi hantaran

Membunuh di jalan Allah sebaik-baik tindakan

Pukulan menepati suruhan Al-Quran

Tetakan mencerai kepala dari badan

Membingungkan kawan dari taulan

Di dalam satu hadith riwayat Anas, Umar telah menyebut dengan katanya: Wahai Ibnu Rawahah! Di hadapan Rasulullah (s.a.w) dan di dalam Baitullah al-Haram boleh kau berdendang madah syairmu? Jawab Rasulullah (s.a.w): Biarkan dia Wahai Umar, hiburan semacam itu lebih menusuk hati-hati mereka dari tikaman anak panah.

Rasulullah bersama kaum muslimin berlari tiga pusingan, maka apabila kaum musyrikin melihat cara mereka bertawaf ini, lantas mereka berkata: Eh, mereka yang kita sangka demam, keletihan dan tidak bermaya, nampaknya lebih gagah dari apa yang kita sangka.

Setelah selesai bertawaf Rasulullah (s.a.w) terus bersaie' di antara al-Safa' dan al-Marwah, sesudahnya Rasulullah (s.a.w) berdiri di Marwah lantas berkata: Inilah tempat penyembelihan malah setiap penjuru Makkah ini adalah tapak penyembelihan, justeru itu Rasulullah pun menyembelih di al-Marwah dan bercukur. Dengan itu semua kaum muslimin yang berumrah itu mencontohi apa yang dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w). Setelah semua mereka berbaris barulah Rasulullah mengutus sekumpulan para sahabat ke Ya'jaj untuk mengambil tempat mereka yang menjaga senjata, supaya memberi kesempatan kepada mereka mengerjakan peribadatan umrah, dengannya maka sempurna sudah semua jemaah menunaikan peribadatan mereka.

Rasulullah bermukim di Makkah selama tiga hari, di subuh pagi hari keempat sekumpulan orang-orang Quraisy menemui Ali bin Abi Talib dan berkata kepadanya: Beritahukan kepada teman mu itu supaya keluar dari sini kerana tempohnya sudah tamat. Dengan penuh kerelaan hati Rasulullah (s.a.w) pun bergerak keluar dari Kaabah dan singgah di "Saraf".

Semasa Rasulullah hendak beredar keluar dari Makkah anak perempuan Hamzah mengikuti perjalanan Rasulullah dan melaung dengan katanya: Pak cik, Pak cik, Rasulullah segera mendapatinya. Jaafar, Ali dan Zaid bertelingkah untuk mendapat hak penjagaan puteri Hamzah Syed al-Syuhada', Rasulullah membuat keputusan dengan menyerah anak tadi kepada Jaafar kerana emak saudaranya bersama Jaafar.

Di dalam perjalanan umraK ini Baginda (s.a.w) berkahwin dengan Maimunah binti al-Harith al-Amiriyah, di mana Rasulullah (s.a.w) sebelum memasuki Makkah telah mengutus Jaafar bin Abi Talib yang sedang berada di hadapannya untuk menemui Maimunah. Maimunah telah menyerahkan urusannya kepada al-Abbas, kerana kakaknya

Ummu al-Fadhl bersama al-Abbas dengan itu al-Abbas pun mengahwinkannya kepada Rasulullah (s.a.w) sewaktu Rasulullah bergerak keluar dari Makkah dan melantik Abu Rafi'e sebagai pemegang amanah di Makkah untuk membawa Maimunah keluar dari Makkah. Semasa di Makkah, Rasulullah menidurinya sewaktu Baginda berada di Saraf.

Umrah ini dinamakan umrah al-Qada', boleh jadi kerana mengganti umrah yang tertangguh semasa perjanjian al-Hudaibiah, atau kerana penunaian umrah ini merupakan pelaksanaan kepada salah satu syarat perjanjian al-Hudaibiah yang dipersetujui dahulu. Pendapat yang kedua adalah pendapat yang ditarjehkan (ditekankan) oleh parapengkaji (al-Muhaqqiq). Umrah ini dikenali dengan empat namanya iaitu: Umrah al-Qada', Umrah al-Qadiah, Umrah al-Qisas, dan Umrah al-Solh.

PEPERANGAN MU'TAH

Peperangan Mu'tah ini merupakan peperangan terbesar, padanya berlaku pertempuran yang sengit dan berat, peperangan yang berdarah, yang pernah diharungi oleh tentera Islam khusus semasa hayat Rasulullah (s.a.w). lanya merupakan sebagai muqadimah dan persiapan kepada pembukaan-pembukaan Islam ke atas bumi-bumi Nasara, peristiwa berlaku di bulan Jamadilawal di tahun kelapan (8) Hijrah, bersamaan bulan Ogos atau September tahun 629 Masihi.

Mu'tah sebuah kampung terletak di bahagian bawah daerah Balqa' di negeri al-Syam di antara Balqa' dait Baitui Muqaddis, dua marhalah.

FAKTOR KEJADIAN:

Kes terjadinya peperangan ini ialah di mana Rasulullah menghantar utusannya al-Harith bin Umar al-Uzdi dengan sebuah risalah kepada pembesar di daerah Basra, tetapi Syurahbil bin Umar al-Ghassani, Gabenor Bandar Balqa' negeri al-Syam bagi pihak Qaisar Rom telah menangkap al-Harith dan memberkasnya kemudian diserahkannya kepada Qaisar dan Qaisar pula bertindak memancung lehernya.

Pembunuhan mana-mana utusan dan perwakilan merupakan di antara sebesar-besar jenayah, tindakannya menyamai dengan pengisytiharan perang, malah lebih berat lagi dari itu. Tindakan itu suatu perkara yang amat berat bagi Rasulullah (s.a.w), sebaik sahaja berita mengenainya sampai ke pengetahuan Rasulullah, Baginda terus mengerakkan satu kontijen tentera dengan kekuatan seramai tiga ribu (3,000) orang askar, ianya adalah tentera Islam yang terbanyak, yang belum pernah dikerahkan oleh Rasulullah selain daripada peperangan al-Ahzab.

PEMIMPIN-PEMIMPIN TENTERA DAN PESANAN RASULULLAH (S.A.W) KEPADA MEREKA

Pimpinan kontinjen tentera Islam ini diserahkan kepada Zaid bin Harithah, seterusnya Rasulullah berpesan:

Sekiranya Zaid gugur maka Jaafar mengambil tempatnya dan seandainya Jaafar turut gugur syahid, maka Abdullah bin Rawahah pula tampil mengambil teraju kepimpinan tentera Islam, di sini Rasulullah menyerahkan mereka sebuah bendera putih yang diberinya ke tangan Zaid bin al-Harithah.

Rasulullah (s.a.w) memesan mereka supaya mereka melalui kawasan di mana al-Harith bin Amir dibunuh, dan supaya mengajak orang-orang di sana kepada Islam, sekiranya mereka berdegil maka hendaklah setelah memohon pertolongan dari Allah memerangi mereka dengan ungkapan sabdanya yang bermaksud:

Ayuh! dengan Nama Allah seranglah mereka yang kufur dengan Allah, janganlah kamu khianati atau menyamun, jangan bunuh anak-anak kecil atau perempuan, atau tua lara, atau orang bertapa di biara, jangan kamu tebang kurma-kurma atau pokok-pokok dan jangan roboh bangunan-bangunan.

UCAPAN SELAMAT JALAN KEPADA TENTERA ISLAM DAN TANGISAN ABDULLAH BIN RAWAHAH

Di saat tentera Islam bersedia untuk bergerak keluar meninggalkan

Madinah seluruh kaum muslimin di Madinah keluar untuk mengucap selamat jalan kepada tenteranya itu, ucap selamat jalan khusus kepada pemirnpin-pemimpin tentera Islam, ucapan selamat sejahtera kepada mereka sekalian, di saat yang penuh hiba dan gembira itu salah seorang pemimpin tentera Abdullah bin Rawahah, menangis, bila ditanya kenapa beliau menangis, jawab beliau: Demi sesungguhnya ku menangis ini bukan kerana cintakan dunia, atau pilu meninggalkan kamu, tetapi daku telah mendengar Rasulullah membaca sepotong ayat Allah yang memperingatkan daku mengenai api neraka:

"Tidak ada seorang pun di antara kamu, melainkan mendatangi neraka, demikian itu suatu ketetapan yang diputuskan oleh Tuhanmu"

(Maryam : 71)

Daku tidak tahu bagaimana daku boleh melepasinya selepas mendatanginya? Maka jawab kalian kaum muslimin:

Semoga Allah iringi kamu dengan kesejahteraan, mempertahankan kamu, dan dikembalikan kamu ke dalam kalangan kami sebagai golongan solihin dan memperolehi rampasan-rampasan, justeru itu Abdullah bin Rawahah menjawab mereka dengan madah syairnya:

Dari Rahman ku pohon keampunan

Pukulan pedangku, ketangkasan terbukti

Tanganku menusuk tikaman

Dengan sekali, menembus perut dan hati

Kubu di tanya: "Siapa pahlawan ini?"

Dialah pejuang berani

Mendapat bimbingan Ilahi

Kemudian orang ramai keluar bersama-sama Rasulullah untuk memberi ucap selamat jalan kepada mereka, pahlawan-pahlawan Islam yang akan mara ke medan perang yang amat jauh. Baginda berjalan hingga sampai Thaniyat al-Wada' di situ Baginda berhenti dan melambai tangan mengucap selamat jalan.

PERGERAKAN TENTERA ISLAM DAN TENTANGAN YANG

MENGEJUT LAGI MENGGERUNKAN

Tentera Islam terus mara ke utara hingga sampai ke kawasan bernama Ma'an dalam jajahan negeri Syam ianya terletak di utara bumi Hijaz, di situ mereka telah mendapati berita, bahawa Hercules sudah pun bergerak dengan tenteranya ke tempat bernama Ma'ab di daerah al-Balqa' dengan seratus ribu tentera Rom, kemudian turut bergabung dengannya qabilah-qabilah Arab: Lakham, Juzam, Balqin, Bahra'a dan Bila dengan kekuatan mereka seramai seratus ribu orang.

MAJLIS PERMESYUARATAN DI MAAN

Sebenarnya tentera Islam sedikit pun tidak menyangka bahawa mereka akan berhadapan dengan bilangan tentera yang sebegini ramai, yang mengejutkan itu, di suatu bumi yang jauh dari al-Madinah, tempat mereka datang, apakah wajar tentera yang kecil bilangannya bertindak menyerang tentera yang besar bak lautan yang tidak bertepi itu, yang seramai dua ratus ribu itu? Tentera Islam menjadi serba salah, dua malam berturut-turut mereka memikirkan tindakan selanjutnya, selepas itu kata mereka: kita tulis surat kepada Rasulullah, menceritakan kepada Baginda bilangan musuh kita, lepas itu mungkin Rasulullah menghantar bantuan atau menyuruh kita dengan sesuatu arahan yang akan kita patuhinya.

Tetapi Abdullah bin Rawahah membangkang pendapat tersebut dengan katanya: Wahai kalian, demi Allah sesungguhnya yang kamu tidak suka, itulah sebenarnya yang kamu semua keluar kerananya, mati syahid, kita tidak memerangi manusia dengan bilangan kita yang banyak atau dengan kekuatan dan persenjataan, kita tidak memerangi mereka kecuali dengan agama ini yang dikurniakan oleh Allah kepada kita sehingga kita menjadi mulia, ayuh marilah kamu ke hadapan ambillah salah satu kebaikan:

Kemenangan mengatasi seteru atau mati syahid. Akhirnya sekalian mereka pun bersetuju dan berpuas hati dengan pendapat Abdullah bin Rawahah.

TENTERA ISLAM BERGERAK KE ARAH MUSUH

Setelah dua malam berturut-turut tentera Islam bermesyuarat, di mana berakhir dengan persetujuan menerima pendapat Abdullah bin Rawahah, justeru itu seluruh tentera Islam pun bergerak ke arah musuh. Di salah sebuah kampung Balqa' mereka bertembung dengan sekumpulan tentera Hercules di tempat bernama Masyarif. Tentera musuh cuba menghampiri mereka, tetapi tentera Islam membelok ke suatu kawasan dikenali sebagai Mu'tah di sana mereka mengambil tempat dan menyusun strategi, unit kanan diletak dibawah pimpinan Qutbah bin Qutadah al-Uzri manakala unit kiri di bawah pimpinan Ubadah bin Malik al-Ansari.

PERMULAAN PEPERANGAN DAN PIMPINAN SILIH BERGANTI

Di bumi Mu'tah kedua-dua kumpulan bertemu, peperangan sengit pun bermula, tiga ribu (3,000) tentera meinghadapi serangan dua ratus ribu (200,000) tentera. Satu peperangan luar biasa yang pernah dunia menyaksikannya dengan kehairanan dan keajaiban, tetapi inilah yang dikatakan: Apabila iman menyemarak dijiwa, maka beriakulah perkara-perkara luar biasa".

Panji peperangan pun dipegang oleh Zaid bin Harithah orang kesayangan Rasulullah (s.a.w), beliau merempuh serangan musuh penuh keberanian tiada tara, terus beliau mengasak hinggalah beliau terkena tikaman musuh, membawa beliau terkorban sebagai seorang syahid.

Dengan itu panji Islam terus diambil oleh Jaafar bin Abi Talib, beliau pun tidak kurang dari Zaid bin Harithah, hingga apabila beliau terasa berat berperang dengan kuda, beliau melompat dari kudanya yang berwarna perang itu lantas disembelihnya, kini beliau bertempur di bawah, hingga apabila tangan kanannya terputus maka panji Islam itu dipegang dengan tangan kirinya, dan setelah tangan kirinya terpotong pula, lalu diapit bendera itu dengan dua belah lengannya. Dengan keadaan begini beliau terus menjulang bendera Islam hinggalah beliau gugur syahid, ada pula pendapat mengatakan yang beliau telah ditetak

oleh seorang Roman hingga terputus dua, dan kemudian Allah menggantikannya dengan dua sayap yang memboleh beliau berterbangan di dalam syurga Allah, ke mana sahaja yang beliau mahu, kerana itu beliau dikenali sebagai Jadfar al-Tayyar dan Jaafar zul al-Janahain

Al-Bukhari meriwayatkan dari Nafi' bahawa Ibnu Umar telah menceritakan kepadanya semasa beliau mendapati Jaafar telah syahid, dibadannya terdapat kesan-kesan pukulan dan tikaman sebanyak lima puluh liang, tidak ada satu pun di sebelah belakangnya.

Di dalam satu riwayat yang lain kata Ibnu Umar: Ku bersama mereka di dalam peperangan berkenaan, kami mencari Jaafar, kami dapati beliau di antara yang terbunuh syahid, kami melihat pada jasadnya lebih sembilan puluh liang tikaman dan tetakan yang telah disebut dalam riwayat al-Umri dari Nafi'. Dan kami telah mendapati kesemuanya itu dari sebelah hadapan jasadnya.

Di ketika Jaafar gugur selepas pertarungan yang sengit itu maka bendera Islam dicapai oleh Abdullah bin Rawahah, dengan itu beliau pun terus memecut kudanya mara ke hadapan, beliau teragak-agak untuk turun dari kudanya, hinggalah keadaan memaksa beliau, di sini beliau bermadah:

Duhai jiwa ku! ku bersumpah

kau pasti menghadapi kerelaan cabaran

kiranya sudah orang mencapainya

kenapa kau berlengah

membenci syurga Allah ?.

Beliau melompat turun, kemudian anak saudaranya menghadiahkan seketui daging dengan berkata: Makanlah buat menguat badanmu, hari ini kau menghadapi keadaan yang sama yang pernah kau alaminya. Beliau mengambilnya dan mengigit secebis kemudian beliau membuangnya. Lantas beliau menghunus pedangnya sambil mara ke hadapan dan terus bertarung hingga gugur sebagai syahid.

BENDERA BERPINDAH KE TANGAN PAHLAWAN PEDANG ALLAH

Serta merta seorang askar dari Banu 'Ijlan dikenali sebagai Thabit bin Arqam memegang bendera Islam sambil melaung: Wahai kalian tentera Islam, pilihiah seorang di antara kamu untuk tugas ini. Jawab kalian: Kamulah orangnya, kata Thabit: Aku tak bolehlah, akhirnya orang ramai bersetuju dengan Khalid bin al-Walid. Apabila beliau memegang bendera terus beliau mengharungi kancah pertempuran yang sedang sengit. Al-Bukhari meriwayatkan dari Khalid al-Walid katanya: Di hari Mu'tah itu sembilan bilah pedang telah terpatah di tanganku, yang kekal dan dapat bertahan hingga ke akhir peperangan hanya pedang Yamaniah. Dalam lafaz yang lain katanya: Di hari Mu'tah sahaja sembilan bilah pedang terpatah di dalam tangan ku, yang tahan hanya pedang Yamaniah ku.

Di hari peristiwa Mu'tah itu Rasulullah telah menceritakan kepada sahabat melalui wahyu yang terturun kepada Baginda, sebelum beritanya dibawa orang dari medan perang. Sabdanya yang bermaksud: Bendera dibawa oleh Zaid, beliau jatuh kemudian ianya diambil oleh Jaafar dan beliau jatuh lantas diambil oleh Ibni Rawahah, Ibnu Rawahah pun gugur, di masa itu Rasulullah berlenang air mata hinggalah bendera Islam dicapai oleh Pedang Allah maka dengannya pembukaan pun selamat terlaksana.

KESUDAHAN PEPERANGAN

Meskipun keberanian yang luar biasa dan kepahlawanan yang tiada tara bandingannya, namun ianya adalah suatu hal yang luar biasa juga, bagi sekumpulan tentera yang bilangannya kecil berbanding dengan tentera musuh yang ramai hingga menutupi bumi Mu'tah, memang luar biasa baginya untuk memenangi tentera Roman. Di dalam kegawatan suasana itu, Khalid bin al-Walid telah memperlihatkan kecekapannya malah kebijaksanaannya untuk keluar dari keadaan yang cemas di mana mereka tersepit di dalam kancah pertempuran yang tidak diduga.

Beberapa riwayat yang berbagai, telah menceritakan khusus mengenai

kesudahan peperangan ini. Setelah kita meneliti kesemua riwayat ini, nampaknya Khalid bin al-Walid berjaya berhadapan dengan tentera Roman sepanjang hari. Sepanjang pengendalian, beliau merasakan amat perlu kepada satu taktik dan tipu helah peperangan guna untuk menimbulkan kegerunan di kalangan tentera Roman, supaya dengannya dapat beliau melepaskan dan membawa keluar tentera Islam dari kancah peperangan. Di masa yang sama tidak membiarkan tentera Roman memburu mereka. Sebenarnya beliau amat arif bahawa peluang untuk melepaskan tentera Islam dari suasana yang dihadapinya itu amat tipis, terutamanya dalam keadaan umat Islam berkecamuk malah pihak Roman pasti akan memburu mereka dari belakang.

Sebagai tindakan kepada rancangannya itu, sebaik sahaja subuh menjelang beliau menukar posisi tentera, dan menyusun semula kedudukan tentera Islam, dengan mengubah barisan hadapan ke belakang yang kiri ke kanan dan sebaliknya. Apabila tentera Roman melihat penyusunan baru mereka menyangka suatu keadaan lain, mereka menyangka bahawa tentera Islam mendapat bantuan, mereka mula merasa takut dan gerun, setelah mana kedua-dua .tentera berhadapan, pertempuran pun bermula, di sini Khalid bertindak berundur perlahan-perlahan ke belakang di samping mengekalkan sistem dan struktur tentera semasa mereka berundur, tentera Roman tidak pula memburu mereka kerana pada sangkaan mereka bahawa .tentera Islam mengunakan taktik untuk memerangkap mereka di gurun padang pasir luas saujana mata memandang itu.

Beginilah caranya hingga pihak musuh pulang ke negaranya tanpa memikir untuk memburu kaum muslimin, dengan itu berjayalah Khalid untuk melepaskan tentera Islam dari ancaman, cengkaman dan buruan tentera Roman, akhirnya selamat pula mereka pulang kc Madinah.

KORBAN KEDUA-DUA BELAH PIHAK

Seramai dua belas (12) orang tentera Islam gugur syahid manakala bilangan tentera Roman tidak diketahui dengan sebenarnya, Walau macam mana pun dianggarkan angka kematian adalah tinggi.

KESAN PEPERANGAN

Meskipun tentera Islam tidak dapat menuntut bela, namun pergerakan ini telah menatijahkan kesan yang besar, dengannya kemasyhuran tentera Islam menjadi gah, membawa orang Arab secara menyeluiuh menjadi panik dan taajub, kerana Roman adalah kuasa besar dan gergasi bumi di masa itu. Pada mulanya orang Arab menyangka keberanian tentera Islam untuk berhadapan dengan tentera Roman itu adalah tindakan membunuh diri sendiri. Namun setelah tentera Islam dengan bilangannya yang kecil seramai tiga ribu (3,000) orang itu mencabar tentera Roman yang besar lagi gagah gerkasa seramai dua ratus ribu (200,000) orang itu, kemudian tentera Islam pulang ke Madinah tanpa mengalami kerugian yang berat, semuanya menjadi macam satu legenda, malah peristiwa ini, membuktikan bahawa tentera Islam adalah unik belum pernah bangsa Arab mengenali contoh umpama ini. Sesungguhnya mereka telah dibantu dan disokung oleh Allah (s.w.t), teladan mereka itu adalah Rasulullah yang sebenar, maka justeru itulah kita dapati qabilah-qabilah Arab yang menjadi musuh ketat Islam, yang memusuhi Islam hinggalah ke saat sebelum peristiwa bersejarah itu, telah mengubah pendiriannya, di mana Banu Salim, Asyja', Ghatafan, Zibyan, Fazarah dan lain-lain telah memeluk Islam.

Peperangan ini merupakan permulaan kepada pertarungan berdarah dengan Roman di masa-masa hadapan, malah ianya juga sebagai landasan dan pendahuluan kepada pembukaan-pembukaan Islam ke atas-atas negeri-negeri Roman seterusnya penaklukan Islam ke atas negeri-negeri di belakangnya yang terletak jauh di sebaliknya.

PEPERANGAN ZAT AL-SALASIL

Setelah Rasulullah mengenalpasti sikap qabilah-qabilah Arab yang mendiami perbatasan negeri al-Syam itu semasa peperangan Mu'tah, di mana mereka telah bersekutu dengan Roman melawan umat Islam, maka Rasulullah (s.a.w) merasa amat perlu sangat untuk bertindak penuh kebijaksanaan untuk memecahkan perpaduan di antara mereka

dan Roman, dan seterusnya boleh membawa kepada perubahan sikap mereka untuk bersekutu dengan umat Islam supaya perpaduan mereka tidak berulang sekali lagi.

Bagi menjayakan perancangan Rasulullah itu dan untuk menarik mereka kepada Islam, Baginda memilih Amru bin al-Aas orang yang akan melaksanakan tindakan itu, kerana neneknya adalah dari qabilah Bila, Baginda mengutusnya di bulan Jamadilakhir tahun kelapail (8) Hijrah, selepas peperangan Mu'tah. Malah ada juga pendapat yang mengatakan bahawa: Telah sampai berita dari risikan Islam di mana sekumpulan banu Qudhaah telah berkumpul untuk menuju ke Madinah, justeru itulah maka Rasulullah mengutus Amru bin al-Aas, berkemungkinan dua sebab inilah yang mendorong Rasulullah menghantar unit ini.

Rasulullah (s.a.w) menyerah bendera putih kepada Amru bin al-Aas, dan bersama-samanya panji berwarna hijau, dengan kekuatan tiga ratus (300) orang dari kalangan Muhajirin dan al-Ansar, bersama mereka tiga puluh ekor kuda, Baginda ntenyuruh beliau meminta bantuan dengan mana-mana qabilah Arab yang beliau lewati Bila, Uzrah dan Balqin. Beliau bergerak di malam hari dan berselindung di siang hari, apabila beliau mendekati kediaman qabilah berkenaan, didapati mereka dalam ketumbukan yang besar jumlahnya. Justeru itu beliau mengutus permohonan tambahan bantuan kepada Rasulullah, dibawa oleh Rafie' bin Makith al-Juhani. Dengan itu Rasulullah pun mengirim satu unit tentera Islam di bawa pimpinan Abu Ubaidah Ibni al-Jarrah dengan kekuatan seramai dua ratus (200) orang tentera keseluruhannya adalah kaum Muhajirin dan al-Ansar turut bersama Abu Bakar dan Umar Ibni al-Khattab.

Rasulullah menyerah panji pimpinan kepada Amru Ibni al-Aas, Baginda mengarah mereka supaya menemui Amru, kedua unit harus bergabung dan sekali-kali jangan berpecah. Setibanya Abu Ubaidah di tempat Amru maka beliau hendak mengimami sembahyang jemaah, lantas Amru membantah tindakannya itu dengan katanya: Sebenarnya kau sampai di sini sebagai bantuan dan aku tetap scbagai Amir, dengan

itu Abu Ubaidah pun mematuhi Amru bin al-Aas, di mana Amru mengimami sekalian yang hadir.

Sariyah Amru pun bergerak hingga memasuki negeri kediaman Qudhaah dan menawannya hingga kehujung perbatasan, di sana tentera Islam menemui himpunan musuh, dan terus mereka menyerang himpunan itu, kesudahannya mereka lari bertempiaran ke merata tempat.

Dari sana Amru mengutus Auf bin Malik al-Asyja'i untuk menyampaikan berita kepada Rasulullah tentang kepulangan dan keselamatan mereka serta laporan mengenai peperangan yang mereka harungi.

Zat al-Salasil adalah satu kawasan selepas Wadi al-Qura di antaranya dan Madinah sepuluh hari perjalanan. Ibnu Ishak menyebut bahawa tentera Islam singgah di perairan kawasan Banu Juzam dikenali sebagai al-Salasil, maka tempat itu dinamakan Zat al-Salasil.

PENGUTUSAN ABU QUTADAH KE KHUDRAH

Penghantaan sariyah ini pada bulan Syaaban tahun kelapan (8) Hijrah, kerana Banu Ghatafan sedang berkumpul di Khudrah, ianya kediaman Banu Maharib di Najd, Rasulullah mengutus Abu Qutadah bersama lima belas (15) orang tentera, di sana tentera Islam berjaya menghapus sebahagian dari tentera musuh di samping menawan dan merampas biri-biri musuh, Abu Qutadah berada di sana selama lima belas (15) malam.

PEPERANGAN PEMBUKAAN KOTA MEKAH

Ibn al-Qaiyim telah menyebut:

"lanya satu pembukaan teragung yang dengannya Allah memuliakan agamanya, RasulNya, tenteraNya dan partiNya yang beramanah, dengannya juga Allah telah menyelamatkan negeri-negeriNya dan rumahNya yang telahpun ditetapkan sebagai tempat hidayah untuk seluruh alam, menyelamatkan dari tangan-tangan kafir dan musyrikin,

ianya pembukaan yang turut bergembira olehnya penghuni-penghuni langit, lanjutan kemuliaannya melimpah ke angkasa cakerawala hingga dengannya maka berduyun-duyunlah manusia menganut agamaNya, hingga denganNya wajah bumi terukir seribu senyuman mekar".

SEBAB TERCETUSNYA PEPERANGAN

Telah kita sebutkan semasa memperkatakan mengenai peristiwa al-Hudaibiah, di antara syarat perjanjian ialah:

Sesiapa yang ingin menyertai Muhammad dan bersekutu dengannya, beliau berhak berbuat denikian dan sesiapa yang ingin berpihak dengan Quraisy dan bersekutu dengannya beliau berhak berbuat demikian. Mana-mana qabilah yang bersekutu dengan mana-mana kem maka ianya dianggap sebagai sebahagian dari kem itu, mana-mana pelanggaran ke atas qabilah yang menyertai kem-kem tadi adalah dianggap sebagai pelanggaran ke atas kem secara langsung.

Berdasarkan syarat ini maka Khuza'ah telah bersekutu dengan Rasulullah, manakala Banu Bakar pula menyertai Quraisy, dengan itu kedua-dua qabilah ini menikmati keamanan dan kesejahteraan, sedang sebelum ini kedua-duanya saling bermusuhan dan saling menuntut bela dan membalas dendam yang diwarisi sejak zaman jahiliah lagi. Dengan kedatangan Islam dan termeterainya perjanjian keamanan al-Hudaibiah maka tertebarlah benih keamanan di antara semua pihak, namun Banu Bakar masih tetap hendak membalas dendam kesumat lamanya, di mana Naufal bin Muawiyah al-Daily bersama jemaahnya banu Bakar telah keluar di Bulan Syaaban tahun kelapan (8) Hijrah, lantas menyerang Khuza'ah di malam hari, sedang di masa itu mereka sedang berada di kawasan berair yang dikenali sebagai "al-Watir" dalam kejadian berkenaan Banu Bakar telah berjaya membunuh orang-orang Khuza'ah dan sebagai lanjutan terjadilah pertarungan dan peperangan di antara keduanya dan seterusnya Quraisy menghulur bantuan senjata kepada sekutunya banu Bakar, malah beberapa tokoh Quraisy telah turut serta di dalam peperangan berkenaan berselindung di sebalik kegelapan malam, hingga mereka dapat membawa Khuza'ah ke dalam

kawasan al-Haram Makkah. Oleh yang demikian maka berkatalah Banu Bakar:

"Wahai Naufal! sekarang kita telah memasuki kawasan al-Haram ingatlah, Tuhan kau, Tuhan kau, lantas al-Khuza'ah menjawab: Wahai Bakar tiada Tuhan di hari ini, kamu sudah pun membalas dendam kesumat kamu itu, ku bersumpah, sebenarnya kamu telah melakukan pencabulan di kawasan al-Haram ini, tidakkah di sini sudah terbayar dendam kamu itu?

Setelah Khuzaah melangkah masuk ke kawasan Makkah mereka terus mendapat perlindungan di rumah Budail bin Warqa' al-Khuza'i dan rumah kawan setia mereka yang dikenali sebagai Rafie'. Amru bin Salim al-Khuza'i terus meluru ke Madinah menemui Rasulullah. Sesampainya beliau di sana, beliau pun mempersembahkan kepada Rasul hasratnya melalui madahnya, sedang pada masa itu Rasulullah sedang duduk berbual di dalam masjid bersama-sama kaum muslimin. Amru pun bermadah:

Duhai Tuhan ku merayu Muhammad

Sekutu kita dan bapanya yang tertua

Semasa kamu kanak-kanak dan kami bcpa

Tangan erat bergenggaman

Bantulah sepenuh pertolongan

Serulah penyembah Allah menghulur bantuan

Pada mereka Rasul mulia

Semulia bulan purnama mengambang

Pabila marah mukanya bergelora

Dibelakangnya tentera seramai samudera

Mengajar Quraisy mengkhianati setia

Mengucap janji merubah kata

Di Kada' kami dibelasah

Kerana menyangka tiada pembela

Mereka terhina, terkecil angka

Namun dendam mereka menuntut

Kami bersembahyang kami di bunuh

Rasulullah terus menjawab: Kau dibela wahai Amru, kemudian Baginda diperlihatkan mendung merintangi langit, maka katanya lagi: Awan berarak itu, pembuka pertolongan kepada Banu Kaab.

Tidak berapa lama kemudian tiba pula Budail bin Warqa' al-Khuza'i bersama beberapa orang dari Khuza'ah, di mana mereka menemui Rasulullah melaporkan bilangan qurban peristiwa yang nahas itu dan penyertaan langsung oleh Quraisy membantu Banu Bakar, kemudian mereka pun pulang semula ke Makkah.

ABU SUFIAN KE MADINAH UNTUK MEMBAHARUI PERJANJIAN

Tidak syak lagi Quraisy dengan tindakannya bersama-sama dengan sekutunya itu merupakan pencerobohan kepada perjanjian dan pengkhianatan terang-terangan kepada perdamaian yang dimeterai bersama itu, tanpa alasan yang boleh dimaafkan, kini Quraisy sudah pun menyedari kesalahan yang mereka lakukan itu, sekaligus merasai buruk padah dari tindakannya di luar batasan, dengan itu mereka memanggil permesyuaratan untuk sidang tergempar. Keputusannya menghantar pimpinan mereka Abu Sufian pada masa itu, untuk ke Madinah buat memperbaharui perdamaian.

Rasulullah (s.a.w) memberitahu kepada sekalian sahabatnya apa yang akan dilakukan oleh Quraisy dalam usaha mengatasi pengkhianatan mereka itu dengan sabdanya:

Kamu akan didatangi Abu Sufian untuk mengemaskan perjanjian al-Hudaibiah itu, malah memohon untuk dilanjutkan lagi tempohnya. Abu Sufian terus bergerak ke Madinah sebagaimana keputusan yang mereka persetujui, beliau bertemu dengan Budail bin Warqa' dalam perjalanan pulang dari Madinah ke Makkah. Abu Sufian terus bertanya Budail: Kamu ini dari mana? Abu Sufian mengesyaki yang beliau ini datang menemui Rasulullah (s.a.w). Jawab Budail: Aku bersiar-siar dengan

Khuza'ah di sekitar pantai tadi dan di sekeliling lembah-lembah ini. Tanya Abu Sufian yang penuh meragui: Bukankah kamu datang menemui Muhammad ? Kata beliau: Tidaklah. Setelah Budail berlepas ke Makkah, Abu Sufian berkata kepada teman yang mengiringiriya: Kalaulah Budail ini datang dari Madinah pasti tunggangannya memakan makanannya ('alaf) yang mengandungi biji-biji al-Madinah, dengan itu beliau terus ke tempat najis unta dipecahkannya, memang beliau dapati bijian al-Madinah di dalam kandungan najis, maka kata Abu Sufian: Aku bersumpah demi Allah, Budail telah menemui Muhammad.

Walau macam mana pun Abu Sufian terus ke Madinah, pertama beliau datang menemui anak perempuannya, Ummu Habibah, setibanya di hadapan Ummu Habibah beliau pun mengayakan diri untuk duduk di atas hamparan Rasulullah (s.a.w), apa lagi Ummu Habibah pun menggulung hamparan tadi, maka kata Abu Sufian: "Kenapa wahai anakku apakah kau membencikan daku?" Maka jawab Ummu al-Mukminin: "Itu adalah hamparan Rasulullah, kau ini musyrik najis". Jawab Abu Sufian: "Selepas kau berpisah dari ku, kau telah terkena sihir".

Dengan itu beliau keluar dari situ, dan terus menemui Rasulullah (s.a.w), Abu Sufian menegur Baginda, tetapi Rasulullah tidak menjawab sepatah apa bun, kemudian beliau menemui Abu Ba-kar, meminta jasa baik beliau untuk menyampai hasratnya kepada Rasulullah (s.a.w) tapi jawab Abu Bakar: "Aku tidak boleh berbuat apa pun", lantas beliau pergi menemui Umar dan beliau meminta Umar menolongnya dalam hal ini, maka jawab Umar: "Apakah aku ini yang akan menjadi orang tengah untuk kamu? Demi Allah, kalaulah aku tidak mempunyai apa pun selain debu-debu, namun dengannya pun cukup untuk ku tentangi kamu, pasti aku lakukan", kemudian beliau datang menemui Ali bin Abi Talib di masa itu Fatimah sedang duduk di sampingnya, manakala anaknya Hasan sedang merangkak di hadapannya, kata Abu Sufian: "Wahai Ali, sebenarnya kaulah orang paling mengasihi daku, di hari ini aku datang memerlukan

pertolonganmu, janganlah membiarkan daku pulang dengan hampa sahaja, daku memerlukan kau menjadi orang tengah, untuk menyampaikan hasrat ku kepada Muhammad", kata Ali pula: "Bangsat kau Abu Sufian, sebenarnya Rasulullah sudah berazam hendak melakukan sesuatu di mana kami tidak berhak untuk berbicara dengannya" lalu beliau berpaling ke arah Fatimah dengan berkata: "Boleh tak engkau menyuruh anak engkau ini melindungi manusia ramai, maka dengan itu beliau akan menjadi penghulu seluruh bangsa Arab hingga ke akhir zaman?" Jawab Fatimah: "Demi Allah mana boleh anak ku ini berbuat demikian, malah tiada siapa yang boleh menghalang Rasulullah (s.a.w) dari bertindak".

Di masa itu Abu Sufian terasa dunia menjadi gelap dan berkata kepada Ali bin Abi Talib dalam keadaan serba kebingungan dan putus asa: "Wahai Abu al-Hasan, aku mendapati keadaan semakin meruncing, cuba kau nasihatkan daku". Jawab Ali: "Demi Allah, aku tak tahulah apa nasihat yang baik untuk kau, kerana kau sendiri adalah pemimpin Banu Kinanah, ayuh pergilah pinta perlindungan dari orang ramai, kemudian pulanglah ke tanah airmu". Tanya Abu Sufian: "Apakah itu boleh memberi sesuatu yang baik untuk ku?" Jawab Ali: "Demi Allah, aku tidak menyangka demikian, cuma aku tidak ada nasihat selain dari itu". Lantas Abu Sufian pun beredar dari situ menuju ke masjid, di sana beliau melaung: "Wahai kalian, daku memohon perlindungan kalian, kemudian dia terus memecut untanya dan beredar.

Setibanya di pangkuan Quraisy, beliau terus disoal dengan kata mereka: "Apa yang kau capai". Jawab beliau: "Ku menemui Muhammad untuk berbicara dengannya, demi Allah tak sepatah yang dijawabnya, setelah itu aku menemui Ibnu Abi Quhafah, beliau pun sama, tidak suatu pun yang ku perolehi, kemudian terus kepada Umar Ibni al-Khattab: Ku dapati beliau musuh yang rendah profail, kemudian ku temui Ali Ibni Abi Talib, beliau adalah yang terlembut di antara kesemua, beliau telah menasihati ku melakukan sesuatu, namun demikian aku pun tak pasti apakah pendapatnya itu boleh memberi sesuatu kebaikan?" Tanya mereka: "Apakah nasihat beliau kepada

kamu?" Kata Abu Sufian: "Beliau menyuruh aku meminta perlindungan dari orang ramai, maka aku pun buatlah seperti yang beliau syorkan itu". Tanya hadirin: "Apakah Muhammad telah mempersetujuinya?" Jawab Abu Sufian: "Tidak". Kata hadirin: "Celaka kau, penasihat kau itu tak lebih dari menambahkan cemuhan orang terhadap kau". Jawab Abu Sufian: "Tidak! Demi Allah sebenarnya aku tak ada pilihan kecuali itu sahaja".

PERSIAPAN UNTUK PEPERANGAN DAN IKHTIAR MERAHSIAKANNYA

Satu petikan dari riwayat al-Tabrani mengatakan bahawa Rasulullah telah mengarah Aisyah (r.a) mempersiapkan kelengkapan dan pera(atan, iaitu tiga hari lebih awal, sebelum Rasulullah menerima berita pelanggaran terhadap perjanjian perdamaian. Persiapan Rasulullah ini tak siapa pun mengetahuinya, cuma di suatu hari Abu Bakar telah datang menemui anaknya dengan bertanya: "Anakku! Apa semua persiapan ini?" Jawab Aisyah: "Demi Allah! Saya pun tidak tahu". Kata Abu Bakar: "Demi Allah, sebenarnya ini bukan masa untuk memerangi bangsa kulit kuning itu (yakni Roman), ke mana Rasulullah hendak tuju agaknya?" Jawab Aisyah: "Entahlah, demi Allah saya kurang pasti". Di subuh hari selepas persiapan itu, tibalah Amru bin Salim al-Khuza'i bersama dengan empat puluh (40) penunggang kenderaan, Amru terus berbicara dengan Rasulullah melalui madahnya, seperti yang kita sebutkan sebelum ini. Sekalian yang mendengarnya pun mengetahui peristiwa pelanggaran perjanjian. Selepas itu disusuli pula dengan kedatangan Abu Sufian, dengan itu sahihiah peristiwa berkenaan, Rasulullah mengarah mereka supaya bersiap sedia tanpa berahsia lagi, Rasulullah memberitahu mengenai pergerakannya ke Makkah, namun beritanya tetap dirahsiakan dan ditutup rapat dengan sabdanya: Rahsiakan berita ini agar tidak sampai ke pengetahuan Quraisy supaya dapat kita gempur dan kejutkan mereka dengan kedatangan kita ke sana secara mendadak.

Sebagai usaha menutup dan mengaburkan tindakan Baginda,

Rasulullah mengutus satu unit sariyah yang terdiri lapan orang di bawah pimpinan Abu Qutadah bin Rabie' ke daerah kediaman Adham yang terletak di antara Zi al-Khasyab dan Zi al-Maruah, kira-kira sejauh tiga "Barad" dari al-Madinah. Kira-kira di awal bulan Ramadhan tahun kelapan (8) Hijrah, supaya disangka orang bahawa Rasulullah akan menuju ke sana, dan sebagai cara buat merahsiakan pergerakan yang sebenar, sariyah ini terus berjalan hinggalah sampai berita kemaraan Rasulullah ke Makkah, maka sariyah ini mengalih arahannya hingga bertemu dengan Rasulullah.

Di dalam suasana yang kritikal itu, seorang sahabat bernama Hatib bin Abi Baltaah telah mengutus risalah ke Makkah buat menceritakan pergerakan Rasulullah ke sana, beliau mengupah seorang perempuan untuk membawa risalah berkenaan. Beliau bertindak menyorok risalah berkenaan di dalam sanggulnya. Di masa itu Allah memberi tahu RasulullahNya tentang tindakan Hatib itu lantas Rasulullah mengutus Ali dan Miqdad dengan sabdanya: Ayuh kamu berdua ke sana hingga ke tempat bernama "Raudhah Khakh" kerana di sana ada seorang perempuan ya.ng membawa risalah untuk Qm-aisy. Mereka berdua terus bergerak ke sana, hingga sampai ke tempat seperti yang disebut oleh Rasulullah, setelah berhadapan dengan perempuan yang disebutkan itu, mereka meminta perempuan berkenaan turun dari kenderaannya dengan berkata: "Kamu membawa risalah?" Jawab perempuan itu: "Aku tidak ada sebarang .risalah pun". Ali dan Miqdad pun memeriksa kenderaannya dan tidak didapati sebarang apa pun; kemudian kata Ali: "Aku bersumpah dengan nama Allah, masakan Rasulullah berdusta dan membohongi kita, demi Allah kau mesti serahkan surat itu atau kalau tidak kami telanjangkan kau".

Setelah beliau melihat kesungguhan Ali maka katanya: "Ayuh berpaling dari sini", setelah beliau berpaling, perempuan itu pun merungkai sanggulnya dan dikeluarkan risalah berkenaan, serta diserahkan kepada Ali, dengan itu mereka berdua kembali membawanya kepada Rasulullah. Baginda mendapati surat berkenaan, bunyinya: (Dari Hatib bin Abi Baltaah ke hadapan Quraisy)

memaklumkan mereka mengenai pergerakan Rasulullah, maka Rasulullah pun menjemput Hatib dengan bertanya: "Apakah motifnya yang membawa kamu menulis risalah kepada Quraisy?" Jawab Hatib: "Wahai Rasulullah janganlah segera menghukum ke atasku. Demi Allah daku ini tetap beiiman dengan Allah dan RasulNya, tidak sekali pun aku murtad atau menukar agama, tetapi daku ini seorang lelaki yang terikat dengan Quraisy namun bukanlah sebahagian dari mereka, cuma anak dan keluargaku sahaja berada di sana, malahan daku tidak ada sebarang ikatan kekeluargaan di sana yang boleh menjaga keselamatan di antara satu sama lain, maka di sini ku sukalah sebagai mengganti kekurangan ku tadi dengan menjadikan mereka sebagai pihak yang boleh menjaga keselamatan anak-anakku di sana.

Kata Umar: "Wahai Rasulullah serahkan sahaja si munafiq ini untuk ku penggal lehernya, orang ini sudahpun mengkhianati Allah dan RasulNya. Dia sudah menjadi munafiq." Jawab Rasulullah: "Beliau ini adalah peserta peperangan Badar, mana tahu, boleh jadi Allah telah membuka sesuatu kepada tentera Badar. Kemudian Rasulullah bersabda: Lakukanlah apa yang hendak kamu lakukan, sebenarnya aku mengampuni kamu. Di masa itu air mata beliau mengalir dipipinya dan berkata: Sesungguhnya Allah lebih mengetahui.

Demikian kehendak Allah untuk menjaga supaya tidak ada sebarang berita mengenai persiapan dan pergerakan kaum muslimin yang sampai ke pengetahuan Quraisy.

PERGERAKAN TENTERA ISLAM KE ARAH MAKKAH

Sepuluh hari terakhir bulan Ramadhan tahun lapan (8) Hijrah Rasulullah pun bergerak keluar dari al-Madinah menuju ke Makkah dengan bala tentera seramai sepuluh ribu orang yang kesemuanya dari kalangan para sahabat. Baginda melantik Abu Rahm al-Ghaffari sebagai Amir di Madinah.

Semasa Baginda di al-Juhfah atau selepasnya, Baginda telah bertemu dengan bapa saudaranya al-Abbas bin Abdul al-Mutalib yang telah keluar bersama-sama dengan anak keluarganya sebagai seorang muslim

untuk berhijrah, dan semasa Baginda di "al-Abwa"' Rasulullah (s.a.w) bertemu dengan anak bapa saudaranya Abu Sufian bin al-Harith dan anak emak saudaranya Abdullah bin Abi Umaiyah, tetapi Rasulullah berpaling dari mereka berdua kerana sebelum ini mereka berdua merupakan di antara orang yang banyak menyakiti dan mencela Baginda, justeru itu maka kata Ummu Salamah kepadanya: "Kedua-dua anak saudara mu itu tidakkah lebih jahat dari orang lain". Manakala Ali pula menasihati Abu Sufian bin al-Harith dengan katanya: "Ayuh kamu datang sahaja ke hadapan Rasulullah dan katakanlah seperti mana katanya saudara-saudaraYusof kepada adik mereka:

"Kata mereka: Demi Allah sebenarnya Allah telah mengutamakan engkau dari kami, dan kendatipun kami ini sesungguhnya bersalah".

(Yusuf: 91)

Sesungguhnya Baginda tidak akan membiarkan seseorang yang lebih baik percakapannya. Abu Sufian pun mematuhi nasihat Ali, hingga membawa Rasulullah menjawab dengan katanya:

"Kamu di hari ini tidak akan ditempelak lagi, semoga Allah mengampunkan dosa kamu dan dialah Maha mengasihani dari segala pengasih.

(Yusuf: 92)

Dengan itu Abu Sufian mendendang beberapa rangkap syairnya:

Demi jiwa ketikaku membawa panji Mengatasi kuda al-Lata melawan Muhammad Bagaikan musafir kebingungan di malam nan gelap

Masa hidayat dah tiba. Kini ku ditunjuk Bukan diri ku yang menunjuk Malah orang yang ku buru dahulu Membawa daku ke penjuru hidayah.

Kemudian Rasulullah menepuk dadaku dengan sabdanya:

"Oh! rupanya kau yang memburuku dahulu"

TENTERA ISLAM SINGGAH DI MAR AL-ZAHRAN

Rasulullah meneruskan perjalanannya dalam keadaan berpuasa. Orang ramai pun turut berpuasa, hinggalah apabila Baginda sampai ke al-Kadid, kawasan air yang terletak di antara Asafan dan al-Kadid,

Baginda membuka puasanya, maka sekalian tentera pun turut berbuka. Dari situ Baginda terus bergerak hingga sampai ke "Mar al-Zahran" dikenali juga sebagai Wadi Fatimah. Semasa Rasulullah singgah di situ, waktu sudah hampir isya', di situ Rasulullah memerintah tentera berkhemah, mereka menyalakan api, kira-kira ribuan api yang dinyalakan. Rasulullah melantik Umar sebagai orang yang bertanggungjawab.

ABU SUFIAN DI HADAPAN RASULULLAH (S.A.W)

Sewaktu Rasulullah singgah di Mar al-Zahran, al-Abbas pun mengambil baghal Rasulullah yang bernama "al-Baydha" dan keluar mencari-cari kalau-kalau ada orang yang mencari kayu api atau siapa sahaja yang boleh memberitahu kepada Quraisy, supaya mereka keluar meminta perl.indungan dari Rasulullah sebelum Baginda masuk ke Makkah.

Sebenarnya Allah telah pun menggelapkan sebarang berita dari sampai ke pengetahuan Quraisy, namun dengan tindakan mereka itu menjadikan mereka ternanti-nanti dan keluh kesah. Abu Sufian sering keluar ke pinggiran Makkah memerhati kalau-kalau dapat memperolehi khabar selanjutnya, di suatu masa beliau keluar bersama Hakim bin Hazim dan Budail bin Warqa' untuk mendapat berita mengenai al-Madinah.

Kata al-Abbas: "Demi Allah sesungguhnya semasa ku berjalan-jalan dengan menunggangi bighal Rasulullah itu, aku dengar suara Abu Sufian yang sedang berbual-bual dengan Budail dan berbincang-bincang, di mana Abu Sufian berkata kepada Budail: Aku tidak perhah melihat api yang dinyalakan dan khemah yang tertegak seperti malam ini. Maka jawab Budail: "Demi Allah ini adalah kerja Khuza'ah, yang telah dirangsangkan oleh peperangan dahulu". Kata Abu Sufian pula: "Takkanlah ini 'Khuza'ah, bilangan mereka kecil yang boleh diperlekeh, takkanlah semua itu api dan tenteranya."

Kata al-Abbas: "Aku kenali suaranya itu, laluku berkata: Wahai Abu Hanzalah? Beliau pun segera mengenali suaraku, jawab beliau: Kamu

Abu al-Fadhl? Jawab ku: Ya. Tanya beliau: Apa hal kamu? Ibu bapaku menjadi qurban demi kepentingan kau, kata ku: Itu dia Rasulullah bersama-sama orangnya, dibumi Allah esok pagi Baginda berhadapan dengan Quraisy."

Kata Abu Sufian: "Demi Ibu-bapaku, apakah jalan penyelesaiannya?" Kata ku, Demi Allah! Kalau Baginda sempat menangkap kau, pasti Baginda pancung leher kau, Ayuh ikut belakang baghal ini supaya kita menemui Baginda untuk meminta perlindungan dan keamanan." Dengan itu beliau pun ikut al-Abbas, sedang dua orang kawannya tadi beredar pulang ke Makkah.

Kata al-Abbas: "Ku pun bawa Abu Sufian, bila sahaja kami melalui salah satu unggunan api tentera-tentera Islam mereka bertanya: Siapa ini? Tapi bila mereka melihat baghal Rasulullah (s.a.w) yang ku tunggangi itu mereka berkata: Ayuh bapa saudara Rasulullah dengan baghal Baginda, tapi bila sahaja ku sampai keunggunan api Umar bin al-Khattab, beliau menyapa, katanya: "Siapa ini", beliau segera bangun menuju ke arah ku, bila sahaja beliau ternampak Abu Sufian di belakang ku terus beliau berkata: "Abu Sufian, musuh Allah?" Al-Hamdulillah yang membolehkan kau memegangnya tanpa janji dan ikatan. Kemudian terus beliau pergi untuk menemui Rasulullah, Daku pun terus bergegas juga hingga dapat ku dahuluinya, ku pun segera menemui Rasulullah, dan Umar pun mengikut masuk dengan berkata: "Wahai Rasulullah (s.a.w) ini dia Abu Sufian, biar ku pancung kepalanya", kemudian sampuk ku: "Wahai Rasulullah aku telah lindungi beliau ini, dengan itu aku pun duduk berhampiran Rasulullah sambil ku memegang kepalanya, dengan kata ku: Demi Allah, di malam ini tidak ada orang yang akan berbicara dengannya selain dari ku sendiri." Oleh kerana Umar terlalu banyak sangat mempersoal Abu Sufian maka kata ku: "Bertenanglah wahai Umar! Demi Allah, kalaulah yang dipersoalkan ini salah seorang tokoh banu Adi bin Kaab takkan ku berkata demikian." Dan jawab beliau: "Bertenanglah wahai Abbas, demi Allah! Islam mu ini lebih suka kepada ku dari Islam al-Khattab, kalau beliau Islam, bagi .ku tidak ada apa-apa perasaan, kerana

memang ku tahu bahawa keislaman mu itu lebih sayang bagi Rasulullah (s.a.w) dari keislaman al-Khattab."

Akhirnya, kata Rasulullah: "Abbas! Ayuh pergilah ke tempat haiwan tunggangan mu itu, tapi bila subuh menjelang nanti bawa beliau ini ke hadapan ku". Ku pun beredar dari situ. Di pagi hari itu ku pun terus bawa Abu Sufian menemui Rasulullah. Sebaik sahaja Rasulullah melihat Abu Sufian terus Baginda berkata: "Bedebah kau Abu Sufian, masih belum sampaikah masanya lagi untuk kau kenali bahawa tiada Tuhan melainkan Allah?". Jawab Abu Sufian: "Demi kaulah ibu ayahku, betapa mulianya kau ini, betapa berlapang hati kau dan betapa cinta perhubungan kau ini? kalaulah ku mempercayai bersamanya ada sekutu yang lain pasti ku restui manfaat darinya".

Sabda Rasulullah lagi: "Bedebah kau Abu Sufian, masih belum sampai masanya lagi untuk kau kenali yang daku ini Rasul utusan Allah?". Kata Abu Sufian: "Demi kaulah ibu bapaku! Betapa mulianya kau, betapa berlapang hati kau dan betapa cinta perhubungan kau ini! Adapun disaat ini, hatiku masih belum boleh minerima sepenuhnya. Maka kata al-Abbas: "Bedebah sungguhnya kau ini, ayuh segera Islam, dan ucaplah bahawa Tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu Pesuruh Allah, sebelum leher kau dipancung". Dengan itu beliau pun memeluk Islam dan mengucap ucapan kebenaran itu.

Kemudian kata al-Abbas pula: "Wahai Rasulullah, Abu Sufian ini jenis manusia suka berbangga, buatlah sesuatu untuk beliau". Kata Rasulullah (s.a.w): "Ya, sesiapa yang berlindung di dalam rumah Abu Sufian beliau adalah selamat dan sesiapa masuk ke dalam rumahnya dan mengunci dari dalam maka beliau pun selamat dan sesiapa memasuki Baitullah al-Haram maka beliau ini pun selamat juga".

TENTERA ISLAM MENINGGALKAN MAR AL-ZAHRAN MENUJU KE MAKKAH

Di pagi hari itu, iaitu pagi hari Rabu tanggal tujuh (7) Hijrah Rasulullah (s.a.w) bergerak meninggalkan Mar al- Zahran menuju ke Makkah dengan memerintah al-Abbas supaya membawa Abu Sufian ke

segenting suatu lembah untuk memerhati pergerakan tentera Islam dari atas tebing cerun bukit. al-Abbas pun membawa Abu Sufian ke sana. Bila tiba di situ, terdapat satu qabilah dengan panji-panjinya lantas beliau bertanya: "Wahai Abbas itu siapa?" Maka jawab Abbas seperti katanya: "Itu Sulaim", maka sampuk beliau: "Apa peduli aku dengan Sulaim". Lepas itu berlalu pula qabilah yang lain, maka tanya Abu Sufian: "Siapa mereka itu?" Jawab al-Abbas: "Itu Muzainah". Kata Abu Sufian: "Apa peduli aku dengan Muzainah". Hingga selesai semua Qabilah berlalu di situ, maka semuanya disoal, kata Abu Sufian, kesemuanya beliau menjawab: Apa peduli aku dengan yang itu dan yang ini, hinggalah diakhirnya Rasulullah memintas dari situ dalam satu kontinjen yang serba hijau, padanya al-Muhajirin dan al-Ansar, pandangan tajam ke hadapan. Kata Abu Sufian: "Subhanallah, siapa mereka ini wahai al-Abbas?". Jawab al-Abbas: "Yang itu Rasulullah bersama kaum Muhajirin dan Ansarnya. Maka kata Abu Sufian: "Tak seorang pun berdaya berhadapan dengan mereka ini. Dan sambungnya lagi: Demi Allah wahai Abu al-Fadhl, "kerajaan" anak saudara mu ini sudah menjadi besar di hari ini". Kata al-Abbas: "Wahai Abu Sufian, itu adalah "kenabian". Jawab beliau; Ya, itulah satu anugerah.

Panji al-Ansar dibawa oleh Saad bin Ubbadah, sebaik sahaja beliau melintasi di hadapan Abu Sufian maka kata beliau: "Hari ini hari pertarungan, hari dihalalkan di bumi haram ini, malah di hari Allah menghinakan Quraisy. Apabila Rasulullah tiba bertentangan dengan Abu Sufian, beliau bertanya: "Wahai Rasulullah (s.a.w) tidakkah kau dengar apa yang telah dituturkan oleh Saad tadi?". Kata Rasulullah: "Apa katanya?" Jawab Abu Sufian: "Beliau kata begini-begini". Maka kata Uthman dan Abd al-Rahman bin Auf: "Wahai Rasulullah, kita tak boleh harap, nanti berlaku pertarungan terhadap Quraisy. Maka jawab Rasulullah: "Malahan di hari inilah Kaabah diagungkan dan dengannya Allah memuliakan Quraisy", Kemudian Rasulullah mengutus seorang sahabat kepada Saad untuk memindahkan panji yang di bawanya tadi ke tangan anaknya Qais, dengan itu bererti panji masih tidak terlepas dari Saad lagi, namun ada pendapat mengatakan berpindah ke tangan

al-Zubair.

QURAISY MENCABAR KEMARAAN TENTERA ISLAM

Sewaktu Rasulullah melalui di hadapan Abu Sufian, al-Abbas berkata kepadanya; "Ayuh selamatkan kaum kau". Abu Sufian pun bergegas pulang ke Makkah, sesampainya beliau ke Makkah, terus beliau melaung sehabis suaranya:

"Wahai kalian Quraisy, itu dia Muhammad telah datang dengan tenteranya yang belum pernah ku saksi sebelum ini, maka sesiapa yang berlindung di rumah Abu Sufian beliau adalah selamat", lalu isterinya Hindun binti Utbah menuju ke arahnya lantas menarik misainya dan berkata: "Bunuh si gemuk gedempul yang tak berguna ini, hodoh sungguh pengawal peninjau ini".

Kata Abu Sufian pula: "Binasalah kamu, di hari ini jangan kamu bersombong diri, kerana hari ini Baginda telah datang dengan bala tentera yang belum pernah dilihat seramai ini, Ayuh cepat, siapa yang berlindung di rumah Abu Sufian beliau adalah selamat". Jawab orang-orang Quraisy: "Celaka engkau, apa yang boleh menyelamatkan kami sekiranya kami berada di dalam rumah mu ini?". Sambung Abu Sufian: "Siapa yang masuk ke dalam rumahnya dan mengunci dari dalam, beliau juga terselamat dan sesiapa memasuki al-Masjid beliau juga selamat". Dengan itu, orang ramai pun segera berpecah dan memasuki rumahnya dan al-Masjid, di samping mengumpulkan askar-askar biasa mereka dengan berkata: "Kita kedepankan mereka ini, tapi sekiranya berlaku sesuatu ke atas Quraisy maka kita akan bersama dengan mereka ini, sekiranya mereka terbunuh maka kita bayar sahaja apa yang mereka pinta dari kita". Di suatu tempat segolongan Quraisy yang singkat pemikiran berkumpul dengan Ikrimah bin Abi Jahal, Sufwan bin Umaiyah dan Suhail bin Amru. Tempat itu dikenali sebagai al-Khandamah bertujuan memerangi kaum muslimin. Di antara mereka ada seorang dari qabilah Banu Bakar bernama Hamas bin Qais, beliau sebelum ini bertugas mengumpul senjata, di suatu hari pernah ditanya oleh isterinya: "Kenapa kamu menyediakan apa yang ku lihat ini?".

Jawab beliau: "Kesemua ini untuk Muhammad dan sahabat-sahabatnya". Jawab isterinya: "Tak ada suatu pun yang boleh menghalang Muhammad dan sahabat-sahabatnya". Maka kata Hamas: "Demi Allah, sebenarnya aku hendak membuat sesuatu yang baik untuk kau, lantas beliau bermadah:

Sekira mereka mara, tiada bagiku alasan

Ini dia senjata nan lengkap peralatan

Serampang ku pun bermata dua

Tangkas pula pukulannya

Beliau ini salah seorang yang berkumpul di al-Khandamah.

TENTERA ISLAM DI ZI TAWA

Rasulullah (s.a.w) telahpun bergerak hingga sampai ke "'Zi Tawa", semasa berjalan Rasulullah (s.a.w) sentiasa menunduk kepalanya merendah diri kepada Allah. Setelah melihat pemberian Allah kepadanya dengan kemenangan dan pembukaan Kota Makkah, terasa seakan janggutnya mencecah belakang tunggangannya. Semasa di "Zi Tawa" Rasulullah menyusun tenteranya, Baginda meletakkan Khalid bin al-Walid di sebelah kanan bersama-sama dengan beliau ialah Aslam, Salim, Ghaffar, Muzainah, Juhainah dan beberapa qabilah-qabilah Arab yang lain. Diarahnya Khalid supaya memasuki Makkah dari sebelah bawah, dengan pesanannya: "Kalau kamu dapati ada orang-orang Quraisy yang menghalang kamu, kamu boleh bunuh mereka, hinggalah kamu menemui daku di al-Safa".

Al-Zubair bin al-Awwam diletakkan di sebelah kiri, bersama-sama beliau ialah Panji Rasulullah, beliau diarah supaya memasuki Makkah dari sebelah atas iaitu dari arah "Kada9", panji itu dipacakkan di al-Hajjun, beliau menunggu di situ hinggalah Rasulullah sampai.

Adapun Abu Ubaidah bin al-Jarrah memimpin tentera pejalan kaki yang tidak membawa peralatan perang, beliau di arah supaya mengambil jalan "Baton al-Wadi", bergerak hingga bertemu dan berdepan dengan Rasulullah di Makkah.

TENTERA ISLAM MEMASUKI MAKKAH

Setiap pasukan tentera Islam yang dibahagikan itu mengambil laluan masing-masing yang telah diarah kepada mereka. Adapun Khalid dan sahabat-sahabatnya tetap menundukkan sesiapa sahaja yang menghalang, namun dua orang dari sahabatnya iaitu Kurz bin Jabir al-Fihri dan Khanis bin Khalid bin Rabi'ah telah terkeluar dari kumpulannya, di mana mereka telah mengambil jalan lain menyebabkan mereka dibunuh. Golongan Quraisy yang singkat pemikiran (al-Sufaha') telali bertembung dengan Khalid bin al-Walid dan sahabat-sahabatnya di al-Khandamah. Justeru itu maka berlakulah satu pertarungan kecil hingga terbunuh dua belas (12) orang musyrikin dan berakhir dengan kekalahan Quraisy. Hamas bin Qais yang dahulunya menyediakan peralatan senjata buat melawan Rasulullah (s.a.w) telah melarikan diri ke dalam rumahnya dan meminta isterinya mengunci dari dalam. Hal ini menyebabkan isterinya kehairanan dan berkata: "Di mana kau ini? kan dahulu kamu telah berkata-kata dan bermadah". Jawab Hamas:

Kiranya kau menyaksi medan Khandamah

Ketika larinya Safwan dan Ikrimah

Pedang muslim telah menyambut kami semua

memenggal setiap lengan dan kepala

Tidak kedengaran selain pukulan

di belakang kami masih terdengar tetakan

Pasti kau membisu tanpa celaan.

Khalid terus mara mengeledah penjuru Makkah, akhirnya beliau sampai ke hadapan Rasulullah di al-Safa. Manakala al-Zubair maju ke hadapan hingga sampai ke Al-Hajjun di tepi masjid al-Fatah beliau memacak panji Rasulullah (s.a.w), beliau tidak ke mana-mana hinggalah Rasulullah datang.

RASULULLAH MEMASUKI AL-MASJID AL-HARAM DAN

MEMBERSIHKANNYA DARI BERHALA-BERHALA

Setelah itu Rasulullah pun bangun sedang kaum Muhajirin dan al-Ansar mengelilingi Baginda dan memasuki al-Masjid, terus Baginda ke Hajar al-Aswad dan menyentuhnya dengan tangan Baginda, kemudian terus bertawaf mengelilingi Kaabah, Baginda menjatuhkan berhala-hala sebanyak tiga ratus enam pulu(i (360) .itu dari atas Kaabah, dengan busar panah yang di tangannya sambil berkata:

"Kebenaran telah datang dan kebatilan menghilang, sesungguhnya kebatilan itu telah terpadam"

(al-Isra': 81)

"Kebenaran telah datang dan kebatilan tiada lagi menjelang dan tiada pula ia berulang "

(Saba': 49)

Di masa yang sama berhala-hala pun jatuh dan tumbang, hancur berderai-derai. Rasulullah melakukan tawaf di sekeliling Kaabah dengan menunggang kenderaannya, di masa itu bertawaf dengan menunggang kenderaan belum diharamkan lagi di dalam syarak. Baginda hanya melakukan tawaf sahaja, apabila Baginda menyempurnakan bilangan tawaf, Rasulullah terus memanggil Uthman bin Talhah, Baginda mengambil anak kunci Kaabah darinya dan disuruh membuka pintu Kaabah. Apabila Baginda melangkah masuk Baginda mendapati di dalamnya gambar-gambar, di antaranya gambar Saidina Ibrahim dan Ismail (a.s) yang sedang bersumpah dengan berhala. Kata Rasulullah: "Allah memusnahkan mereka yang mengada-adakan semuanya ini? Demi Allah mereka tidak pun pernah bersumpah dengan berhala". Kemudian Baginda terlihat ukiran kayu seekor burung merpati, terus Baginda memecahkannya, manakala gambar-gambar di dalam Kaabah diperintah supaya dipadamkannya.

RASULULLAH BERSOLAT DI DALAM KAABAH KEMUDIAN MEMBERI UCAPAN DI KHALAYAK QURAISY

Selepas itu Baginda Rasulullah (s.a.w) menutup pintu Kaabah sedang

Baginda di dalam Kaabah bersama Usamah dan Bilal, di situ Baginda berdiri dengan membelakang pintu Kaabah, apabila Baginda melangkah ke depan dengan jarak tiga hasta Baginda berhenti di situ, jadi dua tiang sebelah kirinya dan satu tiang berada di sebelah kanan Baginda. Di belakang Baginda tiga tiang, kerana al-Haram di masa itu didirikan atas enam batang tiang. Baginda bersembahyang di situ, setelah Baginda berjalan-jalan di dalam Kaabah, bertakbir di setiap penjurunya, menyebut kalimah Tauhid, kemudian barulah Baginda membuka pintunya, di masa itu Quraisy sedang memenuhi ruang masjid secara bersaf menunggu apa yang hendak dilakukan oleh Rasulullah ke atas mereka. Rasulullah memegang lawang pintu Kaabah, sedang khalayak Quraisy menunggu di bawah, dengan sabdanya: "Tiada Tuhan melainkan Allah, tiada sekutu bagiNya, benar janjiNya, membantu hambaNya, mengalahkan golongan Ahzab sendiriNya, ingatlah setiap warisan lama, setiap warisan Jahiliah samada harta benda atau darah kesemuanya di bawah kakiku ini, kecuali penjaga Baitullah dan pemberi minum kepada Jemaah Haji. Ingatlah, pembunuhan secara tersalah adalah hampir seperti dengan tindakan secara sengaja dengan menggunakan cemeti dan rotan dendanya terlalu berat, iaitu seratus ekor unta, empat puluh darinya sedang sarat mengandung.

Wahai kalian Quraisy, sesungguhnya Allah telah pun melenyapkan dari kamu kesombongan jahiliah, sikap bermegahan dengan baka keturunan, sebenarnya manusia adalah dari Adam sedang Adam adalah dari tanah. Kemudian Baginda membaca ayat al-Quran:

"Wahai manusia sesungguhnya Kami ciptakan kamu sebagai lelaki dan perempuan, dan Kami ciptakan kamu berbangsa-bangsa berqabilah-qabilah untuk kamu berkenalan, sesungguhnya yang termulia dari kamu di sisi Allah ialah yang paling bertaqwa, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui Lagi Bijaksana "

(al-Hujuraat: 13)

HARI INI KAMU TIDAK DITEMPELAK LAGI

Kemudian sambung Baginda dengan sabdanya:

"Wahai kalian Quraisy, apakah yang kamu fikirkan akan ku lakukan terhadap kamu semua?" Jawab mereka: "Tentulah baik, kerana saudara seorang yang mulia anak kepada saudara yang mulia". Maka jawab Rasulullah: "Sesungguhnya aku berkata kepada kalian seperti Yusof telah berkata kepada saudara-saudaranya:

Tiada tempelak ke atas kamu di hari ini, Ayuh beredarlah, kamu semua bebas.

KUNCI KAABAH DIKEMBALIKAN SEMULA KEPADA PENJAGANYA

Selepas semuanya itu, Rasulullah (s.a.w) duduk semula di dalam al-Masjid, di mana Ali bin Abi Talib (r.a) bangun dan menemui Rasulullah sambil memegang kunci pintu Kaabah, dengan berkata: "Wahai Rasulullah, berilah tugas menjaga Kaabah dan tugas memberi minum kepada kami, semuga Allah memberi selawat ke atas engkau". Tetapi di dalam riwayat yang lain yang mengemukakan permohonan itu ialah al-Abbas. Di sini Rasulullah bersabda: "Di mana Uthman bin Talhah?" Dengan itu dijemput Uthman bin Talhal ke hadapan Rasulullah dan Rasulullah berkata: "Ini dia kunci untuk engkau, hari ini adalah hari kebaikan dan tunai janji". Mengikut riwayat Ibn Sa'd di dalam kitab bernama al-Tabaqat bahawa Baginda telah berkata kepada Uthman semasa penyerahan kunci itu dengan sabdanya: "Ambillah kunci ini untuk selama-lamanya, ianya tidak akan dirampas kecuali yang zaiim, sesungguhnya Allah telah meletakkan amanatnya ke atas kamu, dan makanlah segala sesuatu yang tersampai kepada kamu dari rumah Allah ini dengan ma' ruf".

BILAL BERAZAN ATAS KAABAH

Bila masuk sahaja waktu solat Rasulullah pun menyuruh Bilal (r.a) memanjat ke atas Kaabah untuk melaung azan dari atas sana, sedang di masa itu Abu Sufian bin Harab, Utab bin Usaiyed dan al-Harith bin Hisyam duduk di laman Kaabah, maka kata Utab: "Sesungguhnya Allah telah membiarkan Usaiyed untuk tidak mendengar laungan ini,

kerana ianya boleh memberangkan beliau", maka jawab al-Harith: "Demi Allah seandainya ku mengetahui ianya satu kebenaran dari dahulu lagi ku ikutinya", sampuk Abu Sufian: "Demi Allah, aku tidak akan.membuat sebarang ulasan, kalaulah aku bercakap nescaya anak-anak batu ini akan menceritakan segalanya". Di masa itu Rasulullah pun muncul di khalayak mereka dengan berkata: "Aku tahu apa yang kamu semua bercakap-cakap tadi", maka terus Baginda menceritakan apa yang mereka perkatakan tadi. Kata al-Harith dan Utab: "Kami bersaksi tuan hamba adalah Pesuruh Allah. Demi Allah tiada siapa pun di sini yang boleh menuduh bahawa si pulan telah menceritakan kepada tuan hamba.

SOLAT PEMBUKAAN KAABAH ATAU SOLAT SYUKUR

Di hari itu Rasulullah masuk ke dalam rumah Ummu Hani binti Abi Talib, Baginda bersuci kemudian sembahyang lapan rakaat di dalam rumahnya, keifika itu adalah waktu dhuha, ada orang menyangka Rasululluh sembahyang dhuha:

yang sebenarnya Baginda bersolat kemenangan di atas pembukaan kota Makkah. Di masa itu Ummu Hani telah pun memberi perlindungan kepada dua orang mertuanya, maka kata Rasulullah: "Kami melindungi orang yang dilindungi oleh Ummu Hani". Sebelum ini saudaranya Ali bin Abi Talib menuntut untuk membunuh m'breka berdua, namun beliau telah menutup pintu rumahnya, justeru itulah maka beliau bertanyakan Rasulullah dan Rasulullah pun memberi penegasan kepada beliau.

MENGHALAL DARAH BEBERAPA ORANG KEPALA PENJENAYAH

Di hari berkenaan Rasulullah menghalalkan darah sembilan orang kepala penjenayah Makkah, malah Rasulullah memerintahkan supaya dibunuh kesembilan-kesembilan mereka walau pun didapati mereka berpaut ditirai Kaabah, mereka ialah: Abd al-Uzza bin Khatal, Abdullah Ibni Abi Surah, Ikrimah bin Abi Jahal, al-Harith bin Nufail

bin Wahab, Muqis bin Sababah, Habbar bin Aswad, dua orang penyanyi wanita milik Ibn Khatal, kedua mereka ini sering mencaci Rasulullah melalui nyanyian mereka dan Sarah hamba perempuan milik seorang Banu Abdul Muttalib, beliau inilah yang membawa risalah dari Hatib bin Abi Baltaah.

Ada pun Ibni Abi Surah, telah dibawa oleh Saidina Uthman k ehadapan Rasulullah, beliau menjadi orang tengah kepada Rasulullah, maka dengan itu terhindarlah nyawa beliau dari ancaman pembunuhan, malah Rasul telah menerima pengakuan Islamnya, di mana sebelum ini Baginda menangguh untuk menerimanya, dengan harapan akan terdapat di kalangan sahabat yang bertindak membunuhnya, kerana beliau sebelum ini sudah memeluk Islam dan turut berhijrah kemudian beliau murtad dan lari balik ke Makkah.

Ikrimah bin Abi Jahal telah melarikan diri ke negeri Yaman, namun isterinya telah berusaha mendapatkan perlindungan, maka Rasulullah pun memberi jaminannya, dengan itu beliau telah berusaha untuk mendapat kembali suaminya yang lari itu, setelah bertemu beliau turut pulang ke Makkah dan memeluk Islam akhirnya beliau menjadi seorang Islam yang baik.

Manakala Ibni Khatal didapati sedang bergantung di tirai Kaabah, hal beliau telah dilaporkan kepada Rasulullah, maka kata Baginda: "Bunuh sahaja". Maka beliau pun terus dibunuh di situ. Adapun Muqais bin Sababah telah dibunuh oleh Namilah bin Abdullah, Muqais sebelum ini telah pun ' memeluk Islam, tiba-tiba berlaku peristiwa di mana Muqais telah menyerang seorang lelaki Ansar menyebabkan beliau membunuh lelaki Ansar, kemudian beliau murtad dan lari menyertai kaum musyrikin di Makkah.Al-Harith merupakan orang yang paling, menyakiti Rasulullah semasa di Makkah. Beliau telah dibunuh oleh Ali bin Abi Talib.

Habbar bin al-Aswad adalah orang yang menganggu Zainab binti Rasulullah di hari beliau hendak berhijrah menyebabkan beliau terjatuh ke atas ketulan batu hingga berlaku keguguran, namun di hari pembukaan beliau telah lari dari Makkah, kemudian beliau memeluk

Islam dan menjadi orang baik.

Malah seorang dari dua orang penyanyi telah dibunuh, yang kedua telah diberi jaminan keselamatan, justeru itu beliau memeluk Islam, sebagaimana berlaku kepada Sarah yang juga turut memeluk Islam.

Kata ibnu Hajar: Abu Ma'syar telah menyebut tentang mereka yang telah diisytiharkan halal darah, mereka ialah al-Harith bin Talatil al-Khuzai'e beliau telah dibunuh oleh Ali. Al-Hakim menyebut bahawa di antara mereka yang dihalalkan darahnya ialah Kaab Zuhair, cerita mengenai beliau adalah cerita yang terkenal, akhirnya beliau memeluk Islam dan bermadah memuji Rasulullah.

Adapun perihal Wahsyi bin Harb dan Hind binti Utbah berakhir dengan memeluk Islam, manakala Arnab hamba perempuan Ibnu Khatal telah terbunuh, juga Ummu Saad sebagaimana yang diceritakan oleh Ibnu Ishak, dengan itu maka genaplah bilangan mereka yang dibunuh semasa pembukaan Makkah itu lapan orang lelaki dan enam perempuan. Berkemungkinan Arnab dan Ummu Saad itu adalah dua orang penyanyi, berlaku ikhtilaf pendapat mengenai kedua-dua nama mereka atau nama keduanya itu sebenarnya nama timangan atau gelaran.

SAFWAN BIN UMAIYAH DAN FUDHALAH BIN UMAR MEMELUK ISLAM

Safwan bin Umaiyah tidaklah merupakan di antara tokoh yang dihalalkan darahnya, namun sifatnya sebagai pemimpin besar di dalam masyarakat, membawa beliau mencurigai keselamatan dirinya sendiri, maka sebab itu beliau melarikan diri, dan beliau dipohon keamanan dari Rasulullah oleh Umair bin Wahab al-Jumahi: Rasulullah pun menerima permintaan Umair itu, sebagai tanda, Baginda memberikan beliau serbannya yang dipakai semasa memasuki kota Makkah. Amir pun segera mendapatkan Safwan yang sedang hendak menaiki kapal layar yang akan bertolak ke negeri al-Yaman. Amir cepat-cepat memegang Safwan, dan memberi tahu kepadanya bahawa beliau telah meminta dari Rasulullah untuk memberi masa kepada beliau yakni

Safwan selama dua bulan untuk beliau membuat keputusan, tetapi Rasulullah telah menjawab dengan sabdanya: "Aku beri empat bulan". Maka dengan itu Safwan pun memeluk Islam. Sebenarnya isterinya sudah pun memeluk Islam terlebih dahulu darinya sebelum ini, dan Rasulullah telahpun memperakui dengan akad pertama mereka dahulu.

Fudhalah adalah seorang wira yang berani, beliau telah datang menghampiri Rasulullah semasa bertawaf dengan tujuan untuk membunuh Baginda. Tetapi Rasulullah'semasa berseiringan dengan Fudhalah, Baginda memberi tahu beliau tentang rancangan jahat beliau yang terpendam di dalam hatinya, menyebabkan beliau terus memeluk Islam.

PENYAMPAIAN RASULULLAH DI HARI KEDUA PEMBUKAAN MAKKAH

Pada keesokan hari Rasulullah tampil ke hadapan membuat satu penyampaian kepada khalayak ramai Makkah, setelah memuji dan bertahmid kepada Allah, Baginda bersabda: "Wahai manusia kalian, sesungguhnya Allah telah mengharamkan bumi Makkah sejak langit dan bumi ini dijadikan, maka ianya menjadi haram dengan pengharaman Allah itu, hinggalah ke hari qiamat, tidak halal bagi seseorang yang beriman dengan Allah dan hari akhirat untuk menumpah darah, atau mematahkan pokok-pokok, kiranya ada orang mempersoalkan peperangan yang dilakukan oleh Rasulullah, makajawab kepada mereka: Sebenarnya Allah telah pun mengizinkan kepada RasulNya sahaja dan tidak kepada kamu, itu pun diharuskan untuk ketika tertentu sahaja, nah kini pengharaman kembali semula seperti di hari kelmarin, oleh itu yang hadir di antara kamu berkewajipan menyampaikan kepada yang tidak hadir".

Dalam satu riwayat yang lain: Tidak mematahkan sebarang durinya, tidak mengemparkan buruannya, tidak mengambil barangan tercicir kecuali orang yang mengenalinya, dan tanah lapangnya tidak boleh dibuang air (air kecil atau air besar). al-Abbas mencelah dengan katanya: "Wahai Rasulullah kecuali pokok al-Izkhir, kerana ianya

untuk hamba-hamba dan rumah mereka". Jawab Rasulullah: "Ya kecuali pokok al-Izkhir".

Sebelum ini Khuza'ah telah membunuh seorang lelaki dari Banu Laith membalas dendam di atas pembunuhan seorang anggota qabilah mereka. Sehubungan dengan perkara ini maka Rasulullah bersabda: "Wahai kalian Khuza'ah, elaklah tangan kamu dari pembunuhan, sebenarnya pembunuhan terlalu banyak, walau pun itu boleh memberi manfaat, sebelum ini kamu telahpun membunuh mangsa kamu dan kini biarlah aku membayar pampasannya, tetapi sesiapa yang membunuh selepas pemberitahuan ku ini di sini, maka keluarganya di antara dua pilihan, sekiranya mereka mahu darah maka darah pembunuhannya, atau sekiranya mereka mahu tebusan maka pampasanlah hams dibayar".

Dalam satu riwayat yang lain; Maka bangunlah seorang berketurunan al-Yaman yang dikenali sebagai "Abu Syah" menyeru: "Wahai Rasulullah! Tuliskanlah itu untukku", maka kata Rasulullah: "Ayuh tuliskanlah untuk Abu Syah".

KECURIGAAN AL-ANSAR DENGAN PERMUKIMAN RASULULLAH DI MAKKAH

Setelah selesai semua urusan mengenai pembukaan Makkah yang merupakan tanah air dan tanah tumpah darah Baginda, maka al-Ansar mencurigai sesuatu, dan mereka berbisik-bisik sesama mereka: "Apakah kamu berpendapat bahawa setelah mereka membantu Rasulullah hingga terbuka tanah airnya ini akan Baginda terus bermaustautin di sini?". Sedang di ketika itu Baginda tengah menadah tangannya yang mulia itu berdoa restu di atas bukit al-Safa', setelah selesai dari doanya itu terus Baginda bertanya: "Apa yang kamu cakap-cakapkan tadi?". Jawab mereka: "Tidak ada apa-apa, wahai Rasulullah". Baginda terus mendesak mereka mengenai apa yang mereka bisik-bisikkan itu, hinggalah mereka mencerita yang sebenar, maka segera Rasulullah menjawab dengan penegasannya: "Aku berlindung dengan Allah, sebenarnya penghidupanku adalah

dipenghidupan kamu dan kematian ku adalah dipersada kematian kamu".

AL-BAI'AH

Setelah berjayanya pembukaan Makkah dengan pertolongan Allah itu, maka tertampillah kebenaran Islam kepada penduduk Makkah dan mereka sudah pasti bahawa tiada jalan kepada kejayaan yang hakiki kecuali dengan al-I-slam, dengan itu maka mereka semua tunduk dan patuh kepada perintah-perintah Islam, mereka semua berkumpul untuk membuat pengakuan taat setie dalam satu program baiah di mana Rasulullah duduk di Bukit al-Safa dengan sekalian yang hadir manakala Umar Ibnu al-Khattab di bawah sedikit dari Rasulullah memerhati sesiapa yang hadir di situ, dengan itu semua yang datang ke situ masing-masing membuat baiah dengan Rasulullah sekadar yang terdaya mereka lakukan.

Di dalam kitab "Madarik al-Tafizil" menyebut seperti berikut: Diriwayatkan bahawa setelah Rasulullah selesai dari proses menerima baiah daripada kaum lelaki, Baginda meneruskan penerimaan baiah dari kaum wanita pula. Rasulullah duduk di bukit al-Safa' sedang Umar bin al-Khattab duduk di samping Rasulullah membaiah mereka dengan perintah Rasulullah, juga menyampaikan kepada mereka segala sesuatu dari Baginda. Dalam keadaan begitu, Hind bind Utbah, isteri Abu Sufian pun datang ke hadapan Rasulullah dengan cara menyamar diri kerana takutkan Rasulullah mengetahui beliau, kerana beliau masih mengingati tindakannya terhadap Hamzah. Maka Rasulullah berkata: "Aku membaiahkan kamu untuk tidak mensyirikkan Allah dengan barang sesuatu pun". Tugas ini dilakukan oleh Umar, dan kata Rasulullah: "Dan jangan kamu mencuri". Maka jawab Hind: "Sebenarnya Abu Sufian seorang yang bakhil, sekiranya aku ambil sedikit dari hartanya beliau akan terkilan", maka kata Abu Sufian: "Apa yang engkau ambil itu halal". Lalu Rasulullah (s.a.w) pun tersenyum kerana Baginda sudah mengenali beliau dengan katanya: "Engkau ini Hindun"?. Jawab beliau: "Ya wahai Rasulullah". Katanya lagi:

"Maafkanlah daku wahai nabi Allah", maka Rasulullah pun memaafkan beliau. Kata Baginda: "Dan tidak berzina". Kata Hindun: "Apakah seorang wanita yang merdeka wajar berzina?". Jawab Rasulullah: "Dan tidak sekali-kali membunuh anak- anak mereka". Kata Hindun pula: "Kami yang memeliharakan mereka sejak kecil lagi, dan kamulah yang membunuh mereka apabila dewasa, dan merekalah yang lebih mengetahui hal ini". Kerana anaknya Hanzalah bin Abi Sufian telah terbunuh di dalam peperangan Badar, menyebabkan Umar ketawa hingga beliau terduduk, manakala Rasulullah tersenyum sahaja.

Kata Rasulullah lagi: "Dan tidak juga melakukan perkara-perkara sumbang". Jawab Hindun: "Demi Allah kerja sumbang itu suatu yang hodoh dan jelek, sebenarnya apa yang Rasulullah perintahkan itu adalah suruhan-suruhan yang wajar lagi matang di samping suruhannya kepada akhlak-akhlak mulia". Seterusnya kata Rasulullah (s.a.w): "Dan tidak sekali-kali membantah terhadap kerja-kerja makruf (kebaikan)". Kata Hindun: "Demi Allah kami menghadiri perhimpunan sedang dalam hati kami tidak ada sedikit pun cebisan-cebisan penderhakaan".

Semasa beliau pulang ke rumahnya terus beliau memecahkan berhala-halanya sambil berkata: "Kami tertipu dengan kau".

MARHALAH KE TIGA

Ini merupakan marhalah terakhir di dalam perjalanan hidup Rasulullah S.A.W. yang mempamerkan pencapaian -pencapaian hasil usaha dakwahnya. Selepas melalui satu masa perjuangan jihad, kepenatan, tribulasi, peperangan dan pertarungan yang tidak kurangnya menumpahkan darah yang banyak kesemuanya ini Baginda harungi selama 20 tahun.

Pembukaan kota Mekah merupakan kemenangan yang kritikal yang dicapai oleh kaum muslmin di sepanjang tahun perjuangan mereka, kemenangan yang mengubah peta dan urusan perjalanan hidup seterusnya merubah suasana dan bi'ah bangsa arab itu sendiri. Pembukaan agung itu merupakan garis pemisah diantara era lama dan yang akan datang dimana sebelum ini bangsa arab yang menjadi ikutan mereka. Penundukkan kaum quraisy di bawah bendera islam dianggap

sebagai penghapusan total kepada kuasa dan penyembahan berhala di semenanjung Arab. Marhalah ini dapat dibahagikan kepada dua fasa:

FASA PERTAMA: PERJUANGAN DAN PEPERANGAN

FASA KE DUA : BANGSA YANG BERBAGAI DAN QABILAH-QABILAH ARAB BERLUMBA LUMBA

MENGANUT ISLAM.

PEPERANGAN HUNAIN

Pembukaan kota Makkah berlaku dalam satu masa yang terlalu singkat. Selepas satu pukulan mengejut, membingungkan seluruh bangsa Arab dan menjadikan seluruh qabilah yang berhampiran dengannya terkejut, mereka tidak berdaya untuk menghalanginya, oleh yang demikian mereka tidak ada jalan selairi dari menerima sahaja hakikat yang berlaku, terkecuali beberapa qabilah yang gagah, ganas dan bongkak, terutamanya seperti suku Hawazin dan Thaqif, kemudian turut membuat sikap yang sama ialah qabilah Nasr, Jasyam, Saad bin Bakar dan beberapa individu dari Banu Hilal. Kesemua mereka ini dari kelompok Qais Ailan, qabilah-qabilah ini terasa berat untuk menerima kemenangan Islam. Oleh yang demikian maka seluruh mereka telah bersekutu dengan Malik bin Auf al-Nasri dan membuat keputusan untuk bergerak mara memerangi kaum muslimin.

PERGERAKAN MUSUH DAN PERSINGGAHAN DI AUTAS

Sebaik sahaja Malik bin Auf selaku turus agung pemimpin pergerakan musuh membuat keputusan untuk bergerak memerangi kaum muslimin, maka di antara keputusannya ialah membawa bersama mereka harta-harta, kaum wanita dan anak-anak mereka. Dengan itu mereka pun bergerak hingga sampai di Autas, lembah yang terletak di daerah perkampungan Hawazin berhampiran "Hunain". Namun demikian lembah Autas bukanlah lembah Hunain, lembah Hunain terletak berhampiran Zi al-Majaz. Dari lembah Autas ke Makkah adalah sepuluh batu lebih ke arah Arafah.

YANG BERPENGALAMAN DI DALAM PEPERANGAN (MEMATAHKAN) PENDAPAT PEMIMPIN

Semasa beliau turun bersama orang ramai di Autas, di antara mereka ialah Duraid bin al-Sammah, ianya seorang yang lanjut usia dan buta, berpengetahuan mengenai peperangan, berani dan berpengalaman. Tanya Duraid: "Di lembah mana kamu sekarang?" Jawab yang hadir: "Kita sekarang di Autas," maka kata beliau: "Ianya adalah sebaik tempat untuk kuda-kuda di sini", ku menelah bahawa tiada peristiwa yang mendukakan dan tanah lapang yang tidak diceroboh, tetapi apa itu? ku dengar suara-suara unta dan teriakan keldai, malah kedengaran tangisan anak-anak dan bebekan kambing" Jawab mereka: "Sebenarnya Malik bin Auf telah mengerah habis-habisan, bersama-sama askar ialah kaum wanita, harta-harta dan anak-anak mereka, kemudian beliau menjemput Malik dan bertanyakan kenapa dibawa kesemuanya ini. Jawab beliau: "Aku hendak letak semuanya ini di belakang setiap tentera supaya setiap mereka bersemangat untuk mempertahankan haknya". Jawab Duraid: "Demi Allah, ini adalah tindakan seorang gembala kambing, bukannya seorang pemimpin bangsa. Apakah orang kalah dapat membawa balik sesuatu?

Sebenarnya walaupun kesemuanya itu milik kau tetapi ianya tidak memberi sebarang faedah pun kepada seorang pahlawan selain dari pedang dan tombaknya. Seandai kau kalah bererti kau telah menempah padah buruk ke atas keluarga kau dan harta kau". Kemudian beliau bertanya kepada qabilah- qabilah lain dan pemimpin-pemimpinnya. Dan katanya lagi: "Wahai Malik, sebenarnya kau belum lagi menyediakan perisai "Huwazin" ke leher-leher kuda-kuda mereka, Ayuh letakkan mereka di dalam benteng-benteng negara mereka, dan status ketinggian bangsa mereka, kemudian berhadapanlah dengan pengikut Muhammad itu dengan kuda kamu, sekiranya kemenangan berpihak kepada kamu maka orang-orang kau akan menurut dari belakang, tapi sekiranya kau kalah maka keluarga kau dan harta kau masih selamat".

Namun Malik ketua agung itu enggan mematuh permintaan itu dengan menegaskan: "Demi Allah tidak akan ku lakukan, sebenarnya kau sudah lanjut usia, pemikiran kau pun sudah nyanyuk. Demi Allah, Hawazin mesti mengikut cakapku, atau pun aku boleh tusukkan pedang ku ini ke perut ku hingga terkeluar dari belakang ku". Sebenarnya beliau tidak suka Duraid memain sebarang peranan yang kelak akan disebut-sebut namanya. Maka jawab seluruh Hawazin: "Ya kami semua mengikut arahan mu". Sekali lagi Duraid berkata: "Inilah hari yang belum pernah lagi aku saksikan sepertinya, aku tidak mahu melepas peluang untuk melihat kesudahannya". Lantas beliau bermadah:

Kiranya ku masih belia

Di medan perang ku mara

Kancahnya ku nyala

Tentera ku terajui

Air mata ku usapi

Kini peperangan bagaikan bin-bin

Ke ruang persembelihan dituntuni

UNIT INTIPAN MUSUH

Beberapa orang risikan yang dihantar oleh Malik kini kembali kepadanya memberi laporan dalam keadaan mengeletar. Kata Malik: "Apa ceritanya?" Jawab mereka; "Kami dapati tentera serba putih di atas belakang kuda-kuda merah dan putih, kami ketakutan dan inilah hal kami".

UNIT INTIPAN RASULULLAH (S.A.W)

Rasulullah telah mendapat maklumat tentang pergerakan musuh, sebagai tindakan maka Rasulullah mengutus Abi Hadad al-Aslami menyuruh beliau menyusup masuk ke tengah-tengah musuh dan tinggal di sana untuk memperolehi maklumat lengkap mengenai mereka. Abu Hadad pun bergerak ke sana.

RASULULLAH BERGERAK MENINGGALKAN MAKKAH MENUJUKE HUNAIN

Tanggal enam (6) haribulan Syawal tahun kelapan (8)Hijrah bersamaan pada hari Sabtu, Rasulullah pun bergerak keluar dari Makkah. Hari itu genap sembilan belas hari Rasulullah memasuki Makkah, Baginda bergerak dengan kekuatan seramai dua belas ribu tentera Islam, sepuluh ribu adalah mereka yang keluar bersama-sama Baginda semasa pembukaan Makkah, selebihnya adalah penduduk Makkah, di mana kebanyakan mereka masih baru lagi menganut Islam. Rasulullah telah meminjamkan seratus pasang baju besi dengan kelengkapannya sekali, buat memikul tanggungjawab Makkah, Baginda telah meletak Utab bin Usaiyed sebagai amirnya.

Di sebelah petang seorang askar berkuda telah datang menemui Rasulullah dengan berkata: Ku telah naik ke bukit itu dan bukit ini, dan ku telah dapati qabilah Hawazin telah keluar seisi rumah mereka, wanita-wanitanya, unta-unta dan harta-hartanya. Rasulullah (s.a.w) senyu.m mendengar laporan berkenaannya sambil berkata: "Itu adalah harta rampasan kaum muslimin besok". Insya Allah, di malam itu secara sukarela Anas bin Abi Mirthad al-Ghanuwi telah menawar dirinya untuk mengawal Rasulullah (s.a.w).

Semasa di dalam perjalanan mereka ke "Hunain" tentera Islam telah melihat sepohon kayu besar menghijau dikenali sebagai "Zat Anwat". Sudah menjadi adat orang Arab untuk menyangkut peralatan senjata mereka di situ. Maka kata sesetengah tentera kepada Rasulullah: "Wahai Rasulullah, buatkan untuk kita Zat Anwat juga seperti mereka mempunyai Zat Anwat mereka. Jawab Rasulullah (s.a.w): "Allahu Akbar, Maha Besar Allah, kamu sanggup berkata demikian. Demi Tuhan yang nyawa Muhammad di tanganNya, kata-kata kamu ini serupri dengan kata-kata kaum Musa kepadanya. Jadikanlah untuk kami Tuhan, seperti mana mereka itu mempunyai Tuhan mereka dan kata Musa: Sesungguhnya kamu ini satu kaum yang jahil, dan sebenarnya inilah ikutan, dan sebenarnya kamu akan mengikuti jalan-jalan orang yang terdahulu dari kamu ". Terdapat juga di antara mereka

yang berkata setelah melihat bilangan tentera yang ramai: Di hari ini kita tidak boleh dikalahkan lagi. Kata-kata ini dianggap dan dipandang berat oleh Rasulullah.

TENTERA ISLAM DISERANG HENDAP DAN PENDIRIAN KAUM MUHAJIRIN

Tentera Islam telah sampai ke Hunain pada malam Selasa sepuluh hari terakhir bulan Syawal. Malik bin Auf telah sampai ke situ terlebih dahulu, beliau telah menyusun tenteranya di lembah Hunain, dengan meletakkan kelompok penyerang di sepanjang jalan dan pintu masuk malah di seluruh lereng-lereng bukit Hunain dan lorong-lorongnya, beliau memberi arahan supaya mereka memanah tentera Islam apabila mereka muncul di situ, kemudian menyerang serentak ke atas tentera Islam.

Di hujung malam Rasulullah menyusun tenteranya, Baginda membahagikan tenteranya kepada pasukan-pasukan dan unit-unit, di awal subuh mereka berjalan menuju ke lembah Hunain, semasa tentera Islam turun ke lembah berkenaan, tiba-tiba mereka dihujani dengan serang hendap oleh tentera Malik yang telah lama menunggu di situ, tentera Islam dihujani dengan panahan yang bertubi-tubi, serentak dengan itu unit-unit tentera musuh mengasak mereka, apa lagi tentera Islam pun berpatah balik ke belakang dalam keadaan berkecamuk dan huruhara. lanya adalah satu kekalahan yang parah, hinggakan Abu Sufian yang masih baru lagi dengan Islam pun berkata; "Kekalahan mereka ini tidak akan berhenti kecuali setelah mereka berundur hingga sampai Laut (yakni Laut Merah). Dalam keadaan kelam Kabul Jibillah atau Kildah bin al-Junaid meneriak dengan katanya: "Hari ini sihir sudah tidak menjadi lagi". Rasulullah (s.a.w) mengelak sebelah kanan sambil melaung: "Wahai kalian ayuh ke sini, aku adalah Rasulullah, aku Muhammad Ibni Abdullah". Yang kekal bersama Baginda dalam keadaan yang gawat ini hanya beberapa orang dari kaum Muhajirin dan keluarga Baginda. Di dalam situasi ini terserlah keberanian Rasulullah (s.a.w)yang tiada bandingannya. Rasulullah tampil ke hadapan kaum

kafirin dengan memecut keldainya sambil melaung:

Aku adalah nabi sebenar tiada mendusta

Akulah putera Abdul al-Muttalib

Di masa itu Abu Sufian bin al-Harith terus memegang tali keldainya dan al-Abbaspun dengan tunggangannya kedua-dua mereka membantu Rasulullah (s.a.w) supaya keldai tidak memecut laju. Kemudian Rasulullah (s.a.w) turun dengan tangan memohon kepada Allah dengan katanya: Ya Allah Ya Tuhanku turunkanlah pertolongan Mu itu.

TENTERA ISLAM BERSATU SEMULA DAN MENERUSKAN PEPERANGAN

Rasulullah mengarah bapa saudaranya al-Abbas yang bersuara lantang untuk melaung kepada semua para sahabat. Kata al-Abbas: Aku melaung sehabis lantang suaraku: "Mana dia para sahabat setia?" Kata al-Abbas seterusnya: Demi Allah, semasa mereka mendengar laungan itu segera mereka berpatah balik bagaikan kembalinya seekor lembu ke hadapan anak kesayangannya. Jawab mereka semua: "Ya Rasulullah, Ya Rasulullah ada orang cuba hendak berpatah balik kepada Rasulullah dengan untanya, sudah tidak terdaya kerana kesesakan, maka ditinggalkannya sahaja tunggangan itu, dengan mengambil pedangnya, dan perisai, terus meluru ke arah suara yang melaung mereka". Setelah terkumpul seratus orang maka mulalah mereka menghadapi tentangan musuh dan terus berperang dengan lebih serius. Setelah itu laungan khusus ditujukan kepada golongan al-Ansar, lebih khusus lagi kepada golongan Banu al-Harith bin al-Khazraj, dengan itu kelompck-kelompok Islam mula bercantum semula satu demi satu hingga pulih dan kembali keadaannya seperti sebelum berlakurya peperangan, dan kini kedua-dua belah pihak saling asak m.sngasak pihak lawannya. Apabila Rasulullah melihat ke arah medan pertempuran, didapati begitu sengit dan setiap pihak bergelut, justeru itu Baginda bersabda: "Kini peperangan memuncak". Maka Baginda mengambil segenggam pasir dan melontarnya ke arah musuh sambil bersabda: "Buta mata kalian". Dengan izin Allah setiap mata musuh terkena pasir lontaran

Rasulullah menyebabkan daya saingan mereka luntur dan keadaan mereka kucar kacir.

KEKUATAN MUSUH BERPECAH DIIKUTI DENGAN KEKALAHAN TERUK

Tidak berapa lama selepas Rasul mencampak pasir ke muka musuh, ketaralah kekalahan mereka, dari Thaqif sahaja tujuh puluh (70) orang terbunuh, dengan itu kaum muslimin segera mengondol harta dan peralatan senjata musuh termasuk kaum wanita menjadi tawanan. Perkembangan akhir ini telah pun Allah (s.w.t) menyebut di dalam firmanNya:

" Dan ingatlah peperangan Hunain iaitu kamu menjadi bongkak kerana banyaknya jumlah kamu.maka jumlah yang banyak tidak memberi faedah kepada kamu sedikit pun dan bumi yang luas terasa sempit olehmu kemudian kamu lari ke belakang dengan bercerai-berai. Kemudian Allah menurunkan ketenangan kepada RasulNya dan orang-orang yang beriman dan Allah menurunkan bala tentera yang kdmu tiada melihatnya dan Allah menimpakan bencana kepada orang-orang kafir dan demikian penbalasan kepada orang-orang kafir ".

(al-Taubah: 25 - 26)

GERAKAN MEMBURU

Sebaik sahaja musuh merasai kekalahan mereka, maka sebahagian mereka segera melarikan diri ke Taif, sekumpulan yang lain lari ke Nakhlah, yang satu lagi ke Autas. Rasulullah segera menghantar satu unit pemburu dipimpin oleh Abu Amir al-Asya'ari, di sana berlaku satu pertempuran kecil di antara kem Islam dan kem musyrikin, berakhir dengan kekalahan puak musyrikin. dalam pertempuran ini Abu Amir al-Asya'ari jatuh syahid. Sekumpulan yang lain memburu kelompok musyrikin yaiig lari ke Nakhlah dan sempat mereka menghancurkan kelompok berkenaan. Bersama mereka Duraid bin al- Sammah, juga dibunuh oleh Rabiah bin Rafi'e. Manakala kelompok yang lari ke Taif, Rasulullah sendiri yang bertindak memburunya dan darinya terkumpul rampasan-rampasan perang yang banyak.

RAMPASAN-RAMPASAN

Rampasan yang dipungut oleh kaum muslimin terdiri dari: Enam ribu (6,000) orang tawanan, dua puluh empat ribu (24,000) ekor unta, lebih empat puluh ribu (40,000) ekor biri-biri dan empat ribu (4,000) awqiyah emas. Rasulullah menyuruh dihimpunkan kesemuanya itu, dan ditempatkan di "al-Ja'ranah", dengan melantik Mas'ud bin Amru al-Ghaffari sebagai penjaganya, tanpa membahagikannya, hinggalah selesai gerakan ghuzwah ke atas "al-Ta'if". Di antara orang yang menjadi tawanan perang ialah al- Syaima' binti al-Harith al-Saadiah saudara sepenyusuan nabi, semasa beliau di bawa ke hadapan Rasulullah serta memperkenalkan dirinya, lalu Rasulullah pun membebaskannya setelah memastikannya dengan suatu tanda yang Baginda mengecaminya. Rasulullah memuliakan beliau malah Rasulullah menghamparkan kainnya untuk beliau dan dipersilakan beliau duduk di situ. Akhirnya Rasulullah menganugerahkan kemerdekaannya dan memulangkannya ke pangkuan keluarganya.

GHAZWAH TABUK

Bulan Rejab Tahun Kesembilan Hijrah

Peperangan membuka kota Makkah merupakan peperangan yang menentukan di antara al-Haq dan al-Batil, kebenaran dan kepalsuan, hingga dengannya tiada ruang lagi untuk kesangsian dan keraguan tentang kebenaran risalah yang dibawa oleh Muhammad (s.a.w) di kalangan orang-orang Arab. Arus peristiwa berubah sama sekali, kini orang ramai memasuki agama Allah berduyun-duyun, hal ini dapat di jelaskan semasa pembicaraan dalam tajuk "Perwakilan" nanti dan juga bilangan peserta di dalam Hajjah al-Wada'. Dengannya selesai sudah bebanan dalam semenanjung Arab dan kaum muslimin boleh berehat sedikit sementara menunggu tugas lain, iaitu mengajar orang ramai syariat-syariat Islam dan kerja menyebar luas dakwah.

PENCETUS PEPERANGAN

Walau pun penyebaran dakwah Islam dapat berjalan dengan licin, namun satu lagi kuasa iaitu Rom, yang dianggap sebesar-besar kuasa ketenteraan pernah muncul di muka bumi ketika itu, di mana permulaan tentangan mereka ialah pembunuhan yang mereka lakukan ke atas duta Rasulullah (s.a.w) al-Harith bin Amir al-Uzdi oleh Syurahbil bin Amru al-Ghassani. Trajedi tersebut berlaku semasa beliau membawa risalah Rasulullah (s.a.w) untuk diserahkan kepada penguasa Basra. Sebagai tindakan pengajaran Rasulullah menghantar satu sariyah yang dipimpin oleh Zaid bin Harithah, di mana beriakunya satu pertempuran yang sengit di tempat bernama Mu'tah, tetapi sariyah ini tidak dapat menuntut bela terhadap penjenayah yang angkuh itu. Walau bagaimana pun ianya memberi kesan yang mendalam di jiwa bangsa Arab di sekitarnya mahu pun yang jauh.

Kaisar Rom tidak akan membiarkan peperangan Mu'tah yang memberi kesan mendalam itu begitu sahaja atau tidak menghirau tendensi qabilah-qabilah Arab yang ingin merdeka dari kekuasaan Rom di samping kemungkinan berlaku kerjasama di antara qabilah-qabilah ini dengan kaum muslimin. Kesemuanya ini menjadi satu ancaman yang besar terhadap Rom yang bersempadan dengan kuasa Islam. Mungkin di suatu ketika akan mengorak ke sempadan Rom selangkah demi selangkah, menggugat kestabilan di perbatasan negeri Syam yang bersempadan dengan wilayah-wilayah Arab. Oleh itu pihak Rom merasakan usaha melemahkan kekuatan Islam adalah satu tanggungjawab, sebelum kuasa Islam menjadi besar, kelak tidak terdaya untuk menghapusnya, dan sebelum kuasa Islam mencabar atau menimbulkan kekacauan dan pemberontakan di daerah Arab yang berhampiran Rom.

Memandangkan kepada kemuslihatan ini, maka tidak sampai setahun selepas peperangan Mu'tah, Kaisar Rom pun mempersiapkan satu angkatan bala tentera yang terdiri dari bangsa Rom dan Arab yang turut dibawah pemerintahannya, seperti suku Ghassan dan lain-lain untuk membuat serangan habis-habisan dalam satu peperangan yang

berdarah.

INFOMASI UMUM MENGENAI PERSIAPAN ROM DAN GHASSAN

Bertali arus berita sampai ke Madinah mengenai persiapan Rom untuk membuat satu peperangan habis-habisan ke atas orang-orang Islam. Perasaan takut sentiasa menyelubungi kaum muslimin, terdengar sahaja suara ganjil maka di sangkanya bunyi tapak kaki kuda tentera Rom, keadaan ini dapat dipastikan dari apa yang diceritakan oleh Umar Ibni al-Khattab mengenai keadaan di mana Rasulullah (s.a.w) menjauhkan diri dari isteri-isterinya selama sebulan dalam tahun kesembilan (9) Hijrah. Rasulullah tinggalkan mereka dan tidak minum dengan mereka. Pada mulanya para sahabat tidak menyedari halnya, kerana menyangka Baginda menceraikan mereka semua sehingga seluruh kaum muslimin berdukacita dan gusar. Umar Ibni al-Khattab mencerita kisah ini: "Aku mempunyai seorang sahabat dari kalangan orang-orang Ansar. Sekiranya ku tidak dapat menghadiri majlis Rasulullah beliau bertanggungjawab membuat perkhabaran dan menyampaikan beritanya, dan kalau beliau tidak hadir aku pula melaporkan perkembangan semasa kepadanya. Mereka berdua ini tinggal dibahagian atas di Madinah, mereka bergilir-gilir menghadiri majlis Rasulullah (s.a.w). Kami semua curiga dengan salah seorang raja Ghassan. Telah dimaklumkan kepada kami bahawa beliau ini berhasrat untuk menyerang kami. Dada kami sentiasa berdebar-debar, tiba-tiba di suatu hari saudaraku al-Ansar itu mengetuk pintu, dengan seruannya: Ayuh buka! Ayuh buka. Terus ku bertanya, apakah orang-orang Ghassan menyerang? Jawab beliau; Tidak! tetapi lebih parah lagi dari itu! Rasulullah telah mengasingkan diri dari isteri-isterinya" - al-Hadith.

Di dalam satu lafaz yang lain menyebut seperti berikut: "Sebelum ini kami sudah bercakap-cakap di mana orang-orang Ghassan telahpun memakai kasut-kasut mereka sebagai persiapan untuk menyerang kita, sahabat ku itu telah keluar dari rumahnya di hari gilirannya dan beliau

pulang di waktu Isya', sampai di hadapan rumahku beliau mengetuk pintu sekuat-kuatnya sambil bertanya: Awak tidurkah? Aku terkejut, dan terus keluar. Beliau berkata: Satu peristiwa besar berlaku. Tanyaku, Apa dia? Apakah golongan Ghassan telah melanggar? Kata beliau: Tidak! lanya lebih teruk dan lebih panjang lagi ceritanya. Rasulullah telah menceraikan semua isterinya". - al-Hadith.

Cerita ini mengambarkan kedahsyatan suasana yang sedang dihadapi oleh umat Islam, berhadapan dengan Rom, keadaan bertambah kritis lagi bila golongan munafiqin menghebohkan berita tentang persiapan Rom untuk melanggar al-Madinah, meskipun golongan munafiqin ini telah menyaksi kejayaan demi kejayaan Rasulullah di segenap lapangan. Tiada kuasa di bumi ini yang menggerunkan Rasulullah, malah tiap yang menghalang Baginda semuanya tewas berderai. Meskipun demikian mereka terus menaruh harapan akan termakbul apa yang mereka idam-idamkan itu, sehingga di suatu hari pada niat mereka Islam akan musnah bersama penganutnya.

Berdasarkan pandangan mereka di mana hari yang mereka nanti-nanti itu hampir tiba, lantas mereka pelupori membina sebuah sarang dan markas konspirasi berlabel masjid, dalam sejarah dikenali sebagai "Masjid al-Dhirar" bermotifkan kekufuran dan memecah belah di antara kaum muslimin serta bermatlamat permusuhan terhadap Allah dan RasulNya. Tidak setakat itu sahaja, malah mereka telah mempelawa Rasulullah untuk bersembahyang di situ, kesemuanya ini di dalam perkiraan mereka, iaitu mengelabui mata umat Islam, sehingga kaum muslimin tidak akan menyedari segala perancangan dan pakatan jahat yang dirancang di situ dan tidak akan memerhati siapa yang keluar masuk di masjid itu. Dengan itu ia akan jadi sebuah markas dan sarang yang selamat bagi kaum munafiqin dan kuncu-kuncu mereka dari luar untuk datang ke situ. Walau bagaimana pun Rasulullah menangguhkan untuk bersembahyang di situ lantaran kesibukan Baginda dengan urusan-urusan persiapan hingga kesuatu ketika selepas Baginda pulang dari peperangan Tabuk. Dengan itu Allah (a.w.t) membongkar taktik dan perancangan jahat mereka, masjid

itu berakhir dengan tindakan Rasulullah merobohkannya sekembali dari peperangan Tabuk.

IMFORMASI KHUSUS MENGENAI PERSIAPAN ROM DAN GHASSAN

Ini ialah berita dan laporan situasi yang diterima oleh kaum muslimin, orang Islam menerima berita ini dari kaum al-Anbat yang datang ke Madinah dari al-Syam kerana berdagang minyak. Mereka mencerikan bahawa pihak Herkules telah pun mempersiapkan satu angkatan bala tentera yang besar seramai empat puluh ribu orang askar. Pimpinan ketenteraan diserahkan kepada salah seorang pembesar Rom, tokoh ini telah bertugas mengerakkan qabilah Lakham, Jazam dan kelompok-kelompok lain yang menganut agama Nasara untuk turut bersama beliau. Berita kemaraan mereka sudah pun sampai ke daerah al-Balqa'. Beginilah lebih kurang mala petaka yang mengancam kaum muslimin.

SUASANA BAHAYA SEMAKIN MERUNCING

Faktor yang membawa suasana lebih merbahaya ialah masa, kerana ketika ini ialah musim kemarau yang teruk melanda al-Madinah, semua orang mengalami kesusahan hidup, kawasan tanaman kekeringan air dan binatang tunganggan berkurangan, cuma buah-buahan sahaja yang nampak menjadi dan matang, apa lagi tuannya berasa segan untuk bergerak keluar meninggal dusun, tambahan pula jarak yang jauh dan jalan pun sukar dilalui.

RASULULLAH MENGAMBIL KEPUTUSAN MUKTAMAD UNTUK MARA KE HADAPAN

Sebelum sesuatu tindakan yang diambil terlebih dahulu Rasulullah membuat penelitian yang cermat terhadap suasana dan perkembangan, penuh hikmah dan perhitungan, justeru itu Baginda mendapati, kalaulah ditangguhkan atau diabaikan serangan terhadap Rom di dalam suasana yang meruncing ini, malah membiarkan pihak Rom menyerang

al-Madinah hingga tenteranya berani mencerobohi lawasan-kawasan di sekitar bumi al-Madinah, maka ini satu mala petaka yang mengancam dakwah Islam dan populariti tentera Islam. Dan al-jahiliah yang sedang menghembus nafas terakhirnya akan kembali hidup, setelah ianya menerima pukulan maut di Hunain. Manakala kaum munafiqin pula akan mengambil peluang ini untuk membuat hubungan langsung dengan raja Rom, melalui Abu Amir al-Fasiq dan mereka akan menikam kaum muslimin dari belakang, di masa itulah Rom akan menyerang barisan depan umat Islam, ini bererti hancurnya segala usaha, tenaga, pengorbanan dan perjuangan yang diharungi para sahabat selama ini. Strategi-strategi ketenteraan yang mereka perolehi selama ini akan pergi bersama angin yang lalu, sia-sia sahaja tanpa sebarang manfaat.

Rasulullah (s.a.w) menyedari kesemuanya mi, maka untuk itu Rasulullah membuat keputusan untuk mengambil tindakan muktamad ini meskipun umat Islam di masa itu sedang diancam kesusahan dan kepahltan hidup. Keputusan menyerang Rom di tempat mereka adalah bijak dan penuh hikmah, hingga dengan itu pihak Rom tidak akan bemiat untuk menyerang Madinah.

PEMAKLUMAN KEPADA UMAT ISLAM SUPAYA MEMBUAT PERSIAPAN UNTUK MENYERANG ROM

Apabila Rasulullah membuat keputusan muktamad itu, terus Baginda memaklumkan kepada kalian sahabat supaya membuat persiapan untuk berperang. Baginda (s.a.w) juga mengutus perutusan kepada qabilah-qabilah Arab dan penduduk Makkah supaya bersiap siaga dengan pergerahan ini. Biasanya, Rasulullah merahsiakan pergerakan-pergerakan tenteranya, tetapi pada kali ini berlainan pula. Ini kerana Baginda berhadapan dengan suasana yang kritis ditambah pula dengan keadaan cuaca yang buruk melanda Madinah. Untuk itu maka Rasulullah mengisytiharkan penyerangan ke atas Rom. Baginda menjelaskan keadaan sebenar kepada seluruh umat Islam supaya mereka membuat persiapan yang cukup dan perkiraan yang bijak.

Rasulullah (s.a.w) menyeru mereka semua kepada al-Jihad, malah al-Quran telah turun dengan sebahagian ayatnya dari surah al-Bara'ah yaang menggesa umat Islam berperang dan membekalkan mereka dengan semangat al-Jihad. Rasulullah mempelawa mereka supaya berkurban dengan harta benda dan menghulurkan infaq sebanyak yang terdaya untuk jalan Allah ini.

KAUM MUSLIMIN BERLUMBA-LUMBA MENLENGKAPKAN PERSIAPAN PERANG UNTUK MENYERANG

Apabila kaum muslimin mendengar suara seruan Rasulullah mengajak kepada peperangan melawan Rom maka serta merta mereka berlumba-lumba mematuhi perintah Baginda itu. Mereka segera bangun mempersiapkan diri dan tentera Islam secepat mungkin, seluruh qabilah dan kelompok-kelompok Arab berduyun-duyun turut ke Madinah dari segenap pelusuk dan penjuru, tak seorang pun merelakan ianya tersisih dan tertinggal kecuali golongan yang sakit di dalam hatinya dan terkecuali tiga orang, malah hinggakan golongan fakir dan miskin pun datang mengadap Rasulullah meminta supaya mereka pun dapat turut serta untuk melawan Rom, tetapi Rasulullah menjawab: "Aku tidak ada sesuatu yang boleh membawa kamu semua". Maka mereka beredar dari situ dengan muka berlinangan air mata, berdukacita kerana tidak dapat turut serta dan ketiadaan sesuatu untuk membiayai peperangan".

"Tidak ada padaku kenderaan yang hendak ku berikan untuk membawa kamu, mereka kembali sedang mata mereka mengalirkan airmata yang bercucuran, kerana sedih mereka tidak mempunyai sesuatu pun yang hendak mereka belanjakan untuk pergi berjinad pada jalan Allah ".

(al-Taubah: 92)

Di dalam perlumbaan kaum muslim membiayai peperangan, Uthman bin Affan teleh tampil ke hadapan dengan pakej yang tersendiri, satu kafilah unta sebanyak dua ratus ekor sarat dengan muatannya, dua ratus auqiyah makanan diserahkan kepada Rasulullah sebagai sedekah, malah beliau membawa seratus ekor unta yang lain, kemudian beliau membawa seribu dinar yang dicurahnya ke dalam riba Rasulullah

(s.a.w). Rasulullah (s.a.w) segera menerimanya sambil bersabda: "Uthman tidak akan binasa selepas ini, lantaran apa yang beliau lakukan itu". Selepas itu beliau memberi lagi sedekah dan bersedekah lagi, hingga sedekahnya sahaja menjadi sembilan ratus (900) ekor unta dan seratus (100) ekor kuda, selain dari wang.

Adapun Abdul Rahman bin Auf telah membawa dua ratus Auqiyah perak sementara Abu Bakr pula membawa kesemua harta miliknya tanpa meninggal apa-apa pun untuk keluarganya selain daripada Allah. Kesemua sekali hartanya empat ribu dirham dan beliaulah orang pertama sekali yang menyerah hartanya kepada Rasulullah, manakala Umar membawa separuh dari hartanya, al-Abbas membawa banyak sekali dari hartanya, Talhah dan Saad Ibnu Ubbadah dan Muhammad bin Maslamah, semua mereka membawa harta masing-masing. Asim bin 'Adi membawa sembilan puluh ekor unta yang sarat dengan muatan buah tamar.

Selepas itu datanglah orang beramai-ramai, masing-masing membawa kadar sedekah, ada yang banyak, ada yang sedikit, yang terkurang dari mereka dan ada juga yang membawa seraub atau dua raub buah tamar. Itulah yang termampu bagi mereka. Kaum wanita pula dengan cara mereka yang tersendiri dan unik, ada yang memberi kasturi, gelang, subang, cincin, malah ada yang memberi uncang wang.

Tak seorang pun yang bakhil kecuali golongan munafiqin yang mempermainkan golongan yang berbakti di kalangan orang yang beriman dengan sedekah-sedekah mereka, dan terhadap golongan yang tidak berdaya selain dari tenaga usaha mereka, golongan munafiqin memperolok-olokkan golongan ini.

"(Orang-orang munafik) iaitu orang-orang yang mencela orang-orang mukmin yang memberi sedekah dengan sukarela dan (mencela) orang-orang yang tidak memperolehi (untuk disedekahkan)selain sekadar kesanggupdn, maka orang Munafik itu menghina mereka "

(al-Taubah: 79)

TENTERA ISLAM BERGERAK KE TABUK

Beginilah tentera Islam membuat persiapan untuk memikul beban

tanggungjawab al-Madinah. Semasa ketiadaan Rasulullah, Baginda melantik Muhammad bin Maslamah al-Ansari, namun ada setengah ahli sirah mengatakan Siba' bin 'Arfatah, manakala Ali bin Abi Talib diberi beban menjaga keluarganya, Baginda memerintah supaya tinggal bersama-sama mereka. Semasa Rasulullah keluar, kaum munafiqin mempersendakan Ali bin Abi Talib, justeru itu beliau segera keluar untuk ikut bersama-sama Rasulullah, namun apabila beliau bertemu dengan Rasulullah, Rasulullah (s.a.w) menolak dan memerintah beliau puiang semula ke Madinah dan bersabda: "Tidakkah kau rela untuk duduk di bawahku seperti kedudukan Harun di sisi Musa, cuma selepas ku ini, tidak ada nabi".

Setelah itu Rasulullah terus bergerak ke arah utara menuju Tabuk, oleh kerana angkatan tentera Islam terlalu besar jumlahnya seramai tiga puluh ribu (30,000) orang askar, kiranya belum pernah lagi angka seramai ini bergerak ke medan perang, maka kaum muslimin tidak dapat menyediakan tunganggan dan makanan. Justeru itu maka kadar lapan belas (18) orang askar bergilir-gilir menunggang seekor unta malah mereka terpaksa memakan daun-daun kayu yang mengakibatkan bibir mulut mereka bengkak, bukan itu sahaja malahan mereka terpaksa menyembelih beberapa ekor unta tunggangan mereka walaupun bilangannya memang sedikit, mereka berbuat demikian untuk membolehkan mereka minum air di dalam uncang perutnya, maka sebab itulah tentera ini dinama sebagai Jaisy al-'Usrah (tentera kesusahan).

Tentera Islam bergerak ke Tabuk melalui kawasan al-Hijr perkampungan Thamud, suku kaum yang telah memotong batu-batu bukit, di lembah "Wadi al-Qura", tentera Islam telah mengambil air di lembah berkenaan, oleh itu Rasulullah telah mengarah supaya dicurah buang airnya, dan jangan ada sesiapa pun meminum atau berwudhu' dengannya, malah tepung yang diuli dengan airnya dijadikan makanan binatang sahaja, seterusnya Rasulullah membenarkan mereka mengambil air dari telaga yang diberi minum kepada unta nabi Salih sahaja.

Sebuah hadis, muttafaq alaihi, dari kedua-dua kitab sahih, dari Ibn Umar berkata: Ketika Rasulullah melalui kawasan al-Hijr Baginda berpesan dengan sabdanya:

"Jangan sekali-kali kamu memasuki kediaman mereka yang telah melakukan penganiayaan terhadap din mereka, nanti akan terkena ke atas kamu bala yang pernah menimpa mereka, jangan kamu masuk kecuali dalam keadaan kamu menangis, kerana takut awb Allah, dengan itu Rasulullah (s.a.w) menutup kepalanya dan segera keluar dari lembah berkenaan"

Semasa di dalam perjalanan tentera Islam telah mengalami kekurangan bekalan air, lantas mereka mengadu hal ini kepada Rasulullah (s.a.w), maka Baginda pun berdoa memohon dari Allah sesuatu kebaikan, doa Rasulullah telah direstui, di mana Allah menghantar mendung yang sarat dengan bekalan air melintasi kawasan tentera Islam dan tidak berapa lama kemudian hujan yang lebat pun turun mencurah-curah. Dengan itu tentera Islam pun puas dengan hujan, malah masing-masing mengisi uncang air mereka dengan bekalan-bekalan dari langit itu.

Apabila tentera Islam menghampiri kawasan Tabuk, Rasulullah (s.a.w) sekali lagi berpesan kepada tenteranya: InsyaAllah pada esok hari kamu akan sampai di mata air Tabuk, kamu akan sampai hanya pada awal pagi hari selepas subuh, sesiapa yang sampai di situ sekali-kali jangan menyentuh airnya kecuali setelah Aku sampai ke situ. Kata Muaz: Apabila kami sampai di mata air itu, rupanya sudah ada dua orang telah mendahului ke tempat berkenaan. Jeram airnya sedang mengalir, sedikit airnya, Rasulullah pun bertanya: Apakah kamu berdua sudah menyentuh sesuatu dari airnya? Jawab mereka berdua: Ya, justeru itu Rasulullah (s.a.w) pun menegur telatah mereka yang melanggar perintah Rasulullah itu, kemudian Baginda meraub air dari kolam mata air sedikit demi sedikit, akhirnya air pun terkumpullah di kolam itu lebih banyak lagi, dan darinya Rasulullah (s.a.w) membasuh muka dan kedua-dua tangan yang mulia itu. Baginda melakukan cara ini beberapa kali, dengan itu mata air itu pun menerbitkan air yang banyak, justeru orang ramai pun mengambil air darinya. Semasa itu

Rasulullah pun berkata: Wahai Muaz sekiranya kau dipanjangkan usia, akan kau saksikan di kawasan ini akan penuh dengan kebun-kebun.

Semasa di dalam perjalanan ke Tabuk atau semasa berada di Tabuk, berdasarkan pada setengah riwayat, Rasulullah telah berkata: Di malam ini angin bertiup kencang, jangan siapa pun dari kamu bangun dari tempatnya, dan sesiapa yang ada unta hendaklah beliau menambatnya dengan ikal. Memang di malam tersebut sejenis angin telah bertiup dengan kencang, namun demikian salah seorang di antara mereka yang ramai, telah bangun dari tempatnya. Dengan kehendak Allah beliau telah ditiup dan dibawa oleh angin hingga tercampak ke bukit qabilah Tay'i.

Sudah menjadi kebiasaan Rasulullah (s.a.w) di mana Baginda semasa di dalam perjalanan, menunaikan solat secara jama' takdim dan ta'khir pada sembahyang Zohor dengan Asar dan Maghrib dengan Isya'.

TENTERA ISLAM SEMASA DI TABUK

Sebaik sahaja tentera Islam sampai di Tabuk, terus mereka berkhemah di situ, dengan keadaan siap siaga untuk berhadapan dengan musuh. Di awal-awal lagi Rasulullah (s.a.w) telah bangun membuat satu ucapan sulungnya di situ, satu ucapan yang amat bernilai, lengkap dan padat (jawami'ul kalim). Baginda menggesa untuk kebaikan dunia dan akhirat, memberi nasihat dan peringatan, sekaligus menyemarakkan jiwa ketahanan di kalangan tentera Islam, kesemuanya dapat mengganti kekurangan makanan dan bekalan yang sememangnya dialami selama ini oleh tentera Islam.

Adapun Rom dan sekutunya bila mendapat tahu mengenai kemaraan tentera Islam, terasa takut untuk bertembung dengan tentera Islam. Oleh yang demikian mereka terpaksa mengelak dan berpecah kepada kelompok-kelompok di sepanjang perbatasan, hal ini memberi satu imej yang baik terhadap populariti kemiliterian Islam, di seluruh semenanjung tanah Arab. Hal ini juga menambah tokok nilai politik yang besar yang tidak mungkin tentera Islam memperolehi seandainya berlaku perlanggaran di antara dua kem itu.

Semasa di Tabuk pemerintah Ailah Yuhanna (John) telah datang menemui Rasulullah, tujuannya untuk berdamai dengan Baginda. Rasulullah (s.a.w) pun menerima permintaannya itu. Sebagai tanda, beliau terus membayar jizyah, sama halnya dengan penduduk Jirba' dan Azruh, membawa jizyah kepada Baginda. Selaras dengan perjanjian perdamaian itu Rasulullah (s.a.w) mendokumenkan kepada mereka risalah-risalah dan watiqah. Kepada penguasa Ailah Rasulullah (s.a.w) menulis:

Dengan nama Allah Yang Amat Pemurah lagi Amat Mengasihani, ini adalah kesejahteraan dari Allah dan Nabi Muhammad utusan Allah untuk Yuhanna bin Raubah dan seluruh penduduk Ailah, di mana kapal-kapal dan kenderaan-kenderaan mereka di daratan dan di lautan, adalah menjadi tanggungjawab Allah dan Nabi Muhammad, dan orang-orang yang bersama mereka dari penduduk al-Syam dan penduduk Lautan. Sesiapa yang melanggar perjanjian ini, maka sesungguhnya harta yang banyak pun tidak dapat menyelamatkan dirinya dari tindakan yang wajar, tetapi dianggap baik sekiranya sesuatu diambil dari orang lain dengan kerelaan mereka. Sesungguhnya tidak harus mereka dihalang untuk mengambil air dari sumber yang pernah gunakan dahulu dan tidak harus mereka dihalang untuk melalui jalan-jalan yang mereka pernah gunakannya sebelum ini, samada jalan laut atau jalan darat.

Semasa di Sana Rasulullah (s.a.w) juga telah menghantar Khalid bin al-Walid mengepalai satu angkatan tentera seramai empat ratus dua puluh (420) orang tentera berkuda, untuk menghadapi penguasa Dawmah al-Jandal yang dikenali sebagai "Akidar". Sebelum bertolak Rasulullah (s.a.w) menyatakan kepada Khalid: "Semasa di sana kau akan mendapati Akidar sedang memburu lembu liar". Apabila Khalid sampai ke Dawmah al-Jandal, kelihatan kotanya tidak jauh dari situ, tiba-tiba seekor lembu liar muncul di hadapan pintu kota menggesel-gesel tanduknya ke pintu kota. Apa lagi Akidar pun keluar untuk memanah lembu berkenaan sedang di masa itu bulan baru mengambang di ufuk langit. Secepat kilat khalid pun mendapatkan Akidar bersama kudanya

dan terus di bawanya ke hadapan Rasulullah. Semasa di hadapan Rasulullah,

Baginda menjamin keselamatannya dengan membuat perdamaian dengan beliau sebagai penguasa Dawmah Jandal. dengan pembayaran jizyah. Baginda menerima pakai perjanjian Akidar ini bersama Yuhanna berhubung dengan permasalahan Dawmah al-Jandal, Tabuk, Allah dan Taima'.

Oleh itu semua qabilah yang dahulunya bertugas untuk kepentingan Rom, kini mendapati masanya sudah berlalu dan tidak ada faedahnya untuk bergantung dengan tuan lamanya. Justeru itu mereka mengalih dan mengubah sikap dengan memberi wala' dan kepatuhan kepada pemerintahan Islam. Beginilah caranya di mana sempadan dan daerah pemerintahan Islam semakin bertambah lebar hingga perbatasan Islam terus bertemu secara langsung dengan kerajaan Rom. Hal ini diperhati oleh talibarut Rom sebagai berakhirnya kerja-kerja mereka.

KEMBALI KE MADINAH

Dengan penuh kejayaan dan pertolongan Allah, tentera Islam bergerak pulang ke Madinah tanpa mengalami sebarang tentangan musuh. Demikianlah kehendak Allah untuk kaum mukmin, semasa di dalam perjalanan pulang, sekumpulan orang munafiqin seramai dua belas orang telah cuba membunuh Rasulullah (s.a.w) iaitu semasa Baginda sedang melalui satu segenting. Di masa itu Ammar sedang menuntun tali unta Rasulullah dan Huzaifah bin al-Yaman menghalau dari belakang sedang orang ramai melalui dataran lembah di kawasan berkenaan. Kumpulan munafiqin tadi mengambil kesempatan semasa Rasulullah (s.a.w) bersama-sama dua orang sahabatnya bergerak di situ. Tiba-tiba mereka bertiga terdengar sejenis bunyi menuju arah mereka, akhirnya dua belas orang munafiqin tadi telah melingkungi mereka bertiga dengan keadaan bertopeng, menutupi muka mereka. Rasulullah memerintah Huzaifah bertindak, beliau pun terus melibas muka mereka dengan perisai yang di pegangnya, menyebabkan mereka ketakutan dan lari menyelamatkan diri serta masuk semula ke dalam

tentera Islam. Huzaifah pun menceritakan kepada Rasulullah nama-nama mereka yang diburunya serta niat buruk mereka, oleh itu maka al-Huzaifah dikenali sebagai penyimpan rahsia Rasulullah. Mengenai peristiwa ini Allah menyebut dengan firmannya;

"Dan mereka bercita-cita dengan sesuatu yang tak dapat mereka capai (iaitu membunuh Rasulullah)".

(al-Taubah: 9)

Apabila ternampak sahaja tanda-tanda (maalim) al-Madinah dari jauh Rasulullah (s.a.w) pun berkata: "Itu dia Tabah, dan yang itu bukit Uhud, bukit yang yang kita sayanginya dan ia menyayangi kita". Bila mana orang ramai yang berada di Madinah mendengar kepulangan Rasulullah, seluruh wanita dan anak-anak kecil malah perempuan yang baru bersalin turut serta membawa anak-anak mereka menyambut kepulangan tentera Islam penuh gembira dan ceria, sambil mensyahdukan nasyid Islami:

Bulan purnama menyinari kita Dari Thaniyat al-Wida' menyua Wajib bersyukur ke atas kita Selagi Baginda berseru kepada Allah

Keberangkatan keluar Rasulullah bulan Rejab dan kembali darinya pada bulan ramadhan yang memakan masa selama lima puluh hari,dua puluh hari Baginda tinggal di Tabuk, selebihnya adalah masa perjalanan pergi dan pulang. Tabuk merupakan peperangan terakhir yang Baginda turut serta.

AL-MUKHALLAFUN (Golongan Yang Tidak Turut Serta)

Peperangan ini menghadapi satu suasana yang istimewa yang merupakan ujian yang pahit dari Allah (s.w.t) hingga dengannya tertonjol perbezaan yang ketara di antara golongan mukminun dan yang lain. Sama seperti sunnah-sunnah Allah di beberapa tempat yang seumpamanya seperti firmanNya:

"Allah tidak sekali-kali akan membiarkan orang yang beriman dalam keadaan yang kamu ada sekarang (bercampur aduk mu 'min dan munafik, bahkan la tetap menguji kamu) sehingga la memisahkan yang

buruk (munafik) daripada yang baik (beriman).

(ali-Imran: 179)

Kesemua orang Islam yang benar-benar mengakui dirinya sebagai individu mukmin yang sejati, telah segera keluar menyertai saf tentera Islam, malah orang yang menarik diri telah dianggap sebagai tanda nifaq dan taqiyah. Sesiapa yang menarik diri kemudian dilaporkan kepada Rasulullah maka Baginda berkata: Biarkan dia, sekiranya pada Beliau itu masih terdapat kebaikan insyaAllah beliau akan menyertai kita nanti, dan sekiranya tidak, maka Allah telah menjauhkan mereka dari kita, tidak akan menarik diri kecuali orang yang berkeuzuran, atau orang yang mendustai Allah dan RasulNya, mereka itu dari golongan munafiqin, mereka itu telah menarik diri setelah memberi alasan palsu untuk membolehkan mereka tidak turut serta, atau pun mereka itu ialah golongan yang menarik diri tanpa membuat sebarang permintaan pun". Memang terdapat tiga orang mukmin yang sejati telah menarik diri tanpa sebarang alasan, justeru itu mereka bertiga ini telah diuji oleh Allah dengan seberat-berat ujian, kemudian Allah mengampuni kesalahan mereka.

Sekembali Rasulullah ke Madinah, Baginda terus memasuki masjid, Baginda berssmbahyang dua rakaat, setelah itu Baginda duduk menghadapi orang ramai. Adapun golongan al-Munafiqin seramai lapan puluh (80) orang lebih, telah datang menemui Rasulullah (s.a.w). Baginda pun menerima pengakuan .zahir mereka itu, menerima bai'ah mereka, memaafkan mereka dan seterusnya Baginda menyerah urusan hati dalaman mereka kepada Allah.

Manakala tiga orang mukmin yang sejati yang tidak menyertai peperangan, iaitu Ka'ab bin Malik, Mararah bin al-Rabi' dan Hilal bin Umaiyah bertegas menyatakan hakikat yang sebenarnya. Kepada mereka bertiga, Rasulullah telah memerintah sekalian para sahabat supaya tidak menegur sapa . dengan mereka, maka berlakulah satu pemboikotan yang hebat terhadap tiga orang sahabat ini. Sekalian kaum muslimin menunjuk perubahan sikap yang mendadak, terasa bagi mereka bagaikan bumi ini menolak kehadiran mereka, bumi yang luas

ini terasa sempit, nafas mereka pun terasa sesak, suasana memuncak lagi setelah berlalunya empat puluh hari. Mereka diperintah supaya mengasing diri dari isteri-isteri mereka, hingga apabila gen' Allah pun menurunkan firmanNya:

"Dan terhadap tiga orang yang ditangguhkan penerimaan taubat. Hingga apabila bumi menjadi sempit bagi mereka, pada hal bumi itu luas dan jiwa mereka pun telah sempit pula terasa oleh mereka. Dan mereka telah mengetahui bahawa tidak ada tempat lari dari siksaan Allah, melainkan kepadaNya sahaja, kemudian Allah menerima taubat mereka agar mereka tetap dalam taubatnya, sesungguhnya Allahlah yang Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang".

(al-Taubah: 118)

Dengan itu maka seluruh kaum muslimin bergembira dan yang paling bergembira ialah tiga orang yang dihukumkan oleh Allah dan RasulNya itu, kegembiraan yang tidak terperi, masing-masing mengucap tahniah dan mengucap selamat berbahagia, masing-masing memberi hadiah dan bersedekah, hari itu adalah saat yang paling berbahagia di dalam hayat mereka.Adapun golongan yang berkeuzuran yang terpaksa .duduk di Madinah telah disebut oleh Allah di dalam firmanNya:

"Tiada do'so. ke atas orang-orang yang lemah, atas orang-orang yang sakit dan atas orang yang tidak memperolehi sesuatu yang akan mereka belanjakan, apabila mereka. berlaku ikhlas kepada Allah dan RasulNya ".

(al-Taubah: 91)

Kepada mereka ini Rasulullah menyifatkan mereka sebagai berkata: "Sesungguhnya terdapat di Madinah sebilangan lelaki yang tetap bersarrta kamu di mana-mana perjalanan dan di mana-mana lembah yang kamu rentasi, mereka di penjara oleh keuzuran namun mereka tetap dianggap bersama-sama kamu" Tanya para sahabat: "Wahai Rasulullah, apakah mereka yang dimaksudkan sedang berada di Madinah?". Jawab Baginda: "Ya mereka berada di Madinah".

IMPLIKASI PEPERANGAN

Peperangan ini memberi kesan yang mendalam ke atas pengaruh dan kekuatan umat Islam dan implikasinya terhadap seluruh Semenanjung Tanah Arab secara am. Hingga kini semua orang mendapati bahawa tiada kuasa yang boleh meneruskan hidup selain dari Islam, kini saki baki cita-cita dan angan-angan yang bergolak dalam dada kaum Jahaliah dan munafiqin sudah hancur samasekali, kerana sebelum ini mereka sememangnya menunggu-nunggu kesempatan untuk membuat pukulan mengejut, terutamanya kaum Rom yang mereka rasakan sebagai kekuatan yang boleh mereka bergantung dan menambat harapan peperangan Tabuk, seluruh kaum musyrik kehabisan tempat pergantungan, mereka terpa.. hakikat dan realiti ini.

Sebagai tindakan susulan kaum muslimin terhadai-kaum munafiqin, bermula di hari ini, di mana mereka tidak lagi di muamalahkan (membuat kira bicara) dengan mereka secara berlembut dan licin, sebaliknya Allah menyuruh bertindak tegas terhadap mereka, melarang kaum muslimin menerima sedekah-sedekah mereka, melarang bersembahyang ke atas mayat mereka, menegah beristighfar untuk mereka, melarang untuk berdiri di atas kubur mereka dan memerintah supaya dirobohkan markas perancangan komplot jahat mereka yang telah mereka dirikan atas nama masjid. Allah telah menurunkan ayat-ayat al-Quran yang mendedahkan hakikat mereka, menbongkar konspirasi-konspirasi mereka dan tiada rahsia lagi mengenai pergerakan mereka, seolah-olah ayat al-Quran menuding ke arah nama-nama mereka yang tinggal di Madinah.

Boleh dikenalpasti betapa jauhnya kesan peperangan ini ke atas bangsa Arab, di mana perwakilan-perwakilan dan perutusan-perutusan datang menemui Rasulullah jauh lebih banyak dari masa-masa sebelumnya, meskipun perwakilan ini sudah pun berlaku sebelum ini, tetapi tidaklah sehebat pasca peperangan Tabuk.

AYAT-AYAT AL-QURAN MENGENAI PEPERANGAN TABUK

Ayat-ayat al-Quran turun bertalu-talu dalam surah al-Baqarah

mengenai peperangan ini, ada ayat turun sebelum keluar, ada ayat selepas keluar, yakni semasa di dalam perjalanan dan sebahagian yang lain pula selepas pulang ke Madinah. Ada ayat-ayat membicara mengenai suasana peperangan, mendedahkan kejahatan kaum munafiqin, kelebihan golongan yang berjihad dan ikhlas, penerimaan taubah terhadap mereka yang beriman dan tulus, mengenai mereka yang menyertai peperangan dan yang menarik diri dan seterusnya berbagai-bagai sudut lagi diperkatakan di dalam ayat-ayat dari surah al-Baqarah itu.

BEBERAPA PERISTIWA PENTING Dt DALAM TAHUN BERKENAAN

Di dalam tahun berkenaan berlaku beberapa peristiwa yang mempunyai signifikan di dalam sejarah iaitu:

1. Selepas kepulangan Rasulullah dari Tabuk berlaku sumpah menyumpah di antara Uwaimir al-Ijlani dan isterinya.

2. Wanita al-Ghamidiyah telah dihukum rejam setelah beliau menemui Rasulullah dengan pengakuan bersalah ke atas dirinya sendiri. Direjam selepas tamat tempoh penyusuan anak kandungnya.

3. Kewafatan Raja al-Najasyi Ashamah dan Baginda solat ghaib ke atas jenazahnya.

4. Kewafatan Ummi Kalthum, puteri Rasulullah dan Baginda berdukacita yang amat sangat, hingga Baginda bersabda kepada Uthman Bin AlTan: "Seandainya aku mempunyai puteri yang ketiga nescaya, ku kahwinkan kepada engkau wahai Uthman".

5. Kematian kepala golongan munafiqin, Abdullah bin Ubai sekembalinya Baginda dari Tabuk. Rasulullah beristighfar kepada Allah dan Baginda bersolat ke atas mayatnya, tetapi Umar menghalang Rasulullah berbuat demikian, akhirnya turun ayat al-Quran menyetujui tindakan Umar.

HAJJAH AL-WIDA'

Haji Terakhir

Tugasan dakwah Rasulullah kiranya sudah sampai ke garisan penamat, penyampaian risalah pun sudah dilaksanakan, penegakan sebuah masyarakat baru yang berasaskan pemangkinan konsep al-Uluhiyah dan ketuhanan kepada Allah dan penafiannya dari yang lain-lain berdasarkan risalah Muhammad (s.a.w) menjadi kenyataan dan kini Rasulullah seakan-akan terdengar suatu suara dari dalam hati kecilnya bagaikan memberitahu bahawa persinggahan Baginda di dunia ini sudah sampai kepada tempohnya yang ditetapkan itu. Malah hal ini dirasainya semasa Baginda mengutus Muaz bin Jabal ke negeri al-Yaman sebagai Gabenor di tahun kesepuluh (10) Hijrah. Masa itu Baginda telah bersabda dengan katanya yang bermaksud: " Wahai Muaz! Sebenarnya engkau mungkin tidak akan bertemu lagi dengan aku selepas tahun ini dan semoga kau akan melalui di masjidku ini dan di kuburku ini ". Di sini Muaz menangis tersedu-sedu kerana berpisah dengan Rasulullah (s.a.w).

Dengan izin Allah, Rasulullah (s.a.w) berkesempatan melihat hasil kerja dakwahnya setelah mengalami berbagai kepahitan dan kesusahan selama dua puluh tahun lebih. Di hujung bandar Makkah, Rasul berkumpul bersama-sama perwakilan-perwakilan qabilah Arab, menyampaikan kepada mereka syariat-syariat dan hukum hakam Islam. Baginda mengambil penyaksian mereka, sebagai memperakui bahawa Baginda telahpun menyampaikan amanah dan tugasan-tugasan, melaksanakan risalah yang dipertanggungjawab dan menasihati sekalian umat.

Di hari ini Rasulullah mengisytiharkan azamnya untuk menunai haji mabrur yang bersejarah itu, al-Madinah kini dibanjiri oleh berduyun-duyun manusia, kesemua mereka berhasrat menyertai dan mengikuti Rasulullah di dalam peribadatan hajinya. Pada hari Sabtu empat hari terakhir bulan Zulkaedah, Baginda telah bersiap dengan tunggangannya, mengemas dirinya, memakai minyak rambut dan menyikatnya, mengenakan pakaian dan rida'nya dan menggalas senjatanya. Selepas sembahyang Zohor, Baginda terus bergerak

hinggalah sampai Zul Hulaifah sebelum masuk waktu Asar. Di sana Baginda menunaikan solat sunat dua rakaat dan bermalam. Keesokkan harinya selepas solat Subuh, Baginda memberitahu kepada semua sahabat yang hadir: "Malam tadi aku telah didatangi pemberitahuan dari Tuhanku yang telah menyebut: Bersembahyanglah kamu di lembah yang penuh berkat ini dan katakanlah wahai Muhammad: Umrah dikerjakan bersama-sama Haji".

Sebelum Baginda menunaikan solat Zohor di hari itu, terlebih dahulu Baginda bersuci dan mengenakan pakaian ihram, kemudian Aisyah menyapukan minyak wangi dan kasturi pada diri Rasulullah. Aisyah menyapukan di badannya dan kepalanya hingga ternampak kilauan minyak kasturi di rambut dan di janggutnya. Baginda membiarkan tanpa membasuhnya dan kemudian menunaikan solat Zohor dua rakaat. Setelah selesai solat, Baginda terus bertahlil di tempat sembahyangnya sebagai memulakan ibadat haji dan umrah, sebagai haji qiran. Setelah itu barulah Baginda bergerak dengan menunggangi untanya yang bernama al-Qaswa', di situ Baginda bertahlil lagi sedang untanya terus bergerak.

Baginda meneruskan perjalanan suci ini hingga hampir memasuki Makkah, maka Baginda bermalam di Tawa. Keesokkan harinya Baginda memasuki Makkah selepas bersembahyang Subuh, di pagi hari Ahad tanggal empat hari terakhir bulan Zulhijjah tahun kesepuluh (10) Hijrah. Selama lapan malam Baginda mengambil masa untuk perjalanannya yang sederhana itu dan apabila Baginda memasuki al-Masjid al-Haram terus Baginda bertawaf di sekeliling Kaabah dan melakukan Saei di antara al-Safa dan al-Maruah, tanpa merombak pakaian ihramnya, kerana Baginda mengerjakan hajinya di kali ini secara qiran berserta dengan binatang sembelihannya. Kemudian Baginda singgah di al-Hajjun tanpa mengulangi tawaf melainkan tawaf rukun haji.

Baginda menyuruh para sahabat yang tidak mempunyai binatang sembelihan supaya menjadikan ihram mereka itu sebagai umrah, dengan bertawaf di sekeliling Kaabah, dan bersaie di Safa dan Maruah,

kemudian menukar pakaian ihram kepada pakaian biasa, tetapi para sahabat teragak-agak untuk melakukan suruhan Baginda itu. Justeru itu Rasulullah menegaskan dengan katanya: "Seandainya aku maju ke hadapan dengan suatu tindakan, tak akan pula ku berpatah balik atau menarik balik qurban ku ini. Dan kalaulah aku tidak mempunyai binatang qurban pasti aku merombak pakaian ihram ku ini. Ayuh! Kamu yang tidak memiliki binatang sembelihan, segeralah rombak pakaian ihram". Dengan itu semua mereka pun mematuhi arahan Rasulullah.

Di hari kelapan Zulhijjah yang dikenali juga sebagai hari al-Tarwiyah, Baginda bergerak menuju ke Mina. Di Mina Baginda telah menunaikan solat Zohor, Asar, Maghrib, Isya' dan Subuh. Baginda berhenti di situ beberapa ketika hingga matahari naik barulah Baginda bergerak. Sampai di Arafah di kawasan Namirah, Baginda mendapati sebuah khemah sudah pun didirikan untuknya di situ. Baginda pun singgah sehingga apabila matahari terbenam di ufuk langit Baginda memerintah supaya di bawa kepadanya tunggangan al-Qaswa', dari situ Baginda pun bergerak hingga sampai ke Batn al-Wadi. Di sana orang ramai telahpun berkumpul sebanyak seratus ribu dan dua puloh empat orang atau seratus ribu empat puluh empat orang. Rasulullah berdiri di hadapan mereka dan terus membuat satu ucapan yang lengkap, mafhumnya;

"Wahai sekalian manusia, dengarlah kata-kataku ini, sebenarnya aku tidak tahu berkemungkinan aku tidak akan menemui kamu kalian selama-lamanya selepas tahun ini. Sesungguhnya darah kamu dan harta kamu adalah haram ke atas kamu sama seperti haramnya hari kamu ini di bulan kamu ini dan bumi kamu ini.

Ketahuilah bahawa semua perkara mengenai urusan jahiliah tertanam di bawah kaki ku ini, darah-darah jahiliah adalah tertanam dan darah jahiliah yang mula-mula sekali yang ku hapuskan ialah darah Ibn Rabiah bin al-Harith, kejadiannya terjadi di mana beliau ini dibunuh semasa sedang mengambil susuan dari ibu susuannya Banu Saad, dan riba jahiliah juga dihapuskan, dan riba pertama yang ku hapuskan ialah

riba Abbas bin Abdul Mutalib malah kesemuanya dihapuskan sama sekali.

Bertaqwalah kamu kepada Allah demi melaksanakan hak kaum wanita, lantaran kamu telah mengambil mereka sebagai isteri dalam bentuk amanah Allah, kamu halal berseketiduran dengan mereka melalui sebutan nama Allah, dan kaum wanita pula berkewajipan menjaga supaya tidak seorang pun manusia yang kamu bend dibenarkan masuk ke bilik kamu. Sekiranya mereka berbuat demikian maka pukullah mereka dengan pukulan yang tidak parah, ke atas mereka, kamu kewajipan memberi rezeki dan pakaian dengan baik.

Dan sesungguhnya telah ku tinggalkan pada kamu sesuatu di mana kamu tidak akan sesat selepas ini seandainya kamu berpegang dengannya iaitu kitab Allah.

Wahai kalian manusia, sesungguhnya tiada nabi selepas ku ini, dan tiada umat lain selain dari kamu, beringatlah supaya kamu menyembah Tuhan kamu, tunaikanlah fardu sembahyang lima waktu, berpuasalah kamu di bulan Ramadhan, tunaikan wkat harta kamu dengan penuh kerelaan hati, tunaikan haji ke rumah Tuhan kamu, dan taatilah pemerintah-pemeritah kamu nescaya masuklah kamu ke dalam syurga Tuhan kamu.

Kamu semua akan ditanya esok mengenai perihal diriku, maka apa yang nak kamu jawab? Maka kata mereka semua: Kami menyaksikan bahawa engkau telahpun menyampaikan, menunaikan dan menasihati kami".

Dengan mengangkat jari telunjuknya ke arah langit dan berkata ke hadapan orang ramai: Ya Allah Ya Tuhanku, Persaksikanlah. (sebanyak tiga kali.)

Adapun yang bertanggungjawab melaung dan menyampaikan ucapan Rasulullah kepada orang ramai di padang Arafah ialah Rabi'ah bin Umaiyah bin Khalaf. Sebaik sahaja selesai Rasulullah menyampaikan ucapannya itu turunlah firman Allah yang yang bermaksud:

Di hari ini telah Ku sempurnakan hagi kamu agama kamu dan Kita lengkapkan ke atas kamu nikmatKu, dan Ku meredhai bagi kamu Islam sebagai Deen "

(al-Maaidah: 3)

Semasa Umar mendengar firman Allah itu beliau terus menangis dan setelah ditanya, mengapa beliau menangis? Jawab beliau: "Kerana selepas kesempurnaan akan menyusul pula kekurangan".

Selepas ucapan Rasulullah itu Bilal pun melaungkan azan dan iqamah untuk bersembahyang Zohor. Kemudian beliau iqamah pula untuk bersolat Asar tanpa melakukan sebarang solat lain di antara kedua-duanya. Sesudah itu Baginda menaiki kenderaannya dan bergerak hingga sampai ke suatu tempat perhentian dengan membiarkan perut untanya al-Qaswa' menyentuh ketulan-ketulan batu di situ, manakala saf pejalan-pejalan kaki berjalan tidak melebihi setakat hadapannya sahaja. Di situ Rasulullah mengadap ke arah qiblat, Baginda terus berdiri hinggalah matahari terbenam di ufuk langit dan sinaran kuning beransur-ansur hilang. Usamah pun menghalau unta Rasulullah hinggalah sampai ke Muzdalifah, di sana Rasulullah menunaikan Maghrib dan al-Isya' dengan satu azan dan dua iqamah tanpa membaca apa-apa tasbih pun di atara kedua-dua solat itu. Di situ Rasulullah beristirehat, dan tidur hingga ke Subuh. Baginda pun menunaikan solat Subuh setelah diazan dan diiqamah, sesudah itu Baginda menaiki unta al-Qaswa' dan berjalan hingga sampai ke kawasan al-Haram (masyh'ar al-Haram), menghadapkan muka Baginda ke arah kiblat sambil berdoa, bertakbir, bertahlil dan bertahmid. Baginda berdiri di situ hinggalah habis waktu pagi.

Rasulullah bergerak lagi dari al-Muzdalifah ke Mina sebelum matahari naik. Di sini al-Fadhil bin Abbas mengikuti dari belakang tunggangan Rasulullah hinggalah sampai ke Batn Mahsar, dengan melalui jalan tengah yang menuju ke Jamrah al-Kubra. Apabila Baginda sampai di sana terdapat sepohon kayu yang dikenali sebagai Jamrah al-Aqabah. Baginda terus melontar tujuh anak batu sambil bertakbir disetiap lontarannya dari Batan al-Wadi. Sesudah itu Baginda menuju ke tempat

sembelihan. Sebanyak enam puluh tiga (63) ekor unta Rasulullah sembelihkan kemudian diserahkannya kepada Ali bin Abi Talib untuk menyembelih yang bakinya, iaitu tiga puluh tujuh (37) ekor unta menjadi bilangan kesemuanya seratus ekor unta. Termasuk di antaranya sembelihan tadi ialah unta qurbannya. Sesudah selesai penyembelihan Baginda menyuruh supaya diambil serba sedikit daging dari setiap sembelihan dan dimasaknya dalam sebuah periuk. Setelah masak Baginda dan Ali memakan sedikit dari masakan dan mencuba kuahnya.

Kemudian Rasululah (s.a.w) menunggang untanya dan bergerak hingga sampai ke Kaabah, di sana Baginda bersembahyang Zohor, sesudah itu menziarahi orang-orang Banu Abdul al-Muttalib yang menjaga air zam-zam dan memberi minum kepada penziarah sekalian. Apabila melihat keadaan itu lantas Baginda berkata: "Ayuh! Rebutkan Banu Abdul al-Muttalib, kalau tidak ditakuti orang ramai mengatasi kamu pasti aku turut merebutnya bersama-sama kamu, justeru itu maka hadirin pun menghulurkan kepada Baginda setimba air dan Rasulullah (s.a.w) pun bersenang hati meminum darinya.

Di hari penyembelihan iaitu hari kesepuluh Zulhijjah, selepas waktu Dhuha Baginda membuat satu ucapan dari atas belakang baghalnya, "Syahba" manakala Ali bin Abi Talib menyampaikannya kepada orang ramai. Sidang hadirin ada yang duduk dan ada yang berdiri. Di dalam khutbahnya ini Baginda telah mengulangi beberapa perkara yang telah Baginda ungkapkannya kelmarin.

al-Syaikhan (dua orang Syeikh al-Hadith: al-Bukhari dan Muslim) telah meriwayatkan dari Abi Bakarah dengan katanya: Bahawa Rasulullah (s.a.w) telah menyampaikan kepada kami dihari al-Nahr - (penyembelihan) dengan sabdanya yang bermaksud:

"Sesungguhnya masa sudah pun beredar ke paksinya yang asal menepati dengan putaran di hari penciptaan langit dan bumi: Setahun dua belas bulan, empat darinya bulan haram, tiga bulan berturut-turut iaitu Zulkaedah, Zulhijjah dan Muharam. manakala sebulan lagi ialah bulan Rejab Mudhar. yang berida di antara Jamadilakhir dan Syaaban "

Sabdanyanya lagi: Ini bulan apa ? Jawab kami: "Allah dan RasulNya lebih mengetahui, Rasulullah (s.a.w) pun berdiam seketika, hinggalah kami menyangka Baginda akan menamakannya dengan satu nama lain. Tidaklah, ini bulan Zulhijjah? Jawab kami: Bahkan. Tanya Baginda lagi: Negeri ini, negeri apa? Jawab kami: Allah dan RasulNya lebih mengetahui. Sabda Baginda: Tidakkah, negeri ini dikenali sebagai "al-Baldah" ? Kata kami semua: Bahkan. Tanya Baginda lagi. Kita ini di hari apa? Kata kami; Allah dan RasulNya lebih mengetahui. Baginda berdiam sejurus hingga kami menyangka Baginda akan menukar kepada nama baru. Kemudian sabda Baginda: Tidakkah hari ini hari al-Nahr hari sembelihan qurban?. Jawab kami: Bahkan. Seterusnya Baginda bersabda:

Sesungguhnya darah kamu, harta kamu dan maruah kamu adalah haram di atas kamu sekalian, sama seperti haramnya hari kamu ini, di bumi kamu ini dan di bulan kamu ini. "Dan kamu akan menemui Tuhan kamu di mana Tuhan kamu akan menyoal kamu mengenai kerja-kerja kamu, beringatlah supaya jangan sekali-kali kamu menjadi sesat selepas pemergian ku nanti di mana sebahagian kamu berbunuhan sesama sendiri"

Tidakkah telah ku sampaikan? Jawab mereka: Ya!. Kata Rasululah (s.a.w): Ya Allah Ya Tuhanku persaksikanlah, hendaklah yang hadir di antara kamu ini menyampaikan kepada yang tidak hadir. Kerana boleh jadi yang menyampaikan itu lebih menyedari dari si pendengar"

Dalam satu riwayat yang lain bahawa Baginda bersabda di dalam ucapannya yang bermaksud:

Beringatlah, tiada siapa pun melakukan kesalahan kecuali kesalahan itu mengena ke atas dirinya. dan beringatlah tiada siapa pun melakukan kesalahan ke atas anaknya, dan tiada siapa pun di kalangan anak-anak melakukan kesalahan ke atas bapanya. Ingatlah bahawa Syaitan telah berputus asa dari ianya disembah di negeri kamu ini, tetapi ia akan memperolehi ketaatan dari kamu melalui kerja-kerja kamu yang kamu memperkecil-kecilkannya. Dengan itu syaitan akan bersenang hati dengannya "

Rasulullah tinggal di Mina sepanjang hari-hari tasyrik, mengerjakan ibadat dan mengajar hukum-hukam syariat, membuat tazkirah, membetulkan ajaran-ajaran hidayat dari ajaran Ibrahim, menghapuskan syirik dan kesan-kesannya. Rasulullah (s.a.w) juga membuat penyampaiap di sesetengah hari-hari tasyrik, di mana Abu Daud dengan. sanad hadith hasan, riwayat Sarra' binti Nubhan telah berkata: Rasulullah (s.a.w) telah memberi ucapannya di hari tasyrik itu dengan katanya: Tidakkah hari ini, hari tengah di antara hari-hari tasyrik. Ucapan Rasulullah itu seperti ucapannya di hari "al-Nahr" ucapan Baginda itu adalah selepas pcnurunan surah al-Nasr.

Di hari al-Nafar al-Thani iaitu hari ketiga belas Zulhijjah, Rasulullah (s.a.w) keluar dari Mina bergerak hingga ke tanah tinggi Banu Kinanah di ,iuatu kawasan lapanga. Baginda menghabiskan baki hari di situ hingga ke malamnya di mana Rasulullah (s.a.w) telah menunaikan solat Zohor, Asar, Maghrib dan Isya'. Setelah itu Rasulullah berbaring seketika, kemudian bangun dan bergerak menuju ke Kaabah, di sana Baginda melakukan tawafal-wida'.

Setelah selesai mengerjakan ibadat hajinya, Rasulullah (s.a.w) menggesa penunggang-penunggang pulang ke Madinah al-Mutahharah. Gesaan ini dibuat bukanlah kerana hendak memberi kesempatan untuk mereka mengambil peluang beristirehat tetapi adalah untuk menyambung dan meneruskan kembali perjuangan dan pertarungan untuk Allah dan ke jalan Allah.

UNIT TERAKHIR PENGHANTARAN .

Sikap keangkuhan kerajaan Rom sukar untuk menerima kehadiran Islam di arena penghidupan inilah yang membawa Rom membunuh pengikut-pengikutnya yang memeluk agama Islam, sebagaimana tindakannya ke atas Farwah bin al-Juzami Gabenor perlantikan Rom untuk daerah Maan, dibunuh kerana memeluk Islam.

Baginda melihat serius sikap Rom yang menyombong dan keras kepala tidak menentu, lantaran itu Rasulullah segera menyediakan satu angkatan yang besar pada bulan Safar tahun kesebelas (11) Hijrah, di

mana Usamah bin Zaid telah diberi tanggungjawab untuk mengepalai angkatan ini. Baginda memerintah supaya Usamah memasuki perbatasan al-Balqa' dan al-Darom di bumi Palestin bertujuan mengugut Rom dan mengembalikan kepercayaan bangsa Arab yang bersempadan dengan Rom, supaya mereka mengetahui bahawa kebiadapan dan keterlanjuran Rom itu tidak dibiar berlaku begitu sahaja disamping mengikis sindrom kononnya memeluk Islam hanya membawa kepada kematian semata-mata.

Orang ramai menyebut-nyebut tentang Usamah bin Zaid kerana beliau merupakan pemimpin tentera Islam yang masih muda, malah mereka mengharapkan supaya diperlewatkan sedikit penghantarannya. Di sini Rasulullah (s.a.w) mengulas dengan sabdanya yang bermaksud:

"Sekiranya kamu mempersoalkan kepimpinannya bererti kamu mempersoalkan kepimpinan bapanya yang terdahulu, demi Allah, meskipun kepimpinan dipertikaikan namun beliau adalah layak untuk tugas berkenaan, bapanya yang terdahulu adalah orang kesayangan ku, dan beliau ini juga adalah di antara orang kesayangan ku selepas bapanya yang terdahulu".

Dengan itu orang ramai pun mula berhimpun di sekeliling Usamah menyertai perbarisan tenteranya, akhirnya mereka semua bergerak hingga sampai dan singgah di "al-Jaraf' satu Farsakh jaraknya ke Madinah. Semasa tentera Islam di sana, mereka mendapat berita mengenai kesakitan yang dialami oleh Rasulullah (s.a.w), berita ini memaksa mereka teragak-agak untuk meneruskan pergerakan ini, supaya mereka dapat mengetahui ketetapan Allah itu. Dengan izinNya, Allah mentakdirkan tentera pimpinan Usamah ini merupakan penghantaran pertama yang dilakukan semasa pemerintahan Abu Bakr al-Siddiq.

MENEMUI ALLAH

Setelah Dakwah al-Islamiah sempurna dan Islam menguasai suasana maka tanda-tanda dan bahasa-bahasa pengucapan selamat tinggal kepada dunia dan manusia mula tertera di dalam ungkapan-ungkapan dan ucapan-ucapan Rasulullah (s.a.w) melalui perbualan dan perbuatan

Baginda.

Di dalam bulan Ramadhan tahun ke sepuluh Hijrah Baginda beriktikaf di masjid selama dua puluh hari, sedang sebelum ini hanya sepuluh hari sahaja, di dalam tempoh ini Jibrail (a.s) mendatangi Baginda untuk membuat ulangan dan tadarus al-Quran sebanyak dua kali. Di dalam Hajjah al-Wada' Baginda telah menyebut: "Sebenarnya berkemungkinan aku tidak akan menemui kamu lag! selepas pertemuan kita di tahun ini". Semasa di Jamrah al-Aqabah Baginda berkata : "Ambillah peribadatan haji ini dariku, boleh jadi aku tidak akan mengerjakan haji lagi selepas tahun ini". Surah al-Nasr turun di pertengahan hari-hari tasyrik, darinya Baginda mengetahui bahawa itu adalah ucapan selamat tinggal dan pemberitahuan tentang kematiannya.

Dipermulaan Safar tahun sebelas (11) Hijrah Rasulullah telah keluar ke Uhud, Baginda bersembahyang untuk para syuhada' sebagai mengucap selamat tinggal kepada sekalian yang hidup dan yang mati, dari situ Rasulullah kembali ke masjid menaiki mimbar dan berucap dengan sabdanya yang bermaksud: "Sesungguhnya aku telah berkeras dengan kamu, sesungguhnya daku adalah penyaksi ke atas kamu semua, demi Allah di masa ini daku sedang menyaksikan kolam airku (kurniaan kepada Rasulullah di hari perkiraan), daku ini telah diberi kunci khazanah kekayaan bumi atau kunci-kunci bumi, dan sesungguhnya daku tidak takut kamu menyekutui Allah selepas kematian ku ini, tetapi yang ku takut ialah kamu lumba-lumba kerana dunia".

Di suatu malam Rasulullah keluar ke kawasan perkuburan al-Baqi', di sana Rasulullah memohon keampunan untuk penghuni di kubur berkenaan dengan doanya yang bermaksud: "Assalamulaikum wahai penghuni kubur, bermudahlah kamu ke atas apa yang berlaku pada kamu, dengan apa yang berlaku ke atas orang lain, kini fitnah telah mula tiba, bak sebidang malam yang gelap pekat, hujungnnya terus menyusul selepas permulaannya, hujungnya lebih buruk dari permulaannya". Di sini Rasulullah menyampaikan berita gembira kepada mereka, dengan sabdanya yang bermaksud: "Sesungguhnya kami menyusul datang selepas kamu"

PERMULAAN SAKIT.

Di hari kedua puluh sembilan (29) bulan Safar tahun kesebelas (11) hijrah, pada han Isnin, Rasulullah berkesempatan menghadiri pengkebumian jenazah di al-Baqi'. Dipertengahan jalan sekembalinya Baginda dari al-Baqi', Baginda terasa sakit kepala, panasnya terlalu menjadi-jadi, orang yang disekeliling Baginda turut merasai kepanasannya terutama di atas kain balutan di kepala Baginda yang mulia itu.

Namun demikian Rasulullah terus bersolat dengan sekalian kaum muslimin dalam keadaan Baginda mengalami kesakitan untuk selama sebelas hari, sedang keseluruhan hari sakit Baginda tiga belas atau empat belas (13 atau 14) hari.

MINGGU TERAKHIR

Sakit semakin memberat, membawa Rasulullah bertanya isteri-isterinya; "Di mana giliran ku besok? Di mana giliranku besok?". Semua mereka memahami tujuan Rasulullah (s.a.w) itu, justeru itu Baginda dibenarkan untuk duduk di mana-mana sahaja, dengan itu Baginda berpindah ke rumah Aisyah, Baginda berjalan di antara al-Fadlu bin al-Abbas dan Ali bin Abi Talib, sedang kepala Baginda berbungkus dengan kain, meletak kakinya selangkah demi selangkah hinggalah Baginda memasuki rumahnya, di situ Baginda menghabiskan baki umurnya yang seminggu itu.

Aisyah (r.a) terus membaca surah-surah al-Muawwizah, dan doa-doa yang lain yang beliau terima dari Rasulullah (s.a.w). Beliau meniup ke atas badan Rasulullah (s.a.w) dan menyapu dengan tangan Baginda untuk memperolehi keberkatan.

LIMA HARI SEBELUM KEWAFATAN

Pada hari Rabu iaitu lima hari sebelum kewafatan, kepanasan badan Rasulullah semakin meningkat, di mana Rasulullah (s.a.w) semakin

bertambah sakit dan pening-pening menyebabkan Baginda menyuruh dengan sabdanya yang bermaksud: "Curahkan ke atas ku tujuh uncang air dari berbagai telaga supaya dapat ku keluar menemui orang ramai dan aku boleh bertemu dengan mereka". Dengan itu maka yang hadir di situ membiarkan Rasuiullah duduk di atas tilam kemudian mereka mencucuri air ke atas seluruh badan Rasuiullah, hingga Rasuiullah (s.a.w) berkata: "cukup, cukup".

Di ketika itu Rasuiullah terasa sakitnya berkurangan, dengan itu Baginda memasuki Masjid sedang kepalanya masih berbalut dengan kain, terus Rasuiullah duduk di atas minbar dan memberi ucapan kepada orang ramai. Di masa itu khalayak ramai pun melingkunginya, lantas Baginda bersabda yang bermaksud:

"Laknat Allah ke atas kaum Yahudi dan Nasrani kerana mereka menjadikan kubur-kubur nabi-nabi mereka sebagai masjid" Dalam riwayat yang lain "Allah mengutuk bangsa Yahudi dan Nasrani yang telah menjadikan kubur-kubur nabi-nabi mereka masjid" dan sabdanya: "Jangan sekali-kali kamu menjadikan kubur ku sebagai berhala yang disembah "

Tidak lupa Rasulullah menawar untuk orang ramai menuntut bela ke atas dirinya dengan berkata: "Siapa di antara kamu yang telah ku sebat belakangnya nah ini dia belakang ku untuk beliau menyebatnya sebagai menuntut bela, dan sesiapa yang telah ku hamun maruahnya, nah ini dia maruahku untuk beliau menuntut bela".

Kemudian Rasulullah (s.a.w) turun dari minbar dan menunaikan solat Zohor dan kembali duduk di atas mimbar semula dengan mengulangi soal perbalahan dan yang lain-lain hingga salah seorang yang hadir berkata: "Rasulullah (s.a.w) telah berhutang dari ku sebanyak tiga dirham yang belum jelas" Maka kata Rasulullah (s.a.w): "Fadhl! Jelaskan kepadanya". Kemudian Baginda mewasiatkan dan berpesan terhadap orang-orang Ansar dengan sabdanya yang bermaksud: "Daku berpesan kepada kamu sekalian, bersikap baiklah terhadap al-Ansar, mereka itu perut dan bekalan bagiku, mereka telah pun melaksanakan kewajipan mereka yang belum terlaksana ialah hak mereka. Untuk itu

terimalah kebaikan mereka dan beri maaflah kesalahan mereka"

Katanya pula: "Sesungguhnya aku ini seorang hamba Allah yang telah diberi pilihan untuk menerima kemewahan dunia secukupnya atau memilih kedudukan di sampingNya, di sini ku telah memilih kedudukan di sisiNya" Kata Abu Said al-Khudri: Di masa itu Abu Bakr menangis, dan katanya demi bapa kami dan ibu kami, kami korbankan. Kami yang hadir di ketika itu kehairanan dengan keadaan orang tua ini (yakni Abu Bakr), apa ceritanya?. Rasulullah menceritakan tawaran Allah (s.w.t) kepada RasulNya dua pilihan samada dunia atau pun kematian, tiba-tiba beliau menjawab "Kami korbankan bapa kami dan ibu kami", Rasulullah yang ditawarkan, bukan beliau, walau macam mana pun Abu Bakr adalah orang yang terlebih mengetahui di kalangan kami.

Kemudian Rasulullah pun berkata pula: Sesungguhnya orang yang paling selamat untuk ku bersahabat dan juga hartaku ialah Abu Bakr, seandainya harus ku mengambil teman selain dari Allah nescaya ku pilih Abu Bakr tetapi beliau adalah saudara, dan perhubungan mesra dalam Islam, mana-mana pintu dari rumah ke masjid semua harus ditutup kecuali pintu rumah Abu Bakr sahaja.

EMPAT HARI SEBELUM KEWAFATAN

Di hari Khamis iaitu empat hari sebelum kewafatan, sakit Baginda semakin berat, Baginda telah meminta dengan katanya: "Tolong bawa ke mari untuk ku tulis buat kamu semua bingkisan, di mana kamu tidak akan sesat lepas itu". Di dalam rumah di masa itu terdapat beberapa orang di antara mereka ialah Umar Ibn al-Khattab, dan beliau berkata: "Kini Rasulullah mengalami kesakitan yang teruk, kan kami sudah ada al-Quran, sudah cukup untuk kamu kitab Allah itu". Ahli keluarga Rasulullah berselisih pendapat dan berbalah, di antara mereka mengatakan: "Ayuh berikan sesuatu untuk Baginda tulis". Dan di antara mereka juga mengatakan seperti pendapat Umar tadi. Hingga dengan itu berlaku kesibukan dan percanggahan, menyebabkan Rasulullah berkata: "Ayuh! Kamu semua beredar dari sini".

Di hari itu Baginda membuat tiga wasiat iaitu Baginda berpesan supaya di halau keluar kaum Yahudi, Nasrani dan Musyrikin dari Semenanjung Tanah Arab, seterusnya Baginda berpesan supaya membenarkan kedatangan para perwakilan sebagaimana yang pernah Baginda lakukan. Adapun wasiat yang ketiga perawi hadith terlupa, boleh jadi pesanan supaya berpegang dengan kitab Allah dan sunnah Rasulullah atau meneruskan penghantaran tentera Islam pimpinan Usamah,'atau ianya perintah untuk bersembahyang dan membuat hubungan baik dengan hamba-hamba yang dimiliki.

Walau pun nabi dalam keadaan sakit namun Baginda terus bersembahyang mengimami sidang jemaah sekalian, hingga ke hari Khamis empat hari sebelum Baginda wafat. Di hari itu Baginda bersembahyang maghrib dengan membaca surah "al-Mursalat ".

Semasa sembahyang Isya' sakit Baginda bertambah berat, menyebabkan Baginda tidak terdaya untuk keluar ke masjid, kata Aisyah: Rasulullah bersabda yang bermaksud: "Apakah orang ramai sudah sembahyang?". Kata kami: "Tidak wahai Rasulullah, mereka semua sedang menunggu tuan hamba". Kata Baginda lagi: Sediakan air di dalam talam itu". Kami pun berbuat mengikut seperti suruhan Baginda, dengan itu Baginda pun bersuci, dan bangun namun Baginda telah pitam di situ kemudian sedai bertanya pula: "Apakah orang ramai sudah bersembahyang. Kejadian pitam ini berulang kali berlaku seperti yang pertama iaitu selepas Baginda bersuci, akhirnya Baginda suruh Abu Bakr bersembahyang mengimami orang ramai. Abu Bakr pun melaksanakan perintah Baginda mengimami orang ramai untuk hari-hari itu sebanyak tujuh belas (17) waktu semasa hayat Rasulullah (s.a.w).

Dalam hal ini Aisyah telah meminta Rasulullah mengubah arahannya itu, bertujuan memberi orang lain menjadi imam, supaya orang ramai tidak beranggapan tak elok, namun Rasulullah tetap menolak dan berkata: "Kamu semua adalah wanita-wanita pencinta Yusof, banyak berdalih, ayuh suruh Abu Bakr bersembahyang mengimami orang.

SEHARI ATAU DUA HARI SEBELUM WAFAT

Di hari Sabtu atau Ahad nabi (s.a.w) merasa dirinya ringan sedikit, justeru itu Baginda keluar dengan dibantu oleh dua orang untuk bersembahyang Zohor, sedang Abu Bakr mengimami orang ramai. Sebaik sahaja Abu Bakr terlihat Baginda beliau pun berundur ke belakang, tetapi Rasulullah (s.a.w) memberi isyarat supaya jangan beliau berundur, Rasulullah menyuruh dua orang yang membantu Baginda supaya mendudukkan Baginda sebelah Abu Bakr, mereka berdua pun mendudukkan Rasulullah (s.a.w) di sebelah kiri Abu Bakr, dan Abu Bakr mengikuti (beriqtida') dengan Rasulullah di dalam sembahyangnya, di samping memperdengarkan takbir-takbir kepada sekalian jemaah.

SEHARI SEBELUM WAFAT

Pada hari Ahad iaitu sehari sebelum wafat, Rasulullah (s.a.w) memerdekakan kesemua hamba sahaya, bersedekah dengan tujuh dinar yang Baginda miliki pada ketika itu, semua senjata-senjatanya diberikan kepada kaum muslimin. Di malam berkenaan Aisyah meminjam minyak untuk menghidupkan lampu dari jirannya, baju besi Rasulullah tergadai pada seorang Yahudi dengan tiga puluh (30) cupak beras bali.

HARI TERAKHIR DALAM HAYAT BAGINDA

Anas bin Malik meriwayatkan katanya: Sekalian kaum muslimin yang sedang bersolat Subuh di belakang Abu Bakr di hari Isnin itu dikejut oleh kemunculan Rasulullah dari sebelah tabir bilik Aisyah sedang jemaah bersembahyang. Baginda melihat dan memberi senyumannya, Abu Bakr pun berundur ke belakang untuk menyertai saf di belakang, kerana beliau menyangka Rasulullah hendak keluar bersembahyang. Kata Anas lagi: Hampir-hampir sidang jemaah terpesona dengan solat mereka kerana gembira melihat Rasulullah (s.a.w) namun Baginda memberi isyarat kepada mereka supaya meneruskan sembahyang. Lepas itu Baginda melepaskan tabir dan masuk ke dalam. Selepas itu

Rasulullah (s.a.w) tidak berkesempatan lagi untuk bersembahyang lima waktu yang lain.

Semasa siang semakin cerah Rasulullah (s.a.w) menjemput Fatimah dan membisik kepadanya sesuatu, menyebabkan beliau menangis, lepas itu Baginda memanggil Fatimah dan membisik kepadanya sesuatu menyebabkan Fatimah tersenyum, kemudian Aisyah berkata: Kami pun bertanya apa ceritanya?. Jawab Fatimah: "Baginda membisik bahawa Allah akan menjemputnya melalui sakit yang Baginda alami ini, itulah yang membawa aku menangis, pada kali kedua Rasulullah (s.a.w) membisikkan bahawa daku ahli keluarganya yang diwafatkan Allah selepas Baginda, itulah yang menyebabkan daku tersenyum".

Selain dari itu Rasulullah (s.a.w) juga memberi khabar gembira (tabsyir) kepada Fatimah bahawa beliau adalah Syayyidah Nisa' al-'Alamin (Penghulu Wanita Dunia). Fatimah melihat beban kesakitan terlalu berat dialami oleh Rasulullah (s.a.w). Beliau berkata: "Alangkah berat siksa bapa". Jawab Rasulullah (s.a.w): "Tiada siksa lagi bagi bapamu selepas hari ini".

Di saat ini Rasulullah (s.a.w) memanggil al-Hasan dan al-Husain dan Baginda mencium kedua-duanya sambil berwasiat kepada mereka berdua dengan kebaikan, kemudian Rasulullah menjemput isteri-isterinya, menasihati dan memperingatkan mereka.

Kesakitan semakin bertambah, dan kesan racun yang Baginda termakan di hari Khaibar boleh dilihat, menyebabkan Rasulullah berkata: "Wahai Aisyah kini aku masih terasa sakit kesan makanan di hari Khaibar dahulu, inilah masanya aku mendapati nafas ku sesak terputus-putus kerana kesan racun itu". Rasulullah mewasiatkan orang ramai dengan sabdanya: "Solat, solat dan berbuat baiklah kepada hamba sahaya milik kamu". Baginda mengulangi ungkapan ini berkali-kali.

NAZAK

Saat nazak mendatangi Rasulullah (s.a.w), dan Aisyah bertindak membiarkan Rasulullah (s.a.w) bersandar kepadanya. Hal ini beliau ceritakan dengan katanya: "Sebenarnya di antara nikmat anugerah

Allah ke atas ku di mana Rasulullah meninggal di rumahku, di hari giliran ku di antara dada dan leherku, dan mencantumkan di antara liur ku dan liur Baginda semasa kewafatan Baginda. Sebelum itu Abdul al-Rahman bin Abu Bakr telah masuk ke bilik beliau dengan memegang kayu suginya, dan aku membiarkan Rasulullah (s.a.w) bersandar, kulihat Rasulullah (s.a.w) memerhati ke arahnya, ku sedar bahawa Rasulullah (s.a.w) suka dan hendakkan siwak (sugi) tersebut. Justeru aku bertanya: Mahukah ku ambil untukmu Rasulullah? Rasulullah (s.a.w) pun mengangguk kepalanya, kemudian ku berikan siwak kepada Baginda, tetapi ianya keras sedikit dan ku berkata: Biarkan ku lembutkannya? Baginda menganguk kepalanya, dengan itu ku pun melembutkannya, maka Rasulullah (s.a.w) pun bersugi dengannya". Dalam satu riwayat lain bahawa Baginda bersugi dengan sepuas-puasnya, pada masa itu terdapat sebuah bijana di hadapan Rasulullah berisi air di mana Baginda memasukkan tangannya untuk menyapukan air ke mukanya sambil berkata yang bermaksud: "Sebenar kematian ini ada sakarahnya" - al-Hadith.

Tidak berapa lama selepas Baginda selesai menyugi giginya, Rasulullah pun mengangkat tangannya ke langit atau jarinya diikuti dengan renungan matanya ke atas, disusuli dengan gerakan bibirnya. Aisyah telah mendengar ungkapan terakhir yang dilafazkan oleh Rasulullah (s.a.w) seperti berikut :

Bersama-sama dengan mereka yang telah Engkau kurniakan dan golongan para nabi, siddiqin, syuhada' dan salihin, Ya Allah Ya Tuhanku ampunilah daku dan kasihanilah daku, letakkanlah daku dengan Kekasih yang Tertinggi, Ya Allah Ya Tuhanku Kekasih yang Tertinggi.

Baginda mengulangi lafaz yang terakhir sebanyak tiga kali dan tangan Baginda pun layu turun ke bawah, maka Baginda pun terus bersama Kekasih Yang Tertinggi. "Sesungguhnya kita ini bagi Allah dan sesungguhnya kepadaNya kita semua kembali".

Peristiwa kewafatan Rasulullah ini berlaku ketika pagi sudah meningkat di hari Isnin dua belas (12) Rabiulawwal tahun kesebelas

(11) Hijrah di waktu usia Rasulullah genap enam puluh tiga (63) tahun dan empat (4) hari.

KEPILUAN MENYELUBUNGI PARA SAHABAT

Kini berita kewafatan Rasulullah yang memilukan itu tersebar luas, suasana muram menyelubungi persada Madinah dan cerok daerahnya, kata Anas: "Tidak pernah ku melihat satu hari lebih ceria dan bercahaya dari hari kedatangan Rasulullah (s.a.w) ke Madinah dan tidak pernah pula ku lihat satu hari yang lebih buruk dan muram dari hari kewafatan Rasulullah (s.a.w)".

Selepas wafatnya Rasulullah (s.a.w) puteri Baginda, Fatimah (r.a) telah mengucapkan suatu ungkapan: "Duhai ayahku, kau menyahut seruan Tuhamu, duhai ayahku, syurga al-Firdaus kesudahanmu, duhai ayahku, kepada Jibril jua kami bertakziah mengenai kewafatanmu"

SIKAP UMAR

Di hari itu Umar telah berdiri di hadapan khalayak ramai dan mengikut riwayat menceritakan bahawa beliau telah terkeluar dari kewarasannya dengan berkata: "Sebenarnya terdapat beberapa orang munafiqin telah menyebut bahawa Rasulullah telah wafat, sesungguhnya Rasulullah (s.a.w) tidak wafat, cuma beliau pergi menemui Tuhannya seperti Musa bin Amran pergi menemui Tuhannya, Musa menghilang diri untuk selama empat puloh malam, kemudian Baginda pulang semula setelah orang berkata, yang Musa telah mati. Demi Allah, Rasulullah (s.a.w) pasti akan pulang semula, sesiapa yang menyangka bahawa Rasulullah (s.a.w) telah wafat mesti dipotong tangan dan kaki-kaki mereka.

PENDIRIAN ABU BAKR

Abu Bakr memecut kudanya, berlari dari rumahnya di al-Sanh, sesampainya ke perkarangan masjid beliau terus masuk ke dalam masjid. Tanpa bercakap sepatah pun dengan orang ramai beliau memasuki bilik Aisyah menuju ke tempat Rasulullah yang sedang

berbaring ditutupi dengan kain. Beliau membuka tutupan muka Rasulullah (s.a.w, terus memeluk dan mencium muka Rasulullah sambil menangis dan berkata: "Demi dikaulah ibu ayahku, Allah tidak akan mengenakan kau dua kematian, adapun kematian yang ditulis ke atas mu ini sudah kau hadapinya".

Setelah itu Abu Bakr dan Umar keluar menemui orang ramai, di mana Abu Bakr berkata: "Wahai Umar sila duduk" Namun Umar enggan untuk duduk. Orang ramai pun melingkungi Abu Bakr dan membiarkan Umar di situ. Abu Bakr berucap kepada sidang hadirin dengan katanya:

"Adapun selepas tahmid dan syukur maka ingin ku menyebut di sini, sesiapa di antara kamu yang menyembah Muhammad sesungguhnya Muhammad telah mati dan sesiapa yang menyembah Allah maka sesungguhnya Allah itu hidup dan tidak akan mati ".

Kemudian beliau membaca ayat Allah:

"Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang Rasul, sesungguhnya telah berlalu sebelumnya beberapa orang Rasul. Apakah jika dia wafat atau dibunuh kamu berbalik ke belakang (yakni murtad). Maka sesiapa yang berbalik ke belakang, maka ia tidak dapat mendatangkan mudarat kepada Allah sedikit pun, dan Allah akan memberi balasan kepada orang-orang yang bersyukur".

(ali-Imran : 144)

Kata Ibn Abas: Demi Allah, di masa itu manusia ramai bagaikan tidak mengetahui bahawa Allah telahpun menurunkan ayat ini kecuali setelah Abu Bakr membacanya, dengan itu orang ramai pun menerima dan membacanya.

Kata Ibn al-Musaiyab: Umar telah menyebut: "Demi Allah, sebaik sahaja aku terdengar apa yang diunggapkan oleh Abu Bakr itu aku terasa kakiku sudah tidak berdaya lagi untuk berdiri, memanglah aku terus terhumban ke tanah sebaik sahaja mendengar apa yang dibaca oleh Abu Bakr itu, kerana aku sudah dipastikan dengan kewafatan Rasulullah".

KAFAN DAN PERSEMADIAN JASAD MULIA BAGINDA KE PEMBARINGAN TERAKHIR

Telah timbul perselisihan pendapat di antara para sahabat sebelum urusan perkafanan mengenai persoalan khalifah. Berlakulah perbahasan dan perdebatan di antara kaum Muhajirin dan al-Ansar di halaman rumah Banu Sa'adah yang mana akhirnya mereka semua bersetuju melantik Abu Bakr sebagai khalifah Rasulullah. Perbahasan ini memakan masa hingga ke akhir hari Isnin, malah hingga masuk ke malam berikut menyebabkan orang ramai turut sibuk. Pengkembumian jasad Baginda tertangguh hingga ke malam Selasa malah hingga menjelang subuh hari berikut, di mana jasad Rasulullah yang penuh berkat itu terletak di tempat tidurnya, tertutup dengan kain menyebabkan ahli keluarga Baginda menutup pintu rumah.

Di hari Selasa barulah diuruskan mandi jasad Rasulullah (s.a.w) tanpa membuka bajunya, mereka yang bertugas memandikan Baginda ialah al-Abbas, Ali, al-Fadhl dan Qatham(kedua-dua anak al-Abbas), Syaqran(hamba Rasulullah), Usamah bin Zaid dan Aws bin Khawli. Abbas, al-Fadhl dan Qatham membalikkan badan Rasulullah, Usamah dan Syaqran menjiruskan air, Ali menggosoknya sedang Aws pula menyandarkan Rasulullah ke dadanya. Kemudian mereka semua mengkafanki'n jasad Rasulullah (s.a.w) di dalam tiga lapis kain kafan berwarna putih tenunan dari al-Yaman, tidak berbaju atau berserban. Dikafannya jasad Rasulullah (s.a.w) ke dalam ketiga-tiga lapisan kain kafan tadi dengan cermat dan penuh hemat.

Di saat pekebumian sekali lagi kaum muslimin berikhtilaf tempat persemadiannya, namun kesudahannya Abu Bakr bangun dan berkata: "Sesungguhnya aku telah mendengar Rasulullah (s.a.w) pernah berkata: Tidak dimatikan mana-mana nabi kecuali di tempat itulah ia disemadikan". Justeru itu maka Abu Talhah pun mengangkat tempat tidur Rasulullah (s.a.w) dan digalinya lubang sebagai kubur berliang lahad.

Sebelum itu kaum muslimin masuk membanjiri bilik Rasulullah (s.a.w) dengan bertali arus sepuluh selepas sepuluh, menunaikan solat jenazah,

masing-masing tanpa imam. Mula-mula sekali Baginda disembahyangi oleh keluarga Baginda, kemudian Muhajirin diikuti oleh al-Ansar. Kaum wanita bersembahyang selepas kaum lelaki diakhiri oleh lapisan kanak-kanak.

Kesemuanya ini diselenggarakan pada hari selasa sehari suntuk, malah hingga ke malam Rabu. Kata Aisyah: "Kami bagaikan tidak menyedari pengkebumian kecuali setelah kami terdengar suara cangkul menggali tanah di tengah malam yakni malam Rabu.

MUHAMMAD SALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM NABI YANG TERAKHIR

Nabi Muhammad 'Alaihi Wasallam ialah Nabi yang ter-akhir dan tidak ada Nabi selepasnya. Ini adalah kata sebulat suara umatIslam (ijma'). Di dalam agama pula dikenal dengan suatu perkara yang mesti dipercayai ('Aqidah).Sepotong Hadith Nabi yang bermaksud:

"Aku dan Para Anbiya' sebelumku 'ibarat satu bangunan yang dibina oleh seorang laki-laki. Lalu ia membinanya dengan baik dan dipercantikkannya kecuali pada tempat sekeping batu-bata pada suatu sudut. Maka orang ramai datang mengelilinginya dan kagum melihat dan berkata mengapa tidak diletakkan seketui batu-bata di tempa yang kosong itu, maka akulah batu-bata itu dan akulah penyudah segala Nabi".

Pertautan dan hubung-kait da'wah Nabi Muhammad 'Alaihi Wasallam dengan da'wah para Anbiya' terdahulu adalah bertujuan memperkuat dan memperkemas atau sebagai kesimpulan dan penutupan, sepertimana yang dapat difahamkan dari Hadith yang tersebut di atas. Ini tegas sekali bila melihat di mana da'wah para Anbiya' seluruhnya bersendarkan dua asas yang penting:

1. 'Aqidah kepercayaan.
2. Perundangan dan akhlaq.

Dari segi 'aqidah kepercayaan langsung tidak berubah sejak Nabi Adam 'Alaihi Sallam hinggalah ke zaman Nabi Muhammad SallaLlahu 'Alaihi Wasallam, Nabi yang terakhir, iaitu kepercayaan kepada Allah Yang Esa. Mensucikan Allah dari sifat- sifat kekurangan dan percayakan hari akhirat, hisab amalan manusia, syurga dan neraka. Tiap Nabi menyeru kaumnya kepada kepercayaan tersebut dan tiap Nabi juga menyokong dan menegaskan apa yang dibawa oleh Nabi yang terdahulu darinya.

Rangkaian pengutusan para Anbiya' sekeliannya menunjukkan kepada kita yang nabi-nabi semuanya di utus supaya menyeru manusia ke arah keimanan dengan Allah 'Azza wa jalla Yang Esa, seperti yang dinyatakan dalam kitabNya: Yang bermaksud:

"Diturunkan kepada kamu sekelian agama sepertimana yang diutuskan kepada Nuh dan yang diwahyu kepada seperti juga yang diutuskan kepada Ibrahim, Musa dan Harun agar kamu menegakkan agama dan jangan berpecah-belah kerananya."

(Asy - Syuura 42 : 13)

Malah langsung tidak tergambar kepada kita yang seruan para Anbiya' itu akan berlainan di antara satu dengan yang lain mengenai soal 'aqidah, sebab soal 'aqidah adalah soal berita dan perkhabaran dan tidak akan berlainan perkhabaran dan berita dari seseorang itu sekiranya perkara itu benar. Tidak diterima oleh 'aqal manusia bahawa Allah telah mengutus seorang Nabi mengatakan Allah itu tiga-Maha Suci Allah, kemudian diutuskan seorang Nabi lain mengatakan bahawa Allah itu Esa dan kedua-dua perkhabaran itu kemudian dianggap benar belaka. Ini tidak mungkin berlaku. Ini bersangkut dengan 'aqidah, bersangkut dengan tasyri' (perundangan). Perundangan (ahkam) ini pula bertujuan mengatur penghidupan sesebuah masyarakat. Peribadi manusia adalah berbeda kualiti dan kuantitinya sesuai dengan pengutusan seseorang nabi itu, sebab tasyri' itu bukanlah untuk menyampaikan perkhabaran dan berita semata-mata tetapi bertujuan untuk mengadakan dan mewujudkan masyarakat yang sempurna. Sudah barang pasti di mana masa dan keadaan sesuatu kaum itu memberi kesan dan pengaruh-pengaruh terhadap perkembangan

perundangan sebab timbulnya undang-undang itu adalah demi muslihat dan kepentingan serta faedah manusia. untuk dunia dan akhirat. Pengutusan nabi-nabi yang terdahulu adalah semata-mata untuk kaum itu sahaja tidak merupakan pengutusan yang menyeluruh. Justeru itu maka implikasinya terhadap perundangan tasyri' adalah nyata sekali. Umpamanya pengutusan Musa 'Alaihi Sallam kepada Bani Israel adalah untuk bangsa dan zaman itu sahaja. Dikatakanundang-undang yang diturunkan untuk Bani Israel itu sesuai untuknya kerana undang-undang itu nyata keras dan memangsesuai dengan bangsa yang bersifat keras kepala. Apa yang dibawa oleh Nabi 'Isa pula adalah sederhana sedikit dari apa yang dibawa oleh Nabi Musa tadi. Perkara ini nyata sekali kalau diperhatikan apa yang ditegaskan oleh Allah dalam kitab Al-Qur'an Yang bermaksud:

"Membenarkan apa yang dihadapanKu iaitu Kitab Al- Taurat dan menghalalkan separuh dari apa yang diharamkan ke atas kamu dahulu. "

(Ali-Imran 3 : 50)

Apa yang dibawa oleh Nabi 'Isa adalah membenarkan dan menegaskan apa yang dibawa oleh Al-Taurah mengenai soal 'aqidah dan kepercayaan, dan yang bersangkut dengan hukum tasyri' ada sedikit perubahan iaitu kelonggaran dari yang dahulu. Kesimpulan yang dapat kita ambil dari sini ialah, tiap pengutusan itu mengandungi 'aqidah dan tasyri'. Kepercayaan dan 'aqidah yang dibawa oleh seseorang Nabi itu fungsinya menguat dan menyokong 'aqidah Anbiya' yang terdahulu. Sedangkan syari'at pula fungsinya membatal dan memansuhkan syari'at para Anbiya' dahulu dan kadangka lanya menyokong yang lama. Justeru itu maka tidak ada agama dan 'aqidah Ilahi berbilang-bilang dan beranika corak tetapi sebaliknya terdapat berbagai syari'at Ilahi yang kemudian memansuhkan yang dahulu dan yang baharu membatalkan yang lama, hinggalah sampai kepada syari'at yang terakhir disudahi dengan Nabi yang terakhir. 'Aqidah dan agama yang benar itu satu. Tiap Nabi dan Rasul yang diutuskan mulai dari Adam 'Alaihi sallam hingga ke Nabi Muhammad semuanya menyeru manusia kepada agama

yang satu iaitu agama Islam. Lantaran Islam maka diutuskan Ibrahim, Isma'il dan Ya'qub 'Alaihi sallam seperti firman Allah: Yang bermaksud:

"Sesiapa yang enggan dengan agama Tbrahim kecuali manusia yang memperbodohlcan diri sendiri, Kami telah pilihnya di dunia dan sesungguhnya di akhirat dia adalah dari golongan salih. Ketika Allah menyerunya supaya beriman (menyerah diri kepada Allah) jawabnya; telahpun aku serahkan dinku kepada Allah Tuhan sekelian 'alam dan Ibrahim telah berwasiat kepadaanak-anaknya, demikian pula Ya'qub dengan katanya: Hai anakku, sesungguhnya Allah telah memberi untukmu agama dan jangan sekali-kali kamu mati kecuali kamu adalah orang Islam."

(Al-Baqarah 2:130 - 132)

Dengan 'aqidah inilah juga Allah mengutus Nabi Musa kepada keturunan Israel di rnana Allah telah menceritakan tentang ahli sihir Fir'aun yang telah beriman dengan Nabi Musa.

Firman Allah Yang bermaksud:

"Ahli-ahli sihir itu menjawab: sesungguhnya kepada Tuhanlah kami kembali. Dan Kamu tidak membalas dendam dengan menyiksa kami, melainkan kerana kami telah beriman kepada ayat-ayat Tuhan kami ketika ayat-ayat itu datang kepada kami. Ya Tuhan kami, limpahkanlah kesabaran kepada kami dan wafatkanlah kami dalam keadaan kami menyerah din kepadaMu."

(Al-A'raaf 7:125 - 126)

Dengan 'aqidah ini jugalah Tuhan mengutus 'Isa 'Alaihi sallam, di mana Tuhan telah menceritakan tentang kaumnya yang telah beriman dengan ajaran yang dibawanya. Firman Tuhan Yang bermaksud:

"Para hawariyyin (sahabat-sahabat setia) menjawab: Kamilah penolong-penolong (agama) Allah. Kami beriman kepada Allah dan saksikanlah bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang yang menyerahkan din."

(Ali-'Imran 3 : 52)

Mungkin ditimbulkan pertanyaan. Kenapakah rnereka yang mengaku sebagai pengikut-pengikut Nabi Musa mempunyai'aqidah tersendiri ddak kena mengena dengan 'aqidah keesaan yang dibawa oleh para Anbiya'? Dan mengapakah mereka yang mengaku sebagai pengikut Nabi 'Isa menganuti suatu 'aqidah yang tersendiri? Sebagai jawapannya kita sarankan dalil al-Qur'an: Yang bermaksud:

"Sesungguhnya agama di sisi ALlah hanyalah Islam. Tidak berselisih orang-orang yang diberi Al Kitab kecuali setelah datangpengetahuan kepada mereka, kerana berdengkian di antara mereka."

(Ali-'Imran: Ayat 19)

Dan tegas Tuhan lagi dalam surah Al-Syura Yang bermaksud:

"Dia telah mensyari'atkan bagi kamu tentang agama apa yang tehh diwasiatkanNya kepada Nuh dan apa ang telah Kami wahyukan kepadamu. "

(Al-Syura 42:13)

"Dan mereka (abli kitab) tidak berpecah-belah melainkan sesudah datangnya pengetahuan kepada mereka kerana kedengkian antara mereka. Kalau tidak kerana suatu ketetapan yang telah ada dari Tuhanmu dahulu nya (untuk menangguhkan 'azab) sampai kepada waktu yang ditentukan, pastilah mereka telah dibinasakan. Dan sesungguhnya orang-orang yang diwariskan kepada mereka Al-Kitab (Taurat dan Injil) sesudah mereka benar-benar berada dalam keraguan yang mengejutkan tentang kitab itu."

(Surah al-Syura 42:14)

Para Anbiya' diutuskan bersama-sarna mereka yang Islam, agama yang diakui oleh Allah. Ahli Kitab mengetahui bahawa agama itu satu dan diutuskan nabi-nabi untuk memberi sokongan kepada nabi-nabi yang terdahulu.